

UCAPAN-UCAPAN

TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN

1974

Diterbitkan oleh
Arkib Negara Malaysia
dengan kerjasama
Jabatan Perdana Menteri

DICETAK OLEH
IBRAHIM BIN JOHARI, P.I.S., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR
1979

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENDAHULUAN	1
PENJELASAN	5
SINGKATAN	6
UCAPAN-UCAPAN:	
Speech by the Prime Minister at the Opening Ceremony of the Tenth Anniversary Celebrations of the Society of Parasitology and Tropical Medicine, Malaysia at the Nurses Auditorium, General Hospital, Kuala Lumpur on 11th January, 1974 ...	9
Remarks by the Prime Minister at the Dinner in Honour of His Excellency Mr Kakuei Tanaka, Prime Minister of Japan at Sri Taman, Kuala Lumpur on 12th January, 1974	15
Ucapan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO Malaysia di Pembukaan Konvensyen UMNO Selangor di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 19hb Januari, 1974	19
Ucapan Perdana Menteri di Perjumpaan PERKIM di Kuantan, Pahang pada 25hb Januari, 1974	27
Welcoming remarks by the Prime Minister at the Dinner in Honour of the Prime Minister of Australia, the Rt. Hon'ble Gough Whitlam at Sri Taman, Kuala Lumpur on 29th January, 1974	32
Response from the Prime Minister at the Dinner in his Honour by the visiting Australian Prime Minister, the Rt. Hon'ble Gough Whitlam at Istana Tetamu, Kuala Lumpur on 30th January, 1974 ...	35

MUKA SURAT

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Meletakkan Batu Asas Tugu Peringatan Negara Pusat Asal Kuala Lumpur pada 1hb. Februari, 1974 37

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Mengislamkan Saudara-saudara Baru di Sri Taman, Kuala Lumpur pada 11hb Februari, 1974 41

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Pesta Pembangunan Negeri Johor di Muar, Johor pada 14hb Februari, 1974 42

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Konvensyen UMNO Johor di Muar, Johor pada 1hb Februari, 1974 48

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Konvensyen UMNO Melaka di Dewan Hang Tuah, Melaka pada 16hb Februari, 1974 56

Speech by the Prime Minister at the Islamic Summit Conference, Lahore, Pakistan on 24th February, 1974 64

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Persidangan Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Pulau Pinang pada 9hb Mac, 1974 72

Ucapan Perdana Menteri di Konvensyen UMNO Trengganu di Kemaman, Trengganu pada 14hb Mac, 1974 81

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Kursus Jawatankuasa Kemajuan Kampung Negeri Trengganu di Kemaman, Trengganu pada 14hb Mac, 1974 90

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Datuk Bandar, Kuala Lumpur di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 22hb Mac, 1974 95

MUKA SURAT

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Konvensyen Pertama mengenai Ekonomi Malaysia anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 25hb Mac, 1974 103

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Sekolah Menengah Ugama, Pulau Tawar, Jerantut, Pahang pada 28hb Mac, 1974 108

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Merasmikan Pusat Perkhidmatan Pertanian Temin, Jerantut, Pahang pada 28hb Mac, 1974 113

Speech by the Prime Minister at the Opening of the Annual Gathering of Rotary District 330 at Ipoh, Perak on 30th March, 1974 117

Remarks by the Prime Minister while proposing a Toast at the Wedding Reception of Encik H. S. A. Azman and Cik Elina Mae Kuok at Nirwana Room, Hotel Hilton, Kuala Lumpur on 13st March, 1974 123

Ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Nabi Muhammad (S.A.W.) di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 5hb April, 1974 127

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Penyampaian Hadiah Sastera tahun 1973 di Lake Club, Kuala Lumpur pada 13hb April, 1974 131

Ucapan Perdana Menteri di atas Usul Y.B. Tun Mustapha Hussein Mengemukakan 'Akta Pengakuan Faedah-faedah Kewangan Ahli-ahli Parlimen 1974' di Dewan Rakyat pada 16hb April, 1974 134

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Makan Malam Persatuan Doktor-Doktor Gigi Malaysia yang ke Tiga Puluh Satu di Lake Club, Kuala Lumpur pada 19hb April, 1974 138

MUKA SURAT

Ucapan Perdana Menteri semasa Menjawab Teguran oleh Ahli-ahli yang Berhormat di Dewan Rakyat di atas Titah Diraja di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 22hb April, 1974 142

Ucapan Perdana Menteri mengenai Langkah-langkah untuk Mencegah Inflasi di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 23hb April, 1974 150

Address by the Prime Minister at the Seventh Annual Meeting of the Asian Development Bank at Hilton Hotel, Kuala Lumpur on 25th April, 1974 158

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Perjumpaan dengan wakil-wakil Badan-badan Dakwah Seluruh Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 29hb April, 1974 164

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan kerana meraikan Persaraan Y.A.B. Tun Tan Siew Sin di Dewan Jamuan, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 30hb April, 1974 168

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Sambutan sempena Perayaan Jubli Perak MTUC di Bangunan MTUC, Petaling Jaya pada 1hb Mei, 1974 172

Speech by the Prime Minister at the Opening of Sixteenth Session of the Asian Advisory Committee of the I.L.O. at Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur on 2nd May, 1974 176

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak pada 10hb Mei, 1974 181

Ucapan Perdana Menteri sempena Perasmian Hari Guru di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 16hb Mei, 1974 185

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Kilang Syarikat Goodyear Malaysia Berhad di Shah Alam, Selangor pada 18hb Mei, 1974 189

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan kerana meraikan Perdana Menteri Chou En-Lai di Dewan Besar Rakyat, Peking pada 31hb Mei, 1974 ... 195

Ucapan Perdana Menteri di Rapat Umum Barisan Nasional di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 2hb Jun, 1974 199

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Penyampaian Sijil kepada Peserta-peserta Rancangan Latihan Executive di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 3hb Jun, 1974 206

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Perasmian Pamiran "Raja Kita" di Muzium Negara, Kuala Lumpur pada 4hb Jun, 1974 209

Ucapan Menyembah Ucap Tahniah dan Selamat oleh Perdana Menteri sempena Ulangtahun Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 5hb Jun, 1974 212

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia di Dewan Jamuan Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 8hb Jun, 1974 218

Address by the Prime Minister at a Special Sitting of the 59th Session of the International Labour Conference, Geneva on 11th June, 1974 222

Ucapan Perdana Menteri ketika Merasmikan Seminar Para Pengarang dan Penerbit Akhbar seluruh Malaysia di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 17hb Jun, 1974 235

MUKA SURAT

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Pembukaan rasmi Pesta Pembangunan Kebangsaan Kedua di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 20hb Jun, 1974 ... 241

Address by the Prime Minister at the Opening Ceremony of the Fifth Islamic Conference of Foreign Ministers at Parliament House, Kuala Lumpur on 21st June, 1974 248

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Perasmian Persidangan Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 22hb Jun, 1974 257

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Bangunan MOCCIS (Malay Officers Co-operative Credit and Investment Society Ltd.) Jalan Melaka, Kuala Lumpur pada 23hb Jun, 1974 262

Ucapan Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri, di Perhimpuan Agung UMNO yang Kedua Puluh Lima di Dewan Nirwana, Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 29hb Jun, 1974 265

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Sidang Khas MIC di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 7hb Julai, 1974 284

Ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Agung Parti Bumiputra Sarawak di Kuching, Sarawak pada 13hb Jun, 1974 288

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Persatuan Syarikat Peminjam (Association of Borrowing Companies) di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 16hb Julai, 1974 294

Ucapan Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 17hb Julai, 1974 299

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Rumah Sembelih Shah Alam, Selangor pada 18hb Julai, 1974 305

Speech by the Prime Minister at the Opening Ceremony of Sixth Asian Congress of Gynaecologists and Obstetricians at Federal Hotel, Kuala Lumpur on 21st July, 1974 309

Ucapan Perdana Menteri ketika Mengemukakan Usul Mengenai Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya atas Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri bagi Semenanjung Malaysia di Dewan Rakyat pada 23hb Julai, 1974 313

Ucapan Perdana Menteri ketika Mengemukakan Usul Mengenai Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya atas Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri bagi Negeri Sabah di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 23hb Julai, 1974 318

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Persatuan Perunding Majikan-majikan Tanah Melayu (MECA) di Hotel Hilton, Kuala Lumpur Lumpur pada 25hb Julai, 1974 321

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 26hb Julai, 1974 324

Ucapan Perdana Menteri di Perhimpunan Gerakan Belia 4B Malaysia di Johor Baharu, Johor pada 29hb Julai, 1974 328

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Pamiran Seniukir Kayu Traditional di Muzium Negara, Kuala Lumpur pada 31hb Julai, 1974 ... 333

MUKA SURAT

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Pembukaan Rasmi Muktamar Intelek Islam di Dewan Al Malik Faisal, Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan, Petaling Jaya, Selangor pada 2hb Ogos, 1974 ... 338

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Rasmi Bank Pembangunan Malaysia Berhad di Pejabat Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bangunan MOCCIS, Jalan Melaka, Kuala Lumpur pada 3hb Ogos, 1974 343

Speech by the Prime Minister at the Official Opening of the ECAFE/IULA Regional Seminar on Local Government Finance at Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur on 5th August, 1974. 348

Ucapan Perdana Menteri menerusi Radio sebagai Pengerusi Barisan Nasional ketika melancarkan Siri Ceramah Politik di Radio Malaysia pada 11hb Ogos, 1974 354

Ucapan Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional melalui Radio Malaysia Sarawak pada 22hb Ogos, 1974 361

Ucapan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional Menggulung Siri Ceramah Politik menerusi Radio Malaysia pada 22hb Ogos, 1974 366

Ucapan Hari Kebangsaan oleh Perdana Menteri menerusi Radio/TV Malaysia pada 30hb Ogos, 1974 371

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Perdana sempena Menyambut Perayaan Jubli Perak di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 1hb September, 1974 377

Address of Welcome by the Prime Minister at the Opening of the Twenty Fifth Session of the W.H.O. Regional Committee Meeting for the Western Pacific Region at Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 2nd September, 1974 380

Speech by the Prime Minister and the President of the Outward Bound Trust at the Annual General Meeting of the Trust at Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang, Kuala Lumpur on 4th September, 1974 ... 384

Speech by the Prime Minister at the Opening of the Ninth Malaysia-Singapore Congress of Medicine at the General Hospital, Kuala Lumpur on 6th September, 1974 387

Address by the Prime Minister at the Opening of the Financial Times Conference on South East Asia's Resources and the World Economy at Hilton Hotel, Kuala Lumpur on 17th September, 1974 391

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran Angkatan Tentera Malaysia di Stadium Angkatan Tentera, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur pada 28hb September, 1974 397

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Pembukaan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1394/1974 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 2hb Oktober, 1974 402

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran 1394/1974 di Stadium Merdeka, Kuala Kuala Lumpur pada 7hb Oktober, 1974 407

Ucapan Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidilfitri siaran melalui Radio/TV Malaysia pada 16hb Oktober, 1974 411

MUKA SURAT

Address by the Prime Minister at the Joint Meeting of the ASEAN Standing Committee and Secretaries General with ASEAN Permanent Committee Chairman in Kuala Lumpur on 22nd October, 1974 417

Opening address by the Prime Minister at the Fifteenth Session of the International Tin Council, Kuala Lumpur on 24th October, 1974 425

Speech by the Prime Minister at the Official Launching of the Pertanian Baring Sanwa Multi-National Berhad at Nirwana Room, Hotel Hilton, Kuala Lumpur on 25th October, 1974 431

Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Hotel Regent, Kuala Lumpur pada 26hb Oktober, 1974 ... 435

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Perayaan Hari Wanita dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 27hb Oktober, 1974 438

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Penubuhan Lembaga Perpaduan Negara di Pejabat Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 28hb Oktober, 1974 443

Speech by the Prime Minister at the Official Launcing of D & C Nomura Merchant Bankers Berhad at the Nirwana Hall Hotel Hilton, Kuala Lumpur on 28th October, 1974 447

Ucapan Perdana Menteri semasa Mengemukakan Usul merakamkan Ucapan Terima Kasih atas Perkhidmatan Bekas Yang Dipertua Dewan Rakyat, Yang Berbahagia Tan Sri C. M. Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman di Dewan Rakyat pada 6hb November, 1974 449

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Makan Malam Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia di Dewan Perhimpunan China, Jalan Birch, Kuala Lumpur pada 9hb November, 1974 451

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Menyambut Perayaan Jubli Perak Kesatuan Pekerja-pekerja Pejabat Pos di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 16hb November, 1974 456

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Meletakkan Batu Asas Dewan Bandaran Taiping sempena Merayakan Ulangtahun yang ke Seratus Bandar Taiping pada 21hb November, 1974 461

Speech by the Prime Minister inaugurating the Colloquim on Policy Analysis and Development, organised by the United Nations Asian Development Centre for Development Administration (ACDA) at the Ballroom, Regent Hotel, Kuala Lumpur on 25th November, 1974 466

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam kerana Menyambut Ulangtahun Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang Ketiga di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 27hb November, 1974 473

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Penyampaian Diploma Maktab Turus Angkatan Tentera di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur pada 29hb November, 1974 479

Ucapan Perdana Menteri di Pertandingan Akhir Kejohanan Perbahasan antara Sekolah-sekolah Berasrama Penuh di Oditorium Besar Wisma Radio Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 30hb November, 1974 483

Address by the Prime Minister at the Opening of the Conference on Tall Buildings at Equatorial Hotel, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur on 2nd December, 1974 487

MUKA SURAT

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Bank Simpanan Nasional di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 5hb Disember, 1974 491

Ucapan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO Malaysia, di Perhimpunan Khas Pemimpin-pemimpin UMNO di Dewan Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 6hb Disember, 1974 495

Ucapan Perdana Menteri melalui Radio/TV Malaysia berhubung dengan Demonstrasi-Demonstrasi Pelajar-pelajar Universiti pada 8hb Disember, 1974 505

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Rasmi Rancangan Perhubungan Masyarakat di Dewan Jamuan, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 19hb Disember, 1974 511

Speech by the Prime Minister at the Prize Giving and Closing Ceremony of the First Asian Chess Team Championship at Dewan Sri Pinang, Penang on 20th December, 1974 519

Ucapan Perdana Menteri Melancarkan Rancangan Buku Hijau di Bilik Gerakan Perdana Menteri, Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur pada 20hb Disember, 1974 523

Ucapan Perdana Menteri di Upacara Merasmikan Pembukaan Kilang Syarikat Penfibre, Sendirian Berhad di Kawasan Perindustrian Prai, Pulau Pinang pada 27hb Disember, 1974 527

Ucapan Perdana Menteri sempena Tahun Baru 1975 menerusi Radio/TV Malaysia pada 30hb Disember, 1974 532

"Semenjak beberapa tahun ini kita melihat perkembangan ekonomi yang amat menggembirakan. Kita telah berjaya memperluaskan peluang ekonomi—enlarge the National Economic Cake—supaya setiap rakyat mendapat bahagian yang adil dan dapat menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna. Saya percaya kalau setiap orang sanggup tampil ke muka untuk merebut peluang yang terbuka kepada mereka di bawah Dasar Ekonomi Baru, sudah pasti tujuan dan matalamat kita akan tercapai dengan jayanya."

TUN ABDUL RAZAK

Di Pembukaan Rasmi Persidangan Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Pulau Pinang pada 9hb Mac, 1974.

PENDAHULUAN

Tahun 1974 merupakan tahun keempat Y.A.B. Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri. Ucapan-ucapan yang dipilih untuk penerbitan siri ini mengandungi ucapan-ucapan beliau di samping menjadi Perdana Menteri juga memegang jawatan Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Kewangan. Masaalah penting yang ditekankan di dalam ucapan-ucapannya adalah berkisar kepada ekonomi, pembangunan, perpaduan, keamanan, keselamatan dan dasar luar negeri.

Sepanjang tahun 1974, berbagai langkah dijalankan untuk menjayakan cita-cita kerajaan hendak membina negara yang maju, moden dan bersatu menerusi "Dasar Ekonomi Baru". Y.A.B. Tun Abdul Razak sendiri mengakui iaitu masaalah pokok masih belum dapat diatasi iaitu kemiskinan rakyat dan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara satu kaum dengan kaum yang lain, yang terpisah pula antara satu dengan lain kepada sesuatu jenis pekerjaan dan cara hidup yang berasingan. Masaalah indentification ini merupakan masaalah paling rumit warisan dari zaman penjajahan dulu.

Selaras dengan usaha-usaha menggalakkan kaum Bumiputra di lapangan perdagangan dan perindustrian, tindakan diambil memperkemaskan segala dasar kerajaan supaya tidak menyekat peluang atau hak kaum lain untuk bergerak maju. Kerajaan ingin melihat sebahagian daripada peluang baru yang terbuka di lapangan perdagangan dan perindustrian disertai dan diusahakan bersama oleh kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra supaya menjauhkan diri menjadi "monopoly" satu-satu golongan sahaja. Dasar Ekonomi Baru Kerajaan adalah untuk semua rakyat tidak kira kaum atau golongan tetapi Kerajaan berharap kaum-kaum lain bukan sahaja memahami akan perlunya penyertaan kamu Bumiputra di dalam sektor ekonomi moden tetapi bersedia tampil kehadapan membantu dan bersama-sama dengan Bumiputra menjayakan usaha dalam lapangan tersebut. Ilmu pengetahuan berterutama pengetahuan Sains dan Teknoloji merupakan faktor yang sangat penting

dalam memperimbangkan masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar terutama dalam bidang pertanian dan perindustrian.

Pada tahun ini juga adalah merupakan tahun kemuncak kemelesetan atau inflasi ekonomi negara dan internasional. Kerajaan tidak dapat melarikan diri tanggungjawab ini. Dengan arahan-arahan Y.A.B. Tun langkah-langkah telah dijalankan untuk mengawal inflasi dengan jalan untuk mengurangkan tekanan ini terutama kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan kaum tani. Kerajaan telah memberi elaun bantuan khas, memberikan subsidi untuk barang-barang keperluan seperti beras, gula, tepung dan minyak; bantuan buku-buku sekolah percuma, pengecualian cukai ke atas beberapa barang-barang impot yang mustahak dan subsidi baja urea kepada petani-petani untuk membantu pengeluaran padi dengan harga yang patut. Langkah-langkah lain Kempen Anti Sorok dilancarkan di seluruh negara, Ringgit Malaysia telah diapungkan dan langkah-langkah kewangan dan belanjawan akan mengurangkan lagi arah aliran kenaikan wang.

Satu lagi rancangan raksaksa 1974 yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Tun ialah Rancangan Buku Hijau atau Gerakan Bumijaya. Rancangan ini melibatkan semua golongan dan lapisan masyarakat untuk berusaha mengeluarkan barang-barang pertanian atau makanan dengan lebih banyak lagi di seluruh pelusuk negara dengan cara memaksimakan penggunaan tanah.

Dalam bidang hubungan luar negeri pula hasil dari langkah-langkah yang bijak yang telah dijalankan oleh Y.A.B. Tun telah meletakkan Malaysia nama yang harum serta menduduki tempat yang tertinggi di mata dunia international. Kemuncak dari usaha-usaha di bidang diplomatik ialah termeterainya hubungan rasmi antara Malaysia dengan Republik Rakyat China semasa lawatan Y.A.B. Tun ke Peking. Pemilihan Kuala Lumpur sebagai tempat Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam adalah merupakan kegiatan dan usaha Y.A.B. Tun mendekati Negara-negara Islam dan ini meletakkan mertabat Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia Islam dan juga dunia international di samping membawa munafaat

dari beberapa segi seperti menegakkan persaudaraan Islam dan tambahan perdagangan. Y.A.B. Tun menegaskan Dasar hubungan luar negeri kita hari ini mempunyai tiga arah yang utama iaitu kerjasama serantau atau regional co-operation; kerjasama dengan negara-negara Islam oleh kerana kita adalah negara Islam, dan ketiganya, persahabatan yang luas atau dasar saling menghormati dan berbaik-baik tidak mengira sistem ekonomi/politik atau corak pentadbiran sesebuah negara.

Di dalam masaalah keselamatan, hasil pertemuan Y.A.B. Tun dengan Pengerusi Mao-Tse-Tung semasa lawatan ke Peking menyatakan pengganas-pengganas kominis ini adalah masaalah Malaysia sendiri dan kita berhak mengambil apa juga tindakan untuk menghapuskan atau menyelasaikannya. Y.A.B. Tun menyeru mereka supaya menghentikan perbuatan sia-sia dan jahat yang merugikan negara dan kembali kepada masyarakat.

Y.A.B. Tun sering menanamkan rasa kesedaran yang mendalam bahawa hidup mati atau survival negara dan bangsa Malaysia bergantung kepada perpaduan rakyat dan harmoni antara kaum. Atas kesedaran ini Y.A.B. Tun telah melancarkan dengan rasminya Rancangan Pembangunan Masyarakat dijalankan serentak di seluruh negara. Rancangan yang bertujuan untuk menghindarkan prasangka terutama penduduk-penduduk bandar serta membimbing dan memupuk masyarakat supaya mempunyai cita-cita yang sama mengenai harapan dan keyakinan dalam sebarang usaha untuk membaiki ekonomi dan sosialnya yang saling mengerti antara satu sama lain.

Jika diteliti ucapan-ucapan Y.A.B. Tun sepanjang 1974 terdapat tiga perkara yang sering ditegaskan dan dititikberatkan. Pertama, perpaduan dan persefahaman antara rakyat berbilang kaum dalam Malaysia. Kedua, kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang berlandaskan kepada perancangan dan tindakan—Programme and action oriented dan ketiga, perpaduan dan persefahaman terutama di kalangan ahli-ahli parti di semua peringkat yang bergabung dalam Barisan Nasional. Ketegasan beliau di atas perkara-perkara ini maka tidak hairanlah Parti yang mendukung kerajaan iaitu Barisan Nasional telah memenangi Pilihanraya Umum 1974; lebih daripada 85% daripada semua bangsa adalah menyokong Parti tersebut. Pilihanraya Umum ini berjalan dengan lancar, aman dan sempurna.

Di dalam usaha mengumpul ucapan-ucapan tahun 1974 ini banyak Jabatan telah dihubungi untuk mendapatkan kerjasama. Arkib Negara ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua Jabatan yang memberi bantuan dan khasnya Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan dan Jabatan Cetak Kerajaan. Kerjasama dan bantuan yang diperolehi sangat-sangat menggalakkan dan memuaskan.

2hb Januari, 1978.

PENJELASAN

Indeks

Ucapan-ucapan yang terdapat di dalam penerbitan ini adalah diterbitkan di dalam bahasa asalnya. Indeks untuk ucapan-ucapan ini adalah disediakan mengikut bahasa ucapan asalnya, iaitu indeks di dalam bahasa Malaysia untuk ucapan dalam bahasa Malaysia dan indeks di dalam bahasa Inggeris untuk ucapan dalam bahasa Inggeris.

Nombor Kelasifikasi

Di atas tiap-tiap ucapan diberikan satu uombor kelasifikasi, misalnya, TR 3:2:74. Ini adalah nombor kelasifikasi Arkib untuk tiap-tiap ucapan asal di dalam siri ini yang disimpan di Arkib Negara.

SINGKATAN

ABC, Association of Borrowing Companies

ACDA, Asian Centre for Development Administration

ADB, Asian Development Bank

ASEAN, Association of South East Asian Nations

BBC, British Broadcasting Commission

BERNAMA, Berita Nasional Malaysia

CMAAO, Confederation of Medical Association in Asia and Oceanic

DAP, Democratic Action Party

ECAFE, Economic Commission for Asia and the Far East

EEC, European Economic Community

EPF, Employees Provident Fund

FAMA, Federal Agricultural Marketing Authority

FELCRA, Federal Land Consolidation and Rehabilitation

FELDA, Federal Land Development Authority

FIDA FMM, Federal Industrial Development Authority

FMM, Federation of Malaysian Manufacturers

FMS, Federated Malay States

GNP, Gross National Product

ILO, International Labour Organisation

IMF, International Monetary Fund

IMR, Institute of Medical Research

INTAN, Institiut Tadbiran Awam Negara

ITK, Institiut Teknoloji Kebangsaan

ITM, Institiut Teknoloji Mara

LKTP, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

LLN, Lembaga Letrik Negara

LPN, Lembaga Padi dan Beras Negara

LPP, Lembaga Pertubuhan Peladang

MARA, Majlis Amanah Rakyat

MARDI, Malaysian Agricultural Research and Development Institute

MAS, Malaysia Airline System

MCA, Malaysian Chinese Association

MCE, Malaysian Cartificate of Education

MCIS, Malaysian Co-operative Insurance Society

MCKK, Malay College Kuala Kangsar

MCP, Malaysian Communists Party

MDA, Malaysian Dental Association

MECA, Malaysian Employees Consultative Association

MIC, Malaysian Indian Congress

MIM, Malaysian Institute of Management

MISC, Malaysian International Shipping Corporation

MMA, Malaysian Medical Association

MOCCIS, Malay Officers Cooperative Credit and Investment Society Limited

MRDC, Malaysian Rubber Development Corporation

MTN, Multi-Lateral Trade Negotiations

MTUC, Malaysian Trade Union Congress

NISIR, National Institute of Scientific and Industrial Research

NPC, National Productivity Centre

PAS, Parti Islam Se Malaya

PATA, Pacific Area Travel Association

PBSM, Pertanian Baring Sanwa Multi-National Berhad

PEKEMAS, Parti Keadilan Masyarakat

PERKIM, Pertubuhan Kebajikan Islam

PERNAS, Perbadanan Nasional Barhad

PERTAMA, Persatuan Wartawan Wanita Malaysia

PETRONAS, Petroleum Nasional

PPP, People's Progressive Party

PPTD, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik

PRC, Peoples Republic of China

RISDA, Rubber Industry Smallholders Development Authority

RRC, Repablik Rakyat China

RRI, Rubber Research Institute

SEDC, State Economic Development Corporation

SNAP, Sarawak National Party

SUPP, Sarawak United People's Party

TDC, Tourist Davelopment Cooperation

TLDM, Tentera Laut DiRaja Malaysia

TUDM, Tentera Udara DiRaja Malaysia

UDA, Urban Development Authority

UMNO, United Malays National Organisation

UNDP, United Nations Development Programme

UNESCO, Nnited Nations Educational Scientific and Cultural Organisation

WHO, World Health Organisation

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING CEREMONY OF THE TENTH ANNIVERSARY CELEBRATIONS OF THE SOCIETY OF PARASITOLOGY AND TROPICAL MEDICINE, MALAYSIA, AT THE NURSES AUDITORIUM, GENERAL HOSPITAL, KUALA LUMPUR ON 11TH JANUARY, 1974

Professor C. P. Ramanchandran, President of the Society of Parasitology and Tropical Medicine, Malaysia, Tan Sri Lee Siok Yew, Minister of Health, Distinguished delegates, Ladies and Gentlemen.

It gives me much pleasure to be here this evening at this Opening Ceremony of the Tenth Anniversary Celebrations of the Society of Parasitology and Tropical Medicine, Malaysia, and, at the same time, to declare open the Seminar specially organised for the occasion. I would like to join with you, Mr President, in welcoming our guests from overseas who have been so kind to participate in the celebrations. I am sure, Ladies and Gentlemen, your hosts will spare no effort to make your stay here both pleasant and memorable.

Ladies and Gentlemen.

Going back a little on history, I have been given to understand that at its inaugural meeting in 1964, this Society was named "The Society of Parasitologists". But the chief convenor and the first President of the Society decided to have the name changed to "The Society of Parasitology and Tropical Medicine" because it appeared that he was often embarassed by well-meaning friends who addressed him as the chief parasite. This personality is none other than Professor A. A. Sandosham who I understand is being honoured today by the Society for his past services. In fact, it was less than a month ago, at the gathering of the King Edward VII, Faculty of Medicine Alumni that I had the pleasure of citing one of Sandy's spicy anecdotes and I would like to take this opportunity to congratulate him for all that he had done in the cause of medicine. It is also a happy coincidence that in his quest for knowledge as to the cause and origin of the Elephantisis, a disease much dreaded by the fair sex in particular, Sandy found

his way to my home district of Pekan where this disease was widely prevalent—at one time. I think the young girls there owe a debt of gratitude to Sandy for having saved them from this unpleasant disease.

I am indeed happy that since much earlier on as Deputy Prime Minister and now as Prime Minister, I have been closely associated with many medical organisations besides the Alumni, viz. the Academy of Medicine, the Orthopaedic Surgeons, the General Practitioners, CMAAO and now the Society of Parasitology. I have been following the excellent work and record of the Society and its ever-expanding interests in providing a common meeting ground for scientists not only from within the region but also beyond to meet at seminars and conferences like this to discuss and exchange scientific information.

I would like to offer my hearty congratulations to the Presidents and members (past and present) of the Society and I am sure the succeeding Presidents of the Society will continue the good work of the Society and uphold its name and prestige in the years to come.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

If I correctly recollect, it was not very long ago that the post-graduate study in Tropical Medicine could only be done overseas, either in London or Liverpool, in so far as these candidates from the former British territories. We have since made tremendous progress on our own in this country—particularly after we have established our Medical School ten years ago which, up-to-date, has graduated our home-grown doctors.

However, I feel somewhat disappointed with our young doctors if the article in the recent issue of MMA Newsletter truly reflects their ambition and aspirations. It is not quite right, to my mind, especially at the present stage of our national development, for our young professionals—be they doctors or engineers or architects—to be impatient to achieve a higher status. It is bad enough for the Government to lose the services of medical officers who resign either to specialise by their own effort or just to enter general practice. But, it is far worse, if in their desire to make a success of their practice and achieve affluence quickly, they either forget or even flout medical ethics by prescribing imitation drugs or indulging in other unethical practices.

Ladies and Gentlemen.

Parasites are universal; they are of all sizes and shapes; they are to be found in the vegetable and animal kingdoms including the human society. Being fully aware of what these medical, social and political parasites could do to hinder our national development and progress, I would like to refer to our government's New Economic Policy for the benefit of our guests specially.

The principles and beliefs guiding the development of Malaysian society are enshrined in the Rukunegara or the National Ideology. It is our hope to build a new Malaysian Society with a common value system which transcends existing ethnic, cultural and socio-economic differences. The Rukunegara provides the cohesive force for national unity and solidarity and seek the emergence of a modern socio-economic environment in which there will be adequate opportunities for advancement to all Malaysians, irrespective of racial origin. In its essence, the New Economic Policy is designed to eradicate poverty amongst all Malaysians, irrespective of race; and to restructure the Malaysian society so that the present identification of race with economic functions and geographical locations is reduced and eventually eliminated.

The objectives of the New Economic Policy are set within the perspective framework of twenty years or approximately a generation, for their achievement. The Second Malaysia Plan marks the first five years of this perspective period.

Ladies and Gentlemen.

In the effort to eradicate poverty, our objective is not only to increase income but also to ensure that the poor have access to such basic needs and amenities such as adequate nutrition, health, housing, education and transportation. More important, the Government seeks to cultivate the spirit of self-reliance and a positive attitude among the people to actively participate in the whole range of socio-economic development programmes and improve their standard of living and that of the generations to come.

The first three years of the Second Malaysia Plan have witnessed considerable expansion and the progress has been remarkable despite the world-wide down-swing in economic activity during 1971-72. The health sectoral plan of the Second Malaysia Plan is

an important part and parcel of the Government's total socio-economic programmes based on the New Economic Policy and has been drawn up to make further advances in the just distribution of the health services between the urban and rural areas.

I am greatly satisfied with the progress and achievements of the Ministry of Health which with 577 projects completed, 255 projects under construction, 95 projects out on tender, 285 projects in various stages of planning, and these out of a total of 1,374 projects planned under the Second Malaysia Plan, leads all other Ministries and Departments. I take this opportunity to congratulate the Minister of Health and his staff for their fine record and performance. If I were to indulge in a little crystal gazing, I can see clearly that this area in front of us bounded by Jalan Pahang, Jalan Raja Muda and Jalan Pekeliling will become one of the finest Medical Centres in the Southeast Asian Region, for medical research and the teaching and training of medical and para-medical scientists, both at graduate and post-graduate levels. The new Hospital Besar, the new IMR and the Faculty of Medicine will together provide specialised training facilities for the all important categories of technical manpower that are necessary for adequate and efficient medical and health-care services as envisaged under the New Economic Policy.

The Government has been most generous in the allocation of funds for the development of health and other social services in the country. As an example of this, in the 1974 budget the largest slice (27.89%) goes to the Social Services and of this $1,206.1 and $857.1 million go to the Ministries of Education and Health respectively.

I hope the Malaysian Society of Parasitology and Tropical Medicine will continue to grow from strength to strength by providing a forum for medical research workers to get together to discuss and exchange information and scientific knowledge.

Once again, I would like to congratulate the Organising Committee for preparing such an excellent programme to celebrate the 10th Anniversary of the Society in a manner befitting its stature and standing. I have no doubt that both the celebrations and this Seminar will meet with success.

It now gives me a great pleasure to declare open the Tenth Anniversary Celebrations of the Society of Parasitology and Tropical Medicine, Malaysia. Thank you.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein sedang berucap merasmikan pembukaan Perayaan Ulangtahun Ke 10 dan Seminar Persatuan Kajiparasit dan Perubatan Tropika Malaysia di Oditorium Jururawat, Hospital Besar, Kuala Lumpur pada 11hb Januari, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein sedang minum selamat untuk kesejahteraan T. Y. T. Kakuei Tanaka dan Kerajaan serta rakyat Jepun ketika meraikan Perdana Menteri itu di Majlis Makan Malam di Seri Taman, Kuala Lumpur pada 12hb Januari, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

REMARKS BY THE PRIME MINISTER AT THE DINNER IN HONOUR OF HIS EXCELLENCY MR. KAKUEI TANAKA, PRIME MINISTER OF JAPAN, AT SRI TAMAN, KUALA LUMPUR ON 12TH JANUARY, 1974

Mr Prime Minister, Excellencies, Gentlemen.

It gives me great pleasure to extent to you, Mr Prime Minister, and to members of your party, the warm and cordial greetings of the Government and people of Malaysia.

We are happy to welcome you, Mr Prime Minister, not only as the distinguished leader of your country but also as a man of many and remarkable accomplishments. The vigour and energy which are associated with you, paralled in many ways with the dynamism and drive that have made Japan one of the world's leading economic powers.

I recall with pleasure, Mr Prime Minister, my various visits to your country. The last occasion was my meeting with you in July and I am delighted that you are now able to visit us. I have looked forward to this opportunity to renew and strengthen our personal contact, and also to reciprocate, in a small way, the many kindnesses accorded to me in the past by the Japanese Government.

I am only sorry, Mr Prime Minister, that this, your first visit to our country should be so brief. But I trust even in this limited time within the city of Kuala Lumpur, you would have captured something of the energy and vitality that is rapidly transforming our country and moving our people forward.

Mr Prime Minister.

There is little doubt that relations between Japan and Malaysia have always been cordial and friendly. After all, we share many things in common. Our ideals and aspirations for a stable, prosperous and peaceful world have been reflected in our bi-lateral co-operation in many fields. Japan is one of Malaysia's most important trading partners. The economic co-operation that exists between us has helped to bring our two countries closer together.

Together with our other friends, we consult on matters of common concern at various international forums. All these things

show that differences in size, in wealth and in influence, do not prevent two countries from pursuing relations based on mutual respect for each other's independence and interests, that are truly beneficial for both.

During your short stay, Mr Prime Minister, you will see, at first hand, some of the manifestations of the close economic links between our two countries. I am certain that the presence of Japan in Malaysia's economic life will increase as the tempo of our development becomes more rapid.

As you may be aware, Mr Prime Minister, we in Malaysia have only recently completed our mid-term review of the Second Malaysia Plan. Much progress has been made, but more still needs to be done before our economy is fully self-sustaining. In this effort, there is great scope for co-operation between us both at the governmental and non-governmental levels.

As I have said many times already, we welcome the participation of Japanese business and industrial interests in the economic life of this country. We would like to welcome them not as strangers but as friends, who will feel free to mix and move among us. We would like to see them not as an alien or an isolated group in our midst but as part of the general community. This, we feel, is the only way that an atmosphere of goodwill in their business dealings can be brought about. We would like to think that they are here not only as businessmen interested purely in profit but as partners who have a mutual interest in our development and our success. Profit is, of course, an important element in business. But there must also be an element of concern, of the desire to help, which itself, in the long run, constitutes good business. Without this element, the business relationship becomes sterile and may eventually turn sour.

It is in this same spirit that we also welcome the participation of the Japanese Government in our economic development. I have no doubt that with the accelerating pace of our development, Japan can have an increasingly important part to play in the coming years. We in Malaysia would like to see Japan play the role of a friend and co-operate with us on a basis of equality as true and constructive partners in development for mutual benefit.

I myself have often stated—and I am sure you would agree with me—that foreign aid should be granted sincerely without

strings. I believe strongly that in all joint projects there should be a spirit of compromise, of give-and-take, and a generous and sincere desire to help. Without being complacent, I think we can say that the record of co-operation between our two countries in the past has been good, and I should like here to express publicly our very deep appreciation of the assistance we have received from Japan. I am sure that we can co-operate even more fruitfully and constructively in the future and I look forward to greater efforts by both sides to bring this about.

Mr Prime Minister.

Here in Southeast Asia, there is still much that needs to be done to bring about an environment of lasting peace and security. There is a new mood of co-operation in our region. All countries who have interests in this part of the world should seize this opportunity to create a new and better climate of international relations, based on trust and goodwill. We in ASEAN have endeavoured, first amongst ourselves, to do this. The Kuala Lumpur Declaration which seeks to create a "Zone of Peace, Freedom and Neutrality" in Southeast Asia is a manifestation of our commitment to our common future. But our approach is not inward-looking. There is a legitimate role for all to play in Southeast Asia and Japan in particular has an important and a natural role. It is in the interest of your country and the major countries of the world which have a stake in Southeast Asia, to work with ASEAN and through ASEAN, to strive for peace, stability and prosperity in the region.

What we are working for is a situation where the major powers will see their common interest in adopting policies which support the constructive indigenous efforts of the Southeast Asian countries themselves. We have known, from our own experience, Mr Prime Minister, that constructive co-operation between all countries, irrespective of their social systems, is not only desirable but possible. We must try to evolve the kind of enduring and mutually rewarding friendship and co-operation that will be of benefit to all.

The next two days, Mr Prime Minister, will provide us ample opportunity to exchange views on all these matters, freely and frankly. May I, therefore, conclude now by extending once more to you, Mr Prime Minister, and to the members of your party a very warm welcome to Malaysia. I hope also that, despite a

busy programme ahead, you will be able to have a relaxing and enjoyable stay in Kuala Lumpur.

May I now invite all present to join me in a toast to the good health of His Excellency Prime Minister Tanaka of Japan and the Government and people of Japan.

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP PRESIDEN UMNO MALAYSIA DI PEMBUKAAN KONVENSYEN UMNO SELANGOR DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 19HB JANUARI, 1974

Y.A.B. Dato' Harun bin Haji Idris, Ketua Perhubungan UMNO Negeri Selangor, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat bersama-sama dengan ahli-ahli UMNO dari Bahagian-bahagian Negeri Selangor dalam Konvensyen UMNO yang diadakan pada hari ini. Saya mengucapkan terimakasih di atas sambutan dan juga kerjasama UMNO Selangor bagi mengadakan Konvensyen yang penting dan mustahak ini. Saya telah mengarahkan semua Bahagian-bahagian UMNO mengadakan Konvensyen di peringkat negeri sebelum diadakan Mesyuarat Perwakilan Bahagian dan Mesyuarat Agung Cawangan-cawangan.

Saudara-saudara sekalian.

Tujuan mengadakan Konvensyen ini, seperti saya telah terangkan pada masa saya membuka Konvensyen-konvensyen di negeri-negeri yang lain yang telah pun mengadakan Konvensyen ini, ialah supaya memberi kesedaran dan kewaspadaan kepada ahli-ahli UMNO sekalian tentang keadaan ekonomi dan suasana politik negara kita serta mengekalkan kesedaran dan kewaspadaan itu. Sangat mustahak untuk menjamin kekuatan dan perpaduan parti bahawa ketua-ketua UMNO di peringkat Bahagian dan Cawangan dan seterusnya semua ahli-ahli UMNO faham dan sedar akan tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing. Faham dan sedar akan pergolakan di negara kita, baik dari segi politik mahupun dari segi ekonomi dan sosial.

Tujuan kedua mengadakan Konvensyen ini ialah supaya memberi peluang kepada ahli-ahli UMNO sekalian mendengar penerangan dari Ketua-ketua dan Pemimpin-pemimpin dari Ibu Pejabat dan memberi peluang kepada mereka sendiri membincang antara satu dengan lain perkara-perkara yang berkaitan dengan parti dan negara. Dengan demikian, diharap akan dapat

menambahkan pengetahuan dan meluaskan pandangan ahli-ahli tentang usaha-usaha pembangunan yang sedang dilaksanakan sekarang terutama dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Dengan itu dapatlah ahli-ahli UMNO memberi kerjasama yang lebih sempurna dan berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita dan matalamat Kerajaan bagi membina satu negara yang maju, moden dan bersatu padu serta memberi rakyat di negara kita, khasnya mereka yang tidak berada yang duduk di kampung-kampung dan di kawasan luar bandar mata pencarian yang lebih tinggi dan taraf hidup yang lebih sempurna sesuai dengan zaman kemajuan sains dan teknoloji ini.

Ketiganya, diharapkan dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan dalam Konvensyen ini ahli-ahli UMNO dapat menentukan atau mengidentifykan masaalah-masaalah masyarakat di sekeliling mereka, baik di kampung-kampung mahupun di bandar-bandar supaya dengan itu dapat kita bersama-sama mengatasi masaalah-masaalah itu serta mencari solutionnya, yang sesuai dengan kehendak kita hendak menubuh satu masyarakat yang adil, maju dan moden di kalangan semua rakyat di negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka menyatakan penghargaan dan pujian kepada Jawatankuasa yang menguruskan Konvensyen ini atas persediaan yang lengkap dan teratur yang telah diadakan itu. Juga saya mengucapkan terimakasih kepada penulis-penulis kertaskerja yang disediakan untuk dibincangkan dalam Konvensyen ini.

Setakat ini hampir separuh bilangan UMNO negeri-negeri telah mengadakan Konvensyen iaitu Perak, Pahang, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Diharapkan dalam satu dua bulan ini semua negeri-negeri akan selesai mengadakan Konvensyen mereka supaya dengan itu kita dapat menumpukan perhatian yang lebih terhadap Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada bulan Jun yang akan datang ini. Saya berharap melalui Konvensyen ini para pemimpin parti kita akan dapat menambah pengetahuan dan pengalaman mereka supaya dengan itu dapat memberi mutu pimpinan yang lebih baik, lebih cekap dan dengan penuh dedikasi terhadap parti, bangsa dan negara kita pada masa yang akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Perkara yang penting yang mesti diutamakan oleh ahli-ahli UMNO ialah perpaduan dan persefahaman di kalangan parti sendiri pada semua peringkat—Cawangan, Bahagian dan Negeri. Di samping itu, mustahaklah juga diadakan persefahaman antara ahli-ahli parti dalam Perikatan dan juga ahli-ahli parti dalam Kerajaan Campuran. Perpaduan ini sangatlah perlu dan mustahak dikekalkan pada setiap masa kerana hanyalah dengan adanya perpaduan kita dapat menjaminkan kekuatan parti kita dan kekuatan Kerajaan yang dipimpin oleh parti kita. Oleh yang demikian, ini adalah bermakna ahli-ahli UMNO hendaklah sentiasa meletakkan kepentingan parti di atas segala-galanya, mengenepikan kepentingan diri sendiri demi kepentingan parti dan negara. Parti akan menjadi lemah kalau ada pertelingkahan sesama sendiri atau jika timbul di kalangan pemimpin parti sikap yang tidak sihat iaitu sikap mengambil kesempatan dari kedudukan dalam parti ataupun kedudukan dalam Kerajaan untuk kepentingan peribadi atau kepentingan diri sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Perjuangan UMNO di masa hadapan adalah mengikuti aliran baru sebagai pivot atau tunjang Barisan Nasional. Konsep baru ini iaitu konsep Kerajaan Campuran atau konsep Barisan Nasional adalah langkah baru yang diambil oleh UMNO untuk menyesuaikan strateji perjuangan kita dengan keadaan dalam negara yang sentiasa berubah itu. Kesanggupan kita memperjuangkan konsep Barisan Nasional ini adalah bukti kematangan dan keberanian kita untuk menghadapi perubahan-perubahan masa dan zaman. Daripada Parti Perikatan, kita menjadi Barisan Nasional dengan membawa parti-parti yang dulunya menentang kita bekerjasama dengan kita untuk kepentingan bangsa dan negara. Kita bersyukur ke hadrat Tuhan di atas kejayaan konsep Barisan Nasional ini. Kerajaan-kerajaan Campuran di Sarawak, Pulau Pinang, Perak dan Kerajaan Campuran Perikatan/PAS di peringkat negeri dan pusat adalah berjaya meredakan ketegangan politik dan menunjukkan kehasilan yang memuaskan. Konsep ini sambil mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dari berbilang bangsa akan dapat juga menentukan keperibadian nasional dan perpaduan rakyat yang lebih kuat dan kukuh. Konsep ini telah dapat membawa semua parti siasah yang menerima gagasan perpaduan negara atas landasan Dasar Ekonomi Baru.

Saudara-saudara sekalian.

Saya fikir kita patutlah berbangga dan bersyukur ke hadrat Tuhan kerana sungguhpun kita satu bangsa yang muda yang baru saja mencapai kemerdekaan tetapi kita telah berjaya mengatasi masaalah-masaalah yang kita hadapi dengan kebijaksanan kita sendiri. Selepas berlakunya Trajedi 13 Mei, kita telah berjaya mengadakan rundingan dengan semua parti-parti siasah dalam Majlis Perundingan Negara dan hasil daripada rundingan itu kita telah dapat menentukan haluan dan panduan negara kita pada masa yang akan datang. Dengan mengadakan Dasar Ekonomi Baru, kita sedang berusaha mengatasi masaalah perbezaan ekonomi di kalangan rakyat negara kita. Begitu juga kita telah dapat menciptakan Rukunegara sebagai ideoloji yang menjadi panduan hidup bagi semua rakyat dari berbilang bangsa. Berikutan dengan itu, kita telah dapat mengumpulkan tenaga daripada semua parti siasah yang menerima dasar itu bagi melaksanakan dasar itu supaya masaalah yang dihadapi sebelum 13 Mei, 1969 itu dapat diatasi dan dihapuskan sama sekali. Saya berharap semoga susunan dalam parti-parti siasah yang ada sekarang dapat diperteguh dan dikekalkan lagi bagi menghadapi pilihanraya yang akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Kedudukan politik di Negeri Selangor ini adalah agak istimewa sedikit oleh kerana Selangor mempunyai masyarakat bandar di Ibu Kota memberi kesempatan yang lebih bagi parti-parti pembangkang DAP dan Pekemas semenjak dari masa yang lampau dulu. Saya berharap usaha-usaha akan dapat ditingkatkan lagi pada masa akan datang untuk memperkuatkan kedudukan UMNO/ Perikatan dan Barisan Nasional dalam Wilayah Persekutuan supaya kita dapat menguasai semula politik di Ibu Kota ini. Ini adalah menghendaki semangat perpaduan dan persefahaman yang teguh oleh semua pihak terutama sekali di kalangan orang-orang Melayu sendiri supaya dengan itu kita dapat membawa pihak-pihak yang lain untuk bekerjasama dan menyokong parti kita dan Kerajaan kita. Dan lagi, dengan penubuhan Wilayah Persekutuan dan penambahan kawasan-kawasan pilihanraya di luar bandar di Negeri Selangor, saya yakin dan percaya kedudukan UMNO dan Perikatan akan bertambah baik untuk mengekalkan corak kekuasaan dalam Kerajaan kita.

Saudara-saudara sekalian.

Penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari adalah merupakan kemajuan yang penting dalam detik sejarah negara kita. Saya suka mengambil peluang sekali lagi untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap semua pihak khasnya D.Y.M.M. Sultan Selangor dan Dato Harun sebagai Menteri Besar serta ahli-ahli Kerajaan Selangor kerana telah memberi persetujuan dan kerjasama untuk menjayakan peralihan ini. Begitu juga saya mengucapkan terimakasih dan syukur kepada Tuhan kerana penubuhan Wilayah Persekutuan disambut oleh UMNO dan rakyat Negeri Selangor.

Saudara-saudara sekalian.

Patutlah kita memahami bahawa Ibu Kota Kuala Lumpur ini sudah jauh bezanya daripada tahun 1948 pada masa Kuala Lumpur mula-mula menjadi Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu dan juga jauh bezanya daripada keadaan semasa kita mula-mula mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dulu. Ibu Kota Kuala Lumpur telah maju dengan pesat dan bilangan penduduknya bertambah berpuluh kali ganda dan kerana itu patut sangat Kerajaan Pusat mempunyai kuasa penuh atas Ibu Negara yang telah menjadi Pusat Pentadbiran serta tumpuan taat setia seluruh rakyat. Begitu juga sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia patutlah mempunyai Ibu Negara yang boleh diakui oleh rakyat semua negeri-negeri dalam Malaysia sebagai Ibu Negara yang mereka itu boleh mencurahkan taat setia sepenuhnya. Saya berharap tidak berapa lama lagi, rakyat Selangor akan mendapat satu Ibu Negeri baru yang moden di Shah Alam yang akan mencerminkan Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya. Saya telah tegaskan dulu dan saya tegaskan sekali lagi iaitu Kerajaan Pusat akan memberi sepenuh bantuan untuk menjadikan Shah Alam Ibu Negeri Selangor.

Dengan peralihan ini, saya berharap Kerajaan Selangor akan dapat menumpukan usaha-usaha dan tenaga mereka dalam lapangan pembangunan di tempat-tempat yang lain daripada Kuala Lumpur seperti Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Bangi dan Banting di mana terdapat ramai orang-orang Melayu yang asalnya rakyat negeri Selangor. Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah menyediakan rancangan-rancangan untuk memajukan setengah-setengah kawasan ini bagi permulaan

dan saya harap kemajuan yang pesat akan dapat dijalankan dengan memberi sepenuh-penuh faedah kepada rakyat yang berada di tempat-tempat yang tersebut itu. Sungguhpun Kuala Lumpur akan terkeluar daripada Negeri Selangor tetapi Negeri Selangor masih menjadi negeri yang penting dan mustahak yang mempunyai masa depan yang cemerlang kerana di Selangor terdapat tiga buah Pusat Pengajian Tinggi iaitu Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian dan Institiut Teknoloji MARA.

Saudara-saudara sekalian.

Berpaling pula kepada UMNO, tiada siapa dapat menafikan bahawa Bahagian-bahagian UMNO di Negeri Selangor adalah kuat dan subur. Oleh kerana Kuala Lumpur terletak dalam Negeri Selangor maka UMNO Selangor sentiasa dipandang tinggi oleh ahli-ahli UMNO di negeri-negeri lain, dan saya bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa pada hari ini pun UMNO Selangor kuat dan maju. Saya berharap keadaan ini akan dapat dikekalkan dan perselisihan di kalangan ahli-ahli diketepikan.

Saya seringkali mengingatkan pemimpin-pemimpin parti kita terutama Wakil-wakil Rakyat bahawa tanggungjawab dan kewajipan mereka kepada rakyat ialah berkhidmat kepada rakyat bukan memerintah rakyat. Pimpinan Parti kita pada setiap lapisan hendaklah memberi contoh dan tauladan yang baik serta sanggup berkorban dan meletakkan kepentingan rakyat dan negara di atas segala-galanya. Begitu juga pemimpin-pemimpin UMNO mestilah sentiasa berdamping dengan rakyat dan mengetahui kehendak-kehendak dan hasrat rakyat dari satu masa ke satu masa. Pemimpin yang tidak sanggup berbuat demikian, pada fikiran saya, baiklah mengundurkan diri awal-awal lagi sebelum mereka itu ditolak jatuh oleh rakyat. Rakyat berkehendakkan pemimpin-pemimpin yang jujur dan dedikasi untuk mereka meletakkan harapan serta menjadi penyambung lidah antara mereka dengan parti dan dengan Kerajaan. Kekuatan UMNO di semua peringkat terletak atas kesanggupan dan kejujuran kita memperjuangkan hasrat dan cita-cita rakyat. Jika kita berpisah atau lari dari cita-cita itu tentulah akan merosakkan akar umbi yang mengukuhkan pertumbuhan parti UMNO yang kita kasihi ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kita hendaklah ingat bahawa kita adalah berasal dari rakyat dan kita dipilih oleh rakyat untuk berjuang bagi kepentingan rakyat. Kita janganlah sekali-kali lupa kepada rakyat yang telah memilih

kita dan memberi peluang kita berkhidmat dan mendapat penghormatan sebagai pemimpin-pemimpin dan wakil rakyat.

Saudara-saudara sekalian.

Kita patut juga sentiasa ingat bahawa perjuangan UMNO belum lagi selesai. Tujuan muktamad UMNO masih belum disempurnakan lagi dan banyak perkara yang menjadi sungutan rakyat Bumiputra belum lagi dilaksanakan dan yang UMNO mahu melaksanakan dari satu masa ke masa. Begitu juga keadaan hidup rakyat khasnya mereka yang duduk di kampung-kampung termasuk ahli-ahli UMNO juga masih belum memuaskan. Masih ramai petani-petani dan nelayan-nelayan yang mempunyai pendapatan yang boleh disifatkan rendah dan mestilah menjadi keazaman kita untuk membaiki dan meninggikan taraf hidup mereka itu. Kerajaan yang kita dukung pada hari ini masih mempunyai banyak tugas-tugas yang akan dilaksanakan sebelum cita-cita untuk membina satu masyarakat adil dan satu negara maju dan bersatu padu dapat dicapai. Bagi melaksanakan tugas-tugas penting yang belum tercapai itu, mustahaklah UMNO terus dipergiatkan lagi dengan mengukuhkan jentera pentadbiran, meningkat kegiatan politiknya sesuai dengan tuntutan zaman. Mustahak kita menentukan strateji yang imaginative dan sophisticated untuk mendapat keyakinan jenerasi muda yang terpelajar. Kita mengetahui sebahagian besar daripada rakyat negara ini yang ada sekarang berumur bawah daripada empat puluh tahun iaitu mereka yang berumur hanya belasan tahun sahaja pada masa kita mencapai kemerdekaan. Mereka ini berkehendakkan tempat yang sempurna dan mereka ini adalah menjadi kumpulan tenaga yang kuat yang mustahak disalurkan dalam UMNO untuk memperkuatkan perjalanan parti kita. Begitu juga mereka ini adalah sebahagian besar daripada pengundi-pengundi dan kalau kita berkehendakkan mereka menyokong parti dan Kerajaan kita, mustahaklah kita mempunyai strateji dan approach yang sesuai dan diterima oleh mereka itu. Begitu juga mustahak segala tenaga dan fikiran ahli-ahli dan pemimpin parti kita—pemuda dan wanita—disalurkan kepada usaha-usaha yang benar-benar memberi munafaat kepada perpaduan dalam parti dan kepada kebaikan dan kesejahteraan bangsa, ugama dan negara.

Saudara-saudara sekalian.

Bagi mencapai matalamat ini yang saya sebutkan tadi mustahaklah UMNO dan pemimpinnya di semua peringkat bergerak menurut

landasan-landasan yang ditentukan mengikut dasar, peraturan dan berdisiplin. Takrif disiplin bukanlah bermakna membatasi atau menyekat sesiapapun untuk bertindak dan bersuara. Tetapi di bawah disiplin parti, kebebasan itu mestilah digunakan bagi kepentingan negara dan bukan cita-cita seorang atau satu puak sahaja kerana dalam UMNO tidak ada "puak". Sesiapa yang mewujudkan "puak" atau "schism" maka ia berbuat demikian dengan penuh keinsafan akan bahaya yang boleh menimpanya. Kata Bahasa Inggeris, "he does so at his own peril". Jika ada sesiapa yang melanggar atau menyeleweng dari disiplin ini maka ia akan hilang akar umbinya dengan UMNO tanpa mengira sesiapa atau berapa tinggi pangkatnya, hatta saya sendiripun jikalau didapati salah maka saya juga mesti menerima hukumannya.

Saudara-saudara sekalian.

Suasana politik di tanah air kita semakin hari semakin cerah dan penuh dengan optimism bagi kita menghadapi tahun-tahun akan datang. Kemajuan yang dicapai oleh negara di bawah konsep Coalition atau Campuran menunjukkan natijah yang baik dan oleh itu besar harapan parti-parti dalam Kerajaan Campuran akan dapat mencapai persetujuan mengenai strateji masa hadapan. Dengan adanya persefahaman ini dan dengan memilih serta menentukan "sistem politik" kita yang sesuai, saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, kita akan dapat kemenangan yang cemerlang dalam pilihanraya yang akan datang kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan, selagi ahli-ahli UMNO di semua peringkat taat dan teguh kepada disiplin parti dan berjuang mengikut landasan yang telah ditetapkan itu, masa hadapan UMNO, parti-parti lain dalam Barisan Kebangsaan dan juga Negara sangat baik. Kita akan terus maju mencapai cita-cita membina masyarakat adil dalam Negara Malaysia yang maju dan makmur dan diberkati oleh Allah setiap masa.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERJUMPAAN PERKIM DI KUANTAN, PAHANG PADA 25HB JANUARI, 1974

Y.B. Tan Sri Haji Yahya, Pengerusi PERKIM Pahang, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana mendapat peluang yang baik ini menghadiri perjumpaan dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Perkim Pahang dan saudara-saudara lain yang berhubung rapat dengan perkembangan dan kemajuan ugama Islam di Negeri Pahang ini. Perjumpaan kita hari ini bertambah besar maknanya oleh kerana hari ini jatuh 1hb Muharram yang menandakan tahun baru bagi seluruh umat Islam iaitu Tahun Hijrah 1394. Sebagaimana dimaklum, negara kita adalah satu-satunya di dunia sebelah sini di mana ugama Islam yang suci itu diisytiharkan sebagai ugama rasmi dan oleh itu amatlah wajar kita menyambut dan merayakan hari pertama Tahun Baru Hijrah ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kita boleh berbangga kerana semenjak negara ini mencapai kemerdekaan, ugama Islam telah diletakkan pada tempat yang selayaknya. Dalam kita berusaha meningkatkan kemajuan physical, kita tidak pula ketinggalan dalam usaha memperkembangkan ugama Islam di samping memberikan kebebasan kepada ugama-ugama yang lain. Dasar kita yang tegas serta sikap liberal ini adalah sesuai dengan hakikat masyarakat berbilang kaum serta berbilang ugama yang mana menjadikan negara kita ini unique atau istimewa berbanding dengan ugama-ugama lain.

Saya rasa eloklah disebutkan sedikit tentang usaha dan kejayaan kita meninggikan syiar Islam sesuai dengan kedudukan ugama yang mulia di sisi Allah. Perkembangan dan kemajuan pesat dapat dilihat di bidang pendidikan Islam dari peringkat sekolah rendah hingga ke Universiti. Begitu juga usaha kita mengadakan Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran pada bulan Ramadan setiap tahun yang mendapat sambutan baik di kalangan negara-negara Islam di dunia. Saya bersyukur langkah ini telah dapat menarik perhatian umat Islam kepada bacaan yang baik dan

teratur, bahkan meninggikan minat mereka memahami serta mengkaji pengajaran-pengajaran penting dalam Al-Quran itu.

Kerajaan telahpun menyusun semula dan memperkemaskan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam yang terletak di bawah jagaan saya sendiri sebagai Perdana Menteri. Jabatan ini bertindak sebagai Urusetia atau Sekretariat kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam di samping menjalankan semua urusan yang bersangkut dengan kegiatan-kegiatan dakwah, Masjid Negara, Hafaz Quran dan lain-lain. Seperti dimaklum Majlis ini dianggotai oleh hampir semua negeri di Malaysia ini dan saya sukalah melihat Negeri Pahang ini khasnya turut menyertai Majlis ini pada satu hari kelak. Dengan demikian, dapatlah kita bersama menyelaraskan semua urusan yang bersangkut dengan ugama Islam tanpa menjejaskan kedudukan Kerajaan Negeri.

Saudara-saudara sekalian.

Kita boleh berbangga dengan usaha-usaha di bidang ekonomi yang telah dijalankan selama beberapa tahun ini. Pengumpulan modal dari orang-orang Islam menerusi Lembaga dan Urusan Tabung Haji dan baru-baru ini melalui Kompleks Kewangan Islam telah dapat menarik jumlah yang besar hingga hari ini. Saya percaya langkah menambah bilangan ahli-ahli Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan meningkatkan lagi kumpulan modal dari orang-orang Islam yang mana akan digunakan untuk meninggikan lagi taraf ekonomi orang-orang kita.

Begitu juga, kita tidak ketinggalan menyertai negara-negara Islam yang lain dalam bidang politik antarabangsa iaitu menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Sekretariat Islam di Jeddah. Pendirian sikap kita yang tegas mengenai pertikaian Asia Barat khasnya tentang hak sah negara-negara Arab yang dicabul oleh Israel dan sokongan yang kita berikan kepada negara-negara yang terlibat mendapat penghargaan di sisi negara-negara itu. Hasil dari inilah maka negara kita diberi privileged status atau taraf istimewa dalam hal pembekalan minyak. Hanya sedikit negara-negara di dunia ini yang mendapat keistimewaan itu.

Saya suka menyebut dalam hubungan ini juga, jika diizinkan Allah, saya akan pergi menyertai Persidangan Ketua-ketua Negara Islam yang akan berlangsung di Lahore, Pakistan, bulan depan ini. Penyertaan kita dalam Persidangan yang penting itu akan meletakkan nama Malaysia di mata dunia Islam dan semoga hasil

persidangan itu akan membawa keamanan yang kekal di rantau dunia yang semakin lama bergolak itu.

Seperti yang disiarkan dalam akhbar beberapa hari lalu, kita akan menyertai Projek Bank Islam dan seterusnya diberi penghormatan dengan kerana Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah diminta oleh Al-Malik Faisal sendiri menjadi Pengerusi Projek Bank itu. Kerajaan Malaysia telahpun memberi sumbangan pendahuluan sebanyak US$250,000 supaya Y.T.M. Tunku dapat menubuhkan pejabat dan memulakan kerja-kerja menyusun Bank itu di Kuala Lumpur.

Saudara-saudara sekalian.

Mengambil sempena hari 1hb Muharram yang mulia ini, saya sukalah membuat pengumuman mengenai Yayasan Dakwah Islamiah iaitu salah satu kegiatan penting yang dikelolakan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Seperti dimaklum, sebuah bangunan baru berdekatan Masjid Negara untuk menempatkan pejabat Majlis akan selesai dibina tidak lama lagi dan manakala siap kelak, saya percaya kegiatan-kegiatan Majlis boleh berjalan dengan pesat. Kegiatan Dakwah yang mustahak dan penting akan dikendalikan oleh Yayasan Dakwah Islamiah dan memandang betapa mustahaknya Yayasan ini dipimpin oleh seorang yang cekap dan penuh dedikasi, saya telah bersetuju supaya Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail mengetuai Yayasan itu, dan Tuan Haji Hassan Adli menjadi Timbalannya. Ahli-ahli lain dilantik dari orang-orang yang mempunyai kaliber dan penuh minat dalam melaksanakan cita-cita perkembangan serta kemajuan Islam. Tan Sri Syed Nasir akan meletak jawatan sebagai Pengerusi LPN apabila dapat dicari seorang gantinya.

Sebenarnya idea Yayasan Dakwah ini timbul kira-kira dua tahun dahulu dan dengan adanya sambutan dan sokongan dari orang ramai, projek ini sekarang telah menjadi kenyataan. Pada hemat saya, bidang Dakwah ini boleh dikatakan perkara yang penting dan mustahak terutama dalam usaha kita membina satu masyarakat yang sempurna dengan penuh ertikata iaitu mempunyai kekuatan jasmani dan rohani. Patutlah diingat dalam kita menjalankan segala langkah dan usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat serta memperbaiki ekonomi mereka hendaklah diimbangi pula dengan usaha-usaha memberikan pendidikan moral dan meninggikan akhlak khasnya di kalangan muda mudi dan anak-anak hari ini.


Terutama sekali mengenai usaha kita mencari national identity atau keperibadian kebangsaan, saya fikir amatlah mustahak kita memupuk semula sikap beradab tertib dan bersopan santun yang menjadi pesaka orang-orang Melayu turun-temurun.

Saya dukacita melihat di masa akhir ini, perasaan hormat menghormati dan sikap bersopan santun ini telah merosot hatta di kalangan belia-belia terpelajar kita dan kita seringkali membaca tentang gejala-gejala kemerosotan moral di kalangan muda mudi zaman ini dengan manifestasi dadah, hippism dan perbuatan-perbuatan sumbang yang bermacam rupa. Semua ini adalah berpunca dari kurangnya perhatian terhadap pendidikan moral bahkan saya percaya kekuatan rohani ini tidak diambil berat sama sekali oleh mereka itu dan pihak ibu bapa. Kalau keadaan ini tidak dibaiki segera atau dibiarkan berterusan, saya khuatir segala usaha yang kita buat hendak memperkemaskan kedudukan masyarakat kita di bidang ekonomi dan sosial akan menjadi sia-sia belaka. Hasrat dan cita-cita kita ialah agar masyarakat Malaysia baru yang sedang dibangunkan itu mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan di samping itu mempunyai adab tertib dan sopan santun mencerminkan keperibadian manusia moden yang sempurna.

Selanjutnya saya harap Yayasan Dakwah Islamiah ini akan menumpukan usaha dan tenaga memperkenal dan memperkembangkan pengajaran Islam terutama sekali ditujukan kepada masyarakat Orang Asli khasnya dan juga masyarakat bandar dalam usaha menambah ramai pengikut-pengikut Islam di kalangan mereka yang berminat memeluk ugama yang suci itu.

Saudara-saudara sekalian.

Sekianlah ucapan saya dan saya berdoa mudah-mudahan usaha yang dijalankan oleh PERKIM di Pahang ini akan diberkati Allah untuk membawa munafaat kepada semua serta meninggikan syiar Islam di negara kita ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein di Majlis Makan Malam meraikan Perdana Menteri Australia, Tuan E. G. Whitlam dan Puan Whitlam di Seri Taman, Kuala Lumpur pada 29hb Januari, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR 5: 1: 74

WELCOMING REMARKS BY THE PRIME MINISTER AT THE DINNER IN HONOUR OF PRIME MINISTER OF AUSTRALIA, THE RT. HON'BLE GOUGH WHITLAM, AT SRI TAMAN, KUALA LUMPUR ON 29TH JANUARY, 1974

Mr Prime Minister, Mrs Whitlam, Excellencies, Ladies and Gentlemen.

It is a great pleasure for me, on behalf of the Government and people of Malaysia and on my own behalf, to extend to you, Mr Prime Minister, to Mrs Whitlam and to the members of your party, a very warm welcome to Malaysia.

You are, of course, no stranger to us, but this is a particularly happy occasion for me to welcome you here for the first time as the distinguished Prime Minister of Australia. In the last year since you assumed that high office, you have been a fresh wind of change in this part of the world and you have brought courage, vigour and a new vision to the problems which have beset us for so long. We welcome you, therefore, Mr Prime Minister, not only as an old and valued friend of Malaysia but as a statesman who has made a vivid and constructive impact on the affairs of this region.

May I also add that both my wife and I are especially pleased that you are accompanied on this occasion by Mrs Whitlam, whose presence here gives us a particular pleasure. During your short stay with us, I look forward to the stimulation of your company as well as to the opportunity of renewing a friendship built over many years of encounters.

Over the next few days, Mr Prime Minister, you will no doubt reacquaint yourself with some aspects of the Malaysian scene that you have become familiar with during your previous visits to Malaysia. As you will see, we are in the midst of vast and exciting changes which are designed to ensure a better life for all our people. There is a certain air of urgency surrounding all these developments which can be seen even by a casual observer.

I trust you will also be happy to see Australia's part in Malaysia's development. The Trolak Utara scheme which you will be visiting represents an investment towards a better and more

prosperous Malaysia. It is in schemes like Trolak Utara that we in Malaysia are attempting to break the backbone of rural poverty. The Second Malaysia Plan, the mid-term review of which was completed recently, indicated that we have made substantial progress in achieving our objective. However, we are not complacent. We are determined to maintain and indeed accelerate the momentum of development over the next few crucial years in order to achieve self-sustaining growth. However, in these efforts, we greatly welcome the continued co-operation of our friends and well-wishers. We in Malaysia are deeply appreciative of the assistance which you and Australia have already extended us.

Mr Prime Minister.

The relations between our two countries, Australia and Malaysia, have always been characterised by great cordiality and close friendship. Our long historical association and the sharing of common ideals and aspirations have provided a stable foundation for such relations, but much of the credit for the present gratifying state of affairs must be attributed to the genuine spirit of co-operation that have infused our dealings with each other in trade, economic, political, educational and defence matters. It is my hope that we can continue to work together for the common cause of bringing our two countries and peoples even closer together. The sympathy and understanding that we have learnt to extend to each other's problems and aspirations is by no means a common commodity in international relations. It is, therefore, something of value that we have to keep in trust for our two countries and for our two peoples. It is also something which we shall need to call upon in facing the uncertainties and problems in the years ahead.

Looking around our part of the globe, Mr Prime Minister, it is clear that the East Asia-Pacific region is in the throes of momentous change. More and more countries from within and outside the region have increasingly recognised that the politics of conflict are inherently sterile and that new approaches have to be devised to assure the common future. The habits of confrontation, however, have been with us a long time and we all need to proceed deliberately to foster trust and goodwill, to replace the fear and the suspicion that have permeated past relations in our region.

In this endeavour, there is no real substitute for a slow, careful and time consuming approach. We must begin from what we have

in common, starting from present realities and working up towards ever-bigger and better goals. For us in Southeast Asia, Mr Prime Minister, ASEAN is our hope for a future in which as developing countries we can seek our own political and economic destinies unhindered by the conflicts and interests of the external powers. It is a modest beginning, but it is an earnest and serious attempt to do things by ourselves and for ourselves. This is, in itself, an essential first step we must take if we are going to eventually develop the confidence and the capacity to play a meaningful role in the concerns of a wider region.

I am aware, Mr Prime Minister, of the enlightened approach that you bring to bear to the affairs of this region. You yourself are perhaps one of the most important factors for change, in the last year or so, in this region. I am certain that we are working towards common objectives—for peace, for stability and for progress in this part of the world. The vigour and commitment that you bring to the quest for a better tomorrow for our region, has our admiration and our support. We appreciate, Mr Prime Minister, the sympathy and the understanding that you have openly displayed for the efforts of ASEAN towards the same end.

This morning we have had a very useful exchange of views on all these matters—international and bilateral. It was indeed very pleasant to be able to talk to you freely and frankly and in a relaxed atmosphere on all these important matters and I find that we both hold the same views on most of these things. There will be other opportunities, both formal and informal, for us to meet again in the next few days and I look forward, Mr Prime Minister, to a further exchange of views with you on matters of common concern to both our countries.

In the meantime, may I once again, say how happy we are to have you and Mrs Whitlam here with us and once again to extend to you both the warmest of welcome for an interesting and an enjoyable stay.

Ladies and Gentlemen, I now invite you to join me in a toast to the good health of the Prime Minister of Australia and Mrs Whitlam, to the Government and people of Australia.

RESPONSE FROM THE PRIME MINISTER AT THE DINNER GIVEN IN HIS HONOUR BY THE VISITING AUSTRALIAN PRIME MINISTER, THE RT. HON'BLE GOUGH WHITLAM, AT ISTANA TETAMU, KUALA LUMPUR ON 30TH JANUARY, 1974

Mr Prime Minister, Mrs Whitlam, Excellencies, Ladies and Gentlemen.

Thank you, Mr Prime Minister, for honouring me so kindly in this way tonight. I am also grateful to you for the very warm and gracious sentiments you have expressed about me personally and about our country.

It has been a great pleasure for my wife and myself and all of us in Malaysia to have had you and Mrs Whitlam spend some time with us in Kuala Lumpur. The particular profession that we have chosen, Mr Prime Minister, makes it extremely difficult for us to have more than brief encounters with each other. These encounters, moreover, usually take place in musty official surroundings amidst the rush of other pre-occupations. It has, therefore, been a real pleasure to be able during these few days to meet and talk together with you under more relaxed circumstances. I hope this will be only one of many such occasions.

Mr Prime Minister.

During your short stay with us, I am sure you must have been made aware of the great friendliness and respect that Malaysians hold for Australia and her people. Our two peoples have a much greater opportunity than ever before to interact with one another—as students, as businessmen, as professionals and increasingly as simple visitors to our respective countries. As the ties of the past that bound us make way for new changes, the one thing that will remain constant, is this quality of warmth that exists in our relations. Australians and Malaysians have learnt, I feel, to look at each other not as strangers to be treated with reserve or even suspicion, but as friends to be welcomed and to help and be helped. As our societies become more complex and more impersonal, these simple virtues of open friendliness and concern between our peoples will preserve the quality of relations of which we both can be proud.

Mr Prime Minister.

If the heritage of the past which we share of a common historical background has vitalised our relations, I am confident that the future is likely to see the continued vitality of such relations through our common endeavour to build a better world in this region in which we live. I look forward to working with you, Mr Prime Minister, to that end. The last few days have more than confirmed my hopes that there are many areas in which we can co-operate fruitfully together to attain our common objective.

Mr Prime Minister.

I sincerely hope that you and Mrs Whitlam and your party have enjoyed your short stay with us, as much as we have enjoyed having you. We would be very happy to have you visit us again whenever you feel so inclined. You have brought nice warm weather to us since you arrived and I can assure you whenever you visit us again our welcome will be always as warm as our weather.

Now in saying good-bye for the present, to our hosts friends may I now invite you all to join me in a toast to the good health and happiness of the Prime Minister of Australia and Mrs Whitlam, and to the continued friendship and esteem between our two countries and our two peoples.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS TUGU PERINGATAN PUSAT ASAL KUALA LUMPUR, PADA 1HB FEBRUARI, 1974

Y.B. Datuk Bandar, Tan Sri Yaacob Latiff, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Datuk Bandar dan anggota-anggota Jawatankuasa Perayaan yang telah sudi menjemput saya melakukan upacara merasmikan tapak Tugu Peringatan Pusat Asal Kuala Lumpur ini.

Pagi tadi istiadat menandatangani Perjanjian Kuala Lumpur sudahpun disempurnakan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan D.Y.M.M. Sultan Selangor dengan disaksikan oleh D.Y.M.M. Raja-Raja, Gabnor-Gabnor dan Yang Dipertua Negara Sabah, diikuti dengan Perisytiharan Kuala Lumpur yang menandakan tertubuhnya Wilayah Persekutuan.

Bagaimanapun, upacara sederhana petang ini mempunyai erti yang penting kepada kita sekalian dan juga kepada jenerasi-jenerasi akan datang sebagai mengingatkan sejarah tumbuhnya Ibu Kota Kuala Lumpur dan perkembangannya hingga ke hari ini.

Pada upacara ini, barangkali elok juga saya sebutkan sedikit asal usul sejarah Kuala Lumpur ini semenjak Raja Abdullah, adik kepada Raja Jumaat Lukut yang terkenal itu, mula-mula sampai ke tempat ini 118 tahun yang lalu. Menurut riwayatnya, rombongan Raja Abdullah yang mengandungi lebih kurang lapan puluh tujuh orang pekerja Cina telah mudik sungai Kelang dan kebetulan memilih persimpangan Sungai Kelang dan Sungai Gombak ini dijadikan pengkalan perahu untuk turun naik pergi membuka lombong bijih di tempat yang sekarang dipanggil Ampang. Kejayaan lombong bijih ini menarik lebih ramai orang-orang Melayu dari Sumatra iaitu dari Mendeling, Rawa, Bangkahulu dan Batu Bara datang membuka kampung sekitar tempat ini. Lama kelamaan pengkalan ini menjadi sebuah pekan kecil dan diberi nama Kuala Lumpur (agaknya kerana air sungai itu keruh oleh lumpur disebabkan orang melombong di sebelah ulu).

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sejak dari masa itu, Kuala Lumpur ini telah berkembang maju dengan pesatnya sehingga tahun 1880 manakala pusat pentadbiran Negeri Selangor berpindah dari Kelang ke Kuala Lumpur sebagai Ibu Negeri. Inilah titik permulaan Kuala Lumpur memegang peranan baru di bidang politik dan pentadbiran yang berlanjutan kepada penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS) pada 1hb Julai, 1896, manakala Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbirannya. Sejarah moden Semenanjung tentulah lebih dimaklum manakala Kuala Lumpur menjadi Ibu Negara Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1946 dan berlanjutan kepada masa tercapainya kemerdekan hinggalah ke hari ini.

Perjanjian Kuala Lumpur yang ditandatangani pagi tadi menandakan titik perpisahan dengan zaman lalu kerana dengan itu berakhirlah keadaan dua tugas (dual function) Bandaraya ini sebagai Ibu Negeri Selangor dan Ibu Negara Persekutuan. Seperti kita maklum, Selangor akan mempunyai Ibu Negeri yang baru di Shah Alam dan kita sekalian berharap semoga bandar baru dan moden yang sedang dibina itu akan benar-benar mencerminkan hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Sementara itu, kita akan mengambil langkah menjalankan segala usaha agar Kuala Lumpur menjadi Ibu Negara Malaysia dalam ertikata sepenuhnya. Kuala Lumpur akan menempuh zaman pembaruan yang akan memancarkan wajahnya menjadi Bandaraya yang moden tetapi mengekalkan identiti dan character yang memberi kemegahan kepada kita dan mendapat pujian terutama di kalangan pelawat-pelawat dari luar negeri.

Dalam hubungan ini, Majlis Bandaraya dan UDA akan bekerjasama dengan pihak swasta melaksanakan pemulihan bandar atau urban renewal di bahagian-bahagian yang sudah lama dan berumur sambil membangun projek-projek baru yang akan menambah keindahan Ibu Negara ini. Beberapa projek besar-besaran sedangpun dilaksanakan khasnya dalam kawasan Jalan Ampang/Jalan Treacher selain dari kawasan Pusat Bandaraya di mana, mengikut perancangan, akan dibangunkan Civic Centre dan Bangunan Pejabat Bandaraya yang baru kelak.

Di samping itu, kita akan memperindahkan Bandaraya ini dengan tanaman pokok-pokok, taman-taman dan pancutan air di tempat-tempat yang sesuai sambil memperbaiki lagi sistem jalanraya dalam bandar dan keluar bandar dan mengadakan sistem

pengangkutan umum yang lebih baik. Pendek kata, Kerajaan akan berbuat apa yang patut dan mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk menjadikan Kuala Lumpur setanding dengan Bandaraya lain-lain yang moden dan futuristic.

Saya sukacita dan puashati iaitu dalam pembangunan yang sedang dilaksanakan ini, perhatian berat sedang diberikan untuk mencapai matalamat menyusun semula masyarakat. Sambil itu kita juga akan mengekalkan bangunan lama yang bersejarah dan memberikan identiti seperti Bangunan Sekretariat, Mahkamah Tinggi dan Pejabat Bandaraya yang ada sekarang ini. Hanya di bahagian Padang di mana terletaknya Kelab Selangor dan sekitarnya akan diroboh dan ditempatnya dibina Civic Centre yang bakal menjadi kemegahan penduduk-penduduk Bandaraya dan rakyat Malaysia seluruhnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Begitulah dengan ringkasnya kemajuan dan perkembangan Kuala Lumpur ini yang bermula sebagai deretan kedai-kedai atap seratus tahun dahulu sehingga menjadi Bandaraya yang terkenal dan sekarang menempa sejarah sebagai Wilayah Persekutuan. Kita sama-sama bergembira kerana perkembangan terakhir ini berlaku semasa hidup kita dan dapat pula kita berbangga kepada anak cucu bahawa kita turut memberikan sumbangan mencatitkan sejarah itu. Saya berharap Batu Peringatan ini tidak akan dianggap semata-mata sebagai tanda kenangan bahkan yang lebih penting ianya akan menjadi punca inspirasi kepada jenerasi muda hari ini dan seterusnya kepada jenerasi-jenerasi akan datang.

Akhirnya, saya berharap di samping menjadi lambang kemegahan wujudnya Wilayah Persekutuan, Tugu Peringatan ini hendaklah juga disifatkan sebagai sumbangan rakyat Wilayah Persekutuan, dan oleh kerana projek ini memerlukan belanja yang banyak untuk menyempurnakannya, maka saya suka merayu kepada para dermawan, khasnya di Kuala Lumpur ini, supaya bermurah hati memberikan seberapa banyak sumbangan untuk menjayakannya. Semua derma yang dihulurkan untuk projek ini akan dikecualikan dari cukai pendapatan dan saya percaya para dermawan akan memberikan sambutan yang selayaknya bagi menjayakan projek ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein sedang berucap di upacara Pengislaman lima puluh orang Saudara Baru di Seri Taman, Kuala Lumpur pada 11hb Februari, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MENGISLAMKAN SAUDARA-SAUDARA BARU DI SRI TAMAN, KUALA LUMPUR PADA 11HB FEBRUARI, 1974

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur dan gembira kerana dapat menjadi tuan rumah pada petang ini dalam upacara pengislaman saudara-saudara baharu kita. Peristiwa ini sungguh besar ertinya kerana inilah kali pertama semenjak Wilayah Persekutuan ditubuhkan suatu Jemaah yang begini ramai daripada saudara-saudara baharu kita memeluk ugama Islam yang maha suci. Bahkan inilah khidmat bakti yang sulung dianjur serta dikelolakan oleh Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan.

Saya sukacita mendapat sokongan dan kerjasama dari semua pihak khasnya saudara-saudara yang hadir sama dalam Majlis ini yang giat menjalankan dakwah Islam dalam pertubuhan-pertubuhan dakwah seperti PERKIM, Jamiyah Dakwah Islamiyah, Badan Dakwah Al-Rahmaniah dan pusat-pusat pengajian tinggi di sekitar Kuala Lumpur ini.

Kepada saudara-saudara baharu kita sukalah saya menasihatkan bahawa sebagai umat Islam, saudara-saudara hendaklah berpegang kuat kepada ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunah-sunah Nabi Muhammad s.a.w. Ini adalah jalan yang benar bagi umat manusia untuk kebahagiaannya di dunia dan akhirat.

Allah s.w.t. telah berfirman dalam Ayat 28, Surah Saba', "Kami tiada mengutus engkau (ya Muhammad), melainkan kepada sekalian manusia, untuk memberi khabar suka dan memberi khabar takut, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahuinya".

Marilah kita berdoa kepada Allah s.w.t. semoga saudara-saudara baru kita menjadi orang-orang Islam yang beriman dan beramal salih. Mudah-mudahan kita yang ikhlas ini diberkati oleh Allah s.w.t. dan mendapat kejayaan yang cemerlang pada masa yang akan datang.

Sekianlah saja dan saya akhiri dengan doa kesyukuran. Walhamdu lillahi rabil alamin. Wasalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PESTA PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR DI MUAR PADA 14HB FEBRUARI, 1974

Tuan Pengerusi Pesta, Y.A.B. Datuk Haji Othman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya sungguh berasa amat gembira kerana dapat membuat lawatan ke Muar untuk bersama-sama dalam suasana meriah ini dan seterusnya melancarkan Pesta Pembangunan Negeri Johor ini. Saya mengucapkan terimakasih kepada Y.A.B. Datuk Menteri Besar atas penghormatan yang diberi pada saya ini di samping mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan atas usaha mereka menganjurkan Pesta yang besar ini. Saya sangat terharu di atas sambutan meriah daripada rakyat semua bangsa taat setia. Inilah sambutan yang besar dan meriah yang pernah diberi kepada saya di Malaysia.

Hingga sekarang, Pesta Pembangunan seperti ini telah diadakan di beberapa negeri di Malaysia. Seperti dimaklum, tujuan utama kita mengadakan Pesta ini ialah untuk menggambarkan matalamat yang telah dicapai dan yang bakal dicapai melalui Rancangan Gerakan Pembaharuan di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Seperti yang sedia dimaklum, Gerakan Pembaharuan ini telah dilancarkan hampir satu setengah tahun lalu di Dungun, Trengganu, di mana saya telah mengarahkan segala rancangan pembangunan masyarakat dihubungkan rapat dengan strateji baru pembangunan negara. Adalah mustahak usaha-usaha pembangunan diselaraskan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mana adalah harapan seluruh rakyat untuk menjamin wujudnya kita sebagai satu bangsa yang bersatu. Memandang betapa mustahaknya Dasar Ekonomi Baru ini dijayakan sepenuhnya, hendaklah ada pembaharuan sikap, pembaharuan cara berfikir dan pembaharuan cara bertindak di kalangan semua pihak yang terlibat dalam rancangan-rancangan pembangunan baik rakyat mahupun pegawai-pegawai Kerajaan. Dengan demikian, dapatlah dijamin kerjasama yang rapat pada semua peringkat bagi mencapai kejayaan dalam pelaksanaan semua rancangan untuk kebajikan rakyat dan juga negara.

Sejak negara kita merdeka hingga hari ini, Kerajaan telah berusaha melaksanakan seberapa banyak rancangan pembangunan

untuk rakyat terutama sekali rakyat di luar bandar. Kejayaan yang telah kita capai sejauh ini amatlah besar berbanding dengan apa yang dibuat dalam zaman penjajah dahulu. Bahkan tidaklah salah kalau dikatakan pada masa dahulu rakyat luar bandar tinggal dalam keadaan terbiar sahaja selama itu kerana pembangunan hanya dijalankan untuk kepentingan bandar-bandar dan tempat-tempat yang tertentu sahaja. Bagaimanapun, kita tidaklah harus berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai sejauh ini malahan kita perlu bergiat lebih kuat lagi untuk mencapai taraf hidup yang lebih tinggi setanding dengan negara-negara maju pada hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Gerakan Pembaharuan bolehlah dikatakan inti segala usaha yang kita jalankan oleh kerana falsafah pembangunan cara baru ini bukanlah semata-mata mengadakan kemudahan untuk rakyat sepertimana yang dilakukan dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang terdahulu dari ini. Pada masa itu kita banyak menumpukan perhatian kepada kemudahan-kemudahan infrastructure iaitu jalan, jambatan, masjid, balai raya, hinggakan perigi atau telaga pun disediakan untuk rakyat di kampung-kampung. Tetapi ini bolehlah dikatakan tindakan sebelah pihak sahaja iaitu Kerajaan menyediakan bagi rakyat dan rakyat hanya menunggu nikmat itu. Kecualilah di setengah-tengah tempat di mana dijalankan kerja secara gotong-royong barulah rakyat yang berkenaan turut melibatkan diri dalam rancangan untuk kebajikan mereka itu.

Sebenarnya tujuan Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan itu ialah bagi peringkat pertama supaya rakyat dapat menikmati sebahagian daripada matalamat Kerajaan iaitu hendak meninggikan taraf hidup rakyat daripada paras zaman penjajahan dulu. Bagaimanapun, kita mengakui iaitu masaalah pokok masih belum dapat diatasi iaitu kemiskinan rakyat dan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara satu kaum dengan kaum yang lain, yang terpisah pula antara satu dengan lain kepada sesuatu jenis pekerjaan dan cara hidup yang berasingan. Pelancaran Dasar Ekonomi Baru, seperti kita maklum, adalah tindakan tegas untuk mengatasi kedua-dua masaalah ini dan seterusnya menjamin perpaduan rakyat dan kestabilan negara untuk masa hadapan.

Hakikat inilah yang memerlukan perubahan sikap dan cara berfikir serta bertindak bukan saja di pihak rakyat bahkan juga

di pihak alat-alat Kerajaan yang menjalankan tugas-tugas melaksanakan dasar Kerajaan. Rakyat tidak harus lagi bersikap passive iaitu hanya meminta dan menerima kemudahan dari Kerajaan. Serentak dengan itu alat-alat Kerajaan dikehendaki mengetahui betul-betul hasrat dan harapan rakyat serta cuba memenuhinya menurut kehendak rakyat yang sebenarnya. Pendek kata, saya ingin melihat dalam melaksanakan apa juga rancangan untuk kebajikan rakyat, patutlah dijamin penyertaan mereka pada semua peringkat supaya benar-benar mencapai hasil yang dihajatkan oleh mereka itu.

Tambahan pula patutlah diingat bahawa Kerajaan kita sedang berusaha memupuk semangat demokrasi supaya berakar umbi dalam kehidupan masyarakat di negara ini. Oleh yang demikian, penyertaan dan penglibatan rakyat dalam usaha-usaha Kerajaan ini adalah cara yang sebaik-baiknya bagi menentukan supaya fahaman demokrasi itu berkembang subur dan kedua-dua pihak bersama-sama memikul tanggungjawab melaksanakan pemerintahan rakyat yang dipunyai oleh rakyat dan untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pesta yang kita saksikan bersama-sama di sini adalah gambaran yang nyata mengenai kejayaan yang telah kita capai dalam berbagai lapangan hidup. Sesiapapun tidak dapat menafikan bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini telah berbuat dan akan terus berbuat apa juga yang perlu demi kepentingan dan kebajikan rakyat jelata. Di Negeri Johor ini Kerajaan Persekutuan telahpun meluaskan kegiatannya di bidang pembangunan ekonomi yang selama ini terhad kepada rancangan-rancangan FELDA seperti yang terdapat di Kulai, Kota Tinggi dan Mersing. Kegiatan FELDA akan terus ditingkatkan dalam kawasan Johor Tenggara dan di samping itu beberapa rancangan baru telahpun siap atau sedang dalam pelaksanaan seperti projek lapanganterbang di Senai, projek pelabuhan di Pasir Gudang, projek Majuternak, Majuikan dan lain-lain lagi.

Selanjutnya bantuan akan terus diberi kepada Kerajaan Negeri dalam usaha memperluaskan kegiatan-kegiatan di bidang perindusterian dengan mengadakan *industrial estate* atau kawasan perusahaan di Tanjung Agas, Pasir Gudang, Segamat dan di Pontian, dalam bidang usaha membawa perusahaan-perusahaan baru ke

bandar-bandar kecil dan ke kawasan-kawasan luar bandar. Saya sukacita menyebutkan di sini semasa lawatan terakhir dua tahun dahulu orang-orang di Muar melahirkan perasaan kecewa kerana ketinggalan di belakang berbanding dengan Johor Baharu, Batu Pahat dan Kluang. Syukur Alhamdulillah, saya mendapati beberapa perusahaan baru akan masuk ke Tanjung Agas di sini dalam sedikit masa lagi dan akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang Muar khasnya kaum belia. Begitu juga kita tahu sebuah perusahaan elektronik sudahpun memulakan kegiatannya di Pontian dan saya percaya beberapa buah perusahaan akan juga sampai di Segamat dan Mersing di samping sebuah Kilang Simen yang dirancang di Kota Tinggi.

Saya berpuashati juga dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usahanya memberi peluang penyertaan kepada Bumiputra di lapangan perusahaan dan perniagaan menerusi Lembaga Kemajuan Negeri dan syarikat-syarikat anaknya iaitu Syarikat Ladang Getah Teberau, Syarikat perlombongan perusahaan membuat cutlery dan syarikat perniagaan Sergam. Dengan adanya peluang-peluang seperti ini saya rasa rakyat negeri ini sepatutnya merebut peluang-peluang yang ada itu demi kebajikan mereka dan anak cucu mereka pada masa akan datang. Bagi mereka yang ingin berusaha sendiri dan berdikari di lapangan perniagaan, banyak peluang akan didapati apabila PERNAS mula menjalankan urusan sebagai pembahagi barang-barang keperluan di setiap negeri dalam sedikit masa lagi.

Dengan adanya peluang-peluang yang saya katakan tadi, terpulanglah pada individu menunjukkan sikap yang positif dan berani tampil ke muka merebut peluang-peluang yang terbuka itu. Sebenarnya tidaklah perlu syarat-syarat istimewa ataupun ijazah-ijazah melainkan kemahuan diri serta keazaman hendak berjaya dalam satu-satu jurusan samada di bidng pertanian ataupun perniagaan. Sebaliknya akan sia-sia sahajalah Kerajaan membelanjakan wang berjuta ringgit yang disalurkan menerusi MARA, PERNAS, LPP, Bank Pertanian dan sebagainya kalau rakyat sendiri tidak bersedia hendak memberikan sokongan yang bulat dan menggunakan peluang-peluang yang disediakan itu.

Bagaimanapun patutlah difaham juga bahawa peluang-peluang dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan itu tidaklah mencukupi semua kehendak rakyat. Kita haruslah sedar bahawa apa yang diberi oleh Kerajaan itu hanyalah untuk asas permulaan sahaja yang perlu disambung serta dilengkapi oleh rakyat sendiri.

Adalah tanggungjawab mereka untuk berusaha menggunakan asas-asas kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dan menambah lagi dengan tenaga sendiri untuk mencapai kejayaan yang dicita-citakan itu. Berbeza dengan masa selepas kemerdekaan dulu, rakyat hari ini tidak seharusnya mengharapkan bantuan dari Kerajaan semata-mata, bahkan mereka hendak berazam memperbaiki diri sendiri.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam Pesta ini kita dapat menyaksikan contoh kehidupan yang maju-jaya dalam masyarakat moden. Pamiran yang diaturkan di sini semuanya mempunyai hubungan antara Kerajaan di satu pihak dan rakyat di pihak yang lain dan bagaimana penyatuan tenaga serta daya-usaha rakyat dipadukan dengan perancangan dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan menuju satu matalamat kehidupan yang sempurna. Inilah intisari dari segala pengajaran dan pengalaman yang kita kehendaki dalam Gerakan Pembaharuan. Saya sukacita menyebutkan di sini iaitu Pamiran yang lebih besar di peringkat kebangsaan akan diadakan pada bulan April kelak di Ibu Negara kita, Kuala Lumpur. Tidak syak lagi, dari Pamiran yang ada ini, rakyat akan dapat mempelajari serta memahami cara-cara membaiki keadaan hidup mereka dan saya harap hasil dari pengajaran yang didapati di sini akan menimbulkan keazaman baru serta keyakinan hendak ingin maju dan berdikari.

Saya percaya kalau benih-benih pembaharuan yang disemaikan menerusi Pesta seperti ini mula bercambah dengan subur ibarat sebuah kebun yang hijau, sudah tentulah cita-cita kita hendak membina masyarakat Malaysia yang moden dan progresif itu akan segera tercapai. Seperti yang saya tegaskan semasa melancarkan Gerakan Pembaharuan tahun 1972 dahulu, peluang-peluang seperti yang ada pada masa ini tidak akan terjumpa lagi dan, seperti juga masa, ianya tidak akan menunggu sesiapa. Sekali terlepas bermakna terlepas untuk selama-lamanya. Inilah kenyataan yang mesti difahami dan terserahlah kepada kita untuk bertindak segera mengambil peluang keemasan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang sedia dimaklum, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tegas bagi mencapai matalamat pembangunan menerusi badan-badan seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Jengka dan Trengganu

Tengah. Kerajaan telah juga menubuhkan badan-badan dan ajensi-ajensi seperti MARA, PERNAS, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Padi dan Beras Negara, RISDA, Bank Pertanian, Majuternak, Majuikan dan lain-lain lagi untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha pembangunan. Baru-baru ini Bank Bumiputra telah menubuhkan sebuah bank anak iaitu Bank Pembangunan atau Development Bank untuk memenuhi keperluan tertentu. Dengan ini nyatalah bahawa Kerajaan telah berbuat apa yang perlu untuk kepentingan rakyat dan saya ingin melihat sambutan rakyat kepada rancangan-rancangan itu. Dalam bidang perniagaan, saya gembira mendapati bahawa sudah lahir segolongan rakyat Bumiputra yang berani menghadapi cabaran-cabaran dunia perniagaan. Saya berharap lebih ramai lagi rakyat Bumiputra akan berbuat demikian. Keberanian untuk menempuh cabaran-cabaran dengan tabah hati inilah yang dikehendaki dalam semangat Gerakan Pembaharuan.

Dalam pada itu patutlah difaham juga bahawa Gerakan Pembaharuan ini bukanlah semata-mata ditujukan kepada "physical progress" atau kemajuan kebendaan saja bahkan adalah sebaik-baiknya diperhatikan agar perubahan itu meliputi keperluan rohani juga. Manusia yang sempurna hendaklah mempunyai kekuatan rohani dan jasmani dan hakikat inilah yang memberikan seorang individu keberanian dan keyakinan yang dikehendaki dalam Gerakan Pembaharuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Akhir kata, sukalah saya memuji pihak yang merancangkan Pesta ini kerana menggunakan segala daya fikiran dan imagination supaya Pesta ini betul-betul memberi kesan kepada rakyat. Saya sangat tertarikh hati dengan Kampung Contoh yang diabadikan dengan nama Allahyarham Tun Dr Ismail dan sesungguhnya inilah penghormatan yang bijaksana untuk mengenangi jasa-jasa beliau kepada Negeri Johor ini. Dengan itu, dari Pesta ini akan kekal sebagai sebuah perkampungan yang abadi untuk menjadi tumpuan pelawat-pelawat yang akan datang ke mari. Pendek kata, perancangan seperti ini patut menjadi tauladan kepada Negeri-negeri lain yang bercadang hendak mengadakan Pesta mereka pada satu masa kelak.

Dengan itu saya dengan penuh sukacita dan gembira merasmikan Pesta Pembangunan Negeri Johor ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KONVENSYEN UMNO JOHOR DI MUAR, JOHOR PADA 14HB FEBRUARI, 1974

Y.A.B. Datuk Haji Othman,[1] Y.B. Menteri-Menteri, Y.B. Datuk Senu dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terimakasih kepada Datuk Haji Othman dan Ahli-ahli Perhubungan UMNO Johor kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Konvensyen UMNO Negeri Johor ini.

Saya bersyukur kehadzrat Allah kerana dengan izinNya saya dapat membuat lawatan sekali lagi ke Muar sejak lawatan terakhir 1972 untuk bertemu muka dengan saudara-saudara sekalian yang mewakili seluruh Bahagian UMNO Johor dalam Konvensyen yang penting ini. Pada sebelah pagi tadi, saya telah dapat kesempatan bertemu dengan rakyat dari semua kaum dan lapisan masyarakat yang turut beramai-ramai menyaksikan Pesta Pembangunan anjuran Kerajaan Negeri. Pesta ini adalah satu usaha Kerajaan kita hendak mengubah sikap dan aliran pemikiran rakyat dengan tujuan agar mereka melibatkan diri bersama-sama mengejar kemajuan bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih sempurna.

Sehingga kini, kebanyakan Negeri telah mengadakan Konvensyen masing-masing dan hanya tinggal Melaka, Kelantan dan Trengganu yang sedang membuat persiapan mengadakannya. Insya Allah Konvensyen ini akan selesai dalam sebulan dua lagi dan seterusnya saya harap setiap Cawangan dan Bahagian akan dapat mengadakan mesyuarat perwakilan tahunan masing-masing sebelum kita mengadakan Perhimpunan Agung akhir bulan Jun kelak.

Saya berpuashati dalam Konvensyen-konvensyen yang sudah berlangsung, para peserta menunjukkan minat yang besar terhadap masaalah-masaalah yang kita hadapi, baik dari segi Parti mahupun dari segi Kerajaan. Nampaknya persediaan untuk Konvensyen Johor ini adalah teratur dan tersusun dengan baik dan dalam hubungan ini sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Konvensyen serta ucapan terimakasih kepada Pergerakan

[1] Menteri Besar, Johor.

Pemuda dan Wanita atas acara sambutan yang begitu meriah sebentar tadi.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang sedia dimaklum, tujuan utama kita mengadakan Konvensyen ini ialah supaya pimpinan UMNO pada semua peringkat mempunyai rasa kesedaran yang mendalam mengenai pergolakan politik tanahair hari ini dan memahami kedudukan serta peranan parti kita UMNO. Amatlah mustahak terutama pada masa ini kita menjamin kekuatan dan perpaduan parti untuk menghadapi pilihanraya akan datang dalam mana para pemimpin UMNO di peringkat Bahagian dan Cawangan, seterusnya seluruh ahli *rank-and-file* faham dan tahu akan tugas serta tanggungjawab masing-masing.

Begitu juga tidak kurang pentingnya kita sebagai ahli-ahli parti yang mendukung Kerajaan mengetahui seberapa banyak akan perkembangan serta kemajuan yang telah dicapai dalam bidang ekonomi dan sosial, khasnya usaha pembangunan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Konvensyen ini memberi peluang penuh kepada para peserta mendengar penerangan dari pihak pelaksana iaitu para pegawai Kerajaan Negeri dan Pusat, dan juga Badan-badan Berkanun yang ditugaskan menjalankan dasar Kerajaan. Saya berharap ahli-ahli UMNO dapat menambah pengetahuan serta meluaskan pandangan mereka mengenai usaha-usaha pembangunan negara dan dengan demikian dapatlah mereka memberikan kerjasama yang lebih sempurna dan berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita Kerajaan hendak membina negara yang maju, moden dan bersatu. Patutlah kita mengingat semula bahawa di sebalik tujuan asas parti kita memperjuangkan kemerdekaan dulu ialah semata-mata hendak memberi rakyat di negara ini, khasnya mereka yang tidak berada yang duduk di kampung-kampung dan di kawasan luar bandar, kedudukan yang wajar dan taraf hidup yang sempurna sesuai dengan zaman kemajuan sains dan teknoloji ini.

Selanjutnya, Konvensyen ini memberi peluang terbuka untuk para peserta membincangkan masaalah-masaalah berhubung dengan pelaksanaan dasar parti dan juga Kerajaan dengan tujuan mencari huraian bersama untuk mengatasi masaalah-masaalah itu. Bagi maksud ini, beberapa kertas-kertas kerja telahpun disediakan untuk perbincangan dan beberapa orang

tokoh "expert" juga dibawa datang untuk membantu dalam perbincangan-perbincangan itu. Adalah diharapkan melalui perbincangan-perbincangan itu kelak kita boleh dapat menentukan atau *identify* masaalah-masaalah utama yang dihadapi oleh masyarakat baik di kampung ataupun di bandar serta dapat pula huraian atau *solution* yang sesuai dengan kehendak membina masyarakat adil di negara kita yang mempunyai rakyat berbilang kaum ini.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya sebutkan awal tadi, perkara yang penting dan mustahak dari segi pandangan parti ialah menjaga perpaduan dan rasa persefahaman antara ahli-ahli parti di setiap peringkat membawa dari Cawangan kepada Bahagian dan seterusnya bagi seluruh negara. Kata pepatah "Bersatu teguh, bercerai roboh" dan pada hemat saya selagi kita semua berpegang pada prinsip ini, parti kita akan terus kuat dan kekal berkuasa membimbing negara untuk puluhan bahkan ratusan tahun akan datang.

Bagaimanapun, kita sedar bahawa dalam menjalankan pentadbiran negara, kita sejak sekian lama berpegang pada konsep Perikatan dan hari ini konsep itu diperluaskan menjadi satu Barisan Kebangsaan atau National Front. Dalam context ini juga, hakikat dan hasrat "bersatu teguh" tadi menjadi lebih-lebih nyata dan mustahak dikekalkan pada setiap masa kerana hanyalah dengan adanya perpaduan itu maka kita dapat menjamin kekuatan Kerajaan yang kita dukung bersama itu.

Berbalik kepada perkara pokok iaitu perpaduan sebagai punca kekuatan UMNO, adalah mustahak setiap ahli Parti kita sentiasa meletakkan kepentingan parti di atas segala-galanya atau dengan kata-kata lain mengenepikan kepentingan diri sendiri demi menjaga keutuhan parti. Kita melihat lazimnya pecah belah yang berlaku di dalam parti mana-mana pun ialah disebabkan oleh perbuatan ahli atau lebih-lebih lagi pucuk pimpinan mengutamakan kepentingan diri yang mana menimbulkan keadaan yang tidak sihat dan pertelingkahan sesama sendiri. Bahkan yang lebih buruk lagi bila ada penyelewengan di kalangan pimpinan parti yang mengambil kesempatan dari kedudukan mereka dalam parti (ataupun Kerajaan) untuk kepentingan diri dan kaum keluarga mereka itu sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Keadaan politik tanahair kita pada hari ini telah jauh berubah dari masa kita mencapai kemerdekaan tujuh belas tahun dahulu; bahkan banyak perubahan telah berlaku dalam tempoh dua tiga tahun akhir-akhir ini. Namun begitu kita bersyukur bahawa parti kita UMNO masih kekal memegang peranan yang utama oleh kerana kita mempunyai kekuatan untuk mengambil inisiatif bagi menentukan arah aliran politik di negara ini. Kita boleh berbangga dengan kejayaan kita mempelopori konsep Perikatan sebagai permulaan titik perjuangan yang meliputi semua kaum dan hari ini kita memasuki peringkat baru sebagai tunjang Barisan Nasional. Pada hemat saya, perjuangan UMNO dalam tahun-tahun akan datang hendaklah mengikut landasan yang baru ini dan terus memegang inisiatif dalam menentukan strateji yang *popular* dan *imaginative* untuk membawa kepada matalamat perjuangan itu dengan penuh kejayaan.

Sayugia difaham bahawa Konsep Barisan Nasional ini adalah satu langkah yang amat wajar dalam keadaan politik negara yang telah berubah itu. Peristiwa 13 Mei yang merupakan titik perpisahan dari zaman atau peringkat lama itu adalah satu pengajaran yang besar kepada kita semua dan dari pengalaman inilah kita terpaksa membuat penilaian dan perhitungan baru untuk menyesuaikan tindak-tanduk perjuangan parti dengan keadaan masa. Kesanggupan kita mempelopori dan memperjuangkan konsep Barisan Nasional ini adalah bukti kematangan dan keberanian kita menghadapi kenyataan itu. Syukur Alhamdulillah, kita telah berjaya menarik parti-parti yang dulunya menentang kita dan duduk bersama-sama dalam Kerajaan demi kepentingan bangsa dan negara.

Sungguhpun di Johor ini tidak berlaku sebarang perubahan dalam susunan Kerajaan, namun hasil dari kejayaan Kerajaan Campuran Perikatan/PAS adalah sama-sama dirasakan dalam meredakan ketegangan politik di masa sudah-sudah. Melalui konsep ini juga kita berjaya membawa parti-parti politik yang menerima gagasan perpaduan negara atas landasan Dasar Ekonomi Baru dan bekerjasama menjayakannya.

Hari ini, pada hemat saya, hasrat perpaduan rakyat adalah lebih nyata dalam semua aspek kehidupan sehari-hari dan saya percaya inilah tapak yang kukuh bagi kita membentuk satu bangsa yang

bersatu serta menentukan corak keperibadian nasional yang dapat diterima oleh semua golongan dan lapisan untuk warisan jenerasi akan datang.

Dengan langkah-langkah yang telah kita ambil di bidang politik dan di bidang pentadbiran, dan dengan berpandu kepada Rukun-negara sebagai panduan hidup rakyat, saya yakin kita akan dapat mengatasi segala masaalah yang menjadi halangan kemajuan yang kita cita-citakan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Berpaling kepada keadaan parti khasnya, saya sukacita UMNO Negeri Johor dapat mengekalkan kekuatannya hingga ke hari ini di bawah pimpinan Datuk Haji Othman. Kemenangan dalam dua pilihanraya kecil di mana calun-calun berjaya tanpa bertanding adalah bukti sokongan rakyat terhadap parti dan Kerajaan. Bagaimanapun, tidaklah seharusnya kita bersikap "complacent" atau puas diri oleh kerana kita tahu parti lawan sentiasa menunggu kesempatan hendak merosakkan kedudukan kita dan memperluaskan pengaruhnya. Di Johor ini saya tahu DAP meletakkan pemimpin Melayu dan cuba sedaya upaya mendapatkan sokongan dari orang-orang Melayu. Tetapi saya tidak bimbang selagi ahli-ahli Parti kita memegang disiplin yang teguh menjaga perpaduan dalam parti dan antara parti-parti sahabat yang seperjuangan dengan kita. Begitu juga saya harap di pihak Kerajaan Negeri usaha-usaha yang lebih luas akan dijalankan untuk membawa kemakmuran kepada rakyat di kampung-kampung dan di luar bandar seperti membawa peluang pekerjaan dengan membuka industri seperti di Muar ini yang dulunya jauh tertinggal berbanding dengan Johor Baharu dan Batu Pahat.

Berkenaan dengan langkah-langkah pembangunan di Negeri Johor ini, nyatalah kita mencatitkan kemajuan yang pesat dengan projek Johor Tenggara, projek Pelabuhan dan perindustrian di Pasir Gudang selain dari projek-projek yang sedang diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Negeri Johor. Semua ini mencerminkan keazaman dan kejujuran Kerajaan mentadbir negara atas lunas-lunas demokrasi yang kita harapkan bertumbuh subur di negara ini. Bagaimanapun, seperti saya katakan seringkali (dan juga semasa merasmikan Pesta pagi ini) sebarang langkah yang dijalankan oleh Kerajaan itu mustahaklah rakyat melibatkan diri

bersama-sama dan bersama-sama memikul tanggungjawab menjayakannya supaya benar-benar memenuhi hakikat pemerintah oleh rakyat—"government of the people, by the people and for the people".

Dalam hubungan ini sukalah saya mengingat bahawa dalam Parti dan Kerajaan, kita adalah mengamal dan menjunjung tinggi sistem demokrasi. Sistem demokrasi ini adalah mempunyai peraturan-peraturannya yang tertentu dan wajiblah setiap orang memahami dan mengikut peraturan itu. Rakyat dikehendaki melibatkan diri dalam pelaksanaan usaha-usaha Kerajaan pada setiap peringkat dan sebarang penyelewengan daripada dasar yang ditentukan oleh Kerajaan hendaklah dibawa kepada pengetahuan Kerajaan mengikut saluran-saluran tertentu. Kita mempunyai Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan tentulah Kerajaan ini bertanggungjawab penuh dalam segala hal yang melibatkan kepentingan rakyat. Di dalam sistem demokrasi tentulah tidak wajar bagi mana-mana pihak atau golongan mencabar Kerajaan mengenai apa-apa *issue* atau menggunakan kekerasan terhadap Kerajaan. Kerajaan adalah bertanggungjawab kepada rakyat yang telah memilih dan memberi mandat kepadanya. Kerajaan hanyalah boleh diubah dalam pilihanraya menurut peraturan demokrasi yang saya sebutkan tadi. Mana-mana golongan rakyat yang tidak puashati dengan dasar atau perjalanan Kerajaan, bolehlah mengambil tindakan menurut aturan dan saluran yang ditetapkan iaitu menerusi wakil-wakil rakyat dan ajensi pentadbiran dan seharusnya mereka berbuat apa yang wajar menurut aturan itu. Kerajaan sedia menerima pandangan dan teguran yang membina untuk faedah rakyat dan Negara, tetapi tindakan politik terhadap Kerajaan hanyalah boleh dibuat melalui pilihanraya di mana keputusan muktamad terserah pada rakyat untuk menentukannya.

Kerajaan sekarang telah dan sedang menjalankan dasar yang bertujuan hendak memberi faedah kepada rakyat khasnya mereka yang miskin dan mundur yang duduk di kampung-kampung dan di kawasan luar bandar. Kerajaan berazam supaya keadaan yang tidak seimbang di kalangan rakyat di lapangan ekonomi dapat diperbaiki dan dihapuskan supaya dengan itu dapat dibina landasan yang kukuh bagi perpaduan rakyat dan kestabilan Negara. Inilah cita-cita dan matalamat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang supaya jenerasi yang muda dapat mewarisi Negara yang bersatu padu, makmur dan aman bahagia untuk mereka itu memelihara dan mempertahankannya.

Untuk mencapai matalamat ini, mustahaklah semua pihak—ahli-ahli politik, ahli-ahli pentadbiran, penuntut-penuntut yang masih di bangku sekolah—menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna dan jujur. Kaum belia dan penuntut-penuntut dikehendaki mengisi dada mereka itu dengan ilmu pengetahuan untuk membolehkan mereka mengambil tempat dalam perusahaan dan kemajuan. Kepada orang-orang Melayu, saya suka tegaskan bahawa masa depan orang-orang Melayu bukan bergantung kepada laungan atau tempek sorak semata-mata. Untung nasib orang-orang Melayu bahkan timbul tenggelamnya orang-orang Melayu di Negara ini sendiri bergantunglah kepada kesanggupan muda mudi sekarang mengisi dada mereka dengan ilmu pengetahuan sesuai dengan zaman sains dan teknoloji dan kemahiran-kemahiran untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup yang akan datang. Kalau kita tidak sanggup menggunakan peluang yang ada sekarang dan berlumba-lumba mengejar kemajuan, nescaya kita akan ketinggalan. Tidak ada jalan yang lain. Inilah jalan yang tinggal bagi kita. Inilah cabaran yang kita mesti tunaikan bagi Bangsa dan Negara. Masa hadapan Negara bergantung kepada belia-belia dan penuntut-penuntut yang masih belajar. Adalah harapan kita yang mereka bersungguh-sungguh mengisi dirinya dengan ilmu pengetahuan untuk mengambil tempat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang dan untuk menghadapi cabaran-cabaran dan masaalah-masaalah yang tidak dapat tiada lebih rumit lagi pada masa akan datang.

Kita semua, baik Menteri-menteri, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan penuntut-penuntut di sekolah-sekolah tinggi dari kalangan orang Melayu adalah berasal dari rakyat yang menderita. Kemerdekaan Negara telah memberi peluang kepada kita untuk mendapat sedikit sebanyak kemudahan, kesenangan dan peluang-peluang. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita membalas segala-galanya dengan berkhidmat untuk kepentingan rakyat yang masih mundur dan miskin yang ada di kampung-kampung itu.

Saudara-saudara sekalian.

Parti kita UMNO yang mendukung Kerajaan telah berjuang begitu lama untuk memberi kemakmuran kepada rakyat. Tetapi kita patut ingat bahawa perjuangan UMNO belum lagi selesai dan sempurna. Masih banyak masaalah yang menjadi sungutan rakyat terutama rakyat Bumiputra yang tinggal di luar bandar yang perlu

diatasi. Ramai rakyat petani dan nelayan yang berpendapatan kecil yang perlu dibaikki penghidupan mereka.

Bagi melaksanakan tugas-tugas penting yang belum tercapai itu, mustahaklah UMNO terus berjuang mengukuhkan jentera pentadbiran, meningkat kegiatan politiknya sesuai dengan tuntutan zaman. Mustahak kita merangka dan menentukan strateji yang *imaginative* dan *sophisticated* untuk mendapat keyakinan jenerasi muda yang terpelajar. Mereka ini adalah kumpulan tenaga yang kuat dan mustahak disalurkan dalam UMNO untuk memperkuatkan parti kita. Mereka ini juga merupakan sebahagian besar daripada pengundi-pengundi dan untuk mendapat sokongan mereka kepada parti kita dan Kerajaan, kita perlu mempunyai strateji dan *approach* yang sesuai dan diterima oleh mereka itu.

Saudara-saudara sekalian.

Suasana politik tanahair kita semakin hari semakin cerah dan penuh dengan optimism bagi kita menghadapi tahun-tahun akan datang. Kemajuan yang dicapai oleh negara di bawah konsep "Coalition" atau Campuran menunjukkan natijah yang baik dan oleh itu besar harapan parti-parti dalam Kerajaan Campuran akan dapat mencapai persetujuan mengenai strateji masa hadapan. Dengan adanya persefahaman ini dan dengan memilih serta menentukan "sistem politik" kita yang sesuai, saya yakin kita akan mencapai kemenangan dalam pilihanraya yang akan datang kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, selagi ahli-ahli UMNO di semua peringkat taat dan teguh kepada disiplin parti dan berjuang mengikut landasan yang telah ditetapkan itu, masa hadapan UMNO, parti-parti lain dalam Barisan Kebangsaan dan juga Negara sangat baik. Kita akan terus maju mencapai cita-cita membina masyarakat adil dalam Negara Malaysia yang maju, makmur dan diberkati oleh Allah setiap masa.

Dengan harapan dan keyakinan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen UMNO Johor ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KONVENSYEN UMNO MELAKA DI DEWAN HANG TUAH, MELAKA PADA 16HB FEBRUARI, 1974

Y.B. Encik Ghafar[1], Y.A.B. Tuan Haji Abdul Ghani[2], Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat membuat lawatan singkat ke Melaka ini pada hari ini dan semalam. Seterusnya sukalah saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Melaka kerana sudi menjemput saya membuka Konvensyen yang penting pagi ini.

Dua hari lalu saya telah merasmikan Konvensyen UMNO Negeri Johor dan saya sukacita melihat sambutan yang begini hangat dari ahli-ahli UMNO Negeri Melaka terhadap Konvensyen ini. Barangkali juga ini berpunca dari tradisi UMNO Melaka yang kuat memegang disiplin serta berdiri teguh di belakang pimpinannya selama ini. Inilah agaknya rahsia kekuatan UMNO Melaka yang patut dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang telah saya terangkan di masa-masa lampau, tujuan kita mengadakan Konvensyen ini ialah hendak memupuk rasa kesedaran di kalangan pimpinan UMNO khasnya mengenai pergolakan politik di tanahair pada masa ini dan di samping itu mendalamkan lagi pengetahuan mereka mengenai peranan UMNO dalam menghadapi tahun-tahun akan datang. Saya rasa amatlah mustahak para pemimpin UMNO di peringkat Cawangan dan Bahagian tahu akan tugas serta tanggungjawab masing-masing dan seterusnya boleh memberi fahaman pula kepada ahli-ahli *rank-and-file* terutama semasa persediaan untuk pilihanraya akan datang kelak.

Pada pendapat saya ahli-ahli UMNO sebagai parti yang mendukung Kerajaan patutlah juga mengambil berat atas perkembangan serta kemajuan yang telah kita capai dalam usaha memperbaikki

[1] Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
[2] Ketua Menteri, Negeri Melaka.

keadaan ekonomi dan sosial rakyat, terutama sekali kemajuan yang dicapai dalam pelaksanan Dasar Ekonomi Baru. Untuk maksud ini, para peserta akan mendengar penerangan dari pihak-pihak yang bertanggungjawab melaksanakan dasar Kerajaan di peringkat Negeri dan Pusat, khasnya usaha-usaha pembangunan menurut Dasar Ekonomi Baru itu. Dengan yang demikian, kita berharap para peserta yang dipilih mengikuti Konvensyen ini akan dapat pula memanjangkan penerangan ini kepada ahli-ahli di Cawangan masing-masing supaya mereka bersedia memberikan kerjasama yang lebih berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita rakyat dan Kerajaan. Saya suka mengingatkan semula iaitu matalamat utama kita memperjuangkan kemerdekaan dahulu ialah hendak membawa harapan dan taraf hidup yang lebih baik kepada rakyat marhaen seperti kata pepatah, "berdiri sama tinggi, duduk sama rendah" dengan rakyat negara-negara lain yang maju di dunia ini.

Dalam hubungan ini, para peserta Konvensyen akan berpeluang pula membincangkan dan membahaskan masaalah-masaalah berkaitan dengan pelaksanaan dasar Kerajaan dan pertaliannya dengan dasar Parti kita. Seperti dimaklum, beberapa kertas kerja sudahpun disediakan dan beberapa orang tokoh Parti akan membimbing perbincangan yang akan berlangsung itu. Sebenarnya, melalui perbincangan-perbincangan terbuka seperti itulah kita akan dapat menentukan soal-soal pokok yang mengaitkan parti, Kerajaan dan orang ramai, terutama masaalah kehidupan mereka sehari-hari, dan dengan penuh jujur serta ikhlas kita bersama-sama mencari huraiannya. Saya percaya kalaupun kadangkala perbahasan itu menjadi hangat, ini adalah semata-mata untuk mencari kata sepakat yang boleh diterima oleh semua. Bagaimana keruh air sekalipun akhirnya jernih semula.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang seringkali saya tegaskan, perkara yang paling utama dan mustahak kita titikberatkan ialah perpaduan dan persefahaman di kalangan ahli-ahli parti pada semua peringkat. Selagi kita sekalian bersatu teguh serta memberi sokongan penuh kepada pimpinan Parti, saya yakin tiada siapa yang boleh menggoncang kita atau mengambil-alih kekuasaan kita menjalankan pentadbiran serta membimbing rakyat ke arah hari depan yang lebih cerah dan gemilang.

Pengalaman kita di masa yang sudah-sudah membuktikan bahawa usaha hendak memecah-belahkan UMNO di Melaka ini semuanya

gagal oleh kerana ahli-ahli UMNO patuh pada disiplin dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan pujian kepada Encik Ghafar sebagai Ketua Perhubungan UMNO atas sikap beliau yang jujur dan ikhlas bekerjasama semasa melaksanakan perubahan-perubahan dalam susunan UMNO Melaka tahun lalu. Begitu juga saya memberikan pujian serta ucapan terimakasih kepada ahli-ahli UMNO Melaka seluruhnya atas kesediaan mereka menerima dan menjalankan arahan Ibu Pejabat mengenai penyusunan semula itu.

Mengambil analogy atau tamsil yang sama, miskipun ada percubaan di pihak Parti Kominis Malaya dan anasir-anasir anti-nasional lain yang hendak memecah-belahkan rakyat, saya yakin rakyat akan terus berdiri teguh di belakang Kerajaan dan bersama-sama memusnahkan anasir-anasir anti-nasional itu.

Saudara-saudara sekalian.

Bercakap mengenai kedudukan politik tanahair kita pada masa ini, adalah nyata bahawa kita telah bergerak jauh ke hadapan dari paras tahun 1969 dahulu. Pada masa itu dan setahun dua selepasnya, kita masih berkisar pada platform lama sehinggalah lahir konsep Dasar Ekonomi Baru yang berlandaskan Rukunegara. Kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin Parti yang mempengaruhi sebahagian besar rakyat telah membuka jalan baru untuk mencari persefahaman dan kerjasama ke arah penyatuan tenaga rakyat yang inginkan kesetabilan politik dan kemakmuran negara.

Saya bersyukur kepada Ilahi oleh kerana semasa pimpinan saya dan dengan sokongan penuh ahli-ahli UMNO di seluruh negara, kita telah berjaya mempelopori gerakan membentuk Barisan Nasional yang menyatupadukan tenaga parti-parti yang dahulunya menentang kita untuk bersama-sama melaksanakan cita-cita masyarakat adil dan negara aman bahagia. Sepanjang-panjang tahun lalu setelah adanya ikatan kita dengan PAS, bukan saja kita berjaya meredakan keruncingan politik di kalangan orang-orang Melayu bahkan kita berjaya pula melaksanakan rancangan-rancangan penting berhubung dengan kebesaran ugama Islam yang maha suci. Sukalah saya berterus-terang dengan saudara-saudara pada hari ini iaitu saya ingin melihat ikatan yang kita jalin itu berkekalan dan dalam hal ini ahli-ahli UMNO patutlah faham dan bersedia memberi makna kepada ikatan perpaduan Melayu itu.

Dengan pengertian inilah kita bersama-sama dengan rakan-rakan dalam PAS menjayakan rancangan-rancangan yang mempunyai hubungan erat kepada orang-orang Melayu seperti Lembaga dan Urusan Tabung Haji, Yayasan Dakwah Islamiah supaya hasil dan munafaatnya dapat dinikmati oleh orang-orang kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Berbalik semula kepada perkara pokok iaitu menjaga perpaduan parti sebagai punca kekuatan UMNO, amatlah mustahak ahli-ahli UMNO di setiap Cawangan dan Bahagian sentiasa patuh pada tatatertib Parti serta meletakkan kepentingan Parti dan rakyat di atas kepentingan diri. Lebih-lebih pula orang-orang yang memegang jawatan dalam pimpinan hendaklah sentiasa ingat bahawa mereka diamanahkan oleh ahli-ahli untuk menjalankan urusan parti ataupun negara demi kepentingan rakyat dan seharusnyalah mereka menjalankan amanah ini dengan sebaik-baiknya. Lazimnya kita lihat pecah-belah yang berlaku dalam parti—termasuk parti lawan-pun—ialah berpunca dari perbuatan setengah-setengah pihak mengabaikan tugas dan amanah yang diberi kepada mereka sedangkan mereka lebih mengutamakan kepentingan diri sendiri. Inilah yang menimbulkan keadaan yang tidak sihat dan pertelingkahan sesama sendiri. Malah yang lebih buruk lagi ialah penyelewengan pemimpin-pemimpin parti yang mengambil kesempatan dari kedudukan mereka dalam Kerajaan untuk kekayaan dan kemewahan diri sendiri.

Saya harap kita akan bersama-sama menjaga dan melihatkan supaya keadaan seperti itu tidak timbul lagi. Kita sudah banyak pengalaman di masa yang sudah-sudah dan tentulah tidak ingin perkara yang semacam ini berulang lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka mengulangi lagi penegasan yang saya buat mengenai sistem demokrasi di negara ini yang mana kita menjunjung tinggi serta mengamalkannya. Apa jua cara kehidupan dan sistem politik mempunyai peraturan-peraturan tertentu dan dengan demikian wajiblah setiap orang memahami Peraturan-peraturan itu. Kita maklum Kerajaan sentiasa menjalankan dasar yang mementingkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan kalau ada penyelewengan oleh sesiapa jua maka perkara itu hendaklah dibawa kepada pengetahuan Kerajaan menurut saluran-saluran tertentu. Kita mempunyai Kerajaan pilihan rakyat sendiri dan menurut sistem

yang kita amalkan itu tidaklah kena pada tempatnya mana-mana golongan mencabar Kerajaan mengenai sesuatu issue ataupun cuba menjatuhkan Kerajaan secara kekerasan. Oleh kerana kita mengamalkan faham demokrasi, maka kita menentang perbuatan anasir-anasir Komunis dan anti-nasional yang bertindak cuba hendak merampas kuasa dengan cara kekerasan seperti itu.

Kerajaan hanya bertanggungjawab kepada rakyat yang memberi mandat kepadanya untuk memerintah bagi sesuatu tempoh dan sebarang perubahan hanya boleh dilakukan menerusi pilihanraya umum. Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa bersedia menerima pandangan dan teguran asal saja dengan tujuan membina untuk faedah rakyat dan negara.

Tidak siapa boleh menafikan kemajuan yang telah kita capai hingga hari ini, dan Kerajaan akan terus menjalankan segala usaha dan ikhtiar untuk membaikki kehidupan rakyat, khasnya mereka yang miskin dan daif kerana tidak mendapat kesempatan selama ini. Kerajaan berazam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan penuh kejayaan supaya keadaan tidak seimbang di kalangan rakyat berbilang kaum dapat diperbaikki dan kemiskinan dihapuskan. Dengan demikian, dapatlah dibina landasan yang kukuh bagi perpaduan rakyat dan kesetabilan negara yang diharap kekal zaman berzaman. Inilah sebenarnya cita-cita murni para pemimpin yang ada sekarang, yang telah memperjuangkan kemerdekaan dulu supaya jenerasi muda hari ini dan yang akan datang mewarisinya dan mempertahankannya.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum, salah satu issue penting yang dihadapi rakyat hari ini ialah kenaikan harga barang-barang atau inflasi. Sebenarnya inflasi ini berpunca dari luar dan oleh kerana kita terpaksa membeli bahan-bahan makanan, barang-barang buatan dan alat-alat jentera dari luar, maka kita juga turut dilanda oleh inflasi ini. Kesulitan-kesulitan akibat inflasi amat dirasakan oleh pekerja-pekerja Kerajaan dan golongan berpendapatan rendah tetapi syukur juga orang-orang kita di kampung dan peserta-peserta rancangan FELDA tidaklah begitu susah kerana harga getah dan kelapa sawit yang agak lumayan pada masa ini.

Bagaimanapun, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah perlu supaya dapat mengurangkan tekanan inflasi ini dan melegakan penderitaan golongan berpendapatan rendah. Saya telah mengarahkan pembayaran elaun bantuan sementara kepada kakitangan

Kerajaan dan badan-badan berkanun dan diharap pihak swasta akan mengambil tindakan yang sama. Begitu juga kita telah melonggarkan sekatan impot untuk beberapa jenis barang termasuk makanan, pakaian dan bahan-bahan binaan. Selain dari itu, tahun ini kita telah meluluskan bantuan buku-buku teks untuk kanak-kanak dari keluarga miskin berjumlah $40 juta dan satu sistem pinjaman akan dijalankan supaya menjamin pelajaran kanak-kanak itu tidak terganggu.

Dalam pada itu, orang ramai patutlah pula mengambil usaha sendiri mengurangkan perbelanjaan rumah disebabkan barang-barang mahal sekarang ini. Kita boleh bertanam sedikit sebanyak bahan-bahan makanan sendiri seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dan juga berternak ayam itek. Dengan mengadakan bekalan sendiri dan tidak mengharapkan penjual-penjual di pasar, kita dapat lega sedikit dari tekanan inflasi di samping membantu menurunkan harga barang-barang amnya. Kerajaan memang menggalakkan pengeluaran barang-barang makanan dan keperluan lain seperti pakaian dan langkah-langkah sudah pun diambil untuk membuka kawasan padi yang baru di Perak dan Pahang.

Mengenai bekalan minyak, kita tidak bimbang kerana Malaysia diberi kedudukan istimewa atau *privileged-nation status* oleh negara-negara pengeluar minyak Arab. Lawatan Menteri Perusahaan Utama[3] baru-baru ini mendapat kejayaan dan kita akan terus mendapat bekalan yang cukup sebelum kita dapat memulakan perusahaan minyak milik negara kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Tidak lama dulu, saya menyebut bahawa keadaan keselamatan khasnya di Semenanjung patut mendapat perhatian rakyat oleh kerana anasir-anasir kominis cuba hendak bertapak semula di tempat-tempat mereka bergerak semasa darurat pertama dahulu. Mereka telah cuba membuat angkara di kawasan Raub baru-baru ini yang menyebabkan rakyat di situ dan juga di sebelah Perak menderita kesusahan berikutan dengan tindakan Pasukan Keselamatan dan perintah berkurung untuk menghapuskan musuh-musuh negara itu. Sebenarnya orang ramai terpaksa menderita

[3] Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud.

oleh kerana perbuatan segolongan kecil yang disyaki menolong penjahat-penjahat itu.

Saya suka mengingatkan rakyat terutama di kampung-kampung baru supaya memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan dalam usaha menentang anasir-anasir jahat ini. Kita berkehendakkan keamanan dalam negeri supaya dapat melaksanakan pembangunan besar-besaran untuk faedah rakyat. Seberapa dapat ketenteraman dan kesetabilan dapat pulih semula, begitu juga kita akan mempercepat pembangunan kawasan-kawasan pertanian baru, jalanraya dan lain-lain infrastructure yang akan meningkatkan perkembangan ekonomi negara seluruhnya.

Sesiapapun dapat memahami dengan jelas betapa sia-sianya tindakan yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya menentang Kerajaan yang sah, yang dipilih oleh rakyat. Tambahan pula kita diiktiraf oleh negara-negara Sosialis di Eropah Timur termasuk Soviet Union dan tidak lama lagi kita akan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Repablik Rakyat Cina. Ini jelas menunjukkan kebijaksanaan dasar luar negara kita hendak bersahabat dengan semua negara di dunia ini tidak kira faham politik dan sistem ekonomi mereka atas dasar saling menghormati dan tidak campur tangan dengan urusan dalam negeri.

Menyebut tentang perhubungan luar, saya sukacita memberitahu saudara-saudara bahawa saya akan mengetuai perwakilan Malaysia ke Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Lahore minggu hadapan. Syukur Alhamdulillah, negara kita mendapat nama yang harum di sisi negara-negara Islam oleh kerana pendirian kita yang tegas memperjuangkan hak bangsa Arab khasnya rakyat Palestin yang tertindas selama ini di bawah pendudukan Israel. Saya akan mengambil kesempatan ini juga untuk membincangkan hal-hal yang ada mempunyai kepentingan bersama dengan Ketua-ketua Negara Islam yang akan hadir menyertai Persidangan itu dan selepas itu akan membuat lawatan singkat ke Tanah Suci.

Saudara-saudara sekalian.

Parti kita UMNO yang mendukung Kerajaan telah berjuang sekian lama untuk memberi kemakmuran dan kebahagian kepada rakyat. Tetapi patut diingat perjuangan UMNO masih belum selesai. Masih banyak yang perlu kita buat terutama untuk rakyat ramai di kampung-kampung luar bandar dengan tujuan memberikan penghidupan yang lebih sempurna kepada mereka. Inilah tugas dan kewajipan yang mesti kita selesaikan.

Bagaimanapun, saya yakin dan percaya selagi ahli-ahli UMNO di semua peringkat taat dan teguh mematuhi disiplin parti dan berjuang mengikut landasan yang telah ditetapkan itu, masa hadapan UMNO dan juga negara sangat cerah. Kita akan terus bergerak maju mencapai cita-cita membina masyarakat adil dalam negara Malaysia yang aman makmur dan diberkati oleh Allah setiap masa.

Dengan harapan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen UMNO Melaka ini.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE ISLAMIC SUMMIT CONFERENCE LAHORE, PAKISTAN ON 24TH FEBRUARY, 1974

Allow me to extend to you, Mr Prime Minister, my warmest congratulations on your election as Chairman of this Conference. This is indeed an important Conference at the Summit level where, as Heads of States and Governments of Muslim Countries, we have assembled in the spirit of friendliness and Muslim brotherhood to address our minds together on matters of great concern to all of us. I have no doubt whatsoever that under your able and wise guidance this Conference will bring about not only fruitful discussions among us but also useful and concrete decisions that will reflect the solidarity which exists among all Muslim countries.

I also wish to express my deepest gratitude to you, Mr Chairman, and to His Majesty King Faisal of Saudi Arabia, for your personal initiative in bringing all of us together to this beautiful and historic city of Lahore. The untiring and painstaking efforts exerted by your Government and the Government of the Kingdom of Saudi Arabia in co-sponsoring this Conference and in attending to all its minute details in co-operation with the Islamic Secretariat will, I know, ensure the success of this Summit. Similarly, the congenial and pleasant atmosphere provided by Lahore, and the generous hospitality showered upon us by you, Mr Chairman, and your Government, will surely ensure smooth deliberations of all the issues that will be brought before us. My delegation and I once again would like to thank you for inviting us here and we are deeply honoured and touched by the welcome, the care and the hospitality extended to us by the Pakistani Government and Pakistani people.

Mr Chairman.

My thanks and gratitude are also due to the Islamic Secretariat under whose auspices we meet today. The retirement of His Excellency Tunku Abdul Rahman as Secretary-General of the Islamic Secretariat recently has been a great loss to all of us. We are indebted to him for the immense contributions he has made in bringing all of us together under the banner of the Islamic Conference. Indeed, our gathering here today owes much to him.

In his place, we are indeed fortunate in having His Excellency Mr Mohammad Hassan El Tohamy who is not only a Muslim of high personal standing but who also has vast experience in Islamic affairs. I am confident we shall gain very much from his wise counsel and persuasive guidance in upholding the noble objectives and ideals of the Islamic Conference and Secretariat. On behalf of my delegation and on my own behalf, I wish to extend to him our warmest congratulations on his election to his high office and the renewed assurances of Malaysia's closest co-operation and support for the work of the Secretariat.

Mr Chairman.

It is with greatest pleasure that I offer on behalf of my delegation and on my own behalf, our sincere congratulations to the delegations of the Cameroon, Gabon, Gambia, Guinea-Bissau, Uganda and Upper Volta on their admission as members of our organization. We are also happy with the participation of Iraq for the first time as observer at this historic Conference. I bid them very warm welcome and we are happy to have them with us. Their presence here is a clear indication of the growing strength of unity of our Muslim brotherhood.

Another unforgettable event which warm all our hearts is the reconciliation between Pakistan and Bangladesh. Pakistan and Bangladesh were one people and one country but were separated by accident of history. However, thanks to the untiring efforts of this Conference both the Governments of Pakistan and Bangladesh have forged a new bond of relationship. We all cannot but admire the magnanimity and a deep sense of understanding and accommodation shown by you, Mr Chairman as leader of Pakistan and by H. E. Prime Minister Sheikh Mujibur Rahman. May this historic event be the beginning of a new era of close and cordial relations between your two countries as brother nations, within the Muslim World.

Mr Chairman and distinguished delegates.

An assembly such as this was first held five years ago in Rabat, the capital city of the Kingdom of Morocco. Our meeting then, it will be recalled, was occasioned by our anguish and horror at the desecration and destruction of the Al-Aqsa mosque. Islam, the great faith of our fathers was then suffering yet another

blow. Its concepts were misunderstood and its influence in the councils of all but a few nations was waning and for the most part inconsecuential. At that meeting, in the midst of our sadness, it was resolved that the decline of Islam had to be arrested. At that meeting, the first steps towards Islamic solidarity and co-operation were taken. This was then followed by the creation of the Islamic Secretariat. Our gathering here today, I believe, is the fruit and vindication of our resolve five years ago.

Mr Chairman.

For several centuries disunity and turmoil has prevailed in the Muslim world and hampered our quest for progress. Internal fueds and rivalries have weakened us and our peoples have succumbed to alien rule. The glory that was Islam faded into all but obscurity. But through it all, Islam never lost its identity. In its golden age, Islam has contributed extensively to the advancement of civilization. The splendour and the glory of its achievements is a historical fact of which we can be justly proud. Our common creed and its contributions to civilization in its era of glory must now inspire us to strive for the restitution of Islam and its relevance in a new progressive era. Through unity, we would be better able to pursue these goals and ideals and at the same time strive to improve our political and socio-economic conditions. In this respect, the Islamic Conference has provided us with the basis for co-operation and our joint efforts towards progress and prosperity can in consequence pave the way for the Revival of Islam.

Mr Chairman and distinguished delegates.

In the past five years we have made some progress. But let us not be content and become complacent by the success we have so far achieved. Much remains to be done. The tasks ahead are vast and difficult, and require great sacrifice and patience. With our common dedication and faith, we must reach for greater goals. Needless to say, economic advancement remains our primary need. For this reason, I place great hope in the proposal for the establishment of the Islamic Development Bank which, I believe, can provide the avenue for new and promising co-operation amongst us. Indeed, the Bank will enable us to apply and utilize our abundant economic potential to the maximum advantage of all our nations, thereby contributing towards the betterment of all Muslims the world over.

But, Mr Chairman and distinguished delegates, standing defiantly in the path of our progress and our quest for the revival of Islam are the forces of Zionism. In 1967, Israel, in complete defiance of the UN Charter and in total disregard of world public opinion, embarked on an act of naked belligerence and force, and occupied vast territories belonging to our Arab brothers. She had, with contempt, rejected all offers for peace, and instead continued with her intransigence. In her negligence, the Al-Aqsa Mosque was desecrated.

Today, Mr Chairman, we meet again in the aftermath of war. But, this time, with a difference. Israel's continued intransigence and bellicosity have forced our Arab brothers again to resort to every means in their power to regain their occupied territories. And, thanks to the valour and vigour of Arab fighting men, a new mood, a new spirit, indeed a new force has emerged in the world.

The problems of West Asia have persisted for nearly three decades and remain today as potentially dangerous and explosives as they have ever been. It cannot be denied that the root cause of the problems in West Asia is the deprivation of the Palestinians of their inalienable birthright. Palestine was their homeland which was forcibly wrested from them by Israel. Time cannot erase this fact nor deny to the Palestinians their rights to their own homeland, their own country. Until their right is restored, the conflict in that region will persist and there will be no lasting peace in West Asia. It remains our urgent responsibility to press for a solution to this basic problem.

Mr Chairman.

Malaysia has consistently emphasised that the acquisition of territory by the use of force, as in the case of Israel occupation of Arab land, is illegal and illegitimate judged by any yardstick of human civilization. Time and again, my Government has emphatically drawn world attention to Israeli intransigence in the West Asian crises and we have unequivocally condemned her for her continued occupation of all Arab lands. Not only is our sympathy with just cause of our Arab brothers, we also stand prepared and willing to extend all possible assistance within our means to help our Arab brothers regain what is rightfully, historically and legally theirs, so that peace with justice once again may prevail in West Asia.

Mr Chairman.

Another issue of no less importance and indeed related to, the question of peace in West Asia, is the issue concerning the Holy City of Baitul-Muqqadis. So many years have passed and countless resolutions have been adopted both by the UN and other international conferences, since Israel annexed the Holy City of three major religions of the world. Israel's persistent attempts to transform the character of the city, in defiance of all resolutions on the issue and in utter disregard of world opinion, is a cause of grave concern to all Muslims and peace-loving countries throughout the world. The Judaization of the city is but a deliberate move by Israel to suffocate the rights of its Arab inhabitants, both Muslims and Christians alike, and deprive them of their ancient freedoms in the Holy City. These are despicable acts. It behaves upon us at this Islamic Conference in co-operation with the International community to see to it that Israel will have to forthwith stop all these activities.

Mr Chairman.

Nearly three decades have passed and the problems of West Asia have persisted. The world community has pronounced itself often enough and clearly enough on the wilful intransigence and arrogance of Israel. But the forces of Zionism have been of such a dimension that the will of the world community has been frustrated—though we are at the same time justified in wondering whether the words of condemnation of Israel were not, in the case of a number of countries, more pious than serious.

To those blind to the plight of our Arab brothers, pleadings failed, as did warnings when repeatedly put before them. Our Arab brothers have resorted to arms, and have emerged with honour and dignity. After much soul searching they have turned to the only other weapon left to them in their quest for justice. Fortunately, the lands where Islam was first propagated are also endowed by nature to be the well spring of one of the world's most important sources of energy. Consequently, the oil embargo is a weapon resorted to by our Arab brothers to counter the influence of Zionism and to peel away layers of falsehood piled on over the years that have hidden the justice of their cause. In consequence of the use of this weapon, the righteousness of the Arab cause stands in bold relief and progressively those who

have been blind to the many injustices perpetrated by Israel are beginning to see the light. This at long last is having an impact upon Israel. For the first time in over a quarter of a century, Israel's intransigence is beginning to ware out. Never in three decades of turmoil and bloodshed has peace been known to the peoples of this sorely troubled area of the world. The initial rounds of preliminary negotiations have been completed and Israel has finally begun to pay some head to the world's demands for its withdrawal from Arab territories.

Mr Chairman.

A serious blow has been inflicted on Zionism. Isreali withdrawal from all Arab territories she has forcibly occupied is the minimum prerequisite for peace in West Asia. This is the wish of world public opinion as pronounced in Security Council Resolution 242 of November, 1967. Our Arab brothers cannot accept anything less, and we of the Muslim world are solidly behind them not only in our sentiments but also in our desire and willingness to render them assistance until pure justice and lasting peace prevail in West Asia.

Mr Chairman.

All of us are alert and alive to the desperate attempts of Zionism to frustrate our quest for justice in West Asia by its incessant dissemination of falsehood regarding the oil embargo that our Arab brothers have been forced to resort to by circumstances beyond their control. It is admitted that the use of this weapon has had its adverse effects not only on the highly industrialised economies but also on those economies that are still developing. But it is without doubt that our Arab brothers, and for that matter, the whole Muslim world, have taken cognizance of this. For, we as Muslims are fully conscious of the immense strength that flows from the precepts and practice of Islam. The greatness of our faith is that it inculcates in the believer the virtues of humility, restraint, and concern for the welfare of our fellowmen in the pursuit of the will and word of Allah.

The use of a powerful weapon is like a great flame. It must inevitable scorch surrounding areas. The use of oil as a weapon against the nafarious influences of Zionism has inevitably had repercussions upon innocent parties. We cannot but be determined

to check the evils of Zionism, but at the same time the tempering influence of Islam upon us has also moved us to sooth the scorched skin of the innocent. We can thus witness here the great concern of our Arab brothers for the innocent who have suffered from the effects of the oil shortage as evidenced by the creation of the two funds namely Arab Special Fund and Special Fund within OPEC, to mention but these two measures. We know also that they are continuing to apply their minds to ways and means of alleviating the hardship which face the developing countries. These action should serve as more than sample indication to those who doubt the temperance of our Arab brothers in their use of oil as a weapon, that once the problems of West Asia are resolved with justice and honour they need have no fear that sanctions will continue.

In these trying times faced by all Muslims throughout the world, the unity, the determination and the vigour of our Arab brothers in the pursuit of justice and peace have our complete admiration. Our sympathy and support go to them in their noble and righteous endeavour and we pray for their success. I pledge here once again Malaysia's total support for the Arab cause and for the greater glory of Islam.

Mr Chairman, distinguished delegates.

We meet today in an atmosphere of renewed faith and hope. Because of the courage and resourcefulness of Arab fighting men, the war of October 1973 transformed more than the situation in West Asia. It has blown a fresh wind of change and renewal in Muslim countries and among all Muslims. I see today at last the glimmerings of Muslim unity. I see today the emergence, by the grace of Allah, of a true Commonwealth of Muslim countries.

Let us all therefore dedicate ourselves to bring about the realisation of this great vision of all Muslims. We should stick to the essentials which hold us together, the great religion of our fathers, the cause of justice and freedom, and the ternal glory of Islam. Let us build, little by little, on the foundation which is beginning to exist so that a truly strong edifice of Muslim unity will emerge. Let us explore areas of co-operation in trade and development, in the diplomatic field, and in such fields as culture and sports and education which will bring our people closer together. Let the Islamic Development Bank which we have

agreed to establish be truly a beacon of hope for the development of Muslim countries. Let us in these practical ways forge greater links of unity and co-operation so that the force of Islam will truly count in the councils of the world.

Let us also affirm once more that the Islamic world will not be a force to intimidate or to destroy, but to create, to succour, and to uphold the cause of justice.

It is in this context, Mr Chairman, that I should like to express the gratitude of the Malaysian delegation for the reference made to the plight of Muslim in the Philippines. We in Malaysia have exerted our effort on the Philippines Government to resolve this problem, and avoid the unnecessary loss of so many lives. The tragic situation prevailing in Southern Philippines today is a cause of great concern to us in Malaysia. Up to now, thousands of Filipino Muslims have fled the country and sought refuge in Malaysia. We therefore appeal to all delegations present here to use their good offices to prevail upon the Philippines Government to work out a just solution to the problem encountered by the Muslims in that country—problems which must be regarded as her own internal affair but nevertheless are of concern to us in Malaysia, as well as to the Muslim World.

Mr Chairman and fellow delegates, we Muslims seek to unite ourselves not for the arrogance of power, but for a noble purpose of building a truly, just and prosperous international order for us and our children. We seek to give our Muslim brothers a rightful place in a peaceful world. Let us, therefore, resolve to achieve this objective and together today make a bold big step forward to that end.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PERSIDANGAN AGUNG PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA DI PULAU PINANG PADA 9HB MAC, 1974

Dr Lim Chong Eu,[1] Pemangku Presiden Gerakan, Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi Gerakan, Y.B. Menteri-menteri dan Saudara-saudara perwakilan sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Dr Lim Chong Eu dan Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi Gerakan kerana sudi menjemput saya merasmikan Persidangan Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia pada hari ini.

Saya merasa sungguh terharu dan gembira di atas penghormatan tinggi yang saudara-saudara sekalian berikan kepada saya pagi ini. Selama saya memasuki arena politik dan sehingga menjadi Perdana Menteri, inilah kali pertama sebuah parti politik di luar Perikatan pernah menjemput saya hadir dalam mesyuaratnya dan merasmikan pembukaannya.

Oleh yang demikian, peristiwa hari ini amat besar maknanya bagi diri saya, tambahan pula tidak lama dahulu, Gerakan adalah "political opponent" Perikatan yang kuat di Pulau Pinang. Tetapi, syukurlah kita Gerakan telah bersetuju mengadakan Kerajaan Campuran di Pulau Pinang dan seterusnya bekerjasama dengan Parti Perikatan. Sekarang Gerakan dan Perikatan bersama-sama duduk dalam Barisan Nasional atau National Front.

Sebelum persidangan ini, saya diberitahu berbagai seminar dan meeting telah diadakan oleh Parti Gerakan untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada ahli-ahli "rank-and-file" berkenaan dasar, kegiatan, strateji parti dan program Kerajaan Campuran Pulau Pinang dan Kerajaan Pusat berlandaskan dasar dan matalamat Barisan Nasional. Dalam pada itu, sebagaimana seringkali saya ingatkan pemimpin-pemimpin parti saya sendiri, amatlah mustahak para pemimpin Gerakan di semua peringkat tahu akan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta memberi semangat dan faham pula kepada ahli-ahli tentang persediaan-persediaan kita bagi menghadapi pilihanraya akan datang. Saya

[1] Ketua Menteri, Pulau Pinang.

yakin dan percaya ini telahpun dibuat oleh Dr Lim dan rakan-rakannya.

Saudara-saudara sekalian.

Saya katakan tadi peristiwa hari ini mempunyai kaitan penting khasnya dalam hubungan saya dengan Dr Lim. Jika ada mereka yang tidak tahu, saya sudah lama kenal dengan Dr Lim. Dia dahulu seorang Ketua Perikatan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang kita jalankan sekarang ini, ia bersama menolong saya membuatnya tahun 1956 dulu. Ketika itu kami kawan baik, lepas itu bermusuh sebentar dan sekarang kembali berkawan baik! Ini berlaku kerana Dr Lim ialah seorang yang pragmatic—he is a practical leader. He changes his stand or shifts, if you like, because he wants to be abreast with time and to meet changing political situation. A pragmatic leader must have many options open to him to choose from and act consistently as occasions demand.

Begitulah juga dengan sebuah parti politik yang dinamis. Ia mesti sentiasa bergerak dan mengikut keadaan. Mana-mana parti politik yang enggan berbuat demikian akan ketinggalan masa dan tidak akan menjadi kuat. My party, UMNO, always responds to changes and that is the real secret of its strength—it is always flexible and its leaders are never dogmatic. One thing we can pride ourselves is that UMNO leaders are almost always pragmatic. Ini ialah kerana kita sedar yang Malaysia ini adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang kebudayaan dan berbilang ugama. Kalau semua parti dalam Malaysia mempunyai falsafah serupa dengan UMNO, saya yakin keharmonian kaum dalam negara kita akan terjamin buat selama-lamanya.

Kita sedar ada parti-parti yang tidak dapat menerima hakikat Malaysia ini multi-racial dan kerana itu dasarnya ialah memperjuangkan chauvinism—menggunakan bahasa dan kebudayaan untuk membangkitkan perasaan perkauman. Kita harus ingat kalau semua parti berbuat demikian—Melayu membakar semangat Melayu dan Cina menggunakan soal bahasa dan kebudayaan untuk membangkitkan semangat perkauman Cina—apakah akan jadi kepada keamanan dan harmoni dalam negara kita.

Mujurlah kita hari ini telah dapat memberi jawapan kita kepada parti-parti perkauman ini dengan dasar-dasar kita, konsep Barisan Nasional Kerajaan Campuran dan Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini telah mengumpulkan slogan-slogan perkauman mereka—we have cut the ground from under their feet.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang saya sering tegaskan, tiga perkara yang paling utama dan mustahak sekali yang harus kita titikberatkan ialah: Pertama, perpaduan dan persefahaman antara rakyat berbilang kaum dalam Malaysia. Kedua, kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang berlandaskan kepada perancangan dan tindakan—programme and action oriented; dan ketiga, perpaduan dan persefahaman di kalangan ahli-ahli parti di semua peringkat yang bergabung dalam Barisan Nasional.

The integration of various races into a united; strong and happy Malaysian nation is our most important national objective and we all must work towards its achievement. This is our sacred task and if we fail here, the whole future of this nation will be imperilled.

Di satu pihak, parti-parti dalam Barisan Nasional seperti UMNO dan PAS, boleh menyatu-padukan orang-orang Melayu dan menggembelingkan tenaga mereka untuk meneruskan kerjasama yang sudah terjalin di antara rakyat berbagai bangsa di negara ini. Saya sungguh berharap parti-parti seperti Gerakan, PPP, MCA dan MIC dapat pula meyakinkan rakyat bukan Melayu bahawa masa hadapan negara ini dan masa hadapan mereka sendiri bergantung di atas kerjasama antara orang-orang Melayu dengan bukan Melayu khasnya, atau lebih tegas lagi, di atas wujud atau tidak wujudnya multi-racial co-operation and harmony.

Saya bersama Datuk Asri dapat memberi jaminan yang orang-orang Melayu akan terus bekerjasama dengan rakyat Malaysia dari lain keturunan dan terpulanglah kepada parti-parti seperti Gerakan dan MCA untuk mendapat sokongan dan menarik kepercayaan yang kuat dari orang-orang bukan Melayu kepada parti dan Kerajaan kita kerana adalah mustahak kita mempunyai sokongan dari sebahagian besar rakyat Malaysia daripada semua bangsa untuk menjayakan cita-cita negara dan menjamin keamanan dan kesetabilan serta kemajuan rakyat sekalian. Saya mengetahui sebahagian besar rakyat Malaysia adalah menyokong dasar Kerajaan dan sedia memberi kerjasama kepada Parti dan Kerajaan kita.

In short, your main task is to get the various races to rally around us so that our objective of establishing a just society and a happy and united nation will be achieved. It must therefore be your duty to ensure that the majority of the non-Malays support the Government and our Party.

Kita harus sedar bahawa Kerajaan selama ini telah memberikan khidmat yang baik kepada rakyat dan sentisa berusaha untuk memenuhi hasrat dan cita-cita mereka. Oleh yang demikian, rakyat telah memberikan sokongan yang penuh kepada segala dasar dan rancangan Kerajaan yang bertujuan untuk kebaikan mereka sendiri. Sebagai contoh sokongan rakyat kepada dasar dan rancangan Kerajaan, baru-baru ini sebilangan besar pengganas komunis yang bersenjata di Sarawak yang selama ini menentang Kerajaan telah meletakkan senjata beramai-ramai dan menyatakan ikrar taat setia kepada Kerajaan untuk mencapai perpaduan dan kemajuan negara menerusi Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru.

Saya harap pengganas-pengganas Komunis yang masih berada di Malaysia akan mencontohi rakan-rakan seperjuangan mereka di Sarawak dan memahami iaitu keganasan yang mereka jalankan selama dua puluh enam tahun itu adalah sia-sia sahaja. Mereka tidak mendapat sokongan dari rakyat dan mereka tidak akan berjaya. Bahkan di bawah pentadbiran Kerajaan kita yang berdasarkan demokrasi, kemajuan dan perubahan yang rakyat kehendakki telah tercapai dan jika keamanan dapat dipulihkan semula, Kerajaan dan rakyat akan dapat melipatgandakan usaha untuk membawa kemajuan yang lebih besar dan luas lagi. Dengan keadaan negara yang ada sekarang ini yang sedang meningkat maju dan dengan perkembangan politik yang sedang berlaku dan sokongan kuat dari rakyat, kedudukan mereka akan bertambah rumit dari masa ke masa. Oleh itu saya sungguh-sungguh berharap mereka akan meletakkan senjata dan memberhentikan keganasan mereka serta kembali semula ke pangkuan masyarakat supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai warga-negara di bawah Perlembagaan kita yang berdasarkan demokrasi itu.

Saudara-saudara sekalian.

Malaysia hari ini muncul ke depan sebagai satu-satunya negara di rantau ini yang menghadapi tahun dugaan atau *testing years ahead* dengan hati yang lebih yakin dan kuat. Kenyataan ini lahir dari keadaan yang nyata di dalam negeri iaitu keteguhan politik yang kita nikmati tahun demi tahun terutama sekali semenjak tertubuhnya Kerajaan Campuran. Kemakmuran hidup hasil dari kemajuan ekonomi yang pesat semenjak tahun lalu, kemajuan yang kita capai dalam bidang-bidang sosial dan kebudayaan, semuanya ini memperkuatkan persiapan kita menghadapi tahun-tahun ujian dengan penuh keyakinan.

Kita pasti dapat mengekalkan Kerajaan Campuran ini memerintah Malaysia beberapa tahun lagi jika semua parti dalam Barisan Nasional membuat sesuatu dan mengamalkan segala-galanya berasas kepada hasrat dan cita-cita Barisan Nasional dalam mana semua parti yang bergabung menambah dan membantu usaha satu sama lain—to supplement and complement each other—dan tidak bersaingan mencari pengaruh terutama sekali antara Gerakan, MCA, PPP dan MIC. UMNO dan PAS telah dapat menyelaraskan kerja dan bersetuju tidak berlawan—compete against each other for Malay support. Saya harap parti-parti lain dalam Barisan Nasional juga dapat mengadakan persefahaman di atas hal ini supaya segala kegiatannya akan memperkuatkan parti kita—to supplement and complement each other and not to tear each other apart. Oleh itu amatlah mustahak semua pemimpin parti yang berkenaan benar-benar memahami konsep Barisan Nasional ini dan berganding bahu antara satu dengan lain bagi melaksanakan cita-cita berkhidmat demi kepentingan dan kebahagiaan rakyat. Dengan adanya persetujuan antara parti-parti dalam Barisan Nasional untuk bekerjasama, marilah kita lupakan yang sudah-sudah dan menumpukan perhatian ke arah masa hadapan. Let us forget the past and look towards the future.

The real test of strength of any party in the National Front lies in the support and respect that it gets from the people and this will only be known in the next general elections. We should not, therefore, rest on our past laurels but prepare ourselves to face the challenges of the future. Since our support comes from the people, we must clearly demonstrate to them that we are serving their interests with all sincerity and devotion.

Saudara-saudara sekalian.

Saya telah seringkali tegaskan iaitu tugas parti-parti dalam Barisan Nasional ialah mereka mesti benar-benar faham akan rasional Dasar Ekonomi Baru terutama tentang pelaksanaannya di peringkat negeri masing-masing dan juga di peringkat kebangsaan. Matalamat kita yang penting ialah menggambarkan Kerajaan yang cekap dan adil dan mendapat kepercayaan penuh rakyat samada mengenai urusan dalam ataupun luar negeri. Dasar ini hendaklah dipertahankan setiap masa. Jika ada kelemahan pun ini hanyalah pada aspek pelaksanaan atau implementation. Saya ulangi lagi seruan supaya rakyat bersama-sama memerhatikan

agar kerja-kerja Kerajaan berjalan dengan lancar dan mengawasi sekiranya ada penyelewengan dalam pelaksanaan dan tidak hanya akan menyalahkan Kerajaan di atas perbuatan individual.

Kita harus juga memberi rakyat gambaran yang objective dan pragmatic dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Kita tidak harus takut menjalankan dasar-dasar yang bijak, baik di bidang ekonomi atau politik dan saya yakin rakyat Malaysia yang patriotik boleh menghakimkan sendiri pihak yang benar.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi perkara yang mustahak bagi kita ialah menyusun jentera parti masing-masing dan melatih kader-kader parti serta membekalkan mereka dengan pengetahuan yang sempurna untuk membolehkan mereka menjalankan kerja dengan cekap dan berkesan. Perpaduan dalam parti bukan sahaja mesti wujud tetapi perpaduan itu mestilah teguh, kuat dan bulat. Di samping itu kegiatan parti haruslah berjalan setiap masa seolah-olah pilihanraya umum akan berlangsung esok.

Kita patutlah juga ingat iaitu parti-parti lawan—baik DAP, Parti Rakyat atau Pekemas—akan menggunakan issue-issue inflasi, kemiskinan dan faham perkauman yang sempit dan sungguhpun kebanyakan daripadanya telah dapat kita atasi atau sedang diatasi, mereka akan terus mempergunakannya untuk mendapat sokongan rakyat. Mereka akan membangkitkan seribu perkara untuk memikat hati dan mendapat sokongan rakyat untuk menentang Kerajaan. Saya yakin rakyat tidak akan terpedaya dengan dakyah-dakyah perkauman dan tipu helah politik parti-parti lawan itu.

Saya suka memberi amaran kepada parti-parti lawan supaya mereka berhati-hati dan jangan melampau batas dalam usaha mereka hendak memancing undi dalam pilihanraya akan datang. We have left the 13th May Tragedy far behind and our people of various races have learnt to realise that confrontation and suspicion among them will only bring chaos and trouble which will benefit no one. On the other hand, harmony and co-operation will enable everyone to benefit.

Saya suka menegaskan Kerajaan berazam akan berbuat sedaya upaya untuk menghindarkan berlakunya peristiwa yang tidak diingini akibat politik perkauman. We will pay any price for racial harmony and for peace in our country. Negara kita Malaysia

ini bukan homogeneous dan kerana itulah kita mesti berhati-hati dan teliti tentang segala perbuatan kita. Negara-negara yang homogeneous sekalipun mengalami kesulitan oleh kerana dasar yang tidak sesuai dengan kehendak masyarakatnya, apatah lagi negara yang berbilang kaum seperti Malaysia hendaklah bersikap tegas tetapi adil mengenai masaalah perkauman. Kita bersyukur kepada Allah kerana dasar Kerajaan pada hari ini difahami dan mendapat sokongan penuh dari parti-parti yang mewakili berbagai kaum dan golongan dalam Barisan Nasional.

Saudara-saudara.

Persidangan hari ini membawa kita masuk ke peringkat yang lebih tinggi lagi—it marks the beginning of a new era in our political development. The May 13 incident was the watershed in our long journey towards political maturity and economic progress. It was as an aftermath of the May 13 tragedy that we were prepared to sit together to find ways and means to solve our national problems. We realised it would be of no benefit to anyone to be selfish and to think in terms of personal, factional or communal interests, because in the long run, this will only delay the gradual process of national integration to which we were commited when we achieved Independence seventeen years ago.

Saudara-saudara sekalian.

Parti Perikatan, khasnya UMNO, telah bergerak jauh ke depan dengan mewujudkan konsep politik campuran demi menjaga kepentingan bersama dan kepentingan negara. Saya harap dengan semangat inilah saudara-saudara akan cuba memahami sebab dan tujuan mengadakan Barisan Nasionl itu. Tanpa pengertian dan kerjasama yang sempurna, sudah tentu hasrat dan cita-cita rakyat yang mengingini keamanan dan harmoni tidak akan tercapai—our people's expectations and all our coalition efforts will not be achieved. If this is not realised, there will be no hope for our country and our people. Therefore, this is a matter which affects our survival as a nation.

Setiap rakyat mestilah faham dan menghargai apa yang dilakukan oleh Kerajaan hari ini dan matalamat perjuangan kita. Malaysia adalah negara yang berbilang bangsa dan hingga sekian lama rakyatnya terbahagi serta terpisah menurut keadaan hidup dan kegiatan ekonomi mereka—segregated according to their economic

functions. Dalam context menghadapi masaalah inilah kita mengadakan Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan hendak membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan memberikan rakyat dari semua kaum tempat yang saksama dalam masyarakat. Saya yakin kewajipan kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru sebagai tugas yang penting dan sekiranya kita dapat mengurangkan persaingan politik, kita akan dapat menumpukan segala usaha dan tenaga untuk mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru itu—if we reduce politicking, we will be able to concentrate greater efforts in achieving the objectives of the New Economic Policy.

Semenjak beberapa tahun ini kita melihat perkembangan ekonomi yang amat menggembirakan. Kita telah berjaya memperluaskan peluang ekonomi—enlarge the National Economic Cake—supaya setiap rakyat mendapat bahagian yang adil dan dapat menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna. Saya percaya kalau setiap orang sanggup tampil kemuka untuk merebut peluang yang terbuka kepada mereka di bawah Dasar Ekonomi Baru, sudah pasti tujuan dan matalamat kita akan tercapai dengan jayanya.

Saudara-saudara sekalian.

The task ahead is clear: that is our commitment to build a united, strong and happy Malaysia. We must, therefore, put all our efforts to realise this and let not history in a decade or twenty years hence judge us and blame us as being responsible for not building a united Malaysian nation when we all were in a position to do so.

We in the Alliance could have continued to govern the country without seeking the co-operation of other political parties. However, we are prepared to share our power and privilege with Gerakan, PPP and PAS as we consider this is in the long-term interests of our country and our people. This was the sole reason why the Alliance adopted this new approach and the concept of Coalition.

Saudara-saudara sekalian.

Berbalik semula kepada persidangan ini, saya sukacita bahawa Parti Gerakan yang hanya berumur lima tahun lebih kurang telah mencapai kemajuan yang begitu pesat dan pengaruhnya telah berkembang luas sebagai sebuah national political organisation.

It has consolidated its strength and forged ahead after the brief internal two years ago. Much of this success is certainly due to the far-sightedness and sense of devotion of its leadership—Dr Lim Chong Eu, Mr Chooi Cheng and others—who have made great personal sacrifice for the sake of the Party and the Nation.

Saya sungguh menghargai akan keikhlasan semua parti dalam Barisan Nasional untuk menjayakan cita-cita kita membentuk satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu padu. Marilah kita membaharui ikrar dan azam untuk bekerjasama dan berbakti kepada rakyat dan tanahair kita Malaysia dan bekerjasama dengan penuh dedikasi demi kejayaan Barisan Nasional ini. Saya yakin dan percaya usaha kita yang baik ini akan diberkati oleh Tuhan dan mendapat kejayaan sepenuhnya.

Dengan harapan inilah, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Mudah-mudahan Tuhan berkati usaha-usaha kita semua. May Allah bless us all.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI KONVENSYEN UMNO TRENGGANU DI KEMAMAN, TRENGGANU PADA 14HB MAC, 1974

Saudara Pengerusi Konvensyen, Y.A.B. Datuk Haji Nik Hassan[1], Saudara-saudara sekalian.

Kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya kita dapat mengadakan Konvensyen ini iaitu yang terakhir sekali dalam siri Konvensyen peringkat Negeri yang diadakan di seluruh Malaysia.

Saya sukacita perhimpunan ini dapat diadakan di Kemaman seperti yang asal mula-mula dicadangkan oleh kerana bagi diri saya sendiri ada mempunyai pertalian yang rapat dan istimewa dengan UMNO Bahagian Kemaman ini. Saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada ahli-ahli Perhubungan UMNO Trengganu, khasnya kepada Datuk Nik Hassan kerana sudi menjemput saya merasmikan pembukaan Konvensyen ini. Begitu juga saya mengucapkan terimakasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Persiapan Konvensyen atas acara sambutan yang amat meriah dan beranika warna sebentar tadi. Begitu juga saya ucapkan terimakasih kepada rakan-rakan kita ketua-ketua Parti PAS, ketua-ketua MCA, MIC yang telah bekerjasama di istiadat Pembukaan Konvensyen.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya katakan tadi, Konvensyen ini ialah yang terakhir menjelang Perhimpunan Agung UMNO bulan Jun kelak. Dari lapuran-lapuran yang diterima banyak cawangan-cawangan UMNO telahpun mengadakan mesyuarat agung masing-masing dan saya suka sekiranya semua cawangan dan juga Bahagian akan dapat mengadakan mesyuaratnya sepertimana yang diarahkan oleh Ibu Pejabat. Dengan demikian, kita benar-benar menunjukkan bahawa Parti kita sentiasa dalam keadaan teratur dan sempurna serta bersedia menghadapi sebarang cabaran pada setiap masa.

Saudara-saudara sekalian.

Kita mengadakan Konvensyen ini dalam suasana yang amat mengembirakan iaitu baru saja selepas kemenangan Parti kita dalam pilihanraya kecil Pasir Putih. Saya berharap saudara-saudara sekalian yang telah datang dari jauh dan dekat untuk

[1] Menteri Besar Trengganu.

menyertai Konvensyen ini akan mendapat perangsang dari kemenangan di Pasir Putih dan merasa lebih yakin bahawa konsep Barisan National atau National Front akan membawa kemenangan yang lebih besar pada masa akan datang. Bahkan, pada hemat saya, amatlah penting bagi kita sekalian lebih-lebih berazam mengekalkan dan memperkuatkan Barisan Nasional di Trengganu ini oleh kerana inilah jaminan yang tegas bagi kita menghadapi parti-parti lawan dalam pilihanraya umum kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Saya percaya tentulah saudara-saudara semua telah mengikuti Konvensyen-konvensyen yang diadakan sebelum ini dan dapat memahami tujuan kita mengadakan Konvensyen yang penting ini. Khususnya saya ingin melihat pimpinan UMNO pada semua peringkat berada dalam keadaan siap sedia serta mempunyai rasa kesedaran yang tinggi menguasai kedudukan politik tanahair kita hari ini. Adalah mustahak bagi kita semua memahami peranan parti kita sebagai tunjang kekuatan Kerajaan dan kita hendaklah menjunjung tugas serta tanggungjawab mengekalkan perpaduan dalam parti dan antara parti yang mendukung konsep Barisan Nasional.

Di samping itu, adalah mustahak juga bagi saudara-saudara sebagai pemimpin di peringkat Cawangan dan Bahagian mengetahui dengan jelas akan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dalam melaksanakan rancangan-rancangannya terutama sekali mengenai Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru. Dalam sidang-sidang Konvensyen ini para peserta akan mendapat penerangan lengkap dari pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Pusat, dan juga Badan-badan Berkanun yang bertanggungjawab menjalankan arahan Kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan itu. Bahkan para peserta akan berpeluang pula sama-sama membincangkan aspek-aspek pelaksanaan itu sekiranya didapati ada kelemahan atau kepincangan yang perlu dibaikki. Dengan adanya pengetahuan dan pandangan yang lebih luas dan mendalam, saya yakin saudara-saudara akan memberikan kerjasama yang lebih sempurna dan berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita rakyat dan Kerajaan hendak membina negara yang makmur dan masyarakat moden seperti di negara-negara yang sudah maju.

Sebenarnya hasrat dan cita-cita inilah yang mendorong kita serta memberikan kita semangat memperjuangkan kemerdekaan

bangsa dan negara dulu. Kita semua tahu bagaimana daif sangsaranya rakyat di masa yang lampau, terutama kaum tani yang membanting tulang dan kaum nelayan yang bergadai nyawa di laut, untuk mencari nafkah menyara anak isteri masing-masing tanpa sebarang harapan bagi masa hadapan mereka. Syukur Alhamdulillah, berkat kemerdekaan dan usaha-usaha kita memenuhi cita-cita kemerdekaan, hari ini rakyat negara ini khasnya rakyat jelata yang tidak berada di kampung-kampung dan mereka yang tidak mendapat peluang dulunya telah dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik dan keadaan yang lebih wajar sesuai dengan zaman kemajuan sains dan teknoloji.

Saudara-saudara sekalian.

Sepertimana Konvensyen yang lepas-lepas, saya percaya Jawatankuasa Persiapan telah mengaturkan supaya para peserta dapat membincangkan sepenuhnya perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar Parti dan juga Kerajaan. Dengan demikian, dapatlah kita bersama-sama mencari huraian mengenai masaalah-masaalah yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin Parti dalam menjalankan tugas mereka, terutama pimpinan di peringkat Cawangan yang berhubung rapat dengan rakyat. Begitu juga mereka akan dapat membincangkan masaalah-masaalah am bersama-sama dengan pakar-pakar yang khusus dijemput menghadiri Konvensyen ini. Saya berharap dengan adanya perbincangan-perbincangan yang membina kita akan dapat memahami masaalah-masaalah utama yang dihadapi oleh masyarakat kampung dan juga bandar serta membuat huraian yang sesuai dengan cita-cita membina masyarakat adil dan makmur bagi seluruh rakyat di negara kita yang berbilang bangsa ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya menyebut tadi bahawa Konvensyen ini diadakan dalam suasana yang cerah dan menggembirakan berikutan dengan kemenangan kita di Pasir Putih. Minggu lalu saya telah berpeluang bertemu muka sambil merasmikan pembukaan Sidang Perwakilan Parti Gerakan di Pulau Pinang. Hari ini dengan izin Allah saya dapat pula bertemu dan beramah mesra dengan saudara-saudara semua yang datang dari segenap ceruk rantau Negeri Trengganu ini dan pada sebelah petang saya akan merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung bagi

seluruh Negeri Trengganu yang berhimpun di bandar Kemaman ini. Semua ini pada hemat saya mempunyai sempena dan amat besar ertinya dalam usaha kita hendak mengekalkan kekuasaan Parti supaya dapat terus membimbing negara dan berkhidmat kepada rakyat untuk puluhan tahun akan datang.

Dalam hal ini, perkara utama yang patut kita titikberatkan ialah perpaduan dan persefahaman antara kita sama kita dalam Parti UMNO. Sebenarnya inilah kunci kekuatan kita kerana selagi ada perpaduan dan muafakat, tidak ada satu kuasa pun yang dapat menjejaskan kedudukan kita. Saya masih ingat dalam pilihan-raya kecil Kuala Nerus tidak lama dulu, ada timbul kebimbangan sedikit tentang pengaruh Parti Rakyat. Kita tahu dan sedar bahawa dengan terbentuknya Barisan Nasional, Parti Rakyatlah sahaja lawan kita yang ada di negeri-negeri Pantai Timur ini iaitu di Pahang, Trengganu dan Kelantan. Parti Rakyat akan menggunakan segala daya upaya dan tipu helah mengabui mata rakyat serta meng-hasut rakyat supaya membenci Kerajaan dan menentangnya. Saya percaya kemenangan yang terakhir ini akan meninggikan keyakinan kita semua kepada cita-cita Barisan Nasional dan menaikkan semangat menentang pengaruh Parti Rakyat habis-habisan.

Dalam hubungan ini, perkara yang pokok atau basic bagi mengekalkan kekuatan UMNO ialah wajib setiap pemimpin UMNO meletakan kepentingan Parti di atas segala-galanya. Atau dengan kata-kata lain, pemimpin UMNO pada semua peringkat hendaklah menjalankan tugas yang diserahkan kepadanya dengan penuh kejujuran dan dedikasi serta mengenepikan kepentingan diri sendiri. Inilah contoh yang sebaik-baiknya bagi menjaga keutuhan dalam Parti mana-mana pun. Sebaliknya punca-punca perpecahan dalam sesuatu pertubuhan atau Parti ialah disebabkan perbuatan pemimpin-pemimpin yang mengutamakan kepentingan diri dan lebih buruk lagi kalau ada penyelewengan oleh pemimpin-pemimpin Parti, iaitu mengambil kesempatan dari kedudukan atau jawatan mereka untuk kepentingan diri dan kaum keluarga mereka sendiri. Hal inilah yang patut kita jauhkan sama sekali.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang kepada suasana politik di negara kita, nyatalah keadaan hari ini telah jauh berubah dari masa kita mula-mula mencapai kemerdekaan membawa kepada peralihan pucuk pimpinan Kerajaan hingga hari ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah bahawa hingga masa ini Parti kita UMNO masih tetap memegang

kedudukan dan peranan yang utama dari zaman Perikatan membawa kepada lahirnya konsep baru yang lebih luas iaitu Barisan Nasional.

Patutlah diingat bahawa konsep baru ini lahir dari keadaan negara yang berubah, setelah mengalami peristiwa atau trajedi 13 Mei yang merupakan titik perpisahan dari zaman atau peringkat lama. Sesungguhnya peristiwa ini memberi satu pengajaran yang penting kepada kita semua, dan membawakan rasa kesedaran yang mendalam bahawa hidup mati atau *survival* negara dan bangsa Malaysia bergantung pada perpaduan rakyat dan harmoni antara kaum. Rasa kesedaran inilah saya percaya yang mendorong pemimpin-pemimpin Parti yang dahulunya menentang kita menerima dua gagasan penting iaitu Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru. Selanjutnya pandangan dan sikap yang positif inilah yang memberi perangsang kepada kita mempelopori dan memperjuangkan konsep baru politik yang membawa semua pihak bergabung di bawah panji-panji Barisan Nasional yang melambangkan nasionalism dan patriotism rakyat negara ini. Saya bersyukur cita-cita ini berlaku semasa saya bersama-sama memimpin parti dan Kerajaan dan berjaya membawa parti-parti lawan kita duduk bersama-sama dalam Kerajaan demi kepentingan bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian.

Di Trengganu ini khasnya perjalanan Kerajaan Campuran Perikatan/PAS adalah memuaskan dan saya percaya hasrat perpaduan rakyat, terutama orang-orang Melayu kita sendiri, akan menjadi lebih nyata dalam semua aspek kehidupan sehari-hari. Dari segi yang lebih luas, perpaduan orang-orang Melayu merupakan tapak yang teguh bagi kita membina bangsa Malaysia yang bersatu dan mempunyai keperibadian yang boleh dibanggakan oleh jenerasi-jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Berpaling kepada kedudukan dalam negara hari ini dan langkah-langkah serta usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan, bolehlah saya berkata bahawa pada amnya kemajuan sangatlah memuaskan. Kajian Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua jelas menunjukkan bahawa matalamat Kerajaan akan dapat dicapai dengan kejayaan. Bagaimana pun, usaha kita

menyusun semula masyarakat akan mengambil masa memenuhinya, tetapi Kerajaan berazam akan melakukan apa yang patut supaya rakyat yang tidak berpeluang selama ini akan mendapat tempat yang wajar dan saksama dalam masyarakat.

Berkenaan dengan pembangunan di Negeri ini, projek Trengganu Tengah sudahpun mula berjalan dengan lancar dan kawasan seluas 60,000 ekar sudahpun diluluskan. Saya difahamkan banyak permohonan dari pelabur-pelabur dalam dan luar negeri yang ingin hendak bersama-sama menjayakan projek kelapa sawit dan sebagainya di kawasan selebihnya. Begitu juga di Kemaman ini, menjelang siapnya projek pelabuhan di Tanjung Gelang, saya telah meminta Kerajaan Negeri mengadakan kawasan perindustrian di Kemaman ini supaya rakyat di sini bersama-sama mendapat nikmat daripada kemajuan yang akan datang kemari kelak. Begitu pula kita sama-sama bersyukur Negeri Trengganu seperti Pahang juga dikurnia Allah dengan kekayaan minyak dan gas yang mana akan dapat dinikmati oleh rakyat Trengganu ini khasnya dan Malaysia amnya. Sebatang jalanraya menyambungkan Jerangau dan Jabur sejauh lapan puluh tujuh batu sedang dirancangkan sebagai lebuhraya baru ke Pahang. Pendek kata, masa depan Negeri ini sangatlah cerah dan tidaklah perlu dibimbang dan ragu kalau-kalau Trengganu ketinggalan di belakang berbanding dengan Pahang dan Kelantan. Begitu juga Projek Majuikan sedang dilaksanakan untuk membawa kehidupan baru kepada kaum nelayan.

Saya telah memberi arahan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya memberi keutamaan kepada Negeri Trengganu dalam lapangan memajukan perusahaan Perikanan kerana Trengganu mempunyai bilangan nelayan-nelayan yang terbanyak sekali di Malaysia. Baru-baru ini sebuah Kompleks Pemasaran Ikan telahpun dilancarkan di Kuala Trengganu serentak dengan projek penangkapan ikan yang mana diharapkan akan meninggikan penangkapan ikan dan pendapatan kaum nelayan amnya. Sebuah pelabuhan perikanan sedang dirancangkan dekat Cendering dan diharap pelabuhan ini akan menambahkan lagi kemudahan kepada kaum nelayan supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna.

Beberapa projek lain termasuk projek pelancungan besar-besaran sedang dirancangkan di Negeri Trengganu ini supaya lebih ramai lagi para pelancung dari luar negeri dapat menikmati keindahan alam semula jadi pantai timur negara kita. Projek-projek ini sudah

tentu akan menambahkan pendapatan negara di samping memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Trengganu.

Dalam hal ini saya sekali lagi mengulangi kata iaitu dalam sebarang langkah yang dijalankan oleh Kerajaan, rakyat hendaklah melibatkan diri dan bersama-sama memikul tanggungjawab menjayakannya. Dengan demikian barulah benar-benar terbukti hakikat pemerintahan oleh rakyat hasil penggembelingan tenaga rakyat demi faedah dan kepentingan mereka sendiri. Kerajaan berazam melaksanakan sepenuhnya dasar dan rancangan yang akan membaiki kehidupan rakyat yang miskin dan mundur di kampung-kampung dan kawasan luar bandar supaya keadaan ekonomi dan sosial yang tidak seimbang dihapuskan dan seterusnya membina masyarakat baru atas tapak landasan yang kukuh untuk keteguhan dan kesetabilan negara. Inilah cita-cita dan matalamat pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan hari ini supaya kita dapat mewariskan negara yang kuat, makmur dan aman bahagia kepada jenerasi-jenerasi akan datang untuk mereka terus memelihara dan mempertahankannya dengan jiwa raga mereka.

Seperti selalu saya katakan, masa depan Negara bergantung pada kaum belia dan para pelajar yang berada di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negeri. Kita ingin melihat mereka itu bersungguh-sungguh menimba ilmu pengetahuan untuk mereka sendiri supaya boleh mengambil tempat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Tambahan pula masaalah masa hadapan akan bertambah sulit dan rumit lagi berbanding dengan masa ini. Saya suka mengingatkan bahawa kita semua—Menteri-menteri, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pengusaha-pengusaha dan Professional dari kalangan Melayu—rata-rata berasal dari rakyat kampung yang tahu benar pahit maung hidup. Kemerdekaan Negara telah membuka peluang kepada kita untuk mendapat pelajaran dan seterusnya kedudukan yang lebih baik serta kesenangan. Oleh itu patut benarlah kita, bahkan adalah menjadi tanggungjawab kita membalas balik budi Negara dengan cara berkhidmat demi kepentingan dan kebajikan rakyat yang miskin dan mundur, terutama orang-orang Melayu kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Satu masaalah berat yang dihadapi rakyat hari ini ialah soal sara hidup dalam keadaan harga barang-barang yang meningkat tinggi. Kerajaan sedang bertindak tegas bukan saja dengan tujuan menjamin bekalan barang-barang perlu tetapi juga untuk mengawal

harga yang berpatutan bagi barang-barang. Kempen yang sedang berjalan iaitu anti-sorok sudah mula berkesan dan di samping itu PERNAS telah menubuhkan Syarikat Pernas Edar yang akan menguruskan edaran barang-barang perlu dan lain-lain supaya orang ramai tidak keputusan bekalan dan mendapatnya dengan harga yang berpatutan pula. Dalam pada itu, saya mengulangi lagi seruan agar orang ramai di bandar-bandar bertindak mengadakan sendiri keperluan mereka sehari-hari. Inilah masanya kita cuba menghidupkan semangat ketekunan orang tua-tua kita dulu sambil berjimat cermat serta menjauhkan perbuatan membazir dan sia-sia.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka juga menyebutkan di sini peri baik dan harumnya nama negara kita hari ini, khasnya di kalangan negara-negara Islam. Persidangan Lahore baru-baru ini mendapat penuh kejayaan dan dengan izin Allah bulan Jun ini kita akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam. Ini adalah satu penghormatan yang besar kepada kita semua.

Saya penuh yakin dan percaya atas kemampuan dan kesanggupan kita menghadapi tahun-tahun akan datang. Suasana politik adalah semakin cerah dan kemajuan negara melalui konsep Kerajaan Campuran menunjukkan natijah yang baik dan menggembirakan kita. Kejayaan Kerajaan Sarawak mengembalikan keamanan di negeri itu sangat-sangat menggalakkan kita dan saya berharap puak komunis bersenjata di Semenanjung Malaysia akan insaf betapa sia-sianya perjuangan mereka dan segera kembali ke jalan yang benar mengikut Perlembagaan dan demokrasi yang kita junjung tinggi itu. Dengan pulihnya keamanan, kita akan dapat menumpukan seluruh tenaga terhadap usaha-usaha pembangunan negara untuk kepentingan dan kemakmuran rakyat.

Seterusnya saya berharap dalam perundingan-perundingan kita dengan parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional, akan tercapai persetujuan mengenai *political platform* atau landasan politik bersama bagi menghadapi pilihanraya umum kelak. Berhubung dengan ini, saya percaya selagi seluruh ahli-ahli UMNO taat dan berpegang teguh kepada disiplin parti serta memberi sokongan penuh kepada pucuk pimpinan, masa depan Parti kita dan seterusnya Barisan Nasional akan tetap cerah dan gilang

gemilang untuk membina Negara yang maju dan melaksanakan cita-cita masyarakat adil serta diberkati Allah setiap masa.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan harapan dan keyakinan ini, saya dengan sukacita merasmikan Konvensyen UMNO Trengganu ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KURSUS JAWATANKUASA KEMAJUAN KAMPUNG NEGERI TRENGGANU DI KEMAMAN, TRENGGANU PADA 14HB MAC, 1974

Saudara Pengerusi Majlis, Y.A.B. Datuk Haji Nik Hassan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya menyatakan terimakasih kepada Jawatankuasa Sambutan atas persediaan untuk majlis petang ini dan acara sambutan yang begitu meriah bagi ketibaan saya beserta rombongan sebentar tadi.

Saya bersyukur kehadzrat Allah kerana berpeluang dalam lawatan singkat ini berjumpa dengan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang telah datang dari seluruh Negeri Trengganu untuk menghadhiri kursus yang penting dan mustahak ini.

Seperti yang sedia dimaklum, pada 6hb Ogos, 1972 dahulu, saya telah melancarkan satu Kempen Gerakan Pembaharuan di Negeri Trengganu ini sendiri iaitu di Dungun. Sejak pelancaran itu, berbagai kegiatan pembangunan masyarakat telah dijalankan di peringkat pusat, negeri dan daerah serta juga di peringkat kampung di mana saudara-saudara semua ahli-ahli JKK turut terlibat secara langsung dalam kegiatan-kegiatan itu. Kita bersama-sama bersyukur kepada Allah kerana hari ini melihat satu lagi kegiatan yang penting dalam bidang Gerakan Pembaharuan ini iaitu kursus Jawatankuasa Kemajuan Kampung peringkat Negeri Trengganu yang mana saya diberi penghormatan merasmikannya.

Hingga hari ini kempen Gerakan Pembaharuan telahpun memasuki jangka waktu sembilan belas bulan dan dalam tempoh itu sedikit sebanyak kemajuan telahpun tercapai. Namun demikian, pelaksanaan aktiviti-aktiviti itu masih merupakan proses permulaan dan oleh itu perlulah usaha-usaha ini ditingkatkan lagi untuk menentukan supaya objektif-objektif Gerakan Pembaharuan dicapai dengan jayanya.

Salah satu langkah yang difikirkan penting untuk menjayakan kempen Gerakan Pembaharuan ini ialah pembentukan atau

menghidupkan semula Jawatankuasa Kemajuan Kampung sebagai satu jentera pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat yang terpenting di peringkat bawah atau *grass-root level* khasnya di kampung-kampung. Untuk memberikan panduan atau *orientation* yang perlu, Kerajaan sedang memberi tumpuan kepada usaha mengadakan beberapa siri kursus untuk ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di semua peringkat agar mereka dapat memberikan khidmat dan sumbangan yang sempurna. Kursus seperti ini telahpun diadakan di Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Selangor, Johor dan saya difahamkan juga setelah mengadakan kursus peringkat negeri beberapa negeri sedang berusaha untuk mengadakan beberapa siri kursus selanjutnya diperingkat daerah. Dengan adanya usaha-usaha ke arah ini, saya percaya dalam tempoh yang tiada beberapa lama lagi hasrat Kerajaan hendak menjadikan Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini sebagai jentera yang terpenting di peringkat "grass-root" akan betul-betul membawa kesan kepada usaha-usaha pembangunan di seluruh negara.

Saudara-saudara sekalian.

Adalah jelas kepada kita semua bahawa peranan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam pembangunan adalah lebih luas dan lebih bermakna jika dibandingkan dengan peranan jentera pelaksanaan Kerajaan di Peringkat-peringkat yang lebih tinggi. Walaupun proses pembangunan itu meliputi semua pihak tetapi dalam konteks Gerakan Pembaharuan kegiatan-kegiatan pembangunan lebih berat ditumpukan kepada rakyat khasnya rakyat di kampung-kampung. Amatlah mustahak mereka diberi panduan dan bimbingan bagi mengubah sikap serta pandangan hidup mereka dan saya rasa peranan ini dapat dijalankan dengan berkesan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung sendiri.

Bagaimanapun, Kerajaan tidaklah ketinggalan memainkan peranannya dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat. Untuk tujuan ini, jentera pelaksanaan telah disusun semula diperingkat daerah dengan mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat. Dengan yang demikian, saya ingin melihat kemajuan yang lebih pesat oleh sebab kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung masing-masing akan dapat diberikan perhatian penuh oleh Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat itu.

Saya ingin juga memberitahu di sini bahawa proses pembangunan masyarakat hanya merupakan sebahagian daripada proses pembangunan negara pada seluruhnya. Dalam pada itu patutlah diingat proses pembangunan masyarakat adalah diselaraskan dengan Dasar Ekonomi Baru yang pada jangka panjangnya akan menjamin kesetabilan dan harmoni antara kaum di negara kita yang berbilang bangsa ini. Saya percaya matalamat Dasar Ekonomi Baru itu difahami sepenuhnya dan untuk mencapai objektif inilah maka Kerajaan menubuhkan ajensi-ajensi baru seperti UDA, PERNAS, FELCRA, SEDC dan Lembaga Pertubuhan Peladang selain daripada ajensi-ajensi yang sedia ada supaya memberikan kemudahan-kemudahan kepada rakyat di kampung-kampung yang miskin dan masih lagi serba ketinggalan berlumba mengejar kemajuan.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan menerusi ajensi-ajensi itu membukakan peluang yang lebih luas untuk direbut oleh rakyat terutama mereka yang belum mendapat peluang dahulu. Tetapi masaalah yang masih terdapat kini ialah di kalangan masyarakat bumiputra yang tampil ke hadapan untuk merebut kemudahan-kemudahan itu adalah masih kecil bilangannya. Saya harap ramai lagi akan mara ke hadapan untuk merebut peluang-peluang yang disediakan itu. Di sinilah mustahaknya perubahan sikap dan pandangan hidup yang dimaksudkan dalam Gerakan Pembaharuan, yakni, kita perlu mengubah sikap untuk merebut peluang-peluang yang disediakan itu demi kepentingan dan kemajuan kita sendiri dan juga masyarakat.

Saudara-saudara sekalian.

Kerajaan bersedia mengambil apa jua langkah untuk menggalakkan rakyat mengambil bahagian dalam usaha-usaha pembangunan supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Pada kesempatan ini saya ingin mengumumkan bahawa sebagai langkah untuk membantu mereka yang bergantung hidup kepada penanaman getah, Kerajaan telah memutuskan supaya kadar bantuan bagi penanaman semula untuk pekebun-pekebun kecil dinaikkan dari $750 kepada $900 seekar. Saya ingin menyeru pekebun-pekebun kecil yang belum bertanam semula supaya menyambut baik peluang ini bagi mengusahakan tanaman semula getah yang baik bakanya dan lebih menguntungkan. Saya berharap ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung manakala pulang kelak akan giat menggalakkan pekebun-pekebun kecil di kampung

masing-masing mengusahakan tanaman semula kebun getah mereka dengan adanya keputusan Kerajaan menaikkan bantuan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Di samping kegiatan-kegiatan ekonomi yang saya sebutkan itu banyak pula masaalah hidup yang perlu diatasi. Misalnya aspek-aspek pelajaran dan kesihatan yang dititikberatkan dalam Gerakan Pembaharuan ada hubungan rapat dengan pembangunan ekonomi. Saya suka menyentuh masaalah kesihatan yang dihadapi oleh penduduk luar bandar amnya dan Negeri Trengganu khasnya, di mana terdapat kadar kematian bayi yang sangat tinggi peratusnya. Menurut kajian yang telah dijalankan pada tahun 1970 daerah-daerah Marang, Kuala Trengganu, Besut, Dungun, Ulu Trengganu dan Kemaman sendiri adalah termasuk dalam lingkungan daerah yang teruk mengalami masaalah ini. Malahan, daripada daerah-daerah yang telah saya sebutkan itu, empat daripadanya termasuk dalam kumpulan sepuluh daerah yang paling teruk sekali mengalami masaalah kematian bayi di Semenanjung Malaysia ini, iaitu Ulu Trengganu 16.3%, Kemaman 8.58%, Dungun 8.08% dan Besut 8.01%.

Masaalah ini timbul akibat dari kurang pengetahuan mengenai nilai-nilai kesihatan yang wajar dan juga amalan pemakanan di kalangan penduduk kampung amnya dan khususnya di kalangan penduduk di daerah-daerah yang berkenaan itu. Kerajaan memandang berat atas perkara ini dan sedang mengaturkan rancangan untuk melaksanakan projek Amalan Nilai Pemakanan sebagai satu cara untuk mengatasi masaalah dalam daerah-daerah berkenaan di Negeri Trengganu ini. Saya telah mengarahkan supaya projek Amalan Nilai Pemakanan ini dilaksanakan ke semua daerah yang berkenaan seberapa segera. Saya juga berharap saudara-saudara semua ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan kampung akan memainkan peranan mempengaruhi dan melibatkan rakyat dalam projek-projek yang akan dilaksanakan itu kelak demi kebajikan dan kebaikan mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Di samping mengadakan Kursus seperti ini, satu cara lagi yang menunjukkan kesungguhan Kerajaan membangun rakyat ialah dengan mengadakan Pesta Pembangunan. Setakat ini

beberapa buah negeri telah mengadakan Pesta Pembangunan yang menunjukkan usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai matalamatnya. Pesta Pembangunan peringkat kebangsaan yang kedua akan di adakan secara besar-besaran di Kuala Lumpur mulai 12hb April akan datang. Pesta itu yang dirancangkan menurut cara pemikiran dan pandangan baru mengenai pembangunan masyarakat akan menunjukkan dengan lebih jelas keazaman Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dan juga bagaimana "integrated approach" yang ditekankan dalam Gerakan Pembaharuan itu dapat diamalkan oleh semua pihak yang berkenaan. Saya diberitahu ada di antara saudara-saudara akan dijemput menyaksikan pesta tersebut sebagai lanjutan daripada kursus ini. Oleh itu adalah menjadi harapan saya agar pengetahuan yang saudara-saudara perolehi daripada kursus ini dan juga bagi saudara-saudara yang menyaksikan Pesta Pembangunan itu dapat digunakan untuk kebaikan kampung khasnya dan pembangunan negara amnya.

Akhir kata, saya dengan penuh sukacita merasmikan Kursus Jawatankuasa Kemajuan Kampung Peringkat Negeri Trengganu ini sambil berdoa mudah-mudahan usaha kita yang baik ini diberkati Allah serta mendapat sepenuh kejayaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN DATUK BANDAR, KUALA LUMPUR DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 22HB MAC, 1974

Y.B. Tan Sri Yaacob, Datuk Bandar Wilayah Persekutuan, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan.

Pertama sekali sukalah saya mengucapkan terimakasih kepada Tan Sri Yaacob dan juga Ahli-ahli Majlis Ibu Kota atau *City Fathers* atas jemputan mereka kepada saya berdua malam ini. Majlis yang gilang gemilang ini amat penting dan besar ertinya kepada kita sekalian oleh kerana inilah yang pertama kali diadakan setelah Ibu Kota Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.

Bagi saya sendiri, saya amat sukacita kerana mendapat kesempatan malam ini untuk bertemu muka dengan orang-orang yang terkemuka dalam masyarakat kita hari ini—eminent citizens from our business and industrial community, professionals and civil leaders who are the mainstay of our society.

Sebagaimana dikatakan oleh Datuk Bandar tadi, malam ini kita bersama-sama memulakan satu tradisi. Meskipun kita telah menghadiri majlis seperti ini sejak Kuala Lumpur menjadi Bandaraya dua tahun dahulu. Hal ini memanglah lazim dibuat oleh masyarakat Ibu Negara yang maju sebagai menandakan rasa kegembiraan kita di samping memberikan saya kesempatan yang baik untuk bermesra dan juga menghuraikan perkara-perkara yang penting bagi kita semua.

Saya sukacita mendengar kata-kata Datuk Bandar kita terutama mengenai perkembangan dan kemajuan Bandaraya Kuala Lumpur ini pada masa akan datang. Semasa saya meletakkan batu asas monument untuk memperingati tapak asal bandar Kuala Lumpur, antara lain-lain, saya telah menegaskan pentingnya kita menjaga perkembangan Kuala Lumpur ini di masa akan datang. Di samping mengekalkan unsur-unsur sejarah, mustahaklah juga kita menjaga keindahan Bandaraya ini dalam berbagai aspek dan dalam hubungan ini usaha-usaha menanam pokok dan bunga, membuat pancutan air dan lebih-lebih lagi mengawal kebersihan seperti

kata Datuk Bandar tadi sangat disanjung tinggi. We should see to it that future development of Kuala Lumpur should really be compatible with its status as our National Capital and the focal point of loyalty and pride of our eleven million citizens.

In this context, I think it is also important for us to give close attention to those matters connected with the day-to-day life of our citizens—housing, education, transport as well as cultural and recreational facilities which will ensure the quality of life we all desire and cherish. I would like to echo the sentiments expressed by our Datuk Bandar just now calling for the support and co-operation of all, particularly our business and industrial community, professionals and civic organisations in carrying out such projects which we can proudly bequeth to the later generations.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Seperti yang saya katakan tadi, saya ingin mengambil kesempatan malam ini untuk membincangkan perkara-perkara yang bersangkut dengan masyarakat kita, keadaan dalam negeri dan perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam hubungan luar negeri. Saya ingin berterus terang di sini dengan tuan-tuan dan puan-puan supaya kita dapat bersama-sama memikirkan apa jua langkah yang patut kita ambil sebagai tanggungjawab kita kepada masyarakat dan negara.

Masaalah besar yang dihadapi oleh negara kita hari ini ialah inflasi atau kenaikan harga barang-barang terutama barang-barang keperluan orang ramai. Sebenarnya perkara ini bukanlah terhad kepada kita sahaja bahkan seluruh dunia adalah telibat dengan tekanannya. Dalam hal ini, masyarakat bandar terutama golongan yang berpendapatan kecil merasakan tekanan yang hebat oleh kerana kekurangan bekalan menyebabkan harga barang-barang meningkat sehari demi sehari.

Berikutan dengan ini, timbul pula satu masaalah baru iaitu perbuatan setengah-setengah kaum peniaga menyorokkan barang-barang dengan tujuan hendak mendapat untung yang berlebih-lebihan—hoarding of essential goods with the intention of exploiting the consumer public.

Saya telah seringkali menerangkan iaitu mengenai inflasi yang berpunca dari luar—imported inflation—kita terpaksa menanggungnya oleh sebab kita memerlukan barang-barang itu sedangkan kita sendiri tidak dapat mengeluarkannya. So long as these

goods are required, and these include essential commodities, we have to pay the price determined by the exporting countries. Fortunately, we ourselves are producers of essential foodgrains and we need only import some quantity of rice, mainly for our people in Sabah and Sarawak where rice production is not adequate for local consumption. There are however, many ways in which our people can help themselves in mitigating the effects of inflation—they can grow vegetables in their backyard, they can rear poultry, but more important is to postpone or, if possible, avoid making unnecessary puchases especially luxury items. Satu daripada cara yang mustahak bagi mengatasi inflasi ialah mengurangkan pengelilingan wang or to reduce the amount of money circulating in the country.

Government, of course, has taken several measures to lessen the burden of hardship especially of the low-income group. Special Relief Allowance is paid to those earning less than $300 a month since October last year and I am glad to say that the private sector has also followed the Government's lead. At the same time, Government has also lifted the import quota on some essential items and exempted these form excise duties. We know that in spite of what Government has done to counter the inflationary trend, including the restriction of bank credit, we still hear discordant notes of criticism from some quarters. In point of fact, the Government today is spending millions of dollars in subsidising the consuming public in respect of essential items such as rice, sugar, flour, kerosene while the subsidy on textbooks is further increased this year amounting to $60 million. We shall continue to arrest the inflationary trends and take whatever measures necessary—financial or otherwise—to bring it down to a reasonable level.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam context inilah Kerajaan sangat memandang berat atas perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab menyorok-kan barang-barang keperluan semata-mata untuk tujuan meng-aniaya orang ramai dengan mengambil keuntungan yang berlebih-lebihan. Mereka sama sekali tidak bertimbang rasa dalam keadaan orang ramai sedang menghadapi kesulitan, mereka hanya memikirkan kepentingan diri sendiri dan mengambil ke-sempatan dari penderitaan rakyat. Indeed it is in such times as this that the test of loyalty bears upon us and every one of us who

considers himself to be a good and loyal citizen should stand solidly behind the Government and give it every support. We have no place for hoarders and profiteers in our midst and it is for this reason that the Government is requesting the help of the people to seek out these undesirable elements and give them their due. The Government will spare no effort to stop this evil practice and bring the offenders to book.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam ucapan saya menyambut tahun 1974, saya telah menyatakan rasa bimbang mengenai keadaan keselamatan dalam negeri terutama dengan adanya kegiatan Parti Komunis Malaya menyusup ke tengah masyarakat. Berkat kewaspadaan dan keazaman kita serta kehandalan dan pengorbanan pasukan keselamatan, ancaman musuh-musuh negara itu telah dapat dikawal. Bahkan saya percaya kita semua berasa gembira dengan kejayaan kita baru-baru ini di Sarawak iaitu peristiwa perletakan senjata beramai-ramai oleh pasukan komunis PARAKU yang kembali ke pangkuan masyarakat. Kita sama-sama berharap peristiwa di Sarawak itu akan mendorong anasir-anasir Komunis di Semenanjung Malaysia supaya menginsafi kenyataan yang sebenar dan menghentikan perjuangan mereka yang sia-sia itu.

Hari ini dengan terbentuknya Barisan Nasional atau Nasional Front menggabungkan tenaga parti-parti politik tanahair yang mewakili bahagian terbesar rakyat Malaysia, lebih nyatalah arah haluan perjuangan kita hendak membina negara yang bersatu, makmur dan maju. Perkembangan-perkembangan pada masa akhir-akhir ini dan kemenangan pihak Kerajaan dalam beberapa pilihanraya kecil jelas membuktikan sokongan rakyat terhadap cita-cita demokrasi yang kita junjung tinggi dan hasrat hendak membina satu masyarakat baru yang kekal untuk zaman berzaman. The success of the New Economic Policy will determine the destiny of our nation. I have no doubt of the fact that in forthcoming general elections, our people will continue to support the Government in its quest to establish a just society in which every Malaysian will have rightful place and equal opportunity to pursue his life ambition. Even today our young people have access to vast opportunities in the field of higher education and other specialised training compared to the generation before independence. The future is indeed bright for our nation and it is our duty to make this a living reality.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

In the field of foreign relations, there is every reason to feel satisfied that, as a result of the groundwork we have done and the initiatives we have taken in the last three years, we have made remarkable progress. A review of our foreign policy undertaken when I assumed office as Prime Minister led to a number of conclusions. I can only refer here with some of the conclusions. Among them were, first, that regionalism and regional co-operation would be a corner-stone of our foreign policy. Second, that we would follow a foreign policy of strict non-alighment, and third, that we would seek to have friendly relations with as many countries as possible and strengthen our links with those countries with whom we have common interests.

Looking back over the last three and half years, it is fair to ask how far we have succeeded in implementing these guide-lines. Our relations with our immediate neighbours are, if I may say so, better than good. My own visits to Indonesia, Thailand, Singapore, and also Burma, a good friend of Malaysia though not an immediate neighbour, have shown how intimate our ties are. Together with the other ASEAN members, we have co-operated closely in a variety of economic and social projects and we have worked hard to ensure the success of ASEAN, which we hope one day will embrace the other countries of Southeast Asia. The establishment of the Central Secretariat of ASEAN at the next Foreign Minister's meeting in Jakarta in May will be an important milestone in the history of ASEAN. But more than the individual projects, more than the formal institutionalisation of ASEAN is the success of ASEAN in the last few years in forging together a spirit of regional understanding and cohesion among its members. The value of this success is difficult to measure but is to me the single most important achievement of ASEAN.

Our regional and our non-aligned approach to foreign relations find its most succint expression in the proposal for the Neutralisation of Southeast Asia. That proposal is now embodied in the Kuala Lumpur Declaration of ASEAN countries which has since been endorsed by the Commonwealth Heads of Government Conference as well as by the Non-Aligned Summit. The officials of the five ASEAN countries in the meantime have been hard at work in giving flesh to the bare bones of the Declaration adopted in Kuala Lumpur in November 1971. Considerable progress has

therefore been made and their work will become very important when the political conditions are ripe for the realization of the proposal.

I have said earlier that we are strictly non-aligned. We have played an active role in the Preparatory Committee which prepared for the Algiers Summit last September and we continue to be a member in the reconstituted Co-ordination Committee, which has been charged to look after the interests of the Non-Aligned Group. Our non-aligned foreign policy is also reflected in our establishing formal diplomatic relations recently with North Korea, East Germany and North Vietnam. Perhaps it can be said that our non-aligned policy shows itself, above else, in our relations with China. Today we enjoy good relations with the United States and the Soviet Union. We were a strong supporter of the right of the People's Republic of China to her seat at the United Nations during the General Assembly debates on this question in 1971, which saw the seating of the PRC in the United Nations. The last three years have also seen the exchange of trade delegations as well as cultural and sporting delegations between Malaysia and China. We have therefore done much to break down the barrier of misunderstanding and misapprehension between our two countries and peoples. Since last June, we have held a series of official discussions in New York with the Chinese side, with a view to the formal establishment of diplomatic relations and the exchange of diplomatic missions. These talks have covered the various problems connected with the establishment of diplomatic ties between our two countries. I am happy to say that our discussions in New York have been carried out in friendly and cordial atmosphere and these discussions will be successfully concluded soon. With the establishment of diplomatic relations with the People's Republic of China, an important milestone would have been reached in our history. In terms of foreign policy, with which I am concerned here, it sets the seal to our non-aligned foreign policy, to our neutralisation proposal, and to the wish we have often articulated that is to be friendly with all countries irrespective of their ideology or social system on the basis of mutual respect and non-interference.

There are certain characteristics of Malaysia which find reflection in the pattern of our relations. We are, first of all, a Southeast Asian country and hence we have established particularly close

relations with our neighbours in this strive-torn region as a matter of priority. We are a Commonwealth country and hence, as a product of history, we enjoy good relations with countries such as Britain, Australia, New Zealand, Canada, India and Pakistan (which was once a member), Ceylon, Nigeria and other Commonwealth African countries. We are a developing country with abundant natural resources and at the same time an industrialising one with a reputation for stability and efficiency. Hence we have succeeded in establishing good relations with the major industrialised nations. We are a non-aligned country and therefore along with our good relations with the West, we have also cultivated friendly relations with the Socialist countries of Eastern Europe. As an important non-aligned country, we also naturally enjoy close relations with other non-aligned countries such as Yugoslavia, Algeria and Egypt. True to our non-aligned principles, we maintain friendly relations with the two super-powers, the United States and Soviet Union, and we are now well on the path to establishing relations with China. Finally, as a Muslim country, we have special ties with the Muslim world as indicated by our participation at the successful Summit in Lahore, our staunch support for the Islamic Secretariat, and our hosting the next Islamic Foreign Ministers Meeting here in Kuala Lumpur.

The pattern of our relations has therefore been set by the characteristics of our country: our location in Southeast Asia, our historical ties in the Commonwealth, the nature of our richly endowed and rapidly industrialising economy, our non-aligned foreign policy, and our identity as a Muslim country. As a result, we have established deep and abiding ties with a large number of countries, and we can therefore look forward with confidence to the years ahead in our foreign relations—in the expansion of the horizons of our friendship and trade relations.

Adalah jelas corak perhubungan luar negeri kita ditentukan oleh keadaan negara kita sendiri—kedudukannya di Asia Tenggara; pertalian sejarahnya dengan negara-negara Commonwealth; kekayaan ekonomi negara dengan hasil-hasil buminya dan sedang pesat membangun perindusterian; dasar luar negeri kita yang berkecuali dan identiti atau keperibadian kita sebagai sebuah negara Islam. Dengan yang demikian, kita telah berhasil menjalin tali perhubungan yang erat serta berkekalan dengan kebanyakan negara di seluruh dunia. Kita boleh memandang ke masa hadapan

dengan penuh keyakinan untuk meluaskan bidang persahabatan serta hubungan dagang luar negeri dalam tahun-tahun akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang saya katakan tadi, hari depan negara kita amat cerah dan saya yakin akan keazaman rakyat mencapai cita-cita nasional sepenuhnya. Bagaimanapun jalan ke arah itu masih jauh dan buat masa ini boleh dikatakan kita sedang menempuh masa ujian—or passing through the testing years. The times are difficult and there are numerous problems that we have to face boldly. I am certain we shall go through this test victoriously provided there is a sense of unity and above all a sense of social discipline among our people in the overall interest of the nation, each and every Malaysian should strive to work for the common good and uphold the principles of Rukunegara which embodies the identity and the spirit of our nationhood.

The nagging problem of inflation will continue to be with us for some time but with united efforts and determination of the Government and the people, Insya Allah, we will endeavour to contain these inflationary trends within reasonable proportion.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak terhadap Kerajaan dan saya berharap mudah-mudahan usaha kita yang baik untuk membina dan memajukan Wilayah Persekutuan ini dan sebuah Negara yang aman makmur akan mendapat sepenuh kejayaan. Dengan izin Tuhan, kita boleh memandang ke hadapan dengan penuh kesyukuran dan keyakinan kepada masa hadapan yang cemerlang dan bahagia.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN KONVENSYEN PERTAMA MENGENAI EKONOMI MALAYSIA ANJURAN PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA DI HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR PADA 25HB MAC, 1974

Prof. Yip Yat Hoong, Pengerusi Konvensyen, Dr Mokhzani, Presiden Malaysian Economic Association, Dif-dif Terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya merasa bangga pagi ini kerana dapat bersama-sama dengan sebegini ramai pakar-pakar ekonomi dari dalam dan luar negeri yang menghadiri Konvensyen anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia ini.

I notice many familiar faces, particularly those from the Government sector and other institutions with whom I have some connection. Sebagai Ahli Kehormat Persatuan Ekonomi Malaysia, saya sangat berbesar hati kerana diberi penghormatan merasmikan Konvensyen yang penting ini.

Sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Persatuan Ekonomi Malaysia atas inisiatifnya yang bernas mengaturkan Konvensyen Pertama kali serentak dengan Mesyuarat Agung Kesebelas Persatuan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Menurut aturcara yang disediakan, saya lihat Konvensyen ini meletakkan perhatian yang berat terhadap masaalah-masaalah ekonomi negara khasnya berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Saya sungguh tertarik hati melihat emphasis yang diberikan kepada perkara yang penting dan mustahak ini, tambahan lagi mengingat bahawa Kerajaan baru saja selesai membuat Kajian Pertengahan Penggal atau Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan yang telahpun dibincang serta diterima oleh Parlimen tidak berapa lama dulu.

Meskipun sejak pelancarannya tiga tahun lalu Dasar Ekonomi Baru ini telah menjadi pokok perbincangan samada di dalam ataupun di luar Parlimen, saya rasa amatlah baik perhatian diberikan terhadapnya setiap masa terutama sekali mengenai

pelaksanaannya—in other words to sustain our deep interest particularly with regard to its implementation. Barangkali ada juga antara ahli-ahli ekonomi kita yang memandang Dasar Ekonomi Baru ini semata-mata dari segi perbelanjaan yang diperlukan bagi membiayainya ataupun masih ragu-ragu dan sceptical samada matalamat yang kita hajatkan itu boleh dicapai dengan jayanya.

Memanglah kita tidak boleh lari dari masaalah wang or the dollars and cents to undertake and accomplish this enormous and heavy task. Bagaimanapun, adalah mustahak diingat dan sentiasa diingat bahawa Dasar Ekonomi Baru ini lahir dari kenyataan dalam masyarakat kita yang telah berubah, dari keadaan politik yang telah matang iaitu sesudah negara kita menempuh pengalaman hebat dan yang memerlu solution yang berkekalan. Seperti seringkali saya tegaskan di masa sudah-sudah atas kejayaannya itulah bergantungnya survival negara ini di masa hadapan.

Saya gembira ahli-ahli ekonomi, ahli-ahli sosiology dan social scientists yang berhimpun di sini akan menumpukan pengkajian serta perbincangan mereka terhadap masaalah-masaalah penting hari ini—our current problems—inflasi, Dasar Pembangunan Negara dan pembangunan ekonomi serantau yang mana adalah merupakan tugas besar Kerajaan untuk beberapa tahun akan datang.

Bagi pihak Kerajaan, saya mengalu-alukan sebarang sumbangan positif hasil dari Konvensyen ini yang boleh memberi panduan serta arah haluan baru dalam menghuraikan masaalah-masaalah yang berkaitan dengan usaha-usaha pembangunan yang kita jalankan sekarang. Tidaklah perlu saya berpanjang lebar mengenai hal ini oleh kerana saya perhatikan pada setiap session terdapat wakil-wakil Kerajaan yang boleh menjelaskan pendirian Kerajaan. Tambahan pula mereka sendiri adalah turut terlibat dalam perancangan serta pelaksanaan dasar-dasar itu dan saya percaya mereka akan dapat mempertahankan kedudukan Kerajaan dalam sesuatu bidang yang tertentu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita boleh bermegah, walaupun dalam masa menghadapi keadaan yang semakin genting pada waktu ini, iaitu paras dan tempoh pembangunan ekonomi negara berada dalam keadaan yang segar

dan menepati jangkaannya. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan tekanan inflasi khasnya imported inflation di samping tindakan-tindakan tegas bagi menghapuskan perbuatan setengah-setengah peniaga menyorokkan barang-barang keperluan sudah mulai berkesan. We know we cannot meet the inflationary trend altogether but in many ways we have been able to lessen its impact on the economy. From the reports we read in the papers, it is evident that conscientious efforts of the people in encountering the effects of inflation have paid off very well. This is indeed admirable and reflects the new spirit or semangat pembaruan among the rakyat.

Adalah benar bahawa keadaan yang sedang berlaku sekarang ini di negara kita tidaklah sebegitu hebat sepertimana yang dirasakan oleh kebanyakan negara-negara perindusterian yang maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah. Namun bentuknya adalah hampir-hampir sama iaitu inflasi dalam keadaan paras pengangguran yang tinggi. Apa yang dikatakan "stagflation" merupakan satu phenomenon baru yang sama sekali di luar dugaan ahli-ahli ekonomi kelasik ataupun golongan Keynesian. Saya sangat tertarik hati dengan pandangan yang diberikan oleh Professor Walters dalam articlenya "A Failure of Economics" yang mana saya percaya tuan-tuan dan puan-puan sedia maklumi. Pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Professor itu dalam ceramahnya baru-baru ini patut benar dijadikan bahan perbincangan dan panduan kita bersama oleh kerana perkara itu menepati keadaan yang kita hadapi pada masa ini.

In fact, I think it is quite relevant in this context for the Convention to formulate new guidelines in respect of our economic and fiscal policies. The topic you have chosen for the second session—Development in an Inflationary Environment—will certainly evoke a great deal of interest and perhaps provide new line of approach for our planners. This to my mind will be a valuable contribution coming forth from this Convention.

Bagaimanapun, saya sukacita mengambil kesempatan ini mengulangi lagi seruan saya beberapa hari yang lalu tentang betapa mustahaknya kita menanam disiplin diri—a sense of self-discipline—which is so essential for a newly emerging nation. Dalam keadaan negara yang sedang berkembang maju, walaupun usaha-usaha menimbus jurang ekonomi berjalan pesat, terdapat

setengah-setengah golongan menikmati kemewahan yang berlebih-lebihan sedangkan golongan lain tidak banyak berubah kehidupannya daripada masa lampau. Keadaan seperti ini nyatalah tidak sihat sama sekali terutama pula dalam suasana inflasi yang melanda kita hari ini. Oleh yang demikian, adalah sebaik-baiknya bagi kita terutama golongan yang berada supaya mengamalkan perbuatan yang sederhana dan dengan itu mengelakkan timbulnya gejala-gejala yang tidak diingini.

It would do well for us, particularly those who are better off to adopt the maxim of moderation in our everyday life and thereby help to avoid the likelihood of social tension. I personally think during these difficult times it doesn't do any good for everyone to flaunt his wealth and indulge in excesses which is not only wasteful but may give rise to undesirable consequences. Indeed we should strive to live up to the principles of Rukunegara which embodies all the qualities of life we dearly cherish and aspire.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya menyambut baik serta menghargai usaha-usaha yang dibuat oleh badan-badan akademik seperti Persatuan Ekonomi Malaysia ini yang bertujuan hendak membantu Kerajaan mencari huraian-huraian kepada masaalah-masaalah negara. Apatah lagi boleh dikatakan seluruh anggota Persatuan ini terdiri dari tenaga akademik dan intelek Malaysia yang benar-benar faham latar belakang serta keadaan dalam negara. Persatuan ini selayaknya bertindak sebagai watchdog dengan maksud memerhatikan supaya perancangan dasar Kerajaan dan pelaksanaannya benar-benar menurut kehendak rakyat dan negara supaya mencapai matalamat-matalamat yang hendak ditujui itu.

Dalam hubungan ini sukalah saya menyebut tentang penerbitan Kajian Ekonomi Malaysia yang diusahakan oleh Persatuan ini. Tidak syak lagi penerbitan yang berharga ini mempunyai tempatnya sendiri dalam senarai penerbitan-penerbitan akademik usaha cerdik pandai kita sendiri.

Bagi pihak Kerajaan, saya berterimakasih atas sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan oleh ahli-ahli akademik kita samada sebagai perseorangan ataupun mewakili institusi mereka dalam beberapa Jawatankuasa ataupun badan-badan yang dilantik oleh Kerajaan. Begitu juga tentang adanya kerjasama yang erat antara

ahli-ahli akademik dengan pegawai-pegawai Kerajaan dalam beberapa projek tertentu yang merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata ini, sukalah saya mengulangi lagi ucapan terimakasih kepada Persatuan Ekonomi Malaysia khasnya kepada Presidennya—Dr Mokhzani, dan juga Jawatankuasa Konvensyen kerana memberi saya kesempatan yang amat berharga ini. Saya dengan sukacita merasmikan Konvensyen Ekonomi Malaysia ini sambil berharap semoga perbincangan-perbincangan berhasil dengan mendapat penuh kejayaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN SEKOLAH MENENGAH UGAMA, PULAU TAWAR, JERANTUT, PAHANG PADA 28HB MAC, 1974

Y.B. Datuk Khairuddin, Pengerusi Jemaah Penasihat, Y.A.B. Timbalan Menteri Besar Pahang, Y.B. Timbalan Menteri Penerangan, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya saya dapat membuat lawatan ke Kampung Pulau Tawar yang kita tahu mempunyai sejarah lama untuk bertemu muka dengan penduduk-penduduk di sini dan seterusnya merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Ugama Pulau Tawar ini.

Terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Sekolah kerana sudi menjemput saya membuka bangunan Sekolah dalam bidang lawatan sehari ke sini dan juga atas sambutan yang meriah sebentar tadi. Sekolah Menengah Ugama ini menandakan setapak lagi kemajuan Kampung ini di samping membuktikan hasrat dan kecenderungan penduduk-penduduk Pulau Tawar terhadap kemajuan dunia dan akhirat. Ini adalah natijah yang amat baik bagi kita orang-orang Islam di negara ini iaitu melengkapkan anak-anak jenerasi muda dengan pelajaran ugama kerana ini adalah mustahak bagi membentuk akhlak dan keperibadian sebagai rakyat yang baik serta menunjukkan arah haluan hidup mereka di masa depan.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam usaha kita hendak meninggikan martabat Islam sebagai ugama rasmi, banyak kemudahan-kemudahan disediakan bagi rakyat dan di bidang pendidikan hari ini sesiapa jua yang berusaha akan dapat melanjutkan pelajaran mereka ke Pusat Pengajian Tinggi seperti Universiti Kebangsaan dan Kolej Islam. Kerajaan mengeluarkan biasiswa-biasiswa bagi mereka yang layak dan hendak melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti-universiti luar negeri seperti di Kahirah, Madinah dan Baghdad.

Selain Sekolah Menengah Ugama ini saya diberitahu sebuah sekolah baru telah dibuka awal tahun ini di kampung pemindahan banjir di simpang Jalan Maran. Saya sukacita penduduk-penduduk

di sini menyambut baik seruan saya supaya pindah ke tempat baru di mana ada kemudahan yang baik bagi mereka.

Selain dari itu Kerajaan telahpun menjalankan beberapa langkah baru untuk memperkembangkan pengajian Islam dan meninggikan syiar Ugama kita yang suci itu. Walaubagaimanapun, rakyat yang bukan Islam diberi kebebasan mengerjakan ibadat mereka. Pada masa-masa akhir-akhir ini ramai juga penganut-penganut ugama lain yang telah memahami perjalanan dan pengajaran ugama Islam dan mereka ini mengambil jalan yang benar dengan memeluk Ugama Islam. Saya sukacita mereka itu berbuat demikian dengan tidak dipaksa oleh sesiapa bahkan dengan kerelaan hati suci mereka sendiri. Oleh itu saya berharap kita semua dapat menerima saudara-saudara baru ke dalam masyarakat kita serta memberi mereka panduan dan tunjuk ajar mengenai hal ehwal ugama supaya mereka menjadi orang-orang yang salih.

Dalam pada itu kita boleh mempelajari dari mereka pengalaman dan kemahiran dalam lapangan tertentu khasnya mengenai perniagaan dan perusahaan. Saya nampak inilah satu jalan yang baik bagi kita mengeratkan lagi perpaduan dan persaudaraan di kalangan rakyat negara ini dan kedua-dua golongan tadi mendapat munafaat yang setinggi-tingginya.

Saudara-saudara sekalian.

Kita boleh berbangga hari ini iaitu kemajuan yang dicapai dalam lapangan Ugama Islam amat luas dan memuaskan. Pada masa yang sudah-sudah Kerajaan memberikan banyak bantuan untuk mendirikan surau, masjid dan sekolah-sekolah ugama. Sekarang kerja-kerja membina sebuah Pusat Penyelidikan Islam sedang berjalan pesat dan diharapkan Pusat ini akan siap tidak lama lagi. Begitu juga jentera pentadbiran Jabatan Ugama Islam telah juga diperkemaskan dan diletakkan di bawah jagaan saya sendiri. Dua bulan yang lalu saya telah melancarkan Lembaga Dakwah Islamiah yang mempunyai tugas-tugas berat memperkembangkan ugama suci kita. Usaha-usaha sedang juga dijalankan melalui beberapa pertubuhan dan ajensi Kerajaan, seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Tabung Ekonomi Islam untuk meninggikan taraf ekonomi orang-orang Islam. Saya harap dengan adanya kejayaan-kejayaan di lapangan ini bersama-sama dengan kemajuan rancangan-rancangan yang dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru, penduduk-penduduk di kawasan luar bandar akan menjadi bertambah baik lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sangat gembira dengan kemajuan orang-orang kita di kawasan ini, samada yang diam di kampung-kampung ataupun peserta-peserta rancangan. Di rancangan LKTP Sungai Tekam, saya dapat tahu ada peserta-peserta yang mendapat lebih $1,000 sebulan hasil getah mereka. Syukurlah pada masa ini barang-barang pengeluaran kampung seperti getah dan kelapa sawit mendapat pasaran baik atau harga yang tinggi. Tetapi kita mestilah berusaha dengan lebih giat terutama dalam keadaan inflasi yang terdapat sekarang ini.

Sebagaimana yang selalu saya terangkan, inflasi ini berpunca dari luar tetapi akibatnya menimpa seluruh negara. Kerajaan akan mengambil apa jua langkah yang baik untuk meringankan tekanan inflasi ke atas rakyat, dan saya berharap mereka akan bekerjasama pula dengan usaha mengeluarkan barang keperluan sendiri dan membeli barang-barang keperluan yang mustahak sahaja. Pendapatan yang berlebihan eloklah disimpan dan elakkan perbuatan membazir dan sia-sia.

Kerajaan telah juga mengambil tindakan tegas terhadap peniaga-peniaga yang menyorok barang-barang supaya menjamin bekalan sentiasa ada dan boleh didapati dengan harga yang berpatutan.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam kita menghadapi masaalah inflasi ini, ada golongan yang hendak menimbulkan kekacauan dan huru-hara dalam negara dengan tujuan hendak menjatuhkan Kerajaan yang dipilih rakyat. Anasir-anasir Komunis dan talibarut mereka bergerak di sana sini tetapi penduduk-penduduk kampung janganlah merasa bimbang kerana kita mempunyai askar dan polis yang cukup untuk menentang dan menghapuskan kumpulan jahat yang kecil ini. Saya yakin dengan adanya kerjasama rakyat angkara musuh itu akan gagal. Mereka berani menjalankan kegiatan-kegiatan ganas mereka kerana mereka tahu ada segolongan kecil penduduk yang bersimpati dengan mereka itu. Anasir-anasir ini adalah lebih jahat dari Komunis itu sendiri.

Saya sukalah mengingatkan terutama kalangan muda bahawa rakyat belum lagi lupa pahit maung dan kesusahan selama dua belas tahun semasa negara berada dalam keadaan darurat dari tahun 1948 hingga 1960 dahulu. Di Sarawak keadaan hampir-hampir pulih sekarang dan diharapkan Semenanjung Malaysia

juga akan pulih semula. Pada hemat saya, dengan keadaan politik sekarang ini iaitu hasil dari Kerajaan Campuran dan seterusnya penubuhan Nasional Front atau Barisan Nasional, nyatalah perjuangan Komunis itu sia-sia saja. Lebih baiklah mereka kembali ke pangkal jalan dan menghentikan perjuangan yang sia-sia itu. Patut diingat Kerajaan yang ada sekarang ini adalah Kerajaan yang dipilih sendiri oleh rakyat dan berazam hendak membawa zaman yang aman damai, makmur dan maju kepada rakyat semua.

Saya percaya saudara-saudara di Pulau Tawar tempat yang bersejarah ini sentiasa berdiri teguh di belakang Kerajaan menghapus anasir-anasir jahat itu kalau ada yang cuba menceroboh masuk ke sebelah sini. Demi kepentingan bersama rakyat dan Kerajaan, setiap rakyat mestilah bersama-sama menunaikan tanggungjawab mereka. Dengan semangat ketabahan dan kesabaran serta dengan perpaduan kita akan dapat menghadapi sesuatu ancaman atau cabaran itu dengan penuh kejayaan.

Saudara-saudara sekalian.

Sejak kita mencapai kemerdekaan hampir tujuh belas tahun yang lalu banyak perubahan dan kemajuan yang dilihat di seluruh negara. Di kawasan Jerantut ini, proses perubahan besar sedang berjalan dengan pesat. Rancangan Haidro sedang dilaksanakan oleh pakar-pakar dari Rusia. Hospital baru sudahpun dipanggil tender dan dijadualkan siap awal tahun 1975. Projek Jambatan juga akan dilaksanakan apabila dapat tender yang wajar dan dijangka siap tahun 1977. Projek Lapangan Terbang sedang dikaji untuk memudahkan penerbangan bagi pelancung-pelancung ke Kuala Tahan. Sementara itu banyak lagi rancangan-rancangan akan dilaksanakan terutamanya bandar baru Jerantut yang akan membuka peluang baru untuk orang-orang kita berkecimpung di dalam lapangan perniagaan.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum, ugama Islam menggalakkan kita mengejar kemajuan dunia dan akhirat. Ini adalah kehendak Allah dan alim ulama ada mengatakan "buatlah harta di dunia ini seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beramallah kamu kepada Allah seolah-olah kamu akan mati esok". Oleh itu patutlah kita berusaha bersungguh-sungguh untuk kita dan keturunan kita di

masa akan datang dengan membina negara yang makmur dan maju, aman damai dan bahagia.

Saya akhiri ucapan saya ini dengan berdoa mudah-mudahan Allah memberkati kerja-kerja dan amalan kita dan dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya rasmikan Sekolah Menengah Ugama Pulau Tawar.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MERASMIKAN PUSAT PERKHIDMATAN PERTANIAN TEMIN, JERANTUT, PAHANG PADA 28HB MAC, 1974

Y.B. Datuk Muhamad Jusoh, Timbalan Menteri Besar, Y.B. Datuk Khairuddin Kawi, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi saya penghormatan merasmikan Pusat Perkhidmatan Pertanian ini serta memberi saya peluang beramah mesra dengan penduduk-penduduk Jerantut khasnya di Kampung Temin ini.

Saya mengucapkan terimakasih juga kepada semua pihak yang mengaturkan acara lawatan ke Jerantut ini terutama sekali sambutan yang amat meriah dalam suasana penuh kemesraan sebentar tadi. Pada sebelah pagi tadi, saya dapat kesempatan melawat Pulau Tawar untuk bertemu dengan orang ramai di sana di samping merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Ugama Pulau Tawar.

Saya bersyukur dapat membuat lawatan singkat ini sejak kedatangan terakhir semasa pilihanraya kecil Parlimen dua tahun dahulu. Saya sangat berbesar hati atas sokongan yang diberi oleh orang ramai di sini terhadap Kerajaan dan seperti yang kita sama-sama maklum, Jerantut sekarang merupakan satu kawasan pilihanraya Parlimen tersendiri setelah diasingkan dari Lipis. Ini adalah kemajuan dan perkembangan yang wajar oleh kerana Daerah Jerantut semakin bertambah maju sehari demi sehari dan mempunyai potential yang besar pada masa akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Salah satu projek penting yang menandakan kemajuan di Jerantut ialah Pusat Perkhidmatan Pertanian di Temin ini. Seperti kata Pengarah Pertanian tadi, Pusat ini sudahpun berjalan sejak beberapa lama dalam memberikan perkhidmatan dan tunjuk ajar kepada rakyat kaum tani di daerah ini. Saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang, khasnya Jabatan Pertanian, kerana meletakkan

perhatian berat kepada bidang pertanian dengan mengadakan infrastructure iaitu Pusat-Pusat Perkhidmatan Pertanian seperti ini untuk faedah rakyat luar bandar. Sudah tentulah rakyat di sini, terutama kaum tani Kampung Temin dan kampung-kampung yang berdekatan membawa ke Tebing Tinggi dan Gintong hingga ke seberang sana ke Pulau Tawar dan Kelola dapat menggunakan perkhidmatan yang ada itu. Seterusnya penduduk daerah Jerantut ini amnya akan melihat kemajuan yang lebih luas di bidang pertanian dan menambah pendapatan mereka serta mencapai tingkatan ekonomi yang lebih baik lagi. Kejayaan yang didapati menerusi projek-projek dan program-program itu adalah berkat usaha dan kerjasama antara rakyat dengan pemimpin-pemimpin tempatan seperti Datuk Khairuddin ini.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang kepada perkembangan masa hadapan, Kerajaan sentiasa mencari jalan dan melaksanakan usaha-usaha yang boleh membawa munafaat kepada orang-orang kita di luar bandar. Kita semua tahu kaum tani merupakan satu golongan masyarakat yang penting di negara ini oleh kerana seperti seringkali saya katakan di masa lalu Malaysia ialah negara pertanian dan akan terus bergantung kepada ekonomi pertanian untuk beberapa lama. Bagaimanapun, kita sedang berusaha meningkatkan bidang perindusterian dan meluaskan bidang perdagangan terutama yang berlandaskan pertanian atau agro-based. Secara ringkasnya bolehlah disimpulkan bahawa bidang pertanian termasuk dalam strateji penting pembangunan hari ini.

Dengan yang demikian, dapatlah kita lihat dan faham betapa mustahaknya kaum tani—samada penanam padi, pekebun getah, penternak kerbau lembu—mempunyai satu organisasi yang kuat supaya segala kegiatan yang bersangkut dengan kepentingan mereka itu dapat disusun, dilaksana serta dimajukan dengan lebih pesat lagi. Pada masa-masa yang lain, saya ada menerangkan bahawa cara yang sebaik-baiknya ialah menerusi strateji integrated approach—iaitu memusatkan semua badan-badan perkhidmatan di bawah satu pusat pembangunan pertanian atau Agricultural Development Centre. Dengan adanya khidmat ini Persatuan Peladang ataupun Pertubuhan Peladang dapat memainkan peranan yang cergas bukan saja dari segi penyelarasan hasil pertanian bahkan menjalankan usaha lanjutan di bidang perniagaan iaitu menjual beli hasil dan lain-lain barang keperluan,

seterusnya perusahaan seperti memproses buah-buahan dan sayuran.

Oleh yang demikian, dapatlah difaham iaitu Pusat Perkhidmatan Pertanian ini hendaklah benar-benar menjadi operation centre kemajuan tani di mana semua ajensi Kerajaan yang terlibat dengan rakyat kaum tani dapat menyelaraskan semua rancangan samada program khidmat nasihat oleh Jabatan-Jabatan berkenaan mahupun program perdagangan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Peladang sendiri. Saya pernah berpesan pada masa yang lalu, iaitu dalam hal ini perkara pokok ialah kepentingan rakyat dan kebahagiaan mereka. Maka itu semua lapisan pegawai yang diamanahkan tidak kira apa jawatan mereka hendaklah menjalankan tugas mereka menuju matalamat tunggal iaitu perkhidmatan yang sebaik-baiknya bagi rakyat dan bukan bertanding hendak atas mengatasi sesama sendiri. Saya suka menambah iaitu amat mustahak ada hubungan dan persefahaman antara sesama pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan, antara pegawai-pegawai Kerajaan dengan wakil-wakil rakyat dan antara sesama mereka dengan seluruh rakyat di kawasan itu. Kalau terdapat keadaan seperti ini, saya yakin usaha-usaha kita akan berhasil dengan penuh kejayaan.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum dan tidak siapa menafikan iaitu Jabatan Pertanian di Pahang ini melalui extension servicenya berjaya membentuk Persatuan Peladang dan kejayaan Persatuan ini adalah berkat azam serta dedikasi pegawai-pegawai dan kakitangan tidak terkecuali sesiapa pun. Dengan tertubuhnya Lembaga Pertubuhan Peladang yang menggabungkan Persatuan-Persatuan Peladang dan Agro-based Co-operatives, saya ingin melihat khidmat ajensi-ajensi Kerajaan itu hendaklah terus berjalan kerana tujuan kita ialah meninggikan kemampuan untuk memberikan khidmat yang berkesan. Janganlah salah faham pula kerana Lembaga Pertubuhan Peladang bukanlah mengambil alih kuasa sebarang Jabatan tetapi hendak menyelaraskan perjalanan badan-badan pertubuhan rakyat supaya lebih effective dan berhasil kerja-kerjanya.

Saya harap semua yang berkenaan benar-benar memahami hakikat ini dan menjauhkan dari personal rivalry hingga memesongkan tujuan Kerajaan. Kewajipan kita yang utama ialah

menggerakkan tenaga rakyat tani demi kemajuan dan kepentingan mereka disamping memberikan khidmat yang jujur dan ikhlas supaya cita-cita membina masyarakat modern akan segera tercapai. Kalau ada antara pegawai-pegawai yang tidak mahu sedar atau bersikap membeku seperti di zaman penjajah dulu, saya fikir baiklah dia membetulkan haluan dan membaiki sikap itu. Patut diingat kepentingan negara terletak di atas segala-galanya dan hendaklah ditinggalkan amalan mementingkan diri sendiri. Seterusnya kita—baik saya dan ahli-ahli politik mahupun pegawai-pegawai Kerajaan—hendaklah memandang rakyat sebagai tempat tumpuan khidmat oleh kerana rakyatlah yang meletakkan kita di tempat kita berada sekarang ini. Dalam zaman pembangunan dan kemajuan ini rakyat tidak sanggup menunggu lama-lama dan oleh itu semua punca yang menghalang kemajuan hendaklah dihapuskan sesuai dengan semangat Gerakan Pembaharuan.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya sukalah sekali lagi menggesa rakyat kita khasnya kaum tani di sini supaya melibatkan diri menyertai Pertubuhan Peladang tempatan dan menggunakan segala kemudahan yang ada di Pusat Perkhidmatan Pertanian ini. Segala alat kelengkapan dan barang-barang keperluan lain memang disediakan—jentera-jentera, benih, baja, lori pengangkutan dan sebagainya—dan semua ini ialah untuk faedah kaum tani kita. Inilah masanya peluang terbuka dengan luas bagi semua yang ingin membaiki keadaan hidup dan meninggikan taraf ekonomi supaya keluarga kita menikmati keadaan yang lebih baik dan anak-anak dapat meningkat lebih maju di masa hadapan. Gunakanlah peluang ini sebaik-baiknya apatah lagi sebagai umat Islam kita wajib berusaha untuk kebaikan di dunia dan untuk akhirat.

Dengan kata-kata itu saya dengan sukacita merasmikan Pusat Perkhidmatan Pertanian Temin sambil berdoa mudahan-mudahan melalui Pusat ini rakyat di sini khasnya dan seluruh negara amnya akan menikmati hidup yang makmur dan bahagia.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING OF THE ANNUAL GATHERING OF ROTARY DISTRICT 330 AT IPOH, PERAK ON 30TH MARCH, 1974

Mr A. Rahim Noor, Mr District Governor Rotary Club, Mr President Ipoh, Rotary Club, Distinguished Delegates, Honoured Guests, Ladies and Gentlemen.

It is both a pleasure and privilege for me to be with you all here this morning at this annual gathering of Rotary District 330. On behalf of the Government and people of Malaysia, I would like, first of all, to welcome the distinguished delegates from our neighbouring countries, their good ladies and observers, and to wish you all a very pleasant stay in our country.

I heartily share the sentiments which I am sure have already been expressed by the President of the Rotary Club of Ipoh who has been given the honour of organising this year's conference and I am quite certain he and his colleagues have made every effort to make your stay a pleasant and memorable one. It is also my hope that after the Conference, some of you particularly those who are here for the first time would take the opportunity to see other parts of our country and meet our people in their everyday life.

For the next day or two, you all will have a heavy programme, which includes sightseeing tours to interesting places around Ipoh and I also note some special programmes have been arranged for the ladies. As you are well aware, considerable efforts in the social and economic upliftment of our people have been made during the years since we achieved independence. While we are indeed happy to have you share in our experience, we would also like to learn from you of any short-comings and other aspects which perhaps require rectification and improvement. In this way, I hope your visit will be mutually beneficial and more meaningful in the context of better understanding among nations.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

As members of a widely respected international body and since most if not all of you are members of society in your

respective countries, I think you are best able to carry the message across to your people how we in Malaysia are striving to improve the livelihood of our people and hope to establish a just society on the basis of the five principles of Rukunegara, our National Ideology. On an earlier occassion when I address the Rotary International some two years ago, I had the opportunity of explaining the rationale of our new economic policy and its twin-pronged objectives, which, we are convinced is the only solution to the social and economic problems in our multi-racial society.

The Government deeply appreciates the good work undertaken by service organisation such as the Rotary. It must be admitted that this is at best complementary to the massive task the Government has to undertake in its efforts to fulfill the hopes and aspirations of our people. This obligation is all the more urgent in the case of elected government which has to seek a new mandate from its electorate every five years. This is the essence of Lincoln's off-quoted maxim—government of the people, by the people, for the people.

In our own experience here in Malaysia, we fully realise the wisdom of involving the people in any undertaking designed for their betterment. During the earlier years of independence, the government did its best to meet every request from the electorates, particularly in the improvement of infra-structure facilities in the rural areas such as village schools, roads and drinking wells. Admittedly there was an element of charity in all these undertakings. We have since then taken serious efforts in educating the people the value of self-reliance, and at the same time, instilling in them a new spirit of awareness and a change of attitude towards government policy and programmes.

Some two years ago, the government launched what we termed "Gerakan Pembaharuan" or Renaissance Campaign aimed at getting full involvement of the people in every economic programme or projects. To this end, we have resuscitated the Jawatankuasa Kemajuan Kampung or the Village Development Committee which acts as a bridge between the people and government in the sense that it is responsible in planning the requirements of its community and submitting these for consideration of the proper authorities i.e. the Majlis Tindakan Daerah or District Action Council, and in turn it will mobilise

the village community to implement these programmes until completion in this way, there is a continuous two-way exchange between government and people for the mutual benefit of all.

Ladies and Gentlemen.

Coming back to the subject of the New Economic Policy, I am happy to say that the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan which the Parliament endorsed recently, revealed very encouraging indications.

During the period under review i.e. 1971-73, the economy was buoyant. Gross National Product expanded by 11% in current prices, in the first three years of the Plan, compared with the original target of 6.5% per year. After providing for the impact of price increases in the country, the economy expanded by 6.9% per year in real terms. It is expected that the country's national income in current prices will grow by just under 9% per year.

The rate of unemployment has been brought down to 7%. Some 350,000 new jobs have been created during 1971-73, or 58% of the Five-Year Plan target of 596,000 jobs. We estimate that a further 250,000 jobs will be created in the two remaining years of the Plan, making a total of 600,000 new jobs.

In our efforts to modernise the agricultural sector to increase productivity and income of the rural people, some 600,000 acres of new land have been developed during 1971-73 and over 400,000 acres of land were provided for drainage and irrigation. About $800 million was injected by various financial institutions and commercial banks into the commercialisation of agriculture and the development of agro-based industries.

The period under review also saw the greatest upsurge in our industrialisation efforts with the massive flow of investment from local as well as foreign investors. Greater drive are being undertaken to attract foreign investors to invest in Malaysia so that our objective of diversifying the economy is achieved within the shortest time possible.

As I have stated so often before, the success of our goal of building a harmonious multi-racial nation is determined by the pace and programmes defined in our New Economic Policy. The Second Malaysia Plan in which this policy is embodied is one of the many important blue-prints by which we hope to fulfil the objectives of the New Economic Policy, namely the eradication of

poverty across racial lines and the restructuring of society in order to correct the imbalances.

The difference between the old economic development policy and the New Economic Policy is not that the Government is disregarding the importance of the growth of GNP. Indeed the premise of our development planning is that the size of the national cake must progressively increase. But maximization of GNP is not the be-all and end-all of National Development. Ultimately the benefits of development must accrue to the bulk of our multi-racial society. But I would like to emphasize that the New Economic Policy will be undertaken without any particular group in the society experiencing any loss or feeling any sense of deprivation. In other words, the orientation of the New Economic Policy is towards the restructuring of society so as to achieve the Masyarakat Adil or just society.

The Government is committed to eradicate the economic imbalances which is the cause of inequality among our people and at the same time to promote equal opportunities for Malaysians in our march towards progress and prosperity. These imbalances are particularly acute between the Malays and other indigenous races on the one hand and other Malaysians on the other. Towards this end, we are expediting the speedy creation of a thriving Malay commercial and industrial community. We have to do so not simply because the Malays and other indigenous people are in the majority, not simply because the existing racial imbalances are fertile grounds for political and social tensions, but fundamentally because it is the right and just thing to do. Unless this is done and done quickly, there is the ever danger of the widening gap between the different racial groups in the country and its disastrous consequences.

In our view, this strategy will provide the best way out for us and thus ensure a sound basis for national unity and harmony among the various races. This is of utmost importance because without national unity, there will be not only instability in the country but even the very survival of our nation is at stake. Hence all our efforts for the next few years will be directed towards ensuring the success of the New Economic Policy and thereby bringing about real unity among the people of this country.

Ladies and Gentlemen.

Another major achievement of ours is in the field of foreign relations. We have every reason to be satisfied that as a result of the groundwork we have done and the initiatives, we have taken, we have made good progress in this direction. We have adopted certain guidelines of which regionalism and regional co-operation is considered the most important. Secondly, we decided on a policy of strict non-alignment and thirdly but not least we would seek to have friendly relations with as many countries as possible and strengthen our links with those countries with whom we have common interests.

In the first instance, the last few years saw the consolidation of our efforts in regional co-operation as amply demonstrated by the achievement of ASEAN in which we have co-operated closely in a number of economic and social programmes. We are happy with the progress so far achieved by ASEAN and we hope greater efforts will be made to get tangible projects on the ground so that our people in the various countries will be able to see the real benefit of ASEAN.

Our regional and non-aligned approach to foreign relations is best seen in our proposal for the neutralisation of South East Asia following the Kuala Lumpur Declaration of ASEAN countries in November 1971. I am glad to say that this proposal has been endorsed by two major conferences i.e. the Commonwealth Heads of Government Conference in Ottawa and the Non-Aligned Summit in Algiers last year. Our attendance particularly at the latter conference amply demonstrates our adherence to a non-aligned foreign policy. I was personally present at the Algiers Summit last November and Malaysia continues to be a member of the Co-ordination Committee which is responsible to look after the interests of the non-aligned group. As a further demonstration of our foreign policy, we have established diplomatic relations with almost all Eastern European countries with the exception of Albania, and with North Korea and North Vietnam. While we do this, we maintain friendly relations with the two super-powers, the United States and Soviet Union. Very soon we hope to have formal diplomatic relations with the People's Republic of China although during the last three years, there have been several exchanges of trade delegations as well as cultural and sporting groups between ourselves and the People's Republic of China. Very recently, I attended the Islamic Summit Meeting in Lahore,

an indication of our strong support for the cause of Muslim Nations. I have also advocated the view that Malaysia should shift her pattern of trade which all this time has been orientated towards Europe and U.S.A. The departure recently of a strong trade delegation to Saudi Arabia and Pakistan is a major step forward in our effort to do more trade with countries in West Asia.

In summing up, it may be said that the pattern of our relations has been set by the characteristics of our country. We are strategically located in Southeast Asia which is on the trade route between East and West. We have deep historical ties with countries in the Commonwealth. We are non-aligned and at the same time we proudly maintain our identity as an Islamic country. As a result, we have established deep and abiding ties with as many countries irregardless of their political ideology or economic systems and we look forward with confidence to the years ahead in our foreign relations particularly in the expansion of the horizon of our friendship both in the political as well as in economic fields.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen,

I have spoken somewhat at length on the efforts that we have taken and are taking in the development of our country as well as our desire to maintain close and cordial relations with countries that wish to be friendly with us. We have achieved considerable success in our endeavours to give a better and meaningful life to our people and we are determined to continue with the efforts to achieve greater progress and prosperity. In this endeavour, we seek the co-operation of all groups, both domestic and international, especially Rotarians like all of you, whose activities certainly do much to contribute towards closer and greater understanding among nations of the world.

In conclusion, I once again, would like to thank the Rotary Club of Ipoh for inviting me to be with all of you this morning. I sincerely hope that you will have a stimulating and useful discussions at this Conference and that you will be able to make some positive recommendations as a result of your deliberations. I, therefore, have much pleasure in declaring open this Conference and to wish it every success.

TR 9:3:74

REMARKS BY THE PRIME MINISTER WHILE PROPOSING A TOAST AT THE WEDDING RECEPTION OF ENCIK H. S. A. AZMAN AND CIK ELINA MAE KUOK AT NIRWANA ROOM, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR ON 31ST MARCH, 1974

Honoured Guests, Ladies and Gentlemen.

We are gathered here today for a very important and a solemn event—to wish these two young people who are about to embark on the most exciting journey of their lifetime. I am referring to Encik H. S. A. Azman and his radiant and charming bride, Elina Mae Kuok.

For me personally, today's event has a very special significance. Only two years ago, the bride's father—Tan Sri Philip Kuok or Phil as he is known among us—had asked me to toast the bride's elder sister on the occasion of her wedding. We are all glad to know that the happy union has been blessed as both Phil and his dear wife Eileen have since this past year been elevated to the venerable status of Grandpa and Grandma. Both of them, I am sure, are immensely proud of their achievement.

Coming back to our happy couple, by some coincidence, I discover that both of them have something in common with me. Mae, like her elder sister, is a trained lawyer, and like myself, she has opted out of the profession—not necessarily for the same reason—after a brief speel as a law Librarian at the University of Malaya.

Azman, we all know, is a national personality and a household word in tennis circles—a game I was very fond of before the advent of golf (and possibly age). I was a little surprised to learn that Azman has given up the game and his title after discovering the vast potentials of the batik industry.

Perhaps I am a bit to be blamed myself for this, if indeed Azman took me seriously when I advocated that more young Malays should take up to business in consonance with our programme in restructuring society. Knowing how successful the two Kuok Brothers are in everything they touch, I am sure the new

member of the family will be a useful asset to their growing empire. I am all the more happy that Azman is the second Bumiputra in the distinguished family.

Ladies and Gentlemen.

It is quite usual on an occasion such as this to say a few words of advice to the young couple. My two decades of experience makes me all the more sympathetic to my fellowmen although I know well that the ladies—particularly the PERTAMA group—will brand me a male chauvinist. In any case, I must remind the Groom that his agility on the court has no relevance whatoever; he must give more than due justice to his new role as head of the house (though not necessarily the master of it).

Talking from experience, and, as any married couple can testify, matrimonial life is indeed an exciting and interesting experience. While it may not be altogether that "sweet and honey" (even the tongue gets bitten by the teeth sometime, says the Malay proverb), nevertheless if there is understanding and the spirit of give and take, one will never regret in plunding into it. As a matter of fact, it makes life really worth living. Of course, in the course of going through it, many unexpected things happen off and on that tends to make one over-react towards another. But, believe me, it fades as quickly as it arises. Married people will surely agree with me that these "tit-bits" do add to the spice of married life.

Talking about "tit-bits" or "interesting episodes" in married life, reminds me of a few anecdotes that I came across in a book.

There was this young couple who have been happily married for a few years—not for them the quarrel and boredom that often beset man and wife. But one morning at breakfast she was cross and irritable.

"What's the trouble?" he asked.

At first, she refused to tell, but she finally turned to him with tears in her eyes and sobbed: "If I ever dream again that you kissed another woman, I'll never speak to you as long as I live."

Another one which is interesting is this:

A woman, a decided redhead—decided about everything—married a tall and tactiturn soldier, everyone said he would soon be the world's most henpecked husband. Instead, she behaved

from the start like a child the week before Christmas. She was asked how it happened.

Blushing, she said, "The first thing I saw after he carried me across the threshold was a pair of his trousers thrown over a chair. I started to put them away, but he stopped me. "Put them on," he said.

"But, darling, what for?" she protested. He just smiled. So, to find out what he had in mind, she put them on. They were about six sizes too big.


"Do they fit?" he asked.

Oh! sweetheart, you know they don't," she answered. He pulled me to his knees and said his face perfectly dead plan, "Then never forget who wears the pants in this family!"

Ladies and Gentlemen.

Having said so much of the bride and the groom, I think, it's only fair that we should all congratulate Eileen and Phil on this moment of joy for both of them and other members of their family. My heartiest congratulations to the newly-wed and may Allah bless them with beautiful children who will inherit and continue the best traditions of our multi-racial nation.

On the note, may I invite all present to drink a toast to the good health and happiness of Mae and Azman.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein mengetuai perarakan kerana menyambut Hari Keputeraan Nabi Mohamad S.A.W. di Kuala Lumpur pada 5hb April, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN MENYAMBUT HARI ULANGTAHUN KEPUTERAAN NABI MUHAMMAD (S.A.W.) DI PADANG KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR PADA 5HB APRIL, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh!

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan rahmat dan nikmatNya yang tidak terhingga kepada segala makhlukNya. Selawat dan salam dilimpahkan Allah kepada Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad s.a.w., kepada keluarganya dan sahabat-sahabatnya, dan seterusnya kepada sekalian pengikut-pengikutnya.

Bagi pihak pacal-pacal sekalian yang hadir di sini, patik menjunjung kasih yang amat sangat di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku berdua berangkat hadir di Perhimpunan pada pagi ini. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuanku memberi semangat baru serta menambahkan penghormatan dan sanjungan umat Muslimin di negara ini kepada peristiwa yang mulia ini iaitu memperingati hari keputeraan Nabi Besar Muhammad s.a.w. yang telah menyebarkan agama Islam yang maha suci.

Ampun Tuanku.

Patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk memberi sedikit ucapan kepada para hadirin sekalian.

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Dif-dif yang dihormati, tuan-tuan dan Puan-puan, saudara-saudara sekalian.

Syukur Alhamdulillah, kerana pada hari yang berbahagia ini, kita dapat berhimpun beramai-ramai di sini untuk mengingati dan merayakan Hari Ulangtahun Keputeraan Junjungan Besar kita

Nabi Muhammad S.A.W. atau Hari Maulud Nabi. Inilah kali pertama perayaan ini diadakan semenjak tertubuhnya Wilayah Persekutuan dua bulan yang lalu. Peristiwa hari ini amatlah penting dan amat besar maknanya kepada kita umat Islam khususnya, dan kepada sekalian umat manusia umumnya oleh kerana pada hari ini lebih kurang satu ribu empat ratus tahun yang silam, telah lahir ke dunia ini seorang putera Arab yang menjadi pilihan Allah Subhanahuwataala untuk memimpin umat manusia ini ke arah jalan yang benar iaitu Junjungan Besar kita Nabi Muhammad (S.A.W.)

Amatlah tepat dan sesuai sekali Ulangtahun Keputeraan Junjungan Besar kita ini dirayakan secara besar-besaran sebagai tanda menunjukkan rasa syukur kita kepada Allah Subhanahuwataala di atas rahmatNya mengutuskan seorang Rasul untuk menjadi pemimpin dan pembimbing seluruh umat manusia. Perayaan ini juga bertujuan untuk meninggikan syiar ugama Islam di Negara kita oleh kerana sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan dan kemajuan ugama Islam.

Sebagaimana yang kita maklum, pengajaran yang dibawa oleh Nabi Besar kita Muhammad S.A.W. melalui ugama suci Islam adalah untuk kebaikan dan kemajuan umat manusia seluruhnya. Ugama Islam menghendaki supaya penganut-penganutnya berusaha dalam segala bidang dengan cara yang sebaik-baiknya untuk memenuhi keperluan hidup di dunia dan juga di akhirat. Oleh itu ajaran-ajaran ugama Islam adalah sesuai untuk segala zaman dan keadaan. Hanya kita sebagai penganutnya yang hidup dalam zaman teknoloji dan penuh dengan cabaran ini perlulah menyesuaikan hidup kita dengan keadaan-keadaan yang sentiasa berubah itu, tetapi tetap berpegang teguh kepada nilai-nilai luhur yang menjadi asas ajaran Islam yang suci. Dalam context ini, Nabi Besar kita Muhammad S.A.W. telah meninggalkan kepada kita mutiara yang tidak ternilai harganya menerusi hadis-hadis dan sifat-sifat dirinya yang terpuji yang seharusnya menjadi pedoman dan tauladan kepada umat Islam.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti dimaklum, tema perayaan Hari Ulangtahun keputeraan Junjungan Besar kita Muhammad S.A.W. ialah "Perpaduan Islam melalui Amalan". Tema ini merupakan sebagai lanjutan daripada hasil-hasil kejayaan Persidangan Kemuncak Negara-negara Islam

di Lahore baru-baru ini, di mana semangat perpaduan Islam mula dibuktikan dengan jelas dan nyata ke seluruh dunia. Saya percaya sekiranya hasrat umat Islam di seluruh dunia untuk mencapai perpaduan ini disusul dengan amalan dan tindakan-tindakan yang selaras dengan hasrat tadi, Insya Allah, tujuan kita untuk melihat lahirnya sebuah Commonwealth Islam yang menggabungkan seluruh umat Islam di dunia ini akan tercapai. Oleh yang demikian, saya menyeru umat Islam di Malaysia supaya memahami konsep "perpaduan" yang dikehendaki oleh ugama suci kita dan mengamalkan segala ajaran-ajaran yang dikehendaki oleh Islam itu.

Dalam bulan Jun ini, kita akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam sebagaimana yang diputuskan oleh sidang kemuncak di Lahore baru-baru ini. Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah bagi Persidangan itu adalah satu penghormatan besar oleh negara-negara Islam kepada negara kita. Oleh itu, saya suka menyeru kepada semua pihak yang terlibat dengan Persidangan itu supaya memberi sokongan dan Kerjasama sepenuhnya bagi menentukan kejayaan Persidangan yang penting itu.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia adalah bersungguh-sungguh dalam usahanya hendak memajukan ugama Islam di Negara ini. Baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan dua badan yang penting untuk mencapai tujuan tersebut iaitu pertamanya pembentukan Yayasan Dakwah Islam yang akan bertanggungjawab untuk menjalankan gerakan-gerakan dakwah keseluruh negara dengan cara lebih berkesan lagi.

Pada 1hb Februari, 1974 iaitu serentak dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan, Kerajaan mengumumkan pula penubuhan sebuah Majlis Ugama Islam bagi Wilayah Persekutuan ini. Majlis ini akan bertanggungjawab khusus mengenai pentadbiran dan segala hal ehwal kemajuan Ugama Islam dalam Wilayah Persekutuan. Saya berharap Majlis ini akan kelak dapat merumuskan langkah-langkah yang positif bagi meninggikan lagi syiar Ugama Islam di Malaysia amnya, dan di Wilayah Persekutuan ini khasnya menaikkan taraf dan kedudukan pegawai-pegawai dan guru-guru ugama supaya setanding dengan taraf dan kedudukan pegawai-pegawai awam yang lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Saudara-saudara sekalian.

Kita bersama-sama ingin melihat perubahan-perubahan dalam masyarakat Islam supaya berjalan seimbang dengan perubahan-perubahan sosio-ekonomi yang sedang pesat berlaku di Negara sekarang ini. Dengan demikian, rakyat Malaysia bukan sahaja akan teguh dan kuat di bidang ekonomi, politik dan sosial, tetapi juga di bidang keugamaan dan kerohanian. Untuk mencapai matalamat ini, marilah kita membaharui azam dan menjadikan peristiwa pagi ini sebagai langkah permulaan untuk menuju cita-cita itu. Semoga Allah akan sentiasa memberkati usaha kita itu.

Ampun Tuanku.

Patik memohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk bertitah kepada Perhimpunan ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH SASTERA TAHUN 1973 DI LAKE CLUB, KUALA LUMPUR PADA 13HB APRIL, 1974

Y.A.B. Datuk Hussein Onn,[1] Y.B. Tan Sri Ghazali,[2] Tuan Haji Sujak,[3] Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya sangat gembira dan bersyukur kerana sekali lagi pada malam ini kita dapat berhimpun di sini untuk meraikan para penulis kita yang karya-karyanya telah terpilih untuk diberi hadiah bagi tahun 1973.

Saudara-saudara tentulah masih ingat pada tahun lalu dalam majlis seperti ini di Sri Taman, saya telah menerangkan bahawa Hadiah Karya Sastra yang dimulakan semenjak tahun 1971 adalah sebagai incentive atau daya galakan untuk penulis-penulis kita berlumba-lumba mencipta karya-karya yang bermutu. Berdasar pada itulah hadiah diberi kepada karya-karya yang difikirkan baik dengan tidak mengira siapa penulisnya.

Pada masa ini saya lihat sudah ada di antara penulis-penulis kita yang semakin bersungguh-sungguh dalam usahanya. Maksud saya, penulis itu memberikan sumbangan terus menerus—constant—dan tetap menjaga nilainya. Dengan ini nyatalah langkah "incentive" yang telah berjalan selama tiga tahun itu telah mula menunjukkan kesan yang baik.

Saudara-saudara sekalian.

Saya fikir telah tiba masanya usaha penggalakan yang kita buat masa ini ditambah dengan usaha memberi penghargaan kepada para penulis peribadi, berdasarkan kepada sumbangannya yang "constant" dan bernilai sepanjang tahun. Di samping itu karya-karya yang didapati baik dari penulis-penulis yang sumbangannya tidak "constant" pun mestilah juga terus diberi hadiah seperti yang kita buat hingga sekarang.

---

[1] Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

[2] Y.B. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

[3] Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dengan adanya pandangan dan pendapat baru ini, saya membuat keputusan hendak merombak penal yang ada sekarang dan menubuhkan satu penal baru dengan tugas-tugas baru pula. Penal yang ada sekarang di bawah ketuaan Tan Sri Ghazali Shafie sudah memberikan jasa yang tidak ternilai menolong saya dan saya tidak dapat menyatakan betapa besarnya terimakasih saya kepada mereka atas jasa dan susah payah mereka itu. Tiap-tiap seorang daripada mereka berhak mendapat pujian dan sanjungan kerana jasa mereka dan dedikasi mereka kepada perkembangan dan kemajuan sastra kita.

Saya bercadang hendak mengumumkan satu penal baru dengan tugas baru tidak lama lagi.

Dalam pada itu, oleh kerana barangkali akan banyak penulis-penulis peribadi yang akan menerima hadiah penghargaan kelak maka saya rasa Dewan Bahasa yang menanggung perbelanjaan hadiah selama tiga tahun yang lalu tidaklah patut dibiarkan menanggung beban itu bersendirian. Saya suka mencadangkan supaya penerbit-penerbit yang besar seperti *Utusan Melayu*, The *New Straits Times* dan badan penulis yang besar seperti Gapena hendaklah menolong dengan memberikan hadiah kepada karya-karya yang terpilih setiap tahun. Hadiah kepada penulis perseorangan yang mendapat penghargaan atas dasar penilaian baru itu akan dikeluarkan oleh Dewan Bahasa yang akan juga bertanggung-jawab menerbitkannya.

Seterusnya saya akan tetap memerhatikan kemajuan kesusasteraan kita sehingga pada suatu masa kelak mungkin kita akan mengadakan pula hadiah penghargaan yang lebih tinggi darjatnya dan boleh kita gelarkan Anugerah Sastera. Ini adalah satu anugerah yang mungkin boleh disamakan dengan anugerah seni di negara-negara lain seperti Nobel Prize for Literature. Begitu juga kita bercadang akan meluaskan scope penghargaan kepada essay dan penerbitan seperti Pulitzer Prize di Amerika Syarikat.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum, negara kita adalah dalam proses pembangunan. Dalam lapangan sastera khususnya dan lapangan kebudayaan umumnya juga masih dalam peringkat pembangunan. Kita hendaklah melangkah dengan hati-hati tetapi pasti ke arah kemajuan yang dicita-citakan itu. Tiap-tiap golongan yang berjasa

dalam pembangunan sudah semestinya diberi penghargaan mengikut keadaan masa dan taraf sumbangan masing-masing.

Kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang sudah banyak bekerja meluaskan dan memajukan perkembangan sastera kita dan kepada Penal Sastera khususnya, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saya rasa Penal baru yang akan ditubuhkan tidak lama lagi sudah tentu akan bersekretariat di Dewan Bahasa juga.

Sebentar tadi, Tuan Haji Sujak, Ketua Pengarah Dewan Bahasa merayu minta bantuan kita sekalian. Maka itu saya dengan penuh ikhlas menyambung rayuan beliau itu. Berilah bantuan dan kerjasama kepada Dewan Bahasa dalam usaha-usahanya menggalakkan dan memajukan sastera kebangsaan kita. Saya akan menasihatkan pihak-pihak Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan supaya dapat memberikan cuti kepada kakitangannya yang akan diberi kesempatan oleh Dewan Bahasa melaksanakan tugas mereka sebagai penulis, atau untuk menerima latihan yang akan diaturkan oleh Dewan Bahasa dari semasa ke semasa. Begitu juga saya harap pihak-pihak swasta pun akan memberikan kerjasama.

Saudara-saudara sekalian.

Akhirnya, saya suka mengucapkan tahniah kepada penulis-penulis yang karya-karya mereka telah terpilih untuk diberi hadiah kali ini. Mudah-mudahan tahun depan ada di antara mereka akan menerima hadiah penghargaan peribadi keseluruhan sumbangannya tahun 1974 ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI ATAS USUL Y.B. TUN MUSTAPHA HUSSEIN MENGEMUKAKAN "AKTA PENGAKUAN FAEDAH-FAEDAH KEWANGAN AHLI-AHLI PARLIMEN 1974" DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 16HB APRIL, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya dukacita tidak dapat menerima usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah dan mencadangkan supaya usul itu ditolak sebagai perkara dasar—as a matter of principle.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan yang mulia ini adalah badan perundangan yang tertinggi dan teragung di negara kita ini bahkan di mana-mana negara jua. Maka itu ahli-ahli Dewan ini yang telah dipilih oleh rakyat dan memikul kepercayaan rakyat sudah tentulah orang-orang yang mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kemuliaan—in other words, persons of integrity and distinction. Dengan yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab mereka menjaga mertabat mereka sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga mertabat Dewan yang mulia ini.

Sebenarnya, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah menyentuh bahkan mempersoalkan sifat kejujuran dan kemuliaan ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Perkara ini telahpun ditimbulkan dalam Dewan Orang Ramai—House of Commons—di England oleh kerana beberapa hal yang berlaku dalam tahun-tahun di belakangan ini yang melibatkan ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri-menteri juga. Barangkali pula Ahli Yang Berhormat itu mendapat inspirasi dan ilham dari kejadian-kejadian itu selain dari peristiwa Watergate di Amerika itu.

Tuan Yang Dipertua.

Pada hemat saya, keadaan di negara kita terutama kedudukan Ahli-ahli Dewan ini sangatlah berbeza dengan kedudukan Ahli-ahli Parlimen di Britain. Seperti yang kita maklum, di Britain anggota-anggota Parlimen mendapat gaji penuh dengan bayaran yang tinggi oleh kerana mereka boleh dikatakan bekerja penuh masa selama lapan bulan dalam setahun dan sidang-sidang mesyuarat berlarutan

hingga jauh malam. Di negara kita, anggota-anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri hanya diberi elaun yang ditetapkan kecuali Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang mendapat gaji penuh di samping elaun itu. Oleh yang demikian, tentulah tidak adil bagi kita kalau menurut kehendak Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah itu membukakan maklumat mengenai kepentingan peribadi ahli-ahli Dewan ini kepada orang ramai.

Berkenaan dengan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri mereka adalah mempunyai peraturan yang tertentu. Mereka dikehendaki memberitahu Perdana Menteri dengan cara bertulis perusahaan-perusahaan atau interest yang mereka mempunyai sebelum menjadi Menteri. Pada masa menjadi Menteri mereka tidak dibenar menjalankan perniagaan atau perusahaan luar sebab mereka mendapat gaji penuh dan adalah dikehendaki menumpukan usaha dan tenaga kepada pekerjaan mereka pada setiap masa.

Seperti saya katakan tadi, mereka bukan mendapat gaji bahkan tidak dibayar secukupnya. Andaikata mereka dibayar gaji penuh seperti Menteri-menteri atau Timbalan Menteri, maka bolehlah mereka menumpukan penuh masa kepada tugas-tugas Parlimen dan mengelakkan dari pekerjaan untuk peribadi sendiri samada perniagaan atau secara professional.

Saya percaya amalan kita ini adalah adil dan wajar sekali dalam keadaan yang terdapat hari ini. Sekiranya ada hal-hal yang timbul untuk dibahaskan dalam Dewan ini yang melibatkan seseorang ahli, maka sepatutnyalah ahli itu menyatakan kepentingan dalam perkara itu. Dengan kata-kata lain, terpulanglah pada ahli-ahli semua mengikut amalan yang wajar dan saksama seperti yang lazim menurut prinsip demokrasi berparlimen.

Tuan Yang Dipertua.

Saya suka juga menegaskan di sini betapa mustahak dan pentingnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menjaga kedudukan dan mertabat mereka sebagai anggota Dewan yang mulia ini. Begitu juga adalah menjadi tanggungjawab Parti politik menjaga kedudukan dan mertabat ahli-ahli mereka. Sekiranya ada ahli-ahli yang menyalahgunakan kedudukan dan keistimewaan mereka, maka terpulanglah pada Parti politik yang berkenaan dan rakyat

mengambil tindakan yang sepatutnya terhadap ahli-ahli itu dan tidak memilih mereka lagi untuk mewakili mereka dalam Dewan ini.

Sayugia diingat dalam sistem demokrasi yang kita junjung tinggi ini pengawalan yang sebaik-baiknya dan secukupnya ialah rakyat sendiri. Mereka hendaklah menggunakan pertimbangan mereka dengan adil dan saksama dan hanya memilih sesiapa yang mereka benar-benar tahu orang yang jujur dan ikhlas hendak berkhidmat kepada rakyat serta mendapat kepercayan mereka sepenuhnya. Tegasnya, kita hendaklah meletakkan kepercayaan kita kepada rakyat dan pengundi-pengundi kerana merekalah yang menentukan siapa yang layak untuk mewakili mereka dalam Dewan yang mulia ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein menerima surat perlantikan sebagai Penaung Persatuan Doktor-doktor Pergigian Malaysia di Majlis Makan Malam tahunannya yang Ke 31 di Lake Club, Kuala Lumpur pada 19hb April, 1974

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN DOKTOR-DOKTOR GIGI MALAYSIA YANG KE TIGA PULUH SATU DI LAKE CLUB, KUALA LUMPUR PADA 19HB APRIL, 1974

Dr De Silva, Presiden MDA, Dif-dif Yang Terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pertama sekali, sukalah saya mengucapkan berbanyak terima-kasih kepada seluruh ahli-ahli MDA kerana sudi menjemput saya dan isteri saya menghadiri majlis yang permai malam ini. Lebih-lebih lagi, saya merasa gembira dan bangga atas peng-hormatan yang diberikan kepada saya sebentar tadi menjadi Penaung Persatuan ini dan juga ikrar taat setia Persatuan itu. Indeed, it is both an honour and privilege for me to be associated with the MDA even though—as the President remarked just now—I can only express my support by making an occasional visit to the Government Dental Clinic.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita sedia maklum bahawa perkhidmatan pergigian—dental service adalah satu cabang yang tidak kurang pentingnya dalam usaha kita membina masyarakat yang sihat dan maju. Memandang pada hakikat inilah maka Kerajaan telah berusaha meluaskan scope perkhidmatan itu sambil meninggikan mutunya supaya rakyat negara ini mendapat rawatan yang baik samada di bandar ataupun di luar bandar. Bagi tujuan inilah Kerajaan menambah kemudahan rawatan untuk sekolah-sekolah luar bandar oleh kerana amatlah penting dan mustahak kanak-kanak jenerasi muda mendapat rawatan itu dari sejak awal-awal lagi. Di samping itu, kita tidak ketinggalan menggunakan pendapat dan teknik moden iaitu men-jalankan projek water flouridation sebagai satu langkah untuk mengurangkan kerosakan gigi—dental cavies—di kalangan kanak-kanak. Dengan kejayaan pilot scheme di Kluang itu saya percaya projek ini boleh diperluaskan lagi untuk meliputi negeri-negeri di Semenanjung ini.

Begitu juga, seperti yang disebut oleh Presiden tadi, Fakulti Pergigian telahpun bermula di Universiti Malaya sebagai langkah

positif melatih tenaga doktor gigi yang diperlukan oleh negara. Selama ini kita terpaksa bergantung pada kemudahan-kemudahan latihan di luar negeri—seperti Singapura, Australia, New Zealand, Britain dan Indonesia, dan dengan adanya Fakulti Pergigian ini, saya berharap dalam tempoh dua tahun lagi—1976—negara akan mendapat angkatan pertama tiga puluh dua orang Graduate Dental Surgeons dari Fakulti itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya ingin juga menyentuh sedikit tentang keperluan tenaga doktor dan doktor pakar terutama buat masa ini sehingga kita sendiri dapat memenuhinya samada dari Fakulti Pergigian Universiti Malaya dan juga di Seberang Laut. Seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan sedang berusaha meluaskan scope perkhidmatan kesihatan gigi dan hingga tahun depan bila berakhir Rancangan Malaysia Kedua, tambahan sebanyak 262 Dental Clinic daripada mana 145 Clinic untuk luar bandar. Oleh yang demikian, sebagai langkah sementara, kita terpaksa mengambil tenaga dari luar negeri dan setakat ini seramai enam puluh empat orang Dental Surgeon telah berkhidmat dengan kita dari negara-negara sahabat iaitu Indonesia, Pakistan, United Arab Emirates and Korea.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada negara-negara sahabat yang telah bermurah hati membantu kita dalam hal ini. Terutama pula mengingat bahawa mereka berbuat demikian dengan mengorbankan kepentingan mereka sendiri yang tidak kurang mendesak tetapi rela menolong kita sebagai tanda persahabatan dan hubungan muhibbah antarabangsa. Demikian juga kita berterima kasih kepada negara-negara sahabat yang telah membuka peluang-peluang latihan di Universiti mereka untuk pelajar-pelajar kita yang mengambil jurusan pergigian itu. Saya harap semua pihak yang berkenaan terutama golongan professional memahami dasar Kerajaan tentang pengambilan tenaga doktor dan doktor gigi sebagai langkah sementara itu.

Dengan sumbangan bantuan dari negara-negara sahabat itu dan dengan adanya pengeluaran Graduate Dental Surgeons kita sendiri, saya percaya imbangan atau ratio yang lebih wajar 1:5000 akan dapat dicapai dalam tempoh yang tidak begitu lama. Dalam hal memberi perkhidmatan ini saya sangat berpuashati dengan kerjasama pihak swasta—private practitioners—membantu langkah dan

usaha Kerajaan. Barangkali ada juga baiknya kalau kedua-dua pihak ini boleh menimbangkan perkara khidmat luar waktu seperti yang dibuat oleh medical doctors pada masa ini. Kalau khidmat ini boleh dijalankan pesakit-pesakit gigi boleh mendapat rawatan pada bila-bila masa dan tidak kena menunggu hingga keesokan hari. We are only too familiar with the excruciating pain of tooth-ache particularly young children and in this respect the extension of service will be most welcome indeed.

Ladies and Gentlemen.

Your President just now also mentioned the visit to China last year by a sixteen member delegation from the MDA. A copy of his report on the tour was sent to me sometime ago which I can assure you made very interesting reading. I must congratulate Dr De Silva for his conscientious effort, complete with maps showing the routes taken by the group and the total distance covered during the two-week stay. Most interesting are his delectable remarks on the famous towns of Soochow and Hangchow which, as the old Chinese saying goes "are paradise on earth".

Ladies and Gentlemen.

After such a sumptuous dinner just now, I do not feel that I should talk too much. I would like, however, to end my remark by telling you an anecdote that I had come across—that Dentists too are not free from the oddities of human character.

There was this young lady, seating herself in the dentist's chair, she pulled from her finger a wedding ring of heavy gold with a delicately chased design. "I like to use this for filling my teeth, please," she said.

The dentist examined the ring. "Why I suppose that could be done. But this is an expensive ring, madam. Are you sure you wouldn't rather let me use our regular gold?"

"I am afraid not," the patient said regretfully. "You see, I promised my first husband, before his death three years ago, that I would always wear his wedding ring. I am getting married again next week, and the man I am going to marry has made me promise that I'll wear only his ring after the ceremony. This is the only way I can keep my promise to both of them."

Another one which I think you like is this.

An elderly Dentist and his wife had considerable difficulty teaching a new maid to answer the telephone properly. In spite of repeated instructions, she persisted in answering: "Hello," instead of "Dr Smith's residence". After many practice sessions, everything seemed to be all right. Then one morning the extension in the bedroom rang, and the maid, busy making the bed, grabbed the phone and blurted: "Dr Smith's bedroom".

Ladies and Gentlemen.

With that two episodes, I would like, once again, to thank all of you for giving me this honour to be with all of you here tonight. It has certainly been a delightful evening for both of us. May I wish the MDA continued success in its endeavours in the service of community.

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MENJAWAB TEGURAN-TEGURAN OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DI ATAS TITAH DI RAJA DI DEWAN RAKYAT PADA 22HB APRIL, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya ingin menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong ucapan terimakasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan titah ucapan di raja dalam Dewan yang mulia ini dan juga atas syor-syor mereka yang membina mengenai pelaksanaan dasar serta pentadbiran Kerajaan.

Dalam menjawab pandangan-pandangan yang didatangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon izin bercakap dalam Bahasa Inggeris apabila dirasakan perlu.

Tuan Yang Dipertua.

Saya bercadang hendak menjawab teguran-teguran di atas perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab saya sebagai Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan juga Menteri Kewangan. Perkara-perkara lain akan dijawab oleh Menteri-menteri yang bertanggungjawab. Berkenaan masaalah inflasi iaitu masaalah yang penting yang sedang kita hadapi pada hari ini, Timbalan Perdana Menteri akan menerangkan perkara ini dengan panjang lebar pada hari besok. Begitu juga pada hari besok, saya akan membuat statement terhadap langkah-langkah lanjut yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mengatasi masaalah inflasi.

Tuan Yang Dipertua.

Pertama sekali, saya suka ucapkan terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan[1] atas ingatan baik beliau itu mengajak saya tinggal di Sandakan apabila saya bersara kelak. Adalah benar seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa Sandakan mempunyai daya penarik dan keindahan alam semula jadi di samping potentialnya sebagai pusat perdagangan dan perindusterian yang terkemuka di negara kita

[1] Y.B. Datuk Peter Lo Su Yin.

pada masa hadapan. Cerita-cerita berkenaan kemewahan dan kekayaan hartawan Sandakan memang diketahui umum hingga menimbulkan jolokan sebagai legendary millionaires' town.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa kerja-kerja sudahpun mula dijalankan untuk membina lapangan kapalterbang yang baru untuk Sandakan bagi menggantikan lapangan kapalterbang yang ada sekarang, di samping penambahan kemudahan serta pembaikan pelabuhan kapal. Mengenai mahkamah pula, saya sukacita memberitahu beliau iaitu peruntukan sebanyak $410,000 telahpun dibuat bagi kerja-kerja membina serta memperbesarkan bangunan Mahkamah di Sandakan. Manakala kerja-kerja itu selesai kelak, saya percaya tidaklah lagi timbul masaalah Hakim dan Magistrate bergilir-gilir menggunakan bangunan itu.

Begitu jugalah berkenaan dengan pandangan beliau itu mengenai gaji Hakim-hakim kita, sebenarnya Kerajaan telahpun menambahkan keistimewaan kepada mereka dengan memperuntukan rumah percuma mulai 1hb April, 1974. Kalau tiada rumah disediakan, mereka layak pula menerima elaun rumah sebanyak $650 sebulan. Kemudahan baru ini pada hakikatnya menambah pendapatan Hakim-hakim kita itu dan saya fikir tidaklah mustahak Kerajaan menyemak tangga gaji mereka itu.

Mengenai cadangannya supaya Kerajaan menempatkan seorang "Resident Judge" di Sandakan, perkara ini bolehlah ditimbangkan apabila seorang Hakim baru dilantik kelak untuk bertugas di Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis[2] telah merayu supaya Pilihanraya Parlimen dan Pilihanraya Negeri di Sarawak diadakan serentak supaya tidak mendatangkan kesulitan kepada pengundi-pengundi di sana oleh kerana Sarawak negeri yang besar sedangkan kemudahan-kemudahan perhubungan sangat terbatas. Dalam hal ini saya percaya Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa mengambil berat tentang kepentingan serta kemudahan-kemudahan bagi pengundi-pengundi supaya mereka tidak menghadapi kesulitan semasa menjalankan hak asasi mereka sebagai pengundi.

---

[2] Y.B. Datuk James Wong Kim Min.

Berkenaan dengan pandangan beliau mengenai ucapan-ucapan Ketua Menteri Sarawak[3] berhubung dengan Brunei, sebagaimana yang telah saya terangkan di Dewan ini beberapa hari yang lalu, Ketua Menteri Sarawak telah membuat kenyataan-kenyataan demikian oleh kerana perbuatan dan tutur kata yang dikeluarkan oleh Seri Begawan sendiri.

In the light of Seri Begawan's provocative statements against Malaysia and Sarawak over Radio Brunei casting aspersions on Malaysian leaders in an attempt to further his so-called claim on Limbang, it is only fair and proper that the Chief Minister of Sarawak to react spontaneously to demonstrate the feelings of the Government and the people of Sarawak. I would expect the Hon'ble Member from Miri-Subis to identify himself closely with the Government on an important matter such as this when our sovereignty and territorial integrity is being challenged particularly the integrity of his own house area.

Saya suka sekali lagi mengulangi harapan semoga Sri Begawan sendiri menjauhkan dari perbuatan atau percakapan yang hanya akan menambah sulit dan meruncingkan keadaan hari ini.

Tuan Yang Dipertua.

Ahli dari Bandar Melaka[4] banyak membuang masa Dewan yang mulia ini dengan menimbulkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap Kerajaan mengenai para tahanan dan keputusan peperiksaan MCE baru-baru ini. Menteri-menteri yang berkenaan akan menjawab perkara ini. Namun Ahli itu, sebagaimana rakan-rakannya di sebelah sana dari Datuk Keramat,[5] sengaja tidak mahu faham mengenai langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan atas masaalah inflasi dengan tujuan supaya rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah tidak terlalu terhimpit oleh tekanan inflasi itu. Tektik yang dijalankan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak lain dari menangguk di air keruh dan hanya tahu memburuk-burukkan Kerajaan untuk berlagak sebagai pembela rakyat. Beliau hendak menunjukkan pandai dan bijaksananya dengan mengemukakan syor-syor yang mana sudahpun dijalankan oleh Kerajaan selama ini. Bahkan Kerajaan

[3] Y.B. Datuk Haji Abdul Rahman bin Yaakub.
[4] Y.B. Tuan Lim Kit Siang.
[5] Y.B. Tuan V. David.

telah berbuat lebih dari itu dan akan terus mencari langkah dan usaha supaya rakyat dapat menikmati kehidupan yang sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Batu[6] sekali lagi telah membangkitkan perkara pengambilan kakitangan ke dalam Perkhidmatan Awam yang katanya sangat memberatkan Bumiputra dari Bukan Bumiputra.

Dalam sidang yang lalu, saya telah menerangkan dengan panjang lebar serta memberi angka-angka pengambilan kakitangan ke dalam perkhidmatan awam yang jelas menunjukkan bahawa kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian Satu masih jauh tidak seimbang terutama dalam bidang professional. Saya tidak bercadang hendak mengulangi memberi angka-angka yang telahpun diberi itu dan memadailah saya menyatakan bahawa dalam memberi peluang-peluang pekerjaan, Kerajaan sentiasa memberikan contoh yang baik dan janganlah Ahli dari Batu hendak memperkecilkan usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk menjamin keadilan kepada semua pihak.

Berkenaan dengan pengambilan kakitangan oleh Badan-badan Berkanun, saya berpuas hati bahawa badan-badan tersebut mempunyai kakitangan yang menggambarkan kedudukan berbagai kaum di negara ini. Malahan di beberapa Badan Berkanun seperti LLN, Keretapi Tanah Melayu, EPF, NISIR, MARDI, MIS, MISC, FIDA, RRI, MRDC dan beberapa badan lagi, kakitangan peringkat tinggi kebanyakannya terdiri dari pegawai-pegawai bukan Bumiputra terutamanya dalam bidang teknikal dan pengurusan. Hanya di peringkat pertengahan dan rendah terdapat lebih sedikit pegawai-pegawai Bumiputra. Sekalipun ada rancangan-rancangan untuk merapatkan jurang antara pegawai-pegawai dalam Badan-badan Berkanun dengan pengambilan pegawai-pegawai Bumiputra, namun bilangan pegawai-pegawai bukan Bumiputra tetap lebih besar daripada pegawai-pegawai Bumiputra.

Ahli Yang Berhormat patut sedar bahawa selama beberapa tahun yang kebelakangan ini, terdapat keadaan yang tidak seimbang dalam kedudukan kakitangan Kerajaan. Apa yang kita lakukan pada masa ini ialah dengan tujuan membaikki keadaan ini supaya pembahagian pekerjaan benar-benar mencerminkan keadaan penduduk di negara kita. Oleh yang demikian,

[6] Y.B. Dr Tan Chee Khoon.

Ahli Yang Berhormat sepatutnya hendaklah melihat kepada kedudukan keseluruhannya dan tidak terlalu membesar-besarkan apa yang dikatakan pengambilan yang tidak adil ke dalam jawatan Kerajaan dalam tahun-tahun yang dikatakannya itu.

Tuan Yang Dipertua.

I am somewhat dismayed at the attitude shown by the Member from Batu should continuously harps on this issue in making his specious plea for the non-Malays in Government service. In this, he is enjoined by his colleague the Member from Datuk Keramat whose words and utterances in this August chamber tantamounts to what I would consider as political villainy. The allegations he made, to say the least, can only be the product of a bigoted and perverted mind.

If I need to remind the Member concerned, it is this August house three years ago which approved by an overwhelming majority the second Malaysia Plan embodying the New Economic Policy. And only five months ago this House approved, also with an overhelming majority, the Mid-Term Review of the Second Malaysia Plan. It is characteristic of the Member for Datuk Keramat to blind himself to such glaring facts which he persists with his perverted line of thinking that there is such thing as First Class and Second Class citizens in this country. The statistic of capital ownership and income distribution in the Mid-Term Review are there for everyone to see or unless the Member for Datuk Keramat himself cannot comprehend them.

With regard to the allegation that there is discrimination in promotion opportunities for non-Bumiputra officers, the Hon'ble Member's ignorance of fact or otherwise betrays his sinister motive. He need not have to go very far. In my own Department, namely the Economic Planning Unit, the General Planning Unit, the Public Service Department and also the Treasury, there are several non-Bumiputra officers who have reached their present posts by superseding many of their Bumiputra colleagues.

I need not reiterate the fact that a wide-gap still persists in the professional services between Bumiputra and non-Bumiputra officers. We all know that the position should be rectified but this should be done fairly and justly. It stands to the credit of our administrative and professional services that they are not easily

cajoled into believing the diatribes which the Hon'ble Member for Datuk Keramat saw fit to abuse this August House.

Mr Speaker, Sir.

It is interesting to note that while the Hon'ble Member from Datuk Kramat accused the Government of discriminating against the non-Bumiputras, at the same time, his colleague the Member from Batu was making an equally spirited accusation that the government was neglecting the Bumiputras. Now, who are we to believe? Surely both of them cannot be right and I can only suggest that as the leader of his Party, the Member from Batu should take action against his Party member for lack of discipline.

Tuan Yang Dipertua.

Dalam ucapannya yang sama juga, Ahli bagi Datuk Keramat telah menyentuh nama baik dan integrity serta cuba menjatuhkan darjat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Beliau turut menuduh Suruhanjaya itu mengemukakan soalan-soalan yang pada anggapan beliau stupid dan ridiculous. Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu perbuatan seperti iu bukan saja menyoal kebebasan Suruhanjaya itu bahkan juga membangkitkan soal perkauman. Patutlah difaham bahawa soalan-soalan yang dikatakan itu ialah untuk menguji pengetahuan am calun-calun yang ditemuduga itu setakat mana mereka mengambil berat tentang negara kita dan tahu hal ehwal Malaysia ini. Meskipun mereka ini rakyat Malaysia ada terdapat antara calun-calun itu yang tidak tahu siapakah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi tahu siapa dia Chairman Mao! Bagaimanapun soalan-soalan ini bukanlah dijadikan asas utama dalam pengambilan pegawai-pegawai kita tetapi hanya sebagai tambahan kepada kelayakan, pengalaman, integrity dan dedikasi calun-calun itu.

Tuan Yang Dipertua.

Ahli dari Batu selanjutnya telah menyebut juga tentang "weightage" yang terlalu berat diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Patutlah difaham, Suruhanjaya Pilihanraya adalah juga badan yang bebas dan di dalam menentukan sempadan-sempadan kawasan pilihanraya yang baru itu mereka menitik-beratkan dan memberi utama supaya terdapat perwakilan yang adil—fair representation—menurut sistem demokrasi yang kita

junjung tinggi itu. Oleh yang demikian, bukan saja jumlah pengundi itu dijadikan asas tetapi juga luas kawasan pilihanraya adalah sama dititikberatkan. Maka sudah sewajarnya Suruhanjaya Pilihanraya menjeniskan kawasan-kawasan pilihanraya kepada empat golongan—classified into four categories iaitu (*a*) Kawasan Metropolis, (*b*) Bandaran Besar, (*c*) Bandaran Kecil dan (*d*) Luar Bandar. Dengan itu jelas ternampak pembahagian pengundi mengikut category di atas. Sebagai contoh golongan (*a*) Ipoh mempunyai 42,000 pengundi dan meliputi lapan batu persegi. Negeri-negeri lain, terutama negeri saya Pahang, Kelantan, Trengganu, Perak dan Kedah, kawasan-kawasan di mana kemudahan perhubungan dan pentadbiran yang jauh kurang sempurna patut diberi weightage jika dibanding dengan kawasan Bandarannya.

Tuan Yang Dipertua.

Ahli dari Kuala Selangor[7] telah menyebut tentang Pegawai-pegawai Perubatan yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan kerana mereka tidak mendapat layanan yang baik. Dalam hal ini tentulah tidak adil dibandingkan pendapatan Pegawai Perubatan dengan doktor-doktor swasta tanpa mempertimbangkan elaun serta kemudahan-kemudahan lain yang diberi kepada Pegawai-pegawai Perubatan. Untuk pengetahuan Ahli yang Berhormat itu gaji permulaan Pegawai-pegawai Perubatan ialah $1,050 membawa kepada gaji maksima $1,800. Baru-baru ini Kerajaan telah bersetuju mewujudkan satu tingkatan baru dalam tanggagaji $1,500-$1,900. Dari situ mereka berpeluang naik ke pangkat superscale pula.

Selain dari itu, Kerajaan juga memberi elaun galakan atau incentive allowance iaitu Pegawai-pegawai Perubatan yang mendapat Diploma in Public Health ataupun Diploma in Industrial Health dibayar elaun galakan sebanyak $350 sebulan bagi tingkatan biasa dan $500 bagi tingkatan superscale. Elaun Pakar atau Specialist Allowance juga dibayar antara $400 hingga $1,200 sebulan bergantung pada tingkatan pegawai yang berkenaan.

Pegawai-pegawai Perubatan kita juga mendapat peluang yang luas untuk membuat post-graduate courses samada di Malaysia ataupun di luar negeri. Jadi nyatalah pada hemat saya kebimbangan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah begitu berat tetapi kalau Pegawai-pegawai kita ini masih hendak

[7] Y.B. Raja Nong Chik bin Raja Ishak.

meninggalkan perkhidmatan, itu adalah hak dan kebebasan mereka.

Akhir sekali, berkenaan dengan dakwaan yang ditimbulkan oleh Ahli dari Seremban Timur mengenai Pemandu-pemandu Ambulan dan Fire Brigade, perkara ini tidaklah benar kerana mereka itu telahpun mendapat perubahan gaji menurut perakuan Suruhanjaya Suffian. Berkenaan dengan pegawai-pegawai Felda, perkara ini sedang dalam pertimbangan menurut perakuan Suruhanjaya Harun yang baru saja megemukakan lapurannya kepada Kerajaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI MENGENAI LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCEGAH INFLASI DI DEWAN RAKYAT PADA 23HB APRIL, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar inflasi ialah satu masaalah yang utama yang dihadapi oleh negara hari ini. Seperti yang ditegaskan dengan nyatanya dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang sedang dibahaskan dalam Dewan ini "Kerajaan sedang dan akan terus mengambil tindakan-tindakan yang tegas bagi mengawal inflasi dan mengurangkan kesusahan rakyat". Tun Tan Siew Sin juga telah menyatakan bahawa masaalah inflasi ialah masaalah ekonomi yang utama dan ianya akan terus menjadi masaalah yang besar untuk beberapa ketika.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, di dalam Ucapan penggulung Perbahasan Belanjawan tahun lalu, saya telah menyatakan bahawa Kerajaan akan terus mengambil tindakan untuk mengawal arahaliran inflasi. Saya juga menyatakan bahawa tindakan Kerajaan terhadap masaalah inflasi tidak boleh dianggap sebagai satu langkah untuk sesuatu masa sahaja. Saya menegaskan pada waktu itu bahawa kita seharusnya memerhatikan selanjutnya keadaan itu dengan teliti dan bertindak dari semasa ke semasa secara dasar jangka panjang kerana itu adalah dan semestinya merupakan satu latihan yang bercorak terus-menerus.

Dalam beberapa bulan yang lalu Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal masaalah inflasi. Pada bulan Jun tahun lalu ringgit Malaysia telah diapungkan ke atas. Pada bulan Oktober Kerajaan telah memberi elaun bantuan khas sementara kepada kakitangannya yang berpendapatan rendah dan langkah ini telahpun mula diikuti oleh pihak swasta. Mulai dari tahun ini Kerajaan akan membantu murid-murid yang miskin daripada semua sekolah untuk membeli buku-buku teks. Kerajaan juga telah mengetatkan dasar kewangan dari semasa ke semasa. Cukai impot ke atas berbagai-bagai barangan, terutama ke atas barang-barang keperluan, telah ditarik balik samada dengan sepenuhnya atau sebahagian darinya dan beberapa penyekatan ekspot dikenakan. Satu kempen anti sorok sedang dilancarkan di seluruh

negara. Kempen yang bertujuan untuk mencegah peniaga-peniaga yang mahukan keuntungan berlebihan di atas barang-barang keperluan ini telah dimulakan baru-baru ini dan sedang berjalan dengan baiknya. Saya berasa gembira kerana orang ramai sedang memberi kerjasama kepada Kerajaan dan kempen ini telahpun mencapai hasil yang memuaskan. Kerajaan juga telah memberi subsidi yang besar jumlahnya untuk barang-barang keperluan dalam bulan-bulan yang baharu lalu. Subsidi-subsidi ini termasuk cukai-cukai dan duti-duti yang dimansuhkan telahpun dianggar melebihi 400 juta ringgit di dalam tahun 1974. Adalah dijangkakan bahawa jumlah subsidi ini akan bertambah lagi pada penghujung tahun ini apabila kita terpaksa mengimpot baja-baja untuk di-bekalkan kepada petani-petani kita.

Tidak syak lagi bahawa kita telah menjalankan langkah-langkah anti-inflasi dengan berhati-hati dan tegasnya dengan mengambil ingatan bahawa perkembangan sosio-ekonomi dan pembahagian pendapatan yang lebih memuaskan perlu dicapai. Walaupun langkah-langkah ini agak meliputi, adalah jelas bahawa banyak lagi harus dilaksanakan bagi meredakan di mana boleh kadar inflasi yang makin bertambah. Seperti yang telah saya nyatakan dahulu, inflasi adalah satu masaalah yang dihadapi oleh seluruh dunia. Oleh yang demikian, kita tidak terdaya untuk menyekat dengan sepenuhnya inflasi yang diimpot itu.

Berkenaan dengan kedudukan antarabangsa, data-data mengenai kadar inflasi tidak begitu menggalakkan. Amerika Syarikat baharu-baharu ini mengalami kenaikan kadar inflasi dua angka bagi pertama kali semenjak tahun 1948. Pada masa yang sama harga-harga pemborong di Jepun meningkat lebih dari 35%.

Angka tunjuk harga pengguna di dalam negeri dianggarkan telah bertambah sebanyak 24% di dalam bulan Mac tahun ini berbanding dengan masa yang sama tahun sudah. Harga-harga ekspot masih lagi tinggi.

Bekalan wang yang telah bertambah sebanyak 33% pada tiap-tiap bulan di dalam tahun 1973 berbanding dengan bulan-bulan yang sama pada tahun 1972 masih lagi meningkat. Di dalam suku pertama tahun ini, ianya telah bertambah sebanyak 33% berbanding dengan masa yang sama tahun lalu. Pertambahan bekalan wang pada awal tahun ini adalah tidak seimbang dengan pertambahan Keluaran Negara Kasar yang diramalkan untuk tahun 1974. Oleh itu kita mendapati keadaan di mana terlalu banyak

wang yang beredar berbanding dengan jumlah barang-barang yang ada! Sebahagian besar dari pertambahan bekalan wang ini adalah disebabkan oleh harga-harga barangan ekspot yang amat tinggi.

Di dalam tahun 1973, harga-harga getah, kelapa sawit dan bijih timah masing-masing meningkat sebanyak 76%, 51% dan 10%. Di dalam suku tahun pertama tahun ini pula, harga-harga getah, kelapa sawit dan bijih timah telah bertambah sebanyak 85%, 133% dan 65% berbanding dengan masa yang sama tahun sudah. Walaupun penerimaan ekspot adalah amat tinggi dengan tambahan sebanyak 2.5 billion ringgit pada tahun sudah, jumlah ini dijangka akan bertambah lagi sebanyak 11% ke lebih kurang 9 billion ringgit tahun ini. Kesan penerimaan ekspot ke atas harga-harga dalam negeri akan difahami apabila disedari bahawa sektor ekspot adalah merupakan 50% dari Keluaran Negara Kasar dalam tahun 1973 berbanding dengan 41% di dalam tahun 1972.

Oleh kerana penerimaan dari ekspot dan bekalan wang yang tinggi dan dijangka akan bertambah, tindakan selanjutnya perlu diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang untuk meredakan tekanan inflasi. Memandangkan hal yang sedemikian, saya akan kemukakan sekarang langkah-langkah belanjawan dan kewangan untuk mencapai matalamat itu.

Langkah-langkah Cukai

Adalah dicadangkan struktur-struktur duti yang sekarang ini dikenakan pada getah, minyak kelapa sawit dan bijih timah dipinda mengikut cara-cara seperti berikut:—

(i) sercaj ekspot atas getah digantikan dengan sercaj baharu yang lebih progresif,

(ii) kadar duti ekspot atas minyak kelapa sawit di tingkat harga yang melebihi 800 ringgit setan dijadikan lebih progresif lagi,

(iii) selain daripada itu, suatu sercaj dikenakan juga ke atas minyak kelapa sawit, dan

(iv) suatu sercaj ekspot diadakan untuk bijih timah.

Butir-butir mengenai perubahan-perubahan cukai yang dicadangkan ini ada terkandung di dalam perintah-pertintah kastam yang akan diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sedikit masa lagi.

Sercaj Ekspot ke atas Getah

Pada masa ini getah dikenakan sercaj apabila harganya melebihi 60 sen sepaun. Kadar sercaj bertambah secara progresif dari $\frac{1}{8}$ hingga 2 sen sepaun apabila getah berharga di antara 60 dan $62\frac{1}{2}$ sen sepaun. Kadar ini tidak berubah daripada 2 sen sepaun apabila harga getah melebihi $62\frac{1}{2}$ sen sepaun.

Adalah dicadangkan sekarang sercaj ini digantikan dengan suatu struktur duti yang lebih progresif. Seperti sercaj yang ada sekarang juga, sercaj yang baru ini akan mula dikenakan apabila harga getah melebihi 60 sen sepaun. Bagitu juga kadar-kadar adalah sama dengan yang ada sekarang ini apabila getah berharga di antara 60 dan 70 sen sepaun. Apabila harga getah melebihi 70 sen sepaun, suatu sercaj yang progresif akan dikenakan mengikut formula-formula yang terkandung di dalam perintah duti kastam yang berkenaan. Dengan secara ringkasnya, di bawah struktur kadar yang baru ini, jumlah sercaj yang kena dibayar ke atas tiap-tiap sepaun getah yang dieksepot akan bertambah secara progresif dari 2 hingga hampir 13 sen bila harganya melebihi 70 sen tetapi tidak melebihi seringgit 30 sen sepaun. Apabila harganya lebih daripada seringgit 30 sen sepaun suatu kadar rata sebanyak 10 peratus akan dikenakan. Sebagaimana dapat diperhatikan, sercaj yang dicadangkan itu jika dibandingkan dengan sercaj yang ada sekarang ini mengenakan beban cukai yang lebih berat lagi apabila harga getah hanya melebihi 70 sen sepaun.

Adalah dianggarkan bahawa perubahan ini akan menambahkan hasil sebanyak lebih kurang 87 juta ringgit setahun berdasarkan harga purata sebanyak 82 sen sepaun.

Duti Eksepot dan Sercaj Eksepot ke atas Minyak Kelapa Sawit

Kadar-kadar duti eksepot bagi minyak kelapa sawit yang ada sekarang ini berubah mengikut harga. Adalah difikirkan bahawa kadar ini tidak begitu progresif pada peringkat harga yang tinggi. Dengan itu adalah dicadangkan kadar duti yang dikenakan pada harga yang melebihi 800 ringgit setan itu dipinda. Pada masa ini kadar sut maksima yang dikenakan pada harga tersebut ialah hanya 30 peratus sahaja. Kadar-kadar baharu yang dicadangkan ialah apabila harga melebihi 800 ringgit setan kadar duti sut akan dinaikkan sebanyak 5 peratus bagi tiap-tiap kenaikan harga sebanyak 100 ringgit sehingga harga mencapai setinggi 1,500 ringgit. Selepas itu kadar duti sut akan ditambah sebanyak 15 peratus.

Selain daripada cadangan yang baru sahaja saya sebutkan tadi adalah juga dicadangkan untuk mengenakan suatu sercaj eksepot ke atas minyak kepala sawit. Sebagaimana boleh dilihat daripada perintah duti kastam yang berkenaan, apabila harga minyak kelapa sawit melebihi 500 ringgit tetapi tidak melebihi 650 ringgit setan, duti akan dikira mengikut formula-formula tertentu. Selepas itu suatu kadar rata sebanyak 2 peratus akan dikenakan.

Kedua-dua langkah ini akan mendatangkan hasil tambahan sebanyak lebih kurang 32 juta ringgit dalam suatu tahun berdasarkan harga purata sebanyak 1,000 ringgit setan.

Sercaj Eksepot ke atas Bijih Timah

Adalah juga difikirkan bahawa struktur duti ekspot ke atas bijih timah yang ada pada masa ini patut dipinda supaya menjadi lebih progresif lagi. Sungguhpun duti sekarang ini berubah mengikut harga, tetapi kadar efectifnya kekal pada 12 peratus bagi tingkat harga yang melebihi 388 ringgit 38 sen sepikul. Oleh itu adalah dicadangkan supaya suatu sercaj eksepot diadakan untuk bijih timah. Sercaj ini akan dikenakan apabila harga melebihi 700 ringgit sepikul mengikut formula-formula seperti tersebut di dalam perintah duti kastam yang berkenaan. Sebagaimana dapat diperhatikan tingkat harga itu jelaslah melebihi harga purata bijih timah yang diperolehi di dalam beberapa tahun yang lalu. Mengikut formula-formula baharu yang dicadangkan ini, sercaj akan berubah dari satu peratus pada harga 800 ringgit sepikul hinga 5 peratus pada harga 1,200 ringgit sepikul. Adalah dianggarkan bahawa jumlah hasil tambahan yang akan diperolehi daripada langkah cukai baru ini ialah sebanyak lebih kurang 23 juta ringgit dalam satu tahun berdasarkan pada harga purata tahunan bijih timah sebanyak 900 ringgit sepikul.

Semua perubahan-perubahan cukai yang disebutkan tadi akan mendatangkan hasil tambahan berjumlah lebih kurang 142 juta ringgit dalam satu tahun. Jumlah ini hanya merupakan lebih kurang 2.8 peratus daripada jumlah anggaran pendapatan eksepot dari getah, minyak kelapa sawit dan bijih timah dalam tahun 1974, dan hanya lebih kurang sebanyak 35.5 peratus daripada anggaran jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dalam berbagai program subsidinya.

Satu lagi langkah yang sedang dipertimbangkan oleh Perbendaharaan ialah kemungkinan untuk menukarkan tahun asas bagi mengira cukai pendapatan dan cukai tambahan pendapatan dari

tahun yang telah berlalu ke tahun semasa. Ini bermakna cukai pendapatan akan dikenakan pada tahun semasa pendapatan itu diperolehi. Dasar ini akan mempercepatkan reaksi di antara perubahan di dalam pendapatan dan pemungutan cukai. Perkara ini adalah penting di dalam keadaan inflasi apabila pendapatan adalah tinggi dan lagipun dasar ini akan menyenangkan pihak Kerajaan untuk menyerap mudahtunai yang berlebihan dalam ekonomi.

Berkenaan dengan kedudukan perbelanjaan, Kerajaan akan memotong atau menangguhkan projek-projek yang tidak perlu dan tidak ekonomikal. Pembinaan-pembinaan yang tidak begitu penting di dalam sektor-sektor awam dan swasta harus ditangguhkan. Misalnya, setengah-setengah projek seperti Dewan Keadilan (Palace of Justice), dan Panggung Kebangsaan (National Theatre) boleh ditangguhkan untuk sementara waktu. Kita bercadang untuk mengadakan satu kempen jimat cermat dan jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun adalah diharapkan mengambil peranan utama dan menunjukkan contoh dalam hal ini. Perbelanjaan tambahan bagi tahun ini tidak akan dibenarkan melainkan dalam kes-kes luarbiasa. Perbelanjaan berkenaan dengan perayaan-perayaan dan perbelanjaan ke atas projek-projek yang tidak akan menambahkan daya pengeluaran (productive capacity) harus dikurangkan lagi. Saya juga ingin menyeru kepada pihak swasta supaya mengikuti langkah jimat-cermat ini.

Dasar kewangan perlu diketatkan lagi sekiranya kita hendak mencapaikan kesetabilan kewangan dan juga mempercepatkan kemajuan ekonomi. Oleh yang demikian kadar bunga haruslah dinaikkan lagi. Kadar bunga bagi simpanan tetap yang berjangka sembilan dan dua belas bulan akan dinaikkan sebanyak satu titik peratusan manakala kadar bunga bagi simpanan tabungan akan dinaikkan dari $5\frac{1}{2}$ kepada $6\frac{1}{2}$ peratus.

Satu sumber yang penting di dalam pertambahan bekalan wang datangnya dari kenaikan arahaliran pinjaman dan pendahuluan dari bank. Oleh itu adalah diputuskan bagi menghadkan kadar pertumbuhan dalam pinjaman dan pendahuluan dalam tahun ini ke 20 peratus melebihi peringkat 4,867 juta ringgit pada bulan Disember 1973. Pinjaman dan pendahuluan yang diberikan oleh bank perdagangan pada bulan Disember 1973 ialah tidak kurang dari 53% daripada jumlah pendahuluan pada bulan Disember 1972. Bank-bank perdagangan adalah diharapkan memberi keutamaan kepada pengeluaran terutama dari sektor-sektor yang

kini menemui masaalah-masaalah daya pengeluaran (capacity). Perbelanjaan-perbelanjaan bagi spekulasi dan ke atas barang-barang yang bukan perlu tidak akan digalakkan. Selain dari itu, syarat bagi bank-bank perdagangan untuk melaburkan sebahagian dari simpanan tabungannya dalam pinjaman-pinjaman kecil di bawah Rancangan Jaminan Keredit akan dinaikkan dari 3 ke 5 peratus. Kadar-kadar bunga yang dicadangkan untuk bank-bank perdagangan akan dicerminkan di dalam kadar-kadar meminjam dan pinjaman oleh syarikat-syarikat meminjam yang tidak dikenakan had maksima dalam kadar-kadar bunganya. Tambahan lagi kadar pertumbuhan dalam pinjaman oleh syarikat-syarikat kewangan yang dilesenkan sebagai syarikat-syarikat meminjam dalam tahun 1974 akan dihadkan ke 25 peratus melebihi peringkat 615 juta ringgit pada bulan Disember 1973.

Sebahagian daripada langkah-langkah belanjawan dan kewangan yang meliputi seluruh negara memerlukan tindakan dari orang ramai. Inflasi tidak dapat dikawal oleh Kerajaan sahaja. Sekiranya seluruh rakyat benar-benar hendak mengawal inflasi, maka semua golongan masyarakat haruslah memberi sumbangan masing-masing. Pihak Kerajaan akan memberi peluang kepada rakyat bagi memainkan peranan mereka di dalam mana-mana keadaan yang mengizinkan. Oleh yang demikian, kemudahan-kemudaan bagi simpanan tabungan untuk sektor luar bandar dan bandar akan ditambah lagi.

Dengan bertambahnya pendapatan dari ekspot, pekebun-pekebun kecil getah terutamanya, dan pihak-pihak lain yang ada hubungan dengan getah, kelapa sawit dan pengeluaran bijih timah boleh digalakkan untuk menambahkan lagi simpanan mereka. Harga-harga barangan yang tinggi ini tidak mungkin berterusan. Oleh yang demikian adalah perlu bagi menambahkan simpanan pada masa sekarang supaya ianya dapat digunakan untuk tujuan-tujuan yang lebih berfaedah apabila kumpulan wang itu diperlukan nanti. Oleh sebab itulah maka kadar-kadar bunga akan dinaikkan dan pinjaman-pinjaman untuk tujuan-tujuan yang tidak penting perlu dikurangkan.

Salah satu daripada langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan di dalam konteks ini ialah mengadakan satu kempen untuk menambahkan simpanan di seluruh negara dan ini termasuk cadangan untuk menukarkan corak Bank Simpanan Pejabat Pos kepada Perbadanan Tabungan Kebangsaan. Manakala

simpanan tabungan dengan bank-bank perdagangan telah meningkat empat kali ganda dari 1964 ke 1973, simpanan di Pejabat Pos telah bertambah dua kali ganda sahaja. Keadaan ini berlaku walaupun bilangan pejabat-pejabat pos dengan kemudahan-kemudahan simpanannya telah bertambah dengan lebih pesat apabila dibandingkan dengan kadar pertumbuhan cawangan-cawangan bank perdagangan. Oleh itu adalah nyata bahawa organisasi Bank Simpanan Pejabat Pos harus dikaji semula dan diperkuatkan untuk memberi lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan dan menyenangkan simpanan tabungan oleh rakyat.

Banyak telah dibuat di masa-masa yang lampau untuk mencegah inflasi. Langkah-langkah baru ini yang termasuk langkah-langkah kewangan dan belanjawan akan mengurangkan lagi arahaliran kenaikan harga di dalam negara ini. Saya percaya pengkritik-pengkritik tentu bersetuju bahawa Kerajaan ini telah mengambil banyak langkah-langkah yang berani untuk mengawal inflasi. Walau bagaimanapun, orang ramai mestilah memainkan peranan mereka juga supaya usaha-usaha kita dapat memberi kesan-kesan yang dikehendaki. Perbelanjaan ke atas barang-barang mewah dan yang bukan perlu tidak akan digalakkan dan kita mesti berjimat-cermat di dalam kehidupan kita sehari-hari. Sekiranya rakyat tidak sanggup mengurangkan perbelanjaan, maka adalah susah bagi Kerajaan untuk mencegah inflasi. Seperti kebanyakan masaalah-masaalah yang kita hadapi di dalam kehidupan sehari-hari, kita tidak boleh bergantung kepada usaha-usaha Kerajaan semata-mata. Kita harus cuba berdikari dan jangan bergantung hanya kepada Kerajaan bagi mengelakkan kesan-kesan buruk inflasi.

Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini dan seluruh negara bahawa Kerajaan telah memutuskan dengan tegasnya dan berazam untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu bagi mencegah inflasi. Kita akan terus mengkaji keadaan sekarang dengan berhati-hati dan teliti dan akan mengambil tindakan selanjutnya apabila keadaan memerlukan. Di dalam usaha yang berterusan bagi mencegah kenaikan harga ini saya ingin menyeru semua rakyat amnya, dan masyarakat perniagaan khasnya, supaya menyumbangkan kerjasama serta persefahaman dan sokongan mereka untuk membolehkan negara kita mencapai pertumbuhan ekonomi di dalam konteks kestabilan kewangan. Saya tidak ragu-ragu bahawa dengan usaha bersama di antara pihak Kerajaan dan rakyat, kita akan dapat menyelesaikan masaalah inflasi ini di dalam satu masa yang berpatutan.

ADDRESS BY THE PRIME MINISTER AT THE SEVENTH ANNUAL MEETING OF THE ASIAN DEVELOPMENT BANK AT HILTON HOTEL, KUALA LUMPUR ON 25TH APRIL, 1974

Mr Chairman, Hon. Mr Chavan; Mr Inoue, President of Asian Development Bank, Distinguished Ministers, Your Excellencies, Ladies and Gentlemen.

I consider it both an honour and a privilege to address this assembly and to officially declare open this Seventh Annual Meeting of the Asian Development Bank. Indeed, we in Malaysia are singularly proud to be hosts to this distinguished gathering of Finance Ministers, Central Bankers and financial leaders of member countries of ADB especially since this is the first time the ADB Annual Meeting is held in our capital city of Kuala Lumpur. On behalf of the Government and people of Malaysia, I wish you all "Selamat Datang" and a pleasant stay in our country.

Ladies and Gentlemen.

Malaysia has been closely and actively associated with the Asian Development Bank since its inception in 1966—an association that has been both satisfying and beneficial to us. During these intervening years, we have seen the Bank grow in stature among the Development Financing institutions of the world. The ADB has been a catalyst in facilitating and promoting regional cohesion and co-operation, particularly here in Southeast Asia.

I would like to take this opportunity to pay tribute to you, Mr President, the Board and its staff for the important contribution that the ADB is making to the welfare and progress of the millions of people in the developing panorama of Asia. I would also like to pay our tribute to the first President Mr Watanabe, for his invaluable services in guiding the ADB during its formative years. Needless to say, in each of our countries, we see the imprint of the ADB in the transport and communications networks, in power generation, in water supplies and in industrial and agricultural development. It is obvious that the Bank has made tremendous strides in fulfilling the objectives for which it was founded eight years ago.

In particular, I would like to commend the Bank, for its initiative in establishing the Asian Development Fund—a Fund designed to enable the Bank to undertake concessional lending to countries on a significant scale. We will realise the magnitude of the challenge in bringing to the teeming millions in Asia hope and, more important, tolerable decency and comfort. The paradoxical situation and indeed the inequity of poverty amidst such plentiful resources as in Asia must not be permitted to continue for much longer. Governments of the region must therefore endeavour to make real efforts to formulate bold and imaginative plan to rectify this paradox.

At the same time, they must be assisted by international and regional institutions, as it is beyond the ordinary capacity of many Governments to mount such an effort. The human and financial resources to plan and implement the vital programmes are often in critical short supply; while the ability of a number of countries to service any sizeable external debt is also severely constrained. A strategy of development assistance which combines concessionary lending, grants of technical assistance for projects and training is, therefore, one of high priority for these countries. The ADB, being a regional institution and with several years of experience, is in the best position to undertake such a role. The establishment of the Asian Development Fund, is, therefore, a positive and a welcome step in enabling the Bank to fulfill this important role.

I would like to express our appreciation to the fourteen developed member countries of the Bank for pledging contributions amounting to US$525 million towards this Fund up to 1976. Admittedly, this is a far cry from what the Fund would need to make a visible impact considering the overall requirements of member nations. But it is a good start, and one which can be built upon as programme commitments grow. We do hope that the developed countries will become increasingly convinced of the value of dedicating at least a small fraction of the increaments in their national incomes to this Fund. It is also desirable that the contributions to this Fund should be in united resources. This would be entirely consistent with the Official Development Assistance targets under the U.N.'s Second Development Decade. The satisfaction of being able to alleviate the poverty, malnutrition and poor health of millions of fellow human beings, besides the promise of increased trade and investments, must itself be sufficient recompense for their efforts.

Ladies and Gentlemen.

The ADB has been operational for more than six years now and I believe that the time has come for the Bank to operate much more fully as a Development Bank. As a regional institution, the Bank needs to address itself to the full perspective of the development problems and needs of the region. On this basis, a new Design for Development Assistance by the Bank must be urgently formulated.

A design:

* which recognizes poverty, the inequitable distribution of income and opportunity, unemployment and low levels of living and nutrition as the challenges of development in the region which require priority attention;
* which enables countries to cope with instability in their export earnings, basically from primary commodities, so that planning can proceed on an orderly and confident footing;
* which strengthens production and raises productivity in food and materials, to overcome recurring shortages;
* which facilitates the emergency of intra-regional and sub-regional links and cohesion; and
* which responds quickly and imaginatively to bottlenecks in planning and implementation in developing countries.

It is desireble that we should telescope time in our efforts to resolve the problems of poverty and social injustice prevailing in our respective countries.

The establishment of the Asian Development Fund and the strengthening of the Technical Assistance and Training sections within the Bank are steps very much in the right direction in such a Design for Development Assistance.

However, this larger perspective, within which the operations of the Bank need to be set, requires more than concessionary finance and project-related Technical Assistance. A Development Bank approach, which helps in the development process and responds effectively to the priority objectives of developing nations themselves, obviously will need operational guidelines and lending criteria which differ markedly from the purely commercial

approach. The focus of activities and loans will have to be sharpened considerably to channel assistance to priority areas of attention within the member countries.

Ladies and Gentlemen.

I need not stress that social development and programmes designed to bring about equal opportunities among our peoples are admittedly new areas for lending operations anywhere; but they are, nevertheless, vital goals for progress in the developing countries. The Bank must necessarily show a strong commitment to these objectives and a degree of flexibility in the appraisal of projects which do not meet normal financial criteria. Many of the priority projects aimed towards social development and equity objectives would, in themselves, be fully viable from the standpoint of normal evaluation criteria, but there would be a good many cases where the benefits are indirect and the pay-off period particularly long. But, from the point-view of real improvements to the quality of life and life opportunities for the chronically disadvantaged and the poor—that is, the benefits in terms of enhancing the resilience of society, satisfying pressing social needs and promoting equality of opportunity—they are of the highest priority to national Governments and the international community. In short, the Bank would have to look much beyond the boundaries of pure economics and finance in the evaluation of these projects.

And, as time is the essence, it should always be able to respond in a timely manner to the emerging needs of developing countries in this region. I am convinced that national Governments and international agencies will increasingly be judged by the extent to which they respond positively to such needs.

Indeed, if a broader and more flexible approach to lending were taken, I would think that the profile of the Bank's lending and activities would look significantly different from those of today. Lending for infrastructure development would continue on a large scale, but education and health as well as related projects such as development of smallholder agriculture, livestock development, fisheries and the like would loom large in the activities of the Bank.

Added to this perspective of increasing need, is the problem of inflation, the shortage of materials and the energy crisis. This

phenomenon demonstrates in a very stark manner the great interdependence of nations, large and small, in the world economy. Many countries, which for long enjoyed a remarkable degree of price stability, are now faced with spectre of inflation.

We in Malaysia too have been affected. Inflation in the industrialised countries, on which we depend for imports, world shortages of food, fuel, fiber and vital materials and international monetary instability have all led to severe price increases, which have imposed yet another strain on developing countries. Continuing rise in import costs will further deteriorate the balance of payment for the developing world. The strength and outcome of the development effort are in jeopardly of being substantially eroded, if no assistance is given to national governments in their fight against inflation. Shortages of food and materials appear to be occurring with increasing frequency and the inherent crisis are a nightmarish experience for the countries exposed to them. The poorer countries exposed to the fortunes of the world market can ill-afford the devastating repercussions.

Ladies and Gentlemen.

As I said earlier, the Asian Development Bank is in the best position to render assistance in these circumstances. Assistance from the Bank, in conjunction with other specialised agencies, which helps to boost the capacity of member countries to produce these critical requirements of food, fertiliser, fuel and materials is clearly a matter of high priority. The ADB can and must assist member countries in making significant breakthroughs in this regard.

With regard to energy resources, there is urgent need for technical and capital assistance in implementing effective national policies focussing on the development, use and conservation of energy. Similar assistance in the orderly exploitation of the rich natural resources of forestry and minerals is another high priority area.

This adds a new dimension to the Design for Development Assistance. It would go a long way to fulfill the priority needs of our developing world. Equally important, I think, is that these efforts will help substantially in resolving the problem of poverty and instability afflicting us and improve our capability to plan and implement economic programmes in an orderly and consistent manner.

The objective in all this is to bring to our peoples significant improvement in their standard of living so that they can enjoy their rightful place in the world community. This is the goal to which the ADB, and other international agencies—a goal in which we in the developing world are deeply committed. Let us, therefore, get on urgently with the definition of this new Design for Development Assistance and putting this Design into operation.

Mr Chairman, Ladies and Gentlemen, it has been a privilege for me to share these thoughts with you all here today. For us in Malaysia, it is a real pleasure to have you all with us even though for a brief period. I do hope that you will have a fruitful and enjoyable stay in our country.

It now gives me a real pleasure and privilege to declare this meeting open and to wish you all a successful and fruitful conference.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN WAKIL-WAKIL BADAN-BADAN DAKWAH ISLAMIAH SELURUH MALAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 29HB APRIL, 1974

Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Saudara-saudara Pemegang Amanah Dakwah Islamiah, saudara-saudara sekalian yang hadir.

Assalamualaikumwarahmatulahi Wabarakatuh!

Saya bersyukur ke hadzrat Allah Subahanahu Waataala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita dapat mengadakan perjumpaan hari yang dihadiri oleh wakil-wakil badan-badan dakwah Islamiah dari seluruh negara, dan juga wakil-wakil dari Majlis Ugama Islam Negeri-negeri. Perjumpaan kita hari ini merupakan satu titik kemajuan yang penting semenjak Yayasan Dakwah Islamiah dirasmikan pembukaannya pada 1 Muharram yang lalu.

Perjumpaan kita hari ini ialah julung-julung kali diadakan yang menghimpunkan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat dalam kegiatan dakwah iaitu usaha suci yang diberkati oleh Allah s.w.t. Saya mengucapkan tahniah kepada Y.B. Tan Sri Syed Nasir yang telah berusaha keras mengaturkan perjumpaan yang penting ini serta mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara semua kerana dapat melapangkan masa datang ke mari untuk bersama-sama menjayakan langkah yang maha baik ini. Sesungguhnya, dengan mengadakan perjumpaan seperti ini dari semasa ke semasa, maka dapatlah kita mengatur dan menyusun langkah dan usaha kita dengan sebaik-baik serta menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Badan-badan Dakwah di setiap negeri supaya semuanya berjalan dengan berkesan dan memuaskan. Di samping itu kita juga dapat mempereratkan lagi tali persaudaraan di kalangan berbagai golongan masyarakat Islam di tanahair sebagaimana yang diredai Allah.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita sama-sama maklum, negara sedang giat membangun dalam segala bidang khasnya bidang ekonomi dan sosial dengan tujuan memberikan rakyat taraf hidup yang lebih

baik dan kehidupan yang lebih sempurna. Sayugia saya tegaskan bahawa usaha-usaha pembangunan yang kita jalankan itu bukanlah semata-mata ditumpukan pada aspek material atau kebendaan saja bahkan sama-sama menitikberatkan aspek keugamaan atau rohani. Pembangunan dan ugama hendaklah berjalan serentak kerana kedua-duanya adalah satu nafas dan satu aliran. Pembangunan ekonomi dan sosial bermaksud membawa kita kepada kemajuan dunia dan amalan ugama akan membawa kita kepada kebahagian dunia akhirat. Inilah sebenarnya hasrat dan cita-cita suci kita dalam usaha pembangunan masyarakat baru Malaysia iaitu kemajuan yang penuh dengan kesejahteraan dan kebahagiaan.

Maka itu dalam menjalankan langkah dan usaha dakwah, saya harap patut benar ditekankan tentang hubungan antara kewajipan ugama dan cita-cita pembangunan ini, terutama kepada golongan muda. Sudah lazim, dalam perlumbaan hidup zaman sekarang, terdapat emphasis atau kecenderungan yang lebih kepada aspek material atau kebendaan sedang aspek rohaniah tidak begitu dititikberatkan. Ini menimbulkan keadaan yang kurang sihat dan tidak seimbang. Begitu juga tidaklah diingini kecenderungan setengah-setengah pihak yang terlalu mementingkan amalan untuk akhirat yang melebihi atau melampau hingga mengabaikan kehidupan dunia sama sekali.

Kita maklum ada hadith Nabi Junjungan kita yang lebih kurang bermaksud "Hendaklah kamu berusaha untuk dunia seolah-olah kamu akan hidup seribu tahun dan hendaklah kamu berusaha untuk akhirat seolah-olah kamu akan mati besok hari". Jelaslah maksud beliau itu supaya ada perimbangan dalam perbuatan dan amalan kita kerana adalah nyata kegiatan ugama tanpa pembangunan tidak akan maju sedangkan pembangunan saja tanpa menjalankan hukum-hukum Allah akan terumbang-ambing kerana salah arahan.

Saudara-saudara sekalian.

Sesungguhnya usaha mewujudkan perimbangan kedua-dua bidang pembangunan kebendaan dan kerohanian adalah tanggung-jawab kedua-dua Kerajaan dan badan-badan dakwah. Kerajaan, melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, akan memesatkan usaha-usaha dakwah ini menerusi pegawai-pegawai yang berkelayakan yang diambil baru-baru ini. Begitu juga

menerusi Institiut Dakwah dan Pusat Penyelidikan Islam yang ditubuhkan itu, diharap kegiatan-kegiatan dakwah yang intensif dan penyelidikan Islam yang bermutu dapat dilaksanakan. Saya harap penyebaran dakwah akan meliputi semua peringkat masyarakat baik di kalangan pelajar-pelajar, guru-guru, pegawai-pegawai Kerajaan dan lain-lain. Dengan usaha-usaha dakwah yang berkesan, kita berharap umat Islam di negara kita, terutama muda mudi, bukan sahaja dapat mengisi dada mereka dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya, bahkan menjadikan mereka orang yang taat kepada Tuhan dan mempunyai akhlak yang baik dan mulia supaya dengan itu menjadi warga negara yang berguna dan yang maju menurut keadaan zaman sains dan teknologi.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam masa kita berhadapan dengan pergolakan hidup manusia yang sedang berlumba-lumba mengejar kemajuan kebendaan dan terpengaruh pula oleh konsep sosial yang liberal seperti yang berlaku sekarang ini, maka tugas dakwah adalah sangat besar dan sukar, kerana tugasnya yang utama ialah membetulkan pandangan atau konsep hidup yang sedemikian, lebih-lebih lagi di kalangan umat Islam. Jadi, tugas ini bukanlah boleh dijalankan secara sambil lewa sahaja atau dengan secara kilat, kerana usaha menukarkan sikap dan pandangan hidup manusia adalah memerlukan teknik dan strateji yang teratur rapi dan menghendaki perancangan yang sempurna serta melalui beberapa peringkat jangkamasa yang tertentu.

Oleh yang demikian, saya berharap perjumpaan saudara-saudara pada hari ini akan dapat mencapai rumusan-rumusan yang bernas dan praktikal serta dinamis untuk dijadikan landasan untuk pelaksanaan dakwah Islamiah yang lebih berkesan. Saya suka menyeru kepada saudara-saudara semua supaya menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan mengenepikan kepentingan diri dan masaalah-masaalah persendirian supaya dapat menumpukan sepenuh usaha dan tenaga untuk mencapai cita-cita membaiki akhlak umat Islam dan meninggikan darjat ugama Islam di negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana negara Malaysia yang kecil ini telah dapat memberi sumbangan

yang bererti dalam kehidupan umat Islam dan meninggikan syiar Islam di negara kita yang merdeka ini. Peranan yang kita mainkan di dalam lapangan ini bukan sahaja telah dapat mengukuhkan perpaduan umat Islam di negara kita bahkan lebih dari itu negara kita telah menjadi terkenal di kalangan negara-negara Islam sebagai salah satu negara Islam yang terkemuka.

Kita telah mendapat kepercayaan dan penghormatan negara-negara Islam di dunia dan ini terbukti di dalam Persidangan Negara-negara Islam di Lahore baru-baru ini, di mana negara kita telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Jun ini. Saya percaya dengan kebolehan dan kemampuan yang telah kita buktikan pada masa-masa yang lalu di dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab antara-bangsa, maka Insya Allah Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang akan diadakan itu akan dilangsungkan dengan jayanya dan dengan itu menaikkan lagi imej Negara kita di kalangan dunia Islam khasnya dan seluruh dunia amnya.

Saudara-saudara sekalian.

Sekianlah sahaja sedikit sebanyak pesanan dan harapan saya kepada Perjumpaan hari ini, semoga perbincangan saudara-saudara akan menghasilkan rumusan-rumusan yang akan menjadi panduan kita bersama dalam melaksanakan tugas dakwah ini. Saya akhiri dengan doa mudah-mudahan Allah memberikan taufik dan hidayahNya serta memberkati segala usaha kita sehingga tercapai hasrat dan cita-cita meninggikan syiar Islam di Negara kita dan dunia.

Dengan itu, saya dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang dengan sukacitanya merasmikan Perjumpaan ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN KERANA MERAIKAN PERSARAAN Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN DI DEWAN JAMUAN, BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR PADA 30HB APRIL, 1974

Y.A.B. Tun Tan Siew Sin, Toh Puan Tan, Y.B. Menteri-menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kita semua mengadakan jamuan makan malam yang tidak sepertinya ini ialah untuk memberi penghormatan dan selamat bersara kepada rakan seperjuangan kita iaitu Y.A.B. Tun Tan Siew Sin. Tun Tan Siew Sin ialah seorang yang lama sekali menjadi anggota Parlimen semenjak tahun 1948 iaitu mula-mula Majlis Undangan Persekutuan ditubuhkan selepas perang dunia kedua dahulu. Kemudian apabila kita mengadakan pilihanraya pada tahun 1955, beliau telah dipilih menjadi Ahli Parlimen. Ini adalah satu rekod yang tidak ada bandingnya dalam Malaysia kita ini. Begitu juga beliau telah berkhidmat sebagai Menteri mulai daripada 1957, mula-mula sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan; kemudian pada tahun 1959 sebagai Menteri Kewangan. Beliau telah memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan selama hampir lima belas tahun dan inipun satu rekod yang tidak ada bandingnya, bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia.

Oleh itu, dengan persaraan Tun Tan, kita kehilangan seorang rakan yang telah memberi perkhidmatan yang sangat cemerlang kepada bangsa dan negara, baik sebagai Menteri mahupun sebagai Anggota Parlimen. Bagi diri saya sendiri, persaraan beliau adalah bermakna saya kehilangan seorang rakan dalam Kabinet yang telah memberi perkhidmatan dengan penuh kejujuran dan taat setia yang penuh (with undoubted loyalty).

Jasa beliau sebagai Menteri Kewangan adalah terang dan nyata kepada kita semua. Kesetabilan kewangan dan ekonomi negara kita pada hari ini adalah hasil daripada dasar-dasar yang dijalankan oleh Tun Tan. Nyatalah bahawa perkhidmatan beliau kepada bangsa dan negara tetap akan dicatit dengan tinta emas dalam sejarah tanahair kita bagi ingatan jenerasi-jenerasi akan datang dan juga bagi ingatan sejarah.

Ladies and Gentlemen.

As one of the national leaders of our country and the leader of the Chinese community, Tun Tan has always held the view that the future of our country lies in close co-operation among the various communities that have made this country their home. As leader of the MCA, he has always worked with dedication and sincerity towards this end and that's why whenever we faced any sensitive issue affecting our multi-racial society, we could always talk together frankly and objectively to arrive at an acceptable solution. Tun Tan had always shown a clear vision of the future and sincerity of purpose in whatever he did.

I remember two important occasions distinctly—one, when we had to discuss the provisions of the Constitution for independent Malaya at that time. It was Tun Tan's understanding and sense of fair play that played a great part in enabling us to reach agreement on the provisions of the Constitution on certain sensitive issues such as language, religion, citizenship and the special position of the natives as well as the legitimate interests of the different communities. The other one was when I had to formulate our National Education Policy, Tun Tan again was responsible for enabling a complete agreement to be reached on this controversial matter. Therefore, Tun Tan can certainly be regarded as one of the founders and builders of this Nation of ours.

We are grateful to Allah that despite very serious operation he had to undergo, he is now steadily recovering his health and strength. I am grateful to him for continuing to offer his support to the Government and also to the Alliance Party. Therefore, when his health permits and he has fully recovered his strength, I propose to invite him to be a Financial Adviser to the Government. I have no doubt that his vast reservoir of experience in financial matters would certainly be of great assistance to us and indeed to the world in the present stage of economic and monetary instability.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita berharap dan berdoa mudah-mudahan dalam masa persaraannya, Tun Tan, Toh Puan Tan dan keluarganya akan sentiasa berada dalam keadaan sihat. Sungguhpun kita tahu Tun Tan suka hendak menembak barang-barang ganas seperti singa

dan rimau tetapi kita berharap ia berjaga-jaga supaya kesukaannya itu tidak mengganggu kesihatannya. Kita berharap beliau sentiasa mengawasi kesihatannya supaya dipanjangkan umur dan lama lagi dapat bersama dengan kita semua.

Sebagai tanda penghargaan kita kepada jasa-jasa Tun Tan dan dengan harapan dan doa moga-moga beliau akan berada dalam keadaan sihat dan sejahtera, saya bagi pihak rakan-rakan dalam Jemaah Menteri sukacita menghadiahkan satu cenderamata yang tidak sepertinya iaitu sebutir talam yang mempunyai tanda tangan semua Ahli-ahli Jemaah Menteri. Saya berharap hadiah yang tidak sepertinya ini akan memberi ingatan kepada Tun Tan bahawa sungguhpun beliau sekarang telah bersara, beliau adalah sentiasa dalam ingatan, kenangan dan kasih mesra rakan-rakan seperjuangannya. This is a token of our appreciation for what he has done for the country as well as a mark of our great respect and affection for him.

We have also a small present for Toh Puan Tan for the services that she has rendered by so meticulously looking after the health of Tun Tan and for being a devoted, loving and understanding wife.

Saya mohon sekalian yang hadir bangun bersama-sama dengan saya untuk memberi minuman selamat kepada Tun Tan dan Toh Puan Tan mudah-mudahan mereka dipanjangkan umur dan sentiasa dalam keadaan sihat dan bahagia.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein merasmikan perayaan Jubli Perak Malaysia Trade Union Congress (MTUC) di bangunan MTUC, Petaling Jaya pada 1hb Mei, 1974

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR 1:5:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS SAMBUTAN SEMPENA PERAYAAN JUBLI PERAK MTUC DI BANGUNAN MTUC, PETALING JAYA PADA 1HB MEI, 1974

Y.B. Encik Yeoh Teck Chye, President MTUC, Y.B. Tan Sri Manikavasagam, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya sukacita dapat hadir bersama-sama di sini pagi ini sebagai menunaikan jemputan dari Jawatankuasa Pusat MTUC bersempena dengan perayaan Silver Jubilee MTUC dan seterusnya merasmikan Bangunan baru MTUC ini.

Peristiwa perayaan hari ini sangat besar ertinya kepada kita semua khasnya ahli-ahli kesatuan yang bergabung dengan MTUC kerana kebetulan diadakan pada hari 1hb Mei yang dimuliakan oleh seluruh kaum pekerja yang dikenal sebagai Hari Pekerja Antarabangsa atau International Labour Day.

Saya suka juga mengambil peluang ini mengalu-alukan dif-dif dari luar negeri yang ada bersama-sama kita hari ini termasuklah mereka yang akan mengikuti sidang Asian Advisory Committee of the I.L.O. pada hari yang berikutnya. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya ucapkan "Selamat Datang" dan semoga mereka semua senang hati dengan persediaan dan layanan selama mereka berada di Kuala Lumpur. I would like to bid our guests a most hearty welcome to Kuala Lumpur and to Malaysia and hope they will have a pleasant stay during this period of celebrations and conference. Perhaps I might also suggest that they take some time off to visit our settlement schemes and other development projects besides the plantations and meet our people in their homes and everyday lives.

By this means they would be able to see the efforts we are making to give our people particularly the have-nots a better and higher standard of living and also to understand and realize some of the problems we are facing in building a united and modern society out of our peoples of various racial Origins. Above all, despite our problems and difficulties, they will find our people of various races warm, friendly and generous-hearted.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam ucapannya yang panjang lebar tadi, Presiden MTUC telah menyentuh beberapa perkara yang berhubung dengan Kesatuan Sekerja dan kepentingan kaum pekerja amnya. Bagi pihak Kerajaan, saya sukalah menyatakan penghargaan kepada MTUC atas sokongannya kepada Kerajaan dan persefahaman serta kerjasama yang telah diberikan kepada Kerajaan khasnya bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang sangat penting dan besar maknanya kepada rakyat dan Negara.

Saya suka menyatakan iaitu dalam pertemuan-pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin MTUC, mereka sedia merundingkan sesuatu issue dalam suasana yang baik dan semangat yang objective serta bersedia menimbangkan cadangan-cadangan dari Kerajaan demi menjaga kepentingan rakyat dan Negara. Saya percaya selagi terdapat sikap yang terbuka dan semangat ingin bekerjasama ini, kita akan dapat menyelesaikan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh kaum pekerja.

This spirit of understanding and co-operation is very important especially since we are in the midst of implementing the New Economic Policy and, at the same time, facing the nagging problem of inflation. I am very happy to say that following the amicable meeting between the Government and representatives of MTUC and MECA, we were able to implement the temporary relief allowances for our workers. This measure, which the Government originally initiated is being widely implemented by the private sector.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya suka juga menyatakan penghargaan Kerajaan kepada MTUC mengenai beberapa aspek kegiatannya yang bertujuan untuk meninggikan daya pengeluaran atau productivity ahli-ahlinya menerusi program latihannya samada secara sendiri ataupun bekerjasama dengan Kerajaan. Salah satu contoh yang baik ialah National Productivity Centre di mana Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kepada para pekerja dalam berbagai bidang supaya taraf kemahiran seorang pekerja itu boleh ditingkatkan kemampuannya untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik lagi.

Begitu juga dengan langkah-langkah yang diambil oleh MTUC dalam usaha membantu Kerajaan meringankan tekanan inflasi

serta memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih luas kepada ahli-ahlinya menerusi gerakan kerjasama. Kita semua maklum, kegiatan kerjasama amat berkesan sekali terutama dalam keadaan inflasi sekarang ini sekiranya kaum pekerja dapat menyusun tenaga menjalankan pembahagian barang-barang keperluan sendiri dengan harga yang berpatutan. Dengan cara ini bolehlah dijamin pendapatan mereka walaupun kecil dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan dapat berjimat kerana kalau membeli di luar harganya adalah lebih tinggi. Saya percaya program yang akan dijalankan oleh Syarikat Pernas Edar mengikut sistem "cash and carry" akan sama-sama memberi faedah kepada Syarikat Kerjasama di bawah anjuran MTUC. Inilah salah satu langkah positif Kerajaan untuk meringankan tekanan inflasi supaya taraf hidup rakyat dapat dikekalkan pada tingkatan yang sewajarnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam ucapannya tadi juga, Presiden MTUC ada menyentuh tentang hasrat ahli-ahli sekalian hendak mengambil bahagian yang lebih berkesan dalam bidang perdagangan dan perniagaan. Pada jangka panjangnya amatlah baik dalam usaha ini ditubuhkan semacam banking institution yang dipunyai oleh pekerja-pekerja dan dikendalikan oleh mereka sendiri. Sebenarnya perkara ini telahpun ditimbangkan oleh Tun Tan Siew Sin semasa beliau menjadi Menteri Kewangan dulu dan baru-baru ini pemimpin-pemimpin MTUC—Encik Yeoh, Encik Zaidi dan Encik P. P. Narayanan telah menemui saya untuk membincangkan hal ini.

I personally welcome this move as I believe that a greater participation by workers in the economic life of our country is a very good thing indeed. However, it is important for us to ensure that whatever financial institution we establish for the workers will be for their benefit, controlled and managed by them not only at the initial stage but for all time. With this in view, I have agreed, following discussions with your President, the Secretary General and Encik P. P. Narayanan together with Tan Sri Manikavasagam, the Minister of Labour and Manpower, that a Committee be set up comprising three representatives of the MTUC and three from the Government to examine the set-up and details of the financial institution which would ensure that it would serve the purpose we have in mind and meet the wishes and aspirations of the workers as well as safeguard their interest for all time. This Committee will make its recommendations as soon as possible.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya percaya dengan adanya bangunan baru MTUC ini, maka bolehlah dianggap ia sebagai lambang kematangan dan keteguhan MTUC sejak ia mula ditubuhkan dua puluh lima tahun dahulu. Kita patut memandang ke belakang meneliti detik-detik permulaan sejarah kebangkitan kaum pekerja di negara ini yang telah menempuh berbagai peristiwa dan cabaran. Bangunan ini adalah hasil kejayaan perjuangan tuan-tuan dan puan-puan menegakkan nama dan martabat kaum pekerja setanding dengan kaum pekerja di negara-negara lain di dunia. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah banyak berjasa dalam perjuangan itu yang boleh disifatkan sebagai satu sumbangan kepada kemerdekaan tanahair yang kita cintai ini.

Untuk mengingati ulang tahun kedua puluh lima MTUC dan sebagai penghargaan Kerajaan kepada jasa bakti kaum pekerja saya sukacita memberi sumbangan daripada Kerajaan untuk pembinaan Bangunan MTUC ini—contribution from the Government towards the cost of this building $250,000 i.e. $10,000 for every year of MTUC's life.

Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Bangunan MTUC ini dan serentak dengan itu juga merasmikan pelancaran perayaan Silver Jubilee MTUC.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING OF SIXTEENTH SESSION OF THE ASIAN ADVISORY COMMITTEE OF THE I.L.O. AT DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR ON 2ND MAY, 1974

Mr Chairman, Distinguished Delegates, Your Excellencies, Mr Director-General, Ladies and Gentlemen.

It is a real pleasure for me to be here this morning and be given the honour to declare open the Sixteenth Session of the Asian Advisory Committee of the I.L.O.

On behalf of the Government and people of Malaysia, I wish to extend a very warm welcome to distinguished delegates from so many friendly countries and to say how happy we are to have you all with us particularly since this is the first time that the I.L.O. is holding such a conference in Malaysia.

I wish to extend our special welcome to Mr Blanchard, the new Director-General of the I.L.O. who has given us the singular honour of being the first country he visited since assuming office some time ago.

Ladies and Gentlemen.

An international gathering such as this is indeed useful because by bringing together employers and workers representatives from various countries and governments and by pooling together and exchanging our experiences it will no doubt be beneficial to us all. This is also a very practical way of strengthening international co-operation and friendship especially in the context of the present day world of inter-dependence.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I am pleased to note that this session of the Asian Advisory Committee has chosen "human resources development in rural areas in the context of the Asian Manpower Plan" as an important item on its agenda. This subject is of great interest to us in Malaysia because we have embarked on an extensive plan to reduce unemployment and eradicate poverty among our people.

The measure taken to eradicate poverty in the rural areas are clearly spelt out in the Second Malaysia Plan and they will involve nearly 75% of our population of 11.4 million who live in the rural areas.

It is a fact that rapid population growth and unemployment are twin dilemmas in all developing countries in this region. In the more developed countries, the population growth has been absorbed by rapid industrial expansion. However, the pace of industrialisation in the developing countries has not been able to cope with their population increases or, for that matter, it will not be able to contain the unemployment problems within the foreseeable future because the manpower for development for the next two decades will have to come from the present population. Moreover, there is one essential factor that has been overlooked, perhaps unintentionally. This is the role of the women.

In many Asian countries today, there has been a marked trend towards the increased employment of women in all sectors of the economy. Today women are accepted as an integral part of a nation's manpower resources. However, they still face limited chances of entering skilled jobs due to lack of proper training and therefore emphasis should be placed on enhancing the role of women by providing them with better opportunities for training and the acquiring of skills.

It is a truism that an educated mother has healthier and more intelligent children and this is related to the fact that she has fewer children. The tendency among educated mothers to have fewer children was noted in Europe before the turn of this century. Besides, the educational level of women is a significant factor because it has a direct influence upon their chances of employment; and the number of employed women in a country's labour force has a direct bearing on the gross national product and the income of the family. This additional income in the hands of women influences food purchase and therefore the nutritional well-being of the family. The fact that this additional income is derived from the direct employment of women is in itself a logical incentive to bring up healthy and well-fed children.

Ladies and Gentlemen.

It is characteristic of all developing countries that the bulk of our population live in the rural areas where amenities of life

are somewhat limited as compared to the urban centres. In most of these countries, population pressure in the rural areas is coupled with lack of employment opportunities which results in large scale urban drift, particularly among the youths of both sexes in search of work. The towns are a natural magnet to youths from rural areas where the industries and business houses are expected to provide them job opportunities and hopes for the future. Unfortunately, for most of them, the lack of education and more so skills place them at a disadvantage in competition with the urban youths.

In the light of our own experience in Malaysia, rural development and settlement has proved to be a practical solution to relieve rural unemployment. It also has important economic, social and political considerations. It not only provides employment and develops human resources but also helps to redress economic imbalances between the urban and the rural population.

In approaching the subject of developing human resources in rural areas, I am sure you all will be examining it from various perspectives. Rural development is a process which involves many aspects of governmental operations at the political, economic and social levels. It is a process that involves political leaders, economists and administrators in as much as the people themselves who will be affected by whatever policies Government may formulate and implement from time to time. It is no exaggeration to say the developing human resources in rural areas presents some of the most intricate and inter-related problems in administration since rural Development is closely associated with the development of agriculture and other agro-based industries.

Distinguished Delegates.

I hope you will look into the problem of human resources development in rural areas in greater depth and to find a solution to the abundance of unused manpower with the view to increase the income and economic level of the rural workers.

In Malaysia our present policy to improve the lives of our rural population is spelt out in the Second Malaysia Plan. Today as we enter the fourth year of its implementation, we have developed over half a million acres of land and settled approximately 29,000 families in our land settlement schemes. There has also been a small decline in the overall rate of unemployment. In all, some

348,000 new jobs have been created which is about 58% of the original planned target for the five-year period. But, despite these encouraging achievements, there is still an abundance of manpower which can be fruitfully utilized. Our current industrialisation drive, especially bringing industries to the smaller towns and rural areas will hopefully absorb this surplus labour. Another recent development which is likely to change the basic character of Malaysia's social, economic and agricultural life is the establishment of Farmers' Organisation Authority with effect from 1st November, 1973. In the past, there used to be a great deal of overlapping in the operation and function of thousand odd farmers' associations and rural co-operatives since they served the same farmer and in most cases having the same ground level leadership. We have decided on a policy of integrating both these grass-root organisations under a new body known as the Farmers' Organisation.

This new approach does not require the dissolution of any existing body either Agro-based Co-operative Societies or Farmers' Organisations, but there is clear delienation of functions with regard to matters such as processing, marketing, agricultural supplies, consumer supplies, credit, savings and transportation. In short, the aim of the Farmers' Organisation is to upgrade farm techniques through the introduction of specialised knowledge—previously unattainable by the individual farmer—and through the use of machinery with which to reduce the production cost.

Distinguished Delegates.

I also note that the Conference will discuss the role required of the respective Governments not merely in formulating and implementing protective labour laws but also in taking appropriate action on social and economic policies concerning employment, wages and income. They should also concern themselves with other unspecified categories of workers, including those who are self-employed, while promoting steady expansion of those in the manufacturing, construction, transportation and communication industries in accordance with the growing demand in these sectors.

It is clear to us that the services rendered by our respective Ministry of Labour in providing productive employment for all those who are willing to work, including those currently unemployed or under-employed, have become an important aspect of the overall Government policy of obtaining full and productive employment.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

In conclusion, I think it is worthwhile noting that the rural population in Asia is undergoing a gradual change and this will not only determine the pattern of our cultural and economic growth but in fact it will determine the future destiny of our respective nations. Much has been done and will continue to be done for the organised industrial workers and I think it is high time that the focus of attention be given to the rural agricultural population who are by and large self-employed. There is need for a balanced development of both the urban and rural population in order to maintain harmony and stability especially in multi-racial society. It is my hope and desire that your discussion on this subject will bring forth concrete and practical recommendations for our mutual benefit.

With these remarks, I have great pleasure in declaring the Sixteenth Session of the Asian Advisory Committee of the I.L.O. open with my hope and trust that your discussions will bring practical and valuable results.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI POLITEKNIK UNGKU OMAR IPOH, PERAK PADA 10HB MEI, 1974

Y.B. Menteri Pelajaran, Pengetua Politeknik Ungku Omar, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat hadir bersama-sama pada petang ini untuk menyempurnakan pembukaan rasmi Politeknik Ungku Omar ini. Kita semua maklum, upacara ini memang sudah lama ditunggu-tunggu oleh para pelajar dan guru-guru Politeknik ini tetapi terpaksa ditangguhkan oleh sebab sesuatu keadaan. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana memberikan saya penghormatan merasmikan pembukaannya hari ini setelah berjalan selama lima tahun.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Politeknik Ungku Omar ini adalah Politeknik yang ulung bagi negara kita dan dinamakan sebagai mengingati jasa-jasa Allahyarham Datuk Dr Ungku Omar terhadap negara dalam bidang pendidikan. Semasa hayatnya, Dr Ungku Omar dengan tidak mengenal penat lelah telah menjalankan usaha-usaha untuk memajukan rakyat Bumiputra dan meninggikan taraf pelajaran negara kita bukan sahaja dalam bidang Sains dan Teknoloji bahkan juga dalam bidang Ugama Islam. Dr Ungku Omar sejak dari zaman mahasiswa di Singapura lagi telah giat dalam usaha-usaha memajukan pelajaran dan pendidikan terutama di kalangan pelajar-pelajar Melayu serta turut membantu dalam perkembangan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmiah. Saya percaya mereka yang bertanggungjawab dalam mengelolakan Politeknik ini, pelajar-pelajar serta siswazah-siswazah Politeknik ini akan mencontohi semangat pengorbanan Allahyarham Dr Ungku Omar dan akan terus menjayakan hasrat dan cita-cita Allahyarham itu.

Sebagaimana kita sedia maklum, negara kita sedang berkembang dengan pesatnya di dalam berbagai-bagai lapangan untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran untuk negara dan rakyat. Salah satu daripada strateji penting dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah mempelbagaikan ekonomi negara dan di samping memodenkan sektor pertanian, kita memberikan perhatian yang berat terhadap

perkembangan industri. Kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua di bidang perusahaan seperti perlombongan, pengilangan dan perusahaan pembinaan adalah melebihi daripada matalamat yang dijangkakan untuk tempoh itu. Ini sangatlah membanggakan kita dan diharap perkembangan ini dapat dikekalkan. Mulai tahun ini kita akan masuk berkecimpung dalam lapangan baru iaitu perusahaan petroleum. Potensi industri petroleum amat menggalakkan dan saya menaruh kepercayaan penuh terhadap kejayaannya yang akan menjadikan kita antara negara-negara pengeluar minyak yang terkemuka di dunia.

Adalah jelas usaha ke arah mencapai kejayaan dalam berbagai-bagai lapangan perindusterian ini memerlukan tenaga rakyat yang terlatih di dalam semua peringkat dan lapangan. Kerajaan telah memperuntukkan anggaran perbelanjaan sebanyak $733.1 juta atau 7.8% daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan Awam untuk bidang pelajaran dan latihan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Perbelanjaan yang banyak ini mencerminkan betapa beratnya pandangan Kerajaan terhadap langkah dan usaha menyediakan tenaga rakyat yang terlatih dalam semua jurusan.

Pada masa ini kita sangat kekurangan tenaga terlatih yang diperlukan. Satu penyiasatan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kekosongan jawatan bagi Juruteknik di peringkat pertengahan dalam sektor awam sahaja ialah sebanyak 25%. Ini belum lagi dihitungkan kekosongan yang ada dalam sektor swasta. Sementara rancangan-rancangan pelajaran dan latihan disusun untuk memenuhi keperluan masyarakat yang berasaskan teknoloji moden, kerajaan akan menumpukan perhatian yang lebih kepada usaha-usaha untuk menambahkan lagi tenaga rakyat di peringkat pertengahan (middle-level manpower).

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang pernah saya katakan, kejayaan Dasar Ekonomi Baru khasnya menyusun semula masyarakat bergantung pada kemampuan kita menukar corak pertanian daripada bentuk tradisional kepada corak pertanian moden. Dalam pada itu, sangatlah mustahak kita meluaskan bidang perindustrian kerana di sinilah letaknya rahsia kejayaan negara-negara yang maju seperti Sweden, Jerman dan Jepun. Oleh yang demikian, amatlah perlu dibina satu kumpulan besar tenaga terlatih dalam semua jurusan terutama bidang teknik kejuruteraan.

Politeknik Ungku Omar ini merupakan satu projek Kerajaan Khusus bagi menyediakan juruteknik-juruteknik untuk memenuhi keperluan-keperluan bidang awam dan swasta terutama dalam projek-projek perindustrian dan amnya bagi menyediakan tenaga rakyat di peringkat pertengahan. Untuk masa ini dijadualkan Politeknik ini mengeluarkan kira-kira 400 orang juruteknik tiap-tiap tahun. Menjelang tahun 1980, pengeluarannya dijangka akan meningkat kepada 600 orang tiap-tiap tahun. Walaupun demikian, adalah nyata bahawa bilangan ini belum dapat menampung semua keperluan negara. Untuk memenuhi keperluan-keperluan ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebentar tadi, Kerajaan akan membina sebuah lagi Politeknik di Kuantan pada tahun 1976. Politeknik tersebut kelak dijangka akan dapat mengeluarkan 600 orang juruteknik pada tiap-tiap tahun.

Kejayaan Politeknik ini tidak syak lagi adalah hasil daripada kerjasama daripada berbagai pihak. Dalam hal ini sukalah saya merakamkan penghargaan Kerajaan Malaysia di atas segala sumbangan yang diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya suka merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak kerana telah memberikan tapak bagi Politeknik ini; kepada United Nations Development Programme (UNDP) di atas caruman berbentuk kewangan untuk projek bangunan Politeknik ini kepada UNESCO di atas kerjasamanya mengadakan pakar-pakar teknik-nya dan kepada Kerajaan Jepun di atas bantuannya dalam bidang marine engineering serta lain-lain pihak termasuk sukarelawan-sukarelawan luar negeri yang menjadi tenaga pengajar di Politeknik ini.

I would like to take this opportunity to express our gratitude for the assistance given towards this project—the UNDP for its contribution to the building programme; UNESCO for providing technical experts; the Japanese Government for assistance in setting up marine engineering division and others who have assisted the institution in one way or another.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Semenjak Politeknik ini ditubuhkan lima tahun yang lalu, seramai lebih kurang 1,200 orang juruteknik telah menerima latihan di sini dan sekarang mereka berkhidmat di Jabatan-jabatan Kerajaan dan sektor swasta. Peranan yang dimainkan oleh

Politeknik ini dalam membantu menjayakan matalamat pembangunan negara sangatlah penting. Saya fikir masanya sudah tiba bagi Kerajaan menempatkan Politeknik ini di satu taraf yang wajar dari segi pentadbiran dan pengelolaannya. Untuk tujuan dan matalamat ini saya telah mengarahkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjadikan Politeknik ini suatu badan berkanun mulai dari tahun 1975.

Akhir kata, saya sekali lagi menyeru kepada pihak pentadbir, pensyarah-pensyarah dan juga penuntut-penuntut Politeknik ini supaya menjalankan peranan masing-masing dengan penuh keazaman dan dedikasi, demi kepentingan negara.

Dengan itu, saya dengan segala sukacitanya merasmikan pembukaan Politeknik Ungku Omar ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMPENA PERASMIAN HARI GURU DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 16HB MEI, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri Pelajaran, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Hari Guru kerana menjemput saya ke upacara perasmian Hari Guru pagi ini. Saya berasa sungguh gembira dan bangga kerana dapat bersama-sama dengan guru-guru yang begitu ramai hari ini.

Hari Guru adalah satu hari yang sangat kena pada tempatnya bagi mengenang jasa dan khidmat bakti ahli-ahli pendidik yang menjalankan tugas mereka secara diam-diam untuk menentukan supaya jenerasi akan datang boleh mengambil alih tugas dan tanggungjawab dari jenerasi kita dalam jangkamasa yang singkat. Pendidikan memang menjadi tumpuan perhatian saya sendiri oleh kerana inilah tugas ulung saya dahulu sebagai Menteri Pelajaran pertama Kerajaan dari tahun 1955-1957. Kita perlu mengingat betapa pentingnya pendidikan dalam pembangunan negara untuk membina satu bangsa Malaysia yang kuat, maju dan bersatu padu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pelajaran adalah hak asasi bagi setiap rakyat. Dengan tujuan hendak menjadikan hak ini suatu kenyataan yang bermakna, Kerajaan hari ini telah memperuntukkan wang dan lain-lain kemudahan, hinggakan bidang pelajaran merupakan bahagian terbesar dari belanjawan negara kita. Kerajaan menganggap perbelanjaan ini adalah pelaburan negara yang mustahak oleh kerana masa depan negara ini bergantung pada kemampuan Sistem Pelajaran Kebangsaan menghasilkan warganegara yang berkelayakan bukan sahaja untuk mengambil alih pimpinan dari kita, tetapi untuk menambahkan lagi kejayaan-kejayaan itu di masa hadapan.

Kemajuan yang telah dicapai dalam bidang pelajaran sangat jauh bezanya dari kedudukan pada tahun 1957 dulu, akan tetapi kita tidaklah seharusnya berpuas hati dengan keadaan itu. Kanak-kanak hari ini dijamin mendapat sembilan tahun pendidikan

serta mempunyai kemudahan-kemudahan yang banyak dan guru-guru yang lebih baik dan terlatih dari masa lampau. Dari segi mental dan fizikal mereka adalah lebih sihat dari dahulu kerana mendapat makanan yang mempunyai zat yang lebih. Oleh itu patutlah mereka memandang masa depan mereka dengan penuh harapan.

Walaupun terdapat banyak kemajuan yang positif, kerajaan sentiasa sedar akan masaalah-masaalah yang berkaitan dengan pembahagian kekayaan dan peluang yang tidak sama berpunca dari faktur-faktur dalam masyarakat kita sendiri. Setengah daripada masaalah-masaalah ini telahpun ditegaskan dalam Kajian Keciciran Murid-murid. Langkah-langkah seperti penubuhan sekolah-sekolah sains yang berasrama penuh, menambah bilangan tempat-tempat di asrama sekolah-sekolah biasa, rancangan bantuan buku-buku teks di semua sekolah dan lain-lain lagi telahpun diambil untuk menentukan agar setiap kanak-kanak mempunyai peluang yang sama dan adil untuk membina potensi yang sepenuhnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pendidikan yang sempurna memerlukan bukan sahaja kemudahan-kemudahan fizikal dan kewangan tetapi juga suatu sistem pelajaran yang dinamis dan menepati segala keperluan negara. Oleh yang demikian, perkara ini hendaklah sentiasa diawasi supaya jangan berlaku sesuatu keadaan yang tidak sihat di mana lepasan sekolah tidak dapat menampung keperluan masyarakat. Pada masa ini kita maklum, Kerajaan sedang melaksanakan rancangan mempelbagaikan ekonomi, khususnya terhadap pembangunan perindustrian. Kita bersyukur oleh kerana adanya keadaan yang stabil dan sesuai dalam negara, bidang perindustrian ini sedang berkembang dengan pesatnya di bandar-bandar besar dan kecil.

Pertumbuhan di bidang perindustrian dan perkembangan di lain-lain bidang seperti pertanian dan perdagangan telah menggerakkan usaha untuk mencari sumber-sumber alam yang belum lagi dijumpai dan digunakan. Perkembangan ini memerlukan tenaga manusia yang mahir dan terlatih seperti artisan, technician, jurutera, akitek, doktor, ahli sains, jurukira, pentadbir dan seterusnya.

Begitu juga kita bersyukur taraf hidup bagi seluruh negara telah meningkat dan permintaan untuk barang-barang dan perkhidmatan telah menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan serta permintaan tenaga manusia yang mahir. Kemampuan kita untuk meninggikan lagi taraf hidup rakyat bergantung kepada kemampuan sistem pendidikan kita memenuhi keperluan tenaga manusia yang terlatih dalam semua bidang, terutama lapangan sains dan teknoloji. Kita maklum, sains dan teknoloji hampir sejajar usianya dengan wujudnya manusia di dunia ini, namun adalah nyata bahawa kemajuan hari ini memerlukan taraf kelayakan dan specialization yang tinggi. Keadaan masyarakat di mana-mana termasuk masyarakat kita hari ini menunjukkan keadaan saling bantu-membantu untuk faedah bersama. Tidak ada seorang yang boleh memenuhi keperluannya sendiri bahkan setiap anggota masyarakat sandar menyandar atau inter-dependent sambil menjalankan peranan masing-masing samada sebagai petani, pedagang, buruh, ahli professional dan seterusnya.

Perindustrian dengan sendirinya membawa perubahan. Pada masa lalu, sebahagian besar daripada barang-barang buatan yang diperlukan telah diimpot tetapi sekarang ini adalah dikilang atau dipasang oleh kita sendiri. Kita tidak boleh, bahkan tidak mahu lagi mengimpot barang-barang keperluan, sebaliknya kita mestilah menjadi sebuah negara pereka barang-barang baru dan mengekspot barang-barang itu ke negara-negara lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Memandang jauh ke hadapan, bagi menjamin kejayaan mencapai matalamat negara, berbagai langkah telah diambil untuk menambah lagi bilangan tempat-tempat yang ada di pusat-pusat pengajian tinggi untuk memenuhi keperluan yang semakin bertambah bagi pakar-pakar sains, doktor, jurutera, akitek dan guru-guru sains khasnya. Focus pendidikan hendaklah ditumpu kepada bidang sains dan teknologi. Saya sungguh gembira kerana tuan-tuan dan puan-puan telah memilih 'PERANAN GURU-GURU DALAM ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOJI' sebagai tema Hari Guru tahun ini. Kemajuan dan kemakmuran negara kita bergantung di atas keupayaan kita menghadapi cabaran-cabaran sains dan teknoloji terhadap masyarakat sekarang dan akan datang.

Tidak syak lagi perkembangan dalam bidang perindustrian dan pendidikan akan menuju ke arah proses urbanisasi yang lebih

luas. Kebebasan sosial, perubahan structure ekonomi serta suasana masyarakat bandar turut berkesan mengubah corak dan suasana masyarakat tradisional dan meluaskan lagi scope perindustrian sebagaimana yang terdapat di negara-negara maju.

Saya harap tuan-tuan dan puan-puan para pendidik di negara ini akan menimbulkan minat dan memupuk sikap baru di kalangan kanak-kanak supaya mereka boleh menyesuaikan diri dan menggunakan aspek-aspek yang baik daripada negara-negara maju dan menolak aspek-aspek yang boleh merosakkan. Kejayaan bidang akademik mestilah berhubung rapat dengan latihan watak atau "character training". Inilah yang sering saya tegaskan dalam usaha kita mengimbangkan kemajuan fizikal serentak dengan kemajuan spiritual. Oleh kerana negara kita masih dalam proses pembangunan, kita hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjauhkan daripada kecemaran spiritual dan moral yang telah menjejaskan masyarakat negara-negara maju. Kita mesti menjauhkan unsur-unsur yang tidak diingini dengan mempelajari dari pengalaman negara-negara lain, sambil menyesuaikan keperluan masyarakat kita sendiri.

Saya menaruh harapan yang ikhlas bahawa dalam Seminar ini tuan-tuan dan puan-puan akan meneliti sepenuhnya berbagai aspek peranan guru dalam zaman sains dan teknoloji kerana ini amatlah kena pada waktu negara kita yang sedang membangun menjadi sebuah negara moden.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pengelola Hari Guru dan juga Kementerian Pelajaran kerana susunan acara yang baik dalam Perayaan Hari Guru tahun ini. Begitu juga, mengenai seminar dan pamiran lukisan yang julung kali diadakan serta lambang dan lagu untuk Hari Guru adalah kemajuan penting yang terdapat tahun ini. Saya yakin bahawa semuanya ini, dan juga Ikrar Hari Guru akan menaburkan semangat baru serta mengingatkan kita semua tentang peranan penting para pendidik dalam pembangunan negara.

Sekarang dengan segala sukacitanya saya merasmikan Perayaan Hari Guru serta Seminar dan Pamiran Lukisan yang diadakan itu sambil mendoakan semoga berjaya.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI KILANG SYARIKAT GOODYEAR MALAYSIA BERHAD DI SHAH ALAM, SELANGOR PADA 18HB MEI, 1974

Y.M. Tengku Tan Sri Razaleigh, Mr C. J. Pilliod, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Syarikat Goodyear Malaysia Berhad kerana sudi menjemput saya merasmikan pembukaan kilangnya pagi ini. Peristiwa pada pagi ini tentulah membawa makna yang besar kepada PERNAS dan juga kepada Goodyear Tyre and Rubber Company yang bersama-sama menjalankan projek ini yang mana telahpun berhasil hari ini. Kelahiran Goodyear Malaysia Berhad menandakan satu lagi paras kemajuan kepada PERNAS semenjak badan itu ditubuhkan dan tidaklah salah kalau dikatakan bahawa projek ini ialah yang terbesar sekali antara syarikat-syarikat gabungan PERNAS pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kedua-dua pihak iaitu Goodyear Tyre and Rubber Company dan PERNAS atas kerjasama mereka dan pandangan jauh yang ternyata dalam joint-venture ini, lebih-lebih lagi oleh kerana mengingat bahawa syarikat ini menjalankan fungsi dua serentak iaitu menggunakan bahan mentah getah yang mana kita terkenal sebagai negara pengeluar yang terbesar di dunia ini dan di samping itu sebahagian besar pengeluarannya adalah untuk diekspot.

I would like to congratulate both Goodyear Tyre and Rubber Company and PERNAS for their co-operation in this major venture and their foresight in the sense that this enterprise further enhances our natural rubber industry. We are happy to have with us Mr Pilliod who has come all the way from the States to be together with us on this auspicious occasion. I wish him a pleasant stay in Kuala Lumpur and in Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Semenjak Kerajaan melancarkan program perindustrian atau industrialisation programme tidak lama dulu, kita telah melihat

sedikit sebanyak kejayaan menarik pelabur-pelabur dari luar negeri supaya turut bersama-sama dalam pembangunan negara. Untuk tujuan inilah maka kita mengirimkan beberapa rombongan ke negara-negara tertentu di Eropah, Amerika dan juga Jepun, sebagai menambah usaha-usaha yang dijalankan selama ini oleh Investment Promotion Centre di New York dan di Dusseldorf untuk memperkenalkan Malaysia kepada entrepreneurs di Amerika dan Eropah.

Pada tahun lalu kita telah meneroka satu langkah baru ke arah matalamat ini dengan mengadakan Investment Conference buat pertama kali di Zurich yang dipimpin oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin. Rancangan yang sama telah pula dijalankan setelah itu di Jepun dan Scandinavia. Saya puashati bahawa hasil daripada langkah-langkah yang kita ambil itu sudahpun dapat dilihat. Dalam tahun 1973, terdapat dua puluh lima buah syarikat-syarikat besar dari Jepun, Jerman, Italy, Switzerland, United Kingdom dan United States. Firma-firma ini termasuklah nama-nama besar seperti Marubeni, Siemens dan C. Itoh; dan saya percaya usaha-usaha kita selanjutnya melalui Investment Conference itu akan membawa kejayaan yang lebih bermakna lagi.

As I was saying, a new feature in our industrialisation drive is the holding of special investment conferences in the major financial centres of the world. The first conference took place in Zurich last year at which our former Minister of Finance, Tun Tan Siew Sin, was himself present. Later on two investment conferences were held in Japan and the Scandinavian countries and these have contributed immensely in generating investment interest and publicising Malaysia as an investment centre.

The success we have seen as a result of these Investment Conferences and likewise the good work of our Investment Promotion Centres has convinced us of the need to intensify these efforts in 1974. Only recently our Deputy Minister of Trade and Industry was in San Francisco to inaugurate the new Investment Promotion Office and in due course we plan to hold a series of Conferences in other major cities in the States, in Western Europe and also in Australia and New Zealand. At the same time, we hope to open Investment Promotion Offices in London and possibly in Paris and Sydney.

Another new development in our investment drive is the special emphasis given to West Asia region. Malaysia has always maintained close and friendly relations with these countries which have tremendous goodwill towards Malaysia. The abundant capital resources available in these countries particularly Saudi Arabia, Kuwait and other countries in the Gulf area as well as Pakistan can be beneficially combined with local interests in viable joint-venture projects. Our indigenous petroleum industry will be able to benefit immensely from the rich technological expertise and experience of the Arab oil-producing nations. The current energy crisis accelerates the drive to attract foreign investors in off-shore operations where as we know there have been several successful oil strikes recently.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Adalah nyata sepertimana yang seringkali saya katakan bahawa matalamat kita hendak menyusun semula masyarakat serta memodenkan masyarakat terletak kepada kejayaan dalam bidang perindustrian. Meskipun untuk beberapa lama kita harus bergantung kepada sektor pertanian tetapi adalah terang dan nyata bahawa masa depan negara ini, dan juga negara-negara membangun amnya, hanyalah dapat terjamin dengan menukarkan corak ekonomi dari pertanian kepada perindustrian sebagaimana yang kita lihat daripada sejarah dan perkembangan negara-negara industri yang maju hari ini.

Langkah-langkah yang kita jalankan sekarang ini terutama menggalakkan setiap negeri berlumba-lumba menarik seberapa ramai pelabur tempatan dan luar negeri diharap akan mempercepat proses perindustrian di negeri masing-masing. Namun amatlah mustahak diperhatikan iaitu selain dari mengadakan essential infrastructure, pihak yang berkenaan mestilah dapat memberi keputusan yang segera mengenai sebarang permohonan terutama dari pengusaha-pengusaha luar negeri. Patut diingat bahawa proses industrialisation ini sedang berjalan di mana-mana dan kalau kita terlambat memberi keputusan, overseas investors tidak akan menunggu lebih lama tetapi akan mencari tempat lain dan peluang yang baik itu terlepas dengan percuma sahaja. Tugas ini terpulang pada Kerajaan negeri masing-masing dan Kerajaan Pusat hanya boleh membantu perkara-perkara tertentu sahaja.

Saya sukacita juga menyebut sedikit tentang regional development concept di antara Negeri-negeri di Malaysia yang baru saja

dijalankan dan saya berpuashati dengan sambutan yang ditunjukkan oleh semua pihak yang menerima concept tersebut. Tidak syak lagi, inilah satu cara yang positif untuk menjamin perkembangan yang seimbang antara kawasan yang maju dan yang kurang maju. Hal ini jelas kelihatan di Pulau Pinang di mana pada masa ini terdapat perkembangan yang sangat pesat dan Kerajaan sedang berusaha meningkatkan taraf teknoloji kaum pekerjanya supaya bersedia untuk melangkah masuk ke bidang perindustrian yang lebih sophisticated. Dengan itu labour-intensive industry dapat digalakkan pergi ke kawasan yang berdekatan seperti Kulim, Sungai Petani dan Alor Star pula supaya menggunakan potential yang ada di tempat-tempat itu dan memberi kesempatan kepada rakyat di situ.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Seperti yang saya katakan awal tadi, Goodyear Malaysia ini adalah contoh yang sungguh baik sebagai resource-based industry. Kita boleh berbangga pada hari ini Malaysia bukan saja terkemuka sebagai pengeluar getah asli tetapi juga telah jauh maju di bidang rubber research hingga dapat menciptakan satu proses istimewa getah untuk tayar atau tyre rubber. Saya sangat menghargai kerja-kerja yang dijalankan oleh RRI yang mana telah menghasilkan getah ajaib iaitu "three-in-one" tree yang mencantumkan type yang terbaik dalam satu pohon dan juga proses yang terbaru sekali iaitu tissue cultivation. Dengan yang demikian, hasil-hasil penyelidikan atau research yang berkembang maju ini akan menjadi lebih munafaat lagi apabila dijalankan bersama dalam proses pengilangan barang-barang buatan Goodyear Malaysia ini kelak.

It is worthwhile to note that our advance research in rubber cultivation and the manufacture of specialised types of rubber such as tyre rubber process developed by RRI will be further enhanced in combination with the research and development efforts of Goodyear Tyre and Rubber Company. I am glad to know the vast reservoir of technical expertise and know-how available with Goodyear Tyre will in turn be imparted to Goodyear Malaysia so that our own boys who are beginning their career in the tyre industry will enjoy its full benefit. This is the reason our objective of selecting export-oriented resource-based industries which will help upgrade skill and technology in this country in preparation for our next phase of industrialisation.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Di samping meningkatkan perkembangan dan kemajuan perindustrian ini, Kerajaan juga sedang mengambil langkah mengadakan satu kumpulan executive Bumiputra dalam usaha mengimbangkan kedudukan pekerja pada semua peringkat. Kumpulan pertama dari executive cadre ini, yang semuanya terdiri dari siswazah belaka, akan mengakhiri latihan mereka bulan Jun ini dan bersedia memasuki lapangan perindustrian yang penuh dengan cabaran itu. Kejayaan menempatkan cadre ini di lapangan yang sesuai dengan latihan mereka amatlah mendesak dan dalam hal ini sukalah saya meminta pihak swasta supaya memberi kerjasama yang jujur dan sungguh-sungguh terhadap usaha Kerajaan melaksanakan dasar yang ditetapkan itu. Tanpa kejujuran dan kerjasama itu, nescaya akan gagal cita-cita Kerajaan yang mana mungkin akan menimbulkan reaksi yang tidak diingini.

In line with the rapid thrust of our industrialisation programmes, the Government has also taken steps to train a corp of executive cadres to meet the needs of industry. The first batch of these cadres who are all graduates will be completing their training in early June and will be ready to enter the new and challenging world of industry. It is very important to ensure the emplacement of these trainees and I sincerely look forward to more favourable response from employers particularly in the private sector to give these young people the opportunity to show their potentials compatible with their qualifications and training.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Goodyear Malaysia atas jemputan ke majlis yang meriah ini. Begitu juga kepada para pekerja dan kakitangan yang turut berpenat lelah menjadikan upacara petang ini satu peristiwa kenang-kenangan kepada semua.

Dengan ini, saya sukacita merasmikan Kilang Syarikat Goodyear Malaysia Berhad ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein dan Tuan Chou En-Lai, Perdana Menteri Republik Rakyat China, sedang berjabat tangan setelah menandatangani Perjanjian yang memetrikan hubungan Diplomatik di antara Malaysia dan China di Peking pada 31hb Mei, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN KERANA MERAIKAN PERDANA MENTERI CHOU EN-LAI DI DEWAN BESAR RAKYAT, PEKING PADA 31HB MEI, 1974

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesudian tuan menghadiri majlis malam ini. Seterusnya saya mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran para jemputan yang mulia dan sahabat yang memberi kami penghormatan pada malam ini. Saya amat dukacita kerana Perdana Menteri Chou tidak dapat bersama-sama dengan kita pada malam ini.

Tiga malam yang lalu, dalam Dewan yang berbahagia ini, saya antara lain telah menyebut tentang rintangan perasaan dan fikiran yang mesti dilalui, walau bagaimana hebat sekalipun, agar rakyat kedua-dua negara kita dapat menjalin semula perhubungan sejarah yang lama itu.

Sejak ketibaan kami di Peking saya telah menghadiri perbincangan-perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan, khasnya Pengerusi Mao Tse-tung dan Perdana Menteri Chou En-lai, dalam suasana penuh keikhlasan dan dengan berterusterang, dan kami telah dialu-alukan dengan hangat dan meriahnya di mana-mana kami pergi semasa lawatan kami di sini. Saya yakin dan percaya selama berada di Kotaraya Peking ini, kita telah berjaya merobohkan halangan-halangan yang telah memisahkan kita sekian lama itu. Apa yang berlaku tidak dapat dikatakan lagi, namun kita berazam menghadapi masa kini dan masa depan dengan perasaan bebas dari curiga dan syak wasangka. Proses mengenal dan memahami satu sama lain dengan baik akan mengambil masa. Ini tidaklah menghairankan ataupun patut dikesalkan. Apa yang lebih penting dan mustahak ialah kita harus mara ke hadapan. Marilah kita meletakkan batu asas, sekeping demi sekeping, supaya menjadi tapak landasan persahabatan yang kekal abadi untuk rakyat kedua negara kita.

Lawatan saya sejak sampai kemari amatlah menggembirakan. Saya merasa bertuah dapat bertemu dan berbincang dengan Pengerusi Mao Tse-Tung yang meliputi bidang rangka yang luas, dan menyentuh cabaran-cabaran serta peluang-peluang terbuka di hadapan mengenai negara kita dan juga dunia. Saya sangat tertarik

hati dan berterima kasih kerana perbincangan itu membayangkan, meskipun approach kita terhadap sesuatu masaalah itu berlainan, kita sebenarnya mempunyai kepentingan bersama dan tujuan yang sama pula.

Dalam perbincangan saya dengan Perdana Menteri Chou, saya merasa amat puas hati dengan hasil-hasil yang dicapai. Saya sangat berterima kasih kepada Perdana Menteri Chou atas penjelasan-penjelasan yang begitu terang dan nyata mengenai sikap dan pandangan negara ini atas perkara-perkara yang penting kepada kita bersama. Begitu juga di pihak saya, seberapa yang boleh telah dapat menerangkan pendapat dan pandangan kami mengenai perkembangan-perkembangan di Asia Tenggara ini. Pengertian dan persefahaman yang dihasilkan oleh pertemuan ini, saya yakin akan memupuk serta mempererat hubungan antara negara kita.

Perhubungan yang terjalin hari ini boleh diibaratkan sebagai pohon yang baru saja tumbuh dan tentulah menjadi tugas kita bersama menjamin pohon itu dipupuk supaya segar dan kuat demi kebajikan rakyat kita bersama dan juga sahabat-sahabat lain yang mempunyai hubungan dengan kita. Malaysia dan Republik Rakyat China mempunyai hubungan dagang yang makin meluas. Begitu juga di lapangan sukan dan kebudayaan. Oleh yang demikian, ikatan muhibbah ini hendaklah dijaga sebaik-baiknya agar benar-benar membawa munafaat kepada kita bersama. Perasaan bimbang dan curiga tidak seharusnya memisahkan kita seperti di masa lampau.

Menyedari hakikat inilah dan juga keyakinan kita akan perkembangan tali persahabatan di masa hadapan, maka pada malam ini kita merayakan keputusan kedua-dua Kerajaan mengadakan hubungan diplomatik antara kedua negara. Inilah kemuncak daripada perbincangan-perbincangan kita dalam beberapa hari sejak ketibaan saya di sini, yang mencerminkan hasrat serta harapan tinggi kita menjalin tali persahabatan yang berkekalan.

Meskipun lawatan saya singkat menurut ukuran masa, namun hasilnya dalam memupuk persefahaman dan ikatan muhibbah akan kekal zaman berzaman. Bagi diri saya sendiri, lawatan ini mempunyai makna yang besar dan saya percaya ahli-ahli rombongan saya juga tidak akan melupakan lawatan bersejarah ini. Kami telah dapat bertemu dengan rakyat negara ini dari berbagai golongan; kami telah juga melihat unsur-unsur sejarah yang penting serta menikmati layanan yang begitu ramah mesra, yang

mana akan kekal dalam ingatan untuk selama-lamanya. Adalah harapan saya semoga tali persahabatan yang baru terjalin ini akan menjadi lebih teguh dan erat di masa akan datang.

Dengan semangat itulah pula saya menjemput tuan-tuan sekalian bangun untuk minum ucap selamat:

— kepada Pengerusi Mao Tse-tung,
— kepada Pemangku Pengerusi Repablik Rakyat China, Tung Pi-wu,
— kepada Perdana Menteri Chou En-lai,
— kepada Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien,
— kepada semua tetamu-tetamu terhormat yang hadir,
— kepada kemakmuran negara dan rakyat China,
— kepada persahabatan antara rakyat Repablik Rakyat China dan rakyat Malaysia semoga hubungan ini terus berkekalan.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein berucap di kempen Barisan Nasional selepas melawat Negeri China di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 2hb Jun, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI RAPAT UMUM BARISAN NASIONAL DI PADANG KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR PADA 2HB JUN, 1974

Saudara Pengerusi, Ketua-ketua Barisan Nasional, Saudara-saudara sekalian yang hadir.

Saya sangatlah terharu melihatkan perhimpunan yang begini ramainya pada malam ini. Pada fikiran saya inilah perhimpunan yang terbesar sekali yang pernah diadakan di Ibu Kota kita. Disebabkan saudara-saudara sekalian telah datang dari tempat-tempat yang jauh dan untuk mengenangkan dan mengingati perhubungan diplomatik kita dengan negara Republik Rakyat Cina, saya sukacita mengisytiharkan besok boleh jadi hari cuti am. Oleh itu sesiapa yang tak sempat balik bolehlah duduk di Kuala Lumpur semalam lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada saudara-saudara yang telah sudi datang dari serata ceruk rantau negara kita untuk menghadiri rapat raksaksa yang diadakan oleh Barisan Nasional pada malam ini. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Encik Ghafar dan jawatankuasanya yang telah dapat mengaturkan rapat raksaksa pada malam ini. Kehadiran saudara-saudara yang begini ramainya adalah menunjukkan yang saudara-saudara sekalian menerima dan memberi sokongan yang kuat kepada konsep Barisan Nasional yang kita sedang ujudkan pada masa ini. Saya percaya dengan sokongan yang begini besar, yang begini kuat, yang begini hangat Barisan Nasional akan tumbuh dengan subur dan dengan kuatnya pada beberapa tahun yang akan datang ini. Saya masih ingat lagi dua puluh dua tahun dahulu pada masa kita menubuhkan Perikatan, ada rintangan-rintangan di antara parti-parti dalam Perikatan. Rintangan-rintangan itu ialah merupakan perbezaan asas di kalangan parti-parti dalam Perikatan. Akan tetapi apabila konsep Perikatan itu telah diterima oleh rakyat jelata dan bila Perikatan telah menunjukkan bukti-bukti dan jasanya pada rakyat

jelata, perbezaan asas itu telah menjadi pokok kekuatan kepada parti Perikatan dan parti Perikatan telah diterima oleh rakyat sehingga hari ini.

Begitu juga saudara-saudara sekalian jikalau pada masa ini ada perbezaan asas di antara anggota-anggota dalam parti-parti dalam Barisan Nasional saya yakin dan percaya perbezaan ini akan hilang. Perbezaan ini akan dihapuskan dan perpaduan yang kuat akan timbul di kalangan parti-parti dalam Barisan Nasional. Saya bersyukur ke hadrat Tuhan dalam negara kita daripada berbilang bangsa ini kita telah dapat menyatupadukan tenaga rakyat yang besar di bawah panji-panji Barisan Nasional. Kita mengetahui bahawa dalam negara kita ini kalau tidak ada perpaduan di kalangan rakyat dan kalau ada pertentangan politik yang hangat di antara satu pihak dengan pihak yang lain ini akan menghalang-kan usaha-usaha kita untuk menjalankan rancangan-rancangan kemajuan khasnya usaha-usaha kita untuk memajukan negara kita dan melaksanakan dasar kita menurut rukun negara dan juga dasar ekonomi baru yang kita telah terima dengan sepenuhnya itu. Jadi memandangkan keadaan inilah saya telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Barisan Nasional ini supaya parti-parti yang menumpukan taat setianya pada Malaysia, supaya parti-parti yang mempunyai dasar menyatupadukan rakyat dapat bekerjasama di antara satu dengan lain untuk melaksanakan cita-cita negara kita ini.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan di atas kejayaan penubuhan Barisan Nasional ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ketua-ketua parti yang ada bersama dengan kita pada malam ini, Ketua-ketua parti yang telah bersetuju mengenepi-kan kepentingan partinya, mengenepikan kepentingan diri mereka itu dan mengutamakan kepentingan bangsa dan negara. Kita berharap dengan adanya konsep Barisan Nasional ini dan yang kita jaya menyatukan tenaga parti-parti yang saya sebutkan tadi iaitu parti dalam Perikatan, UMNO, MCA, MIC, Parti PAS, Parti Gerakan, Parti PPP, Parti SUPP, yang kita harap akan dapat meredakan pertelingkahan politik dan rakyat negeri ini daripada semua bangsa, dapat menumpukan usaha dan tenaga kepada pembangunan negara kita, usaha-usaha menguatkan perpaduan rakyat. Kita sendiri dapat melihat dan mengetahui semenjak Barisan Nasional ditubuhkan faedah-faedah telah didapati daripada konsep Barisan Nasional ini.

Kerajaan campuran telah ditubuhkan di negeri-negeri di Negeri Pulau Pinang, di Negeri Perak, kemudian Negeri Kelantan, Trengganu dan Negeri Kedah, telah menunjukkan bahawa kejayaan-kejayaan yang besar dapat dicapai disebab adanya konsep Kerajaan Campuran ini. Jadi saya berharap dengan sokongan yang hangat dan yang kuat daripada saudara-saudara semua daripada rakyat negara ini seluruhnya kita dapat memperkuat dan memperkukuhkan lagi konsep Barisan Nasional ini supaya dengan itu negara kita yang muda yang sedang membangun itu akan dapat terus maju kehadapan dan kita akan dapat memberi tempat yang sempurna kepada rakyat negara kita daripada berbilang bangsa. Tak dapat tiada seperti saya telah terangkan dalam rapat umum yang telah kita adakan pada masa yang lampau inilah rapat umum yang kelima yang kita adakan bagi mengenalkan Barisan Nasional ini.

Dalam rapat umum yang kita adakan pada masa yang lampau, saya telah terangkan juga tak dapat tiada kita menghadapi tentangan-tentangan daripada pihak-pihak Perkauman dan yang keduanya Anti-National. Kedua-dua pihak ini sungguhpun bilangannya kecil akan tetapi apabila kita biarkan mereka ini menjalankan aktiviti-aktiviti atau gerakan-gerakannya ini akan menghalangkan pembangunan negara kita, ini akan menyusahkan Kerajaan hendak menjaya cita-cita dan hasrat rakyat. Saya suka mengambil peluang ini memberi amaran kepada puak-puak ini bahawa kita di Malaysia ini mengamalkan demokrasi yang berparlimen. Akan tetapi kita ada mempunyai Undang-undang, kita ada mempunyai aturan-aturan dan kalau mereka itu melanggar Undang-undang negara tak dapat tiada Kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka itu. Kita berharap mereka itu akan menjauhkan diri daripada menggunakan issue-issue sensitif untuk mendapat sokongan rakyat, sebab ini boleh menimbulkan perselisihan faham dan pergaduhan di kalangan rakyat yang tidak diingini.

Begitu juga baru-baru ini ada timbul petualang dalam parti-parti dalam Barisan Nasional sendiri yang cuba hendak memecahbelahkan dan hendak melemahkan perjuangan Barisan Nasional. Kita tahu petualang-petualang ini, kita sentiasa memperhatikan gerak-geri mereka itu, kita tahu di mana mereka itu mendapat sokongan, dari dalam ataupun dari luar negeri. Kita sentiasa mengawasi mereka itu, jadi saya berharap mereka itu berwaspada supaya

jangan menjalankan gerakan-gerakan yang boleh merosakkan perpaduan rakyat yang boleh memecahbelahkan rakyat dan boleh menghalangkan kemajuan negara kita yang kita kasihi ini. Akan tetapi saudara-saudara sekalian, saya yakin dan percaya negara kita yang kita kasihi ini akan dapat maju ke hadapan dari sehari ke sehari dan cita-cita dan hasrat negara akan dapat dicapai dan terlaksana dengan sempurna.

Saudara-saudara sekalian.

Saya baru saja petang ini balik daripada membuat lawatan rasmi ke Negeri China iaitu negeri yang dinamakan Republik Rakyat China, negara yang terbesar sekali di dunia ini yang mempunyai rakyat 800 juta orang ramainya. Saya sangatlah tertarik hati dengan sambutan yang meriah dan mesra yang telah diberi kepada saya pada masa membuat lawatan ke Negeri China itu. Begitu jugalah saya sangatlah tertarik hati kepada sambutan yang diberi oleh rakyat di negeri ini pada masa yang balik pada petang tadi di padang Kapal Terbang Subang kita. Jadi ini adalah menunjukkan dengan terang dan nyata bahawa rakyat di kedua-dua negara adalah bersetuju dan menerima dasar kita dan pengurusan kita hendak mengadakan perhubungan diplomatik di antara Negeri China dengan Malaysia dan untuk melaksanakan dasar itulah kita telah mengadakan perhubungan diplomatik dengan semua negara-negara di dunia ini.

Negeri China telah memberi sokongan kepada dasar kita ini. Ini ialah satu perkara yang sangat baik, mereka itu dengan tidak payah kita meminta sokongan dengan kehendak mereka itu sendiri. Perdana Menteri Chou En Lai bukan dengan permintaan saya bahkan datang dari pada mulut dia sendiri mengatakan yang Kerajaan Negeri China menyokong konsep kebebasan Tenggara Asia. Begitu juga dia tanya dengan Selat Melaka saya kata kita dengan Indonesia berkehendakkan Selat Melaka itu tidak dijadikan Selat International, dia kata inipun dia sokong juga. Dia kata patut sangatlah Selat Melaka itu disebabkan Selat Melaka itu tempat rakyat Malaysia dan Indonesia mencari makan, tempat nelayan-nelayan menangkap ikan, jadi kalau di situ berlaku pecahan kapal atau berlaku pollution ini nescaya merosakkan mata pencarian rakyat, di Selat Melaka itu tempatnya sempit kita mengakui iaitu kawasan perairan kita dua belas batu, Indonesia pun dua belas batu, jadi sebahagian daripada Selat Melaka itu telah menjadi kawasan perairan Indonesia dan Malaysia. Dengan

sebab itulah kita kata Selat Melaka itu tak boleh dijadikan kawasan International bahkan mestilah dijadikan yang dikatakan "Internal waterways". Jadi kita syukur Kerajaan China telah menyokong dan mereka itu mengaku hendak menyokong dasar kita di dalam conference atau persidangan "Law of the sea" yang akan diadakan tidak berapa lama lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Itulah saya kata tadi kita berkehendakkan keamanan dan kesetabilan. Dasar luar negeri kita menentukan dan menjaminkan keamanan dan kesetabilan begitu juga kita mesti menjaminkan keamanan dan kesetabilan dalam negeri kita, jadi dengan sebab itulah kita mesti menguatkan perpaduan di kalangan rakyat. Ini kita telah jalankan langkah-langkah yang kita telah tentukan dan telah kita ambilkan langkah-langkah ini saya telah sebutkan, kita telah mengambil langkah menguatkan perhubungan di antara rakyat daripada berbilang bangsa, menguatkan tali persahabatan dan muhibbah daripada berbilang bangsa dan saya percaya dengan adanya perhubungan kita dengan Negeri China sekarang ini dan dengan rakyat Malaysia daripada keturunan China sekarang ini tegas kedudukan mereka itu sebagai warganegara Malaysia, kita percaya kita akan dapat menyatupadukan rakyat dengan lebih sempurna, dengan lebih jaya lagi.

Jadi semua ini kita kena jalankan, begitu jugalah seperti saya katakan berkenaan dengan pengganas-pengganas kominis yang masih ada lagi mengancam keselamatan dalam negeri kita ini. Mereka itu sudah tak ada tempat lagi dengan adanya perhubungan diplomatik dengan Negeri China, tujuan mereka itu sudah hapus sama sekali. Jadi mereka itu hanya sia-sia sahaja perjuangan tetapi kalau mereka itu terus juga perjuangannya, terpaksa kita hapuskan mereka itu dengan sehabis-habisnya. Tetapi kita tak suka hendak membunuh mana-mana pihak, hendak menjahanamkan rakyat. Kalau mereka itu rakyat Malaysia suka hendak balik ke pangkuan masyarakat dan kita akan terima dengan baik dan kalau mereka itu merentikan dasar kekerasan yang mereka itu jalankan mereka itu akan dibenarkan seperti mereka yang ada di Sarawak pada masa ini dibenarkan mengambil bahagian dalam politik, dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha harian sebagai warganegara di negara kita. Jadi kita bersifat adil kepada semua pihak. Kita bukan ada niat tak

baik kepada mana-mana pihak, kita niat baik, kita niat hendak bersahabat dengan semua negara, kita niat kerana kita inginkan kemajuan, kita inginkan kepada perubahan-perubahan, jadi inilah dasar kita.

Dengan sebab cita-cita yang murni inilah kita telah mengambil langkah-langkah sehingga saya terpaksa pergi ke Negeri China untuk hendak melaksanakan dasar kita hendak mengadakan keamanan dan ketenteraman di Tenggara Asia ini. Malangnya oleh sebab saya barangkali umur lebih sedikit, tak ada upaya hendak naik terus ke atas Great Wall of China, hanya sampai kedua tingkat sahaja. Tan Sri Temenggung juga sampai dia ke tingkat tiga, dia lebih kuat lagi. Tetapi apa juga yang kita perlu buat kita buat, jadi itulah saudara-saudara sekalian saya bersyukur ke hadrat Tuhan kerana langkah-langkah yang kita telah ambil bagi kemajuan negara kita bagi keamanan dan ketenteraman negara kita telah mendapat sokongan yang kuat, yang hangat daripada rakyat negeri ini.

Saya sangatlah terharu dengan sokongan yang saudara-saudara beri kepada saya kembali saya daripada Negeri China ini. Saya ingat sokongan yang hangat hanya di Negeri China sahaja, di Negeri China di mana-mana saya pergi sambutan sangatlah hangat. Pada hari semalam saya berada di Shanghai pada masa saya sampai pagi pukul 11.00 mereka berbaris daripada lapangan kapalterbang sampai ke tempat saya tinggal tidak bergerak berbaris bertepuk semua serta jalan kemudian lepas makan tengahari saya keluar hendak melawat ke tempat kanak-kanak mereka itu masih berbaris lagi, bila saya balik petang mereka itu ada lagi berbaris juga, bila saya keluar makan malam pukul 7.30 mereka itu masih ada berbaris lagi, masa itu balik pukul 11.30 malam pun dia berbaris lagi, pukul 8.30 pagi saya hendak balik tadi pun dia berbaris lagi. Entah masa mana dia tidur pun saya tak tahu. Jadi ini menunjukkan bagaimana meriahnya dan mesranya sambutan yang mereka beri kepada rombongan kita yang telah pergi ke Negeri China itu. Jadi sambutan ini telah juga diikuti oleh sambutan yang besar dan meriah yang saudara-saudara beri kepada rombongan kita pada hari ini.

Jadi saudara-saudara sekalian saya sekarang, saya tak payahlah cakap lebih panjang lagi, tak ada apa hendak cakap lagipun sudah banyak bercakap. Kita syukurlah ke hadrat Tuhan kerana dengan terjalinnya perhubungan diplomatik dengan negara yang

besar ini, nama dan martabat negara kita disanjung tinggi oleh dunia. Kita negara yang pertama di Asia Tenggara ini mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara Republik Rakyat China, jadi ini menunjukkan kejujuran kita, keikhlasan kita hendak bersahabat kepada semua negara yang suka hendak bersahabat dengan kita. Dan kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan langkah yang kita ambil ini dengan tujuan yang baik kita sertakan dengan Allah Subhanahuwataala dan kita semua diselamatkan oleh Allah Subhanahuwataala dan segala usaha-usaha kita untuk kemajuan dan kebahagiaan rakyat dan negara kita akan dapat dilaksanakan dengan sepenuh kejayaan.

Saudara-saudara, sekian sahajalah saya ucapkan saudara-saudara semua berbanyak terima kasih dan selamat pulang ke tempat masing-masing. Jangan lupa hari esok cuti sehari. Bolehlah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Tuhan mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam peliharaan Allah Subhanahuwataala.

Sekian sajalah, selamat malam. BERJAYA MALAYSIA, BERJAYA, BERJAYA.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KEPADA PESERTA-PESERTA RANCANGAN LATIHAN EXECUTIVE DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 3HB JUN, 1974

Y.A.B. Datuk Hussein Onn, Y.B. Tan Sri Ghazali Shafie, Pengarah I.T.M., Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan terimakasih atas jemputan untuk menyampaikan sijil kepada peserta-peserta Programme for Executive Development ini. Inilah initiative pertama mengadakan rancangan latihan seperti ini dan sukalah saya memuji serta mengucapkan tahniah kepada pihak yang berkenaan atas kesungguhan dan minat mereka menolong Kerajaan mengatasi kekurangan tenaga eksekutif Bumiputra menurut keperluan Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru.

Seperti yang dikatakan oleh Pengarah I.T.M. tadi, sudah sepatutnya rancangan latihan ini mendapat sokongan sektor swasta oleh kerana maksudnya ialah bagi menampung kehendak firma-firma itu sendiri. Tegasnya, sektor swastalah yang akan mendapat munafaat daripada rancangan ini pada muktamadnya. Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru pihak yang lain-lain termasuk universiti-universiti dan kolej-kolej supaya bekerja rapat dengan sektor swasta dan awam dalam mengendalikan rancangan-rancangan latihan mereka. Dalam keadaan ekonomi membangun, amatlah penting bagi kita mengeluarkan tenaga-tenaga yang diperlukan dalam sistem ekonomi, sosial dan politik yang terdapat di Malaysia ini. Tenaga terlatih tidaklah patut dibazirkan dan kita tidak mahu melihat "unemployed graduates" yang sia-sia kerana ini amatlah merugikan terutama di negara seperti Malaysia di mana tenaga terlatih masih kekurangan.


Saya ingin juga melihat lebih banyak lagi firma-firma dan gudang-gudang perniagaan menunjukkan sokongan mereka kepada institusi-institusi latihan yang dijalankan oleh Kerajaan. Kita akan terus berusaha memberi peluang latihan kepada pemuda-pemudi dan menyediakan mereka dengan jumlah yang seberapa ramai. Tugas melatih dan memupuk bakat lepasan-lepasan sekolah

bukanlah tugas Kerajaan semata-mata, bahkan sektor swasta haruslah sama-sama memikul bebanan untuk melatih dan memimpin pemuda-pemudi kita supaya negara dapat maju ke hadapan dalam semua lapangan.

Saya mengucapkan tahniah kepada peserta rancangan ini kerana merekalah kumpulan pertama yang mendapat latihan seperti ini. Bagaimanapun janganlah pula menganggap mereka ini golongan yang istimewa oleh kerana latihan yang diberikan selama dua bulan ini hanyalah basic dan mereka hendaklah menunjukkan kebolehan sebenar apabila memegang tugas masing-masing kelak. Pihak swasta akan mengukur kejayaan Programme ini daripada performance para peserta kumpulan pertama ini. Oleh itu adalah menjadi kewajipan saudara-saudara semua menanamkan rasa kepercayaan dan keyakinan ini dengan membuktikan sendiri kecekapan dan initiative, semangat dan disiplin yang tinggi.

Sebagai matalamat jangka panjang negara kita ini bukan sahaja memerlukan tenaga eksekutif bahkan yang lebih mustahak lagi kita berkehendakkan para pengusaha (entrepreneurs) yang berani mengambil peluang-peluang di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Pengusaha atau entrepreneur sangat diperlukan dalam bidang ekonomi negara. Kita tidak mahu bergantung selama-lamanya kepada pengusaha-pengusaha luar negeri dan patutlah dari sekarang dibina golongan pengusaha kita sendiri yang faham dan boleh menyesuaikan diri dengan sistem ekonomi dan sosial di negara kita ini. Pengusaha-pengusaha tempatan ini tentulah lebih bermakna lagi dalam mengendali dan menguruskan ekonomi negara kita yang kian berkembang.

Akhir kata, saya sangat gembira dengan kejayaan rancangan Programme for Executive Development ini dan saya harap programme ini akan mendapat sokongan yang lebih besar dari semua pihak supaya benar-benar mencapai matalamat negara. Terima kasih.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein disertai oleh Tun Sambanthan sedang menyaksikan Pamiran Raja Kita di Muzium Negara, Kuala Lumpur pada 4hb Jun, 1974

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PERASMIAN PAMIRAN "RAJA KITA" DI MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 4HB JUN, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pamiran ini kerana memberi saya peluang bercakap sepatah dua pada upacara petang ini dan seterusnya merasmikan Pamiran ini.

Pamiran yang akan sama-sama kita saksikan ialah "Raja Kita" iaitu lambang tumpuan taat setia rakyat negara ini. Saya sukacita pihak Muzium Negara dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara telah dapat menyelenggarakan Pamiran ini, tambahan pula oleh kerana disinilah tempat terkumpulnya warisan sejarah negara dan dengan itu diharap akan menimbulkan perasaan yang mendalam memahami hasrat serta cita-cita kita hendak membina masyarakat Malaysia yang makmur dan maju di masa hadapan.

Seperti sedia dimaklum, taat setia kepada Raja dan Negara adalah kewajipan mutlak bagi setiap rakyat kerana inilah tali ikatan yang menyatukan kita sebagai satu bangsa. Saya berharap agar Pamiran selama sebulan ini akan mengingatkan kita terutama kalangan muda terhadap kewajipan dan tanggungjawab terhadap satu sama lain dan juga terhadap negara.

Sebagai negara yang berbilang bangsa, tapak asas perpaduan rakyat ialah hubungan muhibbah, sikap toleransi dan saling mengerti antara satu sama lain. Dengan semangat inilah para pemimpin kita berjaya membawa kemerdekaan dan dengan ini jugalah negara yang merdeka ini dapat dikekalkan. Semangat cintakan negara atau patriotism mengandungi unsur-unsur taat setia kerana tanpa itu wujud kita sebagai negara tidak bermakna sama sekali.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya yakin dan percaya kita akan berjaya mencapai matalamat negara asal sahaja kita bersedia melakukan tanggungjawab dan memupuk kesedaran di kalangan rakyat terhadap kewajipan

mereka mengusahakan cita-cita bersama itu. Semangat yang saya katakan tadi hendaklah menjadi cara hidup kita dan saya gembira pengajaran dari Peristiwa 13 Mei dulu telah memberikan kita ilham serta petunjuk membina masyarakat baru berlandaskan prinsip-prinsip Rukunegara. Perkembangan dan kemajuan di bidang ekonomi, terutama dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru amat menggalakkan dan ini menjamin harapan yang baik kepada setiap rakyat. Meskipun negara menghadapi masaalah inflasi, namun kita telah mengambil langkah-langkah positive meredakan tekanannya agar tidak menghalang usaha-usaha kita membina bangsa yang bersatu.

Di bidang politik pula, saya sukacita penerimaan terhadap konsep National Front yang menggabungkan tenaga sebahagian besar rakyat sangat memuaskan dan ini diharap menimbulkan suasana yang segar dan cerah bagi masa hadapan. Ketegasan pemimpin-pemimpin politik dalam hal menunjukkan kematangan fikiran kita meletakkan kepentingan rakyat dan negara di atas segala-galanya.

Bagaimanapun, lapangan pendidikan merupakan area penting bagi masa hadapan kerana melalui di bangku-bangku sekolah kita memupuk perasaan kesedaran dan saling menghormati serta tata susila yang baik bagi jenarasi muda. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dilaksanakan masa ini akan membawa integrasi dan perpaduan di kalangan anak-anak serta ini akan memperkukuhkan hubungan mesra antara rakyat berbagai kaum. Usaha-usaha yang dilakukan oleh mass media berjaya dengan lebih berkesan memupuk penyertaan rakyat dalam mencapai matalamat-matalamat nasional itu. Dengan berhasilnya usaha-usaha itu kelak, setiap orang akan merasakan bahawa ia mempunyai hak dan tempat yang sewajarnya dalam masyarakat Malaysia yang maju, makmur dan bahagia.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Tugas kita yang utama hari ini ialah memupuk sikap serta penerimaan rakyat terhadap usaha-usaha Kerajaan hendak membawa kemakmuran dan kesenangan kepada mereka. Segala rancangan yang disediakan dan peluang-peluang yang terbuka tidak bermakna apa-apa sekiranya rakyat tidak memainkan peranan mereka. Memang disedari iaitu negara kita mempunyai masaalah berbilang bangsa yang complex, namun kalau setiap orang bersedia memberikan kerjasama dan sokongan kepada usaha-usaha

Kerajaan itu, hasrat dan cita-cita suci itu akan berhasil dengan penuh kejayaan.

Kita patut bersyukur bahawa negara kita adalah menikmati keadaan yang boleh dikatakan baik dan mendapat nama yang harum di sisi dunia antarabangsa. Beberapa peristiwa penting dan bersejarah yang sama-sama kita saksikan menambah tinggikan mertabat kita dan tidak lama lagi akan diadakan Pesta Pembangunan Nasional mengambil sempena Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam yang akan berlangsung kelak. Semua ini, membuktikan keazaman kita dan kejayaan kita setakat ini membina bangsa dan negara yang meskipun kecil bilangan penduduknya tetapi mempunyai kekuatan dan kemampuan memperjuangkan hasrat dan cita-cita Rukunegara. Inilah landasan yang kekal dan teguh bagi menjadikan perpaduan rakyat satu kenyataan semasa hayat kita dan Pamiran ini pada hemat saya akan membantu ke arah cita-cita itu.

Saya dengan sukacitanya merasmikan Pamiran "Raja Kita" ini.

UCAPAN MENYEMBAH UCAP TAHNIAH DAN SELAMAT OLEH PERDANA MENTERI SEMPENA ULANGTAHUN KEPUTERAAN D.Y.M.M SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGUNG DI ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 5HB JUN, 1974

Mengadap Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Halim Mu'azam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dengan segala kebesaran dan kemuliaannya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Pada hari yang amat berbahagia ini, patik dengan perasaan penuh hormat dan takzim merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah terhadap Kebawah Duli Tuanku bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Patik juga mengambil sempena hari yang berbahagia ini untuk mengulangi ikrar taat setia patik dan ahli-ahli Jemaah Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan, anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan seluruh rakyat Malaysia terhadap Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku.

Patik sekalian turut bersyukur bahawa selama setahun yang lalu ini, negara Malaysia di bawah pemerintahan Kebawah Duli Tuanku telah melihat kemajuan yang cemerlang dalam semua lapangan, khasnya dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua menunjukkan bahawa matalamat pembangunan negara akan dapat dicapai dalam tempoh yang ditentukan itu.

Sidang Parlimen yang baru berakhir dua minggu yang lalu telahpun membahas dan menerima dengan sepenuhnya Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku pada pembukaan mesyuarat pertama penggal keempat Parlimen yang menggariskan aspek-aspek penting dalam pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Tuanku dalam tahun ini.

Ampun Tuanku.

Perpaduan negara adalah semakin hampir menjadi kenyataan dengan terbentuknya Barisan Nasional yang menggabungkan parti-parti politik yang mendukung Kerajaan Kebawah Duli Tuanku hari ini. Kerajaan akan terus mendapatkan sokongan dan kerjasama rakyat dalam usaha meningkatkan pembangunan serta mengawal keadaan keselamatan dalam negeri agar ekonomi negara akan terus berkembang maju dalam semua bidang dan lapangan.

Kejayaan Pasukan Keselamatan di Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia menunjukkan harapan yang cerah bagi memulihkan keamanan dalam tempoh yang tidak berapa lama. Patik sekalian berazam akan menentang segala ancaman dari dalam dan luar negeri. Adalah nyata bahawa rakyat Kebawah Duli Tuanku dari semua golongan dan lapisan sangat-sangat berkehendak kepada keamanan dan kesetabilan yang mana mereka tunjukkan dengan terang dan berani melalui perarakan beramai-ramai mengutuk perbuatan jahat pengganas-pengganas komunis dan penyokong-penyokong mereka membunuh kakitangan Polis serta melakukan angkara-angkara lain. Semangat tabah dan keazaman rakyat Kebawah Duli Tuanku akan berhasil membersihkan kampung dan daerah mereka dari anasir-anasir perosak masyarakat itu.

Dalam bidang ekonomi dan sosial, kemajuan yang dicapai sangat memuaskan. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Tuanku menarik minat pengusaha-pengusaha besar dari luar negeri telahpun berhasil dengan pembukaan beberapa industri penting yang memberikan beribu-ribu peluang pekerjaan kepada kaum belia. Selain dari menumpukan usaha-usaha ini ke Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun, di masa akhir-akhir ini Kerajaan Kebawah Duli Tuanku telah mengalih perhatian pula kepada negara-negara di Asia Barat dengan harapan memperkukuh ikatan mesra yang sedia terjalin itu menerusi hubungan perdagangan dan kerjasama di bidang perindusterian. Hari ini setiap negeri sedang giat memperluaskan bidang perindusterian sesuai dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Tuanku beransur-ansur mengubah corak ekonomi pertanian kepada ekonomi perindusterian.

Sejajar dengan keperluan ekonomi perindusterian ini, pendidikan dan latihan tenaga manusia pada semua peringkat sedang

diperkembangkan menerusi Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Pusat-pusat Latihan Kemahiran dan sekolah-sekolah. Patik sukacita menyembahkan iaitu angkatan kedua siswazah Universiti Kebangsaan akan menerima ijazah mereka pada hari Sabtu ini, yang menandakan paras kemajuan baru untuk Universiti yang muda itu. Kehendak dan keperluan tenaga manusia terlatih untuk pembangunan besar-besaran di Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Pelabuhan Kuantan akan dipenuhi manakala sebuah Politeknik baru didirikan di Kuantan. Di samping itu, Universiti Pertanian sedang membangun cawangannya di Sarawak, yang menambah lagi peluang-peluang pendidikan lanjutan bagi lepasan sekolah di sana selain daripada cawangan kampus ITM di Kuching dan Kota Kinabalu. Baru-baru ini pihak Pusat Pengajian Islam Nilam Puri telahpun mencapai persetujuan bernaung di bawah Universiti Kebangsaan.

Ampun Tuanku.

Kerajaan Kebawah Duli Tuanku penuh sedar bahawa kemajuan material yang didapati menerusi perindusterian dan proses memodenkan masyarakat hendaklah diimbangi dengan usaha-usaha pembangunan rohani, terutama di kalangan golongan belia. Penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah tiga bulan yang lalu adalah satu langkah tegas untuk meningkatkan pembinaan rohani di samping mengembangkan penyebaran ugama Islam sebagai langkah meninggikan syiar Islam di negara ini. Kegiatan-kegiatan belia selama Minggu Belia yang dirayakan tidak lama dulu memberikan perhatian berat terhadap pembinaan akhlak dan menjaga adab tertib serta sopan santun yang mencerminkan identiti kebangsaan.

Buat tahun yang ketiganya, Hadiah Karya Sastera Nasional telah diadakan sebagai menghargai usaha-usaha di lapangan persuratan yang bertujuan mengisi keperluan rohaniah masyarakat dengan bahan-bahan bacaan yang berguna. Mulai tahun ini corak pemberian Hadiah Sastera itu diubah sedikit iaitu memberikan penghargaan kepada penulis atau sastrawan yang paling terkemuka meninggikan mutu dan nilai penulisan dalam jurusan novel, cerpen, sajak dan essei. Kerajaan Kebawah Duli Tuanku bercadang juga mengadakan hadiah untuk penulisan berita yang terbaik seperti yang dibuat mengenai Hadiah Pulitzer supaya taraf dan mutu persuratkhabaran negara ini mencapai tingkatan yang lebih tinggi lagi.

Ampun Tuanku.

Rakyat Kebawah Duli Tuanku seluruh negara amat gembira dengan penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari. Inilah satu peristiwa yang penting dan bersejarah semasa tempoh pemerintahan Kebawah Duli Tuanku dan tidak syak lagi perkembangan terakhir ini membawa makna yang besar kepada hari depan Kuala Lumpur ini. Pihak pentadbiran Wilayah Persekutuan telahpun mengambil langkah-langkah yang penting menyelaraskan pembangunan di kawasan Bandaraya dengan tujuan memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk, melicinkan lalu lintas yang semakin bertambah banyak, di samping memperindahkan dengan menanam pohon-pohon kayu dan bunga-bunga serta memelihara peniggalan-peninggalan sejarah supaya mengekalkan keperibadian Ibu Negara yang dikasihi ini. Dengan langkah-langkah itu, rakyat Malaysia seluruhnya akan dapat berbangga dengan Ibu Negara yang menjadi tumpuan kesayangan dan taat setia mereka serta jenerasi-jenerasi akan datang.

Ampun Tuanku.

Kejayaan yang amat menggembirakan semasa pemerintahan Kebawah Duli Tuanku tahun ini ialah dalam perhubungan luar negeri. Dasar Luar Kerajaan Kebawah Duli Tuanku yang pragmatik, berlandaskan konsep non-alignment dan ingin bersahabat dengan semua negara terutama kuasa-kuasa besar dunia tanpa mengira sistem sosio-politik mereka, meletakkan nama Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia antarabangsa. Penyertaan Malaysia dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Berkecuali di Algiers dan Persidangan Lahore telah mempererat-kan lagi hubungan mesra Kerajaan Kebawah Duli Tuanku dengan sahabat-sahabat lama khasnya di kalangan negara-negara Islam di samping menjalin ikatan muhibbah dengan sahabat-sahabat baru.

Patik mohon menyembahkan iaitu tali persaudaraan dan ikatan istimewa yang kekal teguh antara Malaysia dengan Indonesia dan Burma menjadi semakin erat dengan lawatan tidak rasmi oleh Paduka Yang Mulia Presiden Soeharto ke Pulau Pinang awal bulan lalu dan Tuan Yang Terutama Presiden Ne Win baru-baru ini yang memberi kesempatan baik untuk membincangkan

perkara-perkara kepentingan bersama. Begitu juga dengan negara-negara ASEAN yang lain, patik sendiri telah membuat lawatan ke Singapura untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan di sana dan tidak lama dulu Timbalan Perdana Menteri telah turut menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Jakarta, di mana beberapa keputusan penting telah dicapai termasuk perkara mendirikan Sekretariat Tetap ASEAN di Ibu Negara Indonesia itu. Demikian juga dengan rancangan mengadakan Bank Pembangunan Islam yang dipersetujui penubuhannya di mana Malaysia memainkan peranan penting serta mendapat penghormatan besar dengan perlantikan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Pengerusinya.

Ampun Tuanku.

Patik baru saja pulang dari lawatan ke Republik Rakyat Cina atas undangan Perdana Menteri Chou En Lai untuk memeterikan perjanjian perhubungan diplomatik antara negara besar itu dengan Malaysia. Kerajaan Kebawah Duli Tuanku telah menempa sejarah baru dengan terjalinnya perhubungan yang mempunyai makna penting buat Malaysia dan rantau Asia Tenggara ini. Lawatan patik itu mendapat perhatian besar di negara China itu dan merupakan satu penghormatan yang tidak ternilai harganya kepada Kerajaan Kebawah Duli Tuanku.

Dengan adanya perhubungan diplomatik di antara kedua Negara dan dengan persetujuan hormat menghormati antara satu sama lain serta tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam Negeri masing-masing, patik percaya dapat diperkukuhkan muhibbah dan perpaduan di antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, sebahagian daripadanya berasal dari keturunan China. Begitu juga kepada pihak pengganas-pengganas yang menjalankan kekerasan terhadap Kerajaan Malaysia, mereka dan penyokong-penyokong dapat memahami iaitu Kerajaan Malaysia adalah diakui dan diiktiraf oleh semua Kuasa-kuasa Dunia termasuk Republik Rakyat China.

Ampun Tuanku.

Selanjutnya, adalah didalam makluman Kebawah Duli Tuanku mengenai kesedihan yang menimpa rakyat Negeri Pahang iaitu kemangkatan Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azam Shah di Pekan baru-baru ini. Sesungguhnya inilah

kehilangan yang besar bukan saja kepada Negeri Pahang bahkan juga kepada negara. Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmatNya ke atas roh Baginda. Begitu juga Kerajaan Kebawah Duli Tuanku telah menghadapi kerugian seorang tokoh negarawan yang terkemuka iaitu Y.B. Tun Tan Siew Sin, yang telah meletakkan jawatannya sebagai Menteri Kewangan setelah berkhidmat dengan jujur dan penuh dedikasi selama hampir lima belas tahun. Jasa-jasa beliau akan sentiasa diingati dan dihargai oleh rakyat negara ini.

Ampun Tuanku.

Akhirnya, patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wataala mudah-mudahan dilanjutNya usia Kebawah Duli Tuanku dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung, dengan dilimpahkan rahmatNya serta dikurniai sihat walafiat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negara Malaysia ini.

Demikianlah sahaja patik persembahkan, patik pohon ampun beribu-ribu ampun jua.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI DEWAN JAMUAN BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR PADA 8HB JUN, 1974

Hadirin yang mulia.

Sekali lagi kita berhimpun di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama dengan seluruh keluarga Universiti Kebangsaan Malaysia menyambut hari yang berbahagia bagi mereka khasnya bagi para siswazah yang menerima ijazah masing-masing hari ini.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subahanahu Wataala atas hidayah dan inayahNya menunjukkan kita sekalian kepada jalan yang benar dan memberkati segala usaha kita yang semata-mata bertujuan untuk membawa kebaikan bagi nusa dan bangsa. Mudah-mudahan Allah akan terus memberikan kita taufikNya dan mencucurkan rahmat serta memelihara kita dalam keadaan aman damai dan bahagia.

Inilah kali yang kedua Universiti Kebangsaan Malaysia yang masih muda umurnya mengadakan majlis Konvokesyen bagi para siswazahnya. Pada hari yang berbahagia ini kita sama-sama bergembira bahawa Universiti Kebangsaan mendapat penghormatan dan berbakti kepada seorang tokoh wilayah Nusantara, bahkan beliau adalah seorang ahli falsafah Islam zaman moden yang banyak memberikan sumbangan kepada ilmu pengetahuan dan kesusasteraan yang bernilai tinggi. Sebenarnya Prof. Dr Haji Abdul Malik Karim Amarullah atau lebih terkenal Hamka adalah kebanggaan seluruh Nusantara dan juga dunia Islam di zaman kita ini. Saya dengan rasa penuh tawaduk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan pujian kepada beliau sambil berdoa semuga Allah panjangkan usianya untuk terus berbakti.

Hadirin yang mulia.

Saya sangat berbesar hati atas perkembangan dan kemajuan Universiti Kebangsaan selama setahun lalu baik dari aspek pembangunan fizikal dan juga dari hasil tenaga manusia terlatih yang telah lulus. Pada tahun lalu, kita telah bersama-sama menyaksikan di Dewan ini peristiwa bersejarah iaitu penyampaian

ijazah kepada kumpulan pertama siswazah yang telah lulus dari Universiti ini. Mereka ini telahpun melanjutkan pengajian masing-masing untuk melayakkan diri bagi ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian atau Honours dan antaranya, seperti kita sama-sama maklum, seramai lima orang mendapat Kelas Pertama. Kejayaan mereka itu tentulah menjadi kebanggaan bukan saja bagi mereka bahkan juga bagi seluruh keluarga Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dengan berhasilnya kumpulan pertama siswazah kepujian ini, bolehlah dikatakan Universiti Kebangsaan meningkat kepada kematangan. Bagaimanapun, kita sedar bagi sesuatu Universiti tiadalah hanya memadai dengan kemajuan dari segi akademik saja bahkan perlu pula keseimbangan dari aspek-aspek lain. Saya telah memberi persetujuan atas penyusunan semula Jemaah dan Majlis Universiti ini dan melantik beberapa orang tokoh terkemuka yang mempunyai azam dan dedikasi untuk memimpin Universiti ini ke mercu yang lebih tinggi. Saya yakin dan penuh harapan kerjasama anggota-anggota Jemaah dan Majlis dengan pentadbiran dan anggota akademik akan sentiasa dikekalkan demi kemajuan dan keutuhan Universiti ini pada masa hadapan.

Hadirin yang mulia.

Kita sedia maklum bahawa matalamat pendidikan ialah semata-mata untuk kepentingan pembangunan bangsa dan negara khasnya cita-cita membina bangsa Malaysia yang berkebudayaan, berhaluan dan teguh bersatu. Dasar Pelajaran Kebangsaan kita yang berlandaskan bahasa penyatuan iaitu Bahasa Malaysia adalah landasan yang sebaik-baiknya bagi mencapai matalamat ini dengan berpandukan prinsip-prinsip Rukunegara. Bagaimanapun, adalah penting dan mustahak bagi kita melihatkan agar pelaksanaan dasar ini berjalan dengan imaginative dan saksama, serta disesuaikan dengan hakikat negara kita yang berbilang bangsa.

Saya penuh yakin bahawa sistem pendidikan yang ada sekarang ini menjamin kehendak semua pihak yang berkenaan dan menjaga kepentingan masing-masing terutama warisan kebudayaan warganegara yang berlainan rumpun bangsa. Oleh itu saya rasa tidaklah kena pada tempatnya tindakan-tindakan yang sebenarnya berpunca daripada rasa curiga dan syak wasangka yang sengaja ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu. Tindakan-tindakan seperti itu boleh

merupakan ancaman terhadap keselamatan negara andaikata dipergunakan pula oleh anasir-anasir anti-nasional untuk menjalankan jarum politik mereka.

Dalam hubungan inilah saya merasa perlu menekankan betapa mustahaknya kita menjaga persefahaman sistem pelajaran itu supaya tidak menyeleweng dan benar-benar mengikut landasan yang ditentukan itu. Terutama sekali di peringkat pengajian tinggi, amatlah penting bagi mereka yang mendapat munafaat daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan menggunakan peluang itu sebaik-baiknya agar dapat pula mereka memberikan sumbangan kepada hasrat dan cita-cita negara.

Hadirin yang mulia.

Dalam lawatan saya ke negara Republik Rakyat China baru-baru ini, saya berpeluang melawat salah sebuah pusat pengajian tinggi yang terkemuka di sana iaitu Tsinghua University di Peking. Meskipun kita mempunyai sistem pentadbiran dan social structure yang berlainan, namun kita boleh mengambil pengajaran dari pengalaman mereka iaitu pendidikan hendaklah memenuhi cita-cita politik rakyat. Bagi kita di Malaysia ini, matalamat cita-cita ini adalah juga sama, hanya dalam context rakyat negara kita yang berpegang pada demokrasi dan berpandu kepada Rukunegara. Walaupun antara kita dengan mereka mempunyai cita-cita yang tidak berbeza, tetapi kita harus mengambil jalan yang berlainan sesuai dengan watak dan keperibadian negara kita sendiri.

Berpaling pada keadaan di Universiti Kebangsaan Malaysia, hari ini terdapat hampir-hampir 2,200 orang mahasiswa dalam semua fakulti, termasuk Fakulti Perubatan dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan yang baru ditubuhkan. Ini tidak syak lagi adalah satu perkembangan yang pesat mengingat bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia baru memasuki tahun kelima. Bagaimana pun sukalah saya memberikan pandangan tegas bahawa kemajuan pada segi jumlah tidaklah bermakna apa-apa kalau tidak terdapat mutu atau quality yang bernilai di kalangan mahasiswa kita.

Lazimnya pada masa perlumbaan mencari career, mahasiswa terlalu menitikberatkan pelajaran semata-mata dan mengabaikan hal-hal lain yang tidak kurang penting dalam kehidupan kampus dan sebagai mahasiswa dalam ertikata sepenuhnya. Saya ingin melihat mahasiswa kita amnya mempunyai watak yang ideal dalam semua bidang tegasnya: intelectually and physically fit and with

high morals—tajam otak, jasmani yang sihat dan susila yang tinggi supaya benar-benar mencerminkan manusia yang intelek dan budaya—intellectual and cultured.

Saya rasa tidaklah terlalu sukar bagi seorang mencapai objektif ini asal saja dia sentiasa ingat bahawa pendidikan mempunyai tujuan tertentu atau purposeful dan sebagai pelopor zaman pembaharuan dia hendaklah mempunyai motivation dan dedikasi. Inilah yang saya harapkan dari mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia ini khasnya mereka yang baru saja melangkah ambang pintu gedung pengetahuan ini.

Hadirin yang mulia.

Akhir kata, sukalah saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terimakasih kepada anggota-anggota Majlis dan para guru Universiti Kebangsaan Malaysia atas usaha dan sumbangan mereka mencatitkan kejayaan-kejayaan cemerlang selama tahun ini. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada bekas Naib-Canselor, Datuk Dr Ariffin Marzuki, yang telah berkhidmat membimbing Universiti Kebangsaan ini hingga beliau menamatkan perkhidmatannya tidak lama dahulu.

Seterusnya, saya mengucapkan tahniah kepada para siswazah yang menerima ijazah mereka hari ini dengan harapan semoga siswa yang lain-lain mendapat inspirasi daripada kejayaan mereka itu. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Universiti Kebangsaan Malaysia ini akan bertambah maju dan mengukirkan sejarah yang gilang-gemilang berbakti kepada negara Malaysia yang dicintai ini.

ADDRESS BY THE PRIME MINISTER AT A SPECIAL SITTING OF THE 59TH SESSION OF THE INTERNATIONAL LABOUR CONFERENCE, GENEVA ON 11TH JUNE, 1974

Mr President, Mr Director General, Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I am deeply touched by the honour that you in the I.L.O. have accorded to me and to my country by your invitation to address this fifty ninth Session of the International Labour Conference this morning. I thank you for this honour and I also thank the Director-General for his generous, perhaps too generous, words of introduction. It is indeed a heartening experience for me to come here to see for myself the workings of this unique organisation which brings together the distinguished representatives of Governments, employers and workers from all over the world, in joint endeavour to promote further the economic and social well-being of the world's peoples, and universal and lasting peace based on social justice.

Over the years, I have followed the progress of the I.L.O. with great interest, because I know the importance and value of the Organisation's work and I have seen its practical effectiveness on the ground in my own country. Malaysia became a member of the I.L.O. in 1957, the year our country became independent. In the seventeen years since then, our association with the I.L.O. has been a constructive and fruitful one. The Organisation has played a significant role in many fields of economic and social development in Malaysia, and I would like to take this opportunity to express personally our thanks to the Director-General and his officials, both past and present, as well as to all constituent member countries who have assisted us in so many ways over the years.

We in Malaysia have for long been concerned with the I.L.O.'s objective of universal and lasting peace based on social justice and on the economic and social well-being of the world's people. It is an objective which we hold very dearly in Malaysia. Our foreign policy of friendship, of regionalism, of non-alignment, of seeking

to create in Southeast Asia a Zone of Peace, Freedom and Neutrality, has these objectives.

Only ten days ago, I returned from a trip to Peking—a journey of goodwill, as I have called it—which was intended to set the seal on the foreign policy initiatives which my Government set in train since September 1970. We seek peace—but a peace with justice for all. We seek prosperity—but a prosperity with dignity for all. We pursue our foreign policy to create an environment for ourselves in which our resources, human as well as material, will flow not for destruction but for construction, not for more swords but for more ploughshares, not for the power and aggrandizement of the State but for the economic and social well-being of all our peoples. These objectives of our foreign policy surely accord well with purposes of this Organisation.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

We are meeting today at a time of relative peace in the world but certainly not of stability. I refer particularly to the unprecedented phenomenon of world-wide inflation. One major industrialised country is experiencing double-figure inflation for the first time in a quarter of a century while another is in the grip of its worst inflation in a hundred years. The developing countries as a whole were recording consumer price increases of 15% in 1972 itself while those in the Western Hemisphere have seen rates of 30%.

The current wave of inflation has been attributed to many factors—some superficial and others more basic. The more readily apparent of these inflationary pressures have been widely commented upon, and I do not propose to elaborate further on them here. Nevertheless, I think it is necessary to say that an underlying cause is the lack of political will and discipline in important areas of the industrialised world. Sustained attempts were made by these countries to obtain "guns and butter" without paying sufficiently for either!

As a consequence, inflation became, perhaps unwittingly, one of the imports which a number of open economies were subjected to. In Malaysia, where foreign trade amounts to more than 40% of our G.N.P., we are particularly aware of the impact of imported inflation. For two decades, Malaysia experience remarkable price stability by any international standard. After these

twenty years with price increases below 1%, Malaysia experienced inflation rates of 3% in 1972 followed by over 10% in 1973.

Inflation and price instability are now the common concern of almost all the world's peoples. Their consequences stretch well beyond prices and economies. Inflation tends to punish the prudent while rewarding the speculator. The sharp increases in food prices wreak considerable damage on those who spend more than half their income on food. Inflation makes most of us poorer—in social values, if not in real income. Above all, it makes the poor even poorer. It represents a pervasive erosion of social justice. In the long run, few societies today can expect to grow with impunity if they do not heed the pressures for an equitable distribution of resources. We have too many stark reminders of this, to ignore these pressures. It is obvious that Mankind will not—and indeed must not—endure such inequalities indefinitely.

In these times when social values are being eroded on many fronts, we cannot afford any further conflict and confrontation, neither between labour and capital nor among any other sectional interests. The scoring of short-term points and temporary gains should give way to more far-sighted and enduring goals.

The responsibility for promoting development with social justice rests upon all of us. It must be a major concern and responsibility not only of governments but, equally, of labour and of industry. Any segment of society which exploits excessive and immediate advantage, ignoring the welfare of society as a whole, would be acting to hasten its own downfall. In the words of the I.L.O. "poverty anywhere is a threat to prosperity everywhere".

It is in this context I would urge that all of us work together in dealing with the current pressures without placing the burden of our responses on the already disadvantaged and deprived.

In some quarters it appears that the unwitting victims of many of the crises we face will be labour—in the form of growing unemployment. Your Director-General's Report indicates that of the total labour force in the world of 1,600 million, over two-thirds of them, some 1,100 million, are in the developing world. While the world's labour force is increasing by about twenty seven million each year, the levels of both unemployment and under-employment are staggering. The Director-General provides his frank assessment that "some 300 million people in the world

are deprived of adequate opportunities for gainful employment, and the numbers are growing steadily".

In the light of this phenomenal pool of unused manpower, it would be singularly unfortunate if governments or industry respond to these crises with measures that further swell the pool of idle and under-utilised labour.

On the other hand, organised labour would be equally parochial if it chooses to pursue a strategy which ignores the consequences to the cost of living and the cost to the unemployed. The world now faces the real risk that, if the major response to inflation remains of the traditional type, we will be faced with an even greater problem. I am referring to the real possibility that the world may further swell its pool of unused manpower. This is clearly an area where the I.L.O. can make a momentous contribution. The I.L.O., working in concert with other international agencies ranging from the International Monetary Fund to the Food and Agricultural Organisation, could set the pace for us to rise above these Traditional and sectional responses. This is the vision we must have before us.

In the global context, none of us—whether from the developed or the developing countries, whether representatives of government, employer or labour—can afford to allow the internal political and economic conditions in the major industrialised countries to retard development in the rest of the world, I refer here in particular to the Multi-Lateral Trade Negotiations (MTN) that had been launched. Unless the MTN proceed at a much faster pace, we cannot expect to conclude the trade negotiations by 1975. The purpose and urgency of providing a fairer deal and a more equitable share of world trade to the have-nots in the developing nations would have then been lost—not perhaps by malice but certainly by default. Delay on the part of the developed countries is morally untenable particularly in the uncluttered area of tropical products. These have been identified as a priority sector in the MTN.

The stakes involved in providing better access of exports from developing countries to markets in developed countries are nothing less than development and employment in the developing countries. These issues are far too crucial to be set aside because of day-to-day domestic political fortunes. No one can be optimistic

that the MTN will get off the ground this year in view of the present political and economic development in the major developed countries. If therefore, the MTN are not ready to deliver the goods, then, I say the time has come for the developed countries to meet and negotiate in earnest with the developing countries. Clearly we cannot wait any longer merely because the developed countries are not yet ready to negotiate between themselves. We have been put off for more than two-and-a-half years since UNCTAD III met in Santiago: We cannot delay any longer, we must make progress.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

Closely connected with the problem of international trade is the international monetary situation, which must also give cause for serious concern to all of us, irrespective of where we come from or whom we represent here in this Hall. The pace of developments on international monetary reform is not satisfactory. Progress on the world trade front, slowly as it is already, is further hampered by the continuing instability, still far from being resolved, on the international monetary front. This is an issue which we must have a high priority on the International Agenda.

In this connection, I note that the current approach is for an evolutionary approach with some aspects of reform implemented early while other aspects are to be developed over the longer term. The concerns with the immediate pressures from inflation and uncertainties on balance of payments are understandable, indeed legitimate. I am anxious, however, that the long-term objectives of monetary reform should not suffer as a result of these current considerations. The developed countries in particular must provide further evidence in practice that their national concerns with promoting exports will not result in the escalation of trade restrictions. Such a policy leading to a trade war will be both foolish and dangerous: we are all the losers in such a war.

At the same time, the reform of the international monetary system cannot be exempt from the pervasive goal of social justice. Adequate consideration needs to be given to the position and the interests of the developing countries. One specific point in this context is that the size of the Council of Governors on monetary reform should be large enough to ensure adequate representation of the developing countries without being unwidely. Developing

countries may not possess the economic and financial muscles of the developed countries. But, failure to take sufficient account of their needs and interests cannot result in an equitable, and therefore lasting, international economic order.

I am aware that there is no lack of technical agreement on the broad thrust of reform with respect to issues such as SDR valuation, the broad guidelines for floating, and the need for a new Council of Governors. What we need ironically is the political will to get on with the business of reform without "politicking" by individual big power interests. There is too much politics now in dealing with the world monetary situation. Too many of the major financial powers are considering the issues in terms of short-term advantages, of manoeuvring to obtain the maximum benefits for themselves individually without sufficient consideration for the interest of the international community as a whole. In such a struggle among the developed countries, it is the developing countries who stand to lose most. I urge therefore that we must stop playing power politics with international finance. The issues must be considered strictly on the basis of economic and financial considerations and in the larger interest of the international community as a whole. Tomorrow (June 12) the Governors of the Committee of Twenty begin their meeting in Washington. Our hopes for speedy monetary reform with social justice and for international development rest with them and the new Council of Governors. I trust they will not fail us.

Distinguished Delegates.

In the same spirit of looking at the larger, long-term interest, let me refer to the emerging giant among us, the multi-national corporations. They need to demonstrate a greater sense of social responsibility to the society in which they physically operate. In these corporations orbit entirely around their headquarters, regardless of the problems and aspirations of the people in those country they operate, they are inviting hostility which may well lead to rejection. This is not what one would envisage for them. They need, therefore, to demonstrate a greater concern for the interests of the people of the host country than the scoring of immediate financial advantage. This will provide the basis for a more just and balanced partnership among us. This is surely what we must all seek.

Distinguished Delegates.

My first concern has been with jobs. This is a basic requirement for human dignity. My second concern is even more basic than human dignity. I am referring to human survival. In this context, food production needs to be elevated in priority in the global strategy for development and modernisation.

Known world grain reserves have been low in recent years. As one observer put it graphically "the world cupboard is nearly bare". World stocks of wheat, for instance, have been at their lowest levels since a quarter of century, when there was food rationing in many countries following the last World War. Any improvement in this position will depend on the optimistic forecast for harvests this year materialising.

The recent oil price increases—the reasons for which are well appreciated by my country— has however meant higher costs for fertilizer, transportation and bunkering fuel. There appears to be some scope for reduced consumption of fertilizers for non-economic purposes among the affluent nations. In my country, as well as many others, fertilizer costs have so risen that extensive subsidies have had to be provided to keep our farmers in production.

While I have mentioned wheat, the staple food in tropical Asia is rice. Yet some Asian countries which have been traditional exporters of rice have been forced to turn net importers in the recent past. In our small way in Malaysia, we hope to increase rice production from meeting 90% of our requirements to reach complete self-sufficiency. Increased rice production is to be achieved largely by off-season cropping and by bringing new areas under cultivation. Meanwhile our agricultural researchers are experimenting with new methods of cropping which increase yields sharply and reduce the length of the growing season.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I have touched on our immediate concerns with unemployment and the problems faced with agricultural production. This concern in the short run with jobs and food for the have-nots needs to be matched by a long term strategy for population planning.

The President of the World Bank, Mr McNamara has underlined the urgency of the threat of unmanageable population pressures vividly.

He has said, "Overly rapid population growth simply erodes and dissipates development gains in every sector: savings evaporate, scarcities multiply, resources are stretchd so thin that in the end they cannot cover the most essential needs".

In Malaysia our population growth has dropped from over 3% to about 2.5% in the last decade and a half. Our strategy of development and extension of services is designed to ensure further and substantial reduction in our population growth to about 2% in the next decade. We feel that this will make an important contribution to our objective of raising the level of well-being of families and of bringing about a better distribution of income.

In pursuing national development my government does not rely on economic growth alone to meet national aspirations. We seek more rapid economic growth but we also seek to achieve a more equitable distribution of the fruits of such growth. Our New Economic Policy which guides our overall development, has as its over-riding objective the promotion of national unity. It has a two pronged strategy which seeks firstly, the eradication of poverty by raising income levels and increasing employment opportunities for all Malaysian; and secondly, the restructuring of the Malaysian society to correct economic imbalance among the races and among regions.

We have recognised that this strategy of development involves social engineering on an unprecedented scale. We have therefore embarked on a vast programme of action which seeks more employment and higher incomes for our rural and urban populations. We seek in this programme to ensure a fairer distribution of opportunities among all our peoples, both rural and urban. We have provided in this programme a sharper and more dramatic focus to the problem of closing the gap between the haves and the have-nots in Malaysia. In doing this, we are endeavouring to overcome the disparities and imbalances almost entrenched in our economic and social systems through centuries of colonial rule. We are seeking to draw together Malaysians of all races and regions, hitherto separated by occupation and by residence, into a cohesive partnership in the mainstream of the nation's life and well-being.

At the heart of our strategy of development is the promotion of productive employment opportunities for our growing labour

force in commerce and industry and in land-based activities. As a key feature of our rural development effort, we have embarked on a massive programme of new land development and settlement, a programme of particular significance in Malaysia as almost three-quarters of our population are rural dwellers. These programme of new land development have begun to add more than one million acres of new land, or over 12%, to our cultivated agricultural land every five years, directly benefitting about a 100,000 farm families during the period. Such a pace of new land development will make a tremendous contribution to the process of relieving presently cultivated areas of their excess populations. This thereby promotes the growth of incomes of the families settled in new land as well as those remaining on their old farms. To ensure the latter, we have mounted a concentrated programme of agricultural extension and self-improvement in the older farm areas.

We have now begun to provide a dramatically new orientation to these land schemes, as pioneering vehicles for the modernisation of rural life itself. We have begun to build around land and its rich timber and soil resources the concept of integrated development. Of the land area in Malaysia suitable for agriculture, barely one-quarter (only eight million acres) is now under cultivation. The remainder is found in large unexploited areas on which there is rich tropical timber, a product with buoyant world market demand. A number of these areas have already been studied intensively and long-term master plans prepared for their development which use these primary resources of land and timber as a starting base for agricultural development and secondary industries, commerce and service industries of various types.

The network of infractructure facilities, settlement patterns and services for these various activities are also planned so as to enable the creation of new urban centres within these regions. The very size of these regions, their economic potential and their co-ordinated development over time will thus provide the thresholds for a diversified pattern of rural development which is capable of sustaining a viable and dynamic farm population—farmers whose incomes are high relative to the urban sectors and who with their children can look forward to a rich and satisfying livelihood, with opportunities far beyond the boundaries of their own farm holdings.

Presently, such integrated regional development efforts are underway in about ten areas of Malaysia, spanning about fifteen million acres, or roughly half of the land area considered suitable for agriculture. Some of the regional plans are already being implemented within the perspective of twenty-years master plans, while the rest are in various stages of planning. We in Malaysia are confident that in this way our rural development efforts will make a significant impact in enriching the livelihood and expanding the horizons of our rural people and substantially alter our rural scene. Together with other programmes of rural development, they will create in the rural areas an environment which will attract the skills and services of young and old alike.

These efforts involve a scale of organisation and management which has rarely been applied to rural development anywhere. They involve the institution of management systems and technology which serve both short and long-term social and economic needs. Above all, they call for an administration which continuously monitors development in the perspective and path designed for each region and which at the same time remains alert to the shifts and changes of circumstances not originally anticipated. We have in Malaysia innovated a great deal in regard to such management systems and requirements, to cope with the need for planning and implementation at the grass-roots level as well as continuous monitoring and guidance from upper levels of the administration. We have, in our small way, shown that they can work and produce the desired results. It seems to me that the management systems we have created and the technology we have employed could be of interest to many other developing nations. We in Malaysia stand ready to share this experience with others in the developing world.

Half a million of our workers are already covered for employment injury and other contingencies under our rapidly growing Social Security Schemes. In this respect, we have received substantial help from the I.L.O. We are now concerned with the extension of these schemes to the whole labour force, an important part of which is employed in agriculture. A full 50% of our workers are in agriculture as farmers and fishermen, for whom the conventional systems of social security cannot be readily applied. We are closely studying, in conjunction with experts provided by the I.L.O., innovations and modifications to the Social Security

Scheme which will enable the benefit of the scheme to be extended to these agricultural workers.

Distinguished Delegates.

The age structure of the world's population shows that only about 28% of the population in the developed countries is under fifteen years of age in contrast with the 42% share in the developing countries. Malaysia's population is even younger. Almost half of our people are fourteen years or below in age. Altogether, about three quarter of Malaysia's population is below thirty years of age.

Your Director-General's Report has highlighted youth as one of three particularly disadvantaged groups of the world's population, who should receive priority attention from the I.L.O. I welcome this. Youth comprise a full one-third of the labour force in developing countries. More important, they form the base on which many of the skills of modern development can be built. In recognition of their potential, my Government has designed special measures for the training of youth for productive employment. A variety of programmes starting with a good educational preparation of the emerging labour force and including programmes of self-employment and land settlement for youth, have been launched.

We in Malaysia believe fervently together with I.L.O. that social justice means that progress and prosperity must be shared by all our peoples. National development cannot take place without the full co-operation of workers, employers and the government. In the final analysis, the three parties are the partners in progress. Here I would pay a special tribute to the workers and employers of Malaysia. Without their full response and co-operation to our national aspirations, we would not have attained as we have today the position of being the world's leading exporter of not only rubber and tin, but also of tropical hardwoods, palm oil and pepper, as well as of making remarkable strides in the modern industrial and manufacturing sectors. As to how much of this is due to the government, I shall let you be the judges. I am also proud of the many representatives of workers' and employers' organisations of Malaysia who are making an impact by their participation in the work of the I.L.O. This is one small but substantive way in which we can share our modest experience and knowledge in national development with others.

Looking at the contemporary international scene, one cannot help but feel that this is a rare moment in history for us all. We can hesitate, turn inwards or score immediate points for sectional gains. Alternatively, we can lift our sights and work towards a better world for peoples all over the globe. Let us begin with the humble task of providing jobs and food as basic requirements for human survival and human dignity. Let our youth who will in the years ahead represent labour, industry and governments in this very hall continue this task. But, let this generation itself bequeth to our youth a better life and a better world than we have inherited.

The struggle towards equal opportunities for all must gain greater momentum. The torch of social justice was lit by the I.L.O. more than half-a-century ago. Let this light show us the way through the present clouds of inflation, unemployment and threatening hunger.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein merasmikan Seminar dua hari bagi Para Pengarang dan Penulis Akhbar di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 17hb Jun, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR 7:6:74

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN SEMINAR PARA PENGARANG DAN PENERBIT AKHBAR SELURUH MALAYSIA DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 17HB JUN, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Seminar kerana menjemput saya untuk merasmikan Seminar Para Pengarang dan Penerbit Akhbar-akhbar seluruh Malaysia pagi ini.

Sebenarnya, inilah pertama kali Seminar yang khusus diadakan dalam mana para pengarang, penerbit-penerbit akhbar, para wartawan dari seluruh Malaysia, wakil-wakil Pusat Pengajian Tinggi dan Pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan serta wakil-wakil dari pihak Kerajaan berkumpul untuk bertukar-tukar fikiran dan membincangkan masaalah persuratkhabaran di Malaysia.

Tidak syak lagi, perjumpaan seperti ini sungguh besar maknanya dan saya sangat gembira dapat hadir bersama-sama dan juga diberi penghormatan untuk merasmikannya. Ramai antara hadirin di sini terdiri dari tokoh-tokoh terkemuka di lapangan mass media dan oleh itu saya berharap saudara-saudara dapat melahirkan pandangan serta pendapat yang bernas dan waras dan saya yakin perbincangan Seminar ini akan membawa faedah yang besar bukan sahaja kepada para peserta tetapi juga Kerajaan dan rakyat keseluruhannya.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti kita sedia maklum, akhbar-akhbar sebagai sebuah public institution mempunyai dan memain peranan yang penting dalam sesebuah negara terutamanya di negara-negara sedang membangun. Akhbar dan mass media lain-lain menjadi orang perantaraan antara Kerajaan dengan orang ramai. Tugas dan tanggungjawab ini bertambah penting dan berat dalam negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum seperti Malaysia ini. Semua pihak yang berkenaan hendaklah sentiasa berhati-hati dan menentukan segala apa yang bakal disiarkan untuk umum supaya tidak menimbulkan salah faham ataupun menyinggung perasaan sesuatu golongan.

Dengan itu dapat membantu Kerajaan memupuk persefahaman dan mengukuhkan tali persahabatan di kalangan rakyat. Terutama sekali para wartawan haruslah sedar tentang mustahaknya mereka memahami sesuatu masaalah itu dengan mendalam dan sesuatu perkara yang hendak dilapurkan hendaklah berasaskan kepada "facts" atau fakta yang benar. Pada setiap masa, akhbar-akhbar mestilah bersikap objektif dan tidak menyebelahi mana-mana pihak serta menjauhkan sebarang pemberitaan yang menimbulkan ketegangan antara satu pihak dengan yang lain.

Saya sukacita pada masa ini terdapat persefahaman dan kerja-sama yang baik antara Kerajaan dan pihak akhbar dan saya ingin kerjasama ini berterusan di masa depan. Bagaimanapun, kadang kala saya diberitahu tentang kesukaran pihak akhbar mendapat bahan-bahan berita dari Jabatan-jabatan Kerajaan. Perkara ini tentulah boleh dibincangkan dengan pihak yang berkenaan dan saya percaya dapat diselesaikan dengan memuaskan. Pada lazimnya Kerajaan memang sentiasa bekerjasama dengan akhbar tetapi ada juga kalanya Kerajaan atau Jabatan tertentu tidak dapat memberi jawapan atau penjelasan mengenai sesuatu hal dengan segera. Perkara ini bukanlah sengaja dilakukan dan tentulah ada sebab-sebab yang munasabah. Umpamanya, mengenai kedudukan keselamatan ataupun gerakan dan peristiwa yang melibatkan tentera dan polis mestilah diteliti lebih dulu sebelum disiarkan kepada umum. Tegasnya dalam hal-hal yang melibatkan keselamatan, maka sebaik-baiknyalah semua pihak mengutamakan keselamatan terlebih dulu walaupun pada segi akhbar hal ini merupakan unsur berita yang boleh melariskan jualan akhbarnya. Oleh itu pihak akhbar dan khasnya wartawan-wartawan hendaklah bersabar dan bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam perkara ini.

Saya tahu pegawai-pegawai Kerajaan memang bekerjasama penuh dengan para wartawan dan mereka ini bersedia memberi penerangan atau penjelasan kepada pemberita yang mengetahui dan faham benar-benar perkara yang hendak dibincangkan itu. Tetapi tentulah pegawai itu merasa ragu-ragu hendak berbicara dengan seorang wartawan yang tidak melengkapkan dirinya terlebih dahulu dengan latar belakang atau "background" perkara yang hendak ditanyakan itu. Dalam perkara ini, kedua-dua belah pihak hendaklah mengetahui kedudukan mereka agar hubungan baik itu dapat dikekalkan.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang seringkali saya katakan, perpaduan rakyat adalah objektif utama Kerajaan dan segala langkah sedang dibuat untuk menjamin supaya perpaduan dan harmoni yang kukuh dapat dicapai secepat mungkin. Tanpa perpaduan kita tidak akan dapat bergerak maju dan segala kejayaan yang kita dapati sehingga ini akan menjadi sia-sia sahaja. Dengan tujuan itulah kita sedang giat melaksanakan penyusunan semula masyarakat yang mana diharap akan memenuhi matalamat dua puluh tahun akan datang. Inilah langkah yang tegas dan positif untuk menjamin kemakmuran, kemajuan dan kejayaan Malaysia di masa depan.

Satu perkara yang saya anggap penting ialah betapa mustahaknya berita dan peristiwa di Semenanjung Malaysia dapat liputan yang luas dalam akhbar-akhbar Sabah dan Sarawak; seterusnya berita dan peristiwa Sabah dan Sarawak mendapat penyiaran yang lebih luas di Semenanjung. Memang benar akhbar-akhbar di Semenanjung ada menyiarkan berita-berita Sabah dan Sarawak tetapi saya rasa lebih banyak lagi berita terutamanya mengenai pembangunan patutlah disiarkan. BERNAMA banyak mengeluarkan berita-berita Sabah dan Sarawak dan juga membuat liputan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Semenanjung Malaysia, tetapi kecuali mass media Kerajaan, berita-berita dari Sabah dan Sarawak ini tidak begitu banyak digunakan oleh akhbar-akhbar di Semenanjung Malaysia, hanya sekali sekala saya melihat lapuran dalam akhbar-akhbar di Semenanjung mengenai peristiwa-peristiwa di Sabah dan Sarawak yang berpunca dari syarikat-syarikat berita asing. Ini pada saya adalah satu perkara yang agak anih dan mendukacitakan. Tentu sekali kita tidak patut bergantung kepada Syarikat Berita Asing mengenai peristiwa yang berlaku dalam negara kita, sebaliknya akhbar-akhbar hendaklah menyiarkan berita yang dilapurkan oleh wakil mereka sendiri ataupun menggunakan lapuran BERNAMA yang mempunyai wakil-wakil di seluruh pelusuk negara dan juga di negara-negara jiran. Dengan proses liputan berita timbal-balik atau two-way process ini dapatlah kita merapat dan mengeratkan lagi hubungan antara rakyat di seluruh negara yang mana membantu usaha-usaha integration supaya mewujudkan identiti dan keperibadian Malaysia.

Dalam hubungan ini juga saya fikir ada baiknya kalau diadakan exchange programme antara akhbar-akhbar Semenanjung dengan akhbar-akhbar Sabah dan Sarawak supaya pemberita-pemberita

mendapat pengalaman yang lebih luas dalam suasana yang berlainan. Sebagai rakyat suatu negara, kita patut benar memahami cara hidup dan adat resam yang terdapat di Sabah dan Sarawak, bahkan lebih penting lagi memahami hasrat dan cita-cita mereka. Persamaan hasrat dan cita-cita inilah akan mendorong perpaduan dan integration yang berkekalan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai masaalah yang dihadapi oleh akhbar-akhbar pada masa ini iaitu kekurangan kertas cetak dan harga bahan ini yang melambung tinggi. Ini bukanlah masaalah yang dihadapi oleh akhbar-akhbar di Malaysia sahaja tetapi juga masaalah akhbar di seluruh dunia. Beberapa akhbar terpaksa ditutup dan yang lain pula terpaksa mengurangkan lembaran akhbar masing-masing. Pada masa ini akhbar-akhbar kita membuat tempahan secara bersendirian untuk mendapatkan kertas cetak dan oleh kerana kekurangan kertas pihak pembekal tidak dapat membekalkan sepenuhnya tempahan itu. Pada hemat saya, banyak faedah dapat diperolehi sekiranya semua yang berkenaan menubuhkan satu badan untuk mengusahakan pembelian kertas cetak daripada negara-negara pembekal secara kumpulan atau group purchase. Ini adalah satu cara yang lebih effective dan lebih sesuai daripada membeli secara bersendirian dan akhbar-akhbar yang kecil akan turut merasakan faedah itu.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti bidang-bidang yang lain, mass media juga berkembang dengan pesat sekali di Malaysia ini dengan bertambahnya press corp, circulation akhbar dan juga penerbitan-penerbitan. Jika kita bandingkan mass media ini dengan badan-badan professional yang lain, mass media berjalan dengan begitu lamanya tanpa sebarang garis panduan. Saya rasa sudah sampai masanya bagi kita membetulkan keadaan ini dan ada baiknya Seminar ini menimbangkan kemungkinan menubuhkan sebuah badan pengawas yang boleh difikirkan namanya kelak, seperti badan-badan yang terdapat dalam profession-profession yang lain. Badan ini mungkin dianggotai oleh wakil-wakil akhbar dan penerbit-penerbit, wakil-wakil pihak pembaca, ahli-ahli akademik, wakil profession yang lain dan wakil-wakil Kerajaan. Badan ini akan diketuai oleh seorang warganegara yang terkemuka yang bersama-sama bertanggungjawab bagi menentukan perjalanan akhbar yang sesuai

dengan hasrat dan kepentingan negara kita. Patutlah diingat badan ini bukanlah bermaksud untuk mengkongkong kebebasan akhbar yang terdapat di negara ini tetapi hanyalah semata-mata untuk menentukan akhbar-akhbar berjalan dengan lebih teratur dan sempurna di samping menjamin kebebasan akhbar dan juga kepentingan pembaca-pembaca. Pada hemat saya ini adalah satu langkah yang sungguh sesuai dan wajar memandangkan perkembangan pesat dalam dunia persuratkhabaran di Malaysia pada masa ini. Saya harap Seminar ini akan memberi masa yang panjang untuk membincangkan perkara penting ini dengan mendalam demi kepentingan kita semua.

Saudara-saudara sekalian.

Sejak setahun yang lalu ini, Kerajaan telah juga menjalankan usaha bagaimana akhbar-akhbar kita benar-benar mencerminkan kepentingan rakyat dan negara, bukan saja dari segi pengambilan pekerja bahkan juga dalam hak milik dan penguasaan syarikat akhbar itu sendiri. Penubuhan New Straits Times tahun lalu adalah bukti konsep baru ini diterima baik oleh pihak yang berkenaan dan saya sukalah melihat pihak-pihak lain yang belum berbuat demikian menjalankan langkah yang sama. Kita tidak merasa perlu melaksanakan ini dengan cara undang-undang tetapi sebaliknya lebih baik dengan rasa kesedaran dan semangat baru yang ingin melihat surat-suratkhabar negara ini benar-benar mencerminkan hasrat rakyat dan memenuhi cita-cita mereka. Saya percaya hal ini akan mendapat sambutan yang penuh faham dan simpati, khasnya akhbar-akhbar yang masih berpusat di negara lain.

Begitu juga dengan majalah-majalah dan syarikat-syarikat berita asing, adalah lebih baik sekiranya mereka mengambil tenaga dalam negeri iaitu rakyat Malaysia sendiri sebagai wakil mereka di negara ini oleh kerana tiada siapa, pada fikiran saya, yang lebih cekap melapurkan berita dan peristiwa negara kita dengan objektif dan saksama kecuali warganegara kita sendiri.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terimakasih kepada semua yang hadir di sini dan saya yakin dengan sikap jujur dan ikhlas semua pihak, Seminar ini akan mencapai penuh kejayaan. Saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein sedang melambai-lambaikan tangan kepada orang ramai dalam perarakan menuju ke Stadium Negara, Kuala Lumpur untuk merasmikan Pesta Pembangunan Kebangsaan pada 20hb Jun, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI PESTA PEMBANGUNAN KEBANGSAAN YANG KEDUA DI STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 20HB JUN, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Encik Ghafar Baba, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya kita sekalian dapat berhimpun beramai-ramai petang ini pada upacara Pembukaan Pesta Pembangunan Peringkat Kebangsaan kali yang kedua ini.

Kita sungguh bertuah kerana Pesta Pembangunan Kebangsaan ini mendapat penghormatan yang tinggi dengan kehadiran ramai tetamu agung luar negeri di Ibu Negara kita iaitu Menteri-menteri dan Pembesar-pembesar yang mewakili negara mereka di Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang sedang berlangsung di sini sekarang. Kedatangan tetamu agung kita itu bersama-sama menyaksikan Pesta ini tentulah akan meneguhkan azam kita untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab hingga mendapat penuh kejayaan. Saya mengambil peluang ini menyampaikan salam takzim kita sekalian melalui para tetamu kita itu kepada rakyat negara mereka masing-masing dan juga menyatakan semangat setiakawan kita dengan rakyat negara mereka dalam usaha mereka mendapatkan kehidupan yang makmur dan bahagia.

Sejak diadakan Pesta Pembangunan yang pertama di Dungun hampir dua tahun yang lalu serentak dengan pelancaran Gerakan Pembaharuan, beberapa Pesta seperti ini telah diadakan di peringkat Negeri dan Daerah. Inilah pertama kali kita mengadakannya di Ibu Negara secara besar-besaran mengambil sempena Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam ini. Sukalah saya mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pesta yang telah bekerja keras selama beberapa bulan ini menyusun aturcara dan sebagainya supaya menjamin kejayaan Pesta ini.

Saudara-saudara sekalian.

Semenjak kita mencapai kemerdekaan tujuh belas tahun yang lalu, Kerajaan telah merancang dan melaksanakan berbagai rancangan pembangunan untuk meninggikan taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di kampung-kampung dan kawasan luar bandar. Antara rancangan-rancangan ini termasuklah kemudahan-kemudahan infrastructure seperti jalanraya, jambatan, taliair, kelinik, sekolah dan sebagainya di samping mengadakan kemudahan-kemudahan kredit, pemasaran dan khidmat nasihat bagi mempesatkan aktiviti ekonomi dan meninggikan lagi daya pengeluaran rakyat. Untuk menentukan kejayaan rancangan-rancangan inilah maka Kerajaan telah menubuhkan beberapa ajensi pembangunan meliputi semua sektor pertanian, perdagangan dan perindusterian. Hingga ini kemajuan yang dicapai adalah memuaskan. Rancangan-rancangan pembangunan dalam sektor pertanian, terutamanya seperti pembukaan tanah untuk ladang-ladang baru getah dan kelapa sawit, penanaman semula getah, pemodenan teknik pertanian telahpun membawa hasil yang sangat baik dan dapat meninggikan taraf hidup sebilangan besar rakyat di luar bandar. Dengan meningkatnya harga getah, kelapa sawit dan padi, peserta-peserta dalam rancangan tanah dan penanam-penanam padi dapat menikmati pendapatan yang tinggi.

Kemajuan negara kita pada keseluruhannya boleh dibanggakan dengan hasil pengeluaran negara dan kadar pertumbuhan yang tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Tetapi Kerajaan tidaklah berpuashati dengan kemajuan yang dicapai itu. Pembangunan belum membawa apa-apa makna sekiranya masih terdapat kemiskinan, jurang perbezaan ekonomi yang luas dan pengangguran terutama di kalangan belia. Kita masih lagi menghadapi beberapa masaalah dan salah satu yang paling rumit warisan dari zaman penjajahan dulu ialah indentification atau pengenalan kaum dengan taraf hidup dan corak pekerjaan. Keadaan masyarakat kita yang terpisah kepada suatu cara kehidupan iaitu orang-orang Melayu dengan kerja-kerja kampung, keturunan China di bidang perdagangan dan keturunan India di ladang-ladang tidaklah patut dibiarkan berterusan. Untuk mengatasi masaalah ini, Kerajaan telah merangka dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru serentak dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kedua yang telahpun berjalan selama tiga tahun ini.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang sama-sama kita maklum, Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua objektif yang penting iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kedua-dua objektif ini sama saja beratnya tetapi objektif yang kedua adalah lebih penting dan mustahak bagi masa hadapan negara. Seperti yang diterangkan dalam Kajian Semula Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua, kejayaan memenuhi matalamat membasmi kemiskinan adalah memuaskan. Selama tempoh tiga tahun ini langkah-langkah tegas telah dijalankan di bidang perindusterian dan pertanian mengadakan peluang-peluang pekerjaan baru. Lebih kurang 350,000 pekerjaan baru telahpun dapat diadakan menerusi projek-projek besar perindustrian seperti di Shah Alam dan Pulau Pinang dan ini adalah lebih separuh daripada matalamat 600,000 pekerjaan dalam Rancangan Lima Tahun Kedua kita.

Mengenai rancangan kemajuan tanah untuk pertanian, sukacita saya menyatakan iaitu dalam tempoh tiga tahun ini hampir-hampir 600,000 ekar tanah telah dimajukan pada keseluruhannya dan dari jumlah ini lebih kurang 400,000 ekar tanah diberi kemudahan parit dan taliair. Ini termasuklah tanah sawah, ladang getah dan kelapa sawit. Daripada itu, lebih 200,000 ekar sawah ditanam dua musim. Hingga hari ini terdapat seramai 29,000 keluarga dalam Rancangan FELDA iaitu tambahan seramai 8,400 keluarga peserta baru. Dari segi bantuan kewangan pula, lebih kurang $300 juta telah dikeluarkan menerusi sumber-sumber kewangan Kerajaan untuk pertanian dan industri-industri yang berasaskan pertanian.

Saudara-saudara sekalian.

Kejayaan Dasar Ekonomi Baru dalam context penyusunan semula masyarakat amatlah penting oleh kerana inilah sebenarnya asas masyarakat adil dan perpaduan rakyat. Ini sudah pasti mengambil masa dan kita berharap dalam tempoh dua puluh tahun sehingga tahun 1990 sekurang-kurangnya 30% daripada aktiviti perdagangan dan perindusterian di semua peringkat akan dimiliki dan dikendalikan oleh orang-orang Bumiputra. Dalam hal ini saya telah seringkali menegaskan bahawa kepentingan ekonomi semua kaum dan golongan rakyat dijamin dapat bertumbuh maju supaya masing-masing mendapat bahagian yang saksama menikmati kekayaan negara. Walaupun untuk mencapai matalamat ini

Kerajaan mengambil peranan yang cergas mendorong perkembangan dan kemajuan ekonomi rakyat luar bandar, ini sangatlah wajar kerana golongan ini telah ketinggalan sekian lama.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua jelas menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi rakyat luar bandar terutama kaum Bumiputra sangatlah lemah berbanding dengan masyarakat bandar yang sebahagian besarnya orang-orang bukan Bumiputra. Angka pemilikan dan penanaman modal atau capital ownership kaum Bumiputra sangat rendah berbanding dengan kaum-kaum lain kerana mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih kuat dan kukuh. Namun, pencapaian matalamat 30% itu akan dilaksanakan dengan adil dan saksama iaitu tidak merugikan ataupun merampas hak mana-mana pihak, bahkan menikmati bersama-sama.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita maklum, matalamat ini akan hanya boleh tercapai sekiranya kaum Bumiputra tampil ke hadapan merebut peluang menyertai lapangan perdagangan dan perindusterian yang semakin berkembang maju. Bagi menyertai lapangan ini mestilah lahir pembaharuan sikap dan cara pemikiran di kalangan mereka sesuai dengan kehendak dan keperluan sektor ekonomi modern. Kita sedar bahawa ini adalah satu perkara yang sukar dan juga mengambil masa panjang tetapi saya yakin ini bukanlah perkara yang mustahil dicapai. Dengan tujuan inilah kita bertindak melancarkan Gerakan Pembaharuan untuk menggerakkan mereka dan menanamkan rasa keyakinan bahawa mereka mempunyai keboleh-an untuk menyertai sektor ekonomi modern yang penuh dengan cabaran itu. Syukur Alhamdulillah, sedikit sebanyak hasilnya telahpun dapat dilihat hari ini.

Selaras dengan usaha-usaha menggalakkan penyertaan kaum Bumiputra di lapangan perdagangan dan perindustrian, tindakan telah juga diambil memperkemaskan segala dasar Kerajaan supaya tidak menyekat peluang atau hak kaum lain untuk bergerak maju. Sesungguhnya Kerajaan ingin melihat sebahagian daripada peluang baru yang terbuka di lapangan perdagangan dan perindustrian disertai dan diusahakan bersama oleh kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra supaya menjauhkan dari menjadi "monopoly" satu-satu golongan sahaja. Patut diingat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan adalah untuk semua rakyat di negara kita ini tidak

kira kaum ataupun mana-mana golongan tetapi Kerajaan berharap rakyat daripada kaum-kaum lain bukan sahaja memahami akan perlunya penyertaan kaum Bumiputra di dalam sektor ekonomi modern tetapi hendaklah bersedia tampil ke hadapan membantu mereka dan bersama-sama dengan mereka menjayakan usaha mereka dalam lapangan tersebut.

Sesungguhnya, sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan tiga tahun lalu, telah banyak usaha bersama (joint-ventures) yang ditubuhkan di lapangan perdagangan dan perindusterian antara Bumiputra secara perseorangan dan ajensi-ajensi Kerajaan dengan pengusaha-pengusaha bukan Bumiputra. Saya ingin melihat lebih banyak lagi usaha bersama ini diwujudkan terutamanya antara Bumiputra dan bukan Bumiputra secara perseorangan atau kumpulan. Tetapi amatlah penting dan mustahak diperhatikan agar usaha bersama ini benar-benar bermakna iaitu penyertaan yang aktif pada semua peringkat daripada pengurusan membawa ke bawah dan tidak hanya penyertaan pasif dengan menamakan seorang dua pengarah. Corak joint-venture itu mestilah benar-benar mencerminkan hasrat penyusunan semula masyarakat yang dicita-citakan itu.

Memandang hal inilah maka Pesta Pembangunan Peringkat Kebangsaan ini dirancang dengan cara yang berkesan dan menitikberatkan Dasar Ekonomi Baru sebagai tema utamanya. Segala pamiran yang diaturkan dalam Pesta ini menggambarkan seberapa jelas konsep Dasar Ekonomi Baru, peluang-peluang yang tumbuh dari rancangan-rancangan pembangunan di bawah Dasar tersebut dan yang lebih penting manifestasi Dasar Ekonomi Baru yang dapat dilihat daripada beberapa orang pengusaha dan peniaga Bumiputra samada secara bersendirian ataupun secara joint-venture dengan kaum-kaum lain. Saya berharap kejayaan mereka ini akan mendorong lebih ramai lagi orang-orang lain menceburkan diri dalam lapangan perdagangan dan perindusterian samada bersendirian ataupun secara joint-venture untuk mempercepat tercapainya matalamat 30% itu.

Saya harap pelawat-pelawat yang datang ke Pesta ini akan memerhatikan dengan sungguh-sungguh segala apa yang dipamirkan dan cuba memahami betapa tingginya azam Kerajaan hendak membawa rakyat ke mercu kejayaan supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup yang makmur, aman dan bahagia. Di pihak rakyat pula, mereka hendaklah mempunyai keazaman dan

keupayaan sama-sama mengambil peluang yang disediakan itu. Pada masa ini saya berani katakan tidak ada suatupun yang tertinggal dari pandangan Kerajaan membantu pengusaha dan peniaga Bumiputra baik dari segi modal, pinjaman, khidmat nasihat, latihan untuk pengurusan dan pengeluaran, pemasaran dan pembahagian—pendek kata, semua yang diperlukan bagi sesuatu enterprise. Institusi Kewangan memang bersedia membantu usaha Bumiputra dan saya gembira dengan adanya ikrar pihak bukan Bumiputra yang sanggup memberi petunjuk dan bimbingan kepada Bumiputra yang ingin menceburkan diri dalam lapangan baru itu.

Saya yakin dan percaya dengan integrated approach yang dilakukan sebagai strateji pembangunan hari ini, kita akan dapat mengekalkan pertumbuhan dan perkembangan yang seimbang di bidang ekonomi, sosial dan juga keselamatan. Inilah perbezaan penting dalam falsafah pembangunan negara hari ini berbanding dengan masa yang lalu. Hari ini kita melibatkan semua pihak iaitu perancang dan pelaksana—planners and implementors—pada semua peringkat mulai daripada peringkat rakyat kampung melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung hingga ke peringkat nasional iaitu Majlis Tindakan Negara. Dengan cara integrated approach inilah kita berharap dapat membina masyarakat Malaysia baru yang moden dan dinamis tetapi tetap berpegang dengan nilai-nilai hidup yang tinggi seperti yang digariskan dalam Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti saya katakan awal tadi, serentak dengan Pesta Pembangunan ini, kita sedang meraikan Menteri-menteri dan Pembesar-pembesar Islam yang berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang kelima. Pemilihan Ibu Negara sebagai tempat persidangan penting ini adalah satu penghormatan yang besar bagi negara kita dan rakyat Malaysia amnya. Kita gembira kerana tetamu-tetamu agung kita itu akan datang melawat Pesta Pembangunan kita ini dan menyaksikan dengan sendiri bagaimana kita membangun negara untuk faedah dan kepentingan rakyat yang akan diwariskan kepada jenerasi akan datang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengelola Pesta Pembangunan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri, pihak Swasta, kaum Belia, Pelajar dan murid-murid serta orang ramai

yang sama-sama memberi sumbangan menjayakan Pesta Pembangunan ini. Sumbangan mereka itu sangatlah dihargai selain dari mencerminkan hasrat semangat pembaharuan yang ingin maju dan berjaya.

Dengan nama Allah yang maha Pemurah dan maha Penyayang, saya dengan sukacitanya merasmikan Pesta Pembangunan Peringkat Kebangsaan yang kedua ini, sambil berdoa mudah-mudahan usaha kita yang baik ini diberkatiNya dan diberiNya kita perlindungan pada setiap masa.

ADDRESS BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING CEREMONY OF THE FIFTH ISLAMIC CONFERENCE OF FOREIGN MINISTERS, AT PARLIAMENT HOUSE, KUALA LUMPUR ON 21ST JUNE, 1974

Bismillahi-Rahmanir-Rahim.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Tuhan yang maha pemurah dan maha penyayang kerana dengan hidayah dan inayahNya dapat kita mengadakan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam di Kuala Lumpur pada hari ini.

Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, saya dengan sukacita menzahirkan perasaan bangga dan terimakasih yang tidak terhingga di atas kehormatan yang diberi oleh Negara-negara Islam kepada Malaysia dan rakyatnya. Begitu juga kita mengalu-alukan kehadiran Menteri-menteri dan Pembesar-pembesar dari negara-negara tersebut di Persidangan ini dan kita suka menyampaikan, melalui mereka itu, salam muhibbah dan persahabatan kepada rakyat negara-negara yang mereka wakili itu.

Mr Chairman, Your Excellencies, Distinguished Leaders and Members of Delegations and Brother Muslims.

It is with special pride and pleasure that, in the name of the Government and people of Malaysia, I welcome most warmly our distinguished guests—Ministers and leaders of so many Muslim countries throughout the world—to Kuala Lumpur for this Fifth Islamic Conference of Foreign Ministers. The spiritual values and the eternal glories of Islam which we share in common unite us together, transcending national boundaries and vast distances over land and sea. Today, therefore, at this moment of the formal opening of the Conference, the Malaysian people, through you, who are here in this hall, join their hands in friendship and brotherhood with all our Muslim brothers and sisters whom you represent.

This is both a joyful and a solemn occasion for us in Malaysia. We are happy that so many Muslim leaders have come to Kuala Lumpur from all parts of the world. Most of you have come from a long way and have travelled many thousands of miles to be here.

We extend to you our most cordial greetings and will do our best to provide facilities and hospitality within our means to make your stay in Malaysia both pleasant and memorable. At the same time, we are conscious of the heavy responsibilities which are entrusted on you at this Conference, which carries with it the hopes and deeply-felt aspirations of Muslims all over the world.

Today, as we gather together, we can all see the glimmerings of a glorious episode in the history of Islam. Islamic unity, which has long been our cherished aim and which at one time seemed an impossible dream, may finally, at last, be realised. How different it was only five short years ago! We met then in Rabat for the First Islamic Summit, striken and anguished by the humiliation which our great faith had suffered with the desecration of the Al-Aqsa Mosque. It was then perhaps the lowest point in the history of Islam. But, praise be to Allah, it was also a turning point. From the depths of our sorrow and anger emerged our firm resolve to build once again, after many centuries of turmoil and division, an enduring edifice of Muslim unity.

Brother Muslims.

We have made a good beginning. During the last three decades, we, particularly the Arab world, have been faced with the challenge of Zionism. Recently, because of our unity, and because of the valour and vigour of Arab fighting-men, the military tide has been turned against Israel. Because of our unity, and because of the skill and steadfastness of our Arab brothers, the diplomatic battle has been waged with increasing success. Because of our unity, and because of our desire and determination to co-operate together, we have seen the emergence of a new Islamic force in human affairs, which can have far-reaching consequences on the course of history. The lesson which emerges is clear: in unity lies our strength. As a result of our own dissension and rivalries, we have been divided and exploited for far too long. Now that we have begun to build, stone by stone, the edifice of a World Islamic Community, we must never forget the lesson of the past. It we do, we do so at our own peril.

But, while today we can hope and rejoice, let us also never forget that our success is by no means assured. We can falter so easily and for so many reasons, whether it is from sectional interests, from national rivalries, from a lack of imagination, from

the loss of the political will, above all, from the easy delusion that good intentions or generous words alone give us results.

Let us, therefore, remind ourselves that we can only make progress by our own resolute effort and by steady application to the practical business of co-operation and by turning our words and intentions into concrete results. What you do, or fail to do, at this Conference will have an impact, favourable or otherwise, on the course of Islamic history. We have had a most successful Summit Conference at Lahore, the memory of which still lingers and inspires those of us who were there. In the spirit of that Conference, I, therefore, urge that we must grasp the opportunity which now exists and maintain the momentum of consultation and co-operation among Muslim countries so that a truly united and cohesive world Islamic Community may one day, soon, be realised.

Since the historic First Islamic Summit in Rabat in 1969, we can find satisfaction in the knowledge that we have laid a strong foundation for mutual co-operation. But we cannot sit back on the progress we have made, encouraging though it has been. Five years ago at Rabat, we declared our determination to co-operate with one another, and in the next year at Jeddah, we established the machinery of the Islamic Secretariat. The Islamic Conference must now enter a new phase in its history. The concept of unity and co-operation has been effectively worked out; we must now give it the necessary content and substance. We must enter a period of imaginative consolidation, of building on the foundation already laid, by implementing concrete measures, programmes and projects which will make our aim of Islamic unity a reality.

Let us, therefore, at this Conference explore together effective areas of co-operation. Let us judge ourselves not by what we say but by what we do, not only by what happens here at this Conference but, even more important, by what happens in the days ahead. It is in that spirit that Malaysia for its part approaches this Conference. Islamic unity has brought us the successes we have achieved so far. Let us consolidate that unity in all practical ways we can.

At the political level, foremost in our minds is the question of Baitul-Maqdis. As I said at the Lahore Summit, Israel's persistent attempts to transform the character of Jurusalem, in defiance of all UN resolutions and in utter disregard of world opinion, is a

cause of deep concern and anguish to all Muslims as to other peace-loving peoples throughout the world. The Holy City is the home of three major religions of the world. The Judaization of that city cannot be condoned by anyone with any sense of history or of the spiritual longings of a people. It is a deliberate move by Israel to extinguish the rights of its Arab inhabitants, both Muslim and Christian alike, and deprive them of their ancient freedoms.

Today, despite current favourable developments in the West Asian situation, Israel continues to stand in defiance of world opinion, on the issue of Baitul-Maqdis. The Islamic Conference has declared on several occasions that the continued occupation of the Holy City by Israeli forces is a constant threat to the sacred shrines of Islam and that our peoples are firmly determined to reject any solution of the problem of Palestine which deny Jerusalem the status it had before June 1967. This must remain our stand. The ungodly acts of Israel to annex and Judaize the Holy City must be condemed and resisted with all that we have at our command. Let us therefore mobilise our resources, first of all, our diplomatic resources, to ensure that Israel, the occupying power, forthwith desists from these acts.

Israel's continued defiance and bellicosity is central to the issue of Palestine. In the first Arab-Israel War of 1948/49, three-quarters of Palestine came under Israeli control and its people were driven out to live as refugees. Almost three decades have since passed. Infants have grown to manhood and the Palestinians continue to see their homes and lands forcibly occupied by the invaders who do not even belong to that part of the world. In the two wars that followed, in 1956 and 1967, the Palestinian people became more and more deprived of their inalienable birthright.

In the face of these dangers and difficulties, Islamic unity is more than ever an imperative and after our two summits and four Conferences. I am encouraged that we can clearly discern the reality of this unity. Our unity must serve the cause of justice for the Palestinian people. I am glad that in this City of Kuala Lumpur there is a full-fledged representative of the Palestine Liberation Organisation. His presence is consistent with our reaffirmation in Lahore that the PLO is the sole legitimate representative of the Palestinian people in its just struggle.

It must be clear to the world that until the inalienable rights of the Palestinian people are restored, the conflict in West Asia

will persist and there will be no lasting peace. It remains an urgent responsibility for us all, in whatever way we can, to press for a just solution to this basic problem.

The problems of West Asia have persisted for nearly three decades. Our Arab brothers have been forced to go to battle on four major occasions and by the grace of Allah, in this long drawn series of Arab/Israeli conflicts, the Arab successes in the Ramadan War have ushered a new spirit which our unity through this Organisation must continue to sustain and nurture.

Since peace with justice is our ultimate aim, I am sure that all of us have been following with the keenest interest the negotiations currently being undertaken by our Arab brothers. We in Malaysia support them in these efforts and we reiterate once more that, in peace as in war, Malaysia stands ready to extend all possible assistance within our means to help our Arab brothers to regain what is morally, historically and legally theirs. Our hearts and prayers go to them in this new phase of the Arab struggle, which is also the Islamic struggle.

Today, as our Arab brothers embark on the road of negotiations to seek peace and justice, we in this Conference must, more than ever, remain solid and united. We must not allow ourselves to become complacent by the current mood of expectancy or to be confused by the machinations of Zionism. Our unity through this Organisation must be clearly demonstrated so that all the world will know that we will not weaken and we will not be divided. I venture to say that the unity that we display at this Kuala Lumpur Conference and beyond can help to bring about the full restoration of Arab and Islamic rights for which we have prayed over these long years. Let our voices ring clear and loud in total united support for the Arab and the Islamic cause in West Asia.

Brother Muslims.

I turn next to the economic field, where I believe there exists vast scope for co-operation among Muslim countries. Furthermore, to my mind, the time is never more opportune than at this juncture when we have the organizational apparatus and the resources to get our plans and projects on the move. In this field, it seems to me, we must lay emphasis not only on questions of economic and technical co-operation but also on trade and investment expansion

among member countries. My country for its part will not be found wanting in these endeavours to make our Organisation an instrument of practical co-operation.

The agenda item before you on the economic situation is of momentous significance because of the world-wide implications and short and long-term effects of current economic problems. In this connection, I am happy to note that the Committee to study the world economic situation, and in particular that obtaining in the Islamic countries, will submit its findings at this Conference. Their report will, I am confident, provide a valuable basis for your very important discussions on this issue.

With regard to economic projects, let me at this juncture, only urge the Conference to come out with concrete proposals that can be implemented in the immediate foreseeable future. Our statements of intent of eradicating poverty, ending exploitation and promoting mutual economic co-operation would sound hollow indeed, if we merely indulge in propounding grandiose plans which look impressive on paper but which will not get off the ground. Instead we must be inspired to plan practical projects which we know can, and will be, carried out. We have much to answer for to future generations if, because we do not apply ourselves earnestly enough, we now falter and fail to grasp the opportunity to work out practical and specific projects of co-operation for the betterment of our peoples. It is in this spirit that Malaysia will submit for the consideration of this Conference certain proposals for economic and technical co-operation which will include provisions for the exchange of expertise within the Muslim World.

I need not touch here in great detail on the Islamic Development Bank except to say that the rapid progress towards its establishment is testimony to Islamic unity and sense of purpose. I for one regard it as the single most important project for co-operation we have so far initiated and I believe it holds great potential for the future if all Member countries work seriously and constructively for its success.

The Islamic Bank clearly indicates the vast scope for co-operative action that exists among us. Through this Bank can emanate important financial resources to complement fundings from other established international institutions with which it shares the common objective of eradicating poverty, hunger and

disease. Malaysia will continue to give every possible support and facility to the Bank and regards it a great honour and privilege to be associated with its formation. To his Excellency Tunku Abdul Rahman who has worked tirelessly for the realization of the Islamic Bank, we offer our warmest congratulations. To His Majesty King Faisal, in whose great country the headquarters of the Bank will be situated, we offer our continued esteem and profound gratitude.

For the first time in this century, Islamic countries with our immense energy and other raw material resources, have a sizeable potential for economic development and co-operation. Let us use this potential for the realization of our economic goals. It is not our intention to turn away from non-Muslim countries. It must be our policy to work with every country for the common good and for peace and stability of the world. However, as the Muslim countries have the resources to achieve our common goals, let us seize this historic opportunity to work together to achieve these goals. The bond that will hold us together, the foundation of the World Islamic Community that we wish to create, will not only be the divine spiritual values of Islam that have kept alive the awareness of our basic unity through centuries of division and darkness, but also the vital moving forces of development and progress which can propel Islamic countries towards a more just and equitable order.

In order to bring about a World Islamic Community, this Fifth Islamic Conference of Foreign Ministers must take measures, both practical and symbolic, to engender greater Islamic solidarity. I suggest these measures could include:

—Establishment of an Islamic economic and technical co-operation scheme;

—Promotion of greater trade and investment between Islamic countries to enable economic complementarity between Islamic countries to be fully taken advantage of;

—Deployment of unused funds of the Islamic Development Bank, as far as possible, within the Muslim world;

—Declaration of an Islamic Charter Day, on whatever day may be agreed upon, to create among Islamic communities throughout the world an awareness of Islam's revival and its promise of a better world through the practical promotion of the objectives of our Charter;

—Facilitation of increased communication among our peoples by easing travel restrictions among member countries through partial abolition of visas for officials and such other categories as can be agreed upon.

I would like finally to turn to one other specific area of co-operation which I believe we can fruitfully explore. This relates to joint study and research on the interpretation of the Holy Koran. In many parts of the world there is still widespread ignorance of the values of Islam and of the teachings of the Koran which is often misinterpreted even by Muslims themselves through misunderstanding and neglect. It is indeed very important to our spiritual as well as our physical development that there should be agreement among us on the interpretation of the Koran in relation to the principles of Islam and our contemporary way of life. The intellectual history of Islam in the days of its glory has seen outstanding achievements in many fields such as science, technology, jurisprudence and philosophy. Surely it is not beyond our scope to day to revive this spirit of Islamic scholarship and to work out a joint programme of study and research in order to reach a better and deeper understanding on the teachings of Islam in the light of contemporary developments.

Islam is a universal religion, the Koran is a living Book, concerned with all aspects of human existence, the teachings of the Prophet is intended for all times: these are the unshakeable rock of our faith. At the same time—and indeed, I venture to say, precisely because of this—we must learn to distinguish the principles and tenets of Islam, which are immutable and permanent, from mere ways of life, which must be relevant and responsive to current conditions, whether they be in Arabia fourteen hundred years ago or in our contemporary world, characterised as it is by complex economic phenomena and by dazzling scientific and technological changes.

It is obvious that the way of life during the time of the Prophet was very different from that which obtains in our world today. We cannot live in the past. We live here and now. To live by the ways of the past is to invite stagnation of our societies and exploitation by others. We must therefore be alive and responsive to contemporary conditions. We must be ready to adjust our ways of life to the needs and demands of the times while strictly adhering to the basic principles and tenets of Islam.

I believe this is a very important, indeed a basic, area of co-operation because what is at issue is the attitude of Muslim peoples throughout the world. After all, it is the attitude of a people, its intellectual and emotional responses, which determines whether it will make progress or stagnate. I urge, therefore, that this Conference initiate some action so that a specific programme of joint-study and research can be worked out and implemented. Islam has often been accused by its detractors of being a hindrance to progress. Let us emphatically repudiate this charge and demonstrate that, on the contrary, Islam is an effective vehicle for progress while at the same time providing basic spiritual values which give life its full meaning spiritually and materially and a true sense of human dignity.

Brother Muslims.

I have spoken at some length, with your kind indulgence, on political questions, on economic co-operation, and on other matters that are of mutual interest to us. This Organization of which we are all proud to be members, must be anchored on strong foundations in order to face successfully the challenges ahead. As we gain in unity and strength, let us reiterate yet again that this growing World Islamic Community and the unity on which it is structured is not a negative force, to divide or to destroy, but a positive force, to create and to uphold the cause of justice.

As we meet today in Kuala Lumpur, let us be conscious of our contributions, limited as all human efforts are, to the glory of Islam. Let us look back on the fourteen hundred years of Islamic history which has seen the height of grandeur and achievement as well as the plain of depression and despair. Let us be conscious of this moment of destiny in the long history of Islam and work together, without malice or arrogance, for the greater glory of Islam so that our great religion will once more be a force for peace, for modernization and for progress, not only for Muslim nations and peoples but for all Humanity for peace and co-operation among all Nations.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PERASMIAN PERSIDANGAN MAJLIS PERWAKILAN PERSATUAN PELADANG KEBANGSAAN DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 22HB JUN, 1974

Tuan Pengerusi, Y.B. Encik Ghafar,[1] Encik Ahmad Sarji,[2] Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian pagi ini. Dua tahun telah berlalu semenjak saya melancarkan Persatuan Peladang Kebangsaan di Serdang dan saya ingin mengucapkan terimakasih kepada Lembaga Pengarah dan ahli-ahli perwakilan sekalian atas penghargaan merasmikan Persidangan Majlis Perwakilan hari ini.

Sebagaimana saudara-saudara sedia maklum, saya baru sahaja pulang dari Geneva di mana saya berucap di Persidangan Tahunan I.L.O. ataupun Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Pertubuhan ini ialah badan kemuncak di peringkat antarabangsa bagi menjaga kepentingan dan memperjuangkan kehendak-kehendak buruh seluruh dunia dalam beberapa aspek kebajikan, pekerjaan serta kedudukan mereka dalam bidang ekonomi, sosial dan kemasyarakatan.

Sebagai Badan Tertinggi atau Apex Body, Persatuan Peladang Kebangsaan mempunyai peranan yang sama penting kepada petani-petani dan pekerja-pekerja pertanian seluruh negara. Persatuan Peladang Kebangsaan bukan sahaja patut bertindak memperjuangkan kepentingan dan kesejahteraan kaum tani tetapi yang lebih penting ialah mempelopori aktiviti untuk kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat kaum tani.

Maksud saya Persatuan Peladang Kebangsaan ini hendaklah sentiasa di hadapan dalam segala aktiviti dan perkembangan ekonomi pertanian untuk memajukan Persatuan-persatuan Peladang pada semua peringkat. Dalam hal ini, saya gembira mendengar sebentar tadi lapuran dari Datuk Haji Mustapha Jabar[3] bahawa

---

1 Menteri Pembangunan Negara dan Luar bandar.
2 Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang.
3 Timbalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang.

selama dua tahun usianya Persatuan Peladang Kebangsaan sangat giat di lapangan memperdagangkan hasil-hasil pertanian di samping memperluaskan aktiviti perniagaannya iaitu membekalkan benih, baja dan jentera pertanian, barang-barang keperluan sehari-hari seperti beras, gula, tepung dan sebagainya. Angka nilai perniagaan yang berjumlah lebih $3.5 juta sangatlah menggalakkan dan saya percaya angka ini dapat ditingkatkan lagi.

Saya sukacita mendengar bahawa Persatuan Peladang Kebangsaan mengambil bahagian yang aktif dalam beberapa rancangan usaha-bersama atas dasar "equity participation" termasuk projek Kilang Baja, Ternakan Ayam, Kilang Kacang Tanah dan Kilang Bahan Kimia. Ini adalah langkah yang bijak oleh kerana Persatuan Peladang Kebangsaan juga bertugas sebagai pengedar bahan-bahan ini kepada petani-petani seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Pada masa ini terdapat 116 buah Persatuan Peladang Kawasan yang mempunyai lebih 100,000 ahli. Sudah barang tentulah Persatuan-persatuan ini mengharapkan bantuan Persatuan Kebangsaan menyediakan bekalan baja dan sebagainya yang cukup dan menjalankan langkah pemasaran hasil pertanian yang lebih berkesan serta kemudahan kredit kepada ahli-ahlinya. Seperti yang sering saya tegaskan, strateji pertanian kita hari ini menekankan tiga perkara pokok iaitu mempelbagaikan pengeluaran pertanian, mengadakan bekalan beras yang cukup serta juga barang-barang lain atau self-sufficiency in rice, dan langkah jangka panjang memodenkan sektor pertanian dengan penggunaan alat-alat jentera.

Dalam lawatan saya ke Repablik Rakyat China baru-baru ini, saya sangat tertarik hati dengan cara perusahaan pertanian di situ. Sungguhpun kita adalah mempunyai fahaman atau ideology berlainan di Commune atau kawasan perkumpulan yang menitikberatkan tema self-sufficiency dan crop diversification ini. Mereka bukan saja mengeluarkan berbagai bijian makanan seperti gandum, padi, sekoi dan jagung, tetapi di samping itu mengusahakan penanaman kapas, menternak lembu, kuda dan ayam itik serta mempunyai workshop untuk membuat alat-alat jentera pertanian ringan dan membaiki jentera-jentera berat. Inilah sebenar-benarnya saya kehendakkan kepada Persatuan Peladang dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung.

Dalam ucapan saya di Persidangan I.L.O. baru-baru ini, saya telah menegaskan pentingnya dunia di zaman ini memberi perhatian berat terhadap membasmi kekurangan makanan. Negara-negara sedang membangun perlu menekan usaha-usaha yang lebih pesat lagi untuk menjamin pengeluaran barang-barang makanan yang cukup kerana inilah satu-satunya jalan bagi mengatasi inflasi yang sedang melanda dunia hari ini.

Bagi negara kita adalah penting dan mustahak Kerajaan dan rakyat bekerjasama meningkatkan pengeluaran barang-barang makanan. Kerajaan Pusat telah mengadakan kemudahan-kemudahan asas taliair di beberapa kawasan padi seperti MUDA, KEMUBU dan BESUT untuk membolehkan kawasan-kawasan ini ditanam dua musim. Kawasan-kawasan lain yang boleh ditanam dengan padi sedang dipulihkan iaitu Rompin dan Seberang Perak. Rancangan "crop diversification" akan dijalankan secara besar-besaran meliputi kawasan 300,000 ekar di Johor Barat yang akan dibiayai oleh Bank Dunia.

Selaras dengan dasar mengeluarkan bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara, dan untuk membantu petani-petani, Kerajaan bersetuju mengadakan semula Rancangan Subsidi Baja Urea. Pada masa ini harga baja urea semakin meningkat tinggi di pasaran dunia kerana semua negara menghendakinya sedangkan bekalannya agak terhad. Kerajaan akan membelanjakan lebih $60 juta tiap-tiap tahun untuk rancangan subsidi ini yang akan dimulakan musim depan dan akan diedarkan menerusi Pertubuhan Peladang. Saya berharap petani-petani akan melipatgandakan hasil pengeluaran serta mutu padi yang tinggi.

Patut diingat bantuan subsidi ini amat perlu bukan sahaja untuk membantu petani-petani tetapi untuk mengekalkan harga beras yang saksama kepada pengguna-pengguna. Dengan adanya subsidi ini petani-petani dan pengguna-pengguna akan dapat sama-sama menikmati harga padi dan harga beras yang berpatutan.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang sering saya katakan, adalah penting bagi pertubuhan-pertubuhan rakyat khasnya Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian mengambil bahagian yang lebih luas dan berkesan dalam lapangan pertanian modern. Dengan tujuan itulah dirasakan perlu menyusun semula dan

menyesuaikan peranan kedua institusi rakyat ini serta menggabungkan di bawah satu pertubuhan sahaja iaitu Pertubuhan Peladang. Pelancaran Lembaga Pertubuhan Peladang tidak lama dulu adalah langkah yang muktamad dalam usaha penyusunan semula institusi ini yang boleh diibaratkan sebagai payung kepada kaum tani di tanahair ini seluruhnya.

Selain daripada tugas menyelaraskan kegiatan kedua-dua badan ini untuk menghindarkan kegiatan bertindih-tindih, Lembaga Pertubuhan Peladang juga sedang melaksanakan konsep pembangunan kawasan atau area development supaya petani-petani di sesuatu kawasan mendapat sepenuh-penuh munafaat daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.

Saya difahamkan hingga hari ini Lembaga Pertubuhan Peladang telah berjaya mewujudkan 77 Pertubuhan Peladang Kawasan yang menggabungkan 51 buah Persatuan Peladang dengan 411 Syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian. Ini adalah satu kejayaan yang dapat dibanggakan dalam tempoh yang begitu singkat. Saya ingin melihat ke seluruh Persatuan Peladang yang belum bergabung itu mengambil langkah segera berbuat demikian supaya pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini, Lembaga Pertubuhan Peladang akan mewujudkan 92 buah lagi Pertubuhan Peladang Kawasan untuk mencapai matalamat yang dijadualkan iaitu 169 Pertubuhan Peladang Kawasan bagi seluruhnya.

Dalam hubungan ini juga saya telah mengarahkan Perbendaharaan supaya mengkaji kemungkinan menambah peruntukan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi membolehkannya meningkatkan usaha-usaha Pertubuhan Peladang Kawasan termasuklah membiayai keperluan kakitangan dan modal pusingan yang lebih besar untuk aktiviti ekonomi mereka. Pendek kata, Persatuan Peladang dan Syarikat Kerjasama yang bergabung dalam Pertubuhan Peladang Kawasan akan mendapat faedah yang lebih besar di bawah naungan Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya harap saudara-saudara akan mengkaji dengan teliti kertas kerja yang disediakan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang mengenai penyatuan penuh antara Persatuan Peladang Kawasan dengan Syarikat Kerjasama berasaskan pertanian ke dalam Pertubuhan (Koperatif) Peladang Kawasan. Ini adalah langkah jangka panjang yang positif dan akan membawa perubahan besar kepada kehidupan rakyat khasnya di kampung-kampung

dalam usaha kita membina masyarakat Malaysia yang modern, dinamis dan progresive.

Saudara-saudara sekalian.

Saya penuh yakin dengan penyusunan semula institusi-institusi rakyat luar bandar ini, masa depan kaum tani kita adalah lebih cerah dan membawa harapan baik bagi kemakmuran dan kesetabilan negara. Cita-cita kita hendak mengubah struktur ekonomi daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi perindusterian tidak akan berjaya sekiranya kita tidak mengadakan sektor pertanian yang teguh kerana sektor inilah yang akan memberi kekuatan dan menjadi akar tunjang kepada sektor perindusterian. Without a strong agricultural base, we will not be able to support and expand our industrial sector. Jadi, tidak syak lagi amatlah penting dan mustahak kita mengekalkan dan mengukuhkan landasan pertanian ini dengan memperkuatkan Pertubuhan Peladang Kawasan kerana kaum tani yang berjumlah 1.2 juta orang merupakan tulang belakang bangsa dan negara Malaysia.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan itu saya sukacita merasmikan Persidangan ini sambil berharap semoga tercapai hasil-hasil yang baik dan berguna kepada ahli-ahli Persatuan, seterusnya kepada rakyat dan negara.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN MOCCIS (MALAY OFFICERS CO-OPERATIVE CREDIT AND INVESTMENT SOCIETY LTD.) JALAN MELAKA, KUALA LUMPUR PADA 23HB JUN, 1974

Datuk Abdullah Ayub, Pengerusi MOCCIS, Dif-dif yang hadir, Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita kerana dapat bersama dengan saudara semua dan seterusnya melakukan pembukaan rasmi Bangunan MOCCIS ini. Seperti kata Pengerusi tadi, rancangan mendirikan bangunan ini telah dibuat dalam tahun enam puluhan lagi, tetapi tidak dapat dilaksanakan pada masa itu kerana sebab-sebab tertentu. Tetapi syukurlah, dengan usaha bersama ahli-ahli MOCCIS dan terbukanya peluang di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, rancangan itu akhirnya menjadi kenyataan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli MOCCIS atas kejayaan mendirikan bangunan yang indah ini yang merupakan hasil jimat cermat ahli-ahli MOCCIS dan semangat ingin maju. Saya harap bangunan ini akan mendorong kejayaan yang lebih besar di masa akan datang.

Sebagaimana kita sedia maklum, gerakan Kerjasama atau Koperatif mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara kita. Aktiviti-aktiviti Koperatif tidak lagi terbatas kepada jimat cermat dan pinjam meminjam wang tetapi telah maju jauh ke depan memasuki lapangan perniagaan, perindusterian, insuran, perubahan dan pengangkutan. Aktiviti-aktiviti ini tentulah berkehendakkan pelaburan yang besar dan Kerajaan telahpun mengadakan berbagai kemudahan menerusi institusi-institusi kewangan untuk membolehkan syarikat-syarikat kerjasama melaksanakan projek-projek ekonominya. Pada masa ini, soal mendapatkan pinjaman modal tidak lagi menjadi masaalah; begitu juga tentang melatih pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja teknik juga dijalankan oleh Institusi-institusi seperti NPC dan MIM. Langkah yang terbaharu sekali ialah mendapatkan kerjasama antara ajensi-ajensi Kerajaan dengan pihak Swasta dengan mengadakan pertukaran pegawai bagi mendapatkan pertukaran pengalaman dan kemahiran. Pendek kata, sekarang ini terpulanglah kepada Gerakan Koperatif untuk menggunakan peluang-peluang yang terbuka itu dengan seluas-luasnya.

Saudara-saudara sekalian.

Berhubung dengan tugas-tugas Jabatan Kemajuan Kerjasama, pada masa ini Ordinan Koperatif sedang dikaji semula untuk disesuaikan dengan kemahuan dan cara pembangunan yang terbaharu bagi memesatkan kemajuan Gerakan Koperatif. Langkah ini sangatlah mustahak untuk mempesatkan lagi aktiviti-aktiviti Koperatif yang mempunyai ahli lebih 700,000 orang. Saya puashati dengan beberapa kejayaan Gerakan Kerjasama seperti Kerjasama Perumahan yang mendirikan 8,000 yunit rumah kediaman yang bernilai $250 juta, Syarikat MCIS yang mendirikan hotel taraf antarabangsa dan menjalankan beberapa supermarket, Shamelin, Koperatif Polis dan lain-lain lagi yang menjalankan berbagai jenis *enterprise besar dan kecil.*

Kerajaan memang sedia memberikan kemudahan-kemudahan kepada Syarikat-syarikat Kerjasama seperti membeli saham dalam perusahaan-perusahaan swasta. Keistimewaan ini diberi khususnya kepada Koperatif Bumiputra supaya membantu perkembangan dan kejayaannya.

MOCCIS adalah satu-satunya Koperatif Bumiputra yang terbesar dan ahli-ahlinya terdiri dari para pegawai yang mempunyai pengalaman dan pengaruh, di samping pendapatan yang lumayan pula. Jadi sudah sewajarnya MOCCIS menjadikan dirinya Syarikat Kerjasama contoh atau model co-operative dengan menjalankan peranan yang lebih aktif di lapangan perniagaan dan perindusterian. Saya fikir pada masa ini MOCCIS mempunyai sumber-sumber kewangan yang cukup dan sungguhpun ahli-ahlinya pegawai Kerajaan, pelaksanaan dan pengurusan projek-projek yang dijalankannya boleh ditugaskan kepada pekerja-pekerja yang bergaji. Dengan penyertaan saudara-saudara di lapangan perniagaan dan perindustrian, ini akan menggalakkan golongan lain-lain menurut jejak langkah yang sama dan kejayaan ini akan menjadi sumbangan yang berkesan terhadap pembangunan Negara.

Saudara-saudara sekalian.

Saya dengan sukacita merasmikan Bangunan MOCCIS yang indah ini dan mendoakan semoga Syarikat ini mendapat kejayaan yang lebih cemerlang di masa akan datang.



Tun Abdul Razak bin Hussein berucap merasmikan Sidang Agung UMNO Ke 25, di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 29hb Jun, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PRESIDEN UMNO MERANGKAP PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KEDUA PULUH LIMA DI DEWAN NIRWANA, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 29HB JUN, 1974

Bismillahir-Rahmanir-Rahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saudara Pengerusi, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara perwakilan sekalian.

Pada hari yang berbahagia ini, kita bersama-sama mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan berkat taufik dan hidayahNya, kita dapat sekali lagi beramai-ramai menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang kedua puluh lima ini.

Saya suka mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara para perwakilan yang datang dari jauh dan dekat untuk menghadiri Perhimpunan Agung tahun ini. Barangkali ramai juga antara para perwakilan yang datang awal-awal lagi semasa Pesta Pembangunan dan seterusnya Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang berlangsung baru-baru ini. Oleh itu, boleh dikatakan Perhimpunan Agung kita ini mempunyai sempena dan erti yang penting menyusul dua peristiwa bersejarah bagi negara kita. Saya berdoa mudah-mudahan Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang memberkati Perhimpunan Agung kita yang kedua puluh lima ini dan menunjukkan kita kepada jalan kejayaan dan kebahagiaan.

Semenjak Perhimpunan Agung kita tahun lalu, beberapa peristiwa penting telah berlaku yang membawa perubahan kepada Parti dan Negara. Peristiwa yang amat menyedihkan kita sekalian ialah kehilangan Timbalan Presiden UMNO merangkap Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail. Kematian Allahyarham itu adalah satu kerugian besar kepada kita, lebih-lebih lagi pada diri saya sendiri. Allahyarham ialah seorang patriot sejati, seorang tokoh nasionalis Melayu yang berkaliber besar, berani dan tegas tetapi berdisiplin serta patuh

kepada pendapat ramai. Allahyarham ialah seorang yang benar-benar taat setia kepada Perlembagaan UMNO dan Negara sepanjang hayatnya. Allahyarham adalah menjadi contoh pemimpin dan rakyat yang mempertahankan "rule of law" iaitu undang-undang Parti dan Negara. Sesungguhnya kembalinya Allahyarham ke alam baqa' itu sangat dirasai oleh saya sendiri apatah lagi oleh keluarganya. Allahyarham ialah sahabat karib saya di luar dan dalam Parti dan Kerajaan. Jasa-jasa Allahyarham mempelopori kebangkitan kebangsaan Melayu dan memperjuangkan kemerdekaan tanahair tidak ternilai harganya dan akan diukirkan dengan tinta emas dalam sejarah negara.

Saya rasa sebesar kehormatan setiap rakyat boleh berikan kepada nama dan roh Allahyarham ialah bagi kita orang-orang Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya menjadikan Tun Dr Ismail sebagai contoh dan tauladan seorang pemimpin dan rakyat yang berguna kepada negara. Marilah kita mengingati beliau dan berdoa kepada Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan dicucuri rahmatNya ke atas roh Allahyarham dan juga ke atas roh pemimpin-pemimpin Melayu lain yang telah berjasa kepada Bangsa, Negara dan Ugama.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Hussein Onn yang telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Beliau ialah seorang tokoh yang telah lama berjuang dalam UMNO. Saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa beliau akan dapat menjalankan tugas yang berat itu dengan jujur dan penuh dedikasi.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti Perhimpunan Agung tahun lepas, ini adalah Perhimpunan Agung biasa, tidak ada pemilihan Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden dan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO. Pada masa hadapan ini haruslah kita akan kehilangan satu dua tokoh-tokoh yang biasa dengan kita di Perhimpunan Agung dan tokoh-tokoh baru akan timbul. Tahun ini Johor menaikkan dua orang tokoh baru iaitu Datuk Ali Haji Ahmad dan Datuk Mohamad Rahmat. Tetapi saya fikir kedua-dua tokoh ini tidak akan dapat menandingi Tan Sri Sardon tentang kehalusan bahasa aslinya. Penghormatan saya kepada Tan Sri Sardon sangatlah tinggi. Oleh sebab itulah beliau telah dipilih

untuk menjadi Menteri Pengiring kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agung dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung dalam lawatan Duli-Duli Yang Maha Mulia ke England pada bulan hadapan.

Saya mendapat tahu bagi menyempurnakan tugas beliau yang berat itu, Tan Sri Sardon sekarang sedang giat mempelajari "Queen's English" dan "BBC English". Saya suka pesan kepada sahabat karib saya itu iaitu satu syarat utama untuk menguasai "Queen's English" ialah orang itu mesti bertutur dengan mulutnya tertutup dan had lajunya bercakap seperti tembakan senapang patah dan tidak seperti tembakan mesin-gun. Saya harap Tan Sri Sardon akan ingat petua saya ini.

Saudara-saudara sekalian.

Melihat ramainya bilangan wakil yang hadir hari ini, jelaslah parti kita sekarang dalam keadaan yang kukuh dan kuat. Perpaduannya bertambah teguh, pandangan rakyat terhadapnya semakin meningkat. Ramai bakat baru di samping ahli-ahli lama atau veteran memberikan nafas baru serta kekuatan kepada Parti UMNO untuk menghadapi cabaran-cabaran tahun 1974 dan tahun-tahun berikutnya. Bilangan ahli-ahli terutama di peringkat Bahagian, jika dibandingkan dengan tahun-tahun sudah boleh dikatakan luar biasa sedikit tetapi ini bolehlah disifatkan sebagai perkembangan yang sihat sesuai dengan keadaan hari ini. Namun begitu, kita haruslah sentiasa berwaspada supaya sebarang perbuatan yang boleh merosakkan proses demokrasi yang sihat dalam Parti tidak berleluasa sehingga merosak pula sistem pemerintahan secara demokrasi berparlimen dalam negara kita.

Hari ini keadaan dan structure politik tanahair telah berubah corak. Kita akan menghadapi Pilihanraya dalam suasana baru di mana UMNO dan parti-parti seperjuangan dengan kita akan bertanding atas nama Barisan Nasional dan tidak lagi atas nama Perikatan. Ini adalah satu perubahan yang besar dan penting kerana kita semua sedar kita akan menghadapi cabaran baru hasil dari suasana politik yang telah bertukar itu. Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna UMNO tidak mampu menghadapi keadaan perubahan ini dengan sendiri atau dengan bentuk Perikatan dahulu. UMNO dan Perikatan mampu berbuat demikian untuk mempertahankan kekuasaan politik yang ada di tangan kita sekarang ini.

Tetapi, kita berjuang bukan hanya sekadar hendak berkuasa semata-mata. Kita berjuang kerana hendak benar-benar melahirkan satu rupabangsa Malaysia yang bersatupadu, bersendikan Rukunegara dan keperibadian kita sendiri. Maka itu kita merasa mustahak memupuk semangat Malaysia yang kita harap akan menjadi sifat semua rakyat kita pada masa hadapan. Jentera politik yang sebaik-sebaiknya untuk mencapai matalamat ini ialah melalui Barisan Nasional. Dengan kata-kata lain, Barisan Nasional adalah asas baru politik di Malaysia ini.

Kita sangat teliti dalam hal ini, iaitu mula-mula kita tubuhkan Kerajaan Campuran antara Parti Bumiputra/Perikatan dengan SUPP di Sarawak, kemudian antara Gerakan dan Perikatan di Pulau Pinang, PPP dan Perikatan di Perak dan antara Perikatan dengan PAS di Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan seterusnya di peringkat Pusat dan, setelah diadakan beberapa rundingan, Parti-parti dalam Kerajaan Campuran telah bersetuju bergerak bersama dalam Barisan Nasional. Lahirnya Barisan Nasional ini adalah kemuncak strateji politik kita dalam tahun-tahun tujuhpuluhan.

Tentu ada orang yang bertanya, apakah Barisan Nasional itu? Barisan Nasional ialah satu Gabungan Parti-parti politik atau Confederation of political parties yang menerima konsep dan dasar yang diperjuangkannya. Seperti dimaklum, dasar perjuangan Barisan Nasional ialah membentuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang kuat, bersatupadu dan harmonis; berusaha mencapai kemajuan kebendaan dan rohaniah; mendukung prinsip-prinsip Rukunegara untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama untuk semua rakyat. Pada masa ini, keanggotaan Barisan Nasional terdiri daripada UMNO, MCA, MIC, Perikatan Sarawak, Perikatan Sabah, SUPP, Gerakan Rakyat Malaysia, PPP dan PAS. Parti-parti politik yang lain boleh menjadi ahli Barisan Nasional jika dipersetujui dengan sebulat suara oleh sembilan anggota asal Barisan Nasional itu.

Saya suka mengumumkan iaitu kesembilan Parti dalam Barisan Nasional telahpun bersetuju hendak menggunakan "Neraca" sebagai simbol Pilihanraya Umum akan datang. Neraca ini berwarna emas dengan latar belakangnya berwarna biru. Saya percaya, dengan berkat Tuhan, simbol pilihanraya Barisan Nasional ini akan mendapat sokongan penuh daripada pengundi-pengundi.

Saya juga berharap, demi untuk mencapai kemakmuran hidup dan keamanan negara, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, dan rakyat Bumiputra terutamanya, akan memberi kepercayaan penuh kepada Barisan Nasional dan ahli-ahli serta penyokong-penyokong Barisan Nasional mestilah meneruskan perjuangan Parti masing-masing dengan lebih dedikasi lagi daripada masa-masa yang lampau. Parti-parti dalam Barisan Nasional haruslah memperbaiki lagi sifat, peribadi dan semangat patriotism ahli-ahli dan penyokong-penyokongnya. Mereka hendaklah mempunyai ketabahan dan keazaman kebangsaan yang kuat untuk menentukan structure politik dan ekonomi Malaysia di masa hadapan.

Akhir-akhir ini nampaknya demam pilihanraya mula merebak. Ramai yang sedang meramalkan pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi. Sebenarnya saya belum lagi mendapat "ilham" bila Pilihanraya Umum akan diadakan, tetapi saya sukalah bayangkan kepada saudara-saudara bahawa Pilihanraya Umum tidaklah begitu jauh seperti setengah-setengah orang menyangka dan tidaklah pula dekat sangat seperti ramai orang bertaruh. Namun begitu, saya mintalah saudara-saudara, setelah pulang dari Perhimpunan Agung ini membuat persediaan seolah-olah kita akan adakan Pilihanraya tidak lama lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Untuk menentukan Parti kita dan Barisan Nasional menang dalam Pilihanraya Umum dengan cemerlangnya, maka kita haruslah sentiasa menyesuaikan diri dan dasar kita dengan hasrat rakyat dan menerima perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh zaman. Kita bersedia memberi peluang kepada jenerasi-jenerasi muda untuk menceburkan diri dalam UMNO dan saya sukacita melihat ramai orang-orang muda yang berjuang dalam UMNO hari ini. Kepada mereka ini saya suka menasihatkan supaya mereka betul-betul memahami konsep "Bersatu, Bersedia dan Berkhidmat" dan mereka mestilah patuh kepada dasar dan perjuangan Parti. Orang-orang veteran atau "order lama" dalam UMNO diharapkan menggunakan tenaga dan fikiran orang-orang muda sepertilah juga mereka yang muda dan baru dalam Parti mestilah mendapat bantuan dan bimbingan daripada ahli-ahli veteran supaya mengelakkan pecah belah dan perselisihan faham dalam Parti kita.

Saudara-saudara sekalian.

Berikutan dengan arahan saya tahun lepas supaya diperkemaskan lagi jentera Parti kita di semua peringkat, beberapa perubahan telah dan sedang berlaku terutama sekali di peringkat Bahagian. Sungguhpun demikian, saya rasa pejabat-pejabat kita di peringkat Bahagian masih belum lagi memberikan perkhidmatan yang sepenuhnya kepada masyarakat. Saya ingin melihat usaha-usaha yang lebih giat lagi dijalankan untuk menjadi Pejabat Bahagian UMNO sebagai "nadi" perkhidmatan Parti bagi tiap-tiap kawasan Parlimen. Saya juga suka menasihatkan semua Wakil Rakyat kita supaya memberikan perkhidmatan mereka kepada rakyat dan menemui mereka di pejabat-pejabat UMNO. Masanya telah tiba bagi semua Wakil Rakyat mempunyai sistem kerja yang lebih teratur dan tersusun serta mempunyai hubungan erat dengan Bahagian masing-masing. Saya tahu ada wakil rakyat kita yang tidak pernah menjejak kaki ke pejabat-pejabat UMNO Bahagian sehinggalah tiba Pilihanraya.

Sikap dan cara kerja seperti ini tidaklah sesuai dengan usaha kita menjadikan Pejabat Bahagian sebagai nadi perkhidmatan Parti. Saya berharap mulai dari sekarang, semua Wakil Rakyat UMNO dan juga Perikatan akan dapat menjadikan Pejabat Parti sebagai Pejabat Wakil Rakyat. Cara ini akan mendekatkan lagi hubungan Parti dengan rakyat, di samping memudahkan kita menyelaraskan semua kegiatan Parti dengan kegiatan Wakil-wakil Rakyat sekalian.

Saya juga sedar masih ada beberapa Bahagian yang belum mempunyai pejabatnya yang sempurna. Saya percaya perkara ini dapat diatasi dengan kerjasama Wakil-wakil Rakyat di Bahagian tersebut di samping bantuan dari Perhubungan Negeri. Saya berharap Ketua-Ketua Perhubungan Negeri akan mengkaji hal ini dan mencari jalan untuk membina bangunan Pejabat UMNO di Bahagian-bahagian yang belum mempunyai bangunannya sendiri. Parti kita telah wujud lebih dari dua puluh lapan tahun dan sudah sepatutnya Parti mempunyai organisasi yang teguh dan pejabat yang sempurna. Saya percaya Jawatankuasa Perhubungan Negeri dapat berikhtiar untuk menolong mana-mana Bahagian mengadakan sebuah bangunan yang sesuai untuk pejabatnya. Hanya dengan adanya sebuah pejabat yang sempurna dan aktif, barulah kita dapat benar-benar memberikan perkhidmatan kepada masyarakat di tiap-tiap kawasan pilihanraya.

Pada masa ke hadapan ini, pejabat-pejabat Bahagian terutamanya akan menjadi lebih aktif dan sibuk lagi dengan wujudnya Barisan Nasional. Parti kita sebagai tulang belakang Barisan Nasional haruslah mengubahsuaikan kedudukan kita untuk membolehkan kita memainkan peranan yang lebih besar dan lebih berat lagi.

Peranan kita sebagai tulang belakang Barisan Nasional bukan sahaja bertambah berat daripada peranan semasa di dalam Perikatan bahkan juga akan bertambah rumit lagi oleh kerana proses politik hari ini bertambah complex dan sophisticated. Cara-cara baru untuk menghadapi masaalah rakyat bersama-sama rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional haruslah diwujudkan bukan saja untuk menarik pengundi-pengundi supaya terus kekal menyokong Parti kita bahkan juga untuk memberi keyakinan penuh kepada penyokong-penyokong anggota Barisan Nasional yang lain bahawa Parti kita sentiasa berpegang kepada prinsip demokrasi serta bersikap adil dan saksama. Sesuai dengan peranan baru ini juga kita akan mengadakan program-program yang benar-benar tersusun untuk membolehkan kita memberikan perkhidmatan yang luas serta berkesan kepada seluruh masyarakat. Peranan kita di peringkat Bahagian sangat mustahak dilaksanakan dengan sempurna sebagai pemimpin di peringkat itu. Sekiranya kita tidak dapat menyesuaikan perjalanan UMNO dengan kehendak-kehendak baru ini, saya khuatir sumbangan kita kepada Barisan Nasional tidak benar-benar berkesan sepertimana yang dikehendaki.

Saudara-saudara sekalian.

Selaras dengan peranan baru ini, cara-cara perjalanan Parti kita juga akan diperbaharui melalui beberapa pindaan kepada Perlembagaan UMNO. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini bertujuan memperkuatkan lagi tenaga Parti kita pada keseluruhannya untuk membolehkan kita bergerak dengan lebih cergas dan efektif menghadapi cabaran-cabaran masa akan datang. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini saya percaya akan memperkemaskan lagi pergerakan parti kita. Pindaan yang penting sekali yang akan kita bahaskan dalam Perhimpunan Agung ini ialah berkenaan dengan bilangan wakil Bahagian ke Perhimpunan Agung dan juga wakil Cawangan untuk Mesyuarat Perwakilan Bahagian. Mengikut pindaan ini, kita akan mengadakan had maksima bilangan perwakilan yang boleh hadir dalam Persidangan Bahagian dan Perhimpunan Agung. Jika dahulu, kita berdasarkan kepada jumlah

ahli-ahli tanpa ada hadnya, maka sekarang kita fikir mustahak menghadkan bilangannya.

Di masa-masa yang sudah-sudah, jika sesebuah Bahagian itu mempunyai ramai ahli maka ramailah pula perwakilannya. Peraturan ini akan diubah kepada sistem baru iaitu tiap-tiap Bahagian tidak boleh menghantar lebih daripada sepuluh orang wakil ke Perhimpunan Agung walaupun bilangan ahlinya ramai. Ini bermakna sekiranya Bahagian itu mempunyai 20,000 orang ahli, perwakilannya tidak lebih dari sepuluh orang dan sekiranya Bahagian itu mempunyai 5,000 ahli, perwakilan ialah sepuluh orang juga. Had maksima ini juga dikenakan kepada Mesyuarat Perwakilan Bahagian, iaitu Cawangan-cawangan tidak boleh menghantar lebih dari lima orang wakil walaupun ahlinya lebih daripada 250 orang.

Satu pindaan lagi ialah bagi membolehkan mana-mana Bahagian yang tidak dapat menjelaskan yuran nya dalam masa yang tertentu menghantar wakilnya ke Perhimpunan Agung tetapi perwakilan ini hendaklah terdiri dari Ketua Bahagian sahaja tetapi dia tidak mempunyai hak mengundi ataupun bertanding untuk sebarang jawatan di Perhimpunan Agung. Saya percaya cara ini bukan sahaja akan mendorong Bahagian-bahagian UMNO menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna bahkan akan menghalang Bahagian yang tidak berjalan dengan sempurna untuk mendapat hak yang sama sebagaimana Bahagian-bahagian lain yang patuh kepada Perlembagaan UMNO.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, sejak tumbuhnya kesedaran baru di peringkat Bahagian, nampaknya telah timbul bermacam-macam tektik yang dilakukan oleh golongan kecil untuk merebut kuasa. Satu cara yang dilakukan mereka ialah mempengaruhi ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian menyuarakan undi tak percaya terhadap Ketua Bahagian untuk menyingkirkannya dan mencalunkan Ketua yang baru. Hal seperti ini tidak berlaku di masa lalu tetapi saya nampak perbuatan seperti ini akan merebak jika kita tidak mengawalnya dari sekarang.

Untuk mengatasi masaalah ini, Perlembagaan UMNO telah dipinda supaya menghalang perbuatan seperti ini daripada berlaku. Ini bermakna ahli-ahli Jawatankuasa tidak berhak lagi menyingkirkan Ketua Bahagian kecuali Majlis Tertinggi UMNO mempersetujuinya. Dengan yang demikian, dasar demokrasi yang kita

junjung dalam UMNO di mana tiap-tiap wakil mempunyai hak mengundi sentiasa terpelihara. Selain dari pindaan-pindaan yang besar ini untuk menjamin keutuhan Parti dan proses demokrasi dalam Parti kita, Majlis Tertinggi juga telah mencadangkan beberapa pindaan kecil yang tidak melibatkan perubahan dasar Parti.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang dalam hal ini, hanya saya suka menggesa ahli-ahli Parti supaya menjunjung tinggi Perlembagaan kita. Jika Perlembagaan itu dipersendakan oleh mana-mana golongan, sudah tentu kekuatan Parti kita akan terjejas dan masa depan kita terancam. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada seluruh perwakilan supaya memahami semangat dan tujuan Majlis Tertinggi mencadangkan pindaan-pindaan ini dan saya juga menyeru saudara-saudara sekalian supaya memberikan sokongan penuh kepada pindaan-pindaan ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kita sedia maklum bahawa pembangunan ekonomi dan sosial dalam sesebuah negara itu bergantung kepada pimpinan politik yang efektif dalam suasana politik yang aman dan tenteram. Pembangunan bermakna tindakan-tindakan dan perubahan-perubahan sosial dan segala tindakan dan perubahan ini sudah tentu akan membawa berbagai reaksi ke atas structure ekonomi dan masyarakat.

Oleh kerana adanya pertalian erat antara kesetabilan politik dengan pimpinan yang efektif, serta pentingnya dasar-dasar negara dilaksanakan dengan jayanya, maka perlulah kita mengatur dan menyusun strateji pelaksanaan sesuai dengan kehendak-kehendak baru itu. Dalam ertikata ini, saya seringkali mengarahkan jentera Parti kita di semua peringkat supaya menyedari hakikat politik dan kehendak-kehendak pembangunan dan keselamatan. Pendek kata, untuk membolehkan kita terus menerus memegang teraju pimpinan politik di negara ini, kita hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada dasar perjuangan kita dan melakukan tindakan-tindakan politik yang menjadikan Parti kita benar-benar efektif dalam menyatukan dan menggembelingkan seluruh tenaga rakyat untuk pembangunan.

Dalam keadaan negara kita yang masih muda ini, amatlah penting dan mustahak hubungan yang lebih rapat di antara Parti dengan pentadbiran kerana tanpa perhubungan yang rapat ini, kita

tidak dapat mempesatkan pembangunan sesuai dengan jadual waktu kita. Oleh itu, saudara-saudara sekalian hendaklah memberi perhatian yang berat atas perkara ini dan merangka cara-cara baru untuk membolehkan UMNO menjadi jambatan yang akan menghubungkan kita dengan Parti-parti lain, atas dasar pembangunan negara dan perpaduan rakyat. Kita sedar dan faham kerumitan mungkin timbul dalam menjalankan peranan baru ini, tetapi demi kepentingan pembangunan negara untuk perpaduan rakyat, segala kerumitan ini tidaklah menjadi masaalah kepada kita. Sebaliknya kita semua yakin bahawa Parti kita mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk benar-benar menjadi jambatan itu dan kita mestilah menggunakan keupayaan kita untuk meneruskan proses pembangunan negara seperti yang digariskan dalam Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian.

Dua puluh lapan tahun dahulu, dalam Perhimpunan Agung kita yang pertama, kita telah berikrar bahawa UMNO akan memelihara dan mempertahankan negara; mempertahan, menegak dan mengembangkan Ugama Islam di samping membenarkan kebebasan berugama; mengawal, memelihara dan mengamalkan asas-asas pemerintahan demokrasi; mewujudkan satu bangsa yang kuat dan bersatu pada melaksanakan rancangan-rancangan bagi memajukan ekonomi rakyat terutama sekali rakyat yang mundur iaitu orang-orang Melayu dan Bumiputra, dan mewujudkan masyarakat adil, modern dan maju.

Di atas dasar inilah kita telah berjaya mendapatkan sokongan orang-orang Melayu, dan kemudiannya menarik orang-orang Melayu, dan kemudiannya menarik orang-orang China dan India bersatu dalam Perikatan untuk kejayaan dan kemajuan. Dasar-dasar ini, masih kekal dan belum berubah, walaupun banyak daripadanya telah kita laksanakan dan mencapai hasilnya.

Pada hemat saya, dalam Perhimpunan Agung kita yang ke dua puluh lima ini, eloklah kita mengulangi lagi ikrar mendukung dasar-dasar yang telah diberkati Tuhan dengan kejayaan itu. Ikrar suci yang kita lafazkan dua puluh lapan tahun dahulu pada asasnya ialah untuk mewujudkan sebuah negara yang berdasarkan kerjasama di antara semua kaum dan bukan persaingan, di mana kekayaan negara adalah untuk rakyat; di mana perhubungan masyarakat adalah berdasarkan hak sama atau equality dan perhubungan di antara bangsa berdasarkan saling menghormati atau "mutual respect" dan ingin bersahabat dengan semua negara.

Saudara-saudara sekalian.

Negara kita kaya raya dalam semua aspek tetapi masih ada lagi dalam negara kita yang dikasihi ini segolongan rakyat yang masih berada dalam keadaan daif dan miskin terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar dan juga di kawasan sesak di pinggir bandar. Tiada siapa dapat menafikan bahawa taraf hidup rakyat telah bertambah tinggi sejak dua puluh tahun lalu, tetapi belumlah terdapat pembahagian kekayaan negara yang adil dan saksama. Kedua-dua keadaan inilah yang sekarang menjadi matalamat utama perjuangan Parti kita dan Kerajaan hari ini supaya rakyat yang kurang bernasib baik itu mendapat tempat yang sempurna. Sebagaimana yang pernah saya katakan, Rancangan Malaysia Kedua yang memasuki tahun keempat pelaksanaannya merupakan langkah pertama ke arah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita. Oleh itu, semasa menyusun Rancangan Malaysia Ketiga eloklah kita mengkaji semula strateji-strateji politik kita untuk mempastikan supaya hasrat rakyat dipenuhi dalam rancangan ketiga itu. Saya suka berterus terang di sini bahawa kita sekarang ini telah masuk ke zaman ekonomi kewangan dan sebagai sebuah negara muda yang belum banyak mempunyai pengalaman, kita mestilah menyelesaikan segala masaalah kita untuk membolehkan kita menjadi sebuah negara perindusterian yang berjaya.

Sebagai Parti yang berkuasa, adalah menjadi tanggungjawab kita menentukan bahawa kita dapat mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru kita dan melahirkan suasana hidup yang aman dan harmonis dan saksama. Setiap pekerja akan mendapat pendapatan yang seimbang dengan pekerjaannya dan setiap rakyat mendapat peluang pelajaran dan latihan yang sewajarnya. Matalamat masyarakat adil yang saya sebutkan tadi akan menghendaki kita menentukan keutamaan untuk tindakan kita. Matalamat kita ini tidak akan dapat dicapai dalam masa lima atau sepuluh tahun, tetapi kita boleh mengadakan tapak yang sesuai bagi melaksanakan hasrat dan cita-cita negara aman, stabil dan makmur.

Saudara-saudara sekalian.

Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sudahpun diterangkan dengan panjang lebar dalam kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua dan Penyata Ekonomi Perbendaharaan. Kajian Pertengahan Penggal ini telahpun dibahaskan dan diterima oleh

Parlimen. Begitu juga Penyata Ekonomi yang menunjukkan angka-angka pencapaian terakhir dalam kedua-dua sektor pertanian dan perindusterian.

Kita bersyukur dengan izin Allah Subhanahuwataala tahun lalu melihat perkembangan-perkembangan yang pesat di bidang ekonomi iaitu berpunca dari pengeluaran yang bertambah meningkat serta harga pasaran yang tinggi bagi hasil negara bahan-bahan ekspot kita seperti getah, kelapa sawit dan kayu.

Dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kita telah berjaya memenuhi matalamat objektif pertama membasmi kemiskinan dengan angka lebih 350,000 peluang pekerjaan baru iaitu lebih separuh daripada angka 600,000 bagi tempoh lima tahun. Begitu juga di bidang kemajuan tanah, hampir 100,000 ekar tanah baru telah dibuka di bawah rancangan FELDA dan lebih 200,000 ekar tanah mendapat kemudahan parit dan taliair untuk dimajukan bagi tanaman padi dua musim.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mempesatkan aktiviti ekonomi orang-orang kita boleh dikatakan sangat berhasil dengan kejayaan yang dicapai oleh PERNAS, UDA, Perbadanan Ekonomi Negeri, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Saudara-saudara yang telah berpeluang melawat Pesta Pembangunan Kebangsaan baru-baru ini dapat menyaksikan sendiri kejayaan orang-orang kita di bidang perniagaan dan usaha-usaha lain dengan mendapat bantuan serta tunjuk ajar daripada ajensi-ajensi Kerajaan yang sentiasa bersedia memberikan bantuan dan khidmat nasihat yang perlu. Kejayaan orang-orang kita ini baik sebagai pembuat roti atau pengusaha batik menunjukkan bahawa kita memang mempunyai kebolehan yang sama dengan orang lain dan hanya memerlukan kesediaan dan keazaman serta bantuan supaya potensi ini dapat dipupuk sehingga mencapai hasil yang dicita-citakan itu.

Kerajaan kita pada hari ini telah berbuat apa yang patut dalam usaha hendak memberikan kehidupan yang lebih baik dan kedudukan yang lebih sempurna kepada rakyat, khasnya orang-orang kita sendiri. Selain dari membuka rancangan-rancangan kemajuan tanah secara besar-besaran di dalam kawasan-kawasan pembangunan raksaksa iaitu di Pahang Tenggara, Trengganu Tengah, Johor Tenggara, Seberang Perak, kita akan membawa industeri ke kawasan-kawasan ini supaya dapat perimbangan antara sektor

pertanian dengan sektor perindusterian. Hari ini pun, bandar-bandar kecil yang dulunya tidak mempunyai apa-apa sedang bergerak maju dengan bermacam rupa perusahaan yang memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam pada kita menjalankan langkah-langkah untuk membawa kemajuan, kita tidak pula sunyi daripada masaalah-masaalah yang lazim dalam kehidupan moden. Hari ini kita menghadapi masaalah inflasi atau kenaikan harga barang-barang. Inflasi adalah masaalah seluruh dunia terutama disebabkan kekurangan bekalan bahan-bahan makanan yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk dunia yang semakin ramai.

Syukur Alhamdulillah, meskipun kita bersama-sama mengalami keadaan inflasi ini, negara kita boleh dikatakan tidak begitu teruk kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran apatah lagi negara-negara perindusterian di Eropah, Amerika dan bahagian benua Asia yang lain.

Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa bertindak dan mencari jalan untuk mengurangkan tekanan inflasi ini terutama kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan kaum tani. Selain daripada Elaun Bantuan Khas yang diberi kepada kakitangan Kerajaan peringkat bawahan, langkah-langkah yang lain dijalankan serentak iaitu subsidi untuk barang-barang keperluan seperti beras, gula, tepung dan minyak; bantuan buku-buku sekolah percuma kepada kanak-kanak dari keluarga miskin; pengecualian cukai ke atas beberapa jenis barang-barang impot yang mustahak; dan baru-baru ini saya mengumumkan subsidi baja urea kepada petani-petani untuk membantu pengeluaran padi dengan harga yang patut. Semua bantuan dan subsidi ini berjumlah tidak kurang dari $500 juta ringgit setahun dan saya percaya tidak ada Kerajaan di mana-mana jua yang berbuat demikian.

Bagaimanapun, patutlah kita ingat semasa barang-barang impot naik tinggi itu, barang-barang pengeluaran kita sendiri mendapat harga yang lumayan di pasaran dunia. Harga getah, kelapa sawit, bijih timah dan lain-lain hasil bumi sangat tinggi pada masa ini yang bermakna pendapatan yang lebih kepada rakyat. Kita tahu ramai saudara-saudara di Rancangan Kemajuan Tanah yang beroleh pendapatan lebih $1,000 sebulan hari ini yang mana

meletakkan mereka di kalangan rakyat yang berpendapatan tinggi sama seperti golongan pekerja mahir ataupun kumpulan executive di bandar-bandar.

Seperti yang sering saya tegaskan, Kerajaan akan sentiasa mengawal keadaan ini agar kehidupan rakyat terutama yang berpendapatan rendah tidak begitu terdesak oleh tekanan inflasi. Saya juga ingin mengulangi nasihat agar mereka juga mengambil langkah-langkah yang wajar membantu diri mereka sendiri dengan usaha bercucuk tanam dan mengadakan apa jua bekalan makanan dengan berternak dan usaha-usaha sambilan yang lain. Dasar Kerajaan mengenai bekalan makanan keperluan sudahpun diubah dan kita akan berusaha mengeluarkan beras secukupnya di samping bahan-bahan lain dan tidak bergantung pada impot lagi.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi masaalah besar yang kita hadapi ialah soal keselamatan dalam negeri khasnya ancaman pengganas-pengganas Komunis yang hendak menimbulkan huru-hara dan mengambil kekuasaan dengan cara kekerasan. Kita patut bersyukur keadaan ini tidaklah bertambah berat daripada sudah-sudah meskipun selama enam bulan yang lalu ini terdapat banyak aktiviti dan berita-berita pertempuran antara Pasukan Keselamatan kita dengan pengganas-pengganas itu. Bagaimanapun, keadaan adalah terkawal baik dan dalam tempoh itu kita berjaya mengenakan pukulan teruk ke atas mereka, menghapuskan bilangan yang besar dan mematahkan kekuatan mereka itu.

Seperti yang kita maklum, bahaya ancaman pengganas ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali sekiranya rakyat memberikan kerjasama penuh kepada Kerajaan. Mereka itu tentu tidak dapat bertapak kecuali ada orang-orang yang bersimpati dengan mereka dan memberi mereka bantuan maklumat dan bekalan makanan, ubat-ubatan dan sebagainya. Kerajaan mempunyai bukti yang nyata iaitu semasa Gerakan Indera di Raub tidak lama dulu, ada penduduk-penduduk kampung baru yang memberikan pengganas-pengganas itu bantuan dan menyembunyikan maklumat daripada Kerajaan. Begitu juga dalam peristiwa Lebuh Raya Timur/Barat baru-baru ini ada golongan yang bersimpati dan bekerjasama dengan pengganas-pengganas itu hingga mereka berjaya melakukan angkara memusnahkan jentera-jentera berat di situ.

Saya ingin berkata terus terang di sini iaitu golongan rakyat yang membantu pengganas-pengganas itu adalah musuh negara yang paling keji dan sayugia disingkirkan dari masyarakat kita. Bahkan mereka adalah lebih jahat daripada pengganas itu sendiri kerana mereka berpura-pura baik tetapi berusaha merosakkan negara dari dalam masyarakat sendiri. Tindakan segera sedang diambil terhadap orang-orang ini kerana kita tahu tanpa mereka itu kegiatan-kegiatan pengganas-pengganas tadi akan lumpuh sama sekali. Mereka adalah musuh dalam selimut dan kita bukan hanya mesti berwaspada terhadap mereka bahkan hendaklah bersungguh-sungguh mengidentify mereka dan mengambil tindakan yang keras terhadap mereka itu.

Kepada pengganas-pengganas itu, saya mengulangi seruan agar mereka menghentikan keganasan mereka dan perjuangan yang sia-sia serta hampa itu. Dalam pertemuan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung semasa lawatan ke Peking baru-baru ini, beliau telah berkata bahawa pengganas-pengganas ini adalah masaalah Malaysia sendiri dan kita berhak mengambil apa juga tindakan untuk menghapuskan atau menyelesaikannya. Jadi baiklah mereka menghentikan perbuatan jahat yang merugikan negara dan kembali kepada masyarakat. Bagaimanapun, kalau mereka terus ingkar, Kerajaan berazam akan meneruskan tindakan habis-habisan untuk menghapuskan mereka dari bumi Malaysia ini.

Sehingga hari ini, Kerajaan telah membelanjakan lebih dari $12,000 juta dari tahun 1971-1973 untuk pertahanan dan keselamatan iaitu Polis dan Tentera termasuk Gerakan atau Operasi. Bagi tahun 1974 ini dianggarkan tidak kurang dari $5,300 juta iaitu kira-kira 20% daripada belanjawan negara. Sebahagian daripada perbelanjaan itu dapat dikurangkan dan digunakan untuk pembangunan sekiranya ancaman keselamatan negara dapat dihapuskan.

Saudara-saudara sekalian.

Hari ini kita berada di mercu kejayaan yang boleh kita banggakan dalam bidang hubungan luar negeri. Hasil dari langkah-langkah yang telah kita jalankan, Malaysia mempunyai nama yang sangat harum serta menduduki tempat yang tertinggi di mata dunia internasional. Kemuncak dari usaha-usaha kita di bidang diplomatik ialah termeterinya hubungan rasmi antara Malaysia dengan Repablik Rakyat Cina semasa lawatan saya ke Peking akhir bulan lalu.

Seperti yang pernah saya terangkan dahulu, hubungan luar negeri kita hari ini mempunyai tiga arah yang utama iaitu kerjasama serantau atau regional co-operation; kerjasama dengan negara-negara Islam oleh kerana kita adalah negara Islam; dan ketiganya, persahabatan yang luas atas dasar saling menghormati dan berbaik-baik tidak mengira sistem ekonomi/politik atau corak pentadbiran sesebuah negara itu.

Semenjak tahun 1970, semasa saya mengambil alih pimpinan negara, kita telah berusaha sungguh-sungguh mengamalkan politik bebas dan tidak terikat kepada mana-mana blok dunia sebagai anggota kumpulan negara-negara berkecuali. Penerimaan kita menyertai Non-Aligned Nations merupakan satu tapak kemajuan bagi kita kerana Malaysia terpilih antara negara-negara yang duduk dalam Jawatankuasa Tetapnya dan pernah mendapat penghormatan mengadakan Sidang Jawatankuasa itu dalam tahun 1972. Saya turut hadir dalam Persidangan Ketua-ketua Negara di Algeria tahun lalu di mana gagasan Malaysia menjadikan rantau Asia Tenggara ini Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali atau Deklarasi Kuala Lumpur mendapat sokongan yang kuat dan penuh.

Kegiatan dan usaha kita mendekati Negara-negara Islam bermula pada tahun 1970 semasa saya menghadiri Persidangan Jeddah untuk membentuk Sekretariat Islam. Kita bersyukur ke hadrat Allah, berkat usaha kita itu Persidangan memilih Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama iaitu satu penghormatan tinggi bagi rakyat dan negara kita. Kepercayaan dan penghormatan negara-negara Islam kepada kita jelas semasa saya menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Lahore bulan Februari lalu yang memilih Kuala Lumpur sebagai tempat Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang baru saja selesai empat hari yang lalu.

Saudara-saudara sekalian tentu telah mengikuti perjalanan sidang tersebut dan saya amat gembira kerana program lima-mata yang kita kemukakan telah mendapat sambutan baik dan diterima penuh oleh negara-negara yang hadir. Kita boleh berbangga kerana pada keseluruhannya para Menteri yang datang itu memuji negara kita bukan sahaja dari aspek Persidangan dan program yang kita cadangkan, tetapi juga dalam aspek kesetabilan politik, kemakmuran dan kemajuan yang mereka saksikan sendiri di

Pesta Pembangunan serta dari lawatan mereka ke beberapa negeri iaitu Pahang, Kelantan, Melaka, Johor dan Pulau Pinang.

Tidak siapa yang boleh menafikan dengan berkat Allah usaha kita yang baik itu meletakkan mertabat Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia Islam dan juga dunia internasional. Kalaupun kita mengeluarkan belanja untuk membiayai Persidangan itu, saya yakin dan percaya atas kebijaksanaan serta munafaat yang didapati dari langkah itu.

Begitu juga, saudara-saudara sekalian, mengenai langkah yang kita ambil untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Repablik Rakyat Cina. Sebagai negara yang menjalankan politik bebas, langkah ini sangatlah penting dan mustahak bagi keamanan dan kesetabilan Negara kita dan juga rantau ini. Saya berbangga dengan sambutan yang meriah dan luar biasa yang diberi oleh Kerajaan dan rakyat Repablik Rakyat Cina. Ini adalah penghormatan yang tidak ternilai terhadap Malaysia dan rakyatnya.

Lawatan saya ke Peking mempunyai erti yang besar kepada kita oleh kerana dengan adanya hubungan diplomatik itu kita telah menemui persetujuan dengan Repablik Rakyat Cina atas beberapa perkara pokok—soal dua kerakyatan atau dual nationality yang telahpun ditolak oleh RRC; soal Party Komunis Malaysia; dan soal-soal politik regional dan bilateral setakat yang berkaitan dengan RRC.

Dalam perbincangan saya dengan pemimpin-pemimpin RRC iaitu Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-Lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien dan lain-lain, nyata dan jelas hasrat RRC hendak berbaik-baik dengan kita atas dasar-dasar yang dipersetujui itu. RRC dengan tegas menolak prinsip dua-kerakyatan yang diamalkan selama ini dan secara tegas juga mensifatkan orang-orang keturunan Cina yang telah memilih kerakyatan Malaysia terputus hubungan sama sekali dengan negara nenek moyang mereka itu. Begitu juga mengenai orang-orang yang bermastautin tetap di Negara ini dan bukan warganegara Malaysia, jika mereka hendak menjadi rakyat Repablik Rakyat Cina, RRC akan menerima mereka sebagai rakyatnya tetapi mereka ini mestilah patuh pada undang-undang Malaysia dan menghormati adat resam serta kebiasaan hidup rakyat Malaysia. Jadi bolehlah disimpulkan iaitu rakyat Malaysia dari keturunan Cina mestilah menumpukan taat setia mereka kepada negara ini dan mengamalkan cara hidup sebagai orang-orang Malaysia tulin.

Mengenai Parti Komunis Malaysia atau MCP, Pengerusi Mao tegas menyatakan bahawa ini adalah soal dalam negeri kita dan terpulanglah kepada kita mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka itu. Cina tidak campurtangan dalam hal ini dan menghormati semangat Communique Peking di mana kedua-dua negara menentang pencerobohan dan subversion dari mana-mana pihak.

Perdana Menteri Chou telah juga memberi sokongan kepada ASEAN dan gagasan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Begitu juga, beliau menyetujui berkenaan dengan hak perairan Malaysia-Indonesia di Selat Melaka dan akan menyokong tuntutan kita di Persidangan Undang-undang Laut yang sedang berlangsung sekarang di Caracas, Venezuela.

Saya percaya hasil-hasil dari lawatan saya dan hubungan diplomatik yang sudah terjalin dengan Repablik Rakyat Cina itu akan menguntungkan kita di kedua-dua bidang politik antarabangsa dan juga perdagangan yang mana RRC bersedia membeli bahan-bahan mentah secara langsung daripada kita dan mereka akan membekalkan beras kalau kita menghendakinya. Dari segi tindakan kita terhadap MCP, seperti saya katakan tadi, ini tanggungjawab kita dan tidak kena mengena dengan RRC dan kita berharap pengganas-pengganas dan penyokong-penyokong mereka insaf akan hakikat ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya telah berucap agak panjang sedikit meliputi perkembangan-perkembangan politik dalam negeri khasnya Barisan Nasional, mengenai masaalah-masaalah dalam negeri kita dan perkembangan dalam perhubungan luar negeri, dan yang lebih penting perkara-perkara yang menyentuh Parti kita untuk menghadapi masa hadapan. Hari ini dan esok, kita akan menumpukan sepenuh perhatian kepada perkara-perkara yang penting ini dan mencari huraian mengenai masaalah-masaalah yang kita hadapi bersama-sama itu. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha kita dan memberikan kita taufik dan hidayahNya memimpin UMNO yang kita kasihi ini mencapai mercu kejayaan yang gemilang dalam memberikan perkhidmatannya kepada Bangsa, Negara dan Ugama Islam Yang Maha Suci.

Sekianlah sahaja. Saya ucapkan kepada para perwakilan selamat bersidang dan berjaya.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein berucap merasmikan Sidang Khas MIC di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 7hb Julai, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN SIDANG KHAS MIC DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 7HB JULAI, 1974

Y.B. Tan Sri Manickavasagam, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Jawatankuasa Pusat MIC, khasnya kepada Tan Sri Manickavasagam,[1] kerana sudi menjemput saya untuk berucap kepada sidang khas MIC hari ini dan memberi saya kehormatan yang istimewa ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan atas inisiatif mengadakan satu sidang khas untuk membincangkan soal-soal yang bersangkut dengan ekonomi negara, istimewa kedudukan rakyat dari keturunan India. Bulan Mei yang lalu, MIC telahpun mengadakan Seminar Ekonomi dan telahpun membuat keputusan-keputusan penting untuk pertimbangan Kerajaan.

Seperti yang dikatakan oleh Tan Sri Manickavasagam sebentar tadi, banyak yang telah dicapai dalam sidang khas ini mengenai masaalah-masaalah yang kita hadapi sekarang, terutama sekali cara bagaimana masaalah-masaalah ini boleh diatasi. Inilah yang sebaik-baiknya yang diharapkan daripada ahli-ahli Parti kita dalam Barisan Nasional, dan tidak semata-mata menyalakan perasaan yang meluap-luap kerana saya percaya segala masaalah yang kita hadapi itu dapat dipecahkan untuk mencari penyelesaian yang wajar dan sempurna.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya sangat puashati dengan kemajuan yang dicapai oleh MIC semenjak dibuat langkah-langkah penyusunan semula tahun lalu. Lebih-lebih lagi saya sukacita ahli-ahli Parti pada amnya menerima serta memberikan sokongan penuh kepada pimpinan baru setelah Tan Sri Manickavasagam mengambilalih daripada Tun Sambanthan dan memimpin MIC selama setahun yang lalu. Inilah sebenarnya harapan saya pada masa itu dan saya turut

[1] Presiden Kebangsaan MIC.

berterimakasih atas kesediaan tuan-tuan dan puan-puan menerima nasihat saya dalam hal ini.

As I was saying just now, I am extremely satisfied to note the progress made by MIC since its reorganisation last year. I would like to thank all members for their readiness to rally around the new leadership under Tan Sri Manickavasagam as I advised, when he took over from Tun Sambanthan. It is as a result of your support and co-operation that MIC has made so much progress during the past few months to consolidate your position and gear it in preparation for the forthcoming elections.

Last week at the UMNO General Assembly, I told UMNO members to be ready prepared for the elections. It is important that all the component parties in the Barisan Nasional should rally together and co-ordinate our election efforts on the basis of the common platform that we have already agreed. As you would have known by now, we have also decided that the Barisan Nasional will be using the Scale of Justice or Neraca as our new symbol, replacing the Alliance Sailing Boat. I hope our people will understand the meaning and significance of this symbol particularly in the context of our effort to build a just society in which every Malaysian has a rightful place. The Barisan National is well on the road towards achieving this objective.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dalam ucapannya yang panjang lebar tadi, Tan Sri Manickavasagam ada menyebut tentang kedudukan rakyat dari keturunan India dan kesulitan-kesulitan yang mereka alami pada masa ini. Saya faham benar perasaan dan sikap tuan-tuan amnya dalam hal ini. Dasar kita ialah hendak menolong rakyat daripada semua kaum yang mundur supaya mereka dapat tempat yang sempurna dan kita dapat selesaikan masaalah ini. Akan tetapi patutlah saya ingatkan bahawa menurut pengalaman kita selama ini perkara yang pokok bagi kita semua masa ini ialah bagaimana kita harus menyelesaikan masaalah-masaalah negara pada keseluruhannya, bukan dengan tujuan menjamin kepentingan sesuatu kaum atau golongan tetapi menjamin "survival" kita sebagai suatu bangsa. It is important that we should look at our problems in the overall national context. Although I can very well understand that your Seminar has focussed its attention on the problems of the Indian community, we should not lose sight of the heart of the matter

which is the prevailing economic imbalance we inherited from the colonial era. We are all agreed that the amelioration of these imbalances is indeed an urgent task today. In this connection, no one can deny that the framework we have laid out in the New Economic Policy is the best solution to our national problems. I am very happy we are in full agreement with this and as Tan Sri Manickavasagam said just now, the MIC is fully committed to the aspirations of the New Economic Policy. If I may emphasise again, we will pursue these commitments with all earnestness and sincerity, and particularly ensure that every Malaysian irregardless of his origin will have equal opportunity to improve himself in the vocation of his choice. There is no doubt in my mind that we will be able to achieve successfully this realistic objective.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya suka juga mengambil peluang ini berucap sedikit berkenaan dengan negara kita dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam beberapa bidang selain daripada kejayaan yang dilihat dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua seperti yang diterangkan dalam Kajian Penggal Pertengahan atau Mid-Term Review.

Dalam usaha membuka peluang-peluang pekerjaan baru, tidak kurang dari 350,000 orang telah mendapat pekerjaan, samada di bidang awam ataupun di bidang swasta. Begitu juga dalam lapangan perindusterian, nyatalah dasar perindusterian yang kita jalankan sekarang ini akan membawa hasil yang baik serta meningkatkan lagi perusahaan dan perindusterian di negara ini. Our efforts and particularly our export and investment drive overseas is beginning to pay off in the light of increasing interest among overseas investors and increasing demand for our products. We have been enjoying a steady upward trend in the world price of our traditional products and we hope this situation will be maintained.

However, our peak of success is in our foreign policy which reached its climax in the establishment of diplomatic relations with the People's Republic of China. My visit to Peking last month was very significant in the sense that we are the first ASEAN country which has relations with the superpowers namely United States, Soviet Union and China. As you know, I had a very satisfactory meeting with Chinese leaders particularly Chairman Mao and Premier Chou who showed deep understanding of our

problems and our aspiration. I am very happy that the decision we made in establishing diplomatic relations at this present phase of our development has the support of every Malaysian.

I am extremely gratified with the honour given to me by the I.L.O. to address its recent Assembly in Geneva, during the presidency of Tan Sri Manickavasagam. Malaysia's prestige is further enhanced by our recent success in hosting the Fifth Conference of Islamic Foreign Ministers. We are not only praised for the efficient manner we organised the Conference but our visitors were also very impressed with the social and economic progress of the country as a whole.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Serentak pada hari ini juga, sahabat-sahabat kita dalam Malaysian Ceylonese Congress mengadakan Sidang Perwakilan mereka. I would like to place on record our appreciation of the part played by Malaysian of Ceylonese origin in the progress, development and unity of our peoples. In actual fact MIC in one. Sebenarnya kedua-dua pertubuhan ini mempunyai hasrat dan tujuan yang sama, dan saya sangat menghargai segala sumbangan yang telah diberikan oleh ahli-ahli pertubuhan dalam usaha kita memupuk perpaduan serta membina negara yang makmur, stabil dan maju. Barangkali ada baiknya kalau difikirkan pada masa sekarang ini arah dan haluan perkembangan dan kemajuannya, terutama bagaimana tenaga kedua-dua pertubuhan ini boleh disatukan supaya menjadikan lebih kuat dan teguh untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

Akhir kata, saya sekali lagi menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada seluruh ahli-ahli MIC atas penghormatan yang tuan-tuan berikan kepada saya hari ini. Saya suka memberi jaminan Blueprint yang dihasilkan oleh persidangan ini akan dikaji sehalus-halusnya dan setakat mana yang boleh akan kita laksanakan.

I can assure you that the Blueprint which Tan Sri Manickavasagam presented to me just now will be studied in depth and we will endeavour to implement its recommendations within the framework of our policy. Once again, I wish you all success and, God willing, with the support of all, Barisan Nasional will continue to lead the people to higher peaks of achievement in the coming years.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN AGUNG PARTI BUMIPUTRA SARAWAK DI KUCHING PADA 13HB JULAI, 1974

Y.B. Tan Sri Datuk Amar Jugah[1], Y.A.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub[2], Datuk Amar Haji Taib Mahmud[3], Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian pada Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputra Bersatu yang berlangsung hari ini. Lebih-lebih lagi saya merasa amat terharu dengan sambutan yang diberikan kepada saya sewaktu ketibaan dari Kuala Lumpur pagi tadi, di samping mendapat penghormatan untuk berucap dan seterusnya merasmikan Persidangan yang maha penting ini.

Dua minggu yang lalu, Parti saya iaitu UMNO telah mengadakan Perhimpunan Agungnya yang ke dua puluh lima dan saya sukacita menyatakan penghargaan seluruh anggota kami atas kehadiran Wakil-wakil dari Parti-parti seperjuangan termasuklah wakil Parti Bumiputra iaitu Y.B. Dr Sulaiman.

Saudara-saudara sekalian.

Inilah kali pertama saya hadir bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian iaitu Parti yang menggabungkan rakyat dua kaum terbesar di Sarawak ini yang berjumlah tidak kurang dari 600,000 orang. Boleh dikatakan hari ini Parti Pesaka Bumiputra Bersatu adalah tulang belakang Kerajaan Negeri ini. Dengan demikian, saya merasa peristiwa hari ini amat penting dalam sejarah perkembangan politik tanahair kita dan membuktikan kematangan parti-parti politik Sarawak setelah menempuh berbagai macam pengalaman selama beberapa tahun ini.

Saya suka mengambil peluang ini menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Datuk Amar Jugah dan Datuk Haji Abdul Rahman atas rasa persefahaman dan pengertian yang begitu mendalam hingga dapat mengatasi segala masaalah yang dihadapi selama ini dan terus menyatukan kedua-dua Parti Pesaka dan Bumiputra ini dalam satu organisasi sahaja. Ini tidak syak

[1] Presiden Parti Pesaka, Sarawak.
[2] Presiden Parti Bumiputra, Sarawak.
[3] Timbalan Presiden Parti Bumiputra, Sarawak.

lagi dapat dilakukan oleh kerana adanya semangat pengorbanan dan rasa tanggungjawab atas kepentingan masa depan rakyat Sarawak khasnya orang-orang Bumiputra iaitu orang-orang Iban, Kelabit, Bidayuh, Kanyan, Kenyah, Melanau dan orang Melayu sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Negara kita hari ini menghadapi cabaran yang besar iaitu cita-cita dan keazaman kita hendak memberikan rakyat kita taraf hidup serta keadaan hidup yang lebih sempurna. Dalam hal ini, semenjak kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, banyak yang telah tercapai; bagaimanapun matalamat yang kita tujui itu masih jauh di hadapan. Rancangan-rancangan pembangunan di Sarawak ini khasnya telahpun disusun dengan baik dan teliti yang mana sedang dilaksanakan dengan sebaik-baiknya di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub.

Sarawak sungguh bertuah mendapat pemimpin yang aktif dan dinamis seperti Ketua Menteri kita dan kita semua tahu iaitu rancangan-rancangan pembangunan untuk Sarawak ini akan mengubah wajah negeri ini serta membawa kemakmuran dan kebahagian kepada rakyat dalam tempoh dua puluh tahun akan datang. Akan tetapi, jentera pembangunan tidak dapat berjalan dengan lancar selagi masaalah besar iaitu masaalah keselamatan tidak diselesaikan dengan segera. Inilah perkara yang paling utama kita harus perhatikan oleh kerana selagi ada pengganas-pengganas dan anasir-anasir anti-nasional di tengah-tengah masyarakat kita, cita-cita negara aman damai dan bahagia tidak dapat dipenuhi. Saya percaya seluruh ahli-ahli Parti di sini memahami hakikat ini benar-benar dan saya berharap Perhimpunan hari ini akan meneguhkan azam menghapuskan segala bencana yang mengancam keselamatan kita itu.

Sesungguhnya kita beruntung sejak adanya Kerajaan Campuran Sarawak berikutan Pilihanraya 1970 dulu, rakyat semakin bertambah rapat ke arah perpaduan dan bersama-sama menyokong usaha Kerajaan menentang pengganas-pengganas dan anasir subversif itu. Berkat pimpinan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Stephen Yong, telah terdapat kemajuan dan kejayaan yang besar dalam bidang keselamatan iaitu Operasi Sri Aman. Kebijaksanaan Ketua Menteri telah berhasil mengamankan ramai anasir-anasir anti-nasional dan membawa mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Langkah ini nyata membuktikan betapa

tinggi timbang rasa dan hasrat Kerajaan hendak menyelamatkan mereka yang telah salah jalan, membawa mereka ke jalan yang benar dan seterusnya memulihkan keamanan dan ketenteraman. Kerajaan bersedia memberikan peluang kepada mereka yang ingin menjadi rakyat yang baik dan berguna asal saja mereka sanggup menghentikan perjuangan yang sia-sia dan perbuatan ganas mereka itu. Sebaliknya kalau mereka enggan dan terus berdegil kita tidak akan berganjak setapak pun dan akan menjalankan tindakan tegas supaya anasir-anasir jahat itu dihapuskan dari bumi negeri ini.

Berhubung dengan soal keselamatan ini juga, saya suka mengaitkan dengan lawatan saya ke Peking tidak lama dulu untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina. Saya harap rakyat sekalian akan benar-benar meneliti munafaat yang kita perolehi dari perhubungan diplomatik itu. Selain dari kepentingan politik dan ekonomi, perhubungan kita dengan RRC itu juga membantu menyokong usaha Kerajaan menentang pengganas-pengganas dan anasir subvesif itu. Berkat pimpinan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Stephen Yong, telah terdapat kemajuan dan kejayaan yang besar dalam bidang keselamatan iaitu Operasi Sri Aman. Kebijaksanaan Ketua Menteri telah berhasil mengamankan ramai anasir-anasir anti-nasional dan membawa mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Langkah ini nyata membuktikan betapa tinggi timbang rasa dan hasrat Kerajaan hendak menyelamatkan mereka yang telah salah jalan, membawa mereka ke jalan yang benar dan seterusnya memulihkan keamanan dan ketenteraman. Kerajaan bersedia memberikan peluang kepada mereka yang ingin menjadi rakyat yang baik dan berguna asal saja mereka sanggup menyelesaikan masaalah dalam negeri—soal keselamatan dan kerakyatan orang-orang keturunan Cina.

Dalam perbincangan saya dengan Chairman Mao dan Perdana Menteri Chou En-Lai, mereka menegaskan bahawa soal pengganas-pengganas baik MCP ataupun Komunis Sarawak/Kalimantan Utara adalah soal kita sendiri dan terserah pada tangan kita untuk menyelesaikannya. RRC tidak campur tangan hal dalam negeri kita dan ini adalah ditegaskan dalam Peking Communique. Jadi nyatalah apa yang dikatakan perjuangan mereka itu sia-sia belaka. Jadi janganlah rakyat terutama belia-belia terpedaya dengan tipu helah penjahat-penjahat itu.

Berkenaan dengan soal kerakyatan, adalah jelas daripada kommunike Peking itu sesiapa jua dari keturunan Cina yang

memilih kerakyatan Malaysia, maka dengan sendirinya hubungan mereka dengan negeri Cina atau tanah nenek moyang terputus sama sekali. Bagi mereka yang tinggal menetap di sini tetapi ingin mengekalkan atau mengambil kerakyatan China, mereka hendaklah patuh pada undang-undang negeri ini dan menghormati adat kebiasaan rakyat Malaysia.

Kebaikan yang didapati pada segi politik dan ekonomi sangatlah besar faedahnya kepada kita. Terutama tentang hasrat menjadikan rantau Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali menurut Deklarasi Kuala Lumpur 1971. Begitu juga saya percaya hubungan perdagangan yang lebih pesat antara kita dengan RRC yang akan menguntungkan kedua negara. Kita di Malaysia ada mengeluarkan banyak bahan-bahan mentah—getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan sebagainya yang dikehendaki oleh RRC yang mempunyai penduduk 800 juta.

Begitu juga kita telah banyak mendapat bantuan beras daripada RRC dan mereka sanggup menjualkan kita beras lagi kalau kita kehendaki.

Satu lagi cabaran yang kita hadapi pada masa ini ialah Pilihanraya Umum. Seperti saya katakan pada Perhimpunan Agung UMNO dulu, masanya akan tiba tidak lama lagi. Meskipun saya belum dapat ilham bilakah hari atau bulan yang baik itu, perkara yang amat penting dan mustahak bagi kita semua ialah mengemaskan organisasi Parti dan menyediakan jentera pilihanraya Parti manakala tiba masanya kelak. Kali ini kita akan bertanding di bawah panji-panji Barisan Nasional. Tiga hari yang lalu, di Seremban, saya telah memperkenalkan simbol baru Barisan Nasional iaitu Dacing yang menggantikan simbol Kapal Layar yang digunakan oleh Perikatan di masa lalu dan simbol-simbol lain yang dipakai oleh parti-parti yang pada masa ini bergabung di dalam Barisan Nasional. Saya percaya simbol baru ini, yang diterima baik oleh semua pemimpin Parti dalam Barisan Nasional akan diterima dan disokong oleh semua rakyat di Semenanjung, Sarawak dan Sabah.


Pada hemat saya lambang atau simbol "Neraca" ini ialah yang paling sesuai dan bermakna dengan kerana ianya mencerminkan hasrat dan keazaman Kerajaan yang didukung oleh Barisan Nasional mewujudkan masyarakat adil di negara ini. Dalam hal ini sukalah saya mengingatkan saudara-saudara bahawa kita semua

bersama-sama menjunjung cita-cita dan saya yakin dengan kebulatan tekad serta keteguhan azam, cita-cita suci ini akan tercapai semasa hayat kita.

Oleh yang demikian, sangatlah penting dan mustahak saudara-saudara dalam Parti Bumiputra mengukuhkan perpaduan antara ahli-ahli Parti dan bersama-sama mengembelingkan tenaga dengan rakan-rakan dari Parti lawan. Saya penuh yakin rakyat akan memilih pihak yang benar-benar memperjuangkan hasrat dan cita-cita mereka dan akan memberi sokongan mereka sebulatnya kepada Barisan Nasional. Di Sarawak tidak ada parti lain selain daripada Parti Pesaka Bumiputra bersama-sama dengan SUPP yang benar-benar menjaga kepentingan rakyat untuk membawa zaman baru untuk kebahagian dan kemakmuran kepada semua.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada seluruh ahli Parti Pesaka Bumiputra kerana memberi penghormatan yang tinggi kepada saya hari ini. Mudah-mudahan Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang akan sentiasa memberkati usaha-usaha kita serta melindungi kita dari bahaya dan bencana. Dengan ini, saya sukacita merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputra ini dengan harapan persidangan ini mendapat kejayaan yang penuh dan Parti Pesaka Bumiputra terus subur dan maju sebagai teras perjuangan rakyat Sarawak.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein dialu-alukan oleh Ahli-ahli Majlis Persatuan Syarikat Pinjaman Malaysia Berhad semasa menghadiri Majlis Makan Malam di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 16hb Julai, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT PEMINJAM (ASSOCIATION OF BORROWING COMPANIES) DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 16HB JULAI, 1974

Encik Kong Sik Hung, Pengerusi, Association of Borrowing Companies, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terimakasih dan merakamkan penghargaan saya berdua atas kesudian tuan-tuan sekalian ahli-ahli ABC menjemput saya berdua ke majlis perayaan ulang tahun kedua yang permai ini, di samping mendapat penghormatan sebagai tetamu khas ABC pada peristiwa malam ini.

Sesungguhnya inilah kali yang pertama saya beroleh kesempatan beramah mesra dengan ahli-ahli ABC dan dalam tugas saya sebagai Menteri Kewangan peluang seperti ini amat besar faedahnya untuk mengetahui kerja-kerja ABC ini. I am sure you all do not expect me to make any announcement of new financial policy as the Gabnor Bank Negara had just announced the decision of the Government to use a little bit the credit squeeze by Banks and other financial Institutions.

Saya sukacita juga bahawa sejak tertubuhnya ABC bulan Oktober tahun lalu, pertubuhan ini melihat kemajuan-kemajuan yang penting serta kegiatan-kegiatannya semakin meningkat. Tidak syak lagi, ABC mempunyai peranan besar dalam keadaan ekonomi negara yang sedang berkembang maju dan sebagai institusi kewangan yang bertanggungjawab, ABC tentulah boleh memberikan sumbangan yang bermakna kepada perkembangan ekonomi dan pembangunan negara.

Dalam hubungan ini, saya sangat tertarik hati dengan perhatian berat yang ditunjukkan oleh ABC terhadap langkah kewangan—financial measures—yang diambil oleh Kerajaan tahun lalu seperti yang dibayangkan oleh Tuan Pengerusi sendiri dalam tulisannya "Borrowing Companies in Malaysia". Saya percaya meskipun langkah itu agak menyekat kebebasan Finance Houses kerana meletakkan had pinjaman, tentulah tuan-tuan menghargai maksud di sebaliknya iaitu hasrat Kerajaan hendak mengurangkan tekanan

inflasi. Inilah satu-satu langkah yang difikirkan munasabah dan mustahak, dan saya sukacita ABC serta institusi-institusi yang lain menerima baik dan menyokong langkah Kerajaan itu. Saya berharap hubungan baik dan kerjasama seperti ini akan terus dikekalkan pada masa hadapan.

Tuan-tuan sekalian.

I am very happy to be here this evening on the occasion of the Second Anniversary dinner of the Association of Borrowing Companies, and I must also thank Mr Kong for the kind sentiments he expressed just now about my recent visit to China.

It has often been pointed out that one should always be careful of politicians. After your Chairman's explanation of the Association's logo, I must say that we politicians should even be more careful of the borrowing companies, particularly after they have given you a very nice dinner. We are all familiar with the saying, "Neither a borrower nor a lender be". Of course in Shakespeare's time, he never heard of borrowing companies, and although I think ABC is a misnomer, you can happily prove that he is wrong by being both borrowers and lenders successfully at the same time.

This is the first occasion which gives me the opportunity to meet members of the ABC and this is both useful and significant to me particularly since I took over the finance portfolio from Y.B. Tun Tan Siew Sin. I am glad to say that the ABC and its constituent members have always shown support and co-operation to the Government in whatever measures we have taken on of financial matters.

As I stated just now, the Government recently announced the easing of the credit squeeze which we imposed at the end of last year in certain areas such as housing and small industries—areas which Government considers necessary to put greater efforts in order to achieve the targets of the New Economic Policy. As you all well know, one of the problems we are facing in our efforts to counteract inflation is excessive liquidity i.e. there is too much money not only in banks and financial institutions but also in the hands of the public. Therefore, it is necessary that this excessive liquidity should be reduced.

In the present session of Parliament which begins tomorrow, it is proposed to introduce a Bill to establish the National Savings Corporation which will provide facilities for our people, particularly those in the lower income groups and living in the outlying areas, to save their money. We in the Government have repeatedly advised the public to refrain from purchasing unnecessary goods which they do not require for immediate use. In other words, if we are to arrest the inflationary trends, our people must be prepared to undertake ansterity measures and that is why the Government has decided to take some of the financial measures that I stated earlier.

I am happy that these measures have received the understanding and support from financial institutions in this country and also the public, and I do hope that with your support and co-operation, these measures, which are beginning to show results, will bring the desired effect and this nagging problem of inflation can eventually be overcome.

Tuan-tuan sekalian.

I need not remind all of you that these are challenging times ahead for Malaysia. The Government has often pointed out the need to develop our agricultural and manufacturing sectors, in particular the small-scale enterprises. While I note that there has been progress made, there are still ample opportunities for further expansion of credit to these sectors. I would, therefore, expect the borrowing companies, who are the second most important mobilisers of funds and source of private sector credit in the country, to take up the challenge. I do hope you will depart from the established practice of providing funds only to well-established enterprises and for hire-purchase financing of consumer items, but instead to adopt a conscious development-oriented approach in your lending function, particularly in channelling medium and long-term funds for productive purposes.

Ladies and Gentlemen.

Let me now touch briefly on the subject of assistance to Bumiputras. One of the objectives of the New Economic Policy is to create a viable and thriving Bumiputra community in commerce, finance and industry within twenty years, and as I have often

emphasised, I would like to see a national effort being made to achieve this objective. In other words, we should not take the attitude of letting only the Government bear the whole burden and in fact I would like to see everyone contributing towards this.

It is, therefore, gratifying to note from your Chairman's report that the borrowing companies are showing progress in the amount of credit facilities to Bumiputras and in the recruitment of Bumiputra staff. It is also heartening to know that the borrowing companies, as a group, are still not satisfied with the efforts that had been made so far. I share your concern in this matter and welcome the formation of a Sub-Committee by your Council to look into the various ways and means of increasing still further their assistance to the Bumiputra community.

Tuan-tuan sekalian.

While I am still on the subject of Bumiputra staff, I would also like to say something on the question of management in general. Our country is well-endowed with natural resources but there is still an acute shortage of qualified and trained staff. I need not emphasise that high calibre human resources are essential for the prosperity and economic well-being of our country, and I am pleased to note that you are placing great importance on staff training. A group of well-trained people will not only increase the level of efficiency of the organisation but also in the long run improve the quality of management in that organisation. This is essential; in fact, I would say, vital to public institutions like yours whose success depends so much on the confidence that the members of the public have in you. And as your Chairman has so rightly pointed out, being the depository of public funds, you must maintain the highest level possible of professionalism. I am convinced that well-trained staff is the first step towards this direction.

In conclusion, let me say that although one of the aims of your Association, is to foster better understanding and closer relations among its members, I have no doubt that your Association would play its part successfully not only in advancing the interests of its member companies but also in the progress and development of the country as a whole.

Tuan-tuan sekalian.

Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih atas budi baik tuan-tuan semua menjemput saya berdua ke majlis yang permai ini dan saya mendoakan semoga ABCM terus meningkat maju dan berjaya dalam segala usahanya.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 17HB JULAI, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Dengan izin tuan, saya suka membuat satu kenyataan mengenai lawatan rasmi saya ke negara Repablik Rakyat Cina (RRC) baru-baru ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah melakukan lawatan rasmi ke Repablik Rakyat Cina dari 28hb Mei hingga 2hb Jun, 1974, atas undangan Perdana Menteri Chou En-lai. Satu Kenyataan Bersama oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Repablik Rakyat Cina telah ditandatangani di Peking pada 31hb Mei, 1974, iaitu pada akhir lawatan saya ke Peking dan dikeluarkan serentak di Kuala Lumpur dan di Peking pada hari tersebut. Isi kandungan Kenyataan Bersama itu telah disiarkan sepenuhnya dan dalam kenyataan ini, saya akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai beberapa issue yang terkandung dalam Kenyataan Bersama itu.

Semasa saya berada di RRC, saya telah dapat menemui serta bertukar-tukar fikiran dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-Nien dan juga pemimpin-pemimpin China yang lain. Perbincangan-perbincangan telah dijalankan dalam suasana persahabatan dan terus terang dan pada hemat saya, perbincangan-perbincangan itu telah menolong kedua-dua pihak menerima dan lebih memahami dasar-dasar dan pendirian masing-masing dalam satu-satu perkara. Memang terdapat hasrat dan kejujuran kedua-dua pihak Malaysia dan RRC hendak menjalin perhubungan persahabatan, muhibbah dan persefahaman berasaskan dasar hormat-menghormati serta tidak campur tangan dan saya tidak syak lagi lawatan saya itu telah memberikan sumbangan yang besar ke arah ini.

Tuan Yang Dipertua.

Dalam rangka lawatan saya itu, saya telah melawat beberapa tempat bersejarah yang penting seperti Tembok Besar, Makam Maharaja Ming, Muzium Istana Maharaja serta lain-lain institusi penting seperti Perkampungan (Commune), Universiti dan Pamiran

Perindusterian. Di mana-mana jua saya pergi, saya dan rombongan telah diberi sambutan yang sangat meriah dan penuh kemesraan. Saya percaya ini merupakan satu penghormatan kepada negara kita serta membuktikan hasrat sebenar rakyat dan Kerajaan Cina hendak menjalin perhubungan persahabatan yang berkekalan dengan kita.

Sepanjang masa kami berada di RRC, kami telah diberi layanan yang baik dan semuanya ini dilakukan untuk kesenangan dan kesejahteraan rombongan Malaysia. Saya ingin menyatakan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan RRC atas layanan baik itu dan lain-lain usaha yang mereka jalankan untuk menjadikan lawatan itu sungguh berhasil dan sangat menyenangkan.

Sebagaimana kita semua maklum, Kenyataan Bersama 31hb Mei yang dengan rasmi memetrikan perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan Repablik Rakyat Cina itu telah menyentuh beberapa prinsip mengenai perhubungan persahabatan Malaysia-Repablik Rakyat Cina. Prinsip-prinsip ini adalah besar maknanya kepada kita di masa hadapan.

Dalam perbincangan-perbincangan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai dan Naib Perdana Menteri Li Hsien Nien serta pemimpin-pemimpin Cina yang lain, saya telah diberi keyakinan yang tegas bahawa RRC mensifatkan sakibaki pengganas dalam negara kita sebagai masaalah dalam negeri kita sendiri dan terpulanglah kepada kita untuk mengambil tindakan yang kita fikirkan munasabah. Ini adalah sejajar dengan kelima-lima prinsip hidup bersama dengan aman damai sebagaimana yang tertera dalam Kenyataan Bersama, iaitu hormat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah negara masing-masing, tidak ceroboh-mencerobohi antara satu sama lain dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri masing-masing, persamaan taraf serta kepentingan bersama dan hidup bersama dengan aman damai. Di samping itu, Repablik Rakyat Cina bersama-sama dengan kita telah dengan tegas menyatakan penentangan terhadap pencerobohan, campur-tangan, penaklukan serta kegiatan subversif oleh kuasa asing dan mengakui bahawa sistem sosial dalam sesebuah negara adalah hak mutlak rakyat negara tersebut memilih dan menentukannya. Semuanya ini adalah hakikat yang harus diterima oleh pengganas-pengganas sekarang.

Sistem sosial dalam negara ini telah dipilih dengan bebas oleh rakyat kita sendiri. Sebaliknya pula pengganas-pengganas cuba

memaksakan satu sistem yang bertentangan dengan ideoloji kebangsaan kita iaitu Rukunegara. Pengganas-pengganas juga cuba dengan cara kekerasan hendak menggulingkan Kerajaan yang sah dan dipilih oleh rakyat secara demokrasi, yang diakui oleh semua negara di dunia termasuklah oleh Repablik Rakyat Cina sendiri.

Pengganas-pengganas sekarang ini mestilah menghadapi kenyataan dan menyedari bahawa perjuangan mereka adalah hampa dan sia-sia sahaja. Mereka tidak mempunyai alasan lagi untuk meneruskan perjuangan dan melakukan pembunuhan kejam ke atas rakyat yang tidak berdosa. Dalam kenyataan-kenyataan saya sejak saya pulang dari lawatan ke Peking, saya telah menarik perhatian mengenai perkara-perkara ini dan menggesa pengganas-pengganas supaya meletakkan senjata, menghentikan perjuangan dan kembali ke pangkuan masyarakat. Saya suka mengulangi di sini seruan saya itu.

Selanjutnya saya suka menyentuh mengenai masaalah Taiwan. Kenyataan Bersama Peking pada 31hb Mei menegaskan lagi pengiktirafan Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Repablik Rakyat Cina sebagai Kerajaan yang tunggal dan sah bagi negeri Cina dan Taiwan adalah sebahagian daripada wilayah Repablik Rakyat Cina. Ini memanglah pendirian kita selama ini. Sungguhpun kita mempunyai perhubungan konsul dengan Taiwan sejak tahun 1965, kita sentiasa menjelaskan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai pengiktirafan kita kepada Kerajaan Taiwan.

Sesuai dengan taraf baru kita dengan Repablik Rakyat Cina, Pejabat Konsul kita di Taiwan dan Pejabat Konsul Besar Taiwan dan lain-lain ajensi Kerajaan Taiwan di Kuala Lumpur telahpun ditutup. Mulai tarikh itu, perhubungan kita dengan Taiwan adalah terhad kepada perhubungan rakyat dengan rakyat dan atas asas keadaan setempat. Ini bermakna tidak ada halangan bagi rakyat Malaysia secara perseorangan melawat Taiwan, menjalankan urusan persendirian, berdagang dan sebagainya atau menjalankan lain-lain urusan perniagaan biasa.

Tuan Yang Dipertua.

Satu perkara yang penting bagi rakyat Malaysia hasil dari lawatan saya ke Repablik Rakyat Cina ialah mengenai kedudukan orang-orang keturunan Cina di Malaysia.

Dalam bidang lawatan saya itu, saya telah menerangkan kepada pemimpin-pemimpin Cina mengenai rakyat berbilang kaum yang

tinggal di Malaysia dan usaha-usaha kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatupadu dari rakyat yang berbilang kaum ini. Pemimpin-pemimpin Cina telah menunjukkan simpati dan persefahaman terhadap matalamat kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatupadu dan telah menekankan dengan tegasnya pandangan mereka bahawa kedudukan masa depan orang-orang Cina Seberang Laut adalah ditentukan oleh Kerajaan dan rakyat negara yang mereka diami; bahawa mereka hendaklah mematuhi undang-undang; mereka hendaklah mengikuti adat resam negara yang mereka diami, dan mereka hendaklah menganggap diri mereka sebagai sebahagian dari masyarakat tempatan dan bukan terpisah darinya. Nasihat ini seharusnya diingati oleh semua orang-orang keturunan Cina di Malaysia ini.

Sebagaimana yang dijelaskan dalam Kenyataan Bersama itu, kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Repablik Rakyat Cina tidak mengiktiraf dua kerakyatan. Ini bermakna bahawa orang-orang keturunan Cina yang telah mengambil atau mendapat kerakyatan Malaysia dengan secara otomatik tidak lagi menjadi rakyat Cina dan Kerajaan RRC tidak mempunyai apa-apa hak terhadap mereka itu. Bagi orang-orang keturunan Cina yang lain yang telah bermastautin di Malaysia, yang tidak menjadi rakyat Malaysia atau rakyat negeri ketiga, kita telah bersetuju bahawa jika mereka ingin terus dianggap sebagai rakyat Repablik Rakyat Cina, kita akan iktiraf mereka sebagai rakyat RRC dengan syarat mereka mempunyai dokumen-dokumen dari Kerajaan RRC yang menunjukkan mereka itu rakyat negara tersebut.

Kita juga telah menentukan bahawa mengikut undang-undang yang ada sekarang dan untuk mengurangkan sebarang kesusahan dan kesukaran, mereka yang telah bermastautin di Malaysia yang tidak mendapat kerakyatan Malaysia, boleh terus tinggal di negeri ini seperti di masa-masa lalu. Perbincangan lanjut akan diadakan selepas kedua-dua negara menubuhkan kedutaan masing-masing bagi menyelesaikan masaalah kewarganegaraan orang-orang yang terlibat ini. Perkara ini merupakan butir-butir pentadbiran sahaja dan saya tidak menjangka akan menimbulkan kerumitan atau memakan masa yang lama.

Tuan Yang Dipertua.

Memandang kepada pentingnya lawatan saya ke negara RRC itu, saya berpendapat adalah wajar bagi saya membuat kenyataan

ini di Dewan yang mulai ini. Saya percaya tidak syak lagi lawatan tersebut telah berjaya meliputi prinsip-prinsip perkecualian dan persahabatan yang boleh memandu dasar luar kita dan usaha mewujudkan perhubungan baru dan penting antara Malaysia dengan Repablik Rakyat Cina.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein merasmikan pembukaan "Rumah Sembelih Pusat" di Shah Alam, Selangor pada 18hb Julai, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR 5:7:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI RUMAH SEMBELIH SHAH ALAM, SELANGOR PADA 18HB JULAI, 1974

Y.B. Tan Sri Haji Ghazali Jawi, Pengurus Lembaga Ternakan Negara, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya sukacita dapat bersama pada petang ini untuk merasmikan pembukaan Abbatoir atau Rumah Sembelih Shah Alam ini. Sukalah saya menyatakan Penghargaan dan terimakasih kepada Tan Sri Ghazali Jawi dan Pengerusi serta Ahli-ahli Lembaga Jemaah Majuternak di atas penghormatan yang diberikan kapada saya itu.

Peristiwa hari ini membuka babak baru dalam perkembangan dan kemajuan sektor ternakan di negara ini di samping menunjukkan keazaman Kerajaan memberikan kemudahan yang sempurna untuk rakyat mendapatkan bekalan daging yang bersih untuk makanan sehari-hari. Abbatoir ini boleh disifatkan sebagai "nucleus" bagi mempesatkan kemajuan di bidang perusahaan ternakan dengan cara yang lebih modern dan "sophisticated" dan dengan kejayaan projek perintis ini Kerajaan akan membina lebih banyak lagi Rumah Sembelih sejajar dengan keperluan negara kita.

Seperti dimaklum projek ini termasuk Pusat Pemungutan Daging dan Ternakan di Senawang, yang menelan belanja lebih kurang $12.8 juta. Ini adalah satu perbelanjaan yang besar tetapi sebagai masyarakat yang ingin maju kita memerlukan kemudahan-kemudahan serupa ini untuk menjamin mutu kebersihan dan pengeluaran daging yang sempurna untuk dimakan. Hingga hari ini, kebanyakan rumah-rumah sembelih di negara ini berjumlah lebih kurang 350 buah, tidaklah begitu teratur keadaannya dan tidak dapat menjamin mutu pengeluaran dan kebersihan yang sempurna. Kerajaan telah menjalankan kajian dengan tujuan hendak membaiki keadaan ini dan salah satu daripada perakuan ialah supaya rumah-rumah sembelih yang ada sekarang dipusatkan atau "centralised" agar menjadi yunit-yunit yang lebih ekonomik dan dapat dikawal kebersihannya. Selain daripada itu, bahan-bahan yang biasanya terbuang dapat diselamatkan untuk dijadikan "by-products" seperti makanan ternakan atau baja.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Dalam hubungan ini MAJUTERNAK telah ditugaskan untuk menyusun semula rumah-rumah sembelihan di negara ini dan melaksanakan projek-projek pembangunan. Projek Abbatoir Shah Alam ini adalah hasil pertama dari langkah tersebut. Seperti dinyatakan oleh Tan Sri Ghazali Jawi tadi Abbatoir Shah Alam ialah yang termoden di Asia Tenggara bertaraf internasional dan kita bolehlah berbangga dengan kemajuan ini. Rakyat di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan khasnya boleh merasa bertuah kerana kemudahan-kemudahan ini dapat dinikmati di kedua negeri ini dan mereka sepatutnya menjauhi dari membeli daging yang disembelih dengan cara haram dan di tempat-tempat yang mutu kebersihannya tidak terjamin.

Saya berharap dengan adanya sistem baru dan moden yang dijalankan oleh MAJUTERNAK ini amalan-amalan penyembelihan secara haram yang sangat merbahaya dan tidak sihat itu akan dapat direnti jika boleh dihapuskan sama sekali. Sebuah yunit penguatkuasa bagi mencegah penyembelihan haram telah juga ditubuhkan di MAJUTERNAK untuk mengawasi amalan-amalan yang tidak sihat ini berlaku di ceruk rantau negara kita ini. Mengikut Akta Penyembelihan, seorang yang melakukan kesalahan ini boleh didenda sehingga sebanyak $25,000.

Pada segi lainnya, sistem baru ini akan mendatangkan perubahan dan pembaharuan yang perlu jika kita berkehendak kemajuan. Memanglah menjadi tanggungjawab Kerajaan mencari jalan dan berbuat sesuatu demi kepentingan dan kebajikan rakyat. Saya fikir adalah baik mereka yang masih lagi belum menerima sistem baru yang dijalankan oleh Abbatoir Shah Alam ini supaya bekerjasama dan menyesuaikan dengan keadaan pengeluaran mereka setapak demi setapak hingga berjalan dengan licin dan lancar. Saya dapat tahu masa ini suri-suri rumahtangga dan peniaga-peniaga khasnya peniaga-peniaga runcit menyokong dan menerima sistem di sini. Bagi negeri-negeri yang lain, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu menerusi MAJUTERNAK untuk memodenkan dan mengawal rumah-rumah sembelih yang ada di setiap bandar, besar dan kecil. Saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberi kerjasama yang penuh di dalam perkara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya ingin menyatakan terima kasih kepada kerajaan Denmark yang telah memberi kerjasama di dalam pelaksanaan projek ini. Bantuan yang diterima termasuk menjalankan feasibility study, pinjaman wang tanpa faedah, rancangan latihan dan mengadakan pakar-pakar untuk membantu pelaksanaan dan perjalanan projek ini, iaitu dua orang pakar dalam bidang pemeriksaan daging dan kejuruteraan. Saya juga difahamkan Tuan Yang Terutama Duta Denmark sendiri mengambil berat dan sangat berminat atas pelaksanaan projek ini. Bantuan dan kerjasama negara sahabat kita itu sangatlah menggalakkan dan projek ini adalah satu contoh di mana negara yang dianggap termaju sekali dalam lapangan rumah sembelih menolong negara yang sedang membangun untuk mencapai kemajuan yang setaraf dalam bidang yang sama. Saya mengambil peluang ini meminta Tuan Raavad untuk menyampaikan perasaan terima kasih dan penghargaan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Denmark "on its very generous and progressive technical assistance policies towards developing nations". Saya mengambil peluang juga melafazkan rasa terimakasih dan penghargaan saya sendiri kepada Tuan Raavad atas kerjasama beliau itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Di masa akhir-akhir ini sering terdengar kata-kata iaitu Malaysia tidak layak lagi menerima bantuan dari negara-negara sahabat kerana kita sudah maju berbanding dengan negara-negara lain yang sedang membangun. Sungguhpun ini ada kebenarannya, tetapi tidak siapa boleh menafikan Malaysia masih terkebelakang dalam banyak bidang, seperti di bidang sains dan teknoloji penternakan—"animal science and technology". Dengan adanya projek yang sedang berjalan sekarang untuk memajukan perusahaan ternakan, Malaysia memerlukan bantuan pakar-pakar yang berpengalaman dalam bidang animal science and technology. Kekurangan tenaga manusia yang berpengalaman dalam pengurusan ladang ternakan dengan cara moden dan besar-besaran ialah satu-satu perkara yang menghalang perkembangan perusahaan ternakan. Memandang hal ini, kita sangat berharap kepada negara-negara sahabat untuk membantu Malaysia membangunkan perusahaan daging dan susu di negara ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah memperuntukkan 32.0 juta ringgit kepada MAJUTERNAK untuk memajukan perusahaan haiwan. Beberapa rancangan telahpun dipersetujui dan dalam proses pembangunannya di Pahang Tenggara, Johor, Trengganu dan Perak, selain daripada projek yang sedang berjalan dekat Behrang. Ini membuktikan hasrat Kerajaan hendak menggalak perkembangan perusahaan ternakan supaya menjamin bekalan dan mutu pengeluaran perusahaan ternakan bagi rakyat. Tidak syak lagi perkembangan perusahaan ini turut membantu mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan khasnya mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk belia di kampung-kampung. Saya percaya dengan izin Allah dan juga dengan semangat berkhidmat serta kerjasama dari semua pihak, rancangan-rancangan MAJUTERNAK akan mendapat kejayaan yang cemerlang dan mencapai matalamatnya.

Saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan terimakasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini, khasnya kepada pegawai dan kakitangan Abbatoir Shah Alam ini. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Abbatoir Shah Alam ini dengan doa dan harapan agar dapat memenuhi cita-cita Kerajaan untuk membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara.

TR 6:7:74

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING CEREMONY OF SIXTH ASIAN CONGRESS OF GYNAECOLOGISTS AND OBSTETRICIANS AT FEDERAL HOTEL, KUALA LUMPUR ON 21ST JULY, 1974

Dato Dr Ariffin Marzuki, Chairman Organising Committee, Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

Pertama sekali, sukalah saya mengucapkan terimakasih kepada Organising Committee Congress ini kerana sudi menjemput saya serta memberikan saya penghormatan merasmikan pembukaan Congress ini. Sepanjang yang saya ingat, inilah kali ke empat tahun ini di mana saya telah mendapat peluang bersama-sama dengan ahli-ahli medical profession (dan juga dental) dalam majlis-majlis mereka, samada yang berhubung dengan Conference seperti ini ataupun majlis keraian mereka sendiri. Pengalaman dan pengetahuan yang saya dapati daripada majlis-majlis seperti ini amat besar faedahnya kepada saya dalam menjalankan tugas-tugas saya sendiri kerana lazimnya ahli-ahli medical profession mengutamakan clinical approach terhadap sebarang masaalah dan tidak banyak bicara lain lagi.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Datang kepada para perwakilan dari negara-negara tetangga dan negara-negara Asia yang lain serta pakar-pakar dan pemerhati-pemerhati dari Amerika, Eropah dan Australia.

Ladies and Gentlemen.

As I was saying, I am indeed happy to be with you on this auspicious occasion. On behalf of the Government and people of Malaysia, I extend to you a warm welcome to Kuala Lumpur. We feel very much honoured that you have chosen our capital city as the venue of this sixth Congress which is attended by well-over 300 participants. Most probably, many of you are here for the first time and I hope the Organising Committee has seen to it that Malaysian hospitality extends beyond our saying "Selamat Datang". From the brochure, I notice a special programme has been laid out for the ladies while the men are

at the Conference. I hope all of you and your good ladies will have an enjoyable and pleasant stay in our country.

I am told that there are three cardinal principles in Obstetrics, namely: watchful expectancy; masterful inactivity and relaxation. Although I do not belong to your fraternity, I can certainly recommend to you the last one in particular during your sojourn in Malaysia. A well-known columnist once wrote that he has always felt a genuine pity for Gynaecologists and Obstetricians. In his view, they must be missing a lot in life, since you normally regard any SYT with a figure of 36-23-36 as simply another case of gynaecoid pelvis, spontaneous delivery and adequate lactation expected! However, judging by the prevailing expression of contentment of the gathering here, I am not sure that the columnist is entirely right.

Ladies and Gentlemen,

Coming to the more serious aspect of life, it is said that "healthy babies require healthy mothers" and that "the hand that rocks the cradle rules the world". The implications are of course that Obstetricians and Gynaecologists, by virtue of their responsibilities in the physical and mental well-being of their charge, have a key role to play in building a strong and healthy nation. I think we all agree that the health of both mothers and young children is the foundation stone of a progressive and viable society. It is therefore most appropriate that the Asian Federation of Obstetrics and Gynaecology, in working towards the betterment of womanhood, have chosen the five major themes for your deliberations in this Congress.

In particular, I note with keen interest that Nutrition and Maternal Health are given special emphasis in your programme. We in Malaysia have been acutely aware of the harmful effects of undernutrition and malnutrition, especially protin-calorie deficiency and growth retardation in the rural sector. Consequently, in 1969, we launched a pilot Applied Nutrition Project for a population of roughly 10,000 in the village of Teluk Datuk in Selangor state. The focus of attention in the programme are pregnant and lactating mothers, infants and toddlers. We adopted a multi-disciplinary approach with the Ministry of Rural Economic Development as the Co-ordinator of the project, while

the other Ministries involved include Health, Information, Education, Agriculture, especially the Department of Fisheries and Veterinary Services.

I am happy to say the results have been most gratifying and the Project has now been extended to the State of Trengganu and very shortly will include other States in Peninsular Malaysia and also Sabah and Sarawak. I am hopeful that you in-depth discussion on "Nutrition and Maternal Health" would provide useful pointers in the long-term implementation and evaluation of our schemes.

Ladies and Gentlemen.

Today, more than half humanity live in Asia, while millions survive in object poverty and at below subsistence level. The task ahead—its magnitude, its implications to food production, employment opportunities, education and other aspects of socio-economic development—is therefore obvious to us all.

I think we all hold the view that every child born should be a wanted child and should enjoy the environment of a healthy and happy family life. He should have not only food, clothing and education but also parental love and protection. This means that individual families should ideally be limited compatible with the means of proper upbringing from infancy to childhood. However, we know that planned parenthood as a way of life involves much more than those statements. We are at present in the process of integrating planned parenthood programme into our rural health services. No doubt your working papers and recommendations on the communication aspects and recent advances in this field will be studied closely by us and where feasible, to be implemented accordingly.

As I said earlier, we have made considerable progress in Malaysia in the field of health. The various programmes we have carried out during the years after independence in providing for babycare and ante-natal care have resulted in reducing infant and maternal mortality among our rural population. However, we are not complacent about this and the Government is spending more money and mobilising greater manpower resources to improve on the existing services.

The influence of Obstetric Service on perinatal health is obvious and stress has been made in this context on obstetrics as preventive

measures. Our planned parenthood programme is particularly directed to improve the health and well-being of expectant mothers through properly phased motherhood and better ante-natal care besides all round improvement of hospital services.

As the number of death from childbirth is decreasing gradually and longer life expectation of mothers, the influence of other diseases in the health and welfare of mothers will be noticeable e.g. cancer. Here too prevention can be organised and I am glad that such voluntary organisation like Cancer Society is actively working in this field. We would certainly like to see greater effort being made in the detection and prevention of cancer especially among childbearing women since this is curable.

Ladies and Gentlemen.

Obstetricians are said to be trained to plan to a large degree and for a long period ahead and at the same time to cope with any sudden emergency. I have every confidence that Datuk Dr Ariffin and his Organising Committee would spare no effort in making this Congress a success and your stay a pleasant one.

On that note, Ladies and Gentlemen, it is with great pleasure that I now declare open the Sixth Asian Congress of Obstetrics and Gynaecology.

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MENGEMUKAKAN USUL MENGENAI LAPURAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAS PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 23HB JULAI, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan—

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa mengikut kuasa-kuasa yang diletakhakkan padanya menurut seksyen 10 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan Persekutuan, deraf Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian pilihanraya (Negeri-negeri Tanah Melayu), 1974 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagaimana dikehendakki di bawah seksyen 9 dalam Jadual itu bagi menguatkuasakan, dengan ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya kepada Perdana Menteri, Malaysia, mengandungi syor-syor mengenai persempadanan Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri-negeri Tanah Melayu diluluskan."

Sebagaimana Ahli-ahli Yang berhormat masih ingat, dalam sidangnya pada 10 Julai, 1973, Dewan telah meluluskan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973. Menurut Akta itu, Perkara 46 dalam Perlembagaan telah dipinda dengan menambah bilangan kerusi-kerusi dalam Dewan ini dari 144 hingga 154, iaitu tambahan sepuluh kerusi yang diuntukkan bagi Negeri-negeri Tanah Melayu. Berikutan dengan tambahan kerusi-kerusi Parlimen dalam Negeri-negeri Tanah Melayu, Dewan-dewan Negeri Kedah, Kelantan, Trengganu, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Selangor telah meminda Perlembagaan-perlembagaan Negeri masing-masing dengan menambah bilangan kerusi-kerusi dalam Dewan-dewan Negeri.

Seksyen 16 dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 menghendaki Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji mengenai pembahagian Negeri-negeri Tanah Melayu kepada bahagian-bahagian pilihanraya dan mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan

Akta itu dan peruntukan-peruntukan Perkara 46 dan Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan sebagaimana dipinda oleh Akta itu.

Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menyiapkan Lapurannya bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas kepada Perlembagaan itu pada 20hb Julai, 1974, dan telah mengemukakan Lapuran itu kepada saya pada 22hb Julai, 1974, sebagaimana dikehendaki oleh seksyen 8 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Lapuran itu telah juga dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 73 tahun 1974.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melihat, Lapuran itu terdiri daripada enam Bab. Bab I mengandungi latarbelakang. Dalam Bab II pecahan kerusi-kerusi Parlimen adalah ditunjukkan Negeri demi Negeri sebagai hasil pindaan kepada Perkara 46 yang saya sebutkan tadi. Perenggan 2.3 dalam Bab itu juga memberi angka-angka perbandingan berkenaan dengan bilangan kerusi-kerusi Parlimen dan Negeri, sebelum dan selepas pindaan kepada Perlembagaan-perlembagaan Persekutuan dan Negeri.

Bab III mengandungi prinsip-prinsip persempadanan sebagaimana ditetapkan dalam seksyen 2 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Bahagian ini dalam Lapuran itu menghuraikan sepenuhnya bagaimana suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan tugasnya dengan mematuhi prinsip-prinsip ini dengan sepenuhnya. Saya tidaklah hendak mengambil masa Dewan ini menghuraikannya dengan panjang lebar. Hanya ada dua perkara sahaja di bawah Bab ini yang hendak saya sentuhkan. Pertama, daftar-daftar pemilih yang digunakan bagi maksud persempadanan ini ialah daftar-daftar pemilih yang telah diperakui dalam bulan Februari tahun 1974. Kedua, Suruhanjaya mengsyorkan beberapa perubahan tentang nama-nama bahagian-bahagian pilihanraya yang sedia ada sekarang. Sebab-sebab bagi perubahan-perubahan itu adalah diberi dalam perenggan 3.18 dalam Lapuran itu.

Bab IV dalam Lapuran itu ialah berkenaan dengan rayuan-rayuan terhadap syor-syor yang dicadangkan itu. 140 rayuan telah diterima tetapi hanya 41 sahaja telah mematuhi kehendak-kehendak Jadual Ketigabelas. Penyiasatan-penyiasatan tempatan telah diadakan bagi mendengar 41 rayuan itu. Selepas mendengar rayuan-rayuan itu, Suruhanjaya Pilihanraya telah meminda syor-syor yang dicadangkan olehnya kecuali syor-syor berkenaan

dengan bahagian-bahagian pilihanraya dalam Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Syor-syor yang dipinda itu telah disiarkan sekali lagi dan lapan rayuan telah diterima tetapi hanya dua daripadanya sahaja telah mematuhi Jadual Ketigabelas. Ini sekali lagi telah diikuti dengan penyiasatan-penyiasatan tempatan. Ringkasan rayuan-rayuan terhadap syor-syor yang dicadang dan dipinda itu adalah masing-masing dinyatakan dalam Lampiran-lampiran A dan B.

Bab V dalam Lapuran itu mengandungi syor-syor muktamad bagi persempadanan selepas mengambil kira tentang rayuan-rayuan. Ringkasan syor-syor berkenaan dengan persempadan kepada Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah dinyatakan dalam Jadual Kelima dan senarai bagi semua daerah mengundi dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya bersama dengan bilangan pemilih dalam tiap-tiap satu daerah mengundi itu adalah dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

Bab VI dalam Lapuran itu mengandungi Lampiran-lampiran dan Jadual-jadual. Folder dalam Lampiran itu mengandungi dua belas peta menunjukkan sempadan-sempadan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana disyorkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang Dipertua.

Mengikut Seksyen 9 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan, Lapuran itu hendaklah dibentangkan bersama dengan deraf sesuatu Perintah yang hendak dibuat di bawah seksyen 12, untuk menguatkuasakan dengan atau tanpa ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran itu. Deraf Perintah itu sekarang ini ada di hadapan Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 74 tahun 1974.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat melihat dari deraf Perintah itu bahawa syor-syor muktamad akan dikuatkuasakan kecuali berkenaan dengan Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Johor. Deraf Perintah itu bercadang hendak menguatkuasakan, setakat mana yang berkenaan dengan Negeri Johor, syor-syor yang dicadangkan lebih awal oleh Suruhanjaya Pilihanraya sebagaimana yang telah disiarkan di bawah seksyen 4 dalam Jadual Ketigabelas. Syor yang dicadangkan ini telah dipinda oleh Suruhanjaya selepas mendengar suatu rayuan dalam suatu penyiasatan tempatan yang diadakan di Lenga, Johor, pada 3hb Jun, 1974. Bagaimanapun, pindaan itu telah

melibatkan semua bahagian-bahagian pilihanraya kecuali bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen TENGGARAH dan PANTI walaupun tiada apa-apa rayuan telah dibuat mengenai semua bahagian pilihanraya yang lain itu. Rayuan dan keputusan mengenai rayuan itu adalah diringkaskan dalam muka surat 76 dalam Lapuran itu.

Kerajaan telah mengkaji syor ini dengan amat teliti dan memandang kepada fakta bahawa rayuan itu telah dibuat hanya mengenai suatu bahagian pilihanraya sahaja maka tidaklah ada suatu sebab yang patut bagi meminda syor yang lebih awal itu mengenai semua bahagian pilihanraya yang lain itu. Oleh yang demikian, adalah lebih munasabah dan berpatutan supaya syor yang dicadangkan lebih awal itu diterima dan dikuatkuasakan.

Tuan Yang Dipertua.

Deraf Perintah itu menyatakan dengan jelasnya ubahsuaian-ubahsuaian yang hendak dibuat kepada syor-syor itu. Jadual Pertama kepada Deraf Perintah itu mengandungi Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana dicadangkan untuk diterima, manakala Jadual Kedua pula mengandungi suatu senarai daerah-daerah mengundi dalam Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri itu.

Dilampirkan bersama deraf Perintah itu ialah suatu Peta menunjukkan sempadan-sempadan bagi Bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri yang disebutkan dalam Jadual Pertama.

Tuan Yang Dipertua.

Sebagaimana dimaklum, ulangkaji bahagian-bahagian Pilihanraya ini dibuat memandang kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara kita terutama dalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu dan bertambahnya bilangan penduduk di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak. Penambahan kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana yang disyor dalam Lapuran itu akan diberikan peluang kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyambut baik langkah yang telah diambil itu dan memberi sokongan mereka.

Akhirnya, saya suka mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi-setinggi terimakasih dan penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menyiapkan Lapuran ini dalam tempoh yang segera. Begitu juga kepada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, Encik Hassan Ibrahim, dan pegawai-pegawai lain yang telah bertugas siang dan malam beberapa lama untuk menyiapkan Lapuran ini serta dengan peta-peta dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan supaya usul ini diluluskan.

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MENGEMUKAKAN USUL MENGENAI LAPURAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAS PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI BAGI NEGERI SABAH DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 23HB JULAI, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan—

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa mengikut kuasa-kuasa yang diletakhakkan padanya menurut seksyen 10 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan Persekutuan, Deraf Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya (Sabah), 1974 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 9 dalam Jadual itu bagi menguatkuasakan, tanpa ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya kepada Perdana Menteri, Malaysia, mengandungi syor-syornya mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sabah diluluskan."

Tuan Yang Dipertua.

Menurut Perlembagaan Persekutuan Fasal 113 (2), Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah mengulangkaji pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya bagi Persekutuan dan Negeri-negeri pada lat-tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun dan tidak kurang daripada lapan tahun serta mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu tentang pembahagian itu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas dan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Negeri hendaklah dijalankan serentak dengan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Rakyat. Fasal (6) dalam Perkara 113 itu memperuntukkan supaya ulangkaji yang berasingan dibuat bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Negeri-negeri Borneo.

Tuan Yang Dipertua.

Dalam bulan Disember, 1973, Dewan Undangan Negeri Sabah telah meminda Perlembagaan Negeri dengan menambahkan kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 32 kepada 48. Persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya dalam Negeri Sabah telah dikuat-kuasakan pada 14hb April, 1966, dan Suruhanjaya Pilihanraya memutuskan membuat ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya dalam Negeri Sabah dengan mengambilkira tambahan kerusi-kerusi dalam Dewan Undangan Negeri.

Suruhanjaya Pilihanraya telah menyiapkan Lapuran mengenai pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya itu pada 20hb Julai, 1974, bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan dan lapuran itu telahpun dikemukakan kepada saya pada 22hb Julai, 1974, sebagaimana di-kehendaki oleh seksyen 8 Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Lapuran itu telah juga dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 71 tahun 1974.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melihat, Lapuran itu terdiri daripada lima Bab. Bab I mengandungi latarbelakang. Bab II mengandungi prinsip-prinsip persempadanan sebagaimana ditetapkan dalam seksyen 2 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Bahagian ini dalam Lapuran itu menghuraikan sepenuhnya bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan tugasnya dengan mematuhi prinsip-prinsip ini dengan sepenuhnya.

Bab III dalam Lapuran itu ialah berkenaan dengan rayuan-rayuan terhadap syor-syor yang dicadangkan itu. Sebanyak tiga rayuan telah diterima tetapi kemudian telah ditarik balik.

Bab IV dalam Lapuran itu mengandungi syor-syor muktamad bagi persempadanan. Ringkasan syor-syor berkenaan dengan persempadanan kepada bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah dinyatakan dalam Jadual Kedua dan senarai bagi semua daerah mengundi dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya bersama dengan bilangan pemilih dalam tiap-tiap satu daerah mengundi itu adalah dinyatakan dalam Jadual Keempat. Folder bersama-sama Lapuran itu mengandungi suatu peta menun-jukkan sempadan-sempadan bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana disyorkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang Dipertua.

Mengikut seksyen 9 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan, Lapuran itu hendaklah dibentangkan bersama dengan deraf sesuatu Perintah yang hendak dibuat di bawah seksyen 12, untuk menguatkuasakan dengan atau tanpa ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran itu. Deraf Perintah itu sekarang ini ada dihadapan Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 72 tahun 1974.

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan supaya usul ini diluluskan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN PERSATUAN PERUNDING MAJIKAN-MAJIKAN TANAH MELAYU (MECA) DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 25HB JULAI, 1974

Y.B. Senator Tan Sri S.O.K. Ubaidullah, Pengerusi MECA, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terimakasih kepada seluruh ahli-ahli MECA kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis jamuan malam ini.

Nampaknya sudah menjadi tradisi kepada MECA mengadakan majlis seperti ini berikutan dengan Mesyuarat Agung Tahunannya, yang mana pada hemat saya amatlah baik sebagai memulakan tahun kerja baru. Saya sendiri merasa sungguh beruntung kerana Majlis ini memberikan kesempatan untuk bertemu dengan ahli-ahli MECA untuk mengetahui lebih dekat kedudukan para majikan dan masaalah-masaalah yang dihadapi mereka. Seperti pernah saya katakan dulu, Kerajaan adalah satu-satunya majikan yang terbesar di negara ini dan oleh itu kesempatan bertukar-tukar fikiran seperti ini sangat berguna dan berfaedah bagi diri saya.

Fellow Guests, Ladies and Gentlemen.

Tonight we once again join members of MECA in their traditional annual dinner following a very successful Annual General Meeting last week. My wife and I are indeed delighted to meet you all in such a congenial atmosphere and I am sure judging from the radiant faces I see around here, you are all able to put aside—at least until tomorrow—the sorrows and woes of the Employer. Indeed, if I may take the point made by the Chairman just now in his lyrical conclusion, there is something for the Employer to look forward to in the next world.

Ladies and Gentlemen.

I wish to sincerely thank Tan Sri Ubaidullah for all the kind things he said about me just now. But I must add that all that we have been able to achieve, both at home and in international arena, reflect the unity of purpose and the unqualified support of

the people—including yourself for the Government which I lead today. I am very grateful indeed for the trust and confidence you have shown me, particulary in your support for the New Economic Policy, and our free, neutral and active foreign policy.

As your Chairman rightly indicated, it is in the field of international relations that we have achieved the greatest success and thereby putting Malaysia in a highly respected place in the comity of nations. My visit to the People's Republic of China has tremendous long-term benefits to our country as in the same way the gathering of Islamic Foreign Ministers in Kuala Lumpur is both very significant to us as a member of the Islamic fraternity and highly beneficial in terms of political action and trade relations. I am indeed most thankful to you all and can confidently hope for your support in the coming years.

Ladies and Gentlemen.

Since we last met on a similar occasion, many things have taken place in the country and some of these, for instance, the current inflation or inflationary trend are likely to stay on for some time no matter how much we may dislike it. I am happy to say that in its effort to combat inflation, the Government has been able to obtain the support of all groups in the country, particularly with regard to the Temporary Special Allowance for the lower income group, MECA came out in full support to implement the scheme. Similarly, other measures taken by the Government have brought about the desirable effects of reducing the impact of the inflation on our people.

I am happy to note that MECA itself is gaining strength with an increase of membership to nearly 500—in fact, only one short of that figure. That in a way reflects the rapid momentum of industrialisation in the country today which bears testimony to the growing confidence among investors, at home and abroad, of our political and economic stability.

Ladies and Gentlemen.

I am also very much heartened by the support expressed by your Chairman with regard to Government's policy on basic minimum wage. The fundamental issues here are very clear—firstly, we are not a fully mometised society and secondly we are still going through the process of industralisation and seeking to attract

investment to create more job opportunities. It would not be realistic for only one section of the community i.e. the workers' group to demand for basic minimum wage while a vast section of our padi farmers and fishermen are on subsistence level economy. I sincerely hope the stalwarts of the labour movement—Encik Zaidi, who is my fellow guest here tonight will see the Government viewpoint and explain it to his coleagues in the MTUC.

Further on this point, I hope both the responsible labour movement and the Employers Group would endeavour to jointly find a reasonable solution to any problem that may arise from time to time in respect of industrial relations. The incidence of strikes last year which resulted in the lost of over 40,000 man-days is most unfortunate especially when the Government is striving so hard to meet the target of the Second Malaysia Plan. It is therefore the joint responsibility of labour leaders and employers to help Government in curbing labour unrest and by doing so maintain the interests of the workers as well as the industry. This will certainly contribute to achieve our aspiration to establish a just society as envisaged in the Rukunegara.

Ladies and Gentlemen.

Coming now to the talk of the day, I am sure it is common knowledge that this Election Year and the speculation is further butteressed with the adoption of the new Constituency Delimitations by the Dewan Rakyat a few days ago. Just now Tan Sri Ubaidullah referred to the formation of the Barisan Nasional and, lest I be accused of making this occasion an election campaign, I would only say that the Barisan Nasional as it is today reflects a complete spectrum of views on Malaysian politics and is therefore the ideal vehicle to carry through our long-term objective of national unity which alone will ensure peace, happiness and prosperity of our people and our country.

Tuan Pengerusi, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dengan kata-kata itu, saya akhiri ucapan ini sambil berdoa semoga MECA akan bertambah maju jaya dan makmur bahagia di masa-masa akan datang.

TR 10:7:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 26HB JULAI, 1974

Y.B. Datuk Abdullah Salleh, Presiden PPTD, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih bagi pihak isteri saya dan saya sendiri atas jemputan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik untuk menghadiri majlis yang permai pada malam ini. Meskipun dalam kesibukan sidang Parlimen dan hal-hal lain, saudara-saudara masih dapat mengadakan majlis keraian ini sebagai satu tradisi dan saya harap akan dapat diteruskan juga dari tahun ke tahun dengan jayanya.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang dikatakan oleh Datuk Presiden tadi, tujuan kita mengadakan majlis ini ialah untuk menjalin perhubungan yang lebih erat dalam suasana persefahaman dan kemesraan di antara sesama anggota perkhidmatan ini dan juga menunjukkan "solidarity" dalam perkhidmatan. Saya lihat ramai antara yang hadir datang dari jauh yang menunjukkan azam serta minat saudara-saudara terhadap PPTD ini. Tidak syak lagi pimpinan PPTD yang bertukarganti akan berusaha mengadakan majlis yang semeriah ini pada masa yang akan datang.

Saya juga ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih atas ikrar taat setia dan sokongan daripada seluruh anggota perkhidmatan kepada Kerajaan yang saya pimpin hari ini. Saya percaya dengan adanya perasaan tanggungjawab serta dedikasi di kalangan pegawai-pegawai semua akan bertambah keyakinan Kerajaan bahawa matalamat-matalamat pembangunan negara kita akan dapat dicapai dengan penuh kejayaan. Dalam pada itu saudara-saudara tentulah maklum iaitu tidak lama lagi Kerajaan saya akan meminta mandat baru dari rakyat dan saya percaya PPTD akan memberikan sepenuh sokongan kepada Kerajaan yang baru itu kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Memanglah benar Persatuan ini, tegasnya pegawai-pegawai PTD mempunyai peranan penting dalam masyarakat. Sebagai perkhidmatan yang mendukung kepercayaan Kerajaan membentuk dan melaksanakan dasar-dasar Negara, pegawai-pegawai PTD mempunyai tanggungjawab yang paling berat mengendalikan jentera pentadbiran Kerajaan. Saya gembira saudara-saudara semua bersedia menerima segala tanggungjawab dan cabaran-cabaran itu dengan penuh dedikasi dan dengan baiknya. Bahkan kejayaan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan selama ini adalah hasil dari penggembelingan tenaga semua golongan perkhidmatan di negara ini di bawah pimpinan perkhidmatan PTD.

Dalam ucapannya tadi, Presiden telahpun menghuraikan bidang kerja dan aktiviti yang sedang diuruskan oleh Jawatankuasa Kerja PPTD. Saya bersetuju bahawa *raison d'etre* Persatuan ini ialah untuk menjaga kepentingan ahli-ahlinya dan mengawasi peraturan-peraturan perkhidmatan supaya semua pegawai PTD menerima "fair deal". Begitu juga amatlah mustahak adanya hak sama di antara pegawai-pegawai PTD di semua peringkat untuk menjalankan kegiatan-kegiatan bersama di mana seniority seseorang itu diketepikan dalam hal-hal urusan Persatuan.

Kita semua maklum, Persatuan ini menjalankan aktiviti-aktiviti penting yang sudah tentunya membawa munafaat kepada ahli-ahli Persatuan dan juga mereka yang belum menjadi ahli. Jadi amatlah baik bagi semua memberi sokongan kepada PPTD dan bersama-sama memikul tanggungjawab memajukannya. Lazimnya ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan yang juga sibuk dengan tugas masing-masing mengorbankan masa untuk mengatur program-program untuk ahli-ahli Persatuan dan mencari penyelesaian kepada masaalah-masaalah mereka itu. Jadi sepatutnya ahli-ahli sekalian mengambil berat tentang perjalanan PPTD, terutama ahli-ahli yang muda, dan tidak mengharapkan satu kumpulan sahaja.

Pada hemat saya, aktiviti-aktiviti tersebut amatlah baik terutamanya usaha-usaha yang berkaitan dengan menambahkan pengetahuan dan pengalaman ahli-ahli Persatuan agar meninggikan lagi kebolehan mereka dan mutu perkhidmatan mereka. Saya juga sukacita mendapat tahu dan turut menggalakkan usaha Persatuan ini dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat. Sebagai

Persatuan yang ahli-ahlinya terdiri daripada golongan terpelajar serta mempunyai kedudukan yang disegani dalam masyarakat patut benarlah ahli-ahli Persatuan ini memberikan perhatian berat kepada orang-orang kita yang kurang bernasib baik dan serba kekurangan itu. Kita sedia maklum Kerajaan memang menjalankan langkah dan usaha yang demikian, bagaimanapun Kerajaan masih mengharapkan bantuan tenaga dan kerjasama orang ramai terutama dari golongan yang berada menerusi pertubuhan-pertubuhan sukarela supaya menggembelingkan tenaga untuk menjayakan matalamat pembangunan masyarakat dan negara.

Sesungguhnya saya lebih suka melihat ramai lagi pegawai-pegawai Kerajaan melibatkan diri dan memberi pimpinan kepada masyarakat tempatan dalam kegiatan-kegiatan sosial, kebajikan, sukan dan seumpamanya. Pegawai-pegawai PTD khasnya perlulah memberi pimpinan ini dengan tujuan menanam dan meninggikan semangat kemasyarakatan dan kewarganegaraan di kalangan masyarakat di mana mereka bertugas supaya menjadikan mereka sedar dan insaf akan tanggungjawab dalam masyarakat.

Begitu juga kegiatan-kegiatan untuk menambah pengalaman dan pengetahuan ahli-ahli Persatuan eloklah diteruskan terutama bagi munafaat pegawai-pegawai muda yang baru masuk berkhidmat. Saya suka menegaskan di sini bahawa pentadbiran bukanlah cuma berurus dengan fail-fail di Pejabat ataupun bermesyuarat sahaja, bahkan lebih penting hubungan langsung dengan rakyat di luar masa pejabat. Dalam majlis seperti inipun saya fikir tentu ada di antara saudara-saudara yang membincangkan masaalah-masaalah pentadbiran yang baru timbul untuk mencari huraiannya. Pernah dikatakan "The British rule the country from the club". Saya tidaklah mencadangkan berbuat demikian "literally".

Adalah penting menjalin perhubungan antara pegawai-pegawai Kerajaan di luar waktu pejabat, agar masaalah-masaalah pentadbiran boleh dibincangkan dalam suasana yang lebih lega. Tidak dapat dinafikan bahawa masaalah pentadbiran lebih senang diatasi sekiranya ada terjalin perhubungan rapat dan mesra antara pegawai-pegawai dari satu pejabat dengan pejabat yang lain. Perhubungan seperti ini membolehkan pegawai-pegawai dari satu pejabat terutama memahami masaalah-masaalah yang dihadapi oleh rakan-rakannya di pejabat yang lain dan sama-sama memahami kehendak-kehendak rakyat. Saya gembira Persatuan

PTD ada merancangkan kegiatan-kegiatan seperti itu untuk memberi peluang-peluang kepada ahli-ahlinya menjalinkan perhubungan dengan kumpulan lain dan mereka patutlah menyertai dengan lebih giat dan aktif lagi segala kegiatan-kegiatan yang diaturkan oleh ahli-ahli Jawatankuasanya itu.

Saudara-saudara sekalian.

Begitu juga saya memandang baik langkah mengatur lawatan di dalam dan luar negeri kerana lawatan-lawatan seperti itu adalah satu daripada cara mengetahui masaalah-masaalah di bahagian-bahagian lain Negara kita dan juga di negara-negara lain. Lawatan-lawatan ahli-ahli Persatuan ini ke Sabah dan Sarawak akan juga lebih mengeratkan perasaan muhibbah antara pentadbir-pentadbir di sana dengan pegawai Kerajaan Pusat dan negara-negara lain. Kerajaan sedia menyokong rancangan-rancangan seperti ini. Bagaimanapun saya berharap segala kegiatan ini hendaklah lebih ditumpukan kepada pegawai-pegawai yang akan dapat memperolehi sesuatu pelajaran atau pengalaman yang berguna dalam tugasnya supaya taraf perkhidmatan akan lebih tinggi dan lebih berkesan lagi.

Dalam ucapannya tadi, saudara Presiden ada menyebut tentang perkara-perkara dan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai PTD terutamanya di peringkat bawah. Saya memanglah bersimpati dengan hal ini dan Kerajaan bersedia menimbangkan cara penyelesaian yang adil serta memuaskan hati pegawai-pegawai yang berkenaan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan ahli-ahli Jawatankuasa serta anggota-anggota PTD sekalian kerana memberi penghormatan kepada saya menghadiri majlis jamuan tahunan yang meriah ini dan saya ucapkan selamat maju jaya kepada PPTD ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA DI JOHOR BAHRU, JOHOR PADA 29HB JULAI, 1974

Y B. Datuk Mohamad Rahmat,[1] Y.A.B. Datuk Haji Othman Saat, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya saya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara pada pagi ini. Begitu juga saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Pergerakan Belia 4B kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan perhimpunan yang besar maknanya kepada kaum belia di seluruh tanah-air, dan juga atas sambutan yang sangat meriah sebentar tadi.

Bagi diri saya sendiri, saya sentiasa memberi perhatian yang berat kepada pergerakan belia di negara kita ini untuk memboleh-kan saya memahami aspirasi kaum belia kita dan menimbangkan apa yang boleh untuk kemajuan belia menerusi saluran-saluran yang tertentu. Berhubung dengan ini, saya ingin menyatakan penghargaan kepada pucuk pimpinan Pergerakan Belia 4B Malaysia yang telah bekerjasama dengan Kerajaan membangkitkan semangat pemuda luar bandar menjalankan usaha dan kegiatan dalam bidang pertanian dan perindusterian. Saya berpuashati dengan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Pergerakan Belia 4B ini meninggikan lagi keadaan ekonomi penduduk-penduduk kawasan luar bandar.

Saudara-saudara sekalian.

Satu-satunya perkara yang menarik perhatian saya mengenai kegiatan-kegiatan belia ialah tema kerja yang dipilih oleh pertubuhan-pertubuhan tahun ini iaitu "Belia Bertindak Untuk Keadilan". Ini adalah satu natijah yang baik dan pada hemat saya tema ini adalah menepati hasrat dan dasar Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang adil, makmur dan bersatu. Tidak harus diragukan kesungguhan Kerajaan hendak membawa keadilan dan kemakmuran kepada seluruh rakyat menerusi berbagai-bagai rancangan pembangunan dalam bidang kesihatan, pelajaran, pertanian, perindusterian, ugama, kebudayaan dan lain-lain.

[1] Penaung Gerakan Belia 4B, Malaysia.

Usaha-usaha Kerajaan memodernkan sektor luar bandar dan mempesatkan perkembangan perindusterian sedang membawa kesan yang baik kepada taraf hidup rakyat dengan membuka peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas kepada belia-belia kita. Pendek kata, kejayaan yang telah dicapai dalam masa yang begitu singkat mengkagumkan dunia luar dan meletakkan negara kita di tempat yang tinggi di mata dunia. Usaha Kerajaan untuk memperseimbangkan kemajuan material dengan kemajuan rohani membawa kesan yang baik dengan meninggikan imej kita di kalangan negara-negara Islam khasnya selepas diadakan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam baru-baru ini.

Bagaimanapun, patutlah diingat kita belum sampai kepada matalamat yang dituju dan masih banyak lagi yang perlu dibuat. Dalam usaha-usaha kita melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan, berbagai rintangan dan masaalah telah timbul. Tetapi Kerajaan berazam akan mengatasi segala-galanya dan membawa kebahgiaan kepada rakyat sebagai yang dicita-citakan itu. Saya dengan penuh ikhlas berkata di sini agar seluruh rakyat terutamanya jenerasi muda yang akan mewarisi masa depan negara ini memahami hakikat ini dan memberikan sokongan mereka kepada Kerajaan dengan memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab supaya seluruh dasar kita mencapai matalamatnya.

Saudara-saudara sekalian.

Suka saya menyatakan di sini bahawa salah satu rintangan kepada usaha-usaha pembangunan Kerajaan ialah kegiatan anasir-anasir anti-nasional samada dari dalam atau luar negeri. Kita tahu anasir-anasir ini sentiasa menjalankan berbagai cara mempengaruhi rakyat dengan tujuan hendak merosakkan rancangan pembangunan dan menimbulkan huru hara.

Oleh itu saya perlu mengingatkan seluruh rakyat khasnya kaum belia supaya sentiasa berwaspada dan jangan mudah terpedaya dengan tipu helah licin anasir-anasir jahat ini. Kadangkala mereka ini mendapat kesempatan menerusi kegiatan kita sendiri yang tidak difikirkan masak-masak terlebih dahulu, umpamanya tindakan kumpulan-kumpulan pelajar dan hal-hal seperti itu. Kerajaan akan mengambil segala langkah yang perlu menutup peluang untuk anasir-anasir itu bertindak tetapi saya tidak sekali-kali ingin pihak kita sendiri membukakan kesempatan, samada

secara langsung atau tidak langsung, kepada anasir-anasir jahat ini menggunakan pertubuhan-pertubuhan mereka sebagai platform untuk merosakkan rancangan-rancangan Kerajaan. Kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang wajar terhadap sesiapa jua yang membenarkan diri mereka diperalatkan oleh anasir-anasir jahat itu apa lagi kalau ternyata mereka bersubahat dalam perkara ini.

Saudara-saudara sekalian.

Pada masa yang lalu, kedudukan politik di negara kita tidak begitu stabil disebabkan oleh adanya berbagai-bagai parti politik yang bertentangan antara satu dengan yang lain; ini juga menjadi masaalah besar dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang tidak dapat berjalan lancar dan licin. Alhamdulillah, hasil dari pandangan yang luas pemimpin-pemimpin beberapa parti politik yang besar di negara ini, maka masaalah ini telahpun dapat diatasi mula-mula dengan tertubuhnya Kerajaan Campuran hingga membawa kepada pembentukan Barisan Nasional. Saya berharap rakyat sekalian akan memahami betul-betul konsep Barisan Nasional ini yang berazam akan mengekalkan keamanan dan keselamatan, mengukuhkan kesetabilan sosial dan politik, serta membawa masa depan yang cemerlang kepada negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Di masa akhir ini terdapat kegiatan di kalangan mahasiswa dan pelajar yang bercorak politik dengan tujuan tertentu. Saya faham hasrat pertubuhan belia dan pelajar hendak memainkan peranan mereka sebagai "pressure group". Bahkan dalam negara yang mengamalkan demokrasi, saya sentiasa bersedia menerima segala pandangan dan kritik yang membina dari mana-mana pihak sekalipun. Sebagai bukti keikhlasan Kerajaan dalam perkara ini kita telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara yang mengandungi wakil-wakil pertubuhan belia dan pelajar di samping ahli-ahli lain. Saya suka menggesa belia dan pelajar supaya menggunakan saluran ini untuk menyuarakan pendapat mereka dan saya memberi jaminan di sini bahawa segala pandangan mereka itu akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sepatutnya. Bagaimanapun, sebaik-baiknya pandangan mereka itu hendaklah berlandaskan kepada perhitungan yang luas supaya jangan berlaku bak kata pepatah Melayu "Menang Sorak Kampung Tergadai".

Seperkara lagi yang suka saya hendak sentuh di sini, meskipun sudah berulangkali saya katakan sebelum ini, ialah tentang penting dan mustahaknya perpaduan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum itu di negara kita ini. Kerajaan tidak mengenal jemu bahkan berazam mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat menerusi Dasar Ekonomi Baru yang diperkukuhkan melalui program ekonomi dan sosial agar rakyat yang berbilang kaum saling bersefahaman dan bantu membantu antara satu dengan lain untuk faedah bersama. Perkara ini bukanlah mudah, tetapi saya percaya dengan kerjasama rakyat sekalian terutamanya kaum belia, sudah pasti cita-cita bersama ini akan berhasil dengan sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Alhamdulillah, hari ini, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, rancangan-rancangan belia yang pada satu masa dulu banyak tertumpu kepada rancangan-rancangan sosial dan sedikit sebanyak rancangan-rancangan lain, telahpun berkembang kepada berbagai rupa rancangan yang sesuai dengan aliran zaman dan kehendak negara. Kerajaan akan terus berusaha menggembeling tenaga belia melalui Kementerian dan pertubuhan-pertubuhan seperti Gerakan Belia 4B ini supaya mereka menjadi satu tenaga progresif dan prodaktif, sebagai jentera penggerak untuk mencapai kemajuan bagi mereka dan seterusnya negara untuk masa hadapan.

Saya dimaklumkan setengah-setengah Kerajaan Negeri seperti Johor, Pahang, Selangor, Perak memberikan perhatian yang berat kepada Pergerakan Belia dengan berbagai cara, melantik pegawai-pegawai tambahan, mengadakan kemudahan hiburan dan rekreasi serta memberi peruntukan kewangan untuk projek-projek belia.

Memandangkan majoriti penduduk kita terdiri dari golongan belia, amat wajarlah Kerajaan-kerajaan Negeri bersama-sama memikul tanggungjawab yang berat ini. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut dan di samping itu berharap semoga negeri-negeri yang lain akan berbuat demikian. Saya harap pihak swasta juga akan memberi sumbangan mereka dalam hal ini dengan apa cara yang boleh seperti membuka peluang untuk latihan kemahiran kepada belia, peluang-peluang pekerjaan sambil memberi sokongan kepada projek-projek yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan belia. Masa inipun ada setengah-setengah pihak swasta yang mem-

berikan kerjasama dalam hal ini tetapi nampaknya belumlah begitu menyeluruh dan saya percaya mereka akan menyambut cabaran ini.

Saudara-saudara sekalian.

Dua tahun yang lalu, saya telah menghadiri Perhimpunan Gerakan Belia 4B yang pertama kali di Pulau Pinang. Hari ini saya faham Gerakan 4B telah meningkat maju dan banyak memberi khidmat bakti kepada negara. Saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada pimpinan Pergerakan Belia 4B di atas sokongan dan kerjasama serta khidmat bakti mereka yang banyak untuk faedah belia khasnya dan faedah masyarakat amnya. Bagaimanapun, saya suka mengingatkan kadangkala oleh tindakan yang bersendirian dan kurang penyelarasan di antara pertubuhan-pertubuhan belia, adalah timbul masaalah seperti pergeseran di antara satu dengan lain dan kerja berlapis—duplication of work—yang merugikan masa, tenaga dan wang ringgit kita.

Adalah lebih berkesan jika semua pertubuhan belia dan lain-lain menggembelingkan tenaga dan bekerjasama di dalam projek-projek yang menyeluruh dan membawa munafaat yang lebih besar. Satu seminar yang diadakan tidak berapa lama dulu di bawah anjuran Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, telahpun mengesyorkan supaya ditubuhkan satu badan yang diberi nama Majlis Penyelarasan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela untuk mengatasi masaalah ini dan menjamin khidmat yang lebih efektif dari pertubuhan-pertubuhan sukarela ini. Saya suka mengumumkan bahawa Majlis ini akan ditubuhkan dalam sedikit masa lagi dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saudara-saudara sekalian.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua yang berkenaan atas sambutan serta acara yang begitu meriah diaturkan untuk lawatan saya ke Johor. Inilah pertama kali saya mendarat di lapanganterbang Senai yang bersempena baik dengan Perhimpunan Belia 4B ini.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Penyayang, saya sukacita merasmikan Perhimpunan ini dan berdoa semoga Pergerakan Belia 4B akan mencapai matalamat perjuangannya dengan penuh kejayaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI PAMIRAN SENIUKIR KAYU TRADISIONAL DI MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 31HB JULAI, 1974

Ketua Pengarah Muzium, Encik Shahrum Yub, Y.B. Dato' Ali Haji Ahmad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita kerana dapat bersama-sama di sini petang ini pada upacara pembukaan pamiran yang betul-betul istimewa ini. Sesungguhnya inilah pertama kali Pamiran Seni Ukiran Kayu Tradisional diadakan dan saya sukalah menyatakan penghargaan serta terimakasih kepada Encik Shahrum, Ketua Pengarah Muzium dan Jawatankuasa Pamiran ini atas inisiatif dan usaha mereka mengaturkan Pamiran yang istimewa serta bermakna ini.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita maklum, seni ukiran kayu merupakan salah satu manifestasi aktiviti kesenian masyarakat yang diwarisi dari zaman berzaman. Bahkan aktiviti ini boleh dijadikan ukuran taraf tamadun masyarakat dan daya kreatif anggota-anggota masyarakat itu yang dibuktikan dengan berbagai hasil kesenian samada ukiran atau lain-lain daripada kayu, perak, tembaga, tanah liat, gading dan tanduk. Hasil daya kreatif ini lazimnya dijadikan hiasan di rumah-rumah, masjid-masjid dan juga istana raja-raja tetapi banyak pula yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari seperti yang terdapat pada perahu payang Trengganu, labu tanah, ulu golok dan juga barang-barang hiasan wanita.

Menurut sejarah, sehingga suku akhir kurun kesembilan belas iaitu sebelum pengaruh kebudayaan Eropah meresap ke dalam kehidupan masyarakat kita, golongan atasan termasuk orang-orang yang berada membuat istana, masjid dan rumah daripada kayu yang dihiasi dengan ukiran-ukiran yang amat halus perbuatannya. Pengukir-pengukir yang pandai serta mempunyai daya kreatif yang tinggi sentiasa dicari orang untuk mengukir pemidang, ukiran papan dinding, jerejak jendela, kepala tangga dan lain-lain bahagian rumah. Kalau masa ini kita menghiasi rumah dengan gambar, seni lukisan dan sculpture, orang-orang di masa dulu

berbangga dengan ukiran-ukiran yang terdapat pada bahagian-bahagian rumah mereka sebagai menandakan penghargaan kepada daya kreatif manusia.

Antara beberapa bangunan lama yang masih kekal dengan unsur-unsur keindahannya hari ini ialah Istana Tengku Sri Akar di Kota Baharu, Istana Tengku Nik di Kuala Trengganu, Istana Kuala Kangsar dan Istana Sri Menanti. Begitu juga kita semua tahu tentang Masjid Kampung Laut dekat Kota Baharu yang terkenal lebih 250 tahun lamanya dan sekarang dipindahkan ke tapak yang baru di Nilam Puri selepas dilanda banjir tahun 1967 dulu. Istana Satu Kuala Trengganu didirikan semula di belakang bangunan Muzium ini. Saya sukacita adanya perhatian berat di kalangan orang-orang kita dan pertubuhan seperti Persatuan Akitek Malaysia memelihara dan mengekalkan bangunan-bangunan lama yang mempunyai unsur-unsur seni dan sejarah serta identity tersendiri.

Saya suka juga, selain daripada usaha yang saya katakan tadi, patutlah kita berusaha dari sekarang mengumpulkan unsur-unsur seni ukiran yang masih terdapat samada berbentuk hulu keris dan tumbuk lada; alat-alat pertanian seperti tuai dan kuku kambing; alat-alat dapur seperti hulu senduk dan kukur nyior; seterusnya ukiran-ukiran lain seperti bangau, okok, caping dan sangga yang terdapat pada perahu nelayan kita. Semua ini adalah bukti kepandaian dan kehalusan seni pengukir-pengukir kayu tradisional kita yang dapat dipertahankan mutunya dengan negara-negara lain.

Saudara-saudara sekalian.

Saya harap dengan mengadakan Pamiran Seni Ukiran Kayu Tradisional ini, akan hidup semula dengan suburnya minat orang-orang kita terhadap seni ukiran. Kita dapati pada masa ini perhatian terlalu diberatkan kepada graphic art seperti yang terdapat dalam pamiran-pamiran Maktab Ilmu Perguruan Khas dan Institiut Teknoloji MARA baru-baru ini. Meskipun modern graphic art dan design sesuai dengan selera muda mudi zaman ini, saya rasa ada baiknya kalau perhatian yang sama diberikan kepada ukiran tradisional. Barangkali pengukir-pengukir yang masih ada di Kelantan seperti Encik Mat Abu Bakar boleh diundang sebagai "Resident Artist" untuk sesuatu tempoh agar

dapat memindahkan kemahirannya itu kepada pelajar-pelajar yang berminat di bidang ini.

Hari inipun nyata terdapat minat yang semakin meluas terhadap benda-benda yang berunsur tradisional. Hotel-hotel taraf antara-bangsa di Ibu Negara ini sudahpun mula menggunakan kelarai sebagai ceiling dan menghiasi "coffee house"nya dengan barang-barang yang mempunyai identity traditional Malaysia—jala, pukat, hingga perahu payang menjadi hiasan. Saya suka minat ini dipupuk dan disuburkan, dan dalam hubungan ini saya harap jurubina dan interior decorators menasihatkan pengusaha-pengusaha hotel supaya bersama-sama mempopularkan ukiran dan benda-benda tradisional untuk kegunaan atau hiasan di bilik-bilik, ruang rihat dan dewan persidangan. Dengan cara ini tetamu luar negeri akan dapat melihat unsur-unsur kesenian kita yang kurang mendapat perhatian selama ini.

Saya suka menyeru kepada orang-orang kita yang mempunyai rumah-rumah tradisional supaya mendermakan bangunan-bangunan itu kepada Muzium Negara untuk dipelihara atau dibina semula kalau perlu. Kalau bangunan-bangunan tradisional ini tidak diberi perhatian segera, saya bimbang unsur-unsur seni itu akan reput dan hilang dimakan zaman. Saya difahamkan Muzium Negara merancangkan projek Muzium Terbuka yang akan berusaha memperolehi dan mendirikan semula bangunan tradisional yang mempunyai unsur-unsur seni dari setiap negeri di Malaysia ini dalam kawasan yang dikhaskan di belakang Muzium Negara ini. Istana Satu Kuala Trengganu sudahpun selesai didirikan.

Berhubung dengan usaha ini juga, kita sama-sama berterima-kasih kepada Yang Amat Mulia Tengku Ariff Bendahara Pahang kerana sudi menghadiahkan sebuah wakaf Trengganu yang telah-pun dibina di sudut kanan bangunan Muzium Negara ini sebagai mengingati ayahandanya Almarhum Sultan Abu Bakar. Saya harap usaha yang baik ini akan menjadi tauladan kepada para dermawan yang lain.

Seperkara lagi yang ingin saya sebutkan ialah langkah kita mengkaji undang-undang mengawal barang-barang purba supaya tidak dibawa keluar oleh pelawat-pelawat ataupun diperdagangkan oleh orang-orang kita sendiri. Kalau langkah ini tidak dibuat segera, warisan seni kita mungkin akan hilang ghaib begitu sahaja.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua yang berkenaan atas usaha yang baik ini dan dengan itu merasmikan Pamiran Seniukiran Kayu Tradisional ini.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein merasmikan Seminar Intelek Islam di Dewan Al-Malik Faisal, Universiti Kebangsaan pada 2hb Ogos, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MUKTAMAR INTELEK ISLAM DI DEWAN AL-MALIK FAISAL, FAKULTI ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN, PETALING JAYA PADA 2HB OGOS, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh!

Saudara Pengerusi Muktamar, Yang Berhormat Menteri-menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Para Peserta Muktamar dan Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat bersama-sama menghadiri Majlis Pembukaan Muktamar Intelek Islam yang pertama kali dianjurkan oleh Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, Malaysia, dan seterusnya diberi penghormatan untuk merasmikannya. Majlis ini juga memberikan saya peluang beramah mesra dengan para intelek Islam kita dari seluruh tanahair. Saya mengambil kesempatan ini menegaskan lagi hasrat dan cita-cita Negara kepada saudara-saudara sekalian di saat mana penggembelingan tenaga dan usaha seluruhnya sangat-sangat diperlukan dalam perjuangan meninggikan syiar Islam di negara ini khasnya dan di seluruh dunia Islam amnya.

Saudara-saudara sekalian.

Syukur Alhamdulillah, hari ini pandangan negara-negara Islam yang lain kepada Negara kita sangatlah baik. Kita telah dapat membuktikan bahawa cita-cita dan azam kita hendak meninggikan syiar Islam bukanlah tinggal cita-cita semata-mata bahkan boleh dilihat jelas dari kemajuan yang telah dicapai selama ini.

Selain daripada mengadakan Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa setiap tahun, kita telah berbuat apa yang patut meletakkan ugama Islam di tempat yang tinggi dan mulia di negara ini dan antara langkah-langkah yang terpenting ialah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang kelima baru-baru ini.

Begitu juga Masjid Negara yang menjadi lambang keagungan umat Islam menjalan kegiatan penting iaitu Makhad Tahfizal

Quran dan Qiraat, kelas-kelas Ugama dan kelas-kelas Muqaddam dan Al-Quran bagi kanak-kanak dan mempunyai Perpustakaan yang teratur.

Kita melaksanakan sistem pelajaran Ugama Islam di peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi termasuk di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan yang mana akan terus diperbaiki dari semasa ke semasa. Di samping itu kita telah melancarkan Tabung Ekonomi Islam sebagai satu usaha meninggikan taraf masyarakat Islam sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Kerajaan telah mengambil langkah menaikkan taraf pegawai-pegawai Ugama kepada taraf yang sesuai dengan kemampuan dan kelayakan mereka dengan harapan supaya mereka dapat memberikan khidmat yang baik dan berkesan kepada masyarakat. Dalam hal ini saya berharap agar mereka menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan cekap agar rakyat benar-benar menghargai perkhidmatan yang diberikan kepada mereka lebih-lebih lagi dalam bidang keugamaan.

Saya amat berpuashati dengan kemajuan kita mengiktiraf kedudukan para intelek Islam dan memberikan mereka tempat yang wajar dalam bidang pentadbiran. Kalau selama ini amnya para intelek Islam hanya tertumpu di bidang pendidikan terutama sekolah Ugama Rendah dan Menengah, hari ini mereka memainkan peranan penting dalam pentadbiran ugama Islam di peringkat Negeri dan Pusat. Pada masa hadapan, lebih banyak lagi tenaga akan diperlukan oleh negara untuk memenuhi tempat-tempat penting berhubung dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan meletakkan ugama Islam pada tempatnya yang wajar sebagai ugama rasmi. Dengan adanya langkah-langkah ini, maka semakin terbukalah peluang untuk para intelek Islam membalas semula budi baik negara kepada mereka dengan memberikan saudara-saudara peluang melanjutkan pelajaran di dalam ataupun di luar negeri.

Tidak berapa lama dulu kita telah menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah untuk menyelaraskan kegiatan dakwah seluruhnya. Adalah harapan kita semua manakala Yayasan ini berjalan dengan sempurna, segala kegiatan dakwah akan lebih teratur dan berprogram untuk membawa hasil yang lebih baik dan munafaat kepada umat Islam.

Hari ini Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam telah diperkemaskan lagi supaya dapat memainkan peranan yang lebih penting dan berkesan. Di bawah riayahnya, Institiut Dakwah dan Latihan mengadakan kursus-kursus dan latihan teknik kepada Pegawai-pegawai Ugama kita. Dalam bangunan yang sama, Pusat Penyelidikan Islam mengadakan kemudahan untuk membuat kajian dan penyelidikan di bidang keugamaan supaya segala perbendaharaan Islam yang maha berharga itu dapat diperkenalkan kepada seluruh masyarakat di negara ini.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam baru-baru ini, saya telah mencadangkan supaya Persidangan mengambil dayausahanya menyusun satu program jangka panjang untuk dilaksanakan bersama dalam bidang pengkajian dan penyelidikan ugama Islam terutama dalam tafsiran Al-Quran.

Hari ini masih ramai penganut-penganut ugama Islam di beberapa negara belum begitu faham betul dengan ajaran-ajaran ugamanya sendiri dan dengan sebab kelemahan dan sikap tidak indah ini, maka kadang kala maksud isi kandungan Kitab Suci Al-Quran itu disalahtafsirkan oleh setengah-setengah saudara Islam kita sendiri. Oleh itu amatlah penting pada hemat saya dari segi pembangunan fisikal dan rohaniah suatu persetujuan dicapai mengenai penterjemahan khususnya atas perkara-perkara yang menyentuh prinsip-prinsip pengajaran ugama dan cara kehidupan kita sehari-hari.

Sejarah ilmiah Islam kita telah mencapai kemuncak yang paling tinggi semasa zaman keagungannya dahulu dengan adanya kemajuan cemerlang dalam beberapa lapangan seperti sains, teknoloji, falsafah dan hukum-hukum syariah. Sesungguhnya tidaklah di luar kebolehan kita hari ini untuk menghidupkan semula semangat ilmiah Islam dan menjalankan satu rancangan pengkajian dan penyelidikan bersama bagi mencapai persefahaman yang lebih baik dan erat lagi berhubung dengan ajaran-ajaran Islam sesuai dengan pembangunan dan perkembangan yang terdapat sekarang ini.

Cadangan saya itu nampaknya mendapat sambutan baik dari semua dan yang demikian Pusat Penyelidikan Islam mestilah bersedia untuk mengatur program ini untuk dijadikan asas kerja

yang dikehendaki itu. Begitu juga saya harap saudara-saudara sekalian kaum intelek Islam Malaysia dapat memikirkan usaha dan cara yang baik bagi melaksanakan cita-cita suci ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita menyatakan iaitu Pusat Islam di Jalan Lembah telahpun siap. Maka itu patutlah kita mengambil langkah untuk persediaan yang perlu dalam usaha membulatkan tenaga dan pemikiran serta sikap masyarakat Islam kita terhadap gerakan meninggikan syair Ugama kita yang maha suci ini. Dalam hal ini peranan para Intelek Islam sangatlah penting dan saya harap saudara-saudara akan tampil ke depan menyambut cabaran itu. Kerajaan telahpun menyediakan segala kemudahan untuk memajukan Ugama Islam. Di pihak Kerajaan, kita telah turut serta mempelupuri rancangan-rancangan yang lebih luas meliputi Negara-negara Islam sedunia seperti Penubuhan Bank Pembangunan Islam yang mana kita sungguh bertuah oleh kerana Al-Malik Faisal sendiri meminta supaya Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Pengerusinya yang pertama. Ini tidak syak lagi adalah bukti yang nyata betapa tingginya pandangan dunia Islam kepada negara kita melalui kegiatan dan kesungguhan kita terhadap ugama Islam.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi langkah positif ialah pengiktirafan ijazah-ijazah dari Universiti-universiti Islam di Asia Barat dan Afrika Utara. Saya puashati mendengar bahawa tindakan Kerajaan itu disambut baik oleh semua dan saya percaya akan menambah semangat saudara-saudara dalam usaha membimbing masyarakat ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup di dunia ini serta ke bahagian di akhirat kelak.

Sesungguhnya negara kita amat beruntung dengan adanya imbangan tenaga, khasnya dalam masyarakat orang-orang Melayu, antara golongan berpendidikan tradisional dan berpendidikan moden yang digembelingkan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Sumbangan pemimpin-pemimpin serta rakyat biasa dan kalangan alim ulama dan guru-guru Melayu tidak ternilai harganya terutama di peringkat bawahan atau grass-root di kampung dan desa. Hari ini kita lihat pula munculnya golongan intelek yang berpendidikan Islam di Asia Barat dan Afrika, dan tidak sedikit

pula antara saudara-saudara dapat meneruskan pengajian di Universiti Eropah dan Amerika. Tenaga baru ini bila digabungkan dengan golongan terpelajar kita yang lain merupakan satu kekuatan yang tiada tolok bandingnya dalam ertikata pembangunan masyarakat Malaysia baru yang lengkap dengan ilmu pengetahuan humanities dan ugama dalam context manusia moden dan bertamadun. Saya sekali lagi menegaskan agar saudara-saudara memahami sepenuhnya hasrat serta cita-cita nasional kita dan bersama-sama memberikan sumbangan bakti supaya dapat dicapai dengan penuh kejayaan. Saya tahu ramai antara saudara-saudara bergiat cergas di lapangan politik dan sudah tentu lebih ramai antara saudara-saudara yang ada di sini akan mengambil tempat yang penting dalam pentadbiran negara.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Mengasihani, saya sukacita merasmikan Muktamar Intelek Islam Malaysia ini. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN RASMI BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD DI PEJABAT BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD, BANGUNAN MOCCIS, JALAN MELAKA, KUALA LUMPUR PADA 3HB OGOS, 1974

Y.B. Tan Sri Syed Nasir; Pengerusi, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Syed Nasir serta Lembaga Pengarah Bank ini kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan pelancaran Bank ini pada pagi ini.

Penubuhan Bank ini memang kena pada masanya terutama di saat kita sedang giat melaksanakan Dasar Ekonomi Baru iaitu penyertaan Bumiputra yang lebih berkesan dalam ekonomi negara.

Sebenarnya cadangan menubuhkan institusi kewangan khasnya bagi membantu Bumiputra dalam sektor perdagangan dan perindusterian bukanlah satu perkara yang baru. Di masa kebelakangan ini banyak ajensi Kerajaan telah ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra, tetapi penyertaan Bumiputra dalam sektor perindusterian masih lagi tidak memuaskan. Setakat ini penyertaan Bumiputra dalam sektor tersebut hanyalah berjumlah lebih kurang 2% saja, iaitu $102.6 juta sedangkan matalamat tahun 1990 kelak ialah 30% atau $14,075.5 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa jalan yang kita hendak tempuh untuk mencapai matalamat 30% itu masih jauh lagi.

Sebagai yang sedia dimaklum, satu daripada beberapa langkah penting untuk mempercepatkan lagi penyertaan Bumiputra dalam sektor perindusterian ialah menentukan pembekalan kewangan yang cukup dengan mengadakan beberapa lagi institusi kewangan. Oleh itu saya telah mengarahkan supaya disiapkan lapuran berkenaan pembentukan sebuah Bank Pembangunan dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad yang telahpun didaftarkan pada

28hb November, 1973, ini adalah hasil dari perakuan Lapuran itu.

Tentulah ada yang akan bertanya mengapa Bank Pembangunan ini ditubuhkan sebagai Syarikat anak yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Memanglah menjadi amalan sebuah Bank Pembangunan mengadakan Bahagiannya tersendiri untuk menerima deposit atau simpanan daripada orang ramai dan deposit ini bolehlah menjadi modal pusingan Bank Pembangunan itu kelak. Tetapi Bank Pembangunan Malaysia ini berbeza sedikit iaitu hanya ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad dan aktiviti-aktiviti menerima deposit tidak boleh dijalankan oleh Bank ini. Jadi terpaksalah Bank Pembangunan mendampingi sebuah Bank Perdagangan biasa dan Bank Bumiputra telah dipilih untuk maksud itu. Perdampingan di antara Bank Pembangunan dan Bank Bumiputra ada banyak faedahnya. Dari pihak Bank Pembangunan ia boleh menggunakan pengalaman dan jasa baik induk yang banyak mempunyai cawangan dan contacts di seluruh negara. Di pihak Bank Bumiputra pula yang pernah jadi sasaran orang ramai, kegiatannya untuk membantu Bumiputra yang terhad kerana terpaksa patuh kepada undang-undang seperti kawalan "cash ratio" dan juga sekatan mengambil equity pelaburan itu dapat diatasi dengan menyalurkan bantuan menerusi Bank Pembangunan ini.

Tuan-tuan sekalian.

Bank Pembangunan diberi tugas yang penting di dalam usaha Kerajaan mewujudkan lebih banyak lagi projek-projek perindustrian Bumiputra di negara kita ini baik di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Tugas-tugas Bank ini mengandungi beberapa dasar pokok antara lain-lain ialah: Pertama menggalakkan dan membantu Bumiputra mengidentify, menilai, merancang, membiayai dan melaksanakan projek-projek perindustrian. Kedua, mengadakan equity di dalam sesuatu projek dengan mengadakan pinjaman jangkamasa sederhana atau panjang dengan kadar bunga yang istimewa atau dengan penyertaan di dalam sesuatu projek yang mana equitynya boleh dijual balik kepada peminjam atau Bumiputra lain. Ketiga, memberi jaminan kepada pinjaman untuk alat kelengkapan perindustrian yang diberi oleh pembekal atau institusi-institusi asing. Keempat, memberi bantuan nasihat mengenai pengurusan dan teknik pada semua peringkat di dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek.

Jelaslah tujuan kita bukan hanya untuk mencapai kejayaan di segi perniagaan semata-mata tetapi juga untuk mencapai matalamat-matalamat sosial dalam context Dasar Ekonomi Baru terutamanya mewujudkan lebih ramai lagi industrialist Bumiputra.

Sesuai dengan dasar pokok itu, Bank Pembangunan akan memberikan perkhidmatan asas kepada sesiapa juga Bumiputra untuk menjalankan projek perindusterian, seperti pinjaman jangka panjang hingga lima belas tahun untuk harta tetap. Satu daya penarik Bank ini ialah ia menerima cagaran tanah resab Melayu.

Satu perkara yang patut saya sebut di sini ialah walaupun perkhidmatan Bank Pembangunan ini terbuka kepada pengusaha Bumiputra sahaja, tidaklah bermakna pihak bukan Bumiputra tidak layak mendapat bantuan. Bank ini akan memberi pertolongan juga kepada projek usaha-bersama Bumiputra dengan bukan Bumiputra asalkan majority daripada modal projek tersebut dimiliki oleh Bumiputra.

Tuan-tuan sekalian.

Kerajaan berazam dan akan mempastikan segala usaha-usaha Bank berjalan dengan sempurna. Kejayaan Bank Pembangunan amatlah penting dan mustahak kerana diberi peranan besar bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita. Dalam hal ini saya berharap semua pihak termasuk juga pihak-pihak swasta akan memberikan kerjasama penuh kepada Bank Pembangunan ini.

Berkenaan dengan orang-orang yang bertanggungjawab memimpin Bank ini, saya telah melantik Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir Ismail sebagai Pengerusinya dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain ialah:

Y.M. Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah
Datuk Dr Arshad bin Ayub
Encik Ahmad Roose bin Mohd. Ali
Dr Rais bin Saniman
Encik Shamsir bin Omar
Encik Azlan bin Hashim dan
Encik Mohd. Zain bin Haji Abdul Majid.

Kerja-kerja eksekutif adalah di bawah jagaan Encik Salim bin Datuk Osman selaku Pengurus Besar, dibantu oleh beberapa orang pegawai kanan termasuk seorang Penasihat dari ihsan Kerajaan Jerman Barat.

Kesemua mereka ini adalah orang-orang yang berkebolehan dan berpengelaman luas dalam bidang-bidang tertentu dan saya percaya mereka sebagai satu pasukan dan dengan kerjasama pihak-pihak lain akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Sebagaimana telah dinyatakan oleh Tan Sri Syed Nasir tadi, Kerajaan telahpun bersetuju memberi pinjaman pertama sejumlah $15 juta kepada Bank Pembangunan yang akan saya sampaikan sebentar nanti. Berhubung dengan hal ini, sukalah saya memberitahu bahawa Kerajaan akan menimbang untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman itu. Sebenarnya wang $15 juta tentulah tidak mencukupi bagi membiayai kegiatan-kegiatan Bank ini. Kerajaan akan mengkaji permohonan pinjaman tambahan daripada Bank ini dari masa ke masa.

Sebelum saya akhiri ucapan ini, sukalah saya menyeru kaum Bumiputra daripada segala peringkat perdagangan dan perindusterian supaya menggunakan perkhidmatan Bank ini dan bekerjasama dengannya untuk faedah rakyat dan negara dan juga mereka sendiri.

Dengan seruan dan harapan itu, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Bank Pembangunan Malaysia Berhad ini dan berdoa agar Bank ini dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan berjaya untuk mencapai hasrat dan cita-cita rakyat dan negara.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein diiringi oleh Datuk Ong Kee Hui dan Tuan H. Rudy Gontha berjalan masuk ke Dewan di Seminar Kewangan Kerajaan Tempatan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 5hb Ogos, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR: 3:8:74

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OFFICIAL OPENING OF THE ECAFE/IULA REGIONAL SEMINAR ON LOCAL GOVERNMENT FINANCE AT DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR ON 5TH AUGUST, 1974

Y.B. Dato' Ong Kee Hui, Minister of Local Government and Housing, Hon'ble Ministers, Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I would like, first of all, to thank the Hon'ble Minister and the Conference Organisers for giving me the honour to declare open this Regional Seminar on Local Government Finance.

On behalf of the Government of Malaysia, I wish to welcome you all to our capital city, Kuala Lumpur. This is the first time such a Seminar is held in this country and we feel justly proud and fortunate to be hosts to such a distinguished gathering of experts from so many countries in this Region.

It is by sheer coincidence that this Seminar comes at a time when we are undertaking structural reform of local government in this country, specifically Peninsular Malaysia, to make it a more effective vehicle of government at the grassroot level. This is a challenging task especially since it must help to achieve the objectives of the New Economic Policy, that is to eradicate poverty and to restructure our multiracial society so as to enable the indigenous group to achieve greater and wider participation in the commercial and industrial sectors of existing urban areas.

It might be interesting to note that Local Government is not altogether a new concept to Malaysian life because even before the British era, our villages were governed by village 'councils' headed by an elected Headmen or Penghulu, a word which is familiar to our friends from Indonesia and the Philippines. Even till this day, the Penghulu is indispensable in local administration for he is the person upon whom the District Officer relies on for advice and guidance. However, formalised local government as we understand it today first took root in Penang in the last century and later introduced in the other Straits Settlements i.e. Singapore and Melaka.

The system of local government as introduced by the British Colonial Administration attained various stages of development by 1957 when we achieved independence. In the Borneo States of Sabah and Sarawak and in the Straits Settlements of Malacca and Penang, the system reached a much more sophisticated level of development which covered all parts of these States. Whereas the Sultanate States were indirectly administered by the Colonial Government and as such local government administration took different forms and even the laws were not uniform.

The principal difference is that in these other States only urban areas were administered by local government, while the rural areas were governed by the State Governments through District Officers. Local Authorities ranging from Municipal Councils in the major towns, through Town Councils, Town Boards, District Councils and Rural Boards to the smaller units of Local Councils were established during the Emergency of 1948-1960. These Local Government Authorities functioned and operated under different sets of laws according to the circumstances namely Municipal Ordinance, Town Boards Enactment and Local Councils Ordinance.

Ladies and Gentlemen.

I must make special mention of the New Villages Local Councils (numbering 289 in all) because their creation contributed in no small measure to the successful ending of the Emergency. At the beginning of the Emergency in 1948, there were hundreds of thousands of squatters living along the jungle fringes who became easy prey to the terrorists for their food and supplies. The Government undertook a massive programme of resettling them in New Villages behind the safety of perimeter fencing where basic amenities such as roads, water supply and electricity were provided. These New Villages were declared as Local Council areas and granted some degree of autonomy. As the Emergency situation improved, these villages were somewhat neglected resulting in deterioration of the services. It is for this reason that a Ministry has been established for the welfare of New Villages and it is hoped that with the current reforms conditions will further improve and they will be absorbed in the larger units of Local Government.

In the process of preparation for self-government and eventual independence, the more advanced local authorities were chosen as models for elected representation. Many of our political leaders began their political careers in local authorities and the lessons they have learnt have stood them in good stead. Datuk Ong Kee Hui, our Minister for Local Government and Housing, himself began as a Local Councillor and finally rose to become the Mayor of Kuching for several years. It can therefore be said that Local Government in Malaysia has certainly played its part in paving the way for responsible fully-elected self-government and many of our political leaders began their political career to the humble beginnings as a Municipal or City Councillor.

Ladies and Gentlemen.

This process of preparing the people for self-government did not help the development of local authorities as the majority of them were small units both area-wise and population-wise; besides they were also financially weak. As such, they did not have the capacity to function effectively and efficiently. Another factor which did not contribute to the growth of local government is that most of them were confined to the urban and sub-urban centres. Even as late as in 1966, out of total population of 8.4 million in Peninsular Malaysia, 4.7 million (approximately 55.8%) lived within local authority areas but the actual area covered by local government was only 3% of the total area of the country. As time went on, administrative weaknesses and financial adequacies in local government became too evident and the Government considered it desirable that a Royal Commission of Enquiry should be appointed to investigate into the Workings of Local Authorities in Peninsular Malaysia. Accordingly, a Royal Commission was appointed in 1964 on the recommendation of the National Council for Local Government, a body established under the Constitution to give effect to uniformity in policies and legislation in respect of Local Government.

The Royal Commission's Report was considered by Government and it was decided to implement some of its recommendations especially those relating to restructuring of the local government system so that local authorities will be able to function more efficiently and provide better and improved services to the public. They would be governed by Boards of Management whose

members are appointed by the State Governments and they would operate under one set of laws. For the time being, elections to local authorities are suspended. The role of local government in the civic, social and economic life of the people needs to be reviewed from time to time in the light of changes especially in a rapidly developing country like Malaysia. In the United Kingdom too, local authorities are being restructured to provide for more effective and efficient services.

It is hoped that after the restructuring is completed, the 370 odd local authorities will have been reduced to about 100 or so. There will be only two types of local authorities namely Municipalities and District Councils, the criteria for either being the degree of urbanisation, financial status and population. The first District Councils have been established only recently in Penang. The Federal and State Governments will continue to assist local authorities by allocating grants-in-aid as here to before to provide infrastructure facilities within their areas as well as undertake other works of a service nature. This is perhaps one area of local government finance which may be the subject of much discussion in your deliberations and perhaps the experience of other countries in this respect will be a useful outcome of this Seminar.

Ladies and Gentlemen.

Perhaps, the most challenging aspect of local government in this country will be the implementation of the New Economic Policy. Our objective is to raise the living standard of people, narrowing the gap between the have and the have-nots, so that there is more equitable distribution of wealth irrespective of race or creed. With increased powers, administrative competence and financial viability, our local authorities can play a vital role in achieving the objectives of the New Economic Policy. Now and in future local authorities will be concerned not only with the provision of obligatory and discretionary services but also with the socio-economic activities placing emphasis on a host of matters—planning, housing, urban renewal, transportation, preservation of historical buildings and places, provision of parks and open spaces, preventive health, health services and traffic management. There is the mistaken concept that local government mainly provides for care and maintenance services such as garbage collecting, provision for street lighting and licensing the various

trades. This concept no longer is true and as a planning authority and building authority, local government can actively promote development in an orderly fashion.

In fact, local government can act as catalyst for industrial, commercial and housing development through the planning process. In so doing, of course, it has to work hand in hand with the State Governments which are responsible for land administration and land alienation. Local government reforms have indeed become necessary because of the rapid urbanisation taking place in the development countries. The competing demand for land in urban areas for commercial, industrial and housing and public institutional development, an indeed great and the allocation of land for these uses places great stress on the planning authorities. This is not only true of Malaysia but also of the other developing countries where the urban population is growing much more rapidly than before.

Ladies and Gentlemen,

I am indeed glad that the subject local government finance has been chosen for this Seminar especially since adequate finance is the mainstay of any government. I am sure that the exchange of experiences, ideas and views will bring forth solutions to the financial problems faced by local authorities in the region. As local government forms an important tier of government and is closer to the people because of the mundane nature of its services and functions, it should receive the close attention it deserves.

In this respect, the International Union of Local Authorities which often holds its biennial congress either in Europe or in the United States may consider establishing a Secretariat in this region which I am sure would attract more members from the region. The benefit of such a Secretariat is beyond doubt as it would stimulate the growth and development of local government to meet the challenges of unprecedented urban growth in this region. I sincerely hope this suggestion will be given serious consideration.

In conclusion, I hope all the participants from overseas will find their stay in Malaysia both enjoyable and memorable. The Seminar organisers have arranged for a tour of the country and end up with the Seminar in Penang. You will have a fairly good idea

of what Peninsular Malaysia is like and I hope this will inspire you to visit us again.

Once again, I thank the organisers for having honoured me and I have much pleasure in declaring open this Regional Seminar on Local Government Finance and hope all of you will have interesting and fruitful discussions.

UCAPAN PERDANA MENTERI MENERUSI RADIO SEBAGAI PENGERUSI BARISAN NASIONAL KETIKA MELANCARKAN SIRI CERAMAH POLITIK DI RADIO MALAYSIA PADA 11HB OGOS, TAHUN 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya merasa gembira kerana mendapat peluang berucap menerusi Radio Malaysia malam ini untuk memulakan Siri Ceramah di Radio menjelang pilihanraya tahun 1974 yang akan dilangsungkan pada 24hb Ogos, 1974 ini.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terimakasih kepada saudara-saudara sekalian yang telah memberi sokongan kepada Parti Perikatan dan Kerajaan Perikatan pada pilihanraya-pilihanraya yang lalu dan khasnya kepada Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin sekarang ini semenjak tahun 1970. Dalam pilihanraya tahun 1969 dahulu, Parti Perikatan telah terus berkuasa dan mendapat kelebihan undi yang terbesar dan telah memegang tampok Kerajaan Pusat dan Negeri-negeri kecuali Kelantan dan Pulau Pinang.

Bagaimanapun, setelah mengalami peristiwa 13 Mei dan memandangkan kepentingan Negara, memandang kepada kepentingan masa depan Negara kita serta pandangan jauh pemimpin-pemimpin politik tanahair, Parti Perikatan telah berjaya mengadakan persefahaman dan kerjasama politik dengan membentuk Kerajaan Campuran yang bermula dengan SUPP di Sarawak dan kemudiannya di Pulau Pinang dengan Parti Gerakan, dan Perak dengan PPP dan akhirnya dengan PAS di kedua-dua peringkat Pusat dan Negeri.

Saya sangat puas hati dengan persefahaman dan kerjasama penuh yang telah diberi oleh Parti-parti Politik yang dahulunya menentang Parti Perikatan kerana ini telah dapat menstabilkan kedudukan politik Negara dan memberi kekuatan kepada Kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan untuk faedah rakyat seluruhnya. Lanjutan dari persefahaman politik inilah kita telah melangkah setapak lagi menubuh Barisan Nasional.

Tidak syak lagi Barisan Nasional yang terdiri daripada sembilan parti Politik—UMNO, MCA, MIC, PAS, Gerakan, SUPP, PPP, Perikatan Sabah dan Perikatan Sarawak adalah perkembangan yang lojik dari pertumbuhan dan kemajuan politik di Malaysia, dan merupakan perkembangan penting dan besar maknanya dalam usaha kita menyatupadukan rakyat di Negara kita di samping mengukuhkan politik Negara.

Penubuhan Barisan Nasional telah mengurangkan perteling-kahan politik di antara Parti-parti. Dengan itu dapatlah Kerajaan dengan kerjasama rakyat menumpu sepenuh usaha dan tenaga kepada pembangunan serta menambahkan kemakmuran dan kebahagian untuk rakyat dan Negara.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sangat berbangga dan bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa pada hari menamakan calun, iaitu tiga hari dahulu, Barisan Nasional telah memenangi empat puluh tujuh kerusi kawasan Parlimen dan empat puluh tiga kerusi kawasan Negeri tanpa bertanding. Ini adalah jelas menunjukkan kerjasama dan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional dan kepada Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini. Saya yakin dan percaya sokongan yang kuat ini akan memberi perangsang dan galakan kepada pekerja-pekerja dan penyokong-penyokong Barisan Nasional di kawasan-kawasan yang masih bertanding itu untuk bekerja dengan giat bagi men-jaminkan kemenangan calun-calun Barisan Nasional.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam pilihanraya kali ini, Parti-parti dalam Barisan Nasional adalah bertanding sebagai satu Parti dengan menggunakan satu simbol sahaja, iaitu 'DACING'. Simbol ini adalah melambangkan keadilan, iaitu keadilan dasar Parti, keadilan cara pelaksanaan dasar itu dan keadilan tujuan Parti bagi membina suatu masyara-kat adil di Negara kita di mana kekayaan-kekayaan akan dapat dibahagi dengan cara yang adil dan saksama. Barisan Nasional telahpun meletakkan calun-calun yang berkebolehan dan yang jujur serta bersedia berkhidmat untuk kepentingan rakyat. Oleh itu saya yakin dan percaya kalau rakyat memberi sokongan penuh kepada calun-calun Barisan Nasional ini, bukan sahaja kepen-tingan mereka akan dikawal dan diperhatikan dengan beratnya bahkan Negara kita akan meningkat maju dari semasa ke semasa.

Sebenarnya, seperti saya katakan dahulu, Kerajaan yang ada sekarang masih mempunyai tempoh lapan belas bulan lagi untuk memerintah tetapi saya telah memutuskan mengadakan pilihanraya lebih awal kerana saya ingin mengetahui setakat mana sokongan rakyat kepada Barisan Nasional dan dasar-dasar yang diperjuangkannya. Bagaimanapun, saya yakin sekurang-kurangnya 80% rakyat Negara ini menyokong Barisan Nasional dan dasar-dasar yang dijalankannya dan saya penuh harapan dalam pilihanraya kelak, seratus peratus rakyat akan menyokong Barisan Nasional.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang disebutkan dalam Manifesto yang dikeluarkan tempoh hari, saya bersedia lagi memikul tanggungjawab penuh bagi meneruskan perjuangan untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta melindungi jiwa, harta benda dan hak rakyat; memperkukuhkan lagi kestablian sosial dan politik dalam negeri; menentukan kedudukan negara kita berada di tempat yang mulia dan dihormati dalam gelanggang politik antarabangsa dengan mengamalkan dasar luar yang bebas, berkecuali dan aktif; melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuhnya dan melahirkan masyarakat adil yang bersatupadu dan makmur sesuai dengan Rukunegara.

Sudah tertentulah matalamat-matalamat yang murni itu tidak dapat dicapai tanpa sokongan kuat dari saudara-saudara sekalian. Saya telah terangkan terutama dalam rapat-rapat raksaksa yang diadakan oleh Barisan Nasional di seluruh negara mengenai konsep dan cita-cita Barisan Nasional dan saya percaya saudara-saudara sudahpun faham benar hasrat dan cita-cita Barisan Nasional itu.

Bagaimanapun, suka saya mengulangi iaitu adalah menjadi hasrat dan tujuan kita mengadakan Kerajaan yang bersifat nasional yang diwakili oleh berbagai kaum di negara kita. Orang-orang Melayu dalam Parti UMNO dan PAS tetap akan diwakili sepenuhnya dalam Kerajaan tetapi kita tidak mahu hanya orang-orang Melayu saja yang berkuasa. Kita juga berkehendakkan orang-orang China dan India menyertai Kerajaan di kedua peringkat Pusat dan Negeri. Oleh itu, sekiranya orang-orang China dan India hendak diwakili dengan berkesan dalam Kerajaan, mereka hendaklah menyokong dan mengundi calun-calun dalam Barisan Nasional. Sekiranya mereka mengundi calun-calun China dan India dalam parti lawan, saya bimbang mereka tidak akan

mempunyai wakil dalam Kerajaan untuk menyuara masaalah-masaalah dan menjaga kepentingan mereka.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam ucapan-ucapan saya di merata-rata tempat dalam beberapa tahun ini, saya seringkali menegaskan bahawa faktor utama bagi keamanan dan kemakmuran negara kita ialah perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat berbilang bangsa dalam negara kita. Saya harap saudara-saudara akan sentiasa ingat akan hakikat ini dan terus berusaha memupuk perasaan muhibbah setiap masa. Rakyat hendaklah mengelak dari membuat sebarang perkara yang boleh menimbulkan syak wasangka dan curiga yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan rakyat.

Dalam hubungan ini, anasir-anasir jahat baik dari kalangan pengganas Komunis dan ejen-ejen mereka dan juga anasir-anasir anti-nasional akan terus menjalankan dakyah mereka untuk merosakkan ketenteraman dalam negara. Kita hendaklah mengawasi dan mengelak diri kita dari dipengaruhi oleh mereka.

Pada masa ini kita sedang menghadapi ancaman dari saki baki pengganas Komunis yang bergerak di hutan dan juga ejen-ejen mereka yang bergerak di kalangan kita di bandar-bandar dan pekan-pekan. Dalam Operation Seri Aman yang dijalankan di Sarawak, Kerajaan telah memberi peluang kepada pengganas supaya menghentikan perjuangan mereka dan kembali ke pangkuan masyarakat. Ramai di antara mereka yang telah berbuat demikian. Di Semenanjung Malaysia, saya juga bersedia menerima perletakan senjata mereka, tetapi kalau mereka berdegil juga meneruskan keganasan mereka, maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk terus memburu dan menghapuskan mereka.

Dalam rundingan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung di Peking baru-baru ini, Pengerusi Mao telah menjelaskan bahawa masaalah pengganas kominis adalah masaalah dalam negeri dan kita boleh mengambil apa saja tindakan yang perlu terhadap mereka. Ini jelas membuktikan bahawa pengganas-pengganas itu tidak mendapat sokongan daripada mana-mana pihak dan perjuangan mereka adalah sia-sia sahaja.

Saudara-saudara sekalian.

Negara kita telah mencapai kemajuan pesat dalam bidang pembangunan semenjak kita mencapai kemerdekaan tujuh belas

tahun dahulu. Rancangan Malaysia Kedua, apabila dilaksanakan sepenuhnya kelak, sudah tentu akan menambah kemajuan dan kemakmuran negara. Selama tiga tahun setengah kita telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan memberi peluang kepada setiap rakyat dari berbagai kaum untuk menikmati kemakmuran negara dan menyusun semula masyarakat supaya menikmati kehidupan yang lebih adil dan saksama. Dasar Ekonomi Baru mempunyai matalamat jangka panjang dan berkehendakkan masa hampir dua puluh tahun untuk mencapainya. Dalam masa tiga setengah tahun itu kita telah banyak mencapai kejayaan dan saya percaya dengan sokongan dari saudara-saudara sekalian kita akan mencapai sepenuhnya matalamat dalam masa yang dijangkakan itu.

Sungguhpun Dasar Ekonomi Baru memberi peluang yang lebih kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra lain, tetapi ini tidaklah bermakna orang-orang bukan Melayu akan hilang hak milik mereka. Tujuan kita ialah hendak mengurangkan perbezaan yang terdapat sekarang ini supaya kekayaan negara dapat dinikmati oleh berbagai golongan rakyat di negara kita dengan lebih adil.

Saya syukur pada masa ini kita tidaklah menghadapi masaalah ekonomi dan sosial yang berat. Rakyat adalah menikmati taraf hidup yang lebih baik. Sungguhpun begitu, saya berasa dukacita sedikit iaitu ketika rakyat terutama petani-petani di luar bandar sedang menikmati harga yang lumayan bagi hasil keluaran mereka seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya, mereka terpaksa menghadapi keadaan kenaikan harga atau inflasi. Akan tetapi kita harus maklum bahawa inflasi ini adalah gejala yang berlaku di seluruh dunia dan tidak ada negara yang membangun di dunia yang terlepas dari kesannya. Sungguhpun begitu, langkah-langkah tegas telah diambil oleh Kerajaan mengurangkan tekanan inflasi ini kepada rakyat. Sebenarnya inflasi di negara kita tidaklah seburuk yang dibayangkan oleh pihak pembangkang, malah kalau dibanding dengan negara-negara lain, negara kita adalah jauh lebih baik. Kerajaan Barisan Nasional berazam terus mengawasi keadaan inflasi ini dan akan mengambil segala langkah yang sesuai untuk mengurangkan bebanan rakyat akibat inflasi ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kejayaan kita yang paling besar ialah dalam bidang dasar luar negeri. Dasar luar kita yang bebas, berkecuali dan aktif telah

membolehkan kita mengadakan perhubungan dengan negara-negara besar dan kecil tidak kira ideoloji dan sistem pentadbiran mereka. Kejayaan kita menjalinkan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China merupakan kemuncak kejayaan kita terutama dalam usaha mewujudkan Wilayah Asia Tenggara ini sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Perhubungan baik kita dengan negara-negara Islam telah membawa munafaat dari beberapa segi terutama dalam menegakkan persaudaraan Islam dan tambahan perdagangan. Kejayaan kita mengadakan persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam di Kuala Lumpur tidak lama dulu telah mengharumkan nama Malaysia di kalangan dunia Islam. Usaha-usaha kita yang giat terhadap perpaduan umat Islam melalui projek-projek seperti Bank Pembangunan Islam yang dipelupuri oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah meletakkan Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia Islam.

Kejayaan kita yang besar dalam bidang dasar luar negeri ialah perhubungan diplomatik dengan negara Repablik Rakyat China. Sebagaimana yang saudara-saudara tahu, dalam lawatan saya ke RRC baru-baru ini, saya dan rombongan diberi sambutan hangat dan meriah oleh Kerajaan dan rakyat RRC. Di mana-mana saja saya melawat, sambutan amat hangat sekali. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan RRC menyokong dasar-dasar yang kita jalankan baik dalam negeri mahupun dasar luar negeri. Mereka menghargai dasar dalam negeri kita yang jujur dan adil yang menjaga kepentingan semua pihak rakyat dan dasar luar negeri kita yang benar-benar realistik yang bertujuan mewujudkan keamanan dan ketenteraman di rantau ini.

Pengerusi Mao Tse-tung dan saya telah berunding secara mesra dan terus terang. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin RRC yang lain. Berkenaan masaalah dalam negeri, kami bersetuju iaitu rakyat Malaysia keturunan China yang telah mengambil kerakyatan Malaysia tidak lagi menjadi rakyat RRC dan mereka tidak mempunyai apa-apa perhubungan lagi dengan RRC. Mereka hendaklah menumpukan taat setia sepenuhnya kepada negara Malaysia. Berkenaan dasar luar negeri, Kerajaan RRC adalah menyokong usaha kita hendak menjadikan wilayah Tenggara Asia sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

Saudara-saudara sekalian.

Kembali kepada soal pilihanraya, Manifesto Barisan Nasional juga menjelaskan rancangan-rancangan yang akan dijalankan untuk faedah rakyat seluruhnya dalam semua bidang terutama dalam bidang ekonomi dan sosial. Kita mengemukakan dasar-dasar yang konkrit, praktikal dan adil. Dasar-dasar yang semacam inilah yang tidak dapat dikemukakan oleh parti-parti pembangkang. Mereka hanya melaung-laungkan issue-issue kecil dan memainkan sentimen sahaja untuk mendapatkan sokongan. Saya percaya, sebagai pengundi-pengundi yang bijaksana, saudara-saudara tidak akan terpengaruh dengan dakyah dan kata-kata serta janji-janji mereka itu.

Manifesto Barisan Nasional, sebagai yang saya sebutkan awal ucapan saya tadi, mengemukakan lima matalamat besar dan penting yang akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh apabila Kerajaan Barisan Nasional berkuasa semula. Kerajaan Perikatan dulu dan Barisan Nasional sekarang mempunyai rekod yang cemerlang dalam pentadbiran negara ini dan saya tidak ragu-ragu saudara-saudara akan memberi mandat baru kepada kami untuk terus memerintah negara Malaysia yang dikasihi ini.

Undi untuk Barisan Nasional bererti undi untuk keadilan dan kemakmuran untuk semua rakyat dan jaminan kepada masa hadapan yang gemilang kepada saudara-saudara dan jenerasi akan datang. Undilah Barisan Nasional!

TR 5:8:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DAN PENGERUSI BARISAN NASIONAL MELALUI RADIO MALAYSIA SARAWAK PADA 22HB OGOS, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita kerana dapat sekali lagi berucap petang ini kepada saudara-saudara sekalian melalui Radio Malaysia Sarawak. Saya juga ingin mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara sekalian yang telah memberi sambutan yang begitu meriah kepada saya di Lapangan Terbang Kuching pada pagi 19hb Ogos yang lalu. Saya sangat terharu dengan sambutan ini dan saya percaya sambutan yang meriah ini adalah merupakan sokongan yang besar dari saudara-saudara sekalian kepada saya dan juga parti Barisan Nasional di Sarawak.

Sebagaimana saudara sekalian maklum, mulai daripada 24 haribulan ini, saudara sekalian akan keluar beramai-ramai mengundi untuk memilih wakil-wakil saudara di dalam Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan bagi negeri Sarawak.

Saudara-saudara sekalian.

Pada masa ini Malaysia termasuk Sarawak sekarang ini sedang melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan raksaksanya. Kita sekarang berada di dalam tahun yang keempat di dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua negara kita dan tidak beberapa lama lagi kita akan melancarkan rancangan pembangunan Malaysia yang Ketiga pula. Rancangan Malaysia yang ketiga ini, yang akan memberi beberapa perubahan yang lebih besar kepada negara kita dan juga akan membawa kebahagiaan dan kemakmuran kepada rakyat jelata sekalian.

Oleh yang demikian pilihanraya yang sedang kita hadapi ini sangatlah penting. Kita mestilah mengadakan sebuah Kerajaan yang kuat, stabil dan bersatu padu di kedua-dua peringkat, yakni di peringkat Negeri dan juga di peringkat Persekutuan, yang akan disokong oleh seluruh rakyat dari berbagai kaum. Hanya Kerajaan seperti ini sahaja yang mempunyai kekuatan dan kebolehan untuk melaksanakan segala rancangan-rancangan pembangunan yang sangat penting kepada Negara dengan penuh dedikasi.

Sebagaimana kita sekalian maklum, dengan izin Tuhan Barisan Nasional akan menubuhkan Kerajaan Persekutuan yang baru. Setakat ini, parti ini, parti kami Barisan Nasional telahpun memenangi empat puluh tujuh kursi Parlimen tanpa bertanding. Kita hanya memerlukan kemenangan dalam tiga puluh satu buah kursi Parlimen sahaja lagi untuk mempunyai majoriti dalam Parlimen.

Dengan izin Tuhan saya yakin Barisan Nasional akan mencapai kemenangan yang gilang gemilang. Di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia beberapa calun-calun dari parti pembangkang telahpun menarik diri menentang calun-calun Barisan Nasional berikutan dengan sokongan yang kuat dari rakyat sekalian kepada Barisan Nasional.

Di Sabah juga, kita telah memenangi lima belas daripada enam belas kursi Parlimen. Ini adalah satu contoh lagi terhadap sokongan yang kami dapati dari rakyat sekalian.

Kita juga berharap Barisan Nasional akan mendapat sokongan yang besar daripada rakyat Negeri Sarawak yang sudahpun matang dan memahami sepenuhnya perkara-perkara penting yang harus diputuskan dalam pilihanraya ini.

Perkara yang pertama yang mesti diputuskan oleh saudara-saudara sekalian ialah: adakah Saudara-saudara mahukan sebuah Kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab yang boleh diberi kepercayaan untuk menjaga keselamatan Negeri Sarawak dan melaksanakan projek-projek untuk memberi faedah kepada saudara-saudara sekalian baik yang tinggal di kawasan luar bandar mahupun di kawasan bandar. Sekiranya saudara-saudara sekalian mahukan masa depan yang baik dan bahagia ini, saudara-saudara mestilah memilih Barisan Nasional.

Kerajaan Barisan Nasional telah memerintah Negeri Sarawak dengan baik dan sempurna semenjak empat tahun yang lalu. Kerajaan Campuran Barisan Nasional ini telah mengadakan berbagai rancangan-rancangan pembangunan yang tersusun rapi bukan sahaja untuk meninggikan taraf hidup saudara-saudara sekalian bahkan untuk mencapai kejayaan sepenuhnya di bidang ekonomi dan sosial di negeri ini. Kami dalam Kerajaan Persekutuan sangatlah tertarik hati dengan rancangan-rancangan yang baik ini, dan semenjak empat tahun dahulu kami telahpun membuat peruntukan yang berjumlah lebih daripada $800 juta untuk

membantu Kerajaan Campuran Barisan Nasional Negeri Sarawak melaksanakan segala rancangan-rancangan ini.

SNAP tidak dapat mengadakan sebuah Kerajaan seperti ini. Parti-parti di dalam Kerajaan Campuran Barisan Nasional Sarawak ialah yang bertanggungjawab untuk merangkakan segala rancangan-rancangan pembangunan yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian mereka mestilah diberi peluang dan tanggungjawab untuk melaksanakan segala rancangan-rancangan ini dengan jaya.

Perkara yang kedua yang mesti diputuskan oleh saudara-saudara sekalian ialah: Kerajaan Negeri Sarawak yang manakah yang boleh bekerjasama dengan erat dengan Kerajaan Pusat yang akan ditubuhkan oleh Barisan Nasional. Jawapannya ialah Kerajaan Barisan Nasional sahajalah yang akan dapat bekerjasama dengan erat dengan Kerajaan Persekutuan yang didokong oleh Barisan Nasional, dan bukanlah Kerajaan Negeri yang didokong oleh Parti Pembangkang SNAP.

Saya ingin berterus terang dengan saudara-saudara sekalian. Kerajaan Persekutuan hanya boleh bekerjasama dengan sebuah Kerajaan Negeri yang didokong oleh Barisan Nasional di Sarawak. Kami tidak akan dapat memberi apa-apa kerjasama kepada sebuah Kerajaan Negeri yang terdiri dari parti Pembangkang yakni SNAP. Hakikat ini dapat dilihat di Pulau Pinang dan di Kelantan. Apabila Parti Gerakan menang pilihanraya di Pulau Pinang dalam tahun 1969, mereka tidak dapat menjalankan apa-apa rancangan pembangunan dengan tiada kerjasama dari Kerajaan Persekutuan. Oleh itu mereka telah masuk dalam Kerajaan Campuran dengan Perikatan. Demikianlah juga dengan Kerajaan PAS di Kelantan.

Saudara-saudara.

Kita tidak boleh mempermainkan masa depan kita dan negara kita. Rakyat Sarawak tidak lama lagi akan dapat menikmati faedah-faedah daripada Rancangan Pembangunan kita. Oleh yang demikian saudara-saudara janganlah mengenepikan segala-gala ini dengan membuat pilihan yang salah dengan memilih sebuah Kerajaan yang tidak jujur dan tidak mempunyai apa-apa pengalaman.

Kami di dalam Kerajaan Persekutuan tidak dapat bekerjasama dengan SNAP yang dipimpin oleh James Wong yang kesetiaannya

terhadap Malaysia dan Sarawak belum lagi dapat dipastikan. Beliau juga belum lagi menyatakan tentangan beliau terhadap tuntutan Brunei ke atas Limbang. Dengan ini bermakna beliau tidak mempunyai pendirian yang tegas terhadap kedaulatan Sarawak dan Malaysia.

Sebagaimana saya katakan tadi soal-soal yang ditimbulkan dalam Pilihanraya ini adalah penting. Malaysia ialah sebuah Negara berbilang bangsa dan perpaduan kaum adalah menjadi asas kepada keamanan dan kestabilan negara kita. Oleh yang demikian Perpaduan Negara adalah lebih penting daripada pembangkang.

Perpaduan Negara hanya akan dapat dicapai dengan cara mengundi sebuah Kerajaan Kebangsaan yang terdiri dari berbagai kaum. Hanya sebuah kerajaan seperti ini sahajalah yang akan dapat mengekalkan keamanan serta kemakmuran di Malaysia termasuk Sarawak.

Hakikat ini telah ternyata, dengan kejayaan Kerajaan Campuran membawa keamanan di Sarawak. Kerajaan Campuran ini di bawah panji-panji SRI AMAN telah berjaya menarik lebih daripada 85% daripada anasir-anasir anti-nasional keluar dari hutan dan balik ke pangkuan masyarakat. Perbuatan mereka ini telah mematahkan perjuangan mereka itu yang tidak berguna dan sia-sia.

Beginilah cara sebuah Kerajaan Nasional yang berbilang kaum mentadbir negara, dan sekarang saudara-saudara mempunyai peluang sekali lagi untuk memilih semula kerajaan ini dengan cara mengundi Barisan Nasional di Sarawak. Janganlah sia-siakan peluang ini. Janganlah membazirkan undi saudara-saudara yang sangat mustahak kepada saudara dan negara dengan cara memberikan undi itu kepada pihak pembangkang yang akan membawa kerugian kepada saudara-saudara sekalian.

Hanya Barisan Nasional sahajalah yang akan dapat memberi kepada saudara-saudara sebuah kerajaan yang berdedikasi, bertanggungjawab serta berkebolehan untuk menjayakan segala matalamat pembangunan.

Sekiranya saudara-saudara inginkan Sarawak terus maju dan makmur, saudara-saudara adalah bertanggungjawab untuk mengundi Barisan Nasional di Sarawak. Gunakanlah undi saudara-saudara untuk menunjukkan kematangan politik saudara.

Gunakanlah undi-undi saudara dengan cermat untuk menjamin masa depan yang cemerlang bagi saudara dan anak cucu saudara.

Terimakasih. Selamat Malam.

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP PENGERUSI BARISAN NASIONAL MENGGULUNG SIRI CERAMAH POLITIK MENERUSI RADIO MALAYSIA PADA 22HB OGOS, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wataala Maha Kuasa kerana dapat berucap sekali lagi kepada saudara-saudara sekalian pada malam ini. Dua hari lagi, iaitu pada 24hb Ogos, saudara-saudara akan pergi mengundi. Sebelum saudara-saudara memutuskan calun-calun yang hendak diundi, saya suka memberi pesanan terakhir supaya saudara-saudara dapat membuat keputusan yang bijaksana dan sebaik-baiknya.

Saudara-saudara sekalian.

Pilihanraya umum yang diadakan lima tahun sekali sangatlah besar ertinya kepada negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi seperti Malaysia kita ini. Rakyat adalah diberi peluang memilih parti yang sesuai yang dapat memerintah negara dengan baik dan sempurna.

Kita di Malaysia telah mengadakan empat pilihanraya umum. Dalam masa tujuh belas tahun itu, Kerajaan Perikatan dulunya dan Kerajaan Barisan Nasional sekarang telah berusaha mewujudkan di negara kita suasana aman dan tenteram untuk rakyat berbagai kaum menikmati kehidupan yang sempurna.

Dalam negeri, kita telah berjaya membawa kejayaan kepada kehidupan rakyat dalam semua bidang. Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan-rancangan Malaysia yang akan berikut adalah jaminan kepada pembangunan negara yang lebih pesat. Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat memberikan peluang kepada rakyat berbilang bangsa untuk menikmati kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama.

Di bidang luar negeri, kita telah berjaya meletakkan negara Malaysia di tempat yang tinggi di kalangan negara-negara dunia. Negara kita terkenal sebagai negara yang termaju di rantau Asia yang mengamalkan dasar luar negeri yang bebas dan berkecuali dan ingin bersahabat dengan semua negara tidak kira fahaman

politik atau sistem pentadbiran mereka. Di samping mempunyai perhubungan yang baik dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Soviet Union dan Repablik Rakyat China, kita bersahabat baik dengan negara-negara Sosialis Eropah Timur dan negara-negara Islam. Gagasan menjadikan Wilayah Tenggara Asia kawasan aman, bebas dan berkecuali telah mengharumkan nama Malaysia sebagai negara yang mementingkan keamanan dunia.

Barisan Nasional ingin meneruskan kejayaan yang tercapai selama ini. Sungguhpun banyak perubahan telah berlaku di negara kita dalam masa tujuh belas tahun itu, terutama dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial, namun masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk membaiki kehidupan rakyat. Oleh sebab itulah Kerajaan berkehendakkan mandat baru dari rakyat untuk meneruskan hasrat dan cita-citanya itu.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam kempen yang berjalan selama dua minggu yang lalu, sudah sayugianya kita dapat membuat kesimpulan tentang parti-parti yang bertanding dalam pilihanraya ini.

Pada amnya, parti-parti pembangkang tidak dapat mengemukakan dasar-dasar atau programme yang baik dan praktikal untuk menghadapi masaalah-masaalah negara sesuai dengan keadaan yang terdapat dalam negara kita. Mereka tidak dapat, umpamanya, mengemukakan dasar ekonomi dan sosial yang lebih baik dari Dasar Ekonomi Baru Kerajaan Barisan Nasional untuk menjamin kehidupan yang lebih adil dan saksama kepada rakyat. Bahkan mereka menerima dan menyokong Dasar Ekonomi Baru.

Parti Rakyat tidak dapat memberi kemakmuran kepada rakyat dengan dasar sosialismanya yang tidak sesuai dan bertentangan dengan kehidupan demokrasi yang kita amalkan sekarang. Parti Rakyat juga tidak dapat menjamin keselamatan negara. Ini jelas kerana Parti itu tidak pernah mengutuk perbuatan jahat pengganas-pengganas Komunis yang membunuh rakyat yang tidak berdosa, merosak harta benda dan ingin merampas kuasa Kerajaan dengan kekerasan.

Parti DAP dengan jelas menunjukkan bahawa ia telah kehabisan modal dalam kempennya. Oleh kerana itulah ia tidak silu-silu memain sentiman perkauman dengan menimbulkan issue-issue

sensitif seperti bahasa dan kebudayaan Cina untuk memancing undi. Dalam hal ini, saya seringkali menegaskan bahawa Kerajaan adalah menjamin hak sesuatu kaum dalam Perlembagaan. Kerajaan tidak akan membuat sesuatu yang melanggar Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukunegara. Saya harap rakyat tidak akan terpengaruh dengan dakyah DAP kerana saya percaya mereka cukup faham dan sedar akan bahaya perasaan perkauman yang ditimbulkan oleh parti DAP itu.

Parti Pekemas pula terang-terang mengakui bahawa mereka tidak akan berjaya memegang tampuk pemerintahan negara ini. Mereka hanya berharap akan menang beberapa kerusi untuk menjadi pembangkang. Pada saya, soal menjadi pembangkan adalah soal kedua. Yang utama ialah menjamin perpaduan negara yang kukuh iaitu yang menjadi asas kepada kestabilan politik dan keamanan negara.

Calun-calun SNAP di Sarawak memainkan issue parochial atau kedaerahan tanpa mementingkan perpaduan rakyat Malaysia seluruhnya. Rakyat Sarawak tidak mudah terpengaruh dengan slogan "Sarawak untuk rakyat Sarawak" kerana rakyat Sarawak telah merdeka dalam Malaysia dan mendapat banyak faedah berada dalam Malaysia. Kerajaan Campuran Sarawak di bawah pimpinan dinamis Datuk Abdul Rahman Yaakub telah membawa kemajuan besar kepada Sarawak dan saya yakin Sarawak akan mencapai kemakmuran yang berlebihan di bawah pimpinan Datuk Rahman. Taat setia pemimpin-pemimpin SNAP juga menjadi tanda tanya kerana selama ini mereka tidak menyatakan pendirian mereka mengenai tuntutan Brunei ke atas Limbang.

Calun-calun yang bertanding sebagai calun bebas tidak dapat memberi apa-apa jaminan kepada rakyat. Mereka ini kebanyakannya adalah orang-orang yang telah keluar dari partinya dulu kerana tidak terpilih sebagai calun atau hendak membalas dendam sementara yang lainnya hanya cuba mengadu nasib bermain politik. Mereka ini tidak mempunyai prinsip atau pendirian kerana tidak mempunyai parti dan lebih mementingkan diri sendiri daripada hendak berkhidmat kepada rakyat.

Dari itu, jelaslah kepada kita bahawa parti-parti pembangkang bukan sahaja tidak dapat memberi jaminan keselamatan, keamanan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara, mereka juga tidak mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dan berpengalaman seperti Barisan Nasional untuk menubuhkan Kerajaan dan berkhidmat kepada rakyat.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana saya terangkan dalam rapat-rapat umum dan perjumpaan-perjumpaan dalam masa kempen pilihanraya di seluruh negara, Barisan Nasional berkehendak membentuk Kerajaan yang diwakili oleh semua bangsa di negara kita atau National Government. Dalam konteks politik negara kita yang berbilang bangsa, langkah Barisan Nasional menubuhkan National Government ini sangatlah realistik. Rakyat keturunan China dan India yang menjadi sebahagian besar penduduk negara Malaysia mesti mempunyai wakil mereka dalam Kerajaan untuk menjaga kepentingan mereka. Oleh itu, sekiranya mereka berkehendakkan wakil mereka berada dalam Kerajaan, baik di peringkat Pusat atau Negeri, mereka hendaklah memilih calun-calun China dan India dari parti-parti dalam Barisan Nasional. Kita tidak akan mengambil calun-calun dari parti-parti lawan seperti Parti Rakyat, DAP dan Pekemas dalam Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian.

Semenjak berlakunya Trajedi 13 Mei, Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam usaha menyatupadukan rakyat berbagai kaum di negara kita. Kita telah menggubal Rukunegara yang menjadi haluan dan panduan untuk membina masyarakat yang bersatupadu. Dalam bidang politik juga, parti Perikatan telah berjaya membawa parti-parti politik yang dulunya menentangnya untuk bekerjasama dalam gabungan yang lebih luas iaitu Barisan Nasional. Perkembangan politik ini amat bersejarah dan besar maknanya kepada negara kita yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Semua ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa mengutamakan perpaduan dalam segala usahanya. Tidak syak lagi, Kerajaan adalah bersikap adil dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara. Hakikat ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapapun termasuklah parti-parti lawan.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang seringkali saya nyatakan, Kerajaan berazam hendak mewujudkan di negara ini masyarakat yang aman, tenteram dan maju di mana tiap-tiap rakyat mendapat kehidupan yang bahagia dan sempurna. Matalamat ini hanyalah dapat dicapai sekiranya rakyat dari semua kaum di negara ini memberi sokongan

yang kuat kepada Kerajaan. Dalam tempoh tujuh belas tahun ini, Kerajaan telah mendapat sokongan rakyat dan saya percaya dalam pilihanraya ini rakyat akan terus memberikan sokongan kepada Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya percaya dalam masa tujuh belas tahun semenjak merdeka, saudara-saudara telah matang dengan perkembangan dan pergolakan politik negara kita dan dapat membuat keputusan yang bijaksana berdasarkan hakikat-hakikat yang nyata.

Barisan Nasional telah membuktikan dengan kata-kata dan juga amalan bahawa ia merupakan satu-satunya Kerajaan yang dapat menjamin masa hadapan yang cerah dan cemerlang bagi negara kita yang dikasihi. Barisan Nasional juga menjamin masa hadapan yang cemerlang bagi saudara-saudara sekalian dan anak-cucu kita pada masa akan datang. Berdasarkan hakikat inilah, saya menyeru saudara-saudara supaya memberi mandat baru kepada kerajaan dengan memberi sokongan penuh dan mengundi Barisan Nasional.

Selamat Malam.

UCAPAN HARI KEBANGSAAN OLEH PERDANA MENTERI MENERUSI RADIO/TV MALAYSIA PADA 30HB OGOS, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan berkat limpah rahmat dan hidayahNya, saya dapat berucap kepada saudara-saudara sekali lagi sempena dengan Perayaan Hari Kebangsaan kita yang ke tujuh belas besok.

Sempena peristiwa yang penting dan bersejarah ini, sudah sayugianya kita sebagai rakyat Malaysia, di mana-mana juga kita berada, menyambut hari yang berbahagia ini dengan penuh ghairah sambil berdoa kepada Tuhan Yang Maha Kuasa agar kita berada dalam keadaan aman sentosa serta mendapat perlindunganNya pada setiap masa.

Dalam pada kita merayakan hari ini dengan berbagai acara yang meriah, patutlah juga kita bertafakkur sejenak untuk mengenang dan menghormati roh para pemimpin kita yang telah pergi mendahului kita dan juga para pahlawan yang telah gugur kerana mempertahankan tanahair yang kita cintai ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya lebih-lebih berasa gembira serta bersyukur ke hadrat Tuhan kerana kali ini saya berucap kepada saudara-saudara dalam suasana yang penuh gembira berikutan dengan kemenangan besar parti Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum yang baru lalu. Hanya di Sarawak pilihanraya belum lagi tamat akan tetapi saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan di sana juga bersama-sama dengan rakyat di tempat lain akan memberi sokongan penuh kepada Barisan Nasional. Kemenangan cemerlang yang diperolehi oleh Barisan Nasional jelas membuktikan bahawa rakyat berkehendak kepada Kerajaan yang kuat dan jujur yang boleh memelihara dan menjamin perpaduan rakyat dan kemakmuran negara. Seperti yang seringkali saya tegaskan, hanya Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang dapat memenuhi hasrat rakyat membawa mereka menuju zaman baru yang aman damai dan bahagia.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih di atas kepercayaan dan sokongan penuh saudara-saudara dengan memberikan mandat baru kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk berkhidmat kepada Negara untuk lima tahun yang akan datang. Kerajaan Barisan Nasional berazam akan terus memberikan pimpinan yang jujur dan penuh dedikasi untuk membawa keaman, kemakmuran dan keadilan kepada rakyat dan negara.

Kepada wakil-wakil rakyat dari Barisan Nasional yang telah mendapat kemenangan, saya suka menegaskan bahawa kepercayaan yang besar yang diberi oleh rakyat adalah bermakna kita mempunyai tanggungjawab yang berat bagi menunaikan kehendak-kehendak dan harapan rakyat kepada kita. Kita mesti bersungguh-sungguh berkhidmat kepada rakyat dengan penuh dedikasi dan kejujuran.

Saya berharap akan dapat mengumumkan Ahli-ahli Jemaah Menteri yang baru tidak lama lagi. Sementara itu, saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada beberapa orang Menteri yang telah mengundurkan diri setelah memberikan perkhidmatan mereka kepada rakyat dan negara sekian lama. Kita akan sentiasa ingat kepada Tun Tan Siew Sin, Tun V. T. Sambanthan dan Tan Sri Sardon Jubir dan saya percaya rakyat akan sentiasa mengingati jasa-jasa mereka yang akan kekal tercatit dalam sejarah negara kita. Saya yakin ahli-ahli Jemaah Menteri yang bakal dilantik itu akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh minat dan kejujuran untuk kemajuan rakyat dan negara.

Kepada jenerasi muda khasnya, perayaan Hari Kebangsaan ini mempunyai penuh erti kerana hari ini kita mengenang kembali detik-detik perjuangan menuntut kemerdekaan negara kita Malaysia yang dipelupuri oleh pejuang-pejuang kebangsaan dulu. Pada segi yang lain, setiap kali kita menyambut Hari Kebangsaan, bermakna setahun lagi kita melangkah maju mengisi kemerdekaan dan setahun pula kita bertambah dewasa serta yakin kepada masa depan bangsa dan negara kita ini.

Saudara-saudara sekalian.

Tahun 1974 ini pada amnya menunjukkan lebih banyak kemajuan serta membawa harapan yang lebih cerah dalam semua

bidang usaha Kerajaan. Seperti yang sama dimaklum, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua di bawah Dasar Ekonomi Baru menghasilkan kemajuan yang amat memuaskan sehingga hari ini. Tetapi rancangan kita mempunyai jangka masa dua puluh tahun sebelum segala matalamatnya dapat dicapai. Setakat ini sudah banyak yang telah dicapai terutama tentang peluang-peluang pekerajaan menerusi projek-projek perindusterian dan pembukaan tanah oleh FELDA dan pihak swasta. Saya yakin dengan langkah-langkah tegas dan berani yang kita jalankan maka matalamat itu akan dicapai sepenuhnya dalam jangka masa yang ditetapkan itu. Tiada siapa yang boleh menafikan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah memberi jaminan kepada golongan rakyat yang tidak berada di Negara kita mendapat kedudukan yang lebih sempurna dalam bidang ekonomi modern dan mendapat bahagian kekayaan dan kemudahan yang lebih adil dan saksama.

Saya suka mengulangi iaitu dalam usaha Kerajaan hendak membina masyarakat adil dalam negara kita yang berbilang bangsa ini, faktor yang paling penting ialah perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat. Tanpa perpaduan, hasrat baik Kerajaan itu adalah sukar hendak dicapai. Oleh yang demikian, saya menyeru seluruh rakyat supaya saling faham memahami dan hormat menghormati di antara satu dengan lain supaya dapat menjamin serta mengekalkan keharmonian dan ketenteraman di kalangan masyarakat kita. Jauhilah daripada perbuatan yang boleh membawa kepada pertelingkahan antara kaum dan perpecahan sesama kita sendiri. Bagaimanapun, Kerajaan yang saya pimpin akan terus mengambil langkah-langkah yang wajar bagi menjamin ketenteraman dan keharmonian negara dalam segala usaha yang melibatkan kehidupan rakyat seluruhnya.

Memandang pada hakikat inilah maka sejak beberapa tahun ini kita sangat menitikberatkan konsep perpaduan yang termaktub dalam Rukunegara sebagai tema Hari Kebangsaan. Tahun ini kita memilih tema "Sains dan Teknoloji Alat Perpaduan" kerana mengingat betapa pentingnya pengetahuan Sains dan Teknoloji dalam usaha mempercepatkan kemajuan dan pembangunan negara yang mana pada muktamadnya akan menjamin kestabilan serta wujudnya negara yang kita cintai ini.

Ilmu pengetahuan terutama pengetahuan Sains dan Teknoloji merupakan faktor yang sangat penting dalam pembinaan masyarakat Malaysia yang moden dan maju. Kejayaan kita dalam usaha

hendak memperimbangkan keadaan masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar akan banyak bergantung kepada penggunaan Sains dan Teknoloji terutama dalam bidang pertanian dan perindusterian. Dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang ini, Kerajaan akan melipat-gandakan usaha untuk memodenkan rakyat kita samada mereka itu kaum tani yang hidup dengan bersawah padi atau pekebun-pekebun kecil getah; kaum nelayan yang membanting tulang di lautan luas; pedagang-pedagang dan pekedai-pekedai kecil di kampung-kampung. Sayugia diingat, selagi ada mana-mana golongan masyarakat kita yang tertinggal di belakang, maka selama itu pulalah terdapat jurang perbezaan ekonomi antara pihak yang berada dengan pihak yang tidak berada. Kesimpulannya, jika keadaan ini tidak diperbaikki maka tidak akan tercapai perpaduan yang sebenar sepertimana yang dicita-citakan itu.

Dengan yang demikian, amatlah kena pada masanya kita memilih tema "Sains dan Teknoloji Alat Perpaduan" bagi perayaan Hari Kebangsaan kali ini dengan harapan semoga rakyat seluruh nya menyedari hakikat ini dan menerimanya sebagai satu faktor penting dalam kehidupan kita.

Begitu juga, kita maklum bahawa ilmu pengetahuan memboleh-kan rakyat berfikir dengan cara yang mendalam untuk memahami dan mengatasi masaalah-masaalah rumit yang mungkin timbul dari latarbelakang kebudayaan dan tradisi yang berlainan di antara kaum. Di samping itu unsur-unsur permodenan yang berlandaskan sains dan teknoloji boleh dijadikan asas untuk memupuk perpaduan rakyat. Perkara yang penting ialah percantuman ciri-ciri yang baik dari kebudayaan dan tradisi kaum terbesar di negara kita dengan ciri-ciri ilmu pengetahuan moden yang berlandaskan sains dan teknoloji supaya dengan demikian dalam beberapa jenerasi akan datang akan muncul satu masyarakat yang benar-benar bersifat Malaysia, yang bersikap serta mempunyai cara hidup Malaysia yang sebenarnya.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur kepada Allah bahawa keadaan keselamatan dalam negeri pada keseluruhannya adalah baik walaupun masih terdapat ancaman dari pengganas-pengganas dalam hutan yang dibantu oleh anasir-anasir anti-nasional ejen-ejen mereka di bandar-bandar dan kampung-kampung. Bagaimanapun, langkah-langkah

tegas yang kita ambil telah berhasil membawa sebahagian besar pengganas-pengganas di Sarawak meletakkan senjata dan kembali ke pangkuan masyarakat. Di Semenanjung Malaysia, saya sentiasa bersedia menerima mereka sekiranya mereka menghentikan perbuatan ganas mereka dan meletakkan senjata. Tetapi, sekiranya mereka memilih hendak meneruskan perjuangan yang sia-sia itu, Kerajaan akan terus bertindak menghapuskan mereka dari bumi Malaysia ini.

Dalam bidang luar negeri, kita akan terus menjalankan dasar luar yang berkecuali, bebas dan aktif untuk menjalin perhubungan dengan negara besar dan kecil tidak mengira fahaman ideoloji atau sistem politik dan ekonomi negara mereka. Kita akan memperkuatkan perhubungan dengan negara-negara Islam demi hasrat dan cita-cita persaudaraan dan perpaduan umat Islam di samping memperluaskan hubungan perdagangan kita dengan negara-negara tersebut. Kita akan terus berusaha untuk mendapatkan sokongan kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan Republik Rakyat Cina supaya gagasan kita menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali akan berhasil dan menjadi kenyataan.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan dasar-dasar yang realistik dan praktik yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang sesuai dengan keadaan yang terdapat dalam negara kita, saya yakin masa depan negara Malaysia amatlah cerah. Selama beberapa tahun kebelakangan ini kita telah berjaya menyelesaikan masaalah-masaalah pembangunan sosial dan ekonomi dengan sempurna. Hari ini kedudukan politik, ekonomi dan kewangan kita adalah kukuh. Bagaimanapun, masih ada beberapa masaalah yang di luar kuasa kita mengatasinya seperti inflasi yang sedikit sebanyak menyusahkan rakyat, namun dengan langkah-langkah tegas yang dijalankan oleh Kerajaan, kita dapat mengurangkan kesannya ke atas rakyat. Kerajaan akan terus mengawasi keadaan ini terutama inflasi dari luar atau "imported inflation" supaya tekanannya ke atas rakyat dapat diredakan.

Tahun hadapan dan beberapa tahun yang akan datang ini sudah tentu membawa beberapa cabaran baru kepada kita. Keadaan ekonomi dunia terutama kenaikan harga minyak dan kenaikan harga barang-barang yang semakin meningkat akan memberi kesan kepada ekonomi negara. Tetapi, Kerajaan berazam menghadapi

cabaran ini dan saya yakin dan percaya rakyat sekalian akan berdiri teguh di belakang Kerajaan serta bersama-sama berusaha untuk menjamin masa depan yang cemerlang untuk rakyat dan negara kita.

Akhir kata, saya sekali lagi berseru kepada rakyat dari segenap lapisan dan golongan, sambil merayakan hari yang berbahagia bagi negara kita ini, supaya terus berganding bahu melipatgandakan usaha dalam semua bidang supaya matalamat kita menjadikan negara ini makmur, aman dan bersatu padu akan segera tercapai. Saya percaya dengan azam yang kuat, dengan tekun dan usaha dan dengan berkat hidayah serta petunjuk dari Allah Yang Maha Kuasa, cita-cita kita yang suci murni itu akan terlaksana sepenuhnya.

Berjaya! Selamat Malam.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN PERDANA SEMPENA MENYAMBUT PERAYAAN JUBLI PERAK DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 1HB SEPTEMBER, 1974

Y.B. Tan Sri Kadir, Pengerusi L.L.N., Encik Abu Zarim, Pengurus Besar, L.L.N., Ahli-ahli Lembaga, Dif-dif Yang Terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pertama sekali, sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Letrik Negara kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis yang permai ini dan turut bersama-sama dalam perayaan Jubli Perak Lembaga Letrik Negara yang genap usianya dua puluh lima tahun pada hari ini. Perayaan ini amat besar maknanya kerana kebetulan jatuh serentak dengan ulangtahun ke tujuh belas kemerdekaan negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kita sedia maklum betapa pentingnya tenaga letrik kepada dunia moden. Ada yang berkata "modernization comes with electrification". Begitulah pentingnya Lembaga Letrik Negara kepada Malaysia hari ini yang sedang menuju zaman baru yang modern dan maju.

Saya bersyukur Kerajaan yang saya pimpin telah diberi mandat baru oleh rakyat. Kerajaan ini dipilih dan dikekalkan oleh rakyat untuk terus memimpin kerana azamnya melaksanakan pembangunan dengan lebih pesat lagi. Pembangunan negara bukanlah semata-mata menjadi slogan bagi kita, malahan menjadi satu "manifest destiny" atau matalamat yang nyata yang akan dikembalikan kepada rakyat sebagai memenuhi mandat yang diperolehi daripada rakyat. Inilah rationale Dasar Ekonomi Baru yang kita jalankan menerusi Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan-rancangan berikutnya.

Adalah penting dan mustahak bagi kita mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru ini dengan memodenkan sektor pertanian supaya menjamin pendapatan yang tinggi dan makanan yang cukup melalui daya pengeluaran yang lebih; memperkembangkan pembangunan perindusterian dengan perhatian istimewa terhadap perusahaan yang berasaskan pertanian (agro-based industries);

menubuhkan pusat-pusat pertumbuhan baru dengan membuka lebih banyak kawasan pertanian di bawah rancangan Felda dan lain-lain.

Bagaimanapun, segala rancangan pembangunan yang saya sebutkan itu sangat-sangat memerlukan tenaga letrik, terutama sekali dalam usaha Kerajaan hendak mempermodenkan kawasan luar bandar. Untuk tujuan ini saya percaya LLN sedang merancang hendak mendirikan lebih banyak stesyen-stesyen penjana di seluruh negara dalam tahun-tahun akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita semua maklum bahawa negara kita mempunyai bukit bukau dan gunung ganang yang merupakan sumber air yang banyak. Sungai-sungai kita yang ada itu meskipun memberi munafaat kepada manusia tetapi ada kalanya membawa bencana pula. Oleh itu tentulah lebih baik sumber alam ini kita gunakan bagi tujuan-tujuan yang prodaktif, dan satu daripadanya ialah sebagai punca tenaga. Ampangan-ampangan yang dibina di Temenggor dan akan dibina di Kuala Tahan bukan saja menjadi stesyen haidro untuk mengeluarkan tenaga letrik tetapi juga untuk mengawal banjir yang sentiasa memberikan mala petaka kepada rakyat jelata.

Dengan tujuan itulah Kerajaan telah memberi sokongan penuh terhadap rancangan Lembaga Letrik Negara membina stesyen penjana haidro di Temenggor yang memakan belanja sebanyak kira-kira $250 juta dan dijangka siap dalam tahun 1978. Dengan siapnya rancangan ini, Lembaga Letrik Negara akan mendapat tambahan tenaga letrik sebanyak 350,000 Kilowatt lagi. Kerajaan juga sangat berpuas hati di atas penyiasatan yang sedang dijalankan pada rancangan yang sama di Tembeling, di Sungai Trengganu dan di beberapa tempat lagi di Negeri Kelantan dan Perak. Dengan adanya rancangan-rancangan jangka panjang ini maka bekalan letrik yang mencukupi akan dapat diadakan untuk menjayakan projek-projek pembangunan Kerajaan di masa hadapan.

Kita juga mempunyai beberapa stesyen thermal yang menggunakan minyak dan kebetulan pula pada masa ini seluruh dunia menghadapi krisis minyak. Alhamdulillah, berkat dasar luar negeri yang realistik dan praktik kita tidaklah merasakan benar krisis ini seperti yang dialami oleh negara-negara lain. Begitu juga kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita mempunyai

sumber minyak yang kaya dan dalam konteks ini Kerajaan pula telah menubuh PETRONAS untuk menjamin supaya kita sendiri dapat mengawal punca-punca tenaga negara kita. Dengan tertubuhnya PETRONAS ini, adalah harapan baik bagi Lembaga Letrik Negara untuk menambah lagi stesyen thermal bersaingan dengan perkembangan kuasa haidro yang saya sebutkan tadi.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh Lembaga Letrik Negara dalam masa dua puluh lima tahun yang lepas, sepertimana yang diterangkan oleh Pengurus Besar sebentar tadi, sangat memuaskan. Ini adalah kerana pandangan jauh Ahli-ahli Lembaga dan terutama sekali Pengurus Besar yang sentiasa menitikberatkan pembinaan dengan menggunakan lebihan pendapatan bagi membanyakkan lagi tenaga letrik. Lembaga Letrik Negara bukanlah satu ajensi yang wujud semata-mata untuk mencari keuntungan, malahan satu ajensi pembangunan yang menjadi alat penting ke arah mencapai matalamat-matalamat negara. Kalau ada yang mengatakan Lembaga Letrik Negara semata-mata mencari keuntungan hanya salah faham tentang tujuan Kerajaan menubuhkan Lembaga Letrik Negara ini dan adalah baik bagi kita terutama pemimpin-pemimpin masyarakat supaya membetulkan prasangka ini.

Kita sedia maklum, LLN selama ini diurus dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang mempunyai dedikasi dan berkaliber tinggi. Pada malam yang berbahagia ini, saya suka menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada salah seorang daripada pegawai-pegawai yang banyak berjasa kepada negara iaitu bekas Pengurus Besar Lembaga, Y.M. Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman yang telah berkhidmat untuk Lembaga ini selama empat puluh lima tahun. Kepada beliau kita sekalian mengucapkan terima kasih dan jasa-jasa beliau akan tetap dikenang oleh Negara dan rakyat.

Akhir sekali, saya mengucapkan syabas kepada Lembaga Letrik Negara atas kejayaan-kejayaan di masa yang lepas dan saya berharap semoga Jubli Perak yang dirayakan pada tahun ini akan membawa ilham baru bagi kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Sekian, terimakasih.

ADDRESS OF WELCOME BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING OF THE TWENTY FIFTH SESSION OF THE W.H.O. REGIONAL COMMITTEE MEETING FOR THE WESTERN PACIFIC REGION AT DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR ON 2ND SEPTEMBER, 1974

Mr Chairman, Hon'ble Ministers, Your Excellencies, The Regional Director of W.H.O., Dr Dy, Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I am indeed honoured to have this opportunity to address the distinguished representatives of W.H.O. member countries in the Western Pacific Region, representatives of the various International Organisations represented here today, the Regional Director for the Western Pacific Region, Dr Dy and his staff.

It is indeed a double honour for Malaysia to host this twenty fifth Session of the Regional Committee Meeting as it coincides with the Silver Anniversary of the Regional Office of the W.H.O. and immediately after our own National Day celebrations.

I must thank all the delegates of this Region for having so graciously accepted our invitation during the twenty third Session held in Guam in 1972 for this memorable Session to be held in Kuala Lumpur. On behalf of the Government and people of Malaysia, I extend you a warm welcome—Selamat Datang—and wish you a pleasant stay here.

It is my belief (and I am sure all of you will agree with me) that the holding of the Regional Committee Meetings in various member-countries provides us a better knowledge of the peoples of the region and the health situations of the various countries. At the same time, it also helps improve mutual relationship, understanding and respect between member-governments and strengthen our confidence in the World Health Organisation.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

We in Malaysia were fortunate to inherit a relatively sound health service-structure from the colonial administration at the time of our independence eighteen years ago. However, the

distribution and particularly the quality of the health services we inherited varied from State to State and also between areas within a State. The services were mainly concentrated in the urban areas whereas the rural areas, where more than 70% of our population lived, lacked adequate medical, health and dental facilities. It was, therefore, a formidable task for our Ministry of Health to rectify this mal-distribution between the urban and rural areas and at the same time to up-grade the quality of the services and harmonise it quantity-wise between the various states. This is all the more important today in keeping with the prime objectives of the New Economic Policy of my Government to eradicate poverty and inequalities no matter where they exist. Upon this firm foundation, we hope to build a strong, progressive, and united Nation out of our multi-racial society.

We are thankful for the staunch support and should advice of the World Health Organisation in our efforts in re-structuring our health services, not only in overcoming our immediate and pressing health problems but also in satisfying the hopes and aspirations of our people. I would like to express my appreciation to the Ministry of Health and its officials for their dedication, diligence and dynamism, which have, within the short span of less than two decades, succeeded in re-shaping the health services of this country to conform to the desired objectives. The imbalance in distribution has now been rectified and, today, there is hardly any area around the country without the basic medical, health and dental facilities.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

In correcting the imbalance in the distribution of our health services, inadequate communication or inaccessible terrain and the like have not been an impediment to bring essential health services to our remote and widely scattered isolated population. For instance, in Sarawak, where almost 85% of the population live in isolated long-houses in the far reaches which, in some cases take up to three weeks to reach by normal means of transport, we have introduced the Flying Doctor Service.

Today, these remote places are visited regularly and the people there can enjoy necessary medical and health services. Seriously ill-cases are evacuated to hospitals within a matter of hours. This and other innovations have ensured our isolated population with

proper medical and health care which has brought about considerable improvement to their standard of living.

Although we have made much progress in this field, we are not complacent and will continue to improve and expand our services further. Having expanded the services so rapidly, we need now to consolidate our gains and fortify our efforts. As you all know, medicine is not a static science and everyday we hear of new discoveries in specialised areas. We must keep up with this so that our citizens can be assured of the highest standard of health and quality of life all the time.

Furthermore, health is a challenging field—no sooner is a problem solved than another one emerges. The economic successes we have gained and the relative affluence, brought in its wake new and even complicated health problems among our people. The changing patterns and mode of living further create problems in health. Industrialisation, urbanization and land development invariably bring about problems such as pollution, occupational diseases and hazards, coronary diseases and industrial accidents. In short, as soon as there is a change in the environment or ecology, we can expect a health problem will emerge. This is in fact the beginning and not the end, and I am confident that the versatility and resilience with which our respective health authorities has been able to encounter these problems in the past, it will be able to face these challenges with confidence and courage in future.

Here in Malaysia, our most urgent task is to overcome the acute shortage of trained staff at all levels. While I am happy to note that the shortage of para-medical staff will soon be a thing of the past, there is still the shortage in the professional grades. We believe that the best way to overcome this is to establish our own post-graduate training institutions like the Colleges of Physicians and Surgeons. Only recently we established the Colleges of Surgeons, Physicians, and General Practitioners, with the co-operation and assistance of medical counterparts from overseas from where almost all our specialists have been trained. These Colleges will conduct Courses and hold examinations leading to specialist qualifications in the various disciplines.

It is my hope to see that Malaysia attains professional independence ultimately. In gaining professional independence

our Colleges will be playing a very important role. It will also strive to maintain the close established professional links with the Sister Colleges overseas. The aim is not only to bring people of the same profession from nations together but also to maintain a high standard of professional practice in Malaysia. We therefore appreciate very much all the assistance we can get from W.H.O. and from member-countries in this direction.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

In his address just now, the Minister of Health has expressed his growing concern regarding dengue haemorrhagic fever which has grown from endemic to epidemic proportions. This problem is not confined to Malaysia alone but to many countries in this region. I am happy to know that one of the topics of your technical discussions during this session will be specifically on dengue haemorrhagic fever. I would like to request W.H.O. to collaborate and co-ordinate the various research programmes that are presently being carried out on dengue haemorrhagic fever by various institutions and organisations both within and outside this region, with a view to advising member-countries on the latest methods and procedures in combating this growing menace. W.H.O. should also set up research studies or programmes on other aspects of this disease which are not currently being covered. The Malaysian Institute for Medical Research has had a long and well-known success history in tropical diseases and I would like to offer the facilities and services of this Institute to assist in any study on research programmes in this field.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I am convinced that the holding of this Meeting in Kuala Lumpur would prove to be a source of inspiration to our Ministry of Health in their endeavours to improve the standard of health services in this country. The free exchange of views and knowledge would be of mutual benefit to all participants of this meeting. However, I hope that inspite of your busy programme, you will find some time to acquaint yourself with our people and the Malaysian way of life, so that your short stay in Malaysia will be both happy and memorable. At the same time, I also hope that you will have an interesting and fruitful deliberations.

Thank you.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AND THE PRESIDENT OF OUTWARD BOUND TRUST, AT THE ANNUAL GENERAL MEETING OF THE TRUST AT BANGUNAN GETAH ASLI, KUALA LUMPUR ON 4TH SEPTEMBER, 1974

Members of the Outward Bound Trust, Gentlemen.

It gives me very great pleasure to welcome you all to this Annual General Meeting. I must first thank the Malaysian Rubber Fund Board for once again making available this Board Room for our meeting.

The School has had another highly successful year. A record 553 trainees attended the various courses compared with 513 trainees in the previous year. Bookings for the current year have surpassed all our previous records and stand today at 641. This is the first year in the history of the School when the number of bookings exceeds the 600 mark.

The capacity of the School since its foundation twenty years ago in 1954 has been sixty trainees per Course, or 600 for a full year, and the increased popularity which is indicated by this year's bookings demonstrates the need for expansion of this capacity. It may be timely, therefore, that Lumut has been selected as the site for the development of our new Naval Base and necessitates the rebuilding of the School at a new site, where we can allow for greater capacity. In this connection, I am pleased to report that the Committee of Management has been carrying on discussions with the Perak State Government with a view to acquiring a new site for the School not far from the present site.

During the year, a girls course was again organised with an attendance of fifty six young ladies who received their badges from Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda of Selangor.

The increased number of trainees has brought further financial prosperity to the Trust and you will note from the accounts that there has been an increase in the excess of income over expenditure, notwithstanding the fact that various improvements have been completed to the buildings during the year and the standard of upkeep has been maintained at a high level.

All this is most heartening and I am sure you would like to join me in congratulating the Committee of Management and the School staff on a job well done.

Recently, the Council of Trust lost one of its staunches supporters for the past thirteen years when Mr R.E.L. Wingate retired from this part of the world. Mr Wingate was Chairman of a group of companies formerly headed by the late Lawrence Holt, a co-founder of the first Outward Bound School at Aberdovey. The Trust will still have a link with these companies as Mr R. C. Wurtzburg, Mr Wingate's successor has agreed to stand for election to the Council. On your behalf, I would like to express our deep appreciation to Mr Wingate for his support and encouragement.

During the year, the Trust commissioned the making of a half hour colour film depicting the training at the School and showing how such training contributes to the improvement of young men and women in facing the Challenges of life. The Trust is most grateful to the Rubber Growers Association, the Chamber of Mines, the International Chamber of Commerce and the Federation of Malaysian Manufacturers who provided the $30,000 to finance this film.

The function of the School is to test the capacity of young men and women under trying conditions, to ascertain their ability to cope, when they find themselves in a difficult situation and to train them to face the many challenges which occur every day in our modern world. During a course they are helped to prove to themselves that they can stand on their own feet without assisttance. This is important if they are to be good citizens of our country.

The Government's Economic Policy offers vast opportunities, through its various channels and agencies, to equip young men and women with the necessary training to face the development of our country and I stress once again that it is the Government's policy to uplift the standard of living of all the people through its development plans.

I once again appeal to the Private Sector and all Government Departments and agencies to assist our young people. One of the best ways of helping them is to sponsor them to undergo training at the Outward Bound School. This will give them an opportunity to understand fully their responsibilities to the nation and will also help to build up a stronger spirit of goodwill and loyalty.

I take this opportunity to thank everyone who has helped the Trust in its work during the past year and especially to Messrs. Barlow Boustead Estate Agency Sdn. Bhd. for their services as Secretaries and Treasurers of the Trust.

Before concluding, I would like you to join me in offering our hearty congratulations to Encik V. A. Allan, the longest serving Instructor at the School, who was awarded the Ahli Mangku Negara by His Majesty the Yang di Pertuan Agung in his Birthday Honours and finally I am glad to announce the winner of the Tunku Abdul Rahman Award for the year 1973. As you all know, this is a special award given to the ex-trainee who in the opinion of the Trust has set a good example to others in keeping up the motto of the School "To Serve, to strive and not to yield".

This year's winner is Encik Foo Teng Song who attended Course No. 83 in 1963. Born in the Dinding Area, Encik Foo grew up in the shadow of the School and when he was old enough, achieved his ambition to attend a course. He attained a good Merit Badge and later joined the staff of the School as an Instructor in which capacity he serves today.

He was a member of the Territorial Army for five years, after 13th May he was elected a member of the Teluk Murok Goodwill Committee. He was a member of the Vigilante Corps during Indonesian confrontation. He is presently a Parent's representative of the Teluk Murok School, a member of the High School Fund raising Committee and a regular blood donor.

He is always thoughtful and sensible and is very popular with both the trainees and staff. He seems to know everyone and everything in the Dindings district and proves to be a most useful member of the staff.

Will Encik Foo please come forward to receive his award.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING OF THE NINTH MALAYSIA-SINGAPORE CONGRESS OF MEDICINE AT THE GENERAL HOSPITAL, KUALA LUMPUR ON 6TH SEPTEMBER, 1974

Mr President, Dr Chew Chin Hin, Lord President, Tan Sri Suffian, Mr Master, Dr G. Sreenevasan, Your Excellencies, Ladies and Gentlemen.

It gives me great pleasure to be here with you all this afternoon on the occasion of the Ninth Malaysia-Singapore Congress of Medicine. This will be the third Malaysia-Singapore Congress that I have had the honour to officiate and, if I may say so, each Congress appears to be bigger than the previous one.

I am glad to see that there are several distinguished medical personalities from the United Kingdom and Australia besides those from Singapore, who have come to participate in the all-important and high-powered symposium on the Current Concepts in Cancer. On behalf of my Government, I bid you all a special welcome and I heartily welcome the participants from our neighbouring countries—Indonesia, Hong Kong, Vietnam, Thailand and India.

I wish to thank both Dr Chew and Dr Sreenevasan for their kind words about me and I would like to assure you all that the new Government will carry out its duties with dedicated greater zeal and vigour. I have reappointed Tan Sri Lee Siok Yew to his old portfolio of Health in view of his devoted and dedicated services to the cause of health during the last few years.

Ladies and Gentlemen.

This year seems to be a harvest year for us in Malaysia in terms of various medical conferences held here in Kuala Lumpur. Soon after the Physicians, we had the Gynaecologists, and only four days ago the W.H.O. Regional meeting was held here. As I said then, medical specialists in a developing country like Malaysia should exchange ideas in their various fields with their counterparts in neighbouring countries. These gatherings, particularly this Congress, offer an excellent opportunity for experts in this region

to exchange such ideas and experiences and discuss mutual problems. This is all for the good of our people, since with the rapid expansion and industrialisation taking place in our countries and the introduction of newer methods in the agricultural and other scientific fields, the problems of pollution, nutrition and urban living, all present a new aspect for medical study.

With the improvement of health care and the introduction of modern medical methods, there has been a reduction in infant mortality rate and an increase in life expectancy of the general population. This in turn brings about problems of diseases in the older age group, such as cancer of the various organs of the body and problems of old age. Thus it is indeed appropriate at this stage that the Academy of Medicine and the National Cancer Society has decided to bring out experts to conduct a symposium on cancer and its various problems. Incidentally, this year we chose science and technology as the theme of our National Day celebration in the belief that it will play an important part in the development of this country. I am glad that our medical specialists will also be studying the medical problems that go hand in hand with the advance of science and technology in our countries.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

It is an interesting coincidence that this Academy of Medicine as stated by your President just now, was founded in 1957, the year of our independence. And like us too the Academy has flourished and grown from strength to strength, contributing immensely to the progress of medical science. As it should be, the Academy continues to maintain its bi-national character and I strongly feel it should remain thus since your invaluable publication will continue to serve as an important link in disseminating knowledge pertaining to your specialised fields. The Annals of the Singapore Academy of Medicine in particular is a professional efforts in the full sense of the word and I am sure very few people realise that some of your colleagues have assiduously undertaken a serious study of attempted suicides in our two countries which makes as good reading as Agatha Christie.

Ladies and Gentlemen.

Coming to the subject of medical and health development in this country, I would like to say that we in Malaysia are currently

planning a very ambitious rural health service and in the next few years we hope to have several new hospitals in the less developed and remote areas of the country. It is the intention of our Government here to provide specialist medical care to the very remote regions of the country. I would like to express my sincere thanks to friendly countries who have kindly agreed to allow their medical specialists to serve with us for a definite period. A blue-print is being prepared to develop national and regional hospitals and in this way make available to everyone the best possible medical care.

We are now in the fourth year of our Five-Year Development Plan (1971-1975). The capital investment in the Health Sector of the Plan has been revised upwards during the Mid-Term Review and is now expected to cost M$226.79 million. This involves the implementation of no less than 1,800 projects covering Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. Up to July 1974, some 847 projects have been completed and commissioned, 313 projects are under construction, 118 projects have gone out on tender and 534 projects are in various stages of planning.

Ladies and Gentlemen.

One aspect of this Congress that gives me personal satisfaction is the fact that you have established the Tun (Dr) Ismail Oration in memory of my former colleague and friend who had done so much for this country. The late Tun Dr Ismail had always kept a lively interest in the medical profession and had always stood up for it in our Cabinet deliberations. It was at his insistence that the Garlick and Webb Report was produced. I am indeed happy that the first Oration will be delivered by a no less distinguished personality than our Lord President, Tan Sri Mohd. Suffian, who was a close friend of the late Tun Dr Ismail and is very knowledgeable in all wordly matters.

I am very happy to note the rapid progress in the field of post-graduate studies for which much credit is due to the various Colleges (some of which are only recently established) in co-operation with your Academy. In this way, we have been able to short-circuit the process of training for our specialists. Dr Sreenevasan rightly observed that there is increasing demand for Specialist services, not particularly because our society has become more affluent, but because I feel our people are entitled to such services.

Mention was also made just now about granting a Royal Charter for the Academy. I shall certainly give thought to this and perhaps at the appropriate time your wishes will be fulfilled.

I would also like to associate myself with you all in congratulating the newly inducted honorary members, particularly Dr Syed Mohamad. He has served the cause of higher education and medicine, besides taking an active part in the industrial development of the country.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

It is with great pleasure that I now declare open the Ninth Malaysia-Singapore Congress of Medicine and I wish you success in your deliberations.

ADDRESS BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING OF THE FINANCIAL TIMES CONFERENCE ON SOUTHEAST ASIA'S RESOURCES AND THE WORLD ECONOMY AT HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR ON 17TH SEPTEMBER, 1974

Mr Chairman, Excellencies, Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I am very happy to be invited to open this Financial Times Conference on Southeast Asia's Resources and the World Economy. It is gratifying to us in Malaysia that the Financial Times in association with MAS and the British Airways, have been able to organise this Conference here in Kuala Lumpur.

The importance of this Conference and the wide interest it has stimulated is reflected in the large gathering here today of business heads and executives, industrialists, financiers, news writers and journalists as well as officials from Government bodies. I would like to extend to you all our guests a warm welcome and to wish you a pleasant and fruitful stay in Kuala Lumpur. I do hope you will also have the opportunity of visiting other parts of Malaysia while you are here so as to enable you to get to know more of our country and our people.

I would also like to congratulate the Financial Times for successfully enlisting the participation of so many distinguished gentlemen to address this Conference on subjects of crucial importance to all of us.

Indeed, in my view, this Conference is most timely. The rising expectations of people everywhere for higher living standards have brought into sharp focus the importance of the world's natural resources. The effects we are now experiencing of relative shortages in a variety of raw materials, agricultural commodities and mineral products only serve to emphasise not only the vital importance of these resources but also their planned and orderly development for the progress and happiness of mankind.

In these circumstances, the contributions to world economic development of the less developed countries with abundant

natural resources can be substantial. Among such countries, Southeast Asia is in a specially good position to play a constructive role. In fact, we are in a unique position to do so, given the size and range of our natural resources and our strategic location.

It should be made clear, however, that the terms on which we will make our contributions will have to undergo substantial modifications. Our endowments have for centuries attracted the interest of the rest of the world and have resulted in most of us being merely producers of primary commodities and largely export-oriented economies. For the most part, however, our people have not shared adequately or equitably in the benefits derived from these relationships. Therefore, the desire of our people to participate more fully in the opportunities of economic development made it necessary for the arrangements of the past to be modified ; firstly, to reflect the unique contributions each of us can make to orderly development; and secondly, to reflect more equitably the responsibilities and rewards of our inter-dependent world economic system.

Ladies and Gentlemen.

We are moving from an age of relative resource abundance to an era of relative resource scarcity. Scarcity, whether absolute or relative, breeds conflict. In the interest of equity and stability in the context of an expanding world economy, we must minimise all sources of conflict and maximise our potential for durable accomodation and co-operation.

Malaysia is prepared to play her part. We recognise that our own advancement is dependent on the markets, technology and products that the consuming countries of our natural resources have to offer. At the same time, we expect that other countries will also recognise our legitimate national interest in controlling our own resources and in obtaining a fair share of the economic and social benefits from the development of these resources.

I must stress that we in Malaysia believe in economic Nationalism in guiding the exploitation of our natural resources in such a way that our people and our country will obtain the greatest benefit. We believe that private enterprise, whether domestic or foreign, has an important role to play in our development. Our objective is to bring about an effective and equitable mixture of domestic and foreign enterprise on the one hand, and private and

public enterprise on the other, so that our national interest can be advanced to the context of an expanding, stable and equitable world economic order.

These very principles find expression in our national policy for the development of our infant but rapidly growing petroleum industry. With the oil and natural gas which have already been found, the extent of our energy resources within Malaysia's Continental Shelf is only just beginning to be fully known. We are fully committed to the exploration and development of these resources so as to be able to satisfy our domestic needs as well as expand our exports. And we are fully committed to ensure that productivity is progressively increased so that our output is sold at competitive prices. At the same time, we want to ensure that Malaysians themselves benefit equitably from the development of these vital resources.

To this end, the Malaysian Government, through PETRONAS —the National Petroleum Corporation, will seek majority ownership and control of all petroleum projects and participate actively with the private sector, whether local or foreign, in these projects on a joint-venture basis. It is no longer compatible with our National policy to allow foreign domination of this important industry. It is our National policy that we should exploit our own resources ourselves. We therefore appreciate the readiness with which a number of multi-national oil companies have already entered into production-sharing agreements with us. I am confident that on such a basis, we will be able to explore and to develop this vitally important resource for the world in a mutually beneficial way.

The Malaysian Government, through PETRONAS, will also work to ensure that the downstream activities associated with energy production in the country will similarly be located in Malaysia itself, as far as it is economically feasible. The size and quality of our resources make such a course of action feasible in a number of cases. We therefore intend to develop these opportunities to the best of our ability. We believe that this will not only be in the interest of our own socio-economic advancement but also insofar as it contributes to an international division of labour which is in line with our comparative advantages in production, it will also be in the interest of greater efficiency in the world economy as a whole. Here again, it is refreshing to see the interest shown

by several multi-national companies in this approach. We welcome this development and agree to commit ourselves to constructive participation on a joint-venture basis.

The opportunities for fruitful Collaboration are not only limited to the development of our energy resources. They also exist with Malaysia's other abundant natural resources—in rubber and woodbased products, in palm oil, tin as well as in livestock and fish products. Many of these opportunities are already being constructively developed with the participation of foreign enterprise. The potential is significant for even greater development. We have the resources, the people and a thriving domestic business sector. You from the developed industrialised countries have the technology and the capital goods. We could not therefore ask for a better basis for constructive collaboration.

Mr Chairman, Ladies and Gentlemen.

In Malaysia, as you know, we are in the process of implementing our New Economic Policy which aims at ensuring that our economy will continue to expand—but with fair distribution of the benefits of this growth to all our people. In other words, we seek economic growth not for the sake of growth alone but as a means for greater employment, for a fair stake for all in prosperity and the good life. Our resources will be fully developed for this purpose. And in doing so, we shall also want to ensure that sufficient attention is paid to the requirements of efficient resource management so that the fruits of the earth, the fresh air and the water that we enjoy today can also be the inheritance of future generations.

I would suggest that investors bear these social objectives in mind in the planning and execution of their programmes and projects and especially in their negotiations with Government. It is becoming increasingly important that they should take a long-term view of things so that a mutually acceptable relationship between investors and the host country will ensure the accommodation of legitimate interests—theirs and ours.

With these considerations in mind, it may therefore be useful to consider the need for this Conference to initiate the preparation of a concrete set of guidelines for businessman in undertaking new ventures or expanding existing business activities not only in Malaysia but, if I may suggest, in this region as well. There

must be a new order governing the relations between investors and the host countries. The crux of this new relationship, regardless of whether the investor is foreign or domestic, is that this investment must be mutually beneficial to both the entrepreneur and the host country. This is the only basis for a valuable, long-term and harmonious partnership in the development of this region.

Mr Chairman, Ladies and Gentlemen.

The Southeast Asian region, as an integral part of the whole Pacific Basin, offers perhaps the best promise—certainly some of the best prospects—for economic growth in the decades ahead.

The basis for wider political stability is being progressively strengthened. The trend towards viable regionalism is gathering momentum as is evident in the activities of the Association of Southeast Asian Nations—ASEAN—and other regional economic organisations. I am confident that these efforts will go a long way towards supplementing our own national efforts in bringing about greater economic and social progress as well as political stability in the region.

The basis for harmony in Southeast Asia's relationships with the industrial world is also favourable. Our relations have been generally satisfactory and in most cases have been of a relaxed nature. The extremes of economic exploitation have not been felt too strongly in this area.

We thus have an enduring basis not only for accelerated economic and social development in the region but also for constructive participation with the industrial world as equal partners in development. Your participation at this Conference is testimony that you, too, share this underlying confidence and faith in the development of this region.

It is therefore with great pride and pleasure that I declare this Conference open. I wish you all success in your deliberations.

Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein sedang menyampaikan hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran Tentera pada 28hb September, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR 6:9:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DI STADIUM ANGKATAN TENTERA, JALAN PADANG TEMBAK PADA 28HB SEPTEMBER, 1974

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Jenderal Tan Sri Ibrahim, Ketua Turus Angkatan Tentera, Y.B. Menteri-menteri, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran Angkatan Tentera, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat sekali lagi menghadiri majlis penutup dan penyampaian hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji yang dikelolakan oleh Angkatan Tentera Malaysia pada malam ini. Oleh itu, sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan tahniah kepada Yang Berbahagia Jenderal Tan Sri Ibrahim dan juga Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Pertandingan ini di atas usaha mereka untuk menjayakan sekali lagi Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran ini.

Saudara-saudara sekalian.

Malam ini ialah Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji yang kedua puluh empat yang dikelolakan pada tiap-tiap tahun oleh Angkatan Tentera kita. Kita semua bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa pertandingan ini adalah dijalankan dengan lebih sempurna dan bertambah meriah dari setahun ke setahun. Seperti yang telah diterangkan oleh Jenderal Tan Sri Ibrahim dan juga oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan ini bahawa tujuan mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji ini bukanlah semata-mata untuk hendak memuliakan bulan Ramadan dengan suasana yang meriah akan tetapi lebih penting lagi ialah bertujuan untuk menggalakkan umat Islam khasnya anggota-anggota tentera membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan memahami isi kandungannya serta hikmat-hikmat yang ada di sebalik ayat-ayat suci itu. Dengan cara yang demikian, bukan saja kita dapat

menjalankan hukum-hukum Allah dengan keadaan yang lebih sempurna bahkan kita dapat mengeratkan lagi silaturahim dan persefahaman di kalangan umat Islam khasnya anggota-anggota tentera di semua peringkat yang berugama Islam.

Saudara-saudara sekalian.

Usaha Kerajaan kita mengadakan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran tiap-tiap bulan Ramadan di semua peringkat—peringkat kampung, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa—ialah bertujuan hendak meninggikan lagi syiar Islam di negara kita. Begitu juga dengan kita menggalakkan umat Islam membaca dan memahami Kitab Suci Al-Quran itu, adalah sejajar dengan dasar Kerajaan kita hendak menguatkan ajaran-ajaran di lapangan rohaniah sambil kita menggalakkan usaha-usaha di lapangan kebendaan bagi semua rakyat Malaysia supaya menjadi rakyat yang maju dan bahagia serta rakyat yang taat kepada Tuhan.

Saudara-saudara sekalian.

Upacara pada malam ini adalah mempunyai makna yang istimewa kepada saya sendiri kerana setelah meninggalkan Kementerian ini selama hanya tiga belas bulan, saya telah balik memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan. Saya bersyukur dengan perubahan ini kerana ini adalah memberi saya peluang sekali lagi berdamping rapat dengan anggota-anggota tentera di semua peringkat.

Kita semua bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa keadaan keselamatan di negara kita adalah terkawal. Ini disebabkan oleh ketabahan dan keberanian anggota-anggota tentera dan juga pasukan keselamatan negara kita yang telah dan sedang menjalankan tugas mereka itu dengan jujur dan penuh dedikasi. Pada upacara yang bahagia ini, marilah kita bersama-sama mengingatkan mereka-mereka yang telah gugur kerana mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara kita dan bersama-sama berdoa mudah-mudahan Allah mencucurkan rahmat ke atas roh mereka itu. Begitu juga pada bulan yang mulia ini, dan tidak berapa lama lagi pada masa kita bersukaria menyambut Hari Raya Aidilfitri, patut juga kita mengingati anggota-anggota tentera kita yang terpaksa bertugas di pendalaman dan di hutan rimba sempadan antara negara kita dengan Thailand dan juga di Sabah dan Sarawak. Mereka tidak dapat bersama dengan kita dan khasnya

dengan anak isteri mereka dalam bulan yang mulia ini dalam suasana yang meriah itu.

Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan bukan saja menghargai perkhidmatan dan pengorbanan mereka itu bahkan sentiasa mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menjaga kepentingan mereka dan juga anak isteri mereka.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana kita maklum, Kerajaan sedang menjalankan berbagai usaha untuk kebajikan anggota-anggota tentera dan keluarga mereka supaya seluruh anggota tentera terutamanya mereka dari peringkat rendah dapat menumpukan sepenuh masa menjalankan tugas dan kewajipan tanpa diganggu oleh masaalah keluarga dan sebagainya. Kerajaan sedar hari ini masaalah perumahan angkatan tentera semakin bertambah rumit dengan bertambahnya kekuatan anggota angkatan tentera dalam beberapa tahun ini.

Bagi mengatasi masaalah ini, Kerajaan telahpun menyediakan peruntukan sebanyak $460 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk melaksanakan rancangan perumahan bagi anggota tentera. Setakat ini sebanyak lebih 5,500 yunit rumah kelamin telah dapat disiapkan sementara hampir 8,000 yunit lagi akan disiapkan pada akhir tahun ini. Kerajaan berharap akan dapat mendirikan 15,000 yunit lagi dalam tahun 1975. Dengan pembinaan rumah-rumah baru ini maka sebahagian besar daripada keperluan perumahan anggota tentera akan dapat diselesaikan menjelang akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Begitu juga dua hari dulu pada masa lawatan saya yang pertama kali ke Kementerian Pertahanan selepas penubuhan Kerajaan Baru dan selepas saya mengambil alih Kementerian ini, saya telah memberi arahan supaya dijalankan satu rancangan khas bagi mendirikan rumah-rumah dengan cara segera atau "crash programme" bagi anggota-anggota tentera yang berpangkat rendah atau "rank and file" di bandar-bandar besar khasnya di Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Baharu di mana keadaan perumahan adalah mendesak. Begitu juga kita akan mengadakan kemudahan-kemudahan perumahan yang sama kepada anggota-anggota Polis kerana mereka pun sama berjasa dan berbakti kepada bangsa dan negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi perkara yang menjadi kesulitan kepada anggota pasukan keselamatan yang terpaksa bergerak atau berpindah dari tempat ke setempat dalam menjalankan tugas mereka ialah soal persekolahan anak-anak. Kadang kala oleh kerana kerap sangat berpindah maka pelajaran anak-anak itu tergendala yang sudah tentu akan mengakibatkan masa depan mereka. Keadaan ini tidak dapat tiada mengganggu fikiran anggota-anggota pasukan keselamatan dan sedikit sebanyaknya melemahkan kecekapan mereka menjalankan tugas sehari-hari.

Kerajaan sangat memandang berat atas masaalah ini dan untuk mengatasinya Kerajaan bercadang mengadakan kemudahan asrama bagi anak-anak anggota pasukan keselamatan. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat, berdasarkan kepada keperluan serta sambutan yang diterima. Sebagai permulaan sebuah asrama lelaki dan sebuah asrama perempuan akan dibina di tiap-tiap pusat iaitu di Alor Star, Ipoh, Johor Baharu dan Kuantan. Asrama-asrama ini dikhaskan untuk penuntut-penuntut sekolah menengah dan tiap sebuah mempunyai kemudahan untuk menempatkan seramai 300 penuntut. Kita akan merancang kemudahan yang sama di pusat-pusat yang lain sehingga semua keperluan dapat dipenuhi. Saya harap projek ini akan mendapat sambutan baik dari kalangan anggota pasukan keselamatan dan saya percaya dengan kemudahan ini anak-anak mereka akan mencapai kemajuan yang lebih dalam pelajaran mereka.

Saudara-saudara sekalian.

Adalah menjadi harapan saya dengan sistem pelajaran yang teratur dan sempurna sejajar dengan hasrat dan semangat dasar pelajaran kebangsaan, kita akan dapat mendidik dan melatih jenerasi baru kita menjadi rakyat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih. Dengan tujuan itulah saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran yang baru, Dr Mahathir untuk menyemak dan meneliti perkara ini. Saya penuh yakin dengan kerjasama ibu bapa dan pemimpin-pemimpin semua kaum, dalam masa jangka yang tidak lama, Malaysia akan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang kuat, progresif, bersatupadu dan berdisiplin yang akan membawa negara ke arah kemajuan yang lebih tinggi serta keamanan dan kebahagiaan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan kerana dalam pilihanraya umum baru-baru ini, Kerajaan yang saya pimpin telah mendapat mandat yang begitu besar daripada rakyat. Mandat yang besar ini adalah memberi tanggungan yang berat pula kepada saya dan rakan-rakan saya berkhidmat bagi melaksanakan cita-cita dan hasrat rakyat, akan tetapi saya suka menegaskan iaitu kami adalah berazam untuk bekerja dengan jujur dan dedikasi untuk melaksanakan janji-janji kami dalam pilihanraya yang baru lalu dan juga untuk membawa negara kita ke tingkatan kemajuan yang lebih luas dan lebih sempurna lagi. Saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, Kerajaan Barisan Nasional akan dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan berkesan dengan kerjasama yang penuh daripada rakyat daripada semua lapisan dan golongan. Begitu juga, saya berharap dan berseru kepada anggota-anggota tentera kita khasnya dan anggota-anggota pasukan keselamatan supaya terus berkhidmat untuk menghapuskan musuh-musuh negara dan juga anasir-anasir anti-nasional yang masih lagi ada di kalangan masyarakat kita yang bertujuan hendak memecahbelahkan rakyat dan menimbulkan huru hara di negara kita. Kita semua faham dan mengetahui bahawa hanyalah dengan terjaminnya keamanan dan ketenteraman barulah dapat rakyat menikmati kemajuan-kemajuan dan juga kemakmuran yang mereka cita-citakan itu. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menumpukan usaha dan tenaga kita bagi memulihkan keamanan untuk mengekalkan perpaduan di kalangan rakyat supaya kita dapat menjaminkan masa depan yang cemerlang bagi kita dan anak cucu kita.

Sekianlah sahaja pesanan saya yang ringkas dan saya dengan amat sukacitanya menutup dengan rasminya Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji Angkatan Tentera Malaysia yang kedua puluh empat ini dengan harapan mudah-mudahan kita akan dapat berjumpa lagi pada tahun hadapan dalam pertandingan yang sama bagi yang kedua puluh lima. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan segala usaha-usaha kita sentiasa diberkati olehNya.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TR 1:10:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PEMBUKAAN PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN 1394/1974 DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR PADA 2HB OKTOBER, 1974

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Pertandingan Membaca Al-Quran Tahun 1974, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif kenamaan, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita dapat mengadakan sekali lagi Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi kali yang keenam belas dan juga pada Peringkat Antarabangsa. Kita sama-sama bersyukur kerana dalam Majlis Pertandingan tahun ini kita dapat berhimpun dalam suasana yang lebih meriah dan menggembirakan kerana hari ini ternyata adanya perasaan muhibbah yang lebih erat di kalangan umat Islam baik di dalam ataupun di luar negeri.

Kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini membuktikan bahawa perpaduan di antara umat Islam di negara ini telah dapat dicapai, bahkan lebih daripada itu, perpaduan antara rakyat berbagai kaum dan ugama juga telah dapat dipertahankan dan dipereratkan. Kita sedia maklum, kemenangan Mesir dalam peperangan dengan Israel di Sinai pada bulan Ramadan tahun lalu telah membangkitkan semangat perpaduan umat Islam sedunia. Ini telah dibuktikan dengan jelas semasa Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Lahore awal tahun ini yang berikut pula dengan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam yang berlangsung di Kuala Lumpur bulan Jun atau Jamadilakhir yang lalu. Persidangan tersebut merupakan penghormatan yang tinggi kepada negara kita daripada tiga puluh tujuh buah negara Islam yang menghadiri Persidangan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Suasana yang menggembirakan hati sekalian umat Islam seperti yang kita alami di sepanjang tahun ini adalah berkat dari perpaduan umat Islam yang berpegang teguh dengan ajaran Kitab

Suci Al-Quran. Oleh yang demikian, amatlah tepat tema yang dipilih untuk Pertandingan Membaca Al-Quran pada tahun ini iaitu "Akhlak Asas Perpaduan". Kita percaya bahawa dengan akhlak yang tinggi sahajalah akan dapat dicapai perpaduan yang sebenarnya di kalangan umat manusia yang terdiri dari berbagai kaum, bangsa dan keturunan kerana Al-Quran menunjukkan ajaran akhlak yang tinggi itu akan mengatasi perbezaan-perbezaan suku kaum dan bangsa seperti perbezaan warna kulit dan lain-lain.

Sesungguhnya ajaran akhlak yang dibawa oleh Al-Quran menjadikan sekalian manusia bersaudara yang hidup saling menghormati dan kasih mengasihi di antara satu sama lain. Ajaran Islam bukanlah semata-mata teori di dalam impian, tetapi adalah suatu ajaran yang ideal lagi praktikal dan sesuai untuk segala tempat, suasana dan zaman.

Pada zaman permulaan Islam, Nabi Muhammad s.a.w. telah dapat menyatupadukan berbagai suku yang saling bermusuhan dan bertentangan apabila Baginda membentuk sebuah masyarakat baru dan menegakkan negara Islam di Madinah. Baginda telah berjaya bukan saja mempersaudarakan orang Mekah dengan orang Madinah yang berugama Islam, bahkan beliau berjaya memberhentikan permusuhan dan peperangan di antara suku Aus dan Khazraj dari penduduk Madinah itu yang telah berperang beratus-ratus tahun lamanya dan mengorbankan jiwa dan harta benda yang banyak. Dengan berpegang kepada Al-Quran dan ajaran-ajaran Islam, mereka menjadi bersaudara dan bersatu hingga menjadi satu bangsa yang kuat serta dihormati oleh bangsa-bangsa Parsi dan Romawi yang lebih besar dari mereka pada zaman itu.

Allah Subhanahuwataala berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud:

> "Dan berpegang teguhlah kamu semuanya dengan tali (ugama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulunya (zaman Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah menjinakkan di antara hatimu lalu menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang yang bersaudara . . . . . .".

Sesungguhnya apa yang telah diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam pemerintahan beliau di Madinah selama kira-kira sepuluh tahun telah dapat diikuti oleh umat Islam selepas beliau

dalam Kerajaan-kerajaan Islam yang silih berganti selama kira-kira 645 tahun yang berakhir dengan kejatuhan pemerintahan Kerajaan Abbasiah di Baghdad di tangan bangsa Monggol pada tahun 656 Hijrah!

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Semenjak kejatuhan Pemerintahan Baghdad kira-kira lebih dari 700 tahun yang lalu, beberapa Kerajaan Islam yang kecil-kecil telah cuba bangun termasuk beberapa Kerajaan Islam di Gugusan Pulau-pulau Melayu. Tetapi semuanya telah runtuh dan tinggal namanya saja yang tersurat dalam lipatan sejarah. Ini termasuklah Empayar Othmaniah Turki yang pernah memerintah sampai ke sebahagian benua Eropah pada kurun kelapan belas.

Jika kita kaji faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhan Kerajaan-kerajaan Islam itu maka nyatalah sebab-sebab yang terpenting ialah kerana rosaknya akhlak di kalangan umat Islam iaitu di kalangan para pemimpin negara, ketua-ketua tentera dan di kalangan rakyat jelata amnya. Di kalangan para pemimpin, mereka telah lupa daratan dan hidup senang lenang dengan segala kemewahan dan kekayaan hingga melupakan tanggungjawab kepada negara, ugama dan rakyat.

Di kalangan ketua-ketua tentera pula mereka berebutan kuasa dan berperang sesama sendiri bagi menyokong seorang Ketua yang boleh mereka jadikan sebagai alat bagi kepentingan mereka. Manakala di kalangan rakyat terjadilah puak-puak dan komplot-komplot yang saling bertentangan dalam keadaan negara yang kucar-kacir dan pemerintahan yang terpesong dari ajaran Al-Quran. Mereka melakukan segala macam perbuatan keji dan mungkar yang meruntuhkan akhlak dan membawa kepada keruntuhan negara dan kemunduran umat Islam.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Alhamdulillah, pada hari ini umat Islam telah pulih daripada kelemahan dan kelumpuhannya. Mereka telah bangun sebagai umat yang merdeka. Negara kita adalah sebuah negara Islam yang bersama-sama sedang membangun dengan negara-negara Islam yang lain untuk membina sebuah masyarakat yang kukuh dan bersatupadu. Seperti kita sedia maklum, hari ini kita sedang giat membangun dalam segala bidang khasnya di bidang ekonomi dan sosial dengan tujuan memberikan rakyat taraf hidup yang

lebih baik dan kehidupan yang lebih sempurna. Usaha-usaha pembangunan yang kita jalankan itu bukanlah semata-mata ditumpukan pada aspek material atau kebendaan sahaja, bahkan sama-sama menitikberatkan aspek-aspek kerohanian, moral atau akhlak.

Kita tahu pembangunan yang ditumpukan kepada aspek material semata-mata akan melahirkan masyarakat yang memandang hidup ini dari segi dunia semata-mata dan perkara ini akan mengulangi sejarah kejatuhan Kerajaan-kerajaan Islam seperti yang saya katakan sebentar tadi.

Hal ini telah diperingatkan Allah dalam Al-Quran yang bermaksud "Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri maka Kami perintahkan umat negeri itu supaya hidup mewah; kemudian mereka itu akan melakukan kedurhakaan dalam negeri itu. Maka sudah sewajarnya berlaku terhadap mereka itu ketentuan Kami. Kemudian Kami hancurkan sehancur-hancurnya".

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sayugia juga saya tegaskan bahawa usaha-usaha ke arah pembangunan rohaniah dan moral ini bukanlah suatu tugas yang ringan yang dapat dipikul oleh satu-satu golongan sahaja bahkan adalah tugas yang mesti dipikul bersama oleh Kerajaan dan rakyat lebih-lebih lagi rakyat yang berugama Islam yang berpegang kepada ajaran Al-Quran yang maha suci. Saya percaya berkat perpaduan umat Islam di tanahair kita seperti yang ada sekarang, usaha-usaha bagi melaksanakan ajaran Al-Quran membentuk akhlak perseorangan dan masyarakat di negara kita akan dapat dijalankan dengan lebih pesat lagi. Saya menyeru kepada cerdik pandai Islam supaya tampil ke hadapan memainkan peranan mereka supaya menolong Kerajaan dalam usaha mencapai cita-cita yang suci ini.

Saya sukalah menegaskan bahawa hari ini bukanlah lagi masanya untuk kita banyak bercakap tetapi masa untuk bekerja dan bertindak. Kita telah mempelajari dari masa yang lalu bahawa cakap-cakap dan teori yang terlalu banyak tidak memberi pertolongan ke arah mencapai sesuatu cita-cita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Berbalik semula kepada Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini, saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan

tahniah kepada Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan dan sekalian Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah berusaha bersungguh-sungguh menjayakan Pertandingan pada kali ini. Kita dapat merasakan suasana yang meriah malam ini walaupun keadaan tempatnya kurang memuaskan kerana kerja-kerja membaiki Stadium ini masih belum selesai. Tahun ini bilangan qari dan qariah yang bertanding di peringkat Kebangsaan telah bertambah dengan kemasukan wakil-wakil dari Wilayah Persekutuan yang buat pertama kalinya telah menghantar wakil-wakilnya.

Saya percaya dengan bertambahnya bilangan peserta, pertandingan ini akan lebih rancak dan lebih bersemangat berbanding dengan pertandingan-pertandingan dahulu. Mudah-mudahan semangat ke arah amalan membaca Al-Quran ini bukan sahaja akan mendorongkan umat Islam di negeri ini membaiki lagi mutu bacaannya bahkan seterusnya menambahkan semangat umat Islam untuk menjalankan hukum-hukum dan kehendak-kehendak Allah seperti yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sebagai mengakhiri ucapan saya sukalah mengucapkan tahniah terlebih dahulu kepada calun-calun yang menyertai Peringkat Kebangsaan pada malam ini dan seterusnya mewakili negara kita pada Peringkat Antarabangsa yang akan bermula pada 21hb Ramadan kelak.

Saya berdoa mudah-mudahan Majlis Pertandingan ini dilimpahi Allah Subhanahuwataala dengan taufik dan hidayah serta keberkatan dari Kitab Suci Al-Quran yang menjadi panduan bagi segala umat manusia.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya sukacita merasmikan pembukaan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran bagi tahun 1394 ini.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN TAHUN 1974 DI STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR PADA 7HB OKTOBER, 1974

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik, bagi pihak para hadirin dan seluruh rakyat Tuanku, menjunjung kasih yang tidak terhingga terhadap Kebawah Duli Tuanku berdua kerana sudi mencemar Duli berangkat hadir di Majlis Penutup Pertandingan Membaca Al-Quran pada malam ini.

Sesungguhnya patik-patik sekalian dan seluruh rakyat Kebawah Duli Tuanku merasa amat bertuah oleh kerana Kebawah Duli Tuanku perkenan berangkat mengisytiharkan pembukaan Majlis Pertandingan Peringkat Antarabangsa tiga malam yang lalu. Keberangkatan Tuanku berdua di Majlis Penutup malam ini sangatlah besar maknanya serta menambahkan serinya peristiwa yang penting ini.

Ampun Tuanku.

Sekarang izinkanlah pula patik berucap sepatah dua kata kepada para hadirin di Majlis ini.

Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Quran, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif kenamaan, Saudara-saudara sekalian.

Saya merasa gembira kerana dengan izin Allah, Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa telah selesai dengan selamat dan sempurna.

Selama lima malam berturut-turut, rakyat yang berhimpun di sini dan mereka yang mengikutinya melalui peti talivisyen atau radio masing-masing bukan saja di tanahair kita bahkan di negara-negara jiran telah mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang diberi pula tafsirannya dalam bahasa Malaysia. Inilah satu

usaha yang patut dipuji terutama sebagai langkah memesrakan orang ramai dengan Al-Quran sambil menyelam mutiara pengetahuan yang terkandung di dalamnya dan hikmat yang ada di sebaliknya.

Sukalah saya di sini menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Pertandingan di bawah ketuaan Y.B. Tan Sri Syed Nasir dan juga kepada semua mereka yang telah memberikan sumbangan untuk menjayakan Majlis Pertandingan Al-Quran tahun ini. Khidmat dan kerjasama mereka yang ikhlas itu tidak ternilai harganya dan hanya Allah jua yang akan membalasnya.

Begitu juga saya suka mengambil kesempatan ini terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang dalam Pertandingan tahun ini pada kedua-dua Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana di masa-masa yang lalu, kejayaan Pertandingan tahun ini sedikit sebanyaknya bergantung kepada bantuan dan kerjasama negara-negara sahabat yang telah mengirimkan para hakim yang pakar dalam semua aspek pembacaan Al-Quran. Taraf penghakiman yang tinggi setiap tahun telah menaikkan tingkat pembacaan para Qari dan Qariah kita. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Kerajaan-kerajaan negara sahabat yang telah sudi memberikan bantuan tenaga pakar yang sangat dihargai perkhidmatannya itu.

Begitu juga saya mengucapkan terimakasih kepada negara-negara Islam yang telah menghantar peserta-peserta ke Pertandingan tahun ini demi untuk kemegahan dan kemuliaan ugama Islam. Saya sukacita juga menyatakan bahawa seperti pada tahun-tahun sudah, Pertandingan tahun ini telah disiarkan secara langsung ke negara Kuwait dengan permintaan sendiri oleh D.Y.M.M. Sheikh Kuwait. Saya sangatlah menghargai kerajasama Duli Yang Maha Mulia itu.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang kita sedia maklum, peserta-peserta bagi kedua-dua Pertandingan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun ini adalah bertambah daripada bilangan peserta tahun yang lalu. Ini membuktikan bahawa tradisi Pertandingan Membaca Al-Quran

yang kita anjurkan semenjak beberapa tahun yang lalu sempena menyambut bulan Ramadan yang berkat ini merupakan satu tradisi yang baik untuk memupuk persaudaraan dan mempererat-kan perhubungan di kalangan umat Islam dari negara-negara yang menyertai Pertandingan ini. Lebih-lebih lagi pada tahun ini, kita dapat menyiarkan secara langsung segala acara-acara Pertandingan ini ke beberapa buah negara melalui setelit bumi kita di Kuantan. Dengan ini kita telah dapat menggunakan kemudahan sains dan teknoloji dalam usaha menyebarkan semangat dan ajaran Al-Quran yang maha suci.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya tegaskan ketika merasmikan Pertandingan Peringkat Kebangsaan pada malam 17 Ramadan yang lalu, bahawa keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam dari semua peringkat dan golongan adalah merupakan faktur terpenting yang membawa kepada keruntuhan Kerajaan-kerajaan Islam pada masa yang silam, dan keruntuhan akhlak adalah berpunca dari penye-lewengan umat Islam daripada ajaran yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi berseru pada sekalian umat Islam dari segala golongan dan peringkat agar berakhlak dengan akhlak mulia yang dibawa oleh Al-Quran kerana Al-Quran tidak pernah membezakan di antara satu golongan dengan yang lain atau di antara satu keturunan dengan yang lain.

Sesungguhnya inilah yang menjadi tanggungjawab yang kita mesti pikul bersama dan tiap-tiap orang adalah bertanggungjawab di sisi Allah s.w.t. Besar dan kecil atau banyak dan sedikit tanggungjawab seseorang itu adalah bergantung kepada kedudukan dan peranannya dalam hidup ini, seperti yang ditegaskan oleh sebuah hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud demikian:

> "Setiap kamu adalah pengembala, dan setiap kamu akan disoal tentang pengembalaannya—Ketua Negara adalah seorang pengembala, dia akan disoal tentang pengembalaannya—seorang lelaki adalah pengembala terhadap keluarganya, ia akan disoal tentang pengembalaannya— seorang wanita adalah pengembala dalam rumahtangga suaminya, dia akan disoal tentang pengem-balaannya itu."

Saudara-saudara sekalian.

Menyentuh soal akhlak, sayugialah disebutkan bahawa untuk membentuk anggota masyarakat yang berakhlak bukanlah satu kerja yang senang. Kita bukan sahaja perlu memperkuat didikan dan pelajaran-pelajaran ugama di kalangan umat Islam, akan tetapi usaha-usaha penyerapan akhlak itu mestilah diwujudkan melalui berbagai langkah yang boleh menggalakkan seseorang itu berakhlak mulia. Usaha memberikan penilaian akhlak dalam menentukan kejayaan atau pencapaian seseorang boleh dijadikan peraturan dalam kenaikan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan, pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar, pemilihan calun-calun guru dan pengambilan pegawai-pegawai Kerajaan.

Saya yakin jika kita amalkan usaha-usaha seperti ini, tidaklah berlaku keruntuhan akhlak di kalangan umat Islam di Negara ini, khasnya di peringkat mereka yang berpelajaran tinggi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara yang sedang berjalan pesat sekarang.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini dan berharap agar segala acara sambutan yang dijalankan selama kira-kira limabelas tahun itu dapat sentiasa dikaji dan diperbaiki dari semasa ke semasa supaya mana-mana acara yang tidak sesuai dengan jiwa dan semangat ketinggian Al-Quran eloklah ditinggalkan demi memelihara dan mempertahankan kesucian Majlis Membaca Al-Quran ini.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik, bagi pihak Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca Al-Quran tahun ini, dengan segala hormat takzim memohon ampun sudi apalah jua kiranya Kebawah Duli Tuanku berkenan untuk menyampaikan hadiah kepada pacal-pacal yang telah berjaya dalam Pertandingan Membaca Al-Quran bagi kedua-dua Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Ampun Tuanku.

TR 3:10:74

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI UNTUK SIARAN MELALUI RADIO/TV MALAYSIA PADA 16HB OKTOBER, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saudara-saudara kaum Muslimin sekalian.

Hari besok sekalian kita umat Islam menyambut Hari Raya Puasa. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu-wataala kerana dengan limpah kurniaNya kita bersama-sama dapat menyambut Aidilfitri yang mulia ini dalam suasana aman damai dan selamat sejahtera.

Setelah selesai menunaikan fardhu puasa selama sebulan, seluruh umat Islam di mana-mana jua mereka berada menyambut ketibaan Aidilfitri dengan penuh tawadduk mengucapkan takbir kepada Allah Yang Maha Kuasa. Bagi kita di Malaysia, Hari Raya tahun ini sangatlah besar maknanya iaitu berikutan dengan kemenangan Parti Barisan Nasional dalam pilihanraya yang baru lalu. Kita bukan saja berjaya menempuh ujian politik bahkan dengan izin Allah berjaya menempuh ujian rohani dan jasmani sepertimana yang dikehendaki oleh Ugama Islam.

Saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan terimakasih kepada rakyat sekalian yang telah memberi kepercayaan mereka kepada Parti Barisan Nasional dan memberikan saya mandat baru untuk memimpin negara. Saya yakin dan percaya dengan kerjasama dan sokongan semua pihak kita akan dapat membawa negara kita dan rakyatnya kepada tingkatan kemajuan yang lebih tinggi dan luas dalam semua bidang. Kerajaan menjunjung tinggi kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat dan akan melaksana-kan hasrat dan cita-cita rakyat dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Tahun ini, dengan berkat kerjasama tiga negara iaitu Indonesia, Singapura dan kita sendiri, rakyat di ketiga-tiga negara ini menyambut Hari Raya serentak. Persefahaman yang dicapai itu amatlah menggalakkan dan menunjukkan betapa besar faedahnya jika diselaraskan pelaksanaan hukum-hukum Ugama Islam di antara negara-negara jiran untuk kebaikan bersama.

Saudara-saudara sekalian.

Saya turut bersyukur oleh kerana keadaan keselamatan di negara kita hari ini tidaklah begitu membimbangkan dan kita dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan perasaan lega dan suasana yang meriah. Dalam hubungan ini, kita amatlah terhutang budi kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi. Kerajaan dan rakyat sangat menghargai khidmat bakti dan semangat kepahlawanan mereka.

Di saat kita bersukaria pada hari yang mulia ini, sudah sewajarnya kita mengenang jasa mereka itu, khasnya mereka yang telah gugur semasa mempertahankan kedaulatan negara. Marilah kita bersama-sama berdoa mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat-Nya ke atas roh mereka. Mudah-mudahan juga Allah teguhkan iman anak isteri dan keluarga mereka yang tinggal serta dimurahkan rezki agar mereka hidup dalam aman sentosa.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meringankan kesulitan yang dihadapi oleh keluarga anggota Pasukan Keselamatan terutama di peringkat rendah supaya mereka dapat menumpukan sepenuh fikiran mereka kepada tugas dan kewajipan mereka sehari-hari.

Baru-baru ini saya telah mengarahkan Kementerian Pertahanan melaksanakan rancangan kilat membina rumah kediaman untuk anggota-anggota tentera di beberapa buah bandar besar di mana masaalah perumahan semakin rumit. Kerajaan juga telah meluluskan pembinaan asrama-asrama untuk anak-anak anggota Pasukan Keselamatan di Alor Star, Ipoh, Johor Bahru dan Kuantan supaya persekolahan mereka tidak terganggu dengan pertukaran penjaga-penjaga mereka semasa menjalankan tugas, samada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak.

Saudara-saudara sekalian.

Meskipun keadaan inflasi masih berlaku, kita bersyukur dapat menyambut Hari Raya ini dalam keadaan yang sempurna. Ini adalah hasil daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan agar orang ramai mendapat barang-barang keperluan untuk menyambut Hari Besar ini. Kerajaan akan terus mengawasi keadaan ini memandang bahawa ada beberapa perayaan lagi yang akan datang sehingga sampai ke Tahun Baru China kelak. Kerajaan akan mengambil tindakan yang wajar untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan supaya meringankan bebanan

rakyat. Bagaimanapun, di pihak rakyat sendiri patutlah pula bercermat dan hanya berbelanja pada benda-benda yang mustahak sahaja sesuai dengan kehendak Nabi Besar Junjungan kita Muhammad s.a.w. agar kita sederhana dalam segala apa yang kita lakukan.

Dalam beberapa bulan ke hadapan ini, kita akan menyambut beberapa Hari Besar iaitu Deepavali, Hari Raya Haji, Chrismas dan Tahun Baru China. Saya berharap pada hari-hari raya tersebut rakyat semua kaum mengikut kelaziman dan bersama-sama menyambutnya dengan ziarah menziarahi sahabat-handai mereka. Dengan demikian, tali muhibbah antara kaum akan dipereratkan lagi dan dengan rasa persefahaman ini kita dapat mengekalkan suasana harmoni dan memupuk perpaduan nasional demi kebahagiaan kita hari ini dan jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang seringkali saya katakan, saya penuh yakin masa depan negara kita amatlah cerah sungguhpun hari ini kita terpaksa menghadapi beberapa masaalah dan cabaran hidup yang mana kita sebagai sebuah negara yang merdeka tidaklah sunyi dari-padanya. Keadaan ekonomi dunia antarabangsa turut melibatkan negara kita iaitu krisis minyak yang mengakibatkan "trade re-cession" dan juga kesan-kesan inflasi yang menyebabkan keadaan ekonomi bertambah merosot. Tak dapat tiada dalam masa satu dua tahun yang akan datang, kita akan menghadapi keadaan ekonomi yang agak genting.

Oleh yang demikian, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjaminkan iaitu akibat-akibat dari keadaan ini tidak memberi kesan yang buruk kepada negara kita. Kerajaan akan terus melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan terutama di bidang pertanian secara besar-besaran supaya dapat menambahkan pengeluaran barang-barang makanan dan juga barang-barang keperluan rakyat.

Saya berseru supaya rakyat jelata memberi kerjasama kepada Kerajaan dan berusaha mengadakan barang-barang makanan dan keperluan sendiri dengan seberapa yang boleh. Dengan berkeadaan begini, kita dapat menjamin agar ekonomi negara dan kedudukan rakyat mempunyai asas yang kukuh dan kuat dan, walau bagai-manapun keadaan ekonomi dunia, kita tidak akan terjejas.

Begitu juga, kita berharap hasil yang akan diperolehi daripada pengeluaran minyak di laut Sarawak, Sabah dan Pahang akan membuka peluang-peluang baru bagi negara dan rakyat dalam tempoh empat lima tahun yang akan datang. Ini tak dapat tiada akan memberi pertolongan besar bagi menguatkan lagi kedudukan ekonomi negara kita.

Begitu juga kita akan meneruskan pembangunan dalam lapangan perindustrian dan perladangan supaya menjaminkan peluang-peluang pekerjaan yang cukup bagi rakyat. Projek-projek besar seperti Pelabuhan Kuantan dan Limbungan Kapal Johor Baharu serta pembinaan rangkaian Lebuhraya Timur/Barat dan Kuantan/Segamat akan memesatkan lagi pembangunan negara kita. Semua ini akan memberi nikmat kepada rakyat daripada semua lapisan dan meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara. Saya harap semua pihak akan memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk melaksanakan mandat yang besar yang telah diberi oleh rakyat iaitu untuk membina masyarakat adil di negara kita dan menguatkan perpaduan di kalangan rakyat daripada semua bangsa.

Saya suka memberi jaminan bahawa Kerajaan akan bersifat adil kepada semua pihak tetapi Kerajaan adalah bertanggungjawab menjalankan tugasnya bagi kepentingan semua rakyat.

Baru-baru ini dalam masaalah pelaksanaan syor-syor kenaikan gaji Suruhanjaya Harun, ada didapati riak-riak daripada pihak pekerja hendak mendesak Kerajaan dengan cara kekerasan. Saya harap pihak pekerja sedar bahawa Kerajaan akan sentiasa bersifat adil dan tuntutan-tuntutan mereka yang munasabah akan dipertimbangkan kerana adalah menjadi dasar Kerajaan sentiasa menjaga dan mengawasi keadaan pekerja-pekerja di peringkat buruh dan yang berpendapatan rendah. Akan tetapi Kerajaan tidak akan membenarkan mana-mana pihak mengugut Kerajaan ataupun cuba hendak menimbulkan huru-hara dan kacau-bilau di negara kita. Mana-mana pihak yang cuba hendak berbuat demikian selepas Kerajaan bersifat adil, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kepentingan rakyat dan negara. Oleh itu, saya berseru kepada pekerja-pekerja dan kaki-tangan Kerajaan supaya jangan dipengaruhi oleh pihak-pihak yang suka hendak menghasut untuk menimbulkan kacau-bilau kerana Kerajaan sentiasa bersimpati dan bersifat adil terhadap pekerja-pekerja sekalian.

Kerajaan yang saya pimpin hari ini, yang mempunyai mandat yang besar dari rakyat, akan menjalankan tanggungjawabnya dengan jujur dan dedikasi dan Kerajaan tidak membenarkan mana-mana pihak yang hendak menghalang Kerajaan daripada menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama.

Saudara-saudara sekalian.

Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha dalam lapangan antara-bangsa untuk menguatkan perhubungan dan tali persahabatan dengan semua negara-negara yang suka hendak bersahabat dan bekerjasama dengan kita. Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana baru-baru ini Bank Pembangunan Islam telah dapat di-tubuhkan dan kita berharap dapat menguatkan perhubungan ekonomi dengan negara-negara Islam yang lain untuk kepentingan bersama. Begitu juga kita berharap dengan perhubungan yang lebih erat antara kita dengan negara-negara Islam, kita akan dapat meluaskan lagi bidang perdagangan dengan negara-negara tersebut dan kita berharap akan dapat menarik lebih banyak modal dari negara-negara itu untuk dilaburkan di Malaysia bagi kebajikan dan kepentingan bersama.

Saudara-saudara sekalian.

Saya seringkali mengingatkan bahawa amatlah perlu bagi kita mewujudkan rasa keyakinan dan kepercayaan negara-negara dunia kepada kita dengan mengekalkan kesetabilan politik dan ekonomi serta perpaduan rakyat di negara kita. Kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang lalu menunjukkan betapa besarnya harapan rakyat dan saya berjanji Kerajaan hari ini akan berkhidmat kepada rakyat dengan penuh jujur dan dedikasi. Jentera Kerajaan di setiap peringkat daripada Pusat hinggalah ke Negeri dan Daerah akan benar-benar mencerminkan hasrat Kerajaan ini. Dengan Kerajaan yang cekap, adil dan saksama, dan dengan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat, negara kita akan menghadapi zaman baru dan rakyat akan menikmati kemakmuran dan kebahagiaan di tahun-tahun akan datang.

Akhir kata, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara yang telah menghantar kad Selamat Hari Raya kepada saya sempena Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini. Marilah kita menguatkan tekad dan azam untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam semua bidang kehidupan untuk mencapai hasrat

dan cita-cita negara aman, makmur dan bahagia. Mudah-mudahan Allah s.w.t. akan memberkati segala usaha kita dan memberi perlindunganNya kepada kita setiap masa.

Selamat Hari Raya

TR 4:10:74

ADDRESS BY THE PRIME MINISTER AT THE JOINT MEETING OF THE ASEAN STANDING COMMITTEE AND SECRETARIES-GENERAL WITH ASEAN PERMANENT COMMITTEE CHAIRMAN IN KUALA LUMPUR ON 22ND OCTOBER, 1974

Mr Chairman, Excellencies, Distinguished Participants and Guests, Ladies and Gentlemen.

We in Malaysia are honoured that Kuala Lumpur has been chosen as the venue for this very important gathering and I would like, at the very outset, to extend a special and very warm greeting to all participants from ASEAN member-countries especially those of you who have come from your Capitals for this meeting. I hope that your brief stay here, despite your heavy programme of work, will be pleasant and enjoyable. I know that Malaysian Delegations have always found their stay in the other ASEAN countries both delightful and memorable. I know, too, that Kuala Lumpur is a familiar city to most, if not all, of you. But please be assured that we stand ready to offer any assistance you may need to make your stay here as comfortable and productive as possible.

This gathering is a most important, indeed, a unique one in the history of ASEAN, for this is the first time that a joint meeting of all the ASEAN Committees is being held. Why has this meeting been called?—and Malaysia in particular has been a persistent advocate for such a meeting. Like all good travellers, I believe that we, the ASEAN countries, should, from time to time, pause in the course of our journey and take stock of our position to see how far we have progressed, what errors we may have committed and what lessons we can learn from past experience. We should then go on to examine the way ahead, what problems and prospects we can reasonably expect, and thereupon plan accordingly so as to reach our goal in the most expeditious way possible. That is your task at this meeting. It is a special and a heavy responsibility. Your deliberations are of crucial importance and they will have far-reaching consequences on the future of ASEAN and regionalism in Southeast Asia.

Distinguished Participants and Guests, Ladies and Gentlemen.

When I joined the Foreign Ministers of our neighbouring countries in signing the ASEAN Declaration in Bangkok in August, 1967, giving birth to ASEAN, I shared my colleagues' conviction that the institution we were setting up would, in course of time, play an increasingly significant role in forging closer bonds of regional co-operation in Southeast Asia. Our intention—and I quote from the ASEAN Declaration "to establish a firm foundation for common action to promote regional co-operation in Southeast Asia" has by and large crystallized into reality. Indeed, ASEAN has evolved into the premier vehicle for regional co-operation in Southeast Asia.

As you are aware, the early years of ASEAN were beset with a host of teething problems. Especially when we recall those somewhat modest and hesitant beginnings, we can feel some sense of achievement at the momentum of co-operation which has since gathered pace and the fields of co-operative endeavours among us which have since widened. There are today eleven Permanent Committees and five Special Committees which seek to co-ordinate our joint efforts in such diverse fields as Tourism, Agriculture, Trade, Transportation and Culture. The past two years in particular have witnessed progress in the varied activities of ASEAN, in which I include, besides certain specific projects of co-operation among ourselves, the joint approaches we have made to the E.E.C. and also to Japan as well as the recent establishment of an important link with one of our friendly Pacific neighbours, Australia.

Let us, nevertheless, note frankly that the advances so far made on the plane of economic co-operation have been modest. Indeed, it is precisely because we value ASEAN—what it stands for and what it can achieve—that we must analyse the present state of our organisation as frankly and objectively as possible—even, I would say, in a most critical, but always constructive, spirit. We must not be lulled into a false sense of euphoria by mere forms of words. We must not allow ourselves to become self-satisfied. Like the little boy who pointed out that the Emperor had no clothes, we must have the courage to point to our own shortcomings—and to work out effective remedies. It is all very well to have so many Committees covering ostensibly so many areas of co-operation. It is all very well that they should be meeting, one Committee or

another, almost continuously throughout the year and that they should submit recommendations, numbering in the hundreds, to the Annual Foreign Ministers' Meeting. We must, however, go beyond mere form to the substance, beyond policies and projects on paper to actual action and results. Above all, therefore, I urge the utmost frankness in your deliberations. Only then can our limited achievements of the past few years serve as the launching pad for the evolution of more solid economic Co-operation in the years to come.

In this connection, some issues immediately spring to minds. There is need, I believe, for a serious examination of the actual effectiveness of ASEAN and of how to maximise these benefits at least cost. Is the institutional frame-work of ASEAN, which has grown over the years, the most effective and efficient or has it grown top-heavy and cumbersome? Are all the Committees which we have established strictly necessary and are all their meetings, which cost money and man-hours, strictly necessary? Let me rephrase these questions in another way: Can we not improve on the present ASEAN institutional framework? Is there not overlapping and duplication in the work of some of the ASEAN Committees? Is their present method of working the most effective or have the frequency and familiarity of our meetings led to a loss of urgency and critical appraisal? Can we not rationalise and stream-line these Committees and their working methods?

Or again there is a danger, it seems to me, that ASEAN may become the special concern and pre-occupation only of those officials in the respective National Secretariats and of others involved in the day-to-day running of ASEAN. We must ask ourselves: What is really the public sentiment at the grass-root, popular level towards ASEAN? What is the attitude of the other bureaucrats and technocrats in the different agencies of our respective Governments and also in the private sector? How much of their time and attention are taken up with ASEAN issues and at what level in their hierachy are ASEAN problems dealt with? Would not the institution of a high-level National Council or Commission for ASEAN in our respective countries ensure more beneficial and effective co-operation?

What I have said, is of course, merely indicative, and by no means exhaustive, of the questions which you would have to address yourselves to in the course of your deliberations. I have

touched on them in some detail because I believe they raise serious and fundamental issues which will affect the future of ASEAN and because I believe that these deliberations of yours are, if I may repeat myself, of critical importance.

Your meeting today therefore marks a historic stage in the development of ASEAN, for the time has now come for us to examine carefully our progress and performance against our goals, and to assess objectively the sucesses and failures of our organisation. In terms of concrete forms of co-operation, I feel that some significant beginnings have been made. Let us now, Mr Chairman, raise ourselves from the foundations we have laid to new heights of endeavour and thereby give more substance to our concept of co-operation.

At this stage, I would like to refer to the establishment of the Permanent ASEAN Secretariat in Jakarta. The establishment of the Secretariat is a logical step forward in the consolidation of our organisation and the promotion of cohesion. As the establishment of the Secretariat would commit ASEAN to long-term projections and programmes, proper guidelines and directions are mandatory from the outset.

It is my view that the interests of ASEAN will best be served if the role and functions of the Secretariat are initially oriented towards assisting the several ASEAN Committees and National Secretariats in discharging their functions more effectively and efficiently. I also feel that ASEAN should start off with a small Secretariat to establish an effective nucleus for an action-oriented role. Let the Secretariat be given time to grow as and when the need arises. I believe anything that is to be permanent and useful must have an element of growth. In the final analysis, it is results which matter. We must avoid having a big organisational structure which raises hopes and expectations of our people and in the end only bring disappointment and frustration.

Ladies and Gentlemen.

In the course of your deliberations, you would also examine, I am sure, some further areas of ASEAN co-operation. These are clearly areas in which ASEAN countries can effectively co-operate together: there are also areas in which, for one reason or another, we cannot. These political and economic realities cannot simply be washed away. We will do no service to ASEAN if we raise

unrealistic expectations over these difficulties and differences by various forms of words and by making proposals which simply will not get off the ground. We must, at all times, be guided by a sense of the practical and the realistic. We should identify specific projects, even if limited in character, which have prospects of success. Only in this way, by building on success, can we create the momentum to wider fields of co-operation and achievements.

Our joint approaches to the E.E.C. and to Japan, which I have mentioned earlier, are some examples of what I have in mind. One other field which should be considered is in the marketing of some of our primary commodities. The ASEAN countries, for example, are the most significant producers of such commodities as rubber, tin, palm-oil and timber which in many cases are the mainstay of our economies. In the face of the unsettled international economic conditions through which we are going, it is both wise and realistic that we should co-operate together in the marketing of these commodities in the international markets to ensure fair and reasonable price for these commodities. This surely is one area of co-operation which sets fair for success and which can clearly be of immediate benefit to all of us. ASEAN countries by co-operating together will demonstrate their strength and their unity which will certainly have an international impact. In this way, the significance of ASEAN will be enhanced both in the short-term by producing clearly discernible benefits to our respective economies and in the longer-term by strengthening the fabric of our co-operative efforts built upon success in specific instances.

Ladies and Gentlemen.

I have reiterated on several occasions that Malaysia, in its scale of foreign policy priorities, accords primacy to ASEAN for it is the first truly indigenous organisation in the region that has the potential for developing into a valuable and viable institution to serve the needs of Southeast Asia. It is in this spirit that Malaysia has been a consistent advocate for strengthening the efficacy of ASEAN and it is in this spirit also that I have spoken so frankly this morning.

Let me not, however, be misunderstood. It is true that nothing very dramatic has hitherto been achieved at ASEAN meetings, but each of us has been made aware of the regional implications

of many of our domestic proposals and actions. Viewed in this perspective, ASEAN, during the seven years of its existence, has made some progress in establishing among us a genuine and growing habit of thinking and working together in regional terms. The constant coming together of officials at various Committee meetings of ASEAN coupled with the annual meeting of ASEAN Ministers have served to bring member-countries closer together, creating a climate of goodwill and understanding and fostering the evolution of regional solidarity. The most salient achievement of ASEAN has been its contribution towards developing regional political consensus and cohesion that may well usher the evolution of a Community of Southeast Asia which would take its rightful place as a viable, self-reliant unit within the comity of nations.

Ladies and Gentlemen.

As we draw close towards the end of the first decade of ASEAN and reach the threshold of the second stage of ASEAN's life, we cannot avoid noticing that the expectations of our peoples have been kindles. We should accordingly imbue ourselves with a renewed sense of determination to forge ahead systematically and rapidly in the direction of enhanced regional co-operation, to fulfil the expectations of our peoples.

While our endeavours in the past have yielded quite satisfying results in fulfilling the modest promise of ASEAN, new challenges have now made their appearance. We are living in times of world economic crisis and unstable monetary conditions which, if not remedied in time, could wrack havoc on the economies of our countries and the social wellbeing of our peoples. Spiralling inflation and critical shortages or escalating costs of food, energy and the material pre-requisites essential for development are serious problems confronting individual nations and the international economy as a whole. We should address ourselves to these problems with a sense of urgency and initiate immediate co-operative action to ameliorate adverse conditions arising from these problems. I realise that this is a persistently uphill task in present-day conditions but if we move forward to achieve a more cohesive and purposeful ASEAN, not only would prospects for national economic development be considerably enhanced but ASEAN's capacity to withstand the economic strains and stresses generated by an unstable world economic order would be fortified.

Distinguished Participants, Ladies and Gentlemen.

ASEAN is today a reality: that no one can deny us. The existence of ASEAN is a fact of international political life and ASEAN has entered the international political vocabulary. ASEAN and the concept of a Southeast Asian regionalism is central to the preoccupation of our respective Governments: it is certainly central to my own Government. Let us therefore do what we can to strengthen our organisation. Your discussions, conducted as I am sure it will be, in the traditional ASEAN spirit of goodwill, informality and friendliness, and inspired by a sense of history and our commitment to future generations, will serve to guide us in the years ahead. Indeed, the future of ASEAN and of regionalism in Southeast Asia depends a great deal on how well and how effectively you carry out your tasks at this meeting. You have been entrusted with a heavy, indeed a historic, responsibility. I wish you God-speed in your deliberations.

It now gives me great pleasure to declare this meeting open.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein sedang diperkenalkan kepada para Wakil di Majlis Pembukaan Penggal Ke 15 Majlis Timah Antarabangsa di Hotel Equatorial, Kuala Lumpur pada 24hb Oktober, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR 5:10:74

OPENING ADDRESS BY THE PRIME MINISTER AT THE FIFTEENTH SESSION OF THE INTERNATIONAL TIN COUNCIL, KUALA LUMPUR ON 24TH OCTOBER, 1974

Mr Executive Chairman, Distinguished Delegates, Honourable Ministers, Your Excellencies, Ladies and Gentlemen.

It is indeed an honour for me to have the opportunity to address and officially declare open this Fifteenth Session of the International Tin Council.

I understand that it has become a practice for the International Tin Council to hold its quarterly session periodically outside its headquarters in London. In doing so, the changing scene provides you with a different perspective from which to view the problems in the field of tin and the prospects of the tin industry.

We are in Malaysia proud to play host to such a distinguished gathering of officials and experts in the field of tin from member countries associated with the Fourth International Tin Agreement, especially so since this is the first time that the quarterly session of the International Tin Council is held in our capital city of Kuala Lumpur. On behalf of the Government and the people of Malaysia, I wish you all welcome—"Selamat Datang" and a pleasant stay in our country.

While you are here, I hope you will find opportunity to see the different aspects of our country and our overall development efforts apart from that of the tin industry itself, and carry back with you happy thoughts and pleasant memories of your stay in our country.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

Malaysia has been closely and actively associated with the International Tin Council since the inception of the First International Tin Agreement in 1956, an association which has both been satisfying and beneficial to us. We have witnessed the coming into force of four International Tin Agreements, a testimony of the ability of the international community to co-operate in this vital field of commodities on which the majority of developing

countries like Malaysia which are so highly dependent in terms of export earning. During the intervening years, we have witnessed the development of closer bond between producers and consumers in the International Tin Council in their efforts towards creating better conditions for their own mutual benefits.

The changing economic situation and the challenges faced by the International Tin Council through the years have enabled the Council to gain and maintain a wealth of experience from which to draw on in order to meet the challenges of the future. I am happy to note that the International Tin Council has become to be accepted and looked at as a major single stablising force in the field of tin. I would like to take this opportunity, Mr Executive Chairman, to pay tribute to the impartiality and hard work which you and members of your staff in the Secretariat have given to the International Tin Council. I am convinced that this has, in itself, been the singular factor which has enabled the International Tin Council to steer through many a sensitive and critical situation.

In recent times, the work of the International Tin Council has increased tremendously. The sense of dedication demonstrated by you and your staff has contributed in no small measure to the success of the work which has been carried out by the International Tin Council. It is my hope that the International Tin Council will be able to continue to call upon such service for the benefit of all concerned.

Ladies and Gentlemen.

In recent years, we have witnessed an economic upheaval in the field of primary commodities. As far as the tin industry is concerned, last year was considered the most eventful year for a decade. After having stagnated for a while, the conditions on the world tin market suddenly changed with framatic speed characterised with very strong upward movement in the price of the commodity. The daily price of Straits tin recorded a new peak of M$1,380 per picul in April this year, a phenomenon which has been brought about by a conglomeration of factors quite beyond the normal confines of the metal. Unfortunately, these are forces beyond the control of the International Tin Council. While, on the one hand, the improved prices have a revitalising effect on Malaysia's tin industry in particular and our economy in

general, inflation has on the other hand taken a considerable tool of this increase in price. Inflation imported from the industrialised countries, coupled with world stortage of food and materials and the international monetary instability have contributed to unprecedented price increase and this in turn impose severe economic strain on developing countries like Malaysia.

We are in the unfortunate situation of having to put up with inflation, on the one hand, which appears to remain for quite a while, while on the other, the prospects of uncertainty in the prices of our primary commodities. We continue to be dictated by the uncertain and gloomy economic situation surrounding us all. These are problems which are intricate enough to require global strategies and solutions to surmount them. In looking at these strategies as a whole, which require a systematic and rational approach, it is the spirit of co-operation and understanding such as found in the work of the International Tin Council, which will be a vital and important factor in helping to resolve these problems.

I would like in particular to commend the initiative taken by the International Tin Council in establishing a Committee on Costs and Prices to consider and review the costs of production in member countries. As I have indicated earlier, the economies of developing countries like Malaysia are more susceptible to inflationary pressures yet less able to withstand them for long periods of time without making sacrifices in our development efforts. It is heartening to note that with the setting up of this Committee, the International Tin Council will be in a better position to assess more effectively the kind of prices which will enable us to play our role and to meet our obligations as a major producer of tin more realistically for the mutual benefits of all parties in the International Tin Council in particular and to the consuming world at large.

Ladies and Gentlemen.

The recent increase in the price of oil has brought forth to the international community the realisation of their high dependence on a single yet so strategic a raw material. As the leading producer of tin, we see the logic in the philosophy underlying the question of exhaustible and non-renewable resources but we also believe that as a member of the Fourth Tin Agreement, we are under obligation to share these resources with the rest of the world.

We are happy to undertake this obligation but we would like to see that our depletable resources are used to the optimum level by all concerned; otherwise, the hope of our people for progress and development will not be achieved to the maximum extent possible. The Tin Research Institute should intensify its efforts to find more uses for tin as seen in the development of the organotin industry. We would like also to see more growth in the tin using industries in our country. This is not a new dimension but one whose spirit is implicit in the International Tin Agreements. We would specially like to welcome member countries in the International Tin Council to initiate steps in this direction.

The Fifth International Tin Agreement will be negotiated in Geneva next year in order to allow the International Tin Council to continue its work with the expiry of the current Agreement in 1976. We look forward to the forthcoming negotiations and it is my hope that special attention will be given to ensure the continued effectiveness of the next Agreement in serving our mutual interests in the most equitable and in the best possible manner. It is inevitable that due principally to nature's endowment of natural resources, we see less producer as compared to consumer countries in the membership of the current International Tin Agreement. We take heart in this state of affairs, which strongly manifests the keen interest shown by consumer member countries in the work and aims of the International Tin Agreement in the field of commodity arrangements.

The varied circumstances affecting all commodity markets as a result of the current monetary fluctuations, the energy crisis and the rising cost of production will certainly make the International Tin Council's effort in implementing the objectives of the Agreement more complex than usual.

However, there are still substantial areas of tin consumption and production which lie outside the scope of the International Tin Agreement. It would certainly be more reflective of the true nature of the world's consumption and production situations if these areas could be encouraged to participate in the Agreement and contribute to the effectiveness of the work carried out by the International Tin Council. We would welcome this move as an additional stabilising element in the field of tin.

Ladies and Gentlemen

Whether we meet in a political forum or an economic forum such as this, our basic ultimate goal is to bring to our people significant improvement in their standard of living—a goal towards which we in the developing world are working in earnest. Let us hope therefore that your deliberation will contribute in no small measure towards the attainment of that goal.

Mr Executive Chairman, the ultimate yardstick in measuring the success of an international commodity agreement such as the International Tin Agreement, is its continued ability to ensure the stabilisation of prices, which are remunerative to producers and yet fair to consumers. It is fundamental, in order to bring about this desired end, that sufficient resources are constantly made available to the organisation concerned. In this connection, I wish to recall the recent Sixth Special Session of the United Nations on the Study of the Problems of Raw Materials which saw the need for international financial institutions, like the IMF, to help in the financing of commodity buffer stocks.

I am hopeful that in the case of tin, for which there have already been four successive Agreements, some concrete initiative will be undertaken by the International Tin Council to begin a meaningful dialogue with the relevant financial institutions, to find ways and means in order that the spirit of the New International Economic Order is effectively realised.

I am aware that this is a relatively new area which still needs to be fully explored; but for the beginning, any indication from the relevant international financial institutions, for example, to stand as guarantors for stand-by credit facility purposes will be seen as an initial step forward. Indeed the IMF should consider the financing of the Tin Buffer Stock to augment the efforts to bring about price stabilisation that I mentioned earlier. It is time that the philosophy underlying international commodity buffer stocks and price stabilisation measures, which are mutually beneficial to all concerned, be re-casted in the light of the new relationship envisaged in the New International Economic Order.

Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

It has been a privilege for me to address you this morning. I note that most of you will be able to remain after the close

of the Council Session to participate in the Fourth World Conference on Tin beginning next week. It is a real pleasure for us in Malaysia to have you even though for a short period. We hope that you will take this opportunity of seeing a bit of our country and meet our people of various groups. By this means you will be able to understand their needs and aspirations as well as their problems and difficulties. I hope you will have a pleasant and enjoyable stay in our country.

It now gives me great pleasure to declare this Fifteenth Session of the International Tin Council open and to wish you all a successful conference.

TR 6:10:74

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OFFICIAL LAUNCHING OF THE PERTANIAN BARING SANWA MULTI-NATIONAL BERHAD AT NIRWANA ROOM, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR ON 25TH OCTOBER, 1974

Dr Agoes Salim, Pengerusi PBSM, Mr Nicholas Baring, Mr S. Murai, Mr J. A. Dave, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya suka mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Lembaga Pengarah Pertanian Baring Sanwa Multi-national Berhad kerana sudi menjemput saya ke majlis malam ini dan melancarkan dengan rasmi Merchant Bank PBSM ini. Bank ini telahpun mula menjalankan perniagaannya sejak bulan Jun tahun ini dan dengan pelancaran rasminya pada malam ini PBSM, saya percaya, akan lebih terkenal lagi di kalangan masyarakat banking dan perindusterian di negara ini.

Sehingga ini sebanyak lapan Merchant Bank telah tertubuh di negara kita dan menjalankan perniagaannya, sebagai sambutan kepada hasrat Kerajaan supaya Kuala Lumpur menjadi pusat kewangan dan permodalan. Sambutan yang diberi oleh bank-bank dan institusi kewangan baik dalam negeri maupun dari luar amatlah menggembirakan. Ini jelas menunjukkan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap masa depan Malaysia. Tidak syak lagi, keteguhan ekonomi kita menjadi daya penarik yang kuat kepada syarikat-syarikat asing dan saya berharap mereka akan terus berada di sini supaya dapat bersama-sama membantu usaha pembangunan negara.

Ladies and Gentlemen.

It is a matter of particular pleasure for me to be here tonight to perform the official opening of the Pertanian Baring Sanwa Multi-national Berhad. I say this because I was personally associated with the venture from its idea stage to the time it received the licence to operate. As the Minister in charge of Bank Pertanian then, I endorsed the proposal put up by the Bank to establish a Merchant Bank. Later, when Tun Tan Siew Sin

left the Government for reasons of health, I assumed the portfolio of Finance, and in this new capacity I gave formal approval to PBSM to do business in Merchant Banking.

Tonight I will perform the official opening of the company and in doing so I hand over the responsibility of supersoning and policing its activities to the new Finance Minister, Datuk Hussein Onn. My job is done, and the task of making sure that it conforms to the rules and regulations governing the activities of Merchant Banks will fall on Datuk Hussein with the assistance of Tan Sri Ismail, Governor of Bank Negara.

Ladies and Gentlemen.

Under the present Cabinet arrangement, responsibility for Bank Pertanian is passed on to the Minister of Agriculture and Rural Development. This I think is more appropriate as the Bank devotes almost exclusive attention to the provision of credit to padi farmers in the double-cropping areas of Muda, Kemubu and Tanjung Karang. Initially, its activities were extended to short-term, medium-term and long-term crops as well as to livestock and fishing. Lately, more of its loans has gone into agribusiness and agrobased industries.

Today the Bank has begun to perform other banking functions such as mobilising savings, accepting fixed deposits, discounting agricultural bills and issuing letters of credit. It can be said that Bank Pertanian Malaysia is steadily emerging or developing into a bank in the proper sense of the word and not merely as a conduit for transferring public funds into the agricultural sector. There is no doubt it will be the financial vehicle for chanelling public finds to the agricultural sector, but alongside that it will function as a banking institution, playing its due role as a modernising institution—to develop and modernise the agricultural sector, and modernise our farmers.

Ladies and Gentlemen.

Coming back to this function tonight, we are here for the official opening of Pertanian Baring Sanwa Multi-national Berhad. As I said earlier, the formation of this Merchant Bank is an important occasion, for it represents another response to the call by the Government to make Kuala Lumpur a centre of finance. There are now eight companies which have been given the licence

to operate as Merchant Bankers and I hope that they will all contribute to our industrial development.

As the Chairman said just now, PBSM is a joint-venture of four partners in which Bank Pertanian holds the majority share. Indeed, of all the Merchant Banks at the moment, PBSM has the biggest local equity participation. For Bank Pertanian itself, the formation of PBSM is a step forward in establishing itself as a major financial institution in this country. I am confident that with its intimate knowledge of the agriculture sector, and with the experience and expertise brought by the foreign partners, PBSM will be able to perform its functions properly and efficiently.

It is noteworthy that the foreign partners in PBSM are well-known in the banking world. Baring Brothers are reputed to be the oldest Merchant Bank in London. Sanwa is one of the five largest banks in Japan and London Multi-national, though young, has already made a favourable impact in the financial world. I have no doubt with this high reputation, PBSM has an excellent future. However, I do hope PBSM will not rest on the laurels of its partners. While the foreign partners are well-known in their respective domains, it is my wish that in good time they too will also become well-known in Malaysia.

Ladies and Gentlemen.

I would like to take this opportunity to thank them for having decided to come to Malaysia and play an active role in the development of our country. I hope your association with Bank Pertanian in this venture will bring forth fruitful results and be of benefit not only to us in Malaysia but also to you as partners in this business.

In our present stage of development, we welcome foreign capital as well as foreign expertise. Our door is open for them to assist us in our economic progress while allowing them to receive a fair return for their labour and contribution. This is our stated policy and will remain so until our policy objectives are fulfilled.

Ladies and Gentlemen.

The world economy today is going through a very difficult period and Malaysia is not entirely left out from the mainstream

of this economic difficulty. However, we are taking every possible precaution to see us through the crisis. The Government will give more attention to the agricultural sector especially the promotion of agro-based industries. We need a more rapid development of the agricultural sector and the Government with its agencies is well prepared for the task ahead.

Fortunately, we have established excellent framework or agricultural infrastructure, and the establishment of agencies and research institutions like the Farmers' Organisation Authority, MARDI, Majuikan and Majuternak, will I hope expedite the rapid progress of the agricultural sector. Bank Pertanian itself will expand its credit programme and will establish its presence in the rural areas. I am glad to hear PBSM will specialise, though not exclusively, in the agricultural sector.

As I have often said we will need a lot of skilled manpower for the development and modernization of the agricultural sector. This is where PBSM, as a Merchant Bank, specialises in this particular field, can effect changes such as the introduction of speedier decision-making process, introduce new capital and at the same time ensure the future into our agricultural economy. This is not just a hope, but it is something which PBSM should do.

Ladies and Gentlemen.

Before I conclude, I should like to associate myself with Dr Agoes Salim in wishing "Selamat Datang" to the foreign directors of PBSM as well as other dignitaries from overseas. You have come soon after we celebrated the National Festival of Hari Raya Puasa and the festive spirit is still with us. I hope you have enjoyed your stay in Kuala Lumpur so that when you leave you will take away pleasant memories of your stay here.

To Pertanian Baring Sanwa Multi-national Berhad, its Chairman and Directors, may I wish you success in your venture. I now have great pleasure in declaring the official opening of PBSM Merchant Bank.

TR 7:10:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI HOTEL REGENT, KUALA LUMPUR PADA 26HB OKTOBER, 1974

Datuk Chong Kok Lin, Pengerusi Regent Hotel, Datuk Yaakob Hitam, Pengerusi UDA, Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan.

Terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan terimakasih kepada Lembaga Pengarah Regent International Hotel kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis pembukaan Hotel Regent petang ini. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada mereka kerana memberi saya penghormatan merasmikan Hotel Regent yang indah ini.

Secara kebetulan saya telah berpeluang melihat sebahagian dalam Hotel Regent ini lima hari yang lalu semasa saya merasmikan Sidang Jawatankuasa Tetap ASEAN di sini. Kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam Conference Room dan juga decornya sangat menarik hati kerana banyak mengandungi unsur-unsur Malaysia. Saya percaya inilah satu-satunya keistimewaan Hotel ini yang patut dipuji dan saya suka mengucapkan tahniah kepada Datuk Chong atas imagination dan pandangan jauh beliau mengekalkan unsur-unsur Malaysia. Begitu juga Coffee House nya saya diberitahu menggambarkan suasana kampung nelayan sesuai dengan nama "Kedai Kopi Payang" yang menjadi kemegahan Hotel ini.

Ada juga saya dengar cerita steak di Ranch yang paling besar di Kuala Lumpur ini.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Semenjak Persidangan PATA dua tahun yang lalu, tourist industry di negara kita semakin meningkat maju. Aliran tourist yang semakin ramai, terutama sekali setelah jet-tour dari Australia bertumpu ke mari, memerlukan kemudahan-kemudahan yang lebih baik bukan saja di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, tetapi juga di bandar-bandar lain. Menurut survey yang dibuat oleh TDC, pelancung-pelancung dari Australia yang paling lumayan berbelanja di sini. Bandar Melaka pada masa ini menjadi tumpuan pelancung yang akan meningkat lebih sejuta orang dan

saya sukacita langkah-langkah sedang berjalan membina hotel yang modern dan kemudahan-kemudahan lain bagi mereka dan orang-orang kita sendiri. Begitu juga pulau-pulau kita yang terkenal indah seperti Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman sudahpun mempunyai hotel complex yang boleh dibanggakan.

Tidak syak lagi dalam tahun-tahun akan datang ini tourist dan travel industry merupakan salah satu punca kemajuan ekonomi negara kita. Barangkali aliran tourist boleh jadi berkurangan sedikit akibat recession di Amerika dan Eropah, tetapi tentulah tidak terhenti sama sekali. Kerajaan telahpun mengambil langkah membaiki kemudahan-kemudahan perjalanan—upgrading airport facilities di Subang; extending runaway di Pulau Pinang—supaya dapat cope-up dengan ketibaan pelancung-pelancung yang lebih ramai bilangannya. Di Pantai Timur, Kota Bharu sudahpun mendapat jet service dan kita sedang menimbangkan kedudukan di Kuantan dan Kuala Trengganu bagi kemudahan yang sama. Tambahan pula hari ini MAS sudahpun menjalankan perkhidmatan ke London dan Sydney.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Mengenai Regent Hotel ini, saya sangat berpuashati iaitu syarikat asalnya Landmarks Corporation Berhad ialah 100% Malaysian dalam mana UDA mempunyai 30% equity participation. Saya sukacita juga Datuk Chong Kok Lim yang memang terkenal di Ipoh—dan di kalangan tuan punya kuda lumba—menyertai dengan penuh minat pembangunan Ibu Negara/ Wilayah Persekutuan ini. Selain dari Hotel Regent ini yang berharga $35 juta, saya difahamkan beliau juga bekerjasama dengan UDA dalam projek Sungai Wang Plaza di tapak Bukit Bintang Park dulu. Sudah tentu sekali kedua-dua Tan Sri Yaakub (Datuk Bandar) dan Datuk Yaakuk UDA sangat menghargai daya usaha Datuk Chong dan keluarganya itu.

Dengan adanya Hotel Regent ini, Kuala Lumpur mempunyai tambahan satu landmark yang baru di bahagian sebelah sini. Selama ini tidak banyak kemajuan di kawasan Imbi Road, bahkan lebih banyak di pusat bandar saja. Selain dari itu, complex Hotel ini mengandungi pejabat-pejabat (termasuk Pernas Edar) yang menjalankan perniagaannya di sini.

Saya suka melihat lebih banyak lagi usaha bersama seperti ini, yang dibiayai oleh modal tempatan. Hubungan pertalian dengan

international group seperti Regent Management memanglah baik kerana kita perlu mendapatkan expertise dalam semua bidang dan jurusan sebelum kita boleh berdiri atas kaki sendiri. Kita boleh berbangga juga dengan bertambah pesatnya hotel industry seperti ini, peluang-peluang pekerjaan akan terbuka lebih banyak bagi lepasan-lepasan sekolah untuk mengisi tempat-tempat pada semua peringkat sambil mendapatkan kemahiran yang berguna. Inilah yang saya maksudkan dengan diversification supaya belia-belia kita mendapat segala macam pengalaman samada di hotel, di kilang electronic, di ladang kelapa sawit, di limbungan kapal dan seterusnya.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya sekali lagi, bagi pihak isteri saya, mengucapkan terima-kasih kepada Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan Hotel Regent atas sambutan dan layanan pada hari yang bersejarah bagi mereka. Tiap-tiap establishment seperti ini akan terkenal dan popular kalau staffnya memberikan perkhidmatan yang baik dengan layanan yang ramah mesra. Saya percaya seluruh staff Hotel Regent akan mengekalkan nama baik itu supaya dapat pula menjaga nama baik Ibu Negara yang kita kasihi.

Sekarang saya dengan sukacitanya merasmikan Hotel Regent ini dengan harapan semoga usaha ini mendapat segala kejayaan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PERAYAAN HARI WANITA DAN PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 27HB OKTOBER, 1974

Yang Berhahagia Tan Sri Fatimah Hashim, Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita, Y.B. Puan Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am, Puan-puan dan saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Majlis Pertubuhan Wanita Malaysia kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan Perayaan Hari Wanita 1974 yang diadakan serentak dengan mesyuarat Agung Tahunan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia yang kedua pagi ini. Pada fikiran saya penghormatan berucap dipersidangan kaum wanita yang begini ramai patut diberi kepada seorang kaum wanita bukan seorang laki-laki seperti saya. Cuak dan takut kerana terpaksa berdiri dan menghadapi begitu ramai kaum wanita. Di dalam kehidupan saya hanya biasa menghadapi seorang wanita sahaja.

Puan-puan dan Saudari-saudari sekalian.

Perayaan tahun ini menempa sejarah kerana buat pertama kalinya Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita mengurniakan Pingat Emas mengambil nama Permaisuri Melaka, Tun Fatimah, kepada enam orang tokoh wanita yang terkemuka yang telah banyak berjasa kepada masyarakat dan negara. Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada keenam-enam tokoh itu dan saya percaya jasa bakti mereka akan sentiasa dikenang serta menjadi unsur inspirasi bagi jenerasi-jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Sesungguhnya tema perayaan Hari Wanita tahun 1974 "Peranan Wanita di Zaman Pembangunan" sangatlah kena pada tempatnya iaitu semasa negara kita sedang pesat membangun. Ini dengan sendirinya akan membangkitkan kesedaran serta meninggikan lagi

semangat kaum Wanita di semua peringkat terutama kaum cerdik pandai, supaya mengambil bahagian yang lebih aktif membantu Kerajaan dalam usahanya membaiki keadaan hidup dan meninggikan taraf ekonomi orang-orang kita di bandar dan di luar bandar.

Pada masa ini sudahpun ramai kaum wanita yang menceburkan diri dalam lapangan perusahaan dan perniagaan tetapi pada hemat saya usaha ini boleh dilipatgandakan supaya menyeluruh di kalangan kaum wanita samada di bandar mahupun di desa. Kita tahu di Kelantan dan Trengganu, kaum wanita melibatkan diri dalam berbagai lapangan perniagaan dan tentulah di tempat-tempat lain boleh mencontohi mereka menjalankan perniagaan besar dan kecil. Saya harap agar semangat ini dapat bertumbuh subur di kalangan wanita kita kerana inilah asas yang sangat baik bagi meninggikan ekonomi sesuatu keluarga mencapai kemakmuran. Di samping itu kita boleh mengamalkan jimat cermat iaitu tabiat yang lahir dengan sendirinya daripada kelaziman berniaga.

Semasa kita sedang menghadapi kesulitan akibat dari keadaan ekonomi dunia yang merosot dan tekanan inflasi, amalan berjimat cermat ini patut digalakkan. Dalam tempoh setahun dua ini kita akan menghadapi keadaan ekonomi yang genting dan patutlah kita bersedia dari sekarang. Kebiasaan hidup kita hendaklah diubahsuaikan supaya tidak menjejaskan kehidupan keluarga kita sehari-hari.

Mulai dari sekarang rakyat terutamanya mereka yang tinggal di desa-desa hendaklah melipatgandakan pengeluaran bahan-bahan makanan termasuk perusahaan ternakan. Sebagai "Captain of the House", saya suka melihat kaum wanita memainkan peranan penting membangkitkan kesedaran ini di kalangan rakyat supaya kesan-kesan tekanan inflasi dan kemerosotan ekonomi dunia itu tidak dirasakan benar dan kita masih dapat menikmati tingkatan hidup yang sewajarnya.

Dalam tahun-tahun akan datang ini, keutamaan hendaklah diberi kepada usaha pengeluaran makanan dan tidak boleh terlalu bergantung kepada perindusterian. Saya telahpun mengarah semua Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerajaan supaya mengutamakan usaha-usaha pengeluaran bahan-bahan makanan agar mencukupi keperluan negara seluruhnya. Kita berharap dalam masa beberapa tahun ini kita akan dapat memenuhi keperluan beras secukupnya

dan juga mengeluarkan sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan barang-barang makanan yang lain seperti daging dan buah-buahan.

Langkah-langkah juga sedang diambil supaya bahan-bahan pengeluaran utama seperti getah, timah dan kayu-kayan digunakan dengan lebih banyak dalam membuat barang-barang keperluan dan perumahan awam. Di samping kita dapat menjimatkan tekanan wang luar, kita masih boleh mengekalkan tempoh pengeluaran kilang-kilang perusahaan dalam negeri sambil mengadakan pekerjaan-pekerjaan bagi belia-belia kita. Adalah lebih baik kita menggunakan barang-barang buatan Malaysia sendiri, yang tidak kurang mutunya dan jangan lagi bergantung kepada barang-barang impot dari luar negeri.

Saudara-saudara sekalian.

Di samping menumpukan usaha dan tenaga kita dalam pembangunan ekonomi negara, kaum wanita hendaklah menitikberatkan tanggungjawab mereka dalam pendidikan anak-anak serta urusan rumah tangga. Kedua-dua peranan ini adalah sama-sama penting dijaga oleh kerana di samping mengejar kebahagiaan hidup, amatlah mustahak kita mewujudkan jenerasi muda yang berdisiplin, progresif dan bersopan santun. Apa jua kemakmuran dan kemewahan yang diperolehi tidak membawa kebahagiaan kalau masyarakat kita menyeleweng daripada landasannya. Bahkan kalau pendidikan dan pelajaran anak-anak kita tidak diperhatikan, segala kemewahan yang dicapai itu akan menjadi sia-sia serta boleh pula mengakibatkan keruntuhan akhlak dan gejala-gejala buruk yang lain. Oleh kerana itu suka saya mengingatkan lagi betapa pentingnya kita membimbing anak-anak kepada akhlak yang tinggi demi kepentingan keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam hubungan inilah saya menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir untuk mengkaji semula sistem pelajaran dan pendidikan yang ada sekarang ini dengan tujuan supaya kita benar-benar dapat mewujudkan rakyat yang berdisiplin, dekikasi dan terlatih yang boleh menentukan kemakmuran, kebahagiaan dan keamanan yang berkekalan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersama-sama berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Pertubuhan Wanita dalam usaha memperjuangkan haksama

dalam perkhidmatan dan juga masaalah-masaalah lain termasuk perkara nikah cerai. Saya sendiri memanglah sentiasa bersimpati dengan perjuangan kaum wanita ini dan Kerajaan telahpun menimbangkan sebarang tuntutan yang munasabah oleh kaum wanita. Hari ini terdapat kesedaran dan kesanggupan yang tinggi di kalangan saudara-saudara dalam memperjuangkan taraf dan kedudukan kaum wanita. Keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada pemimpin-pemimpin wanita bertambah teguh dan boleh dibuktikan bertambahnya bilangan kaum wanita yang dipilih menjadi ahli Dewan Rakyat dan Majlis Undangan Negeri dalam Pilihanraya baru-baru ini. Begitu juga bilangan mereka akan ditambah dalam Dewan Negara dan beberapa badan-badan dan Lembaga yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Baru-baru ini saya telahpun melantik seorang wanita dalam Lembaga Perpaduan Negara dan seorang dalam Lembaga Pengarah BERNAMA. Dukacita sedikit saya belum boleh menambah bilangan wanita dalam Kerajaan tapi ini bolehlah ditimbangkan pada masa akan datang kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Menyebut tentang Undang-undang Nikah Cerai yang saya katakan tadi, bagi orang-orang yang bukan Islam, satu Jawatankuasa sedang menimbangkan perkara ini dan saya harap satu undang-undang akan dapat diluluskan tidak lama lagi.

Berkenaan orang-orang Islam, perkara ini adalah dalam pertimbangan sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam dan diharap tidak lama lagi Jawatankuasa itu dapat mengemukakan syor-syor untuk dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja.

Saya bersetuju bahawa dalam masyarakat kita baik bagi orang-orang Islam mahupun orang-orang Kristian, Hindu dan Buddhist, mustahaklah kita mensifatkan hikmat nikah itu sebagai perkara yang penting bagi mengekalkan zuriat masyarakat dan bangsa. In our Malaysian society, whatever religion we belong to, marriage should be regarded as a sacred institution and we should not treat separation or divorce frivolously. We can only build a disciplined and responsible society from happy and contented homes and it is my hope that in our efforts to build a disciplined and responsible Malaysian society, this phenomenon of broken families or broken

marriages will eventually be checked for our own good and for the good of the nation.

Saudara-saudara sekalian.

Sempena Perayaan Hari Wanita ini, sudah sewajarnya kaum wanita membaharui tekad dan azam mereka untuk meneruskan usaha dan perjuangan untuk membawa negara kita ke arah kemakmuran dan keamanan menerusi perpaduan. Saya harap dalam persidangan yang berlangsung ini, saudara-saudara akan membincangkan dengan berterus terang segala masaalah yang kita hadapi serta mengemukakan cadangan-cadangan yang positif untuk mengatasinya. Saya berdoa mudah-mudahan Allah s.w.t. memberkati segala usaha saudara-saudara itu.

Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya melancarkan Perayaan Hari Wanita Tahun 1974 ini serta merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia ini.

TR 9:10:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN PENUBUHAN LEMBAGA PERPADUAN NEGARA DI PEJABAT PERDANA MENTERI, KUALA LUMPUR PADA 28HB OKTOBER, 1974

Yang Berbahagia Tun V. T. Sambanthan, Ahli-ahli Lembaga Perpaduan Negara, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya amat sukacita kerana pada pagi ini kita dapat bersama-sama hadir di upacara melancarkan penubuhan Lembaga Perpaduan Negara atau National Unity Board.

Saya suka pertama sekali mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada ahli-ahli Lembaga ini yang telah bersetuju menerima jemputan saya untuk berkhidmat dalam Lembaga ini. Saya mengetahui dan saya percaya mereka juga mengetahui iaitu tugas yang diberi kepada Lembaga ini amatlah berat tetapi amatlah penting dan mustahak bagi keamanan, ketenteraman dan kemajuan negara kita yang dikasihi. Tak dapat tiada pekerjaan Lembaga ini akan mengambil banyak masa mereka yang berharga tetapi mereka bolehlah berbangga atau "take comfort of the fact that the example they set in their readiness to serve the cause of our national unity and the cause of our country and our people will inspire others to do the same".

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pada masa yang lampau, kita telah mempunyai satu Kementerian Perpaduan Negara. Sekarang kita telah menukarkan Kementerian itu kepada satu Lembaga—Lembaga Perpaduan Negara. Langkah yang saya ambil itu bukanlah bermakna saya atau Kerajaan mensifatkan usaha-usaha dalam lapangan perpaduan ini lebih rendah atau kurang mustahak daripada masa yang lampau akan tetapi saya berpendapat setelah berunding dengan panjang lebar dengan Tun Sambanthan iaitu lebih sesuai diadakan sebuah Lembaga supaya kita dapat memilih ahli-ahli daripada orang-orang yang tidak terlibat dalam perjuangan politik. Adalah difikirkan Lembaga ini boleh menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan dan sempurna jika Lembaga ini dipisahkan daripada politik. Kita semua tahu bahawa perasaan perkauman masih lagi menjadi bahan politik

sebagaimana terbukti dalam pilihanraya umum yang baru lalu. Oleh itu eloklah usaha-usaha memupuk perasaan perpaduan dan usaha-usaha menyatu-padukan rakyat daripada berbilang bangsa di negara kita dipisahkan daripada politik dan dijalankan oleh mereka-mereka yang tidak mengambil bahagian yang cergas dalam politik yang boleh menumpukan perhatian kepada masaalah yang penting ini dengan cara objektif daripada kacamata yang adil dan saksama.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini dan juga Parti Barisan Nasional yang saya ketuai adalah bersungguh-sungguh (committed) kepada dasar membawa perpaduan di kalangan rakyat daripada berbilang bangsa. Saya dan rakan-rakan saya sedar dan insaf iaitu hanyalah dengan adanya perpaduan di kalangan rakyat di negara kita dapat kita bukan saja mengekalkan keamanan bahkan membina asas yang kukuh bagi kemajuan yang di cita-citakan oleh rakyat sekalian.

Dari segi politik, langkah-langkah telah diambil untuk mengadakan kerjasama antara parti-parti yang dulunya menentang Kerajaan dan dengan kerjasama itu kita telah dapat menubuhkan satu parti yang lebih besar dan yang mewakili lebih ramai lagi rakyat negara kita daripada berbilang bangsa iaitu Barisan Nasional. Pada masa Barisan Nasional mula-mula di tubuhkan, saya telah meneka iaitu Barisan Nasional mendapat sokongan lebih daripada 80% rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara dan inginkan kepada keamanan dan perpaduan. Tekaan saya itu telah disahkan dalam pilihanraya yang lalu dimana lebih daripada 80% calun-calun Barisan Nasional baik di peringkat pusat dan juga di peringkat negeri telah mendapat sokongan daripada rakyat. Oleh itu, dari segi politik kita telah membina satu asas perpaduan yang saya harap akan dapat menimbulkan keinsafan dan persefahaman atau "political conciousness in this country which transcend above racial or communal barriers".

Begitu juga kita sedang melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi asas ekonomi dan kita mengamalkan Rukunegara yang menjadi asas sosial bagi kita menyatupadukan rakyat daripada semua bangsa dan mewujudkan masyarakat yang sebenar-benarnya bercorak nasional.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pada masa yang lampau, seperti saya telah terangkan, kita telah mengambil beberapa langkah-langkah untuk menguatkan perpaduan dan mengurangkan perselisihan dan perpecahan di kalangan masyarakat di negara kita. Kementerian Perpaduan Negara dalam masa dua setengah tahun telah dapat menjalankan beberapa langkah yang telah memberi kesan yang memuaskan akan tetapi kita semua faham dan mengetahui bahawa usaha-usaha kita menyatupadukan rakyat daripada berbilang kaum yang mempunyai asal keturunan yang berlainan atau "of different ethnic groups" tak dapat tidak mengambil masa yang agak panjang dan mustahaklah usaha-usaha ini dijalankan dengan cara berperingkat-peringkat sehingga kita mencapai cita-cita kita yang muktamad.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dasar pelajaran kita yang bercorak nasional dan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang lebih luas adalah dua faktor yang telah dapat mengadakan perhubungan di kalangan rakyat di negara kita dan menimbulkan perasaan persefahaman yang lebih erat akan tetapi kita masih dapati dalam masyarakat kita rakyat daripada berbagai kaum duduk berasingan atau "in compartments" dan ini mestilah diatasi. Begitu juga dalam lapangan perusahaan dan pekerjaan, kita masih dapati perusahaan dan pekerjaan adalah terbahagi kepada kaum-kaum yang berlainan. Usaha-usaha kita hendak menyusun semula masyarakat telah berjalan dengan jaya dan lancar dan saya percaya landasan iktisad yang kita bina melalui Dasar Ekonomi Baru akan dapat mengatasi masaalah-masaalah yang disebutkan itu. Begitu juga Dasar Pelajaran Kebangsaan kita akan dapat menjaminkan iaitu muda mudi anak-anak kita yang masih di bangku sekolah akan menjadi warga negara yang benar-benar bersemangat dan berperasaan Malaysia dan menumpukan taat setia yang sepenuhnya kepada negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya harap Lembaga ini akan dapat membincangkan masaalah perpaduan ini dengan cara terus terang dan secara objektif supaya daripada perbincangan itu akan dapat timbul idea-idea baru dan dengan itu dapatlah kita jalankan langkah-langkah yang difikirkan perlu bagi menghapuskan perasaan perkauman dan mengelakkan daripada timbulnya konflik dan konfrantasi antara satu kaum

dengan kaum yang lain. Kita semua masih lagi ingat akan peristiwa yang mendukacitakan kita iaitu Trajedi 13 Mei dan peristiwa inilah yang memberi kesedaran kepada kita untuk bersungguh-sungguh berusaha bagi menguatkan perpaduan dan muhibbah di kalangan rakyat supaya bukan saja peristiwa yang tidak diingini itu tidak berulang lagi bahkan kita dapat menubuhkan satu masyarakat yang bersatu padu di negara kita di mana rakyat daripada semua bangsa akan mensifatkan diri mereka itu sebagai warga negara Malaysia dan bukan sebagai puak atau kaum yang berlainan. Begitu juga dengan Dasar Ekonomi Baru, masyarakat yang kita akan bentuk itu ialah masyarakat yang adil di mana kekayaan negara dapat dinikmati oleh semua pihak dengan cara yang lebih adil dan saksama.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya suka menegaskan di sini iaitu apa jua langkah dan usaha yang praktikal dan munasabah untuk mencapai objektif yang saya sebutkan tadi akan diberi sokongan yang penuh oleh Kerajaan dan saya sendiri dan kita akan menjalankannya seberapa yang boleh supaya cita-cita dan hasrat kita akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan jaya.

Akhirnya, saya suka mengucapkan selamat berjaya dalam menjalankan tugas yang berat dan penting sebagai Ahli Lembaga Perpaduan Negara ini, mudah-mudahan cita-cita kita hendak membina satu negara yang maju dan bersatu padu dan makmur akan dapat dilaksanakan dalam masa hayat hidup kita semua supaya dengan itu Malaysia yang kita kasihi ini akan terus maju dan jaya bagi selama-lamanya.

Sekian saja, terimakasih.

TR 10: 10: 74

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OFFICIAL LAUNCHING OF D & C NOMURA MERCHANT BANKERS BERHAD AT THE NIRWANA HALL, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR ON 28TH OCTOBER, 1974

Tun H. S. Lee, Pengerusi D & C Nomura Merchant Bankers Berhad, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya terlebih dahulu mengucapkan terimakasih atas jemputan untuk merasmikan pelancaran D & C Nomura Merchant Bankers Berhad malam ini. Inilah bank saudagar yang kedua yang saya diberi penghormatan merasmikannya dalam tempoh seminggu ini dan kebetulan di tempat yang sama pula. Dengan pelancaran D & C Nomura ini genaplah sepuluh bank saudagar yang menjalankan operasinya sebagai menyambut seruan Kerajaan menjadikan Kuala Lumpur pusat kewangan yang terkemuka di dunia sebelah sini.

Ladies and Gentlemen.

With this official launching of the D & C Nomura Merchant Bankers Berhad, we now have a total of ten Merchant Banks operating in Kuala Lumpur. Only three days ago, in this very same place, I inaugurated the P.B.S.M. Merchant Bank—a project initiated by Bank Pertanian. Whereas I myself have been closely associated with the formation of Bank Pertanian—if that is of any significance—the D & C Nomura can lay claim to an equally propotious beginning since its Chairman, Tun H. S. Lee, was our first Minister of Finance—a person greatly respected by everyone in this country.

Looking at the partners in this new venture, I am sure everyone will agree that this combination is indeed a formidable one. Nomura Securities is a big name among the world's financial circles—I see it in every issue of the Economist—and, of course, the reputation and prestige of Mitsui is a household word in Japan. The other partner, the National Bank of Australia, is equally well-known in Australia and other areas in the Pacific Basin. D & C, therefore, could not have look for better companions. I am confident with the long experience and expertise of the foreign

partners in both Merchant Banking as well as commercial banking, this Merchant Bank will be a success and that it will play its due role in the economic and financial development of Malaysia.

Ladies and Gentlemen.

As I have said on many occasions, the Government welcomes the formation of Merchant Banks in view of its unique role. It is true they are a relatively new institution in Malaysia; nevertheless, the advent of Merchant Banks is very timely in view of the Government's objective of accelerating industrial and economic development. The provision of financial and management advice and expertise by Merchant Banks will assist in the optimum use of funds available for such developments. By offering services especially in all aspects of corporate financing and investment management, Merchant Banks will also be contributing to the development of the money and capital markets and in the greater use of bills of exchange. The role of the Merchant Bank in the financial system is therefore that of supplementing and complementing the facilities and services provided by commercial banks and borrowing companies in that they should apply their special expertise to facilitate economic growth.

In promoting the growth of merchant banking, importance should be placed on the development of sound and efficient management which is so vital to any venture. For this purpose, there is an urgent need to build up a core of expertise in merchant banking in this country, necessitating comprehensive and systematic programme of recruitment, training and personnel development. There is no doubt that the building up of a pool of human resources with the necessary capabilities to provide service at a high level of competency is a pre-requisite to the success of such a service-oriented sector as Merchant Banking.

Ladies and Gentlemen.

I am confident that D & C Nomura Merchant Bankers will be able to achieve its objective and make its contribution to the economic development of Malaysia. With that hope, I am happy to declare it open and to wish it every success.

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MENGEMUKAKAN USUL MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH ATAS PERKHIDMATAN BEKAS YANG DI PERTUA DEWAN RAKYAT, YANG BERBAHAGIA TAN SRI C. M. YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, DI DEWAN RAKYAT PADA 6HB NOVEMBER, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon izin mengemukakan usul:

> "Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Yang Berbahagia Tan Sri Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman".

Tuan Yang Dipertua.

Yang Berbahagia Tan Sri C. M. Yusuf telah dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat pada 25hb November, 1964, iaitu setelah Dewan ini meluluskan peraturan memilih seorang Speaker yang bukan ahli Dewan Rakyat. Semenjak tarikh itu, beliau memegang jawatan Yang di Pertua Dewan Rakyat terus menerus sehinggalah Parlimen ke-tiga dibubarkan pada 31hb Julai yang lalu. Dengan itu bermaknalah perkhidmatan beliau sebagai Yang di Pertua Dewan Rakyat hampir genap sepuluh tahun dan ini adalah satu tempoh yang agak lama dalam sejarah Parlimen Malaysia.

Sepanjang tempoh beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu bagi Parlimen kedua dan ketiga, beliau telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Parlimen yang lepas tentu masih ingat lagi akan suasana hangat yang timbul semasa perbahasan dan juga semasa soal jawab. Bagaimanapun, suasana hangat itu dapat ditenteramkan berkat kebijaksanaan Tuan Yang Dipertua Dewan Tan Sri C. M. Yusuf, yang menerima penghormatan dan penghargaan kita sekalian hari ini. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah masih ingat kepada beberapa peristiwa yang menarik dan penuh jenaka yang menggegarkan Dewan yang mulia ini. Sikap bijaksana dan magnanimity yang ditunjukkan oleh beliau semasa mengendalikan sidang Dewan Rakyat, akan tetap menjadi kenangan kita untuk selama-lamanya.

Sebagai Yang Dipertua Dewan, Y. B. Tan Sri C. M. Yusuf bukan sahaja mempunyai pengalaman yang luas mengenai perjalanan sidang Parlimen, tetapi beliau juga mempunyai sifat-sifat pimpinan yang tinggi. Sesungguhnya Parlimen kedua dan ketiga amatlah bertuah mempunyai seorang Yang Dipertua yang mempunyai pengalaman luas dan pengetahuan tinggi seperti Yang Berbahagia Tan Sri C. M. Yusuf. Beliau mempunyai scholastic background yang sukar ditandingi pada zamannya iaitu lulus daripada University Oxford dan kemudian Inner Temple London. Kelulusan seperti itu jarang benar didapati pada masa itu. Sebelum dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat, beliau memegang beberapa jawatan penting dalam Kerajaan yang meliputi beberapa bidang. Beliau pernah menjadi Ahli Majlis Hal Ehwal Ugama dan Adat Istiadat Melayu di Perak; Ahli Lembaga Bandaran Kinta; Ahli Lembaga Perumahan Persekutuan dan juga Ahli Lembaga Pemilihan Negeri Perak. Pada zaman sebelum merdeka, beliau pernah menjadi Ahli Majlis Negeri Perak dan Ahli Dewan Undangan Federal yang mana memberikan beliau pengetahuan dan pengalaman yang sangat berguna.

Memandangkan kepada perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan oleh Tan Sri C. M. Yusuf kepada Dewan ini, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada beliau dan juga ucapan selamat bersara serta harapan semoga beliau akan terus berjaya dalam apa jua lapangan di masa akan datang.

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mengemukakan usul ini.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTERIAN MALAYSIA DI DEWAN PERHIMPUNAN CINA, JALAN BIRCH, KUALA LUMPUR PADA 9HB NOVEMBER, 1974

Y.B. Tengku Tan Sri Razaleigh, Y.B. Tan Sri Nik Ahmad Kamil, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan sekalian.

Saya sukalah terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terimakasih kepada ahli-ahli Badan Pengelola dan juga tuan-tuan atas jemputan menghadiri majlis jamuan yang bersempena serta meriah pada malam ini.

Majlis ini mempunyai makna yang lebih besar kerana kita baru saja menyaksikan peristiwa Pembukaan Sidang Parlimen berikutan dengan kemenangan Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum tidak lama dahulu. Bahkan, seperti yang dikatakan oleh Tengku Tan Sri Razaleigh sebentar tadi, NCCI ini yang merupakan gabungan daripada National Chamber of Commerce dan Federation of Malaysian Manufacturers dilahirkan dalam bulan Ogos tahun ini iaitu sama serentak dengan Kerajaan Barisan Nasional yang memegang teraju pimpinan negara kita hari ini.

Tuan-tuan sekalian.

Sukalah saya, pada kesempatan ini, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan pujian kepada semua pihak iaitu Dewan Perniagaan dan Perindusterian Melayu, Associated Chinese Chambers of Commerce, Associated Indian Chambers of Commerce, Malaysian International Chamber of Commerce dan Federation of Malaysian Manufacturers atas inisiatif dan langkah yang bijaksana menyatukan tenaga demi kepentingan negara.

Begitu juga, sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Tengku Tan Sri Razaleigh, yang telah mendapat penghormatan menjadi Pengerusi pertama badan yang baru ini. Sebagai seorang tokoh perniagaan dan tokoh politik yang sedang meningkat, terutama dengan jawatan barunya sebagai Chief Executive PETRONAS, pilihan beliau memegang pimpinan NCCI ini sangatlah kena pada tempatnya.

Saya difahamkan juga iaitu Tan Sri Nik Ahmad Kamil yang telah memimpin FMM selama ini akan meletakkan jawatannya berikutan dengan pemilihan beliau lima hari dulu menjadi Speaker Dewan Rakyat. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan tahniah serta pujian atas perkhidmatannya yang cemerlang memimpin FMM dan saya percaya, meskipun tugasnya sekarang amat berat, namun beliau akan terus memberikan petunjuk dan bantuan kepada NCCI ini.

Tuan-tuan sekalian.

Tidak syak lagi, langkah yang diambil oleh Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Federation of Malaysian Manufacturers amatlah kena pada tempatnya, bahkan sejajar dengan cogankata yang menjadi pendorong Gerakan Pembaruan-Gembeling Tenaga untuk Maju. Dengan ini dapatlah dikatakan juga bahawa NCCI adalah turut sama terlibat dalam Gerakan Pembaruan dan saya yakin serta percaya langkah yang dilaksana ini akan membawa kemajuan dan munafaat yang lebih bermakna kepada kita sekalian.

The formation of the National Chamber of Commerce and Industry is indeed timely and significant and is certainly a step in the right direction. This single united body, by bringing under one roof the various Chambers of Commerce and the Federation of Malaysian Manufacturers can prove to be a dynamic vehicle through which the views of the private sector can be carried across to the Government more effectively. Speaking with one voice under a single banner and by acting a concerted manner, the efforts of the private sector could lead to much more meaningful results in our endeavour to bring about prosperity and well-being to our people.

Selama ini, Dewan-dewan Perniagaan dan Federation of Malaysian Manufacturers, seperti yang kita maklum, membawa haluan masing-masing meskipun kebanyakan daripada tuan-tuan adalah menjadi anggota kedua-dua badan itu. Dengan tergabungnya kedua badan ini saya percaya usaha-usaha yang telah berjalan dan yang akan dijalankan boleh dilipatgandakan lagi dan dalam pada itu mengelakkan duplication of effort dan pembaziran tenaga semata-mata. Saya suka up till now the Chambers of Commerce and the Federation of Malaysian Manufacturers have been working in their separate ways though most of you are members of both bodies. With the incorporation of these two organisations your efforts in promoting business activities as well as the interest of

your members will be greatly enhanced and you will also be able to avoid duplication as well as unnecessary waste of efforts. I would like to commence to other organisations to follow the example of NCCJ so that they will be able to play a more important and meaningful role in the life and activities of our Nation.

Gentlemen.

As I have stated on previous occasions, our country and indeed the whole world is facing a period of economic depression in the next several months. This situation which economist term as stagflation requires a realistic and united approach and action both by the Government and Private Sector.

Despite, this bleak economic outlook the Government is determined to carry out the development phases as approved in the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy.

I would like to assume the country that the Government will fulfill its promises to the people as stated in the Barisan National Manifested during the last election. His address at the opening of the Fourth session of Port had clearly outlined the broad lines of policy which government intends to carry out in order to lesser the impact and burden of stagflation.

Talking about recession and depression I would like to mention for your benefit definition of recession and depression.

A recession is a period in which you tighten your belt. In a depression you have no belt to tighten and when you have no pants to hold up it is pained. Of course with depression comes unemployment. I know how to settle this unemployment problems. Put all the women on one island and all men on the other. That will solve it.

How, all of them will get busy building boats.

Tuan-tuan sekalian.

Dalam hubungan ini saya sangat berterimakasih kepada Tengku Tan Sri Razaleigh atas pandangannya serta syor-syor yang dikemukakannya untuk menghadapi keadaan inflasi dan recession ini. Rakan saya, Menteri Kewangan, sudah tentu amat mengambil berat dalam hal ini and although the 1975 budget is still a big secret, I can say on his behalf that the suggested measures will be strongly emphasised in his Budget Speech on 12th November.

Salah satu langkah yang akan dititikberatkan ialah pengeluaran bahan-bahan makanan yang secukupnya. Adalah penting dan mustahak pada pandangan Kerajaan usaha ini dilipatgandakan lagi supaya rakyat negara kita sentiasa terjamin dalam bekalan bahan-bahan makanan dan tidak lagi bergantung kepada bekalan dari luar negeri. Saya suka menarik perhatian tuan-tuan iaitu selama ini urusan pengeluaran padi beras umpamanya dijalankan semata-mata oleh petani-petani kecil—the small padi farmers—dan tidak ada penyertaan langsung oleh pihak swasta sebagaimana getah, kelapa sawit dan lain-lain.

Saya ingin menggesa ahli-ahli NCCI agar menimbangkan penyertaan dalam bidang ini dan meneroka corak baru dalam sektor pertanian negara. Langkah-langkah sudahpun berjalan umpamanya DARABIF iaitu usaha bersama ternakan secara besar-besaran untuk daging dan susu yang selama ini bergantung kepada import dari luar. Saya percaya tentu ada pihak-pihak yang ingin menjalankan penanaman makanan seperti padi, jagung dan kacang soya secara besar-besaran yang melibatkan mechanised agriculture dan bagi pihak Kerajaan saya sedia menimbangkan cadangan-cadangan dan permohonan dalam jurusan ini. This, I hope, is a challenge and an opportunity which merits your consideration.

Tuan-tuan sekalian.

It is heartening though to note optimistic observations such as the one in the recent issue of the US News and World Report that the US is already on the way towards more stable prices. The worst impact of the tremendous increases in oil prices is apparently over and the recent Rabat Summit further endorses the hope for a brighter future. As far as we are concerned, this is only the beginning and we can only take solace in the fact that our country is well-endowed with fertile land and rich natural resources to see us through the hard times. I should not elaborate too much on this lest our Finance Minister be deprived of anything to say in his Budget address on Tuesday.

It is also relevant to mention that for the first time in so many years that we are faced with an adverse balance of trade as a result of the reduced demand for our traditional export commodities. However, I believe we can still take advantage of our manufacturing sector to make up for this adverse situation and in this context I hope the NCCI would examine all avenues for

increasing our export to non-traditional areas such as West Asia and the Arab States. At this moment, we all know that a Trade Delegation is visiting the West Asian countries for this very purpose and I hope some positive results would come from this visit.

In this regard, I would also like to urge this new body to play a more active role in the field of export promotion. Whilst the Government can provide the basic facilities and create the necessary conditions within a given framework to promote export, the bulk of the efforts should come from the private sector. In fact, it is not only necessary that the private sector respond favourably to any Government sponsored export promotion activity but also that they should move in consonance with such efforts of the Government so as to attain maximum effectiveness.

I would also strongly urge the National Chamber of Commerce and Industry to establish an effective machinery to provide all the necessary assistance and export advisory services to its members, a large number of whom, I believe are small-scale establishments who have very limited experience in the export trade. By doing so, your new Association can play a positive role in instiling a greater sense of "export consciousness" among the members.

It is my fervent hope that this new Association will succeed in establishing and maintaining an effective liaison and dialogue between its members and the Government. The members of the private sector through the Association could thus be aware and clear of the various policies enunciated by the Government relating to trade and industry. At the same time, parallel measures could be taken by the private sector to maintain constant feed-back to the Government their problems and their views, with the object of helping Government to evolve appropriate measures and policies on trade and industry. In this way close rapport can be established between Government and the Association.

Tuan-tuan sekalian.

Saya sekali lagi mengulangi harapan agar NCCI ini akan sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan dalam usaha menjaga serta mengawasi perkembangan dan kemajuan di bidang perniagaan dan perindusterian demi kepentingan masa depan negara kita yang dicintai.

Selamat berjaya!

TR 3:11:14

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MENYAMBUT PERAYAAN JUBLI PERAK KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PEJABAT POS DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA PADA 16HB NOVEMBER, 1974

Tuan Pengerusi, Saudara Presiden, Kesatuan Pekerja-pekerja Pejabat Pos, Y.B. Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira kerana dapat hadir bersama-sama pada perayaan Jubli Perak Kesatuan Pekerja-pekerja Pejabat Pos hari ini. Sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang dicapai oleh Kesatuan ini selama dua puluh lima tahun wujudnya memberikan khidmat cemerlang memperjuangkan kepentingan ahli-ahli kesatuan dalam berbagai lapangan terutama mengenai keadaan bekerja dan tangga gaji yang saksama. Kesatuan ini adalah antara Kesatuan Sekerja yang telah lama tertubuh di negara ini dan saya yakin dengan pengalaman selama dua puluh lima tahun itu, Kesatuan ini akan terus memainkan peranan yang lebih bermakna serta mengambil bahagian sepenuhnya di dalam usaha-usaha pembangunan negara.

Seperti dimaklum, Perkhidmatan Pos merupakan infrastructure yang penting untuk kemajuan ekonomi dan sosial serta perpaduan negara; terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, perkhidmatan pos menjadi salah satu daripada alat perhubungan yang terpenting untuk penduduk-penduduk daerah yang terpencil antara sesama rakyat dan antara rakyat dengan Kerajaan. Aliran perhubungan perdagangan menerusi pos masih merupakan satu aspek yang penting meskipun sudah terdapat kemudahan-kemudahan cepat menerusi talipon dan telex hari ini. Begitu juga dengan kemudahan penyampaian maklumat menerusi pos di antara orang perseorangan, di antara orang perseorangan dengan institusi atau organisasi swasta dan Kerajaan dan di antara Kerajaan di semua peringkat dengan organisasi serta orang perseorangan di seluruh negara. Jadi nyatalah perkhidmatan pos di samping lain-lain usaha Kerajaan, memainkan peranan yang penting dan mustahak untuk memajukan kehidupan rakyat di negara ini seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Hari ini perkhidmatan pos sedang berkembang pesat menjadi asas kehidupan ekonomi dan sosial sebagai alat perantaraan yang tidak boleh tidak di antara rakyat dan masyarakat sekitarnya. Bahkan corak kehidupan rakyat yang beranika ragam itu dan kemajuan pesat turut mempengaruhi aktiviti perkhidmatan pos serta cara perkhidmatan ini dijalankan akan mempengaruhi pula pembangunan ekonomi dan sosial yang membawa kepada perpaduan masyarakat.

Dalam tahun-tahun sejak merdeka, kita telah mengambil langkah-langkah tegas untuk meninggikan mutu perkhidmatan pos diseluruh negara. Sebagai bandingan, dalam tahun 1957 kita hanya mempunyai 201 pejabat pos, tiga pejabat pos bergerak dan 238 wakil-wakil pos di seluruh negara. Hari ini kita mempunyai sebanyak 362 buah pejabat pos diseluruh negara. Bangunan pejabat pos yang lama telah diganti dengan bangunan baru yang lebih besar dan moden. Rakyat luar bandar terutamanya patut berbangga dengan perkembangan dan kemajuan pejabat pos bergerak yang tidak ada selama ini. Begitu juga mengenai penyerahan atau delivery, sudahpun terdapat perubahan besar iaitu posmen bermotor telah menggantikan posmen berbasikal seperti ditahun-tahun lima puluhan dulu.

Saya diberitahu juga peredaran mel di dalam dan di luar negeri telah dipercepatkan dengan berkesan sekali. Masa yang diambil untuk pengangkutan mel di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak yang menjadi sungutan selama ini telah disingkatkan dengan menggunakan pengangkutan udara. Saya sukacita kerana perkhidmatan pos menggunakan sepenuhnya perkhidmatan MAS terutama di pendalaman Sabah dan Sarawak, dan ini boleh diperluaskan apabila network air service di Semenanjung Malaysia menghubungkan bandar-bandar kecil sedia kelak. Saya diberitahu juga perkhidmatan pos telah mula menggunakan kemudahan Kontena bagi bungkusan mel untuk seberang laut.

Seterusnya kita boleh berbangga pula kerana mendapat penghormatan menjadi ahli Executive Council Universal Postal Union, iaitu salah satu ajensi Bangsa-bangsa Bersatu.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang pada perkembangan pesat dan kemajuan selama ini, nyatalah bahawa kakitangan perkhidmatan pos telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang dan telah dapat memenuhi kehendak-kehendak orang ramai. Bagaimanapun, saya sedar adanya sungutan sebilangan orang ramai mengenai kejadian kehilangan surat atau kelewatan delivery dalam urusan sehari-hari. Dalam hal ini, saya suka memuji perkhidmatan pos kerana sentiasa memberi perhatian kepada "letters to the Editor" dalam surat-surat khabar dan saya suka Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain juga bertindak segera seperti itu. Sebenarnya jumlah kejadian kehilangan yang berlaku dikaunter-kaunter pejabat pos sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah wang yang dikendalikan. Ini dengan sendirinya mencerminkan kakitangan perkhidmatan pos menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujur dan cermat.

Saya gembira juga melihat perkhidmatan pos mencatitkan kejayaan di dalam pelaksanaan projek-projeknya di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dalam tahun 1972 dan 1973 Jabatan Pos telah menggunakan sepenuhnya peruntukannya dan peruntukan tambahan telah diberikan oleh kerana penggunaan yang lebih dari matalamat kewangan yang asal. Dari segi pelaksanaan fisikal, matalamat tersebut serta kejayaannya tentu boleh dibanggakan dan patut menjadi contoh kepada Jabatan-jabatan lain.

Sebagai langkah jangka panjang, perkhidmatan pos sedang bergerak ke hadapan menuju matalamat menyediakan sebuah pejabat pos bagi tiap-tiap pekan atau pusat pertumbuhan yang mempunyai penduduk sejumlah 3,000 atau lebih. Di samping itu akan ditubuhkan sebuah wakil pos untuk kampung atau kawasan perumahan yang mempunyai penduduk sejumlah 1,000 atau lebih, ditambah pula dengan lawatan-lawatan Pejabat Pos bergeraknya. Inilah objektif utama kita yang memakan masa beberapa tahun meliputi beberapa rancangan lima tahun kita. Saya berpuashati kerana perkhidmatan pos sentiasa sedar akan arah yang ditujunya dan sedang bergerak dengan commitment untuk mencapai objektif ini.

Saudara-saudara sekalian.

Perkhidmatan Pos lebih merupakan suatu perkhidmatan personal dan memerlukan kakitangan yang ramai untuk memberikan khidmatnya kepada orang ramai. Corak perkhidmatan yang

diberikannya memerlukan supaya hal-hal kebajikan dan latihan kakitangan diberi keutamaan di dalam sekim perkhidmatan Jabatan ini. Kerajaan sedar tentang perlunya diberi keutamaan kepada latihan untuk suatu Jabatan yang menyediakan perkhidmatan penting kepada orang ramai yang bergantung kepada kebolehan kakitangannya menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap dan sempurna. Sebuah institiut Latihan Pos telahpun disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi memenuhi keperluan latihan untuk semua gred kakitangan. Pembinaan Institiut tersebut akan bermula dalam tahun hadapan dan dijangka siap dalam tahun 1976. Di samping latihan-latihan yang bakal diberikan oleh Institiut Latihan Pos ini, kakitangan pos akan dihantar juga ke Institusi-institusi Latihan di negara ini seperti INTAN dan Pusat Daya Pengeluaran Negara dan juga untuk mengikuti latihan di negara-negara yang lebih maju.

Saya difahamkan bahawa perkhidmatan pos telah bersedia untuk menggunakan sistem metrik keseluruhannya pada awal tahun 1975. Jabatan ini ialah yang pertama sekali berbuat demikian dan saya harap Jabatan-jabatan lain akan menyusuli langkah ini bagi membolehkan negara kita bertukar sepenuhnya kepada sistem metrik dalam jangka masa sepuluh tahun kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan[1] dalam sidang Dewan Rakyat, Bank Simpanan Pejabat Pos akan menjadi sebuah badan yang dipanggil Bank Simpanan Nasional dan berasing dari Jabatan Pos. Sungguhpun Bank Simpanan Nasional merupakan suatu badan yang berasingan namun perkhidmatan pos akan terus menjalankan urusan-urusan Bank Simpanan disemua pejabat-pejabat Pos bagi pihak Bank Simpanan Nasional. Perkhidmatan pos akan terus memainkan peranannya memberi khidmat Bank Simpanan kepada penduduk-penduduk terutama sekali di luar bandar supaya wang yang berlebihan dapat ditarik dari currency circulation untuk meredakan akibat inflasi. Matalamat dan objektif Bank Simpanan Nasional ialah menggalakkan rakyat menyimpan wang dan membentuk sikap berjimat cermat di kalangan jenerasi-jenerasi muda. Tidak syak lagi langkah yang baru ini akan mendapat sambutan yang sewajarnya.

[1] Y.B. Datuk Hussein Onn.

Saudara-saudara sekalian.

Mengambil sempena hari yang bersejarah ini, saya menyeru ahli-ahli Kesatuan agar mengambil berat kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam masa kita menghadapi masa genting di hadapan. Suka saya mengulangi iaitu Kerajaan sentiasa bersedia menimbangkan sebarang permohonan Kesatuan Sekerja yang munasabah demi menjaga ketenteraman dan kesetabilan. Tetapi patutlah diingat permohonan yang disertai dengan tindakan kekerasan untuk menunjukkan kekuatan—flexing your muscle, kata Inggeris—tidak akan dilayani.

Kerajaan tidak gentar menghadapi perbuatan seperti itu dan akan bertindak tegas terhadapnya. Namun saya rasa kakitangan Perkhidmatan Pos akan sentiasa waspada terhadap sebarang hasutan dari luar yang semata-semata bertujuan hendak merumitkan keadaan—cause embarassment to the Government—di sebalik tindakan yang nampaknya wajar itu. Saya percaya dan berharap saudara-saudara akan bekerjasama dengan Kerajaan mengekalkan suasana tenang dan harmoni demi kepentingan saudara-saudara sendiri, rakyat dan negara.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada seluruh anggota Kesatuan Pekerja-pekerja Pejabat Pos yang telah mengaturkan sambutan yang meriah ini dan saya dengan sukacitanya merasmikan Perayaan Jubli Perak Kesatuan ini. Mudah-mudahan Kesatuan ini akan terus maju jaya dan berkhidmat dengan cemerlang pada tahun-tahun akan datang.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS DEWAN BANDARAN TAIPING SEMPENA MERAYAKAN ULANGTAHUN YANG KE SERATUS BANDAR TAIPING PADA 21HB NOVEMBER, 1974

Tuan Haji Yang Rashdi[1], Y.A.B. Tan Sri Ghazali Jawi, Saudara-saudara sekalian.

Saya sama-sama merasa gembira dengan saudara-saudara dalam peristiwa bersejarah hari ini bagi menyambut perayaan seratus tahun terdirinya bandar Taiping. Sempena dengan perayaan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penduduk-penduduk bandar Taiping sambil menyatakan penghargaan kerana memberikan saya penghormatan meletakkan batu asas Dewan Bandaran yang baru ini.

Di samping merasa gembira dan megah, saya percaya tentulah pula saudara-saudara akan cuba menjadikan bandar Taiping ini lebih terkenal dan maju, bahkan dapat berlumba sebagai pusat perindusterian yang terpenting di Perak ini.

Lazimnya bandar-bandar yang lahir dan berkembang kerana kekayaan isi bumi di kawasan sekitarnya berakhir sebagai 'ghost town' manakala segala kekayaannya itu habis diambil dan bandar-bandar itu hanya tinggal dalam kenangan sahaja. Sejarah bandar Taiping adalah satu contoh yang nyata sekali. Bandar ini mula tertubuh dalam tahun lapan belas lima puluhan bilamana bijih timah didapati di kawasan ini. Dan dari semenjak itu sudah bermula perhubungan negara kita dengan dunia luar, hinggalah membawa kepada kemasukan Pengaruh British yang telah bertapak di Pulau Pinang dan Singapura pada waktu itu. Peristiwa-peristiwa berikutnya adalah pengetahuan umum dan sehingga adanya tafsiran serta approach baru terhadap sejarah, selama itu terdapat hanya apa yang telah diertikan oleh penjajah sahaja.

Sejarah Taiping, pada hemat saya, mempunyai dua pengertian penting. Bagi kita Taiping melambangkan kekayaan negara kita dan juga tapak permulaan enterprise Bumiputra di bawah Datuk Menteri-menteri pada masa itu. Tetapi bagi pihak lain,

[1] Pegawai Daerah, Taiping.

Taiping mungkin dianggap sebagai tapak di mana pengaruh asing mula menjalar dengan pembukaan lombong-lombong bijih di sini yang berakhir dengan kejayaan strateji Inggeris memerintah Perak.

Saudara-saudara sekalian.

Berlatarkan sejarah tadi, hari ini kita merayakan ulangtahun tertubuhnya bandar Taiping ini dan segala bekas-bekas lama serta rekod-rekod yang berkaitan dengan sejarah bandar ini mestilah dijadikan *pamiran dan pertunjukan tetap yang boleh* memberi gambaran yang sebenar terhadap sejarah bandar ini. Peristiwa-peristiwa yang berlaku dan harta-harta yang lama boleh membuktikan bahawa kita juga mempunyai sejarah kita sendiri yang boleh dibanggakan.

Kalau kita luaskan lagi pandangan ini kepada seluruh ceruk rantau di negara ini, saya percaya bukan sahaja kita dan anak cucu kita akan lebih faham mengenai negara kita ini, bahkan orang-orang luar juga akan lebih terpesona dengan kita. Malangnya kebanyakan orang-orang kita dipengaruhi oleh penulis-penulis yang memandang sejarah kita hanya bermula setelah negara ini dijajah Inggeris. Sebelum dari itu kononnya negara kita tidak mempunyai sejarah. Ini adalah satu pandangan yang sempit. Oleh yang demikian, untuk mengimbangkan semula gambaran yang tidak benar ini, kita mestilah berasa bangga dengan detik-detik sejarah yang berlaku dalam negara kita. Bukan setakat itu sahaja, kita mesti juga memberikan gambaran yang sebenar dan bukannya gambaran yang diberikan oleh penulis-penulis sejarah kolonial. Bukan sedikit peristiwa di masa lampau yang menunjukkan keagungan kita yang mana penulis-penulis sejarah kolonial cuba menyembunyikan atau tidak menyebutkan sama sekali. Saya sukalah menganjurkan kepada penulis-penulis sejarah kita serta juga rakyat am supaya mengkaji sejarah asal usul sesuatu tempat itu untuk diketahui dan difahami oleh jenerasi-jenarasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Berbalik kita kepada peristiwa hari ini, saya suka hendak menyebut sedikit tentang masa depan bandar-bandar dan pekan-pekan di negara kita ini. Kita maklum negara kita sedang mengalami pembangunan pesat dalam penyusunan semula masyarakat Malaysia. Ini adalah asas penting bagi segala

tindakan kita di masa depan, tetapi serentak itu juga ketenteraman serta keharmonian mestilah dijaga. Adalah sia-sia kalau sesuatu tindakan hanya akan membangkitkan sesuatu yang boleh merosakkan tujuan kita.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang perancangan masa depan bandar-bandar di negara kita. Selain dari menjaga keindahan bandar-bandar kita, tumpuan utama Kerajaan ialah orang ramai penduduk bandar itu sendiri. Bandar-bandar dan kampung-kampung mestilah dijaga untuk keselesaan penduduk-penduduknya dan ini bermakna kita mesti memberi service atau perkhidmatan yang memuaskan. Bangunan yang indah dan jalan-jalanraya yang cantik tidak ada ertinya kalau tidak disertai dengan perkhidmatan yang secukupnya kepada rakyat. Saya harap dengan terdirinya bangunan Dewan Bandaran ini nanti, kerja-kerja Majlis Bandaran akan bertambah licin dan perkhidmatan kepada rakyat akan lebih memuaskan.

Kita semua maklum, selama beberapa decade pada akhir abad ke sembilan belas dan awal abad ini, Taiping memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran Negeri Perak ini. Peranan ini hanya luput apabila pusat pentadbiran berpindah ke bandar baru Ipoh. Tetapi zaman gemilang Taiping datang semula, meskipun tidak lama, semasa penduduk an Jepun semasa Gunsaikanbu atau Markas Pentadbiran Tentera untuk Malaya-Sumatra ditempatkan di Taiping hingga tamat Perang Dunia pada tahun 1945.

Seperti saya katakan awal tadi, saya sukacita melihat perkembangan dan kemajuan Taiping hari ini dalam peranan barunya sebagai salah satu pusat perindusterian di Perak. Keadaannya yang lesu in the backwaters of economic life sudah berubah corak dan saya percaya tempo ini akan dapat dikekalkan. Di samping keindahannya, kita berharap semoga bandar Taiping ini akan dapat memberi contoh dalam bidang pentadbiran bandar yang cekap. Biasanya bila kita menyebut tentang kecekapan, yang diertikan ialah kerja-kerja di dalam pejabat dan yang diabadikan dalam fail. Itu adalah konsep yang usang dan perlu diubah. Tumpuan perhatian kita sepatutnya ialah supaya penduduk-penduduk bandar ini dapat hidup dengan lebih sempurna lagi. Dengan kata-kata lain, kemajuan yang kita utamakan khususnya untuk keselesaan rakyat jelata. Saya berharap pentadbir bandar Taiping ini dan masa hadapan akan dapat memainkan peranannya dalam segi ini.

Saudara-saudara sekalian.

Beralih kepada masaalah berhubung dengan pentadbiran Kerajaan-kerajaan Tempatan, saya ingin menghuraikan serba sedikit dasar Kerajaan berkenaan perkara ini pada masa sekarang. Rancangan Malaysia Kedua, antara lain, menggariskan tujuan kita untuk membaiki keadaan bandar-bandar supaya lebih teratur lagi. Oleh sebab perkembangan yang begitu pesat, tidaklah dapat dielakkan kawasan-kawasan di setengah-setengah bandar yang tidak begitu teratur perkembangannya. Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya kawasan-kawasan ini dibina semula dan dengan demikian, kegunaan tanah-tanah di dalam kawasan bandar akan lebih ekonomik dan juga akan bertambah teratur kedudukannya. UDA yang berumur tiga tahun sudahpun menjalankan beberapa kegiatan bagi menghasilkan tujuan-tujuan tersebut, tetapi perkara ini tidaklah patut dibebankan kepada pihak UDA sahaja. Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan dengan kerjasama Perbadanan-perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri hendaklah berusaha mencapai tujuan-tujuan Kerajaan seperti yang telah disebutkan itu.

Buat masa hadapan ini, Kerajaan akan menitikberatkan perhatian kepada pembinaan rumah untuk rakyat. Perumahan-perumahan secara teratur akan dibina dengan kemudahan-kemudahan yang tertentu bagi penghuni-penghuninya. Begitu juga kawasan-kawasan perindusterian mestilah dirancangkan dengan baik supaya hasrat kita untuk menyusun semula masyarakat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi mencapai tujuan-tujuan yang telah saya sebutkan itu, saya sukalah juga mengingatkan Kerajaan Negeri akan mustahaknya melaksanakan langkah mengubah struktur penguasa-penguasa tempatan terutama sekali bandar-bandar. Satu Akta telahpun diluluskan oleh Parlimen pada tahun yang lepas bagi maksud ini dengan tujuan supaya menjadikan sesuatu penguasa tempatan itu suatu badan yang berkeupayaan dengan cara meluaskan lagi kawasan dan bidangkuasanya ataupun dengan cara menggabung-kan beberapa buah penguasa-penguasa tempatan yang berjiran untuk disatukan pentadbirannya.

Penyusunan semula ini akan melicinkan pentadbiran penguasa tempatan itu supaya ianya boleh memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada penduduk-penduduk dalam kawasan itu. Di samping itu juga adalah menjadi tujuan Kerajaan yang

penting untuk memberi faedah-faedah pembangunan ekonomi dan sosial untuk mencapai perpaduan negara, dengan berlandaskan kepada Dasar Ekonomi Baru.

Dari segi mengstruktur semula penguasa-penguasa tempatan, saya telah bersetuju supaya sebuah penguasa tempatan yang dibentuk semula itu dijadikan penguasa perancang tempatan (Local Planning Authority) dan bertanggungjawab dalam usaha-usaha perancangan dan pembangunan. Saya percaya rakyat di bandar-bandar besar dan kecil akan mendapat faedah besar daripada penyusunan semula ini dan dengan demikian saya sukalah menyeru Kerajaan Negeri supaya mempercepatkan pelaksanaan penyusunan semula ini semoga matalamat perpaduan negara akan tercapai sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada penduduk-penduduk bandar Taiping dan berdoa semoga Allah melindungi kita serta memberkati usaha kita pada setiap masa.

TR 5:11:74

SPEECH BY THE PRIME MINISTER INAUGURATING THE COLLOQUIUM ON POLICY ANALYSIS AND DEVELOPMENT, ORGANISED BY UNITED NATIONS ASIAN CENTRE FOR DEVELOPMENT ADMINISTRATION (ACDA) AT BALLROOM, REGENT HOTEL, KUALA LUMPUR ON 25TH NOVEMBER, 1974

Executive Secretary Maramis, Excellencies, Distinguished Members of the Policy Colloquium, Ladies and Gentlemen.

I am indeed honoured to be invited to inaugurate this Colloquium organised by the Asian Centre for Development Administration or ACDA this morning. On behalf of the Government of Malaysia, I would like to extend to you all a sincere welcome to Malaysia and to this first major programme of ACDA.

We in Malaysia consider ourselves very fortunate to have been chosen as the first home of ACDA and I would like to express our sincere gratitude and appreciation to all our friends in Asia for their understanding and co-operation in giving us this honour. I am confident that given the support and co-operation of everyone, ACDA will grow into an important institution not only to promote goodwill and co-operation among Administrators in Asia but also to play its part in assisting to resolve the problems facing the developing and emerging countries of Asia.

Ladies and Gentlemen.

Eight years ago, I had the privilege of opening the Afro-Asian Seminar on National Development held here in Kuala Lumpur. I said at that time "most of the countries in Asia and Africa are newly emerging nations and a great number of them have gained political freedom only in the last ten or twenty years. All of us in this region agree and recognise that political independence is not the end of our national goals; it is the beginning of our task of shaping the destiny of our nation ourselves and of giving our people a better and higher standard of living, of meeting their expectations of having a rightful place among the free nations of the world, with a decent standard of living compatible with a modern and civilised society. There is an urgency for all of us to

develop and progress to keep pace with the passage of modern times. Therefore, there is this common characteristic of all emerging nations in Asia and Africa and I feel that this common characteristic and common ground could bind emerging nations more closely together so that they could work together and co-operate for their mutual benefit".

Ladies and Gentlemen.

As members of this Colloquium, you have set for yourself an important task of discussing and deliberating together the important issues that face the newly emerging nations of Asia. What I had said in 1966 is true today as it was then, and that the nations in Asia must set upon themselves the task of shaping their own destiny and of giving their people a decent standard of living compatible with modern and civilised society. Your deliberations will therefore concern two major issues, namely, peace and development. As you know, we cannot have development without peace and security nor can we have peace without development. We on our part in Malaysia extend our hand of friendship to all nations of the world and look forward to play our role collectively in fostering world peace, friendship and harmony among nations and peoples. Like any newly emerging nation, we in Malaysia are also anxious to take advantage of the benefits of international co-operation to promote and foster economic and social development. In this context, we find it beneficial to work both through the United Nations system which concerns itself with global problems as well as through the regional and sub-regional systems which are concerned with Asian problems and opportunities. Development in the modern world can no longer be treated as merely a national responsibility. Development must be looked at from regional as well as global angles. We live in a modern world of inter-dependence. No nation can achieve real progress in isolation without the co-operation of other nations.

Recently, the Special General Assembly Session of the United Nations adopted a resolution on the New World Economic Order. We fully support the motive force behind the resolution and believe that the world's resources should be used equitably for the development of mankind. However, we are aware that to make the New Economic Order a reality poses new challenges for

developing countries. We can only rise to meet the challenges if we keep both our feet firmly in the ground and at the same time search for new avenues for action.

Ladies and Gentlemen.

There was a time when the world community had thought that development was synonymous with economic development. Of course, economic development remains the most important dimension of progress. But we have also learned that economic development by itself cannot meet the social needs. It can also generate unanticipated consequences as has been demonstrated by recent concern with environment and distributional aspects of development within and among nations.

What is really needed is to focus attention on the "quality of life" of our people and use that as the framework for our development efforts. It is therefore heartening to see that institutions like ACDA are now trying to apply comprehensive approaches to the study of development which transcend pure economic analysis and strive to bring wider perspective to bear on problems affecting national growth and social progress.

I sincerely hope that your analysis will draw upon the knowledge and experience available in different countries of the region to increase our understanding of the problems of development. In this connection, you may wish to study our own experience in Malaysia. In Malaysia, I have always stated that my basic thinking on development is that it is a mosaic, a combination of various parts. One cannot separate the various aspects of nation building and development because each is inter-related with the other. It is my view that you cannot separate development from politics or from day to day administration, neither can you separate development planning from implementation, and neither can you separate implementation from evaluation. Therefore, the first basic for economic development is the type of political leadership which can channel human emotions and energies into action and results. We in Malaysia would not have achieved the success in our development plans if we had not mobilised the resources of our country and the whole machinery of the Government to concentrate on development. We would not have achieved the results if we had not instilled in the minds of our officers at all levels

the urgency of implementing development projects and the desirability of working as a team in order to produce the results which the people desire.

This is the mosaic of development. There must be sensible planning and implementation and sound political stability. Unless we have all these, no free nation would neither put in their investment or enterprise nor give both technical and economic aid to our development programmes.

The technique of economic development planning is now well advanced throughout the world and it is fairly easy for any developing nation to have a plan prepared but the technique of implementation and of putting some push and punch into the translation of that plan from paper into clear results is a technique for which there is little international knowledge available at present from which developing countries could apply.

We in Malaysia have evolved a technique of development planning and implementation—the Operation Room Technique—which, I am pleased to say with humility, have produced results in development which we are extremely happy with. By this technique, we were able to instil in the minds of our officers and implementors a sense of urgency, a sense of dedication in development, a spirit of initiative and feeling of belonging to an administrative Government machinery which is dedicated to development and to the service of the country.

This sense of urgency and the change of attitude throughout the whole of the Government Service were necessary in order to bring about a new life throughout the entire Government structure to wipe out the vestiges of colonial heritage. Of course, the process of changes must continue and there is still room for further improvement.

The next important thing is that there should be co-ordination and co-operation in all Government Departments at all levels. I used to say that the main deterrent factors which tend to delay development are what I called the "deadly sins of bureaucracy" such as inter-departmental jealousy in the execution of Government functions, conflicting departmental interests, lack of determination in carrying out national policies, lack of day to day co-operation between Government officers on the ground mainly due to lack of knowledge of each other's tasks and responsibilities. There was

lack of sufficient directive control at the top to ensure that Government at all levels functions as an efficient machine, manned by purposeful, single-minded teams and driven towards the goal of development. It was therefore necessary to develop a technique for implementation and a system which would eradicate these "deadly sins of bureaucracy"—a system by which we could obtain maximum co-operation and co-ordination at all levels. We therefore set up development planning and implementation teams at various levels—federal, state and district—and the work of these teams was continuously supervised and monitored through the various Operation Rooms. I am glad to say that this technique has made tremendous impact on the machinery of the Government and enabled co-operation and co-ordination to be achieved at all levels. The Operation Rooms which we set up at the National, State and District levels enabled me particularly at that time when I was Minister of National and Rural Development to keep my finger on the pulse of development progress from time to time. Although now with other responsibilities I have less time to continuously keep my finger on the pulse, I do see to it that the machinery is operating as well as can be expected and occasionally I still stretch my hand on the pulse.

I do hope that in the course of your deliberations, you will be able to consider the technique of development which we in this country had adopted for the benefit of the people and also which various other countries have adopted.

As I said, in the field of development, we emerging countries in Asia have our own goals. At the same time, we have common problems and by exchanging ideas and views, by exchanging our experiences, we can assist each other in solving our problems and in this way we will be able to achieve our national aims in the field of development at a faster and greater rate. The time has come for us to realise that development efforts and our progress are not merely the exclusive of each other and not merely national in character but are interdependent.

Ladies and Gentlemen.

The ACDA's programme which will engage you for the next few days should enable you to reflect on your experiences and together share your thoughts and ideas. But we must realise that deliberations are useful only if they lead to better action and

positive results. In our race for progress, we cannot afford to engage in purely intellectual exercises. We must set our sights on the pressing problems faced by our respective countries and by mankind and we must concern ourselves with strategies for action to meet and resolve these problems.

There is no limit to the problems with which we are faced today. Like everywhere else, we are facing the consequences of imported inflation and stagflation which is followed closely by portents of coming depression. The energy crisis resulting in the increase in the price of oil, industrial goods, shipping services, and consumer goods, have sapped the economic vitality of most nations particularly those of the developing world. Added to this is the problem of the shortages of food faced by many countries in Asia and Africa and some are living almost under famine conditions.

It is clear therefore that if these pressing and complex problems are to be tackled and resolved, there is need for united efforts, bold approaches and decisive actions. In Rome recently, the international community has been deliberating on problems of food and population. A number of recommendations have been made to meet the world food crisis. Certainly these efforts are greatly appreciated but the important thing we must ask ourselves is, will all these lead to immediate decisive action? Should we all wait for initiatives on the global level to materialise or should we not take measures at regional and sub-regional levels? Perhaps, it might be worthwile to consider launching an Asian Food Bank in anticipation of the measures which might be taken at the global level. Besides, it is clear that we cannot solve the food problem without attention to population policies. It is therefore imperative, in my view, that we should review and revitalise our population policies and programmes and prepare the necessary administrative arrangements for implementing them.

However, Ladies and Gentlemen, one thing is clear. Most of the problems we are faced with today cannot be solved within national boundaries alone. Nations are so interdependent that we have to learn to work together in evolving collective solutions to these problems. That is why we all welcome the establishment of various international and regional institutions which can play a significant role in promoting collective and joint efforts to resolve these problems. But, if these institutions are to succeed, it must be the duty of all of us to give them all the support they need.

We in Malaysia welcome the establishment of ACDA as another pillar in regional co-operation. We have given it support to the best of our ability and will continue to do so. I am confident all member states of ESCAP will make use of what ACDA has to offer and will maintain close interest in its progress and development.

I do hope that the discussions and exchanges of views that you will have in the next few days will extend to the study of problems of national as well as regional and international levels. Only in this way will we all benefit from our co-operative efforts as well as from Organisation such as ACDA.

Ladies and Gentlemen.

In conclusion I wish you every success in your deliberations and a pleasant and fruitful stay in Kuala Lumpur.

Thank you.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN MALAM KERANA MENYAMBUT ULANGTAHUN LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN) YANG KETIGA DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 27HB NOVEMBER, 1974

Tuan Pengerusi, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila, Dif-dif yang terhormat, Tuan tuan dan Puan-puan.

Tiga tahun yang lalu, pada 20hb September, 1971, saya telah merasmikan pelancaran Lembaga Padi dan Beras Negara atau LPN. Hari ini saya sukacita mendapat peluang menghadiri ulangtahun kelahirannya genap tiga tahun, yang ditangguhkan ke hari ini oleh kerana 20hb September itu jatuh dalam bulan puasa.

Tujuan asal Kerajaan menubuhkan LPN ialah untuk menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan pengeluaran, pengilangan dan pemasaran padi dan beras. Dengan demikian, penanam-penanam padi boleh menerima pendapatan yang berpatutan seimbang dengan nilai tenaga dan titik peluh mereka. Di samping itu, pengguna-pengguna beras dapat membeli beras dengan harga yang berpatutan dan bekalannya terjamin pada setiap masa.

Beberapa bulan sahaja selepas lahirnya LPN, perusahaan beras di pasaran dunia telah meningkat naik. Dan kenaikan harga ini telah memberi kesan kepada negara kita oleh kerana Malaysia masih mengimpot kira-kira 200,000 tan beras setahun, atau lima belas peratus daripada keperluannya. Adalah menjadi tugas LPN untuk menentukan adanya bekalan yang cukup di seluruh negara. Ini telah dapat dihasilkan oleh LPN dengan baik. Saya telah diberi tahu iaitu LPN dapat mengimpot beras dari awal tahun 1973 hingga sekarang sebanyak 358,000 tan atau 3.58 juta guni. Ini adalah satu kejayaan yang patut dipuji kerana memandangkan kepada keadaan kekurangan beras dalam dunia.

Saya telah juga menugaskan LPN supaya menjalankan kerja-kerja membahagi dan mengedar beras selain dari ianya menjadi sumber penting bagi seluruh negara. Kerja-kerja inipun telah dapat dilakukan oleh LPN dengan memuaskan.

Saya telah sebutkan dahulu dalam upacara pelancaran LPN iaitu kita mahu petani-petani kita memperolehi pendapatan yang

seimbang dengan kerja-kerja yang mereka lakukan. Bermakna iaitu antara lain harga padi mesti dijaga supaya stabil setiap masa. Dan kestabilan harga padi dan beras dalam Malaysia semenjak tertubuhnya LPN, mencerminkan kejayaan Lembaga ini dalam menyelaras dan melaksanakan tugas-tugas yang telah diberikan kepadanya. Di sini sukalah saya mengambil peluang menyatakan penghargaan saya kepada Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail yang telah menjadi Pengerusi LPN semenjak mula tertubuhnya LPN sehingga akhir bulan lepas dan terhadap executive Timbalan Pengerusinya merangkap Ketua Pengarah, Encik Mohd. Noor Hassan, dan semua pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan LPN.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terimakasih kepada anggota-anggota Jawatankuasa Kabinet mengenai Beras dan Barang-barang Perlu yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn sendiri, dan Pasukan Petugas di bawahnya yang dipengerusikan oleh Encik Abdul Aziz Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri. Dengan adanya Jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan pada bulan September 1973 dan Pasukan Petugas itu, maka pihak LPN dapat mengemukakan kepada Kerajaan perkara-perkara yang berkehendakkan keputusan yang cepat terutama sekali mengenai kuasa-kuasa yang dikehendaki dan kewangan dan mengadakan penyelarasan yang efektif di antara tugas-tugas LPN dan kerja-kerja jentera-jentera Kerajaan yang lain termasuk Kastam, Polis dan tentera.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Oleh kerana negara kita belum mengeluarkan beras yang secukupnya, maka kita terpaksa mengimpot kira-kira lima belas peratus daripada jumlah beras keperluan kita. Sebagaimana saya katakan tadi, sepanjang tahun 1973 dan sehingga bulan Oktober tahun ini, sejumlah 358,000 tan beras telah diimpot oleh Kerajaan melalui LPN. Harga beras impot ini ialah sebanyak $420 juta; dan untuk mempastikan bahawa harga beras dalam negeri tidak melebihi apa yang berpatutan, maka pihak Kerajaan telah mengeluarkan subsidi yang banyak. Bagi 358,000 tan beras yang diimpot itu, Kerajaan telah mengeluarkan direct subsidi sebanyak $140 juta. Ini bermakna pada sekati beras asing yang dibeli oleh pengguna-pengguna, Kerajaan memberikan subsidi sebanyak 23.65 sen, atau tiga puluh satu peratus daripada kos belian.

Di samping itu, Kerajaan telah mengadakan langkah-langkah lain yang positif seperti Kawalan Harga Beras, perlesenan atas peniaga-peniaga beras, anti-sorok dan anti-penyeludupan, untuk menjaga dan melindungi kepentingan pengguna-pengguna. Kawalan Harga Beras ini telah dikuatkuasakan mulai 3hb Mei tahun ini dan berjalan dengan licin sehingga hari ini. Di bawah Undang-undang Kawalan Harga Beras ini, tiap-tiap peniaga beras dikehendaki menjual beras dengan harga tidak melebihi daripada harga maksima yang ditetapkan bagi satu-satu kawasan atau "prize zone", dan mengikut gred-gred beras yang tertentu. Semua jenis beras juga dinamakan semula mengikut ukuran—panjang, sederhana, dan pendek—dan mengikut peratus pecahannya. Nama-nama lama yang beratus-ratus banyaknya itu tidak digunakan lagi.

Peraturan-peraturan baharu ini adalah bertujuan menjaga dan melindungi kepentingan pengguna-pengguna supaya direct subsidi sebanyak $140 juta yang telah dibelanjakan itu sampai kepada mereka dan tidak bocor di sepanjang jalan.

Pembahagian dan penjualan beras impot ini adalah dibuat oleh LPN dengan cara yang teratur dan memuaskan. Pada masa ini, seramai 750 pemborong beras swasta, atau tujuh puluh peratus daripada jumlah pemborong-pemborong beras, bergantung kepada LPN bagi mendapatkan bekalan beras, samada beras yang berasal dari beras impot atau beras tempatan.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah, dalam masa krisis beras dunia ini, banyak peniaga beras yang baharu telah muncul, dan daripadanya ramai juga Bumiputra yang buat pertama kalinya berniaga beras. Sebelum tertubuhnya LPN, Bumiputra tidak ramai berniaga beras bukan sahaja kerana bekalan beras sukar didapati dan pemasarannya terhad, tetapi juga kecenderungan mereka tidak begitu kuat di lapangan perniagaan beras di masa itu. Tetapi dalam masa dua tahun ini, saya dapati bahawa bilangan Bumiputra telah meningkat 300 peratus jika dibandingkan dengan tahun 1971.

Saya harap kemudahan-kemudahan perniagaan beras yang diberikan oleh LPN kepada peniaga-peniaga beras yang tulin akan terus digunakan, terutamanya oleh peniaga-peniaga Bumiputra dan badan-badan yang telah menerima bekalan beras terus daripada LPN di bawah Saluran Baharu yang telah diwujudkan oleh Kerajaan baharu-baharu ini. Dengan demikian, keuntungan yang

berlebihan tidak mungkin didapati oleh mana-mana pihak, dan dengan itu juga tidaklah akan berlaku keadaan monopoli dalam perniagaan beras di negara kita.

Petani-petani kita juga tidak dilupai. Harga padi yang didapati oleh mereka sekarang ini telah naik hampir seratus peratus dibandingkan dengan apa yang didapati oleh mereka dua tahun yang lalu. Mereka menikmati pendapatan yang lumayan dalam beberapa musim menuai dikebelakangan ini, seimbang dengan nilai tenaga dan titik peluh mereka. Harga padi mereka sentiasa terjamin dan Kerajaan melalui LPN, akan terus mengadakan Harga Minima Terjamin atau Guaranteed Minimum Price atas peringkat yang berpatutan yang juga berasaskan harga beras yang berpatutan kepada pengguna-pengguna.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, LPN tidak berniat mengambil alih hak-hak pihak swasta. Lembaga ini hanya menambah atau "supplement" apa yang dijalankan oleh mereka untuk mencapai kestabilan bekalan dan harga dalam perusahaan padi dan beras di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Dasar Kerajaan pada masa ini ialah mengeluarkan beras yang cukup bagi keperluan penduduk-penduduk negara kita. Tanah-tanah baru sesuai bagi tanaman padi akan dibuka dalam beberapa tahun ini bagi mencapai tujuan ini. Begitu juga kita akan menambah lagi kawasan padi yang ditanam dua kali setahun. Pada masa ini hanyalah 40% sahaja daripada tanah padi yang sedang ditanam dua kali setahun dan kita harap ini akan bertambah kepada 70% dalam tahun 1976. Bagi tanah yang lain yang tidak dapat diadakan kemudahan untuk bertanam dua kali setahun, Kerajaan berharap petani-petani akan menggunakan tanah itu dengan tanaman-tanaman yang lain ataupun alternative crops seperti jagung, sekoi, kacang, tembakau dan juga menternak.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Bila LPN ditubuhkan tiga tahun yang lalu, beras di pasaran dunia adalah banyak, dan harganya terlalu murah berbanding dengan harga beras pengeluaran negara kita. Sebagaimana saya katakan tadi, situasi ini dengan tiba-tiba bertukar menjadikan beras pengeluaran tempatan jauh lebih murah daripada beras di pasaran dunia.

Tetapi, daripada apa yang saya ketahui, "a turning point" telah bermula di pasaran dunia sekarang ini. Beras boleh dibeli dengan senang di negara-negara pengekspot beras dan harganya pun mulai turun. Setakat mana harga ini turun dan mungkinkah harga beras di pasaran dunia turun lebih rendah daripada harga beras di Malaysia, belumlah boleh diramalkan lagi. Tetapi, adalah menjadi kewajipan dan tugas LPN bersiap sedia menghadapi situasi pasaran baharu dalam dan luar negara di masa stagflasi yang dihadapi oleh seluruh dunia sekarang ini.

Dengan tibanya "a turning point" di pasaran beras dunia itu, LPN juga menerima perubahan pimpinannya. Lembaga ini mendapat seorang Pengerusi yang baharu yang akan memimpin LPN menghadapi cabaran-cabaran baharu itu. Pengerusi barunya, iaitu Y.B. Encik Mohd. Sopiee, ialah seorang yang banyak pengalaman dan kebolehan. Dengan kerjasama pegawai-pegawai dan kakitangan LPN, saya yakin beliau akan dapat mengekalkan kestabilan bekalan dan harga padi dan beras seperti yang ada sekarang.

Kepada bekas Pengerusi LPN, Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, yang bertanggungjawab mewujudkan situasi yang memuaskan dikalangan petani-petani dan pengguna-pengguna di masa ini, saya sukalah sekali lagi mengucap terimakasih pihak Kerajaan kepada beliau. Beliau telah berhenti oleh sebab terpaksa menumpukan masa kepada tanggungjawab yang baru dan penting sebagai Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah. Dan lagi baru-baru ini beliau telah dilantik menjadi Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sebagai mengakhiri ucapan saya, saya sukalah menzahirkan perasaan kesyukuran kita semua ke hadrat Allah s.w.t. kerana sungguhpun dunia termasuklah negara kita sedang menghadapi keadaan ekonomi yang morosot, keadaan yang dikatakan stagflasi, tetapi makanan-makanan di negara kita adalah cukup. Keadaan di negara kita jika dibanding dengan setengah-setengah negara lain adalah jauh lebih baik. Di setengah-setengah negara lain ramai orang yang menghadapi kelaparan akan tetapi di negara kita yang mempunyai tanah yang subur, barang-barang makanan dapat dikeluarkan dengan banyak asalkan kita semua berani berusaha dan bertenaga berdiri atas kaki sendiri untuk mengadakan barang-barang keperluan kita sendiri. Inilah seruan yang sentiasa saya buatkan kepada rakyat di negara kita untuk menghadapi keadaan ekonomi yang merosot. Kerajaan sedang

mengambil apa juga langkah yang difikirkan perlu untuk hendak mengawasi keadaan ini, menjamin harga barang-barang keluaran seperti getah tidak terlalu merosot dan juga berusaha serta menolong membantu rakyat bagi mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan dengan lebih banyak lagi.

Oleh itu, saya berharap kepada rakyat supaya mereka itu faham akan kedudukan yang sebenar dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang bertujuan semata-semata hendak menimbulkan huru hara dan pecah belah di kalangan rakyat. Keadaan yang genting yang kita hadapi sekarang ini tidak dapat dielak oleh sebab ini keadaan dunia pada masa ini dan semua negara adalah terlibat. Dengan sebab itu, saya berseru kepada rakyat iaitu kalau mereka itu memberi kerjasama kepada Kerajaan dan sedia berdikari, dengan izin Tuhan, kita akan dapat menghadapi keadaan genting ini dengan jayanya dan kita tidak akan menghadapi kelaparan atau kesusahan seperti yang dihadapi oleh setengah-setengah negara lain.

Tuan-tuan dan Paun-paun.

Sempena hari yang berbahagia menyambut ulangtahun LPN yang ketiga ini, saya suka mengucapkan kepada semua pegawai dan kakitangan LPN selamat maju jaya, semoga Allah s.w.t. sentiasa memberkati usaha tuan-tuan dan puan-puan dan kita sekalian pada setiap masa.

TR 7:11:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PENYAMPAIAN DIPLOMA MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN, KUALA LUMPUR PADA 29HB NOVEMBER, 1974

Y.B. Datuk Haji Zulkifli, Timbalan Menteri Pertahanan, Jen. Tan Sri Ibrahim, Tan Sri Samad, Ketua-ketua Turus, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat hadir bersama di upacara Penyampaian Diploma kepada para graduan pagi ini. Saya juga mengucapkan terimakasih dan penghargaan tinggi saya atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya sebentar tadi.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada para peserta atas kejayaan yang telah dicapai dan saya berharap supaya segala pelajaran dan pengetahuan yang diperolehi semasa setahun di maktab ini akan dapat diguna dan diamalkan dalam menjalankan tugas dan kewajipan sehari-hari. Saya yakin latihan ini telah melengkapkan serta meluaskan lagi pengetahuan serta pandangan dan pemikiran bagi membolehkan saudara-saudara menjalankan tanggungjawab saudara-saudara dengan lebih berkesan.

Saudara-saudara sekalian.

Maktab Turus Angkatan Tentera ini merupakan pusat latihan tertinggi di negara ini bagi melengkapkan pegawai-pegawai tentera, polis dan awam dengan pengetahuan dan ilmu pendidikan, pengurusan dan pimpinan supaya mereka boleh menjadi penganjur dan pengurus yang lebih cekap dan jujur. Dengan adanya Maktab ini kita tidak lagi semata-mata bergantung kepada negara-negara asing untuk melatih pegawai-pegawai kanan kita. Saya harap Maktab Turus Tentera ini akan dapat mengeluarkan lebih ramai lagi pegawai yang berkaliber, cekap dan jujur, yang bukan sahaja mahir dalam ilmu pengetahuan ketenteraan tetapi juga benar-benar faham mengenai keadaan politik pembangunan negara dan pembentukan masyarakat baru. Dengan jalan ini pegawai-pegawai ini bolehlah menjadi ketua atau pemimpin yang berhemah tinggi

dan dapat memainkan peranan yang lebih penting lagi terutama dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan serta kehendak dan hasrat rakyat.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita banyak menghadapi dugaan dan cabaran, tetapi saya yakin dengan ketabahan dan kejujuran disertai pula dengan semangat yang kuat dan disiplin yang ketat anggota tentera dapat menjalankan tugas-tugas dan kewajipan mereka dengan lebih licin dan sempurna.

Saudara-saudara sekalian.

Pada hemat saya faktor utama untuk mengekalkan kecekapan dalam tentera ialah disiplin dan dedikasi. Disiplin dan semangat didikasi ini dapat dipupuk dan disuburkan dengan beberapa cara. Selain dari latihan rohani dan jasmani, contoh dan tauladan adalah perlu. Jadi suka saya menegaskan di sini pentingnya pegawai-pegawai tentera terutamanya pegawai-pegawai kanan menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada pegawai-pegawai di bawah jagaan mereka. Mereka haruslah menunjukkan semangat kepimpinan yang jujur dan adil. Dengan yang demikian, mereka akan dapat kepercayaan anggota-anggota yang di bawah perintah mereka. Saya selalu sebutkan kerapkali dan saya suka mengulangi perkataan Napoleon "There are no bad battalions; there are only bad Commanders". Kalau kita dapat memberi pimpinan yang sempurna dan kita sendiri patuh kepada arahan-arahan yang telah kita keluarkan, dengan sendirinya orang lain juga akan menghormati kita.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka menyebutkan pula di sini perkembangan-perkembangan yang akan dihadapi oleh angkatan tentera kita. Dalam tahun-tahun tujuh puluhan yang akan datang ini, Angkatan Tentera pada amnya akan menempuh satu masa "consolidation" di mana langkah-langkah sedang dan akan diambil adalah bertujuan supaya Angkatan Tentera dapat melangkah ke arah satu darjah berdikari dan mempunyai kekuatan yang cukup untuk mempertahankan negara dan bersesuaian dengan kemampuan negara.

Tentera Darat telah memulakan rancangan menukar peralatannya. Antara projek besar ialah memperalatkan semula Pasukan

Peninjau Diraja dengan kenderaan Komando V150 yang dilengkapkan dengan senjata moden. Di samping itu projek-projek besar yang telah disiapkan ialah dua kompleks Markas Briged di Kuantan dan Kuching; lima Kompleks batalion di Sungai Ara (Pulau Pinang), Kuala Trengganu, Miri, Sandakan, Sibu, Sungai Besi dan Kuching untuk pasukan-pasukan Batalion Infantri, Rejimen Peninjau Diraja dan Rejimen Semboyan.

Seterusnya dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga beberapa projek lagi akan dapat disiapkan. Antara projek-projek besar yang akan disiapkan ialah tiga kompleks Markas Briged di Kota Bharu, Ipoh dan Lok Kawi (Sabah); empat kompleks batalion iaitu dua kompleks di Kampung Bukit China (Kelantan), satu di Simanggang dan satu di Kuala Lipis.

Tentera Udara Diraja Malaysia pula akan menerima beberapa jenis pesawat terbang dalam tahun-tahun tujuh puluhan yang akan datang ini. Pesawat terbang pejuang F5E dijangka akan mula diterima oleh TUDM pada bulan Mac atau April, 1975. Penerimaan semua pesawat terbang itu dijangka akan selesai pada akhir tahun itu juga. Adalah diharap dalam tahun berikutnya (1976) Skuadron F5E itu akan mencapai darjah "operational status". Ini adalah satu kemajuan kepada TUDM kerana dengan adanya Skuadron itu, TUDM telah memasuki satu bidang pertahanan yang baru, iaitu bidang pertahanan udara (air defence) yang "sophisticated" yang memerlukan pengetahuan sains dan teknoloji.

Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia pula, projek besar membina Pengkalan Laut di Lumut dijangka siap dalam tahun 1980/81. Dengan siapnya Pengkalan TLDM di Lumut itu, TLDM mencapai satu taraf berdikari di mana ia akan melatih hampir semua anggota-anggota yang diperlukannya dan meyelenggara kapal-kapal di "dockyard"nya sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam bidang latihan, saya berpuashati melihat makin banyak kursus dijalankan di tempat-tempat latihan di negara kita. Yang sangat membanggakan sekali ialah taraf pelajaran dan kualiti kursus-kursus tentera yang dijalankan pada amnya adalah tidak kurang baiknya dari yang terdapat di luar negeri. Ini patutlah diberi pujian memandang bahawa pegawai-pegawai yang merancang dan melaksanakan latihan dan kursus adalah muda dan juga kemudahan-kemudahan adalah terhad.

Sungguhpun kita telah mula mengadakan kemudahan-kemudahan latihan tentera di negara kita sendiri, ini tidaklah pula bererti bahawa kita tidak akan menghantar pegawai-pegawai dan anggota-anggota tentera untuk berlatih atau berkursus di luar negeri. Dari masa ke masa, kita akan menghantar mereka ke luar negeri untuk latihan atau kursus yang tidak terdapat di negara kita kerana kekurangan kemudahan, khasnya di bidang latihan teknikal yang "specialist" dan "advanced". Dengan demikian, dapatlah Angkatan Tentera kita mempelajari kemajuan-kemajuan yang berlaku di luar negeri.

Saudara-saudara sekalian.

Semua langkah-langkah dan projek-projek yang dijalankan dan akan dilaksanakan pada masa hadapan adalah bertujuan memberi seberapa banyak kemudahan yang boleh. Langkah-langkah dan projek-projek itu adalah merupakan "process consolidation". Saya yakin melalui proses ini Angkatan Tentera, dari masa ke masa, akan berjaya mencapai mutu dan taraf "professionalism" yang lebih tinggi, dan dengan demikian akan dapat pula melaksanakan dengan sepenuhnya tugas-tugas yang diamanahkan oleh negara kepada Angkatan Tentera.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah berjaya dalam kursus tahun ini, dan Selamat Bertugas.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERTANDINGAN AKHIR KEJOHANAN PERBAHASAN ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI ODITORIAM BESAR, WISMA RADIO, ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR PADA 30HB NOVEMBER, 1974

Y.B. Datuk Abdullah Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Penaja, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Dr Mahathir Mohamed, Menteri Pelajaran, Y.B. Menteri-menteri, Ahli-ahli Jawatankuasa dan Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan terimakasih dan penghargaan saya kepada Datuk Abdullah Ahmad dan ahli-ahli Jawatankuasa atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya dan isteri saya, untuk merasmikan Pertandingan Akhir Kejohanan Perbahasan antara Sekolah-sekolah Berasrama penuh dan juga untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang.

Peraduan seperti ini amatlah besar faedahnya kerana di samping memberi peluang yang sewajarnya kepada penuntut-penuntut menguji kepintaran dan kecergasan memikir dan mengeluarkan hujah-hujah yang bernas di hadapan khalayak ramai, peraduan ini akan juga membangkitkan kesedaran di kalangan penuntut-penuntut tentang perlunya pengetahuan yang luas dan mendalam bagi menguasai sesuatu perbahasan. Saya yakin peraduan ini juga akan dapat menyemaikan semangat persahabatan dan persefahaman di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang berasrama penuh.

Ini adalah penting bagi mewujudkan perpaduan di antara pelajar. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan supaya semangat muhibbah dan persefahaman ini dapat dipupuk di hati sanubari kanak-kanak sejak mereka kecil-kecil lagi terutama mereka yang di bangku sekolah. Saya penuh yakin jika tiap-tiap pelajar samada di sekolah menengah ataupun di pusat-pusat pelajaran tinggi dapat mengamal dan mengekalkan semangat yang sihat ini, maka masa depan negara akan bertambah cerah. Dan dengan demikian, kehidupan mereka pada masa hadapan akan bertambah bahagia dan terjamin.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Latihan berbahas ini, seperti saya sebutkan tadi, boleh memainkan peranan yang positif bagi menjalin perasaan muhibbah di antara satu sama lain. Dan bagi mencapai tujuan tersebut, saya berharap agar bidang perbahasan ini dapat diperluaskan pada tahun-tahun akan datang meliputi semua sekolah-sekolah berasrama penuh di Semenanjung Malaysia termasuklah maktab-maktab khas, Maktab Sains dan Maktab MARA.

Setakat ini sepuluh buah sekolah berasrama penuh yang menyertai pertandingan ini dan pada tahun hadapan sembilan buah lagi sekolah iaitu Sekolah Menengah Sains yang kebetulannya juga berasrama penuh akan juga memasuki pertandingan ini. Saya berharap bilangan sekolah-sekolah yang layak menyertai pertandingan perbahasan ini akan bertambah pada tiap tahun supaya negara akan dapat melahirkan banyak lagi pemidato-pemidato atau debators yang handal-handal.

Saya percaya pertandingan bahas ini akan mendapat sambutan yang baik serta akan mencapai mutu yang tinggi dan saya sukalah melihat supaya diadakan satu rancangan khas dalam rancangan radio dan telivision Malaysia berkenaan pertandingan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Rancangan mengadakan sekolah-sekolah berasrama adalah satu rancangan kerajaan yang penting untuk memberi peluang dan membolehkan penuntut-penuntut dari kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai bakat dan kecenderungan dalam lapangan pelajaran mendapat kemudahan dan galakan bagi melanjutkan pelajaran mereka. Daripada mula-mula Kerajaan sekarang mengambilalih pentadbiran negara kita pada tahun 1955, pada masa saya mula-mula menjadi Menteri Pelajaran, rancangan ini telah dimulakan kerana didapati pada masa itu murid-murid di sekolah-sekolah Melayu tidak dapat peluang melanjutkan pelajaran. Oleh itu telah diadakan sekolah-sekolah menengah berasrama khas untuk mereka itu dan saya harap bilangan sekolah berasrama ini yang telahpun bertambah akan terus ditambah bilangannya sambil kita mengadakan juga sekolah-sekolah menengah di bandar-bandar kecil dan di kawasan luar bandar. Dengan cara inilah kita dapat memberi peluang belajar yang sama dan sewajarnya kepada kanak-kanak di negara kita, di mana pun mereka berada.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pada pendapat saya, banyak faedah yang boleh didapati daripada sekolah-sekolah berasrama ini kerana dengan penuntut-penuntut dapat duduk bersama-sama, bercampur gaul antara satu dengan lain iaitu penuntut-penuntut yang berasal dari lain-lain negeri dan lain asal keturunan, supaya dengan itu dapatlah mereka mengerti dan memahami kedudukan antara satu dengan lain dan dengan itu akan menguatkan semangat persefahaman dan perpaduan kebangsaan mereka daripada bangku sekolah lagi. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan perasaan daerah-daerah dan juga kenegerian dan mengutamakan kepentingan kebangsaan dan negara.

Saya sendiri adalah berasal dari lepasan sekolah berasrama penuh iaitu MCKK—so I am speaking from personal experience—pengalaman saya di MCKK itu adalah menyakinkan saya bahawa sekolah-sekolah berasrama ini sangatlah besar faedahnya kepada kanak-kanak di negara kita ini. Saya berpendapat bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh ini akan menjadi asas bagi memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar supaya semangat ini akan tumbuh dengan suburnya di kalangan rakyat di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Tadi Y.B. Datuk Abdullah Ahmad ada menyebutkan iaitu secara kebetulan sahaja murid-murid lelaki dari Sekolah Alam Shah dan murid-murid perempuan dari Sekolah Tun Fatimah yang berjaya masuk ke Pertandingan Akhir ini. Dan, secara kebetulan pula, hakim-hakim peraduan pada malam ini juga adalah terdiri dari dua orang lelaki dan dua orang wanita. Mereka adalah orang-orang yang terkenal, bijak dan mempunyai banyak pengalaman.

Walaupun demikian, tiap-tiap seorang daripada mereka mempunyai lain-lain pandangan. Tan Sri Sheikh Abdullah, Pengerusi Jumaah Pengadil, adalah diketahui umum sebagai jaguh pejuang hak kaum lelaki, tetapi seorang lagi hakim, Encik Ishak Pateh Akhir tidak pula bersetuju dengan falsafah tersebut. Jadi, kedudukan hakim-hakim lelaki adalah seimbang—balancenya ada.

Berkenaan hakim-hakim wanita pula, saya percaya tuan-tuan dan puan-puan kenal dengan Puan Azah Aziz dan juga cara

pemikiran beliau. Beliau adalah di barisan hadapan dalam pergerakan "Women's Lib" dalam negara kita ini. Sebaliknya pula Dr Asmah Haji Omar tidak sebegitu serious dalam pandangan tersebut. Jadi nampaknya kedudukan hakim wanita juga adalah cukup "balance". Oleh itu peserta-peserta tidaklah payah bimbang tentang kedudukan dan kecenderungan para hakim pada malam ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Akhirnya, saya sukalah menyeru kepada penuntut-penuntut golongan yang terpilih ini, yang telah dapat belajar di sekolah berasrama penuh, supaya menggunakan segala peluang yang terdapat bagi meninggikan mutu pelajaran dan kecekapan mereka. Harapan rakyat terutamanya ibu bapa amatlah tinggi supaya mereka benar-benar maju dalam pelajaran mereka sehinggalah meningkat ke pusat-pusat pelajaran tinggi.

Dengan harapan ini, saya dengan besar hati dan gembira merasmikan pertandingan Akhir Kejohanan Perbahasan 1974 antara Sekolah-sekolah Berasrama Penuh ini.

Terima kasih.

TR 1:12:74

ADDRESS BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING OF THE CONFERENCE ON TALL BUILDINGS AT EQUATORIAL HOTEL, JALAN SULTAN ISMAIL, KUALA LUMPUR ON 2ND DECEMBER, 1974

Mr Chairman, Hon'ble Ministers, Datuk Bandar of Kuala Lumpur, Your Excellencies, Distinguished Delegates, Ladies and Gentlemen.

I am extremely happy to accept the invitation of the Organising Committee to officially declare open the Conference on Tall Buildings. This is the first time such a Conference is held in Kuala Lumpur and we feel highly honoured to be hosts for this meeting.

I would like to congratulate the Organising Committee for the meticulous preparation they have made for this Conference particularly the impressive volume of Conference papers. I hope they are equally meticulous in looking after our so many guests from overseas.

Ladies and Gentlemen.

As you all are aware, one of the significant features of the modern metropolis is the manifold increase in the number of tall buildings in almost all major cities of the developing world. This, as we well know, is due to pressure of space in the case of some cities. There is very little room for horizontal expansion and thus the only alternative is to go up vertically. Our capital, Kuala Lumpur, is no exception and I am sure some of you who knew Kuala Lumpur in the fifties will notice the remarkable change in our skyline. But, of course, space alone is not the only main reason why most cities now are dotted with such high rise structures.

In the first place, I must stress that these structures come into existence in order to meet the pressing social and economic needs of the urban population. Cities which formerly were in the region of less than half a million people are now becoming too congested due both to natural increase and the inevitable urban drift. The lure to the cities, with their bright lights and gay living, as was envisaged by this population exodus, has brought about in its

wake social and economic problems. Slums and squatter settlements grow like mushrooms all over the place which, besides causing nightmare to city-planners, also pose a threat to the stability of the country.

As responsible Government, we cannot ignore this problem and the burden falls mainly on our City Fathers. We have to clear these squalid living areas and give our people habitable and comfortable living quarters. This is the ultimate goal of our Urban Renewal Policy. With the limitation of land space, we have to resort to creating tall and high-rise buildings.

I am sure you will agree with me that facilities and services can easier be given in schemes of this nature as the pressure on resources will not be that heavy. I realise that there are inconveniences in respect to living in high rise housing especially when it comes to the question of recreation. In this respect, I would like to urge all those involved in urban renewal schemes to take special note that open spaces and recreational areas be created to meet the social needs of the scheme concerned. In my travels abroad, I have noticed how some cities attach a lot of importance to these facilities, for instance, parks and green areas have become a notable feature in these cities.

It is of vital importance therefore to place emphasis on this aspect of human needs. However, we should not, in our eagerness to resettle the depressed areas, create, on the other hand, what is virtually modern slums. I hope, in your deliberations, you will devote much of your time to consider these problems. I know that several papers presented at this Conference will touch on the social and human aspects of high-rise living and I am sure this will be given sufficient attention and you should not treat them as being mere incidental problems.

This is now, however, to state that the technical aspects of the problem are of lesser importance. Of course, they all are. This is particularly true in respect of the security and safety of the occupants.

Ladies and Gentlemen.

I have directed the Ministry concerned that urban renewal projects be carried out immediately. In carrying this out, several problems will have to be overcome. Presently, any urban renewal

scheme requires a sizeable area in order to adequately meet the purpose. The old structures where each building occupies a frontage of twenty feet or so is no longer a project that is viable and desirable.

Ladies and Gentlemen.

Another aspect of the development of tall buildings that I would like to touch upon concerns areas of large population concentration. The present trend is towards multi-purpose complexes of mixed development which could include shops, restaurants, office space, apartments, etc. This would serve to take away off-street parking, provided adequate car parking facilities are available and proper ingress and agress are designed.

Various factors would determine the density and therefore the height in urban centres. In Kuala Lumpur in the past, the buildings in the central commercial areas were limited to four-storey high. This was not sufficiently attractive for land owners to develop or redevelop land in the central commercial area. To stimulate development, the Government decided to lift this restriction, provided other conditions in respect of car parking facilities were met. This move by the Government has meant a change in the skyline of our capital city but it has also brought in its wake attendant traffic problems.

Certain parts of Kuala Lumpur and the other major towns are now ripe for development or redevelopment. High-rise buildings in the traditional lots with twenty foot road frontage would however be an anachronism. Every facility must be given to amalgamate such lots into larger units for the development of high-rise buildings. Land offices should, therefore, simplify the procedure for amalgamation.

Various considerations must be made when tall buildings are planned. They should be aesthetically pleasing, structurally sound and adequate safety measures particularly fire prevention measures should be incorporated. The question of traffic management and adequate car parking facility should also be a major consideration. In this country, we are fortunate in that we have ample land available and there is no acute pressure to build to the sky. However, proper development of tall buildings would result in the maximum utilization of infrastructure expenditure for roads,

sewerage systems and electrication. Government agencies and private developers in developing tall buildings should also strive to achieve national policies in the restructuring of society.

Ladies and Gentlemen.

I hope, as I have said earlier, that the participants of this Conference will not merely concentrate in the physical aspects of tall buildings but also apply their minds to the problems and the change in the quality of life that would result. It has been noted in other countries that living in tall buildings has given rise to a change in inter-personal relations and I hope that in considering the problems of tall buildings, you will also give due attention to this aspect of the problem. We must not merely think of the buildings alone but also of the people who live and use them and how it would affect the pattern of their lives.

I am confident that your deliberations will result in policy guidelines so that tall buildings can be planned to blend with our Malaysian scenery and provide reasonably pleasant and comfortable living for our people.

With these remarks, I have much pleasure in declaring this Conference on Tall Buildings open and to wish a successful and fruitful conference.

TR 2:12:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN BANK SIMPANAN NASIONAL DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 5HB DISEMBER, 1974

Y.B. Datuk Syed Nahar, Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Y.A.B. Datuk Hussein Onn, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan, Puan-puan, dan Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur dan sama-sama bergembira kerana dapat menyertai pelancaran rasmi Bank Simpanan Nasional pagi ini. Peristiwa ini amatlah besar maknanya kepada rakyat dan Kerajaan yang saya pimpin oleh sebab Bank Simpanan Nasional ini merupakan satu-satunya projek yang ulung dilaksanakan setelah Kerajaan Barisan Nasional memegang teraju pimpinan negara.

Barangkali ada diantara saudara-saudara di sini masih ingat, saya mula-mula menyebut tentang penubuhan sebuah institusi kewangan seumpama Bank Simpanan Nasional pada 23hb April lalu manakala saya sebagai Menteri Kewangan membuat ucapan dasar di Dewan Rakyat mengenai langkah-langkah anti-inflasi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, saya sukacita dalam tempoh beberapa bulan sahaja, tapak asas bagi institusi yang baru itu telahpun siap disusun dan hari ini Bank Simpanan Nasional dilancarkan dengan rasminya untuk berbakti kepada negara.

Bank Simpanan Nasional ialah satu lagi langkah ke hadapan dalam perkembangan institusi kewangan di negara kita. Bank ini mengambil alih tugas Bank Simpanan Pejabat Pos yang selama beberapa decade ini ditadbirkan sebagai sebuah Jabatan Kerajaan, iaitu merupakan sebahagian daripada Jabatan Pos. Sebaliknya Bank Simpanan Nasional ialah sebuah badan berkanun yang dikelolakan oleh Lembaga sendiri, mengikut undang-undangnya sendiri dan bertanggungjawab kepada Menteri Kewangan mengenai perkara-perkara dasar sahaja. Dengan ini, adalah diharapkan Bank Simpanan Nasional bukan saja akan membawa pembaruan serta kemudahan-kemudahan baharu, tetapi akan mengubah pemikiran rakyat terhadap wang, sesuai dengan perkembangan yang berlaku di negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Butir-butir lanjut mengenai Bank Simpanan Nasional ini telahpun dijelaskan oleh Tuan Pengerusi Bank sebentar tadi, dan dahulu daripada itu telah menjelaskan melalui Radio dan T.V. Oleh itu saya hanya akan menerangkan dengan ringkas peranan yang akan dimainkan oleh Bank ini dalam pembangunan negara. Tugas utama Bank Simpanan Nasional ini ialah menjadi alat Kerajaan yang penting untuk menentang tekanan inflasi. Bank ini akan mengumpulkan wang yang berlebihan dari orang ramai supaya dapat dimobilise dan disalurkan terhadap perbelanjaan pembangunan. Langkah ini merupakan strateji yang positif dalam usaha Kerajaan menghadapi masa genting sekarang ini. Secara tidak langsung, orang ramai dapat pula menunjukkan taat setia mereka dengan menyambut cabaran Bank Simpanan Nasional ini.

Sebagaimana juga Bank Simpanan Pejabat Pos yang dahulu, Bank Simpanan Nasional ini akan memberi kemudahan-kemudahan untuk rakyat di seluruh negara menyimpan wang mereka yang berlebihan itu. Dengan cara ini wang tidak akan digunakan bagi perbelanjaan yang membazir atau untuk lain-lain perkara yang tidak penting. Kita tahu apabila berkurang jumlah matawang yang berkeliling serta berkurang pula kehendak terhadap sesuatu barang, ini akan mengurangkan tekanan terhadap bekalan dan mengurangkan kenaikan harga barang-barang. With less money in circulation and less demand for goods, this in turn will reduce pressure on supply and subsequently on prices. Adalah mustahak dalam keadaan stagflasi ini, orang ramai cuba mengurangkan perbelanjaan dan menyimpan wang yang berlebihan. Wang yang disimpan dalam Bank Simpanan Nasional akan dapat digunakan bagi maksud pembangunan negara. Saya difahamkan, sebagai incentive, Bank Simpanan Nasional akan cuba memberi return yang tinggi kepada penyimpan-penyimpan dan tidak syak lagi ini merupakan daya penarik kepada mereka.

Selanjutnya Bank Simpanan Nasional ini dapat pula menjadi "friendly neighbourhood bank" untuk kesenangan kepada penyimpan-penyimpan. Oleh kerana ia akan terus menggunakan Pejabat-pejabat Pos, sudah tentulah perkhidmatannya sentiasa dekat dengan pelanggan-pelanggannya. Orang-orang biasa, terutama sekali orang-orang kita di kampung, tidak begitu biasa berurusan dengan bank-bank swasta dan pegawai-pegawai bank.

Mereka menganggap bank hanyalah bagi orang yang berpendapatan tinggi dan ahli perniagaan yang besar-besar sahaja. Saya ingin Bank Simpanan Nasional akan membuktikan yang ianya dapat memberikan kemudahan sebagai bank simpanan kepada semua golongan masyarakat, baik yang miskin mahupun yang kaya, dan bagi semua tingkatan umur, dari kanak-kanak sekolah yang berumur tujuh tahun kepada orang-orang tua.

Saudara-saudara sekalian.

Selaras dengan tujuan mengadakan perkhidmatan bank simpanan yang berdekatan dengan rumah pelanggannya, saya suka menarik perhatian Bank Simpanan Nasional supaya mencari penyimpan-penyimpan baru di kalangan peserta-peserta Felda, Felcra dan Kelompok. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan tanah terutama Felda. Saya syorkan bila peserta mula menerima hasil dari tanaman mereka, Bank Simpanan Nasional hendaklah bersedia memberikan kemudahan bank simpanan bagi mereka. Lebih-lebih pula di dalam rancangan kelapa sawit, ada setengah-setengah peserta yang mendapat satu ribu atau dua ribu sebulan dan apabila ditolak bayaran pinjaman dan lain-lain, mereka tentulah masih mampu menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka itu. Dengan itu wang ini tidak diguna untuk membeli barang-barang yang tidak perlu dan membazir. Mereka patut berjimat untuk masa depan mereka.

Daripada keterangan ini adalah jelas bahawa Pengerusi, Pengarah dan semua kakitangan Bank Simpanan Nasional mempunyai tanggungjawab yang berat untuk melaksanakan projek ini hingga berjaya dan seterusnya menjayakan rancangan pembangunan negara. Saya percaya dengan pertolongan Tuhan, dan dengan azam yang teguh, Bank Simpanan Nasional dapat menghadapi cabaran tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukalah saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua yang berkenaan, khasnya Lembaga Pengelola Bank Simpanan Nasional ini, yang telah mengaturkan acara pembukaan pagi ini. Saya harap seluruh kakitangan Bank Simpanan Nasional akan cuba seboleh-bolehnya menunjukkan dedikasi serta rasa bangga mereka terhadap institusi baru ini supaya dapat menyaingi Bank-bank lain, seperti Bank Bumiputra dan Bank Rakyat.

Dengan ini saya bersukacita mengisytiharkan Bank Simpanan Nasional ini dibuka dengan rasminya. Saya bersetuju Bank boleh berbuah tetapi jangan dijolok sebelum masak.

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP PRESIDEN UMNO MALAYSIA DI PERHIMPUNAN KHAS PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DI DEWAN SEMINAR, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 6HB DISEMBER, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Para Perwakilan, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih atas kehadiran saudara-saudara semua di majlis yang penting ini, terutama sekali mereka-mereka yang datang dari jauh.

Inilah pertama kali kita mengadakan perjumpaan seperti ini semenjak kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu. Sukalah saya mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan tahniah kepada saudara-saudara yang telah dipilih sebagai wakil rakyat, samada untuk Parlimen ataupun Dewan Negeri. Begitu juga saya suka mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada Ketua-ketua Bahagian dan ketua-ketua serta pegawai-pegawai Parti yang telah memainkan peranan penting dan bertungkus lumus semasa pilihanraya yang lalu.

Saudara-saudara sekalian.

Saya meminta diadakan perjumpaan yang penting hari ini ialah dengan tujuan untuk memberi peluang kepada pucuk pimpinan Parti untuk menerangkan tentang kedudukan negara kita pada masa ini dan tugas serta tanggungjawab pemimpin-pemimpin Parti dan wakil-wakil rakyat berhubung dengan keadaan itu. Saudara-saudara sekalian maklum, kita sedang menghadapi keadaan yang agak genting disebabkan oleh inflasi dan kemerosotan ekonomi dunia.

Kita semua bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana Parti Barisan Nasional telah mendapat kemenangan yang begitu besar dan UMNO sendiri mendapat kejayaan yang amat gemilang. Kita telah memenangi semua sekali kerusi bagi Dewan Rakyat dan hanya mengalami kerugian dua kerusi bagi Dewan Undangan

Negeri iaitu satu di Kedah dan satu lagi di Selangor. Dengan kemenangan ini nyatalah sebahagian besar daripada rakyat negara ini berdiri dengan teguhnya di belakang Kerajaan Barisan Nasional dan meletakkan kepercayaan dan harapan masa depan mereka di tangan kita.

Sebagai pemimpin-pemimpin Parti di peringkat bawahan atau grassroot, saya ingin saudara-saudara sekalian memahami betul-betul hakikat ini. Oleh kerana negara kita berpegang pada konsep demokrasi berparlimen—Parliamentary democracy—ini bermakna bahawa majority rakyat memberikan kepada kita kuasa untuk mentadbirkan negara serta membimbing rakyat ke arah matalamat kemakmuran dan kebahagiaan yang dicita-cita itu. Mandat atau kuasa yang diberikan oleh rakyat itu berlaku untuk tempoh lima tahun sehingga pilihanraya akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang seringkali saya katakan dulu, harapan saya selepas pilihanraya ini dan dengan kemenangan besar yang kita dapati itu, bolehlah kita menumpukan seluruh tenaga terhadap pembangunan. Kita sedia maklum masaalah inflasi sudahpun mula melanda kita sebelum pilihanraya lagi dan dalam hal ini Kerajaan sentiasa mengambil langkah tertentu dengan tujuan hendak meringankan kesusahan dan penderitaan rakyat disebabkan oleh inflasi itu.

Hari ini masaalah inflasi itu masih belum reda, bahkan keadaan adalah bertambah buruk lagi disebabkan oleh kemerosotan ekonomi negara-negara yang maju akibat kenaikan harga minyak dan kurang kesetabilan matawang dunia. Keadaan ini mengakibatkan harga barang-barang pengeluaran utama kita seperti getah, bijih dan kayu balak—termasuk bahan-bahan daripada kayu—jatuh dan keadaan ini digelar sebagai stagflasi oleh pakar-pakar ekonomi.

Apa yang amat mendukacitakan ialah semasa kita hendak meneruskan usaha-usaha pembangunan, dan ditambah pula dengan keadaan stagflasi ini, ada pula anasir-anasir yang hendak menghalang Kerajaan serta menjalankan tipu helah mereka supaya rakyat hilang kepercayaan terhadap Kerajaan dan seterusnya benci kepada Kerajaan.

Selama ini kita tahu hanya anasir-anasir komunis dan anti-nasional sahaja yang berbuat demikian, tetapi sekarang ini

kumpulan-kumpulan lain iaitu parti-parti pembangkang yang telah menderita kekalahan dalam pilihanraya menjalankan tindak tanduk yang sama dan melakukan segala helah dan cara dengan tujuan mencapai cita-cita politik mereka yang gagal semasa pilihanraya dulu.

Kita tahu juga adanya golongan pelajar-pelajar kita yang pada masa akhir-akhir ini nampaknya mudah sekali terpengaruh ataupun membenarkan diri mereka diperalatkan oleh anasir-anasir anti-nasional dan "discredited politicians" yang saya katakan tadi. Yang lebih menyedihkan lagi ialah golongan pelajar-pelajar yang terlibat ini kebanyakannya datang dari kampung-kampung dan hanya boleh menikmati kemudahan pelajaran lanjutan atau pengajian tinggi di Institusi-institusi dan Uniiversiti-universiti dengan bantuan Kerajaan. Bahkan ada juga pelajar-pelajar kita di seberang laut yang terlibat sama dalam kegiatan anti-Kerajaan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Saya ingin sekali lagi mengingatkan mereka itu bahawa kita mengamalkan demokrasi berparlimen yang memberi kita kebebasan-kebebasan. Tetapi Demokrasi ada mempunyai aturan dan peraturan atau rules of the games. Dalam demokrasi berparlimen, kita mengadakan pilihanraya dari semasa ke semasa dan terpulanglah kepada rakyat bagi memberikan mandat mereka kepada sesuatu Parti yang mereka itu percayai. Selepas rakyat telah memberi keputusan dalam Pilihanraya, semua pihak mesti patuh kepada keputusan itu dan memberi kerjasama kepada Parti yang telah mendapat mandat untuk menjalankan pentadbiran sehingga Pilihanraya sekali lagi.

Sebaliknya, apa yang kita lihat hari ini—selain dari anasir-anasir dan kuncu-kuncu mereka—golongan politik yang tidak diterima rakyat dan yang mendapat kekalahan teruk dalam pilihanraya yang lalu—mereka inilah yang menggunakan sebahagian pelajar-pelajar untuk menghasut penduduk-penduduk di kampung-kampung menentang Kerajaan dan menghasut pelajar-pelajar supaya berdemonstrasi dan mengambil tindakan di luar undang-undang terhadap Kerajaan. Kita dukacita sebahagian daripada pelajar-pelajar ini membenarkan diri mereka diperalatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Mereka melaung-laungkan berkehendak dan menyokong Demokrasi akan tetapi sebaliknya mereka hanyalah hendak menggunakan Demokrasi bagi

menghancurkan Demokrasi. Oleh itu apabila mereka gagal di gelanggang pilihanraya, mereka meneruskan perjuangan dengan cara lain, bukan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tetapi dijalanraya dan street-corners. Malangnya mereka sendiri tidak berani ke depan bahkan menggunakan pula orang-orang lain untuk menjalankan cita-cita dan hasrat jahat mereka itu. Kerajaan tidak akan berdiam diri dalam hal ini dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sesiapa jua yang hendak menggunakan Demokrasi untuk menghancurkan Demokrasi, dan yang menjalankan tindakan di luar garis undang-undang negara.

Saudara-saudara sekalian.

Kita merasa amat dukacita baru-baru ini didapati ada pelajar-pelajar yang pergi ke kampung-kampung menghasut rakyat untuk bertindak dan berdemonstrasi terhadap Kerajaan kononnya mereka berkata rakyat sedang menderita dan lapar tidak mendapat makanan. Pelajar-pelajar ini adalah satu golongan kecil iaitu daripada mereka yang telah gagal dalam pelajarannya dan yang tahu iaitu masa depan mereka tidak mempunyai harapan yang baik. Jadi mereka membuang masa untuk menghasut rakyat dan juga menghasut pelajar-pelajar yang lain supaya menentang Kerajaan. Saya amat dukacita dan kesal dengan perbuatan mereka itu khasnya demonstrasi yang berlaku dua tiga hari yang lalu di mana mereka bukan saja menjalankan kekerasan terhadap pihak Polis tetapi juga menggunakan Masjid tempat beribadat sebagai tempat berlindung dan turut merosakkan rumah ibadat yang mulia itu. Perbuatan seperti ini haruslah dikutuk sekeras-kerasnya terutama bila dilakukan oleh golongan pelajar yang melaung-laungkan bahawa mereka memperjuangkan cita-cita Islam yang maha suci.

Pada masa yang lalu, kita cuba bersikap lembut kepada pelajar-pelajar kita dengan harapan mereka akan sedar dan insaf akan kewajipan mereka iaitu menggunakan sepenuh peluang untuk mendapat pengetahuan dan pelajaran supaya mereka akan menjadi warganegara yang berguna dan dapat berkhidmat kepada kaum keluarga mereka, bangsa dan negara, dan kepada diri mereka sendiri. Tetapi ada sebahagian yang kecil yang terus berdegil dengan sebab-sebab tertentu seperti yang saya sebutkan tadi. Mereka mempunyai perhitungan sendiri dan oleh itu mereka kenalah menerima akibat salah perhitungan mereka itu. Kerajaan telah

bertindak keras terhadap mereka yang melakukan perbuatan sewenang-wenang di luar batas undang-undang dan akan terus bertindak keras pada masa akan datang.

Seperti yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Pelajaran[1] dalam Dewan Rakyat dua hari yang lalu, Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan begitu banyak untuk membiayai Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara kita dan pukul rata perbelanjaan bagi seorang mahasiswa tidak kurang dari $3,000 membawa kepada $9,000 setiap tahun. Ini adalah perbelanjaan yang besar kalau dibandingkan dengan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk pembangunan di kawasan luar bandar dan saya percaya saudara-saudara sekalian tentulah tidak ingin melihat pelajar-pelajar kita membazir wang yang sebegitu banyak. Saya suka juga mengulangi apa yang dikatakan oleh Y.B. Menteri Pelajaran iaitu jika pelajar-pelajar tidak sanggup belajar dan menggunakan peluang yang diberikan kepada mereka maka Kerajaan harus terpaksa mengurangkan perbelanjaan yang dikeluarkan setiap tahun bagi membiayai perbelanjaan Pusat-pusat Pengajian Tinggi. Begitu juga pihak-pihak berkuasa Pusat-pusat Pengajian Tinggi mestilah berusaha mengawal dan mengawasi pelajar-pelajar yang di bawah jagaan mereka dan janganlah terlalu bersikap liberal. Tatatertib serta akhlak mestilah diawasi kerana perkara-perkara ini adalah kewajipan dan tanggungjawab mereka. Saya dapati ada beberapa orang pensyarah dan academic staff yang sama-sama menghasut pelajar-pelajar mengadakan demonstrasi dan mengambil tindakan di luar garis undang-undang. Tindakan tegas terpaksa diambil terhadap mereka ini.

Saudara-saudara sekalian.

Rakyat di negara kita daripada berbagai lapisan ada mempunyai tanggungjawab masing-masing. Menteri-menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan bertanggungjawab menjalankan pentadbiran Kerajaan. Pelajar-pelajar bertanggungjawab belajar dan mengisi ilmu di dada supaya mereka boleh mengambil tempat ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang untuk mengawal dan mentadbirkan negara kita yang dikasihi. Oleh itu mustahaklah tiap-tiap pihak menjalankan tugas masing-masing dengan tidak campur tangan dan cuba mengambilalih tugas pihak-pihak yang lain.

---

[1] Y.B. Dr Mahathir Mohammad.

Saudara-saudara sekalian.

Saudara-saudara sebagai pemimpin-pemimpin Parti dan Wakil-wakil Rakyat adalah mempunyai tanggungjawab bagi mewakili rakyat dan menjaga kepentingan rakyat. Oleh itu, kita mesti memegang dan menjalankan tugas ini dan kita tidak boleh menyerahkannya kepada sesiapa. Saya tahu dan saya nampak pihak pelajar-pelajar yang disebutkan tadi cuba hendak mengambilalih tugas-tugas ini dan cuba hendak mewakili rakyat kononnya hendak membela nasib mereka yang dikatakan menderita itu. Pelajar-pelajar ini tidak boleh berbuat apa-apa, tidak boleh menolong rakyat walau bagaimanapun mereka menderita. Yang boleh menolong rakyat ialah kita semua—Kerajaan yang didukung oleh Parti kita hari ini yang mendapat mandat yang besar daripada rakyat.

Oleh itu, mustahaklah saudara-saudara menerangkan kepada orang ramai terutama rakyat di kampung-kampung mengenai kedudukan yang sebenarnya. Semasa Pilihanraya dulu, kita berjanji akan berbuat apa juga yang boleh demi kepentingan rakyat dan kemajuan negara, dan janji suci itu tetap akan ditunaikan. Kita dukacita pada masa kita menghadapi keadaan ekonomi yang agak genting dan rakyat mengalami kesulitan. Akan tetapi Kerajaan tidak akan lari daripada tanggungjawabnya dan akan sentiasa menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk mengatasi masaalah-masaalah rakyat supaya bebanan ekonomi yang merosot ini dapat diringan-kan.

Kita semua maklum, baru-baru ini rakyat di beberapa tempat di Kedah dan di Perak dan juga di satu dua tempat yang lain, dengan hasutan daripada pihak-pihak yang tertentu, termasuk pelajar-pelajar, telah mengadakan demonstrasi dan menuntut tindakan daripada Kerajaan, berikutan dengan jatuhnya harga getah. Kerajaan sedia sedar hal ini dan Kerajaan bukanlah ber-diam diri memandang saja akan penderitaan rakyat itu. Akan tetapi, hendaklah kita faham masaalah pasaran getah ini bukanlah perkara yang mudah kerana ianya masih di luar kawalan kita. Bagaimanapun, baru-baru ini kita telah mengambil tindakan yang tegas untuk hendak menstabilkan pengeluaran getah dan kita sukacita dengan tindakan itu harga getah telah meningkat naik dan kita berharap akan kekal dengan keadaan seperti itu. Walau bagaimanapun, perkara ini tidaklah membolehkan rakyat meng-ambil tindakan di luar garis undang-undang yang akan membawa

akibat yang buruk kepada mereka sendiri. Kita semua tentu mengetahui, negara kita adalah bernasib baik jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang lain. Kita tidak perlu menghadapi kelaparan kerana tanah negara kita subur dan barang-barang makanan keluaran kita terutama beras adalah cukup. Perkara yang penting sekarang ini mustahaklah kita melipatgandakan usaha-usaha kita mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan dengan lebih banyak lagi supaya tiap-tiap orang dapat berdiri di atas kakinya sendiri. Seruan ini telah lama dan kerapkali saya dan Kerajaan telah buat semenjak mulanya kita menghadapi masaalah inflasi.

Bagi melaksanakan dasar dan hasrat Kerajaan ini, Kerajaan bercadang supaya gerakan mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan sehari-hari ini dijalankan dengan cara besar-besaran. Untuk tujuan ini, Kerajaan sedang menyediakan satu "Master Plan" atau pelan induk sama seperti Rancangan Pembangunan Luar Bandar menurut sistem Buku Merah dulu. Sekarang kita akan mengadakan satu buku lagi iaitu Buku Hijau di mana Kerajaan-kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai di peringkat daerah akan dikehendaki menyediakan rancangan-rancangan yang tertentu untuk dilaksanakan dari masa ke semasa.

Begitu juga di peringkat kampung-kampung, Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan dikehendaki menerangkan dengan mengadakan peta-peta menunjukkan bagaimana tanah masing-masing telah diusahakan iaitu samada tanah-tanah yang diberikan oleh Kerajaan telah diusahakan dengan sepenuhnya atau tidak. Begitu jugalah semua pihak diminta menerangkan rancangan-rancangan kecil di kawasan luar bandar samada telah dijalankan menurut kehendak-kehendak rakyat sebenarnya ataupun tidak. Dengan cara semacam itu, kita boleh mempastikan yang rancangan-rancangan tersebut itu dijalankan dengan sempurna dan mempastikan yang tenaga Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat, pegawai-pegawai Kerajaan dan juga rakyat jelata akan dapat ditumpukan kepada usaha-usaha yang sebenarnya boleh memberi faedah kepada rakyat dan negara.

Saya juga telah memberi arahan iaitu rancangan bagi mengadakan bandar-bandar baru dan pusat-pusat pertumbuhan di luar bandar mestilah dipercepatkan lagi supaya rakyat di luar bandar dapat mempunyai kehidupan yang sempurna dengan mendapat kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di bandar-bandar.

Perbadanan-perbadanan Kerajaan terutama sekali Perbadanan Kemajuan Negeri mestilah mengutamakan usaha-usaha di kawasan luar bandar dan di bandar-bandar kecil. Di bandar-bandar besar, rancangan-rancangan sedang berjalan dengan pesat tetapi di bandar-bandar kecil dan di kawasan luar bandar, usaha-usaha perlulah dilipatgandakan kerana rakyat jelata di kampung-kampung suka hendak melihat sendiri kehasilan daripada dasar-dasar Kerajaan. Hanyalah dengan mereka itu faham dan mengetahui akan rancangan-rancangan yang dijanjikan oleh Kerajaan itu ada berjalan dan mereka sendiri nampak di hadapan mata mereka, barulah mereka tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diingini yang bertujuan semata-mata hendak menentang Kerajaan dan memburukkan nama Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya ingin menegaskan iaitu Kerajaan kita yang telah menerima mandat yang besar daripada rakyat tidak boleh dipaksa-paksa oleh mana-mana pihak. Kita tidak akan membiarkan sesiapa saja menggunakan tindak tanduk yang di luar garis undang-undang, baik golongan pelajar ataupun golongan-golongan lain. Kita mempunyai pentadbiran yang teratur daripada Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung membawa kepada peringkat Daerah, Negeri dan Pusat. Begitu juga Parti kita UMNO ada mempunyai Cawangan-cawangan di setiap kampung membawa kepada Bahagian-bahagian dan seterusnya kepada Negeri.

Oleh itu sepatutnya orang-orang kita di kampung-kampung menggunakan jentera yang ada—jentera Kerajaan dan jentera Parti—untuk menyelesaikan sebarang masaalah yang timbul dari semasa ke semasa. Dalam hal kesulitan rakyat berhubung dengan apa perkara sekalipun, sepatutnya pemimpin-pemimpin di peringkat kampung, Cawangan-cawangan dan peringkat Bahagian hendaklah mengambil langkah menghuraikan perkara-perkara ini kepada rakyat dan menahan mereka daripada mengambil tindakan di luar garis undang-undang.

Kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti demonstrasi-demonstrasi yang berlaku sedikit sebanyak itu tak dapat tiada membayangkan kelemahan pimpinan Parti kita di peringkat bawah—di peringkat Bahagian dan Cawangan. Oleh itu mustahak-lah wakil-wakil rakyat bersama-sama dengan ketua-ketua Parti di peringkat bawah memberi bimbingan dan pimpinan yang dikehendaki itu. Saya harap perkara ini dapat diperbetulkan.

Kelaparan tidak patut berlaku di negara kita, apatah lagi di Negeri Kedah yang kita semua kenal sebagai negeri jelapang padi Malaysia. Saya fikir kalau kita renung perkara ini, pasti kita bersetuju iaitu kejadian ini tidak munasabah berlaku di negara kita. Oleh itu mustahaklah pemimpin-pemimpin Parti kita di peringkat bawah, di kampung-kampung serta Wakil-wakil rakyat sentiasa mendampingi diri dengan rakyat supaya tahu akan masaalah-masaalah mereka dan memberi bimbingan mencari huraian kepada masaalah-masaalah itu. Kepercayaan inilah yang saya letakkan di atas bahu saudara-saudara dan saya harap saudara-saudara tidak akan mengabaikan kepercayaan saya itu. Kalau ahli-ahli dan penyokong-penyokong kita di peringkat Cawangan-cawangan kuat dan patuh kepada Parti dan Kerajaan, saya percaya rakyat akan patuh kepada pimpinan Kerajaan kita dan kepercayaan mereka terhadap dan Kerajaan dapat dikekalkan.

Saudara-saudara sekalian.

Kalau kita pemimpin-pemimpin Parti dan wakil-wakil rakyat gagal menunaikan tanggungjawab kita dan gagal memberi pimpinan dan ketuaan kepada rakyat, ini bermakna kita melepaskan rakyat ramai supaya diexploitasikan oleh anasir-anasir subversif, anti-nasional dan golongan yang menentang Kerajaan. Saya sekali-kali tidak ingin perkara-perkara yang tersebut berulang lagi dan kita hendaklah sentiasa mengawasi dari awal-awal supaya tidak akan berlaku. Dengan sebab itulah saya meletakkan sepenuh kepercayaan kepada saudara-saudara pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong Parti kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna dan penuh dedikasi.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti saya katakan pada awal tadi, Kerajaan akan bertindak tegas terhadap anasir-anasir dan golongan-golongan yang cuba hendak meracun fikiran rakyat dan menghasut rakyat dengan sentimen anti-Kerajaan dan cuba dengan cara kekerasan hendak menumbangkan Kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat sesuai dengan proses Demokrasi yang kita junjung tinggi itu. Golongan ini, baik orang-orang politik ataupun pihak-pihak yang lain, sayugialah menghormati undang-undang negara dan aturan dan peraturan negara. Kalau tidak mereka akan menerima padah perbuatan mereka itu menurut undang-undang negara kita.

Hari ini kepercayaan rakyat di tangan kita dan mandat suci rakyat ini mestilah kita pertahankan. Mana-mana pihak yang cuba hendak mengubah perjalanan Kerajaan ataupun menjatuhkan Kerajaan menurut Perlembagaan dengan cara Demokrasi kenalah menunggu Pilihanraya yang akan datang manakala rakyat akan menentukan kepada siapa mereka hendak berikan mandat yang baru.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam Dewan Rakyat oleh Y.A.B. Datuk Hussein Onn,[2] kita bahkan seluruh dunia akan menghadapi masa genting dalam beberapa bulan yang akan datang. Kerajaan dan rakyat hendaklah bersedia menghadapi cabaran dan ujian besar ini. Kita sudahpun menentukan garis-garis langkah yang akan diambil, terutama dalam pengeluaran bahan-bahan makanan yang melibatkan pembukaan tanah secara besar-besaran. Di samping itu, langkah-langkah telah diambil bagi menstabilkan pengeluaran getah supaya mendapatkan harga yang wajar bagi pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh rakyat di kampung-kampung. Begitu juga kita sedang mengambil langkah-langkah untuk mengeluarkan barang-barang keperluan dengan lebih banyak supaya dengan itu harga barang-barang keperluan akan turun dan ini akan dapat meringankan bebanan rakyat.

Segala kegiatan-kegiatan Kerajaan ini dan juga kegiatan-kegiatan yang lain akan diterangkan oleh Menteri-menteri yang berkenaan termasuklah kedudukan keselamatan dalam negeri, soal pelajaran dan pembangunan.

Saudara-saudara sekalian.

Akhir sekali, saya mengucapkan terimakasih atas perhatian yang saudara-saudara berikan terhadap tugas serta kewajipan kita sebagai wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin Parti dalam menunaikan tanggungjawab kita kepada bangsa dan negara. Saya akhiri dengan doa dan harapan mudah-mudahan Allah s.w.t. akan memberkati segala usaha kita serta memberikan perlindunganNya kepada kita setiap masa.

Sekianlah sahaja, disudahi dengan wassalamualiakum warah-matullahi wabarakatuh.

---

[2] Y.B. Menteri Kewangan.

TR 4:12:74

UCAPAN PERDANA MENTERI MELALUI RADIO/TV MALAYSIA, BERHUBUNG DENGAN DEMONSTRASI-DEMONSTRASI PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI PADA 8HB DISEMBER, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka mengambil peluang pada malam ini bercakap kepada saudara-saudara sekalian berkenaan dengan peristiwa demonstrasi dan juga gerakan-gerakan haram yang dijalankan oleh penuntut-penuntut di Universiti-universiti dan Institiusi-institiusi Pengajian Tinggi di negara kita baru-baru ini. Seperti kita semua maklum, pada minggu yang lepas, beberapa demonstrasi telah berlaku di Negeri Kedah dan juga di utara Negeri Perak yang dihasut oleh pihak penuntut-penuntut dan anasir-anasir lain yang melibatkan penduduk-penduduk luar bandar.

Pada 3hb ini, penuntut-penuntut dari Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya, Institiut Teknoloji MARA, Institiut Teknoloji Kebangsaan dan Kolej Tunku Abdul Rahman telah mengadakan demonstrasi secara haram di Padang Selangor Club di Ibu Kota Kuala Lumpur. Oleh sebab perbuatan ini melanggar undang-undang negara, pihak Polis terpaksa mengambil tindakan untuk menyuraikan mereka. Akan tetapi, sebahagian daripada mereka itu masih berdegil dan telah lari berlindung dalam Masjid Negara. Di Masjid Negara mereka telah melakukan berbagai perbuatan yang cemar iaitu seperti mengugut pegawai-pegawai Masjid dan merosakkan perkakas-perkakas di Masjid itu dan juga telah membaling batu serta pasu-pasu bunga terhadap pihak Polis yang berada di luar Masjid serta orang-orang lalu lalang dijalanraya.

Saudara-saudara sekalian.

Oleh sebab pihak Polis memikirkan perbuatan penuntut-penuntut ini akan membahayakan keselamatan rakyat dan ketenteraman awam, maka dengan permintaan Imam Besar Masjid Negara, anggota-anggota Polis telah masuk ke dalam Masjid bagi menyuraikan penuntut-penuntut itu. Penuntut-penuntut yang berdegil telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah pada 4hb untuk dibicarakan menurut undang-undang negara.

Kerajaan sangat memandang berat atas perkara ini dan pihak Polis telah mengambil langkah mengawasi Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan juga ITK dan ITM. Adalah nyata di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan khasnya, penuntut-penuntut menyalahgunakah kebebasan Universiti dengan menjadikan Kampus itu sebagai kubu mereka untuk merancang dan menjalankan kekerasan, mengadakan demonstrasi serta menggganggu ketenteraman awam. Malam hari Jumaat, 6 Disember mereka cuba keluar daripada Kampus dan telah membakar kayu-kayu yang berada di tepi jalan termasuklah tanda-tanda jalan dan juga merosakkan lampu isyarat dan pondok-pondok Polis yang berdekatan dengan Universiti.

Apabila didapati keadaan ini tidak juga reda sejak beberapa hari sehingga kelmarin hari Sabtu, 7hb Disember, Kerajaan telah mengambil kesimpulan kalau tindakan tegas tidak diambil terhadap ketua-ketua penuntut yang menghasut itu, keadaan akan menjadi bertambah buruk lagi. Tambahan pula ketua-ketua penuntut itu berlindung dalam bilik-bilik asrama Universiti tetapi yang keluar menjalankan gerakan ialah penuntut-penuntut lain yang terikut-ikut sahaja iaitu mereka yang boleh dikatakan tidak bersalah.

Kerajaan juga berpendapat bahawa pihak berkuasa di Universiti-universiti tersebut nampaknya tidak dapat lagi mengawal ketenteraman di dalam Universiti. Setengah-setengah kelas kuliah yang berjalan sentiasa terganggu sehingga tidak dapat dihadiri oleh penuntut-penuntut, sedangkan bilangan ramai penuntut-penuntut ingin meneruskan pelajaran mereka. Oleh yang demikian, pada waktu subuh pagi tadi, pihak Polis telah masuk ke dalam Kampus Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya dengan tujuan hendak menangkap ketua-ketua penuntut yang ada menyembunyikan diri di situ. Gerakan ini telah dapat dijalankan dengan sempurna dan boleh dikatakan semua ketua-ketua penuntut yang bertanggungjawab melancarkan gerakan haram itu sekarang telah ditangkap dan ditahan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka menerangkan iaitu Kerajaan mengambil langkah ini ialah pertama dengan tujuan hendak mengamankan negara, hendak menjaga supaya gerakan-gerakan haram ini tidak merebak dan melibatkan pihak-pihak lain yang boleh membawa kepada

pertumpahan darah dan kehilangan jiwa. Yang kedua, Kerajaan hendak mengasingkan ketua-ketua penuntut yang bertanggung-jawab dalam hal ini daripada penuntut-penuntut yang tidak bersalah yang telah dipaksa oleh mereka supaya ikut melakukan perbuatan jahat mereka itu.

Kita mempunyai lebih kurang 20,000 penuntut di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara kita dan ketua-ketua penuntut yang menjalankan perbuatan jahat ini hanyalah sebilangan kecil iaitu sepuluh hingga lima belas orang saja. Mereka ini adalah dipengaruhi oleh anasir-anasir Komunis dan anasir-anasir daripada luar negeri yang bertujuan hendak menimbulkan huru hara di negara kita. Seperti saya sebutkan dalam Persidangan UMNO pada hari Jumaat yang lalu, penuntut-penuntut yang menjadi ketua-ketua adalah mereka yang telah gagal dalam pengajian dan mereka tidak mempunyai niat lagi hendak belajar dan semata-mata hendak menjalankan gerakan-gerakan jahat menentang Kerajaan untuk menimbulkan huru hara di kalangan rakyat. Oleh itu Kerajaan berharap dengan ketua-ketua ini dipisahkan daripada penuntut-penuntut yang lain, penuntut-penuntut yang lain dapatlah meneruskan pengajian mereka dengan sempurna serta tidak diganggu oleh mana-mana pihak.

Saya suka menegaskan kepada ibu-bapa supaya jangan bimbang di atas hal ini kerana Kerajaan bertujuan baik hendak menjaga kepentingan sebahagian besar penuntut-penuntut di Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang kita kehendaki supaya menumpukan masa dan tenaga mereka kepada pelajaran dan lulus dalam peperiksaan serta menjadi warganegara yang berguna. Negara kita berkehendakkan ramai orang-orang yang terpelajar untuk menjalankan pentadbiran dan membawa kemajuan kepada rakyat sekalian. Kerajaan telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk memberi pelajaran kepada penuntut-penuntut kita dan Kerajaan tidak suka melihat wang rakyat yang begitu banyak disia-siakan sahaja.

Sekarang dengan ketua-ketua penuntut yang bersalah menjalankan perbuatan jahat dan khianat itu telah dipisahkan daripada sebahagian besar penuntut-penuntut yang lain, saya yakin dan percaya keadaan di Universiti-universiti itu dapat dipulihkan dan penuntut-penuntut sekalian dapat meneruskan pelajaran mereka seperti sediakala.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka juga menegaskan di sini iaitu penuntut-penuntut ini dalam surat-surat siaran yang dikeluarkan oleh mereka ada menyebutkan iaitu rakyat khasnya di Baling lapar kerana keadaan inflasi. Kata-kata mereka itu adalah dusta dan bohong semata-mata kerana kita semua tahu di negara kita ini tidak ada orang yang lapar apatah lagi mati kebuluran. Perkara ini tidak mungkin berlaku selagi rakyat sanggup berusaha mencari rezeki.

Kerajaan sedar disebabkan keadaan inflasi sekarang ini dan juga kemerosotan ekonomi dunia, rakyat di kampung-kampung khasnya menghadapi sedikit kesusahan, tetapi kesusahan rakyat di negara kita ini sangat jauh kurangnya kalau dibandingkan dengan keadaan yang dialami oleh negara-negara lain.

Kerajaan telah mengambil apa jua langkah yang difikirkan perlu dan munasabah bagi meringankan bebanan rakyat. Berkenaan dengan harga getah, Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas baru-baru ini dan sekarang harga getah telah mula meningkat naik. Hari ini harga getah telah naik 143 sen sekilo atau lebih kurang lapan puluh lapan sen sekati berbanding dengan seminggu dulu, dan Kerajaan telah menjalankan gerakan membeli getah terus dari pekebun-pekebun kecil supaya dengan itu rakyat boleh mendapat harga yang sewajarnya. Faedah-faedah dari langkah Kerajaan ini nyata sekarang telah diterima oleh rakyat di kampung-kampung. Begitu juga saya telah mengisytiharkan baru-baru ini kita akan melancarkan gerakan Buku Hijau iaitu pengeluaran hasil pertanian secara besar-besaran untuk hendak menambah barang-barang makanan dan keperluan sehari-hari dengan lebih banyak lagi. Inilah perkara yang penting sekali yang dapat kita ambil untuk hendak mencegah inflasi atau stagflasi yang kita hadapi masa ini.

Akan tetapi, kalau ada puak anti-nasional dan Komunis dan juga penuntut-penuntut yang dipengaruhi oleh mereka itu menjalankan gerakan dan demonstrasi haram ini, sudah tentulah akan menghalang Kerajaan daripada menjalankan usaha-usahanya. Kita menghantar penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi bukanlah dengan tujuan supaya mereka berdemonstrasi tetapi ialah untuk belajar dan mengisi dada dengan ilmu pengetahuan supaya menjadi rakyat yang berguna. Kita semua sayang kepada anak-anak muda kita terutama sekali penuntut-penuntut di pusat-pusat

pengajian tinggi. Sebahagian besar daripada penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi itu diberi kemudahan yang cukup, diberi biasiswa dan ada setengah daripada mereka tidak mempunyai kelayakan yang cukup untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi tetapi Kerajaan masukkan juga kerana kita benar-benar hendak memberi peluang kepada mereka itu untuk mendapatkan pelajaran tinggi dan untuk menjadi rakyat yang berguna kepada negara.

Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa sangat sedih dengan keadaan yang berlaku ini. Lebih-lebih pula sedih dengan perbuatan penuntut-penuntut yang kebanyakannya datang daripada kampung-kampung dan daripada golongan yang miskin yang telah diberi peluang penuh oleh Kerajaan untuk mendapat pelajaran tinggi. Mereka itu patutlah insaf kepada keadaan mereka itu sendiri, insaf kepada kedudukan ibu-bapa mereka dan masa hadapan mereka. Mereka itu patut mengenang keadaan mereka itu pada masa sebelum masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi dan mereka itu patut menumpukan masa dan usaha belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat menolong ibu bapa mereka, kaum keluarga mereka yang miskin dan kepada diri mereka sendiri.

Saya telah berkhidmat dalam Kerajaan berpuluh-puluh tahun lamanya. Pada masa saya mula-mula menjadi Menteri Pelajaran pada tahun 1955 dulu, penuntut-penuntut Melayu di Universiti hanyalah sebilangan kecil lebih kurang 11% sahaja. Hari ini ada belasan ribu penuntut-penuntut Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi. Pada masa dahulu kita hanya ada sebuah Universiti saja iaitu Universiti Malaya. Sekarang ini kita ada lima buah Universiti—Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian, Universiti Sains Malaysia dan Institiut Teknoloji Kebangsaan. Selain daripada itu, kita telah mendirikan kompleks bangunan yang besar bagi Institiut Teknoloji MARA dengan tujuan memberi peluang kepada penuntut-penuntut yang tidak mempunyai kelayakan untuk mendapat pelajaran kelulusan yang tinggi sama dengan Universiti. Nyatalah apa saja usaha yang patut diambil dalam lapangan pelajaran untuk menolong penuntut-penuntut yang miskin terutama orang-orang Melayu telahpun dijalankan. Peluang-peluang yang besar diberi kepada mereka itu iaitu peluang-peluang yang mereka tidak boleh mimpikan pada

masa penjajahan dulu. Sebaliknya penuntut-penuntut inilah yang sekarang menjalankan gerakan haram menentang Kerajaan yang memberikan kemudahan-kemudahan kepada mereka itu.

Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa sangat sedih, sangat dukacita di atas peristiwa yang berlaku seminggu ini akan tetapi sebagai Perdana Menteri yang mengetuai Kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyat, saya tidak akan lari daripada tanggungjawab saya bagi menjaga keamanan dan ketenteraman negara dan menjalankan langkah-langkah untuk menolong rakyat yang miskin dan yang berpendapatan rendah. Sudah dua puluh tahun saya berkorban tenaga, usaha dan fikiran yang ada pada saya untuk kepentingan bangsa dan negara. Saya sedia terus berkorban hatta jiwa raga saya sendiri. Akan tetapi biarlah dengan pengorbanan itu negara kita aman dan rakyat maju terutama sekali mereka yang miskin mendapat tempat yang sewajarnya di negara kita yang dikasihi ini. Selagi saya diberi kepercayaan oleh rakyat memimpin Kerajaan dan Kerajaan ini adalah mempunyai mandat yang besar dari rakyat, saya dan rakan-rakan saya akan terus menjalankan tanggungjawab berpandu kepada prinsip Demokrasi dan Rukunegara dan akan mempertahankan undang-undang yang terkandung dalam Perlembagaan kita. Saya penuh yakin perkara ini akan diredai Allah demi kepentingan Bangsa dan Negara.

Saya harap dengan keterangan-keterangan yang saya berikan ini, saudara-saudara akan jelas dan faham akan kedudukan yang sebenarnya dan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan dalam menjalankan segala langkah untuk mengekalkan ketenteraman, keamanan dan keharmonian di kalangan seluruh rakyat.

Sekianlah sahaja, selamat malam.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN RASMI RANCANGAN PERHUBUNGAN MASYARAKAT DI DEWAN JAMUAN, BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR PADA 19HB DISEMBER, 1974

Yang Berbahagia Tun V. T. Sambanthan, Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara, Ahli-ahli Majlis Perhubungan Masyarakat, Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira pagi ini dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat bersama-sama pada peristiwa yang penting dan bersejarah ini iaitu pelancaran rasmi Rancangan Perhubungan Masyarakat atau Community Relations Programme. Rancangan ini mempunyai hikmat yang besar dalam context pembangunan masyarakat dan juga pembangunan negara yang kita lakukan sekarang ini.

Pada 6hb Ogos, 1972 dahulu, saya telah melancarkan Gerakan Pembaharuan peringkat nasional di Dungun, Trengganu. Antara lain-lain pada masa itu, saya telah menekankan betapa penting dan mustahaknya Pembangunan Masyarakat dilaksanakan bukan sahaja di kawasan-kawasan luar bandar tetapi semestilah juga untuk penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan bandar.

Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan dengan terlancarnya Rancangan ini, gerakan Pembangunan Masyarakat telah meluas dan meliputi kedua-dua sektor rakyat dan membawa kita setapak lagi maju ke depan dalam usaha membawa perpaduan rakyat yang sebenarnya. Inilah pertama kali dirancang dan dilahirkan satu penyatuan rancangan Pembangunan Masyarakat untuk kawasan-kawasan dalam bandar yang mana matalamat-matalamat nya telahpun diterangkan sebentar tadi oleh Tun V. T. Sambanthan. Pada garis kasarnya rancangan ini bertujuan untuk mewujudkan persefahaman yang lebih luas serta kerjasama yang lebih erat dan sempurna di kalangan masyarakat berbagai kaum dalam bandar, dan serentak dengan itu memupuk kerjasama yang lebih erat antara rakyat dengan Kerajaan.

Sesungguhnya pelancaran Rancangan Perhubungan Masyarakat yang dijalankan serentak bagi seluruh negara hari ini mempunyai

makna yang sangat besar, kerana kita sekalian tentu ingat di Kuala Lumpur inilah meletusnya peristiwa racial riot atau rusuhan kaum yang paling buruk dalam sejarah negara pada 13hb Mei, 1969, dulu. Sempena dengan peristiwa yang bersejarah pada hari ini, marilah kita sama-sama berdoa agar peristiwa yang buruk itu tidak akan berulang lagi. Syukur Alhamdulillah, rakyat dari setiap lapisan dan golongan sedar serta insaf akan hal ini dan saya percaya mereka akan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan harmoni dan muhibbah di kalangan rakyat seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti dikatakan tadi, rancangan Perhubungan Masyarakat bukan saja membawa makna yang besar tetapi sangatlah mustahak dalam semua proses pembangunan negara. Selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara, kita sedang membentuk satu masyarakat Malaysia baru yang teguh dan bersatu serta mempunyai identiti sendiri. Lazimnya di kawasan-kawasan bandar atau metropolis terdapat cross-current kehidupan berbagai-bagai kaum dan oleh itu identiti crisis ini sangatlah genting dan memerlukan perhatian yang istimewa.

Seperti dimaklum, kita sekarang sedang berusaha menyusun semula masyarakat kita untuk menentukan supaya faedah-faedah daripada pembangunan negara akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dengan lebih saksama. Kita tahu di kawasan bandar terdapat peluang-peluang dengan banyaknya kerana kebetulan di sanalah terletaknya sebahagian besar aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindusterian negara kita.

Keadaan yang demikian sedang diubah dan walaupun Kerajaan dan pihak swasta telah berganding bahu memodenkan sektor luar bandar dengan memperbanyakkan peluang-peluang kerja dan kemudahan-kemudahan lain, akan tetapi tarikan kehidupan di bandar masih lagi mempengaruhi penduduk-penduduk luar bandar terutama belia yang menjadi punca urban migration—the bright lights, the job opportunities, opportunities for self-improvement in education and skills.

Sekiranya kita meneliti pattern of population increase penduduk di bandar-bandar, kita dapati bahawa komposisi kaum penduduk-penduduk di kawasan bandar menunjukkan kenaikan peratus orang-orang Melayu iaitu daripada 21% pada tahun 1957 kepada

27.6% di tahun 1970. Daripada pattern ini pemindahan orang-orang Melayu nampaknya lebih ketara dalam bandar-bandar besar di mana penyertaan mereka telah meningkat dari 16.3% dalam tahun 1957 kepada 21.9% dalam tahun 1970.

Meskipun kita mengakui bahawa dalam proses pemodenan masyarakat, pemindahan penduduk daripada luar bandar ini ke kawasan-kawasan bandar tidak dapat dielakkan, kita tidak boleh melupakan pula bahawa kenaikan jumlah penduduk di kawasan ini membawa masaalah-masaalah baru yang rumit seperti wujudnya kawasan-kawasan setinggan dan juga kawasan-kawasan sesak atau slum yang semakin meluas. Penduduk-penduduk baru ini malangnya bukan saja tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan metropolis moden tetapi mengekalkan keadaan dan norma-norma hidup di kampung asal mereka.

Oleh yang demikian, amatlah mustahak setinggan dan sesak ini diberi perhatian yang wajar dan mencari huraian yang praktikal serta berkekalan. Perkara-perkara bersangkut dengan peluang-peluang kerja, rumah kediaman, kemudahan pelajaran, masaalah lalu lintas dan kemudahan rekreasi hendaklah diberi keutamaan kerana semua inilah yang akan menentukan "quality of life" yang kita kehendaki.

Dalam menyelesaikan masaalah-masaalah tersebut, kita mesti menitikberatkan bahawa hasil dari perancangan yang dibuat itu akan mencapai maksud dan matalamat yang ditentukan. Kita tidak semestinya menumpukan perhatian kepada infrastructure kebendaan semata-mata tetapi mestilah melebihkan kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat yang berkenaan.

Saya percaya dengan berjalannya Rancangan Perhubungan Masyarakat ini, maksud untuk mencapai satu bentuk masyarakat yang mempunyai nilai-nilai hidup yang tinggi, yang saling mengerti antara satu dengan lain akan dapat dicapai dengan lebih segera.

Saya harap semua pihak yang terlibat dalam usaha menyusun semula atau restructuring masyarakat kita, akan dapat memberi perhatian yang penuh terutama sekali terhadap jenerasi muda dalam masyarakat kita. Di atas bahu merekalah terletaknya bebanan meneruskan kehidupan budaya bangsa kita pada masa hadapan. Kita bukan saja patut melengkapkan mereka dengan segala yang perlu supaya mereka dapat memberikan sepenuh derma bakti kepada negara demi kebaikan dan kesejahteraan

manusia. Dengan lain-lain perkataan, kita mesti menyediakan mereka agar mereka benar-benar dapat menjadi tumpuan harapan kita bagi masa hadapan.

Saya suka mengesyorkan iaitu patutlah diadakan tempat-tempat di mana mereka ini dapat diberi latihan dan bimbingan yang boleh memperkukuh jasmani dan rohani mereka supaya tidak ada antara mereka menjadi liar atau hilang haluan dan akhirnya menjadi beban pula kepada negara dan bangsa.

Saudara-saudara sekalian.

Saya telah menyatakan pada masa lepas dan saya ingin menegaskan lagi hari ini bahawa pembentukan dan pembangunan negara adalah kait mengait satu sama lain. Pembangunan mesti melibatkan penyertaan rakyat dari segi perancangan dan pelaksanaannya. Ini adalah selaras dengan kehidupan masyarakat kita yang berlandaskan kepada corak hidup demokratik dan hasrat kita hendak membentuk satu masyarakat yang adil dan saksama. Konsep penyertaan ini sepatutnya diterima sebagai satu konsep yang praktikal dan bukan abstrak untuk mengatasi krisis identiti masyarakat kita yang berbilang kaum seperti yang saya sebutkan dahulu. Penyertaan dari semua peringkat masyarakat dalam semua segi kehidupan negara kita boleh mengurangkan salah faham, keraguan dan kebimbingan yang sebenarnya adalah "state of mind" sahaja.

Saya percaya approach ini sangat penting dalam masyarakat berbilang kaum seperti di negara kita. Kerajaan, ahli-ahli politik dan ahli-ahli pentadbir hendaklah sentiasa mendampingi rakyat dan menyesuaikan diri mereka dengan keperluan dan hasrat rakyat. Rakyat hari ini tidak sama lagi dengan rakyat pada masa selepas merdeka dulu kerana mereka lebih menyedari hak-hak politik, ekonomi dan sosial mereka.

Oleh yang demikian, proses kemajuan hendaklah memberi pertimbangan kepada faktor-faktor ini. Satu cara yang boleh dibuat oleh pihak berkenaan di bandar ialah dengan melibatkan masyarakat dalam projek-projek berdikari. Dengan itu dapatlah sedikit demi sedikit menghapuskan prasangka-prasangka yang memisahkan satu kaum dengan yang lain dan seterusnya membawa kepada proses integration. Perkara yang pokok, terutama bagi

masyarakat di bandar ialah menanamkan semangat bahawa masa depan mereka bergantung kepada harmoni dan perpaduan serta common destiny.

Saya yakin proses integration masyarakat bandar akan mudah diterima mereka kalau kita dapat memberikan daya penarik yang bermakna dan simbolik yang senang mereka fahami. Projek-projek kebajikan dan kegiatan-kegiatan lain yang diaturkan itu hendaklah dikaitkan dengan matalamat-matalamat sosial di samping menanamkan pandangan dan rasa kesedaran bahawa usaha-usaha yang dijalankan sekarang akan membawa kepada keuntungan pada masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang pada matalamat jangka panjang perpaduan, amatlah penting projek-projek yang menghendaki penyertaan masyarakat lebih meluas daripada hanya menggalakkan majlis-majlis jamuan ataupun perhimpunan-perhimpunan sosial.

Walaupun usaha-usaha ini berfaedah untuk membawa anggota-anggota masyarakat bersama tetapi ianya tidak seharusnya menjadi matalamat yang terakhir. Lebih-lebih pula golongan berpendapatan rendah yang menjadi sebahagian besar rakyat kita, baik di bandar atau luar bandar mereka tidak nampak gunanya dan tidak pula mampu menyertainya kerana keperluan asasi mereka masih belum tercapai sepenuhnya. Keperluan-keperluan asasi inilah yang kita mesti penuhi dan kita boleh berhasil sekiranya kita menjalankan usaha-usaha yang praktikal yang boleh dilihat kejayaannya oleh mereka itu.

Adalah harapan saya agar pihak-pihak berkenaan menjadikan Rancangan Perhubungan Masyarakat ini sebagai satu alat yang berguna untuk menggerakkan penduduk-penduduk bandar dalam usaha-usaha membaiki kehidupan mereka dan menghapuskan sebarang prasangka di kalangan mereka. Kita hendaklah membimbing rakyat dan memupuk mereka mempunyai cita-cita yang sama mengenai harapan dan keyakinan dalam sebarang usaha untuk membaiki keadaan ekonomi dan sosialnya. Keadaan hari ini memang memerlukan sikap demikian kerana bukan sahaja negara kita tetapi seluruh dunia sedang menghadapi masaalah kemerosotan ekonomi dan inflasi.

Walaupun ekonomi kita masih teguh dan bahan-bahan utama negara kita akan terus dikehendaki oleh dunia, saya suka mengingatkan bahawa akibat dari inflasi ini akan terus dirasakan untuk beberapa lama.

Bagaimanapun, saya mengulangi ikrar Kerajaan akan terus mengawasi keadaan ini dengan teliti dan akan berusaha seberapa boleh mengurangkan kesulitan rakyat. Tetapi kejayaan Kerajaan adalah bergantung kepada sambutan rakyat dan setakat mana mereka akan bersama menghadapi keadaan ini. Kerajaan sendiri tidak dapat berbuat sesuatu yang berkesan tanpa kerjasama daripada rakyat. Oleh yang demikian, patutlah ditanamkan dalam hati sanubari setiap anggota masyarakat perasaan cinta kepada negara dan perasaan ini perlulah diperkukuhkan setiap masa. Bagi negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, asas kerjasama perlulah wujud berdasarkan cinta kepada negara. Melalui kerjasama banyak perkara dapat dicapai hasil daripada usaha-usaha rakyat sendiri berdasar kepada inisiatif mereka. Ini bukanlah satu tugas yang mudah tetapi kita perlu bergerak untuk mencapainya secara bijaksana.

Saya berharap anggota-anggota masyarakat yang dilantik dalam Majlis Perhubungan Masyarakat akan sentiasa berhubung dengan masyarakat-masyarakatnya masing-masing dan menyuarakan keperluan dan hasrat rakyat di samping menyampaikan pandangan-pandangan Kerajaan dalam perkara ini. Adalah harapan saya bahawa Majlis ini akan memainkan peranan memesatkan kerjasama di antara anggota-anggota masyarakat dengan Kerajaan untuk mengatasi masaalah yang sama untuk faedah kedua-dua pihak.

Penyelarasan di antara Rancangan Perhubungan Masyarakat di kawasan-kawasan bandar dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung di luar bandar sangatlah penting. Kedua rancangan ini sama tujuannya iaitu memajukan taraf ekonomi dan sosial rakyat. Kejayaan di bandar adalah tergantung kepada kejayaan di luar bandar kerana walaupun keperluan dan keadaan berbeza, mereka mempunyai kaitan yang erat. Saya menggesa kepada semua pihak yang terlibat untuk menyedari perhubungan-perhubungan ini apabila menjalankan kedua-dua rancangan ini. Matalamat yang akhir dalam usaha-usaha pembangunan kita ialah perpaduan negara. Matalamat ini Insya'Allah akan dapat dijayakan sekiranya rakyat menyedari keadaan-keadaan pembentukan negara di mana dasar-dasar dan projek-projek Kerajaan ditentukan.

Saya yakin Rancangan Perhubungan Masyarakat akan mencapai kejayaan dan saya ingin merayu kepada semua yang terlibat baik ajensi-ajensi Kerajaan, organisasi sukarela dan penduduk-penduduk bandar memberi sokongan yang sewajarnya.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Rancangan Perhubungan Masyarakat seluruh negara dan Majlis Perhubungan Masyarakat bagi Wilayah Kuala Lumpur.



Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein semasa melancarkan Rancangan Buku Hijau di Bilik Gerakan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 20hb Disember, 1974.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)

TR 6:12:74

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE PRIZE-GIVING AND CLOSING CEREMONY OF THE FIRST ASIAN CHESS TEAM CHAMPIONSHIP AT THE DEWAN SRI PINANG, PENANG ON 20TH DECEMBER, 1974

Mr Tan Chin Nam, President, Malaysian Chess Federation, Prof. Dr Max Euwe, President, World Chess Federation, Honoured Guests, Ladies and Gentlemen.

I am greatly honoured and happy to be present here this morning, at this Prize-Giving and Closing Ceremony of the First Asian Chess Team Championship.

It would have been happier still for me to be with you at the Opening Day, but unfortunately my other duties kept me away from witnessing the exciting contest. However, much I missed the games, I would like to extend my heartiest congratulations to the winning team and to all those who participated in the tournament. I believe the other teams too, must have benefitted immensely from this tournament.

To the Organisers of the Tournament, I would like to congratulate them for having successfully organised this Championship, and I hope the Malaysian Chess Federation will mark out its plan for the future in pursuit of attaining greater and higher standard of the game in the country. And, I believe this Federation will live up to the expectation we all have concerning the future of this very patient taxing and highly intellectual game.

Ladies and Gentlemen.

It is said that chess is a game depicting war between two countries. But, unlike modern warfare where tanks and missiles predominate, it is a war of the old-order—where horses and elephants were in their prime, where soldiers were still going strong on their feet. In fact, it is a battle of the fittest—the triumph of strength over weakness. In its ultimate analysis, it is a victory of brains over brawns.

I mention this not because I would like to encourage war nor do I condone it. Our country is a small country and we can

ill-afford to indulge in the luxuries of war with its catastrophic consequences.

However, I mention this to remind ourselves that in this game every person will still learn something of value. We learn to be patient but not complacent. We learn to be alert, to be always vigilant to the many pitfalls and challenges that face us. We learn to be disciplined, as chess is an exercise of self-discipline. And, above all, we learn to be friendly and tolerant. This is important both to the person as an individual and in the context of the nation.

Chess has come down to us through the ages so much so that even today there is still a dispute as to the real origin of Chess. The Chinese, I am told, do not agree that Chess—as is commonly known and accepted—originated from India. They do not, however, say that the game originated from China either, but, true to their philosophic mind, they say that the game must have originated from the same source.

Ladies and Gentlemen.

Be that as it may, the earliest mention of Chess in Chinese literature known so far dates from the 8th century A.D. This tend to support the theory of the Indian origin. According to eminent Orientalists and others familiar with the classic history of Chess, the game originated during the Mogul period in India about 570 A.D. We know that the term "Checkmate" is actually the corruption of the original "Shahmat".

Whatever it may be, it cannot be disputed that Chess started in Asia and we Asians should indeed be proud of that fact. We are proud that this game has caught up with the imagination of the Western world and in fact has spread to every country throughout the world without exception.

Unfortunately, due to lack of patronage and other factors, we Asians not only lose the game but had to be contented with the fact that supremacy in this game had to be decided between the two modern super-powers. The Fischer-Spassky contest brought home the point that we are left far behind and some urgent steps must be taken to redress the situation particulary for us in Malaysia.

It is, therefore, an honour and a source of pride for me and for Malaysia to donate this Trophy which we dedicate to every

Chess player in Asia and also to world peace. With this first contest, I hope there will be renewed interest and enthusiasm in the game and that Chess will be made popular to every man and woman of every age especially the young.

I strongly believe that the young will benefit much from playing this game. Although as I said earlier this game depicts war, it is most unlikely that the game will influence the young minds to warlike or violent activities. On the other hand, Chess will develop in them the habit of patience, dedication and sound judgement. It will teach our youth to be disciplined and to understand the nature of struggle and the true meaning of achievement.

Ladies and Gentlemen.

There was a time when Chess was played extensively in villages and the kampungs throughout the length and breadth of this country. I personally was acquainted with it during my early years in school. But until recently, this game has not quite caught the community at large as, for instance, Football or Badminton. The game is only played as a pastime or as simple recreation whilst perhaps waiting to fulfil some other activities more materialistically rewarding. It is not suprising therefore that Chess has been pushed to the background only to be indulged when time and fancy permit.

Perhaps, it is for this reason that as far as Malaysians are concerned, no one has emerged as a great player from this country. We heard of Chess Masters from the Philippines, from Indonesia, from India, from Australia and New Zealand, but Malaysia has yet to produce one.

It is hoped that with this Tournament the standard of Chess in Malaysia in particular and in Asia in general will find new impetus. I am also happy to note that the Ministry of Education, through the School Sports Council, has been organising Chess Tournaments among schools at State and National levels. Since the last three years, I understand that the response has been most encouraging. In fact, inter-state and open Championships for school children will take place in Kuala Lumpur from the 27th to the 31st of this month.

Ladies and Gentlemen.

Chess has always been regarded as a serious game that can be played only by the genius or accentric. But this is not true. Chess

can be simple or complicated depending on how the game is handled. It is in fact a game which everyone can enjoy, and enjoy it in an intelligent way. Furthermore, it has been demonstrated to us that the game can be played alone, like the game of patience. In fact, it is a game which can be regarded as a companion.

Ladies and Gentlemen.

I am certain, for a long time to come, the game of Chess will command our fascination. We will marvel at and admire in its beauty and subtlety. While the game is on, the audience will remain enruptured and not until the "check-mate" will we lift our head and then we will say with satisfaction that we have come, we have seen and we have conquered.

I hope our guests from other Asian countries while enjoying in displaying their skill in their exciting game have had a pleasant stay in our country. We hope to see them all again in our country not necessarily for a game of Chess for holiday and for relaxation with their families and friends.

With these words, Ladies and Gentlemen, I declare the First Asian Chess Team Championship officially closed.

TR 7:12:74

UCAPAN PERDANA MENTERI MELANCARKAN RANCANGAN BUKU HIJAU DI BILIK GERAKAN PERDANA MENTERI, JALAN DATUK ONN, KUALA LUMPUR PADA 20HB DISEMBER, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya maklumkan pada Persidangan Khas UMNO baru-baru ini, Kerajaan kita akan melancarkan satu gerakan besar-besaran dengan tujuan supaya Negara kita ini akan dapat menghasilkan bahan-bahan makanan untuk secukupnya atau kalau boleh berlebihan dari secukupnya. Saya telah memilih hari ini untuk melancarkan Rancangan Buku Hijau ataupun Gerakan Bumijaya.

Rancangan ini sangat besar maknanya kepada negara kita, terutama dalam masa kita sedang menghadapi masaalah inflasi serta ekonomi yang merosot atau stagflasi ini. Oleh yang demikian, amatlah penting dan mustahak kita menjayakan dengan sepenuhnya rancangan ini supaya segala bahan makanan yang diperlukan oleh negara kita yang kaya dengan hasil bumi dan tanahnya yang cukup subur, dapat kita hasilkan sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Rancangan Buku Hijau ini ialah satu-satunya tindakan positif untuk membantu rakyat mengatasi masaalah-masaalah yang kita hadapi akibat daripada inflasi yang menimpa kita bukan saja di Malaysia ini tetapi juga di seluruh dunia.

Sebagaimana yang sedia dimaklum, inflasi ini berpunca dari luar dan melibatkan barang-barang yang diimpot. Tetapi ini tidaklah habis di sini saja bahkan turut pula menyebabkan kenaikan harga barang-barang lain termasuk bahan makanan. Kenaikan bahan-bahan mentah untuk perindusterian telah juga mengakibatkan industeri-industeri ini mengurangkan pengeluaran.

Syukur Alhamdulillah, keadaan di negara kita tidaklah begitu berat seperti di negara jiran kita. Saya rasa inilah waktunya kita menimbangkan kedudukan ini dengan seberapa teliti dan seluruh tenaga mestilah digembelingkan untuk menghasilkan pengeluaran hasil makanan yang lebih banyak.

Tujuan utama Rancangan Buku Hijau ini ialah untuk menambahkan hasil makanan dengan memaksimakan penggunaan tanah. Perlu ditekankan di sini bahawa perkara yang dipentingkan dalam Rancangan Buku Hijau ialah penggunaan tanah dan bukan hakmilik atas tanah itu. Kita tahu, di setiap negeri Kerajaan telahpun memberikan banyak tanah kepada rakyat, tetapi dukacita saya nyatakan bahawa masih banyak tanah-tanah yang tidak diusahakan.

Pada masa ini ada lebih kurang dua juta ekar tanah yang telah diberi hakmilik tetapi belum lagi diusahakan. Oleh itu kita patutlah mementingkan segi penggunaan lebih daripada milik.

Rancangan Buku Hijau ini sebenarnya adalah lanjutan dan menjadi sebahagian daripada Gerakan Pembaharuan yang saya lancarkan dalam tahun 1972 dulu. Rancangan ini menghendaki rakyat mengambil bahagian yang lebih giat lagi dalam memajukan bidang ekonomi, lebih-lebih pula dalam sektor pertanian. Saya harap rakyat baik di luar bandar mahupun mereka yang diam di bandar akan memberikan sokongan sepenuhnya untuk menjayakannya demi kepentingan mereka sendiri dan juga negara.

Rancangan-rancangan yang diaturkan dalam Buku Hijau ini termasuklah antaranya menggalakkan tanaman jangka pendek iaitu tanaman selingan dan bukan selingan seperti jagung, sekoi dan kacang tanah; menggalakkan ternakan seperti ayam itek dan kerbau lembu; dan menggalakkan pemeliharaan ikan air tawar.

Ketiga-tiga kategori ini adalah rancangan-rancangan yang cepat mendatangkan hasil dan seterusnya menambah pendapatan rakyat.

Bagi pihak Kerajaan pula, langkah-langkah akan diambil bagi melicinkan sistem pemasaran melalui FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain ajensi pertanian bagi menentukan bahawa hasil-hasil rancangan di atas dapat dipasarkan dengan harga yang munasabah.

Di samping itu Kerajaan akan mempesatkan lagi pelaksanaan projek-projek kecil secara gotong-royong untuk melibatkan rakyat dalam usaha-usaha pembangunan infrastruktur di tempat masing-masing.

Saudara-saudara sekalian.

Sudah tentulah perkara yang penting dititikberatkan dalam Buku Hijau ini ialah mengemaskan keseluruhan jentera pentadbiran

Kerajaan bagi mengawasi pelaksanaan rancangan-rancangan yang terkandung di dalamnya. Sebagaimana kita menjalankan Buku Merah dahulu, maka Buku Hijau ini akan mempastikan agar jentera Kerajaan bergerak dengan lebih teratur dan lebih selaras lagi terutamanya di peringkat daerah.

Dalam hubungan ini juga, jentera yang amat penting dalam strateji Buku Hijau ini ialah Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang bertanggungjawab menggerakkan tenaga masyarakat tempatan untuk melipatgandakan pengeluaran bahan makanan dan mengusahakan tanah dengan sepenuhnya. Jawatankuasa Kemajuan Kampung haruslah bekerja rapat dengan ajensi-ajensi pertanian seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, RISDA, FAMA dan Jabatan Pertanian untuk mencapai matalamat yang tersebut tadi. Tiap-tiap kampung akan dikehendaki mengadakan Papan Hijau bagi menunjukkan maklumat penting seperti luas tanah yang boleh digunakan, jenis tanaman, hasil pengeluaran dan matalamat yang hendak dicapai.

Begitu juga, Jawatankuasa Tindakan Daerah dikehendaki memainkan peranan yang lebih besar untuk merancang dan melaksanakan program-program pembangunan di daerah masing-masing. Jawatankuasa Tindakan Daerah, dengan bantuan ajensi-ajensi pertanian bertanggungjawab menentukan kawasan-kawasan penanaman dan jenis-jenis tanaman yang patut digalakkan pada satu-satu masa atau musim. Ia hendaklah juga bertanggungjawab agar rancangan khas ini berjaya sepenuhnya. Butir-butir mengenai rancangan-rancangan ini akan dipamirkan di Bilik Gerakan Daerah masing-masing supaya setiap maklumat dan kemajuan dapat dimonitor pada setiap masa.

Untuk mempastikan rancangan-rancangan dalam Buku Hijau ini dilaksanakan dengan pesatnya, lawatan-lawatan yang lebih kerap akan dibuat oleh Menteri Besar/Ketua Menteri dan Menteri-menteri Kerajaan Pusat. Di peringkat Pusat, saya sendiri, Datuk Hussein Onn, Encik Abdul Ghafar Baba dan Tan Sri Ghazali Shafie akan bertanggungjawab terus mengesan kejayaan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau ini. Kami akan membuat lawatan ke daerah-daerah dan secara mengejut mulai daripada bulan Mac 1975, iaitu dua bulan selepas tiap-tiap daerah menerima arahan membuat persediaan.

Sekretariat atau Urusetia Buku Hijau ini bertempat di Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan

Perdana Menteri. Dua orang pegawai Bahagian Penyelarasan, dua orang pegawai daripada Kementerian Pertanian, seorang pegawai FAMA dan seorang pegawai dari Bahagian Perancang Ekonomi akan tugaskan sebagai satu pasukan kerja (Task Force) untuk mengesan dan menilai kemajuan Rancangan Buku Hijau di setiap tempat dari seluruh negara.

Di peringkat Negeri, penyelarasan rancangan ini ialah tanggung-jawab Pegawai Kemajuan Negeri dan pasukannya.

Di peringkat Daerah pula, Pegawai-pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah bertanggungjawab penuh terhadap perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan di daerah masing-masing. Pegawai-pegawai Daerah mestilah memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap rancangan-rancangan yang telah ditetapkan itu dan mempastikan kejayaannya. Oleh yang demikian, saya mahu melihat tugas utama pegawai-pegawai Daerah ialah menentukan pelaksanaan rancangan-rancangan Buku Hijau ini. Oleh itu, Pegawai-pegawai Daerah hendaklah mengu-rangkan penglibatan mereka dalam pertubuhan-pertubuhan sosial atau sukarela supaya mereka benar-benar dapat memberikan perhatian sepenuhnya kepada kemajuan rancangan ini di daerah masing-masing di samping usaha-usaha pembangunan ekonomi yang sedia ada.

Saya juga ingin segala rancangan yang terdapat dalam Buku Hijau ini dimasukkan secara langsung dalam Rancangan Pem-bangunan Malaysia Ketiga.

Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Rancangan Buku Hijau atau Bumijaya ini. Mudah-mudahan Allah s.w.t. makbulkan cita-cita kita serta memberikan semangat dan ilham kepada setiap rakyat untuk menjayakan rancangan besar-besaran ini.

TR 8:12:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MERASMIKAN PEMBUKAAN KILANG SYARIKAT PENFIBRE SENDIRIAN BERHAD DI KAWASAN PERINDUSTERIAN PRAI, PULAU PINANG PADA 27HB DISEMBER, 1974

Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Syarikat Penfibre Sendirian Berhad kerana sudi menjemput saya pada pagi ini untuk merasmikan pembukaan Kilang Syarikat ini.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan para pekerja syarikat ini sempena hari pembukaan rasmi Syarikat ini pada pagi ini.

Syarikat Penfibre ini telah mencatitkan rekod cemerlang kerana dalam masa satu setengah tahun telah dapat memulakan pengeluaran "polyester staples and yarn" untuk diekspot kesemuanya. Projek ini adalah yang terbesar dengan perbelanjaan pelaburan sebanyak $120 juta iaitu usaha bersama antara pengusaha Malaysia dan dua Syarikat Textiles yang terkemuka iaitu Textiles Alliance dari Hongkong dan Toray Industrial Company yang terkenal di Jepun. Saya juga diberitahu inilah projek yang julung kali mengeluarkan polyester staples and yarns dengan secara besar-besaran.

I should like to express our gratitude and appreciation to the chairman and board of directors of Penfibre Sendirian Berhad for their initiative and far-sightedness in establishing this industry of "polyester staples and yarns" for export. This is one of the biggest industrial projects in this country with an investment amounting to $120 million. It is a joint effort.

By industrialists from Malaysia and two well-known Textile Companies from overseas i.e. Textile Alliance from Hongkong and Toray Industrial Company from Japan. I am also given to understand that this is the first project aimed at exporting polyester staples and yarns in a big way.

Sesungguhnya kita boleh berbangga dengan kesetabilan politik dan ekonomi di negara kita sebagaimana dibuktikan oleh Syarikat Penfibre ini yang datang semula ke Malaysia untuk menjalankan

projeknya yang kedua ini. Dalam hubungan ini juga, saya suka cita menyebutkan iaitu Textile Alliance Group telah memilih Malaysia untuk mendirikan tujuh projek Textile untuk diekspot dalam tempoh masa selama tiga tahun. Ini dengan jelas menunjukkan keyakinan pelabur-pelabur asing tentang kesetabilan Malaysia dan keteguhan ekonomi negara ini dan sanggup menerima sebarang jenis industeri samada "sophisticated, labour intensive ataupun export oriented".

Sehingga baru-baru ini projek electronik dan Textile adalah merupakan industeri-industeri yang terbesar di negara ini. Meskipun terjejas oleh keadaan ekonomi yang sedang merosot di Amerika dan Jepun, kita telah berjaya menjadikan Malaysia pusat yang paling viable untuk projek elektronik di rantau ini. Saya yakin kita juga berjaya untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat Textiles di Asia pada satu masa kelak.

Sebagaimana sedia dimaklum, pada masa ini kita sedang mengkaji kemungkinan memajukan "petro-chemical industry" menggunakan sumber petroliam kita sendiri atas inisiatif petronas. Projek seperti Penfibre ini yang menggunakan bahan-bahan "petro-chemical" sebagai bahan mentah, akan menolong mempercepatkan penubuhan projek "petro-chemical" ini. Saya ingin melihat petronas menumpukan perhatian terhadap perkara yang penting ini.

Satu lagi objectif polisi perindusterian kita ialah menaburkan seberapa banyak projek perindusterian di kawasan-kawasan pembangunan terutama di kawasan-kawasan baru. Kita sukacita Textile Alliance dapat mendirikan projek-projeknya di Pulau Pinang. Tujuan Textile Alliance ini adalah secara kebetulan coincide dengan hasrat Dr Lim untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Manchester di rantau ini. Tetapi saya harap kita tidak melupakan kawasan-kawasan yang belum maju yang memerlukan pergerakan dari industeri-industeri. Sebenarnya projek Textile yang besar sedang didirikan di kawasan-kawasan seperti Bakar Arang di Kedah, Kuala Kangsar di Perak dan juga di Melaka dan saya difahamkan projek-projek tersebut berjalan dengan viable sekali. Bantuan-bantuan yang sewajarnya sedia diberikan oleh kerajaan iaitu infrastructure facilities dan juga dengan adanya labour mobility yang memuaskan.

As I have said, I am happy that this big Textile project is being established in Malaysia—in Penang. Obviously, this project

coincides with the idea of the Chief Minister to make Penang the Manchester of the east. However, I do hope that you would also bear in mind our policy objective that industries should be spread out to smaller towns as well as new growth centres. The government will do everything possible to provide necessary infrastructure facilities to enable these industries to be established in the less-developed areas and I do hope that our industrialists either locally or from overseas would also look towards these areas in establishing industries. We now have Textile Industries in Bakar Arang in Kedah and Kuala Kangsar in Perak and also in Malacca. It is therefore not quite true to say that projects such as these are not viable in the smaller towns and rural areas.

Kita semua sedar pada masa ini seluruh dunia sedang menghadapi keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi. Dalam keadaan ini, terdapat barangkali pihak-pihak yang kurang bersetuju dengan langkah kerajaan membanyakkan export-oriented industries seperti electronics and textiles oleh kerana pada pendapat mereka projek-projek ini berkait rapat dengan kedudukan ekonomi antarabangsa.

Biarlah saya jelaskan di sini bahawa masaalah-masaalah yang timbul daripada keadaan ekonomi yang jatuh merosot melibatkan dan menimpa semua industeri dan bukan electronic dan textiles saja. Hanya barangkali disebabkan publisiti lebih banyak diberikan kepada kedua-dua industeri ini. Maka ianya menjadi pandangan yang sebelah pihak. Kita tahu kayu-kayan atau timber-based industries adalah juga mengalami keadaan yang tidak begitu baik pada masa ini.

Malaysia sebagai sebuah negara kecil kedudukannya agak terhad dalam usaha melahirkan industeri penggantian import (import substitution industries). Sekiranya kita ingin cepat berjaya dalam pembangunan ekonomi modern, kita haruslah memajukan lebih banyak lagi export-oriented industries dan sanggup menghadapi untung-ruginya menurut edaran turun naik ekonomi sebagai satu kenyataan.

Oleh yang demikian, saya inginlah menjelaskan di sini bahawa kita akan meneruskan polisi kita untuk menarik lebih banyak lagi industeri yang labour-intensive dan export-oriented untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Di samping itu kita juga akan menitikberatkan pembangunan agro-based industry dan juga mineral-based industry yang mempunyai potential besar pada masa hadapan.

Saya sukalah mengingatkan para pengeluar dan pengilang supaya bersama-sama dengan kerajaan menghadapi keadaan masa depan yang sukar ini. Para pengilang seharusnyalah berada dalam keadaan yang siap sedia memberikan kemudahan dan bertimbang rasa terhadap pekerja-pekerja mereka terutama sekali hendaklah dielakkan membuang pekerja-pekerja selagi alternative lain seperti mengurangkan shift atau rotation shift supaya pekerja-pekerja tidak terputus pendapatan sama sekali.

Saya suka mengambil peluang ini mengingatkan semua pihak bahawa dasar ekonomi kerajaan adalah berasas kepada dasar ekonomi baru yang telah dipersetujui oleh semua pihak di negara kita, oleh itu saya berharap semua syarikat-syarikat di negara kita ini khasnya kepada pengurusan mereka itu supaya mengambil tindakan mematuhi kehendak-kehendak dasar ekonomi baru itu samada dari segi equity participation ataupun penggunaan tenaga kerja. Adalah menjadi dasar kerajaan iaitu tenaga pekerja di kilang-kilang perusahaan hendaklah seberapa boleh mencerminkan masyarakat negara kita yang berbilang bangsa. Oleh itu saya berseru kepada pengurusan-pengurusan syarikat-syarikat supaya mereka itu sentiasa berpandu kepada dasar kerajaan itu.

Dalam projek yang menggunakan taraf teknoloji yang tinggi seperti ini mestilah ada persefahaman dan perhubungan mesra di antara satu sama lain. Pengguna-pengguna teknoloji sanggup menanggung bayaran untuk teknoloji yang diperlukan tetapi teknoloji ini sewajibnya disalurkan kepada pengguna tempatan samada melalui sistem latihan yang comprehensive ataupun rancangan under-study dan on-the-job training. Matalamat kita bukan saja untuk memperolehi teknoloji moden tetapi juga untuk mengawasi teknoloji ini mengikut keadaan tempat. Saya menyeru semua pihak yang berkenaan supaya latihan-latihan yang sesuai diberikan kepada tenaga tempatan agar matalamat ini akan tercapai. Syarikat-syarikat yang menggunakan pegawai dagang hendaklah mempunyai rancangan yang realistik untuk melatih pegawai-pegawai executive tempatan supaya mengambilalih jawatan tersebut apabila tiba masanya.

Akhir sekali, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Syarikat Penfibre Sendirian Berhad atas penghormatan kepada saya dan juga kepada seluruh kakitangan syarikat ini atas acara sambutan yang meriah serta majlis yang permai ini.

In conclusion, I would like, once again, to thank the Chairman and Board of Directors of Syarikat Penfibre Sendirian Berhad for the honour that they have given me by inviting me and for making such as excellent arrangement for this opening ceremony. It is my hope and prayer that this industry will grow from day to day as one of our biggest industries in this country.

Dengan itu, saya dengan sukacita merasmikan pembukaan Kilang Syarikat Penfibre ini dan berharap ianya akan mencapai kejayaan.

TR 9:12:74

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMPENA TAHUN BARU 1975 MENERUSI RADIO/TV MALAYSIA PADA 30HB DISEMBER, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Sebentar lagi kita akan melangkah masuk ke tahun 1975, dan dengan ini adalah bermakna kita meninggalkan tahun 1974.

Sebagaimana lazimnya, sambil kita memandang ke hadapan kepada tahun yang baru, mustahaklah juga kita mengingatkan detik-detik peristiwa yang penting yang telah berlaku pada tahun yang lalu. Ibarat kata pepatah "Sekali air bah, sekali pasir berubah" dan kejadian-kejadian yang lalu itu patutlah dijadikan pengajaran untuk panduan masa hadapan kita di samping menjadi kenangan-kenangan yang abadi.

Kita bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa tahun 1974 telah berlalu dengan aman dan bahagia dan tidak ada apa-apa mala petaka yang menimpa rakyat di negara kita. Peristiwa yang penting dalam tahun 1974 ialah Pilihanraya Umum yang diadakan dalam bulan Ogos yang telah berjalan dengan aman dan sempurna. Inilah Pilihanraya Umum yang pertama kali kita adakan semenjak berlakunya Peristiwa 13 Mei selepas Pilihanraya Umum tahun 1969 dahulu.

Kita berbangga kerana rakyat Malaysia daripada berbilang bangsa yang ingin kepada keamanan dan kemajuan telah menunjukkan dengan jelas dan nyata bahawa mereka adalah bersedia mendukung konsep Demokrasi Berparlimen dan dapat menggunakan kuasa undi mereka itu dengan bijaksana.

Keputusan Pilihanraya itu jelas memberikan kemenangan yang gilang gemilang kepada Parti Barisan Nasional iaitu Parti yang mendukung Kerajaan pada hari ini. Ini adalah menunjukkan dengan nyata iaitu sebahagian besar rakyat di negara kita—lebih daripada 85%—daripada semua bangsa adalah menyokong Parti Barisan Nasional dan mempunyai kepercayaan yang penuh kepada Kerajaan yang ada sekarang ini untuk menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat mereka dan untuk menjadikan negara kita Malaysia negara aman, maju dan bersatu padu.

Oleh yang demikian, amatlah penting dan mustahak difahamkan oleh setiap orang iaitu Kerajaan yang ada pada hari ini adalah mempunyai mandat yang besar daripada rakyat untuk memimpin negara ini, untuk mengawal keamanan dan ketenteraman dan membawa rakyat ke tingkatan kemajuan dan kebahagiaan yang mereka cita-citakan.

Menurut aturan dan peraturan yang dijalankan di bawah negara yang mengamalkan Demokrasi secara Berparlimen, Kerajaan yang telah diberi mandat untuk mentadbirkan negara selepas Pilihanraya mestilah diberi sokongan oleh semua pihak hatta daripada pihak pembangkang untuk melaksanakan tanggungjawab dengan tidak diganggu dan diugut oleh mana-mana pihak terutama sekali daripada mereka-mereka yang menjalankan tindakan di luar garis undang-undang negara dan Perlembagaan.

Tahun baru 1975 ini membawa dua pengertian yang bermakna. Pertama, tahun ini ialah tahun yang terakhir bagi kita melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru. Kedua, tahun ini merupakan tahun cabaran yang akan menentukan kesanggupan dan kemampuan kita mengatasi masaalah inflasi dan kemerosotan ekonomi yang kita hadapi. Kedua-dua perkara ini adalah penting bagi rakyat dan negara kerana kedua-dua perkara ini adalah menjadi ukuran kepada kejayaan dan kehasilan kita melaksanakan dasar Kerajaan untuk kepentingan kita sendiri dan untuk kemajuan negara.

Semasa berucap menyambut Tahun Baru 1974 dahulu, saya telah membayangkan berkenaan keadaan ekonomi kita yang akan merosot dan saya telah mengingatkan orang ramai iaitu untuk menghadapi keadaan inflasi yang baru terasa waktu itu, hendaklah kita berusaha mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan dengan lebih banyak lagi. Inilah satu cara yang boleh meringankan bebanan rakyat dalam keadaan harga barang-barang melambung tinggi dan barang-barang pengeluaran kita sendiri merosot jatuh oleh kerana keadaan ekonomi dunia yang merosot.

Pada 20hb Disember yang lalu, saya telah melancarkan Rancangan Buku Hijau atau Gerakan Bumijaya iaitu satu rancangan raksaksa yang bertujuan melibatkan semua golongan dan lapisan masyarakat untuk menjayakan pengeluaran barang-barang pertanian dengan lebih banyak lagi di seluruh pelusuk

negara kita ini. Saya ingin melihat, melalui Gerakan ini, semua pihak—semua golongan rakyat dengan pimpinan dan bimbingan Kerajaan akan menggembelingkan tenaga dalam usaha untuk berdiri di atas kaki sendiri dan mengeluarkan barang-barang makanan dan keperluan hari-hari dengan tenaga dan titik peluh sendiri.

Di bawah Rancangan Buku Hijau ini, rakyat jelata adalah dikehendaki bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan dan wakil-wakil rakyat menyediakan rancangan-rancangan di daerah masing-masing yang boleh dilaksanakan untuk mengadakan barang-barang makanan yang secukupnya bagi penggunaan sendiri. Apabila rancangan ini telah disedia dan diaturkan, mustahaklah bersama-sama melaksanakannya dengan mendapat sepenuh kejayaan. Ini adalah bermakna rancangan-rancangan ini adalah disediakan bersama dengan rakyat iaitu rancangan-rancangan yang datang dari rakyat sendiri dan rakyatlah bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan bertanggungjawab menjayakan rancangan-rancangan itu. Hanyalah dengan cara ini dapat kita semua berdikari iaitu mengeluarkan barang-barang keperluan kita dengan usaha dan tenaga kita sendiri.

Seperti saya tegaskan tadi, inilah satu cara yang penting sekali dalam kita menghadapi keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi. Kalau kita dapat mengeluarkan cukup barang-barang makanan dan keperluan, bagaimana kuat sekalipun angin inflasi dan stagflasi yang bertiup dari seluruh dunia, keadaan di negara kita ini tidaklah membimbangkan dan tekanan ekonomi tidaklah membebankan rakyat.

Kita bersyukur ke hadrat Tuhan negara kita mempunyai tanah yang subur yang boleh ditanam dengan berbagai barang-barang makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan dan kalau kita semua berusaha menjayakan tanah-tanah yang ada di negara kita samada yang dipunyai kita sendiri ataupun yang ada pada Kerajaan, saya yakin dan percaya kita dapat menghapuskan tekanan inflasi itu tidak kerapa lama lagi.

Oleh itu, saya berseru kepada rakyat jelata sekalian, sambil menyambut tahun baru 1975 ini, kita membaharui tekad dan azam untuk berganding bahu bersama-sama dengan Kerajaan menjayakan rancangan-rancangan yang sedang diaturkan itu.

Saya telah tegaskan bahawa Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini tidak akan lari dari tanggungjawab yang kami telah

terima dari rakyat. Kami akan terus mencurahkan segala usaha, tenaga dan fikiran untuk kepentingan rakyat dan negara. Akan tetapi, usaha-usaha Kerajaan tidak akan memberi kehasilan yang penuh melainkan ada kerjasama dari rakyat semua. Oleh itu, dalam menghadapi cabaran di hadapan kita hari ini, sampailah masanya bagi rakyat dan Kerajaan berganding bahu bersama-sama berusaha dan bertenaga untuk mengatasi tekanan inflasi dan kemerosotan ekonomi ini.

Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan akan mengambil apa juga langkah yang difikirkan patut dan munasabah untuk hendak meninggikan harga bahan-bahan mentah yang dikeluarkan oleh rakyat khasnya getah, kelapa sawit dan juga kayu-kayan. Rancangan untuk mengatasi kejatuhan harga getah telahpun dilaksanakan dan saya yakin dan percaya faedah-faedahnya telahpun dapat dinikmati oleh rakyat. Begitu juga usaha-usaha sedang diperhebatkan untuk mengguna lebih banyak lagi kayu-kayan bagi mendirikan rumah-rumah samada di bandar-bandar ataupun di kampung-kampung supaya kejatuhan harga dapat dikawal.

Satu peristiwa yang mendukacitakan kita iaitu baru-baru ini ada puak-puak yang tertentu yang telah menjadi alat kepada anasir-anasir Komunis dan anti-nasional telah mengexploitasikan keadaan inflasi dan kemerosotan ekonomi dengan mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan di beberapa tempat di negara kita khasnya di Negeri Kedah dan Utara Negeri Perak. Tunjuk-tunjuk perasaan itu telah pula diikuti oleh segolongan pelajar-pelajar yang cuba hendak menggunakan kekerasan terhadap Kerajaan. Kita amat dukacita dan sedih di atas peristiwa ini lebih-lebih pula perkara ini dilakukan oleh orang-orang yang sanggup menjadi alat anasir-anasir Komunis dan anti-nasional yang sentiasa mempunyai niat tidak baik terhadap Kerajaan dan negara. Kerajaan terpaksa bertindak tegas kerana Kerajaan tidak boleh membiarkan tindakan di luar garis undang-undang itu berleluasan yang boleh membawa kekacauan kepada negara kita.

Kita sentiasa tahu iaitu pihak Komunis dan anti-nasional dan ejen-ejen mereka sentiasa cuba hendak menggunakan Demokrasi semata-mata untuk menghancurkan Demokrasi dengan tujuan supaya mereka itu dapat menjalankan kekerasan terhadap rakyat di negara kita.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa tindakan tegas Kerajaan dan berkat kerjasama dan persefahaman daripada pihak-pihak yang cintakan kepada keamanan dan ketenteraman negara kita, keadaan telah pulih seperti sediakala.

Kepada kaum pelajar, saya suka mengingatkan mereka iaitu tugas utama mereka hari ini ialah mengisi dada dengan ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri supaya mereka dapat memainkan peranan yang bermakna apabila tiba masanya mereka mengambil alih pimpinan negara ini kelak. Di samping itu patutlah mereka ingat bahawa semasa Kerajaan sedang menghadapi ancaman anasir-anasir Komunis dan subversif, sebarang perbuatan yang menentang usaha Kerajaan hanya akan menguntungkan mereka yang ingin melihat negara kita ini pecah belah dan rosak binasa.

Oleh itu, patutlah mereka berhati-hati dalam apa juga perkara yang mereka buat dan segala dakyah dan tuduhan yang didatangkan oleh mana-mana pihak mustahaklah dihalusi dengan sedalam-dalamnya kerana dakyah-dakyah daripada pihak subversif dan anti-nasional adalah semata-mata bohong dan dusta sahaja kerana mereka itu mempunyai niat jahat terhadap Kerajaan dan negara.

Sebagai golongan terpelajar, penuntut-penuntut harus sentiasa cermat dan bertanggungjawab dalam apa juga tindakan yang mereka ambil kerana merekalah yang akan mewarisi masa depan negara kita dan bertanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman negara serta meneruskan usaha-usaha kemajuan dan pembangunan.

Sungguhpun negara kita sedang menghadapi keadaan ekonomi dunia yang semakin genting, Kerajaan akan terus melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang penting dan mustahak untuk faedah rakyat. Rancangan Hydro-electric yang terbesar sekali iaitu di Temenggor akan terus dilaksanakan, walaupun pihak pengganas Komunis cuba hendak mengganggu usaha Kerajaan itu tidak lama dahulu dengan pembunuhan secara kejam terhadap orang-orang awam yang tidak berdosa.

Begitu juga Kerajaan akan terus melaksanakan projek Lebuhraya Timur-Barat yang penting untuk pembangunan negeri-negeri Pantai Timur, tanpa menghiraukan ancaman dari pihak pengganas Komunis. Projek-projek yang lain seperti

pelabuhan besar di Kuantan dan Johor Baharu, Lebuhraya Kuantan-Segamat akan diteruskan dan diharap dapat disiapkan mengikut jadualnya.

Begitu juga rancangan-rancangan raksaksa seperti Rancangan Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan Rancangan Miri-Bintulu di Sarawak akan diteruskan. Pendek kata, dalam peringkat akhir Rancangan Malaysia Kedua ini, kita akan membawa kepada pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga beberapa rancangan besar yang dipercayai akan membawa perubahan dan kemajuan kepada negara kita.

Dalam lapangan dunia internasional, kita telah berjaya memberi Malaysia tempat yang boleh dikatakan kemuncak di sisi negara-negara dunia. Kita mempunyai hubungan yang erat dengan semua negara-negara di dunia baik negara-negara besar ataupun negara-negara kecil, negara-negara sosialis dan juga negara-negara Arab.

Dasar luar negara kita yang bebas dan berkecuali telah memberi kita nama yang harum di sisi semua negara-negara di dunia. Begitu juga Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang telah kita adakan pada tahun lalu di Kuala Lumpur telah mempereratkan perhubungan Malaysia dengan negara-negara saudara Islam kita di Timur Tengah khasnya.

Pada penghujung bulan Januari 1975 ini saya akan membuat lawatan singkat ke negara-negara Teluk Parsi iaitu Kuwait, Qatar, Arab Emirate dan juga Arab Saudi. Ini akan mengeratkan lagi perhubungan kita dengan negara-negara tersebut terutama sekali dalam lapangan ekonomi dan perdagangan.

Kita bersyukur sungguhpun keadaan darurat masih lagi berada di kalangan kita, akan tetapi keadaan adalah terkawal dan makin bertambah baik. Saya suka memberi pujian tinggi kepada anggota-anggota Tentera dan Polis yang sentiasa menjalankan tugas mereka itu dengan penuh ketabahan dan keberanian untuk menentang dan menghapuskan musuh-musuh negara.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukalah saya sekali lagi menegaskan betapa penting dan mustahaknya kita meningkatkan langkah usaha yang bertujuan mencapai perpaduan rakyat. Ini mestilah dianggap sebagai perkara yang pokok, bahkan lebih-lebih pula di masa kita menghadapi berbagai rupa cabaran dari

dalam dan dari luar. Tanpa perpaduan yang berkekalan, saya bimbang apa yang kita harap-harapkan tidak dapat terlaksana; malah mungkin pula segala apa yang telah kita bina hingga ke saat ini akan menjadi sia-sia belaka.

Dengan yang demikian, langkah-langkah yang diaturkan oleh Lembaga Perpaduan Negara iaitu menggalakkan inisiatif perpaduan melalui Majlis Perhubungan Masyarakat patutlah mendapat sambutan dan kerjasama semua pihak yang ingin kepada kemajuan dalam negara yang aman dan makmur. Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin adalah berazam untuk melaksanakan dasar pokok ini iaitu perpaduan rakyat menerusi langkah-langkah yang tertentu yang akan dijalankan dari masa ke masa.

Saya berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan tahun baru 1975 ini akan membawa perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan yang pesat berkat penyertaan rakyat yang sepenuhnya dalam semua usaha negara kita baik dari segi ekonomi ataupun perpaduan rakyat. Kita semua mestilah insaf bahawa apa yang kita lakukan hari ini adalah merupakan landasan untuk kita membina negara yang maju dan bersatu padu dan untuk kejayaan jenerasi muda kita pada masa hadapan.

Semoga Allah s.w.t. memberikan kita rahmat dan perlindunganNya serta memberkati segala usaha kita untuk membina masyarakat adil dalam Malaysia baru.

Selamat malam.

INDEKS

CATITAN :

UNTUK MENGETAHUI BUTIR-BUTIR INDEKS MENGENAI UCAPAN-UCAPAN DALAM BAHASA INGGERIS SILA LIHAT MUKA SURAT 545

Akta Penyembelihan, 306.

Al-Quran, Pertandingan Membaca, 338, 397, 398, 401, 402, 405, 407-409, — Peringkat Antarabangsa, 407, — Peringkat Kebangsaan, 402, 407; Tafsiran, 340.

Angka tunjuk harga, 151.

Angkatan Tentera, 397, 412, 480, 482, — Laut Diraja Malaysia, 481; Maktab Turus —, 479; — Udara Diraja Malaysia, 481.

Anti-nasional, 329, 508, 535, 536.

Anti-sorok, kempen, 88, 150.

ASEAN, 216.

Asia Tenggara, 291, 359, 360.

Bahas
pertandingan —, 483, 484, 486.

Baja urea, 259.

Bank Bumiputra, 47, 344.

Bank Islam, 29.

Bank Pembangunan, 47, 343-346.

Bank Pembangunan Islam, 216, 341, 415.

Bank Pertanian, 45, 47.

Bank Simpanan Nasional, 459, 491-494.

Bank Simpanan Pejabat Pos, 156, 491.

Barisan Nasional, 21, 51, 58, 72-74, 84-86, 88, 98, 213, 267-269, 282, 284, 291, 354-356, 358, 360-364, 366, 367, 369, 370, 371, 372, 401, 411, 415, 444, 495, 532, 538; Konsep, 82, 330.

Belia, 382-332; Majlis Perundingan — Negara, 330; Minggu, 214; Pergerakan — 4B, 328, 331, 332.

Beras, 476, 477; Impot, 473-475; Kawalan Harga —, 475.

BERNAMA, 237.

Besut, 259.

Bijih timah, 152, 154, 156; sercaj Ekspot, 154.

Buku Hijau, 501, 508; Rancangan, 523, 526, 533, 534.

Buku Teks, Bantuan, 61.

Bumiputra, 47, 92, 145, 146, 181, 269, 289, 344, 358; Bank —, *lihat* Bank Bumiputra. Executive, 193, 206; pengusaha, 345; peniaga, 475; penyertaan, 343; penyertaan — di lapangan perusahaan, 45.

Dakwah, 164-167; Institiut —, 166.

Dasar Ekonomi Baru, 20-23, 42, 43, 49, 51, 57, 58, 60, 75, 76, 79, 82, 85, 92, 103, 104, 173, 182, 206, 210, 275, 276, 289, 308, 331, 343, 345, 358, 366, 367, 373, 377, 444-446, 512, 530, 533.

Dasar Pelajaran Kebangsaan, 210, 445.

Demonstrasi pelajar, 498, 499, 500, 505-510.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 133.

Doktor Gigi, 139.

Elaun Bantuan Khas, 150-277.

Fakulti Pergigian
Universiti Malaya, 138, 139.

FAMA, 524-526.

FELCRA, 46.

FELDA, 44, 46, 60, 276.

Gerakan Pembaharuan, 43, 47, 90-94, 511, 524; Rancangan, 42.

Getah, 152, 154, 156, 189, 500, 504; asli, 192; harga, 535; sercaj-eksepot, 153; tanaman semula, 92.

Guru, Ikrar Hari —, 188; Hari —, 185, 187, 188.

Industry, export-oriented, 529; Agro-based, 529; Mineral based, 529.

Inflasi, 96, 97, 104, 105, 110, 142, 144, 155, 174, 210, 277, 278, 295, 358, 412, 413, 492, 495, 501, 508, 515, 523, 529, 533-535; Kadar, 151; mengawal, 150, 151, 156, 157; tekanan, 152, 439.

Institiut Teknoloji Kebangsaan, 505, 506, 509.

Institiut Teknoloji Mara, 505, 506, 509.

Islam, 255, 256; ajaran —, 128; Bank Pembangunan —, *lihat* Bank Pembangunan Islam. Majlis Kebangsaan Hal Ehwal —, 340 *lihat* Majlis Hal Ehwal Ugama Islam; Muktamar Intelek —, 338, 342; Perpaduan —, 402, 405; Pusat Pengajian — Nilam Puri, *lihat* Pusat Pengaji Islam Nilam Puri; Pusat Penyelidikan —, *lihat* Pusat Penyelidikan Islam; Sistem Pelajaran Ugama —, 339, Syiar —, 109, 128, 167, 214, 330; Umat, 402.

Ismail, Tun, Dr, 265, 266.

Israel, 28, 62.

Jawatankuasa Kemajuan Kampung, 83, 90, 93, 94, 525, 501, 502; peranan, 91.

Jengka Tiga Segi, 46, 537.

Johor Tenggara, 537; projek, 52.

Kecicaran, kajian, 186.

Kelapa Sawit, 86, 152, 153, 154, 156; sercaj eksepot, 153.

Kelaparan, 503.

Keluaran Negara Kasar, 151.

KEMUBU, 259.

Kerajaan Campuran, 21, 72, 76, 268, 354, 363, 364, 368; konsep, 88; PAS/Perikatan, 85; Sarawak, 289.

Kolej Tunku Abdul Rahman, 505.

Komplek Kewangan Islam, 28.

Komunis, 75, 88, 111, 213, 357, 367, 508, 535, 536; anasir-anasir, 110.

Kuala Lumpur, Deklarasi, 291; Kemajuan Bandaraya —, 95; Perisytiharan, 37; Perjanjian, 37, 38; Sejarah, 37.

Lebuhraya Kuantan-Segamat, 537.

Lebuhraya Timur-Barat, 536.

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, 46.

Lembaga Kemajuan Negeri Johor, 52.

Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, 46.

Lembaga Letrik Negara, 377-379.

Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), 47, 473-478.

Lembaga Perpaduan Negara, 443, 446, 538.

Lembaga Pertubuhan Peladang, 47, 276, 524, 525.

Lembaga Urusan Tabung Haji, 28, 59.

Luar Bandar, 43, 54, 374, 501, 505, 512; petani-petani, 358; Rancangan Pembangunan, 501.

Luar Negeri, Dasar, 359, 367, 375; Hubungan, 279.

Majlis Bandaraya, Kuala Lumpur, 38.

Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, 28, 29, 165.

Majuikan, 47, 86.

MAJUTERNAK, 306, 308.

MARA, 45, 47.

Masyarakat, adil, 89; menyusun semula, 39, 182, 191, 464, 512, 513; pembangunan, 91, 94; penyusunan semula, 237; rancangan perhubungan —, *lihat* Rancangan Perhubungan Masyarakat.

Maulud, 127, 128, 129.

MCA, 74.

MIC, 74.

Minyak, 414.

Miri-Bintulu, 537.

MTUC, 172-175.

MUDA, 259.

Padi, kawasan, 259.

Pahang Tenggara, 537.

Parlimen, ahli-ahli, 134-136.

Parti Bumiputra Sarawak, 288.

Parti Gerakan Rakyat, 72, 74, 79.

Parti Komunis, Malaya, 58, 62, 98; Malaysia, 282.

Parti Rakyat, 84.

PAS, 51, 58, 74.

Peking, Kenyataan Bersama, 301.

Pelajaran, Dasar —— Kebangsaan, *lihat* **Dasar Pelajaran Kebangsaan.**

Pelancung, 435, 436.

Pelancungan, 86.

Pembangunan Masyarakat, 511.

Pembangunan Negara, 92, 104, 190, 273, 324, 414, 511, 512, 514.

Pembangunan, pesta, *lihat* **Pesta Pembangunan;** rancangan-rancangan 329, 330, 361.

Perbadanan Ekonomi Negeri, 276.

Perbadanan Kemajuan Negeri, 502.

Perikanan, perusahaan, 86.

Perikatan, 366.

Perindustrian, 191-193; program, 189.

Peristiwa 13 Mei, 85, 532.

Perkhidmatan Awam, pengambilan kakitangan, 145.

PERKIM, 27, 30, 41.

PERNAS, 45, 47, 88, 189, 276.

Perpaduan, 413, 444, 445; Lembaga — Negara, *lihat* **Lembaga Perpaduan Negara,** rakyat, 331, 537.

Persatuan Ekonomi Malaysia, 103, 106.

Persatuan Peladang Kebangsaan, 257-260.

Persidangan Ketua-ketua Negara Islam, 62, 280.

Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam, 88, 129, 167, 280.

Pertanian, sektor, 191.

Pesta Pembangunan, 48, 93, 94, 211, 280; Johor, 42; Kebangsaan, 276.

Pilihanraya, 354, 356, 361, 364, 369, 371, 401.

Pilihanraya Umum 1969, 532.

Politeknik Ungku Omar, 181, 183, 184.

Pos, Perkhidmatan ——, 456-460.

PPP, 74.

Pusat Pengajian Islam Nilam Puri, 214.

Pusat Pengajian Tinggi, 503, 509; Penuntut-penuntut Melayu di ——, 509.

Pusat Penyelidikan Islam, 109, 166, 340.

Rancangan Buku Hijau *lihat* **Buku Hijau.**

Rancangan Gerakan Pembaharuan, *lihat* **Gerakan Pembaharuan.**

Rancangan Pembangunan Lima Tahun, 43.

Rancangan Malaysia Kedua, 82, 85, 139, 181, 182, 206, 207, 212, 275, 286, 308, 358, 366, 373, 377, 399, 458, 464, 533, 537.

Rancangan Malaysia Ketiga, 481, 537.

Rancangan Perhubungan Masyarakat, 511-517.

Repablik Rakyat Cina, 62, 216, 290, 299-303, 279, 281, 282, 359.

Rukunegara, 52, 58, 75, 85, 210, 211, 268, 274, 301, 368, 369, 373, 444, 510, 512.

Sastera, Hadiah, 131; Hadiah Karya —— Nasional, 214.

Seni Ukiran Kayu traditional, 333-336.

Setinggan, 513.

Shah Alam, ibu negeri, 23, 38.

Sistem Pelajaran Kebangsaan, 185.

Stagflasi, 496.

Suruhanjaya Pilihanraya, 143, 147; lapuran, 313-315, 317, 318, 319.

Taiping, sejarah, 461-463.

Tanah, Rancangan Kemajuan, 276.

Tan Siew Sin, Tun, 168.

Temenggor, Ampangan, 378.

Ternakan, sektor, 305.

Trengganu Tengah, 537; projek, 86.

Tun Fatimah, Pinggat emas —, 438.

Tunku Abdul Rahman Putra, 29, 216, 359.

UDA, 38, 276, 436, 464.

UMNO, 19-26, 48-52, 54, 55, 56-59, 63, 74, 76, 78, 267-274, 495; Konvensyen, 57, 81-84, 89; Pemimpin, 87.

UMNO, Perhimpunan Agung, 265, 266; Perlembagaan, 266, 271, 272.

Ungku Omar, Dr, 181.

Universiti Kebangsaan, 214, 505, 506, 509.

Universiti Malaya, 505-506, 506.

Universiti Pertanian, 509.

Universiti Sains Malaysia, 509.

Wanita, 439, 440, 441; Hari —, 438, 442; Pertubuhan — Malaysia, 438, 440, 442.

Wartawan, 435, 436.

Wilayah Persekutuan, 22, 23, 39, 41, 95, 102, 128, 129, 215; Majlis Ugama Islam —, 41.

Yayasan Dakwah, Islam, 129; Islamiah, 29, 30, 59, 164, 214, 339.

Yusuf C. M., Tan Sri, 449.

NOTE:

FOR INDEX ENTRIES OF SPEECHES DELIVERED IN MALAY PLEASE REFER TO PAGE 541-544

Al-Aqsa Mosque, 249.

Arab-Israel War, 251.

ASEAN, 99.

Asian countries, 228.

Baitul-Maqdis, the question of —, 250.

Bank, Islamic Development, 253.

Barisan Nasional, 285, 323, 453.

Bumiputras, 297.

Development, land, 230; National, 229, 232; rural, 231.

First Islamic Summit, 250.

Foreign Policy, 99, 286.

Goodyear Malaysia Berhad, 189, 192.

Inflation, 173, 223, 224, 226, 296, 322; imported —, 223.

Islamic Foreign Ministers, 322; Meeting, 101.

Israel, 249, 251.

Limbang, claim on —, 144.

13th May Tragedy, 77.

MCA, 169.

MIC, 284, 287.

Monetary system, international, 226.

National Education Policy, 169.

National Front, 210.

New Economic Policy, 98, 146, 229, 295, 296, 286, 322.

Non-alignment, 99, 222.

Oil, price, 228.

Palestine Liberation Organisation, 251.

Petroleum, industry, 191.

Population, growth, 229.

Ramadan War, 252.

Republic of China, 286, 322.

Rice, 228.

Rukunegara, 102, 106, 322.

Second Malaysia Plan, 146, 323, 453.

Society, restructuring of —, 229.

Southeast Asia, 223; Neutralisation of —, 99.

Temporary Special Allowance, 322.

The Fifth Islamic Conference of Foreign Ministers, 248.

Tunku Abdul Rahman, 254.

UMNO, 73, 285.

World Islamic Community, 254, 256.

Zionism, 249, 252.

67091—5-5-79.